DIALOG SUNNI-SHIA

pengarang:

Sayyid Abdul-Husain Syarafuddin Al-Musawi

Indonesia

2010-01-16 16:49:17

DIALOG SUNNI-SHIA

DIALOG SUNNI-SHIA

KARYA: Sayyid Abdul-Husain Syarafuddin Al-Musawi

BISMILLAH AR-RAHMAN AR-RAHIM

PESHAWAR NIGHTS

[dialog sunni – shia]

Sultanul-Waizin Shirazi seorang ulama Iran yang terkenal telah melawat India pada tahun 1927 AD [1345 H], ketika itu beliau berusia 30 tahun. Beliau telah disambut dengan baik kemana sahaja beliau pergi. Manusia dapat manfaat dari ilmu beliau mengenai hadith, sejarah dan ulasan kitab suci al-Quran. Beliau telah dipelawa untuk berdialog pada 23hb Rejab 1345 H dengan mereka dari ahli sunnah di Peshawar, yang ketika itu di dalam jajahan India tetapi kini di Pakistan. Mereka berdialog selama 10 malam berturut-turut. Dua orang yang utama dipihak lain yang mengambil bahagian adalah ulama yang termashor dari Kabul, Hafiz Muhammad Rashid dan Sheikh Abdus-Salam. Empat orang pemberita telah merakamkan perbincangan itu dihadapan anggaran 200 orang hadirin [sunni – shia]. Surat khabar tempatan telah menyiarkannya pada keesokkan hari. Sultanul-Waizin Shirazi telah menyusun semula semua perbincangan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tersebut kedalam sebuah buku didalam bahasa Farsi, yang diterbitkan di Teheran dengan tajuk Shabhaye-Peshawar, atau Peshawar Nights. Berikut adalah terjemahan dari buku tersebut.

SESSI 1

[Khamis malam, 23hb Rejab, 1345 H]

Hafiz Muhammad Rashid, Sheikh Abdus-Salam, Seyyed Abdul-Hayy, dan ulama-ulama tempatan lain turut hadir sama. Dialog tersebut diadakan dihadapan

khalayak ramai. Di dalam majalah dan surat-surat khabar, mereka mengelar penulis sebagai ‘Qibla-o-ka’ba’ tetapi disini saya mengelar beliau ‘Shirazi’ dan kepada Hafiz Muhammad Rashid sebagai ‘Hafiz.’

Hafiz: Kami merasa amat gembira kerana mendapat peluang ini pada membincangkan titik-titik asas perbezaan yang ada pada kita. Pertama sekali kita harus menentukan bagaimana kita hendak memulakannya.

Shirazi: Saya bersedia untuk berbincang dengan syarat kita mengenepikan segala prasangka yang ada dan berbincang perkara-perkara tersebut dengan saksama, seperti saudara.

Hafiz: Saya juga dibolehkan untuk membuat satu syarat, iaitu perbincangan ini hendaklah berasaskan dari ayat-ayat al-Quran yang suci.

Shirazi: Syarat itu tidak boleh diterima, kerana al-Quran yang suci itu terlalu singkat dan umum yang mana pengertiannya yang mendalam harus dihuraikan melalui rujukan-rujukan dari lain fakta dan juga hadith.

Hafiz: Benar, dan boleh diterima, tetapi adalah perlu bahawa rujukan yang dibuat dari hadith dan peristiwa hendaklah berasaskan pada bukti yang tidak boleh dipertikaikan. Kita hendaklah menjauhkan diri dari merujuk pada punca yang diragukan.

Shirazi: Setuju, kerana orang seperti saya, yang merasa bangga untuk menyatakan keturunan saya dari nabi, adalah tidak wajar bagi saya untuk menyalahi contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh keturunan saya, nabi Islam. Baginda telah dikatakan di dalam al-Quran sebagai berikut: ‘Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang mulia.’ [68:4]. Adalah tidak patut untuk bertindak menyalahi Nas al-Quran yang suci yang mengatakan: ‘Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan pengajaran yang baik, dan adakanlah perbincangan dengan mereka dengan cara yang terbaik..... [16:125]

PERTALIAN DENGAN NABI YANG SUCI

Hafiz: Maafkan saya, kamu mengatakan bahawa keturunan kamu dari nabi Allah. Ini telah diketahui umum, tetapi bolehkah kamu terangkan kepada saya salasilah kamu supaya saya tahu yang pertalian kekeluargaan kamu itu sampai kepada Rasul.

Shirazi: Tali kekeluargaan saya sampai kepada nabi melalui Imam Musa Kazim, ianya seperti berikut:

Muhammad, anak kepada Ali Akbar [Ashraful-Waizin], anak kepada Ismail Mujtahid

al-Waiz, anak kepada Ibrahim, anak kepada Salih, anak kepada Abi Ali Muhammad, anak kepada Ali [dikenali sebagai Mardan], anak kepada Abil-Qassim Muhammad Taqi, anak kepada Maqbulud-din Husain, anak kepada Abi Ali Hasan, anak kepada Muhammad bin Fathullah, anak kepada Ishaq, anak kepada Hashim, anak kepada Abi Muhammad, anak kepada Ibrahim, anak kepada Abil-Fityan, anak kepada Abdullah, anak kepada Hasan, anak kepada Ahmad [Abu Tayyib], anak kepada Abi Ali Hasan, anak kepada Abu Jafar Muhammad al-Hairi [Nazil-e-Kirman], anak kepada Ibrahim Az-Zarir [dikenali sebagai Mujab], anak kepada Amir Muhammad al-Abid, anak kepada Imam Musa Kazim, anak kepada Imam Jafar Sadiq, anak kepada Imam Muhammad Baqir, anak kepada Imam Ali Zain-ul-Abidin, anak kepada Imam Husain, anak kepada Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib.

Hafiz: Pertalian ini hanya sampai kepada Amirul Mukminin, Ali [ra], sedangkan kamu kata ia berakhir kepada nabi. Yang nyata dengan salasilah ini, kamu boleh katakan diri kamu diantara kerabat-kerabat nabi dan bukannya keturunan terus dari Baginda. Keturunan adalah sesuatu yang mempunyai pertalian terus dengan nabi.

Shirazi: Pertalian keturunan kami sampai kepada nabi melalui Bibi Fatima Zahra, ibu kepada Imam Husain. Saya tidak faham mengapa kamu menitik beratkan sangat pada persoalan ini.

Hafiz: Saya fikir saya sudah tersalah faham. Pada pandangan saya bahawa keturunan diakui dari pihak lelaki sahaja. Saya sebutkan dari petikan arab: ‘Anak-anak lelaki, cucu, dan anak-anak perempuan adalah dari saya, tetapi anak dari anak-anak perempuan saya, bukan dari saya.’ Jika kamu boleh buktikan sebaliknya, silakanlah.

Shirazi: Terdapat bukti yang kuat dari al-Quran dan Hadith yang sahih untuk menunjukan tuntutan saya.

Hafiz: Sila nyatakan supaya kami boleh faham.

Shirazi: Sedang kamu bercakap tadi saya teringat perbincangan diantara Harun ar-Rashid, Khalifa Abbasiya, dengan Imam kami Musa Kazim pada tajuk ini. Imam memberikan jawapan yang meyakinkan kepada khalifa, sehingga baginda sendiri menerimanya.

Hafiz: Saya hendak mendengar mengenai perbincangan itu.

Shirazi: Abu Jafar Muhammad bin Ali, bergelar Sheikh Saduq, di dalam kurun keempat Hijrah, di dalam bukunya ‘Uyun-e-Akbar’ [Punca Utama untuk Riza], dan Abu Mansur bin Ali Tabarsi di dalam bukunya ‘Ehtijaj’ [Supports] telah memberikan dengan terperinci mengenai perbualan yang terjadi diantara Harun ar-Rashid dengan Imam Musa Jafar di istana khalifa.

Khalifa bertanya kepada Imam: ‘Bagaimana kamu boleh mengatakan bahawa kamu dari keturunan nabil? Nabi Muhammad tidak mempunyai keturunan. Telah diperakui bahawa keturunan adalah dari pihak lelaki dan bukan dari pihak perempuan. Kamu tergolong dari pihak generasi anak perempuannya.’ Imam membacakan ayat 84-85 dari surah VI [Al-An’aam] dari al-Quran yang suci: ‘Kami anugerahkan kepadanya Ishaq dan Yaqub, kedua-duanya Kami beri petunjuk, dan Nuh yang Kami berikan petunjuk sebelumnya, dan dari keturunannya Daud dan Sulaiman dan Ayub dan Yusof dan Musa dan Harun; dan begitulah kami balaskan bagi mereka-mereka yang membuat kebaikkan. Dan Zakaria dan Yahya dan Isa dan Elias; semuanya orang yang solih.’ [6:84-85]

Imam tanya kepada khalifa: ‘Siapakah bapa Isa?’

Harun menjawab bahawa Isa tidak mempunyai bapa.

Imam berkata: ‘Tidak ada sesiapa, dan bahkan Allah memasukkan Isa didalam keturunan para nabi melalui Mariam. Begitulah juga, Dia telah menjumlahkan kami didalam keturunan nabi melalui keturunan Bibi Fatimah.’

Lebih-lebih lagi, Imam Fakhrud-Din Razi didalam bukunya Tafsir-e-Kabir [Great Commentary], Bk IV, P 124, masalah V, mengatakan mengenai ayat ini, bahawa ayat ini membuktikan yang Hasan dan Husain adalah keturunan dari nabi Islam. Oleh kerana di dalam ayat ini Tuhan telah mengesahkan Isa adalah keturunan Ibrahim, dan Isa tidak mempunyai bapa, hubungan ini adalah dari pihak sebelah ibu. Di dalam keadaan yang sama, Hasan dan Husain adalah yang sebenarnya dari keturunan nabi. Imam Musa Kazim bertanya kepada Harun jika dia memerlukan kepada bukti yang lain. Khalifa suruh Imam untuk meneruskan.

Imam membaca ayat 60 dari surah lll, Al-e-Imran dari al-Quran yang suci: ‘Tetapi jika sesiapa membantah dengan kamu di dalam perkara ini setelah sampai kepada kamu pengetahuan maka katakanlah: Marilah kami panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu dan perempuan kami dan perempuan kamu dan diri kami dan diri kamu, kemudian kita bersungguh-sungguh berdoa dan meminta kutukan Allah kepada mereka yang dusta.’

Imam menyambung, dengan berkata bahawa tiada siapa pernah berkata bahawa pada peristiwa itu, Mubahila dengan Kristian Najran, yang nabi membawa sesiapa saja, melainkan Ali bin Abi Talib, Fatima, Hasan dan Husain. Ini bermakna bahawa ‘diri’ [anfusana] bererti Ali bin Abi Talib. ‘Perempuan’ [nisa’ana] bererti Fatima, dan anak-anak [abna’ana] bererti Hasan dan Husain yang mana Allah telah tunjukan sebagai anak-anak nabi sendiri.

Setelah mendengar hujah-hujah ini, Harun mengatakan: ‘Tahniah, wahai Abul-Hasan.’

Dengan nyata hujah ini telah membuktikan bahawa Hasan dan Husain adalah anak-anak nabi dan bahawa ‘Sa’dat Fatima’ keturunan Bibi Fatima adalah keturunan nabi yang suci.

TAMBAHAN BUKTI UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA KETURUNAN BIBI FATIMAH ADALAH KETURUNAN NABI YANG SUCI

Ibn Abil-Hadid Mutazali, seorang ulama yang terkenal, didalam bukunya Sharh-I-Nahjul-Balagha [Commentary on the Peak of Eloquence] tulisan Amirul Mukminin Ali, dan Abu Bakr Razi didalam komentarnya, telah menyatakan ayat-ayat yang sama, berhujah bahawa Hasan dan Husain adalah dari pihak ibunya, anak-anak kepada nabi, dengan cara yang sama, sebagaimana Allah di dalam al-Quran yang suci telah memasukkan Isa di dalam keturunan Ibrahim dari sebelah pihak ibunya, Mariam.

Muhammad bin Yusof Ganji Shafii, didalam bukunya ‘Kifayatut-Talib, dan Ibn Hajar Makki pada muka surat 74 dan 93 dari ‘Sawaiq Muhariqa dari Tabari dan Jabir bin Abdullah Ansari, dan Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib dari Ibn Abbas – semua menyatakan bahawa nabi berkata: ‘Allah menjadi keturunan setiap nabi dari generasi mereka, tetapi keturunan saya dijadikan dari generasi Ali.’ Juga Khatib-e-Khawarizmi di dalam Manaqib, Mr. Seyyed Ali Hamadani Shafii di dalam Mawaddatul-Qurba, Imam Ahmad ibn Hanbal di dalam Musnad, dan Sulayman Hanafi Balkhi di dalam Yanabiul-Mawadda menyatakan, di dalam perkataan yang lebih kurang berbunyi bahawa nabi berkata: ‘Ini adalah kedua anak-anakku, adalah bunga bagi dunia ini, dan keduanya adalah Imam [ketua], sama ada mereka adalah Imam secara terang-terangan atau secara tersendiri tinggal dirumah.’ Dan sheikh Sulayman Hanafi, di dalam bukunya Yanabiul-Mawadda, memperuntukkan bab 57 untuk tajuk ini sahaja, dan menyebutkan banyak hadith dari ulama-ulamanya, seperti Tabrani, Hafiz Abdul-Aziz ibn Abi Shaiba, Khatib-e-Baghdadi Hakim, Baihaqi, Baghawi dan Tabari – semua menyatakan dengan versi yang sedikit berlainan bahawa Hasan dan Husain adalah anak-anak kepada nabi. Pada penghujung Bab yang sama, Abu Salih menulis: Hafiz Abdul-Aziz bin Al-Akhzar, Abu Nu’aim, Tabari, Ibn Hajar Makki pada muka surat 112 dari Sawaiq Muhriqa, dari Muhammad bin Yusof Ganji Shafii pada penghujung bahagian 1 selepas 100 Bab dari Kifayatut-Talib, dan Tabari di dalam menyampaikan riwayat hidup Imam Hasan menyatakan bahawa khalifa kedua, Umar bin Khattab, berkata: ‘Saya mendengar nabi berkata bahawa pada hari pembalasan setiap pertalian keluarga akan diputuskan melainkan generasi saya. Setiap generasi anak perempuan adalah dari pihak bapa melainkan generasi Fatimah, yang berhubung kepada saya. Saya adalah bapa dan keturunan mereka.’ Sheikh Abdullah bin Muhammad bin Amir Shabrawi Shafii, di dalam bukunya Kitabul-ittihaf bi Hubbil-

Ashraf, menyebutkan hadith ini dari Baihaqi dan Darqutni dari Abdullah bin Umar, dan dia dari bapanya, pada ketika perkahwinan Umme Kulthum. Dan Jalalud-din Suyuti menyebut dari Tabari di dalam bukunya 'Ausat', telah dikatakan dari khalifa Umar dan Seyyed Abu Bakr bin Shahabud-din Alawi pada muka surat 39 – 42 pada bab III dari Rishfatus-sadi min Bahra Fazail Bani Nabiul-Hadi [dicetak du Maktabi Alamiyya, Egypt pada tahun 1303 H], membuktikan bahawa keturunan Fatima adalah keturunan nabi Islam.

Makanya, petikan yang kamu sebutkan itu tidak mempunya apa-apa erti jika dibandingkan pada semua keterangan-keterangan tadi. Muhammad bin Yusof Ganji Shafii, di dalam 'Kifayatut-Talibnya', membuktikan bahawa anak-anak dari anak perempuan nabi adalah anak kepada nabi. Salasilah keturunan kami sampai kepada Imam Husain; maka kami adalah keturunan nabi.

Hafiz: Hujah kamu musabah dan meyakinkan.

Orang ramai bersurai untuk solat Isyak. Semasa rehat, Nawab Abdul-Qayum Khan, dari golongan sunni yang ternama, meminta izin untuk bertanya 'Shirazi' beberapa soalan.

MENGAPA SHIA MENYATUKAN SOLAT MEREKA

Nawab: Mengapa shia menyatukan solat Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak? Ini tidak mengikuti dengan apa yang telah menjadi amalan Rasul.

Shirazi: Yang pertama sekali, diantara para-para ulama kamu, terdapat perbezaan pendapat mengenai isu ini. Yang keduanya, kamu katakan bahawa ianya menyalahi amalan nabi. Disini kamu telah tersalah, kerana nabi biasa melaksakannya dengan kedua-dua cara, ada kalanya diasingkan dan ada kalanya disatukan. Nawab Sahib, berpaling kepada ulama mereka, bertanya kepada mereka sama ada benar nabi mengerjakan solat dengan kedua-dua cara.

Hafiz: Ya, baginda melaksakannya, tetapi hanya apabila baginda bermusafir atau apabila terdapat suatu bentuk halangan, seumpama hujan. Sebaliknya, apabila Baginda dirumah, baginda selalu akan melaksanakannya berasingan.

Shirazi: Telah dirakamkan di dalam hadith kamu bahawa nabi biasa melaksanakan solat berasingan dan disatukan dirumah dan tanpa sebarang halangan. Banyak hadith yang mengesahkan fakta ini. Muslim bin Hajjaj di dalam sahihnya, di dalam Bab 'Jama'a Bainas-salatain fil-Hazar,' mengatakan bahawa Ibn Abbas berkata: 'Nabi biasa mengerjakan solat Zuhur dengan Asar dan begitu juga Maghrib dengan Isyak bersambongan tanpa ada halang pada melakukannya, atau apabila baginda berada dirumah.' Ibn Abbas menyebutkannya lagi: 'Kami melakukan lapan rakaat Zuhur dengan Asar dan kemudian tujuh rakaat Maghrib dengan Isyak

bersambong, bersama dengan nabi.' Hadith yang sama juga telah disampaikan oleh Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnadnya, Bahagian 1, muka surat 221. Begitu juga Imam Muslim menyebutkan beberapa hadith mengenai isu ini. Dia menyebutkan dari Abdullah bin Shaqiq sebagai telah berkata bahawa suatu hari Abdullah bin Abbas sedang berucap pada suatu kumpulan selepas solat Asar hinggalah matahari terbenam dan bintang telah mula kelihatan. Orang ramai berteriak, solat, solat' tetapi Ibn Abbas tidak memperdulikan mereka. Kemudian seorang dari Bani Tamimi melaungkan 'solat, solat.' Ibn Abbas kemudian berkata: 'Kamu mengingatkan aku pada sunna, tetapi saya sendiri telah melihat nabi menyatukan Solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak.' Abdullah bin Shaqiq berkata bahawa dia tidak begitu yakin dengan kata-kata itu, lalu pergi menemui Abu Huraira untuk bertanyakan mengenainya. Abu Huraira mengesahkan apa yang telah dikatakan oleh Ibn Abbas. Melalui penyampai yang lain pula, Abdullah bin Shaqiq telah menyebutkan dari Aqil bahawa suatu ketika Abdullah bin Abbas berkata-kata kepada orang ramai dari atas mimbar. Dia berada disitu sangat lama sehingga hari menjadi gelap. Apabila sesaorang melaungkan sebanyak tiga kali, 'solat, solat, solat,' Abdullah bin Abbas menjadi tersinggong dan berkata: 'Malanglah bagi kamu. Kamu yang berani mengingatkan aku tentang solat, walaupun dimasa hari-hari nabi kami biasa menyatukan solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak.' Zarqani di dalam Sharhe Mawatta oleh Imam Malik, Bahagian 1, di dalam Bab 'Jama'a Bainas-Salatain' muka surat 263, menyatakan, 'Nisa'i mengatakan melalui Amru bin Haram dari Abi Shaatha bahawa Ibn Abbas mengerjakan solat Zuhur dengan Asar begitu juga solat Maghrib dengan Isyak bersambong di Basra tanpa ada masa pemisah atau apa-apa yang dilakukan diantaranya. Dia mengatakan bahawa nabi mengerjakan solat-solatnya dengan cara yang sama.' Juga di dalam Sahih Muslim dan di Muwatta Malik, Bab 'Jama'a Bainas-Salatain,' dan Hanbal di dalam Musnad menyebutkan, Ibn Abbas melalui Sa'id bin Jabir bahawa Rasul mengerjakan solat Zuhur dengan Asar bersambong di Madina tanpa ada sebarang halangan, sama ada dari ketakutan ataupun cuaca yang buruk. Abu Zubair berkata, dia bertanya kepada Abu Sa'id mengapa nabi menyatukan kedua-dua solat tersebut. Sa'id berkata, dia juga bertanyakan kepada Ibn Abbas soalan yang sama. Ibn Abbas menjawab bahawa baginda menyambongkan kedua solat tersebut supaya ummahnya tidak dibebani dengan kesusahan dan penderitaan yang tidak diperlukan. Juga, di dalam banyak hadith-hadith yang lain, Ibn Abbas telah dikatakan sebagai berkata bahawa nabi, telah menyatukan solat Zohur dengan Asar begitu juga solat Maghrib dengan Isyak tanpa terdapat sebarang halangan untuk melakukannya. Hadith-hadith ini di dalam sahih kamu, dan juga di dalam buku-buku sahih yang lain telah membuktikan 'BOLEHNYA' disatukan kedua-dua solat, sama ada dirumah dan juga bermusafir.

Hafiz: Tidak terdapat sebutan hadith sebegitu di dalam Sahih Bukhari.

Shirazi: Kerana semua penulis Sahih, seperti Muslim, Nisa'i, Ahmad bin Hanbal,

dan penyampai-peyampai hadith, bagi Muslim, Mubhari dan ulama-ulama sunni yang terkenal telah menyebutkan perkara ini, maka mencukupilah bagi kami untuk mengatasi akan maksud tujuan ini. Tetapi yang sebenarnya, Bukhari juga ada merakamkan hadith ini di dalam sahihnya, tetapi dia dengan sengaja telah meletakkannya ditempat yang lain, tidak ditempat yang sepatutnya iaitu pada bab mengenai penyatuan dua solat. Jika kamu membaca pada Bab 'Bab-e-Taakhiruz-zuhr lil-Asr Min Kitabe Mawaqitus-salat' dan 'Bab-e-Dhikrul-Isha wal-Atma' dan 'Bab-e-Waqtul-Maghrib,' kamu akan dapati kesemua hadith itu disana. Merakamkan hadith-hadith itu dibawah tajuk, 'Membenar dan membolehkan untuk menyatukan dua solat' telah membuktikan bahawa ini telah menjadi kepercayaan umum bagi ulama-ulama dari kedua-dua golongan. Kesahihan hadith-hadith ini telahpun diperakui di dalam buku-buku hadith tersebut. Menurut, Allama Nuri di dalam Sharhe Sahih Muslim, Asqalani, Qastalani, Zakariyya-e-Razi, di dalam ulasannya bahawa mereka telah menulis di dalam sahih Bukhari, Zarqani di dalam komentarinya pada Mawatta, Malik, dan yang lainnya ada menyebut hadith ini. Setelah menyebutkan hadith dari Ibn Abbas, mereka memperakui akan kesahihan dan menerima hadith ini sebagai bukti pada penerimaan menyatukan dua solat.

Nawab: Bagaimana mungkin yang hadith ini telah diamalkan semenjak dari masa Rasul, tetapi para ulama telah mengambil laluan yang berlainan?

Shirazi: Situasi begini tidak tertakluk pada tajuk ini sahaja. Kamu akan lihat banyak lagi contoh-contoh yang lain kemudian. Didalam perkara ini, ulama fikah sunni, tanpa berfikir dengan mendalam, atau sebab-sebab lain yang saya tidak dapat fahami, telah memberikan jawapan [penerangan] yang tidak bijaksana yang bertentangan dengan hadith. Sebagai contoh, mereka mengatakan bahawa mungkin hadith ini merujuk kepada situasi yang bersangkutan dengan ketakutan, bahaya, hujan atau angin. Sebahagian dari ulama yang terdahulu, seperti Imam Malik, Imam Shafii, dan sebahagian ahli fikah dari Madina telah memberikan keterangan yang sama. Ini semua, walaupun terdapat fakta bahawa hadith Ibn Abbas dengan nyata mengatakan kedua-dua solat boleh dikerjakan tanpa ada sebarang halangan dari takut, atau kemungkin hujan.

Yang lainnya ada mengutarakan mungkin langit mendong, dan mereka yang mengerjakan solat tidak tahu akan waktunya. Mungkin setelah selesai solat Zuhur, awan berlalu, dan mereka lihat telah masuk waktu solat Asar. Maka mereka terpaksa melakukan solat Zuhur dan Asar bersambung. Saya tidak fikir akan adanya penerangan yang lebih munasabah. Mungkin penafsir-penafsir ini tidak mengambil indah untuk memikirkan bahawa manusia yang melakukan solat ini adalah nabi Allah. Awan tidak membawa erti apa-apa bagi diri nabi sebagaimana ianya kepada diri manusia lain. nabi tahu segala sebab-sebab dan kesannya. Selain dari kenapa keterangan ini tidak meyakinkan, adalah menyambungkan solat Maghrib dengan Isyak dengan terangnya telah menolak hujah tersebut. Pada ketika itu awan tidak ada kena mengena langsung dengan persoalan ini.

Sebagaimana yang kami katakan: Hadith Ibn Abbas dengan jelas telah mengatakan beliau berucap kepada khalayak ramai di dalam masa yang panjang sehinggakan mereka melaungkan, ‘solat, solat, solat.’ Mereka mengingatkan beliau bahawa bintang telah terbit dan telah masuk waktu untuk solat. Tetapi beliau dengan sengaja melambatkan solat Maghrib supaya beliau dapat melakukan kedua-duanya iaitu Maghrib dan Isyak. Abu Huraira juga mengesahkan tindakkan ini, dengan mengatakan bahawa nabi Allah juga melakukan yang sedemikian rupa. Penerangan yang diada-adakan [bidaa’], sedangkan terdapat petunjuk yang terang jelas, ini amatlah dikesali. Ulama kamu sendiri yang menolaknya. Sheikhul-Islam Ansari di dalam ‘Tuhfatul-Bari fi Sharhe Sahihul-Bukhari’ di dalam Bab ‘Salatuz-zuhr mal-Asr wal-Maghrib ma’al Isha,’ muka surat 292, bahagian II, dan begitu juga Allama Qastalani, pada muka surat 293, bahagian II dari ‘Irshadus-Sari fi Sharhe Sahihul-Bukhari’, dan begitu jugalah penyampai hadith untuk Sahih Bukhari yang lainnya menerima bahawa keterangan yang sedemikian adalah bertentangan dengan maksud hadith yang sebenar, yang mana mereka telah menekankan bahawa solat hendaklah dilakukan dengan cara yang berasingan sahaja, ini adalah suatu tuntutan yang tidak berasas.

Nawab: Jadi bagaimanakah kontrovesi ini boleh berlaku sehingga kedua golongan Muslim ini telah hauskan darah sesama mereka dan saling kondem [mengutuk] tindakkan mereka?

Shirazi: Kamu katakan kedua golongan Muslim ini saling bermusuhan, saya tidak setuju. Kami Shia tidak memandang rendah terhadap mana-mana ulama mahupun orang awam dari saudara-saudara kami, ahli sunni. Kami menyesali bahawa propaganda puak Kharijis, Nasibis, dan juga Umayyad telah memberi kesan kepada hati sebahagian manusia. Malangnya, sebahagian sunni menganggap saudara mereka shia, yang sama seperti mereka, mempunyai Qiblat, al-Quran dan juga Rasul yang sama, sebagai Rafizis [yang menyeleweng], kafir dan musyrik.

Kepada soalan kamu mengenai bagaimana perbezaan ini bermula, mungkin kita dapat membincangkannya dipertemuan yang lain. Mengenai mengerjakan solat berasingan atau disambongkan, ulama fikah sunni telah merakamkan hadith yang telah membenarkan mengerjakan solat Zuhur dengan Asar, dan Maghrib bersama Isyak bagi tujuan keselesaan, kesenangan dan keselamatan. Saya tidak tahu mengapa, sebahagian daripada mereka tidak membolehkan ianya dilakukan bersama, jika tidak terdapat sebarang halangan.

Sebahagian penguasa seperti Abu Hanifa dan pengikutnya [Hanafi] melarangnya dalam segala bentuk keadaan, sama ada halangan atau tidak atau semasa dirumah atau bermusafir.

Shafii, Maliki dan Hanbali, dengan segala perbezaan mereka di dalam perkara

perlu [rukun] dan juga lainnya; telah membolehkan penyatuan solat di dalam bermusafir syarak.

Tetapi ulama shia, dengan mematuhi kepada nabi dan juga keturunan nabi, dengan tanpa syarat telah membolehkan mengerjakan solat yang disatukan.

Sudah pasti mengerjakan solat pada waktu yang ditetapkan adalah lebih afdal dari yang disatukan, sebagaimana yang telah dinyatakan dengan terang di dalam buku-buku syariah [perundangan agama] yang dituliskan oleh ulama shia. Oleh kerana manusia selalunya sibuk dengan urusan masing-masing dan mereka khuatir yang mereka akan tertinggal mengerjakan solat [shia amat mementingkan solat. Tiang agama. pent] Makanya untuk kemudahan dan menjauhkan diri dari kesusahan, shia telah mengerjakannya pada satu masa, sama ada diawal atau diakhir waktu pada masa yang ditetapkan. Sekarang saya rasa sebanyak ini telah mencukupi untuk menerangkan kepada saudara kami ahli sunni yang telah memandang hina kepada kami. Mungkin kita boleh kembali kepada perbincangan kita mengenai yang asas, dimana dengannya persoalan berkaitan amalan akan dapat diselesaikan.

BAGAIMANA KETURUNAN ALLAMA BERHIJRAH DARI HIJAZ KE IRAN

Hafiz Sahib bertanya kepada Allama Sultanul-Waizin bagaimana keturunan beliau berhijrah dari Hijaz ke Iran. Beliau menceritakan sejarahnya dan juga bagaimana keturunan beliau telah dibunuh di Shiraz diatas perintah Khalifa Abbasiya. Pusara peringatan mereka masih mendapat kunjungan dari orang-orang dari tempat jauh yang datang berziarah. Yang termashor diantara mereka adalah Seyyed Amir Muhammad Abid, Seyyed Amir Ahmad [Shah Charagh] dan Seyyed Alaud-din Husain, kesemuanya adalah anak-anak Imam Musa Kazim. Terperinci mengenai keluarga beliau tidak dituliskan.

BAGAIMANA PUSARA AMIRUL MUKMININ ALI (AS) DITEMUI.

Penemuan pusara Amirul Mukminin Ali [as] yang suci juga disebut.

Hafiz: Tetapi di dalam negara mana pusara Amirul Mukminin Imam Ali [as] ditemui setelah 150 tahun berlalu setelah kematian beliau?

Shirazi: Kerana penindasan dan serangan yang kejam dari Bani Umayyad dimasa yang akhir pada kehidupan Imam Ali, beliau mengarahkan di dalam wasiatnya bahawa jasad beliau hendaklah dikebumikan secara rahsia dimalam hari, dan jangan meninggalkan sebarang tanda yang keburan ada disitu. Hanya beberapa

orang sahabat yang rapat besama anak-anak beliau yang hadir pada kebumian tersebut. Pada keesokkan harinya 21 Ramadhan apabila jasadnya hendak dikebumikan, dua perarakkan jenazah disediakan. Satu diarahkan untuk pergi ke Makah, yang satu lagi ke Madina. Itulah sebabnya mengapa bertahun-tahun lamanya pusara beliau tinggal rahsia, melainkan kepada beberapa orang sahabat dan anak-anak beliau.

Hafiz: Mengapa tempat pusara beliau dirahsiakan?

Shirazi: Mungkin kerana takut pada Umayyad yang tidak beragama. Mereka khususnya amat benci pada ahli keturunan nabil. Mereka mungkin akan membongkar pusara tersebut.

Hafiz: Tetapi adakah mungkin bagi seorang Muslim, walaupun bermusuhan, akan membongkar kuburan saudara Muslim yang lain?

Shirazi: Pernahkah kamu mempelajari sejarah Umayyad? Semenjak dari mulanya dinasti terkutuk ini berkuasa pintu penindasan telah terbuka diantara Muslim. Astarfirrullah!! Kekejaman apa yang mereka lakukan, darah apa yang mereka tumpahkan, dan kehormatan apa yang mereka cabuli. Dengan malu yang amat sangat, ulama ulung kamu telah merakamkan jenayah-jenayah mereka yang banyak. Allama Maqrizi Abul-Abbas Ahmad bin Ali Shafii merakamkan kekejaman yang menyayat hati Umayyad di dalam bukunya ‘Annaza Wat-takhasum fima baina Bani Hashim wa Bani Umayya.’

PEMBONGKARAN KUBURAN OLEH BANI UMAYYAD

Sebagai contoh terhadap apa yang sanggup mereka lakukan, saya akan nyatakan dua peristiwa: Syahidnya Zaid bin Ali bin Husain, yang dikenali sebagai Zaid al-Syahid, dan syahidnya anak beliau, Yahya. Ahli sejarah dari kedua-dua golongan sunni dan shia merakamkan bahawa apabila Hisham bin Abdul Malik menjadi khalifa, dia telah melakukan banyak kezaliman. Khusus terhadap Bani Hashim, terlalu amat dibencinya. Akhirnya Zaid bin Ali, anak kepada Imam Ali Zainul-Abidin dan terkenal sebagai seorang ulama yang wara’ pergi bertemu khalifa untuk menyampaikan penderitaan Bani Hashim. Tetapi apabila sahaja Zaid sampai, khalifa, yang seharusnya menyambut kedatangan keturunan Rasul, telah memaki hamun beliau dengan bahasa yang kesat, yang mana saya tidak dapat menyebutkannya disini. Disebabkan oleh layanan yang sebegitu buruk, Zaid meninggalkan Syria menuju Kufa, dimana dia membentuk satu pasukan tentera menentang Bani Umayyad. Gabenor Kufa, Yusof bin Umar Thaqafi keluar dengan angkatan tentera yang besar untuk berdepan dengan beliau. Zaid membaca syair yang berikut: ‘Kehidupan yang hina dan Kematian yang terhormat: Kedua-duanya

adalah pahit, tetapi jika satu darinya perlu dipilih, pilihan saya adalah kematian yang terhormat.’

Walaupun beliau berjuang dengan berani, akhirnya Zaid terbunuh di peperangan tersebut. Anak beliau, Yahya mengambil jasad beliau dari medan pertempuran dan mengembumikannya jauh dari kota pada tebing sungai, kemudian mengalirkan air sungai itu diatas pusara beliau. Bagaimana pun pusara beliau telah dijumpai dan Yusof memerintahkan jasad beliau dikeluarkan. Kepala Zaid dipotong kemudian dihantar kepada Hisham di Syria pada bulan Safar 121 H. Hisham menggantungkan jasad yang suci dari keturunan Rasul itu pada tempat pergantungan dengan tidak berpakaian. Untuk selama empat tahun jasad tersebut berada ditempat pergantungan. Kemudiannya apabila Walid bin Yazid bin Abdul-Malik bin Marwan menjadi khalifa pada tahun 126 H, dia memerintahkan rangka itu diturunkan, dibakar, dan debunya ditaburkan diudara.

Manusia yang terkutuk ini juga melakukan perkara yang sama terhadap jasad Yahya bin Zaid dari Gurgan. Orang yang mulia ini juga menentang kezaliman Bani Umayyad. Beliau juga gugur dimedan pertempuran. Kepalanya dipotong kemudian dihantar ke Syria, dan sama seperti bapanya juga, jasadnya digantung ditempat pergantungan – selama enam tahun. Rakan dan musuh sama menangis melihatkan ini. Waliud-din Abu Muslim Khorasani, yang telah bangun menentang Bani Umayyad bagi pihak Bani Abbas, mengambil jasadnya dan dikebumikan di Gurgan, dimana ianya kini menjadi tempat ziarah.

KEKEJAMAN DINASTI INI.

Memandangkan dari kekejaman dinasti yang terkutuk ini, jasad Amirul Mukminin Ali, telah dikebumikan pada malam hari, dan dengan tidak meninggalkan sebarang bekas. Pusara beliau telah tinggal tidak diketahui sehinggalah pada masa khalifa Harun ar-Rashid. Satu hari Harun berburu disatu kawasan di Najaf, dimana rusa hidup dengan banyaknya. Apabila anjing-anjing mengejar rusa tersebut, ianya berlindung pada satu tanah tinggi Najaf. Dibukit kecil ini anjing-anjing itu tidak akan menaikkinya. Beberapa kali berulang, apabila anjing-anjing itu berundur rusa akan turun, tetapi apabila dikejar ia akan naik semula kebukit kecil itu. Memahami bahawa ada sesuatu sebab yang membuatkan anjing-anjingnya bertindak sedemikian, maka Harun telah mengerahkan orang-orangnya untuk merisik di Najaf. Mereka membawa seorang lelaki tua kepadanya, dan khalifa pun bertanya apakah rahsianya yang membuat anjing-anjingnya tidak akan naik kebukit kecil tersebut.

PENEMUAN PUSARA AMIRUL MUKMININ ALI [AS]

Orang tua itu mengatakan bahawa dia tahu akan rahsianya, tetapi dia takut untuk

mendedahkan. Khalifa memberikan jaminan terhadap keselamatannya, maka orang tua itu memberitahunya: ‘Suatu ketika saya sampai ketempat ini bersama bapa saya, kami pergi kebukit kecil itu dan bersolat disana. Apabila saya tanya bapa, apakah yang ada disana, bapa berkata bahawa mereka telah pergi kesana dengan Imam Jafar Sadiq untuk menziarah. Imam telah berkata bahawa itu adalah pusara datuknya yang suci, Amirul Mukminin Ali, dan bahawa tidak lama lagi ianya akan diketahui manusia.’ Diatas perintah khalifa tempat itu digali, dan petanda bahawa itu adalah pusara jelas kelihatan bersamanya ada batu tanda yang diatasnya bertulis dengan huruf ‘Syriac’ yang bermaksud: ‘Dengan nama Allah yang amat Pemurah lagi amat Pengasih. Pusara ini telah disediakan oleh Nabi Nuh untuk Ali, pengganti Muhammad, 700 tahun sebelum bajir besar berlaku.’

Khalifa Harun memberi hormat pada tempat itu dan mengarahkan tempat itu dipelihara. Dia kemudian bersolat dua rakaat. Dia menangis terisak-isak dipusara tersebut. Kemudian dengan arahan khalifa semua perkara ini dibentangkan kepada Imam Musa Kazim di Madina. Imam mengesahkan bahawa pusara itu adalah tempat semadi datuknya, Amirul Mukminin Ali. Harun kemudian memerintahkan bangunan batu didirikan menaungi pusara tersebut, yang kemudian dinamakan sebagai Hajar Haruni, ‘struktur batu yang didirikan oleh Harun’ Tidak lama kemudian berita tersebut tersebar, dan Muslim datang beramai-ramai menziarahi tempat tersebut. Ibrahim Munjab, datuk, datuk, datuk kepada Sultanul-Waizin juga meninggalkan Shiraz untuk berziarah ketempat itu, dan setelah menunaikan ziarah, beliau meninggal dunia di Karbala. Beliau telah disemadikan berhampiran dengan pusara datuk, datuk, datuknya Imam Husain. Pusaranya terletak dibahagian penjuru Timur barat kawasan perkuburan suci tersebut yang kini diziarahi oleh yang menyanjungnya.

PERBEZAAN MENGENAI TEMPAT PERSEMADIAN AMIRUL MUKMININ

Hafiz: Walaupun dengan ulasan yang cukup mantap, saya fikir bahawa pusara Ali [ra] tidak terletak di Najaf. Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza. Sebahagian mengatakan di dalam rumah kerajaan di Kufa; sebahagian mengatakan dibahagian Qibla di Masjid Pusat di Kufa; sebahagian mengatakan dibahagian pintu yang bernama Bab-e-Kinda di Masjid Kufa; sebahagian percaya di Rahba di Kufa; dan ada yang percaya bersebelahan pusara Fatima di Baqi. Di Afghanistan, juga terdapat satu tempat berhampiran Kabul yang diketahui sebagai pusara Ali. Menurut dari satu peristiwa, jasad Ali yang suci telah dimuatkan kedalam satu kotak dan diletakkan diatas unta yang akan dikirimkan ke Madina. Segolongan perompak telah merompak kotak tersebut yang disangkakan mengandungi harta. Setelah dibuka, mereka dapati jasad yang suci, dibawanya ke Kabul dan terus di semadikan ditempat tersebut. Itu makanya manusia berkunjung ketempat itu.

Shirazi: Timbulnya perbezaan ini adalah disebabkan wasiat yang ditetapkan, yang mengarahkan bahawa persiapan untuk pengkebumian hendaklah yang mengelirukan. Telah dikatakan dari Imam Jafar Sadiq bahawa pada saat kematian, Amirul Mukminin memberitahu anaknya Imam Husain, bahawa setelah semadikannya di Najaf, dia harus menyediakan empat kuburan untuknya di empat tempat yang berlainan, di Masjid di Kufa, di Rahba, dirumah diJuda Hira dan di Ghira. Para shia bersetuju yang pusara beliau di Najaf. Apa saja yang mereka dapati dari ahli bayt adalah sahih. Ahli rumah tersebut lebih mengetahui apa yang bersangkutan dengan rumah mereka.

Saya benar-benar hairan terhadap ulama kamu, yang telah mengabaikan kata-kata keturunan Rasul, dalam semua perkara. Mereka tidak bertanyakan anaknya dimana tempat letak pusara bapa mereka, supaya dapat mengetahui yang sebenar. Pastinya si anak lebih mengetahui kedudukan pusara bapa mereka dari yang lain. Jika terdapat mana-mana tieori yang baru ini ada yang betul, sudah pasti Imam telah memberitahu kepada pengikutnya. Tetapi mereka telah mengesahkan bahawa kedudukannya di Najaf, dan dengan sendiri telah menziarah ketempat itu, dan menyuruh pengikutnya untuk berbuat yang sedemikian. Sibt Ibn Jauzi ada di dalam Tadhkiranya menyebutkan perbezaan ini. Dia berkata: ‘Pandangan yang keenam adalah yang di Najaf, ditempat yang telah diketahui umum, yang kerap diziarahi manusia. Dari semua pandangan inilah yang kelihatan paling benar.’ Begitu juga ulama kamu yang lain lagi seperti Khatib-e-Khawarizmi di dalam ‘Manaqib’nya, Muhammad bin Shafii di dalam ‘Matalibus-Suul’ nya, Ibn Abil-Hadid di dalam buku Sharhe Nahjul-Balagha, Firuzabadi di dalam buku Qamus, dibawah perkataan Najaf, dan yang lainnya telah mengatakan pusara Amirul Mukminin Ali [as] terletak di Najaf.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 2

Jumaat malam, 24hb Rejab 1345 H

Hafiz: Saya sungguh tertarik dengan perbualan yang penuh pengajaran berkenaan dengan keturunan kamu. Saya mengaku bahawa kamu adalah keturunan Nabi, tetapi saya merasa hairan bagaimana seorang yang terpelajar seperti kamu boleh dikuasai pengaruh musuh yang sungguh menghinakan. Setelah kamu tinggalkan laluan keturunan kamu yang gemilang, kini kamu menerima jalan mereka yang kafir dari Iran. Apa yang saya maksudkan adalah ikutan musuh yang bodoh, iaitu bidaa’ yang telah masuk kedalam Islam melalui Israel.

Shirazi: Dengan hormatnya, sila terangkan apa maksud kamu?

PENGERTIAN YANG SALAH MENGENAI ASALNYA GOLONGAN SHIA

Hafiz: Kesemua sejarah Israel telah dicemari dengan kepalsuan. Abdullah bin Saba San'a'i, Ka'abul-Akhbar, Wahhab Ibn Munabba, dan lainnya yang dikatakan telah memelok Islam dan berpura-pura menerima hadith Nabi dan kemudiannya telah menimbulkan banyak keraguan diantara Muslim.

Khalifa yang ketiga, Uthman bin Affan, telah memburu mereka, dan mereka lari ke Mesir, disana mereka menubuhkan satu mazhab yang dipanggil shia. Mereka menyebarkan laporan yang salah mengenai khalifa Uthman dan memalsukan hadith, sehinggakan kepada bahawa Nabi telah melantik Ali sebagai khalifa dan juga Imam. Dengan tertubuhnya mazhab ini, maka berlakulah kekejaman dengan meluas, yang membawa kepada terbunuhnya khalifa Uthman dan penerimaan [dengan cara seumpama rampasan] kedudukan khalifa oleh Ali. Kumpulan yang memusuhi Uthman dipandang tinggi oleh Ali. Semasa khalifa Umayyad, apabila ahli keluarga Ali dan pengikutnya dibunuh***, kumpulan ini telah menyembunyikan diri. Masih ada, sebilangan kecil dari mereka seperti Salman Farsi, Abu Dharr Ghifari dan Ammar Yasir, yang menyokong perjuangan Ali. Perjuangan ini berterusan sehinggalah kepada pemerintahan Harun ar-Rashid, dan terutama sekali anaknya, Ma'mun ar-Rashid Abbasi, yang mengalahkan abangnya dengan pertolongan orang Iran, dan kemudiannya mereka menyebarkan pendapat bahawa Ali lah yang lebih utama dari lain-lain khalifa. Orang-orang Iran bermusuhan dengan orang-orang Arab yang telah menakluki mereka, kini telah mendapat peluang untuk mencabar orang-orang Arab atas dasar agama. Puak shia menjadi kuat semasa pemerintahan Dailamit dan akhirnya kesultanan Safavid mendapat restu. Maka dari sinilah mereka secara rasmi dikenali sebagai kumpulan shia. Penyembah api Iran juga memanggil diri mereka shia.

Secara ringkas, golongan shia telah diasaskan oleh Yahudi, Abdullah bin Saba. Jika tidak, tiada perkataan seperti 'shia' didalam Islam. Datuk kamu, Nabi Allah, benci terhadap perkataan itu. Bahkan golongan shia adalah sebahagian dari kepercayaan Yahudi.

Saya hairan mengapa kamu meninggalkan jalan yang benar dari keturunan kamu dan mengikuti jalan orang-orang sebelum kamu yang mengamalkan cara Yahudi. Kamu harus mengikuti al-Quran yang suci dan juga contoh datuk kamu Nabi Allah.

ADALAH MUSTAHIL MENGKAITKAN ABDULLAH BIN SABA DENGAN SHIA.

Shirazi: Adalah pelik ulama seperti kamu telah mengasaskan hujahnya diatas

landasan yang palsu. Tidak ada makna langsung bagi kamu untuk mengaitkan nama Abdullah bin Saba dengan shia. Abdullah bin Saba adalah seorang Yahudi, dan menurut dari punca shia, dia adalah seorang munafik yang dikutuk dengan kerasnya. Jika terdapat dibeberapa ketika dia kelihatan seperti sahabat kepada Ali, jadi apakah hubungan yang dia ada dengan shia? Jika seorang pencuri memakai baju seorang ulama, naik keatas mimbar bersyarah dan merosakkan ajaran Islam, adakah kamu akan meninggalkan untuk belajar dan memanggil semua ulama pencuri?

Yang sebenarnya Islam shia bukanlah sekadar sebuah parti politik. Ianya adalah kumpulan agama, yang bukan diasaskan sebagaimana yang kamu kata dimasa khalifa Uthman, tetapi telah disebarkan melalui perkataan dan juga arahan dari Nabi dimasa hayatnya. Sedang kamu berhujah dengan mengunakan asas keterangan yang telah dipalsukan oleh pihak musuh, maka saya akan membacakan untuk kamu ayat-ayat dari al-Quran yang suci dan rekod-rekod dari pengarang-pengarang kamu untuk membuktikan kedudukan shia yang sebenar.

PENGERTIAN SHIA.

Shirazi: Shia sebagaimana yang kamu tahu, bererti ‘pengikut.’ Seorang dari ulama kamu yang ter ulung, Firuzabadi, didalam kamusnya ‘Qamusul-Lughat’ berkata: ‘Nama ‘Shia’ umumnya bererti setiap orang yang bersahabat dengan Ali dan ahli baytnya. Nama ini khusus bagi mereka. Maksud yang sama juga telah diberikan oleh Ibn Athir di dalam ‘Nihayatul-Lughat.’ Menurut dari komentar kamu [sunni] sendiri, perkataan ‘Shia’ bererti ‘pengikut Ali Ibn Abi Talib’ dan telah digunakan dengan maksud ini semasa hayat Nabi. Malahan Nabi sendiri yang memperkenalkan perkataan shia sebagai bermaksud ‘pengikut bagi Ali Ibn Abi Talib.’ Dan perkataan ini telah digunakan oleh Nabi yang mana Allah telah mengatakan: ‘Tidaklah dia berbicara dari kehendaknya. Itu tidak lain dari wahyu yang disampaikan.’ [53: 3 – 4]. Nabi memanggil pengikut Ali, ‘Shia’, ‘Yang Sampai’ dan ‘Yang Terselamat.’

Hafiz: Mana ada ini semua? Kami tidak pernah melihatnya.

Shirazi: Kami ada melihatnya, dan kami fikir adalah tidak wajar untuk menyembunyikan fakta. Allah mengutuk mereka yang menyembunyikan, dan memanggil mereka ahli neraka. Allah berkata: ‘Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan bukti yang nyata, dan petunjuk yang Kami wahyukan, dan Kami telah menjelaskannya di dalam kitab untuk manusia, itulah mereka yang Allah kutuk, dan yang mengutuk akan mengutuk mereka [juga].’ [2:159] ‘Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan mana-mana bahagian dari kitab yang Allah telah wahyukan dan mengambil untuk itu harga yang sedikit, mereka tidak memakan apa-apa melainkan api kedalam perut mereka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada Hari Pembalasan, tidak juga mensucikan mereka, dan

mereka akan mendapat azab yang pedih.’ [2:174]

Hafiz: Jika kami tahu dan menyembunyikannya, saya setuju kami berhak dikutuk sebagaimana yang diwahyukan oleh ayat-ayat yang suci itu.

Shirazi: Saya harap kamu simpankan kedua-dua ayat ini di dalam ingatan kamu supaya ianya tidak akan membiarkan tabiat sebegitu menguasai kamu.

Hafiz Abu Nu’aim Ispahani seorang penyampai hadith yang sangat terkenal dari golongan kamu. Ibn Khallikan telah memujinya didalam ‘Wafayatul-A’ayan’ sebagai ilmuan yang ulung, dan penyampai hadith yang paling arif. Dia juga mengatakan bahawa 10 jilid dari ‘Hilyatul-Auliya’ nya adalah diantara yang penuh pengajaran. Salahud-din Khalil bin Aibak Safdi menulis di dalam ‘Wafiy bil-Wafiyat’ mengenai dia, ‘Raja bagi penyampai-penyampai hadith, Hafiz Abu Nu’aim, adalah yang paling berilmu, wara’ dan jujur. Dia mendapat kedudukan yang tinggi di dalam menyampai dan memahami hadith. Kerja-kerjanya yang terulung adalah ‘Hilyatul-Auliya’ di dalam 10 jilid, mengandungi terbitan yang asal dari dua sahih.’ Muhammad bin Abdullah al-Khatib memujinya di dalam ‘Rijalil-Mishkatil-Masabih, dengan mengatakan bahawa dia adalah diantara penyampai hadith yang terulung dan apa yang disampaikan boleh dipercayai.

Secara ringkas, ulama dan penyampai hadith yang terkenal ini, yang menjadi kebanggaan ulama-ulama kamu; telah menyatakan dari Abdullah bin Abbas melalui rangkaian penyampai-penyampainya didalam buku ‘Hilyatul-Auliya’ telah berkata: ‘Apabila ayat al-Quran yang berikut ini diwahyukan: ‘Bagi mereka yang beriman dan beramal salih, pastinya mereka adalah makhluk yang terbaik. Balasan mereka disisi Allah adalah taman-taman yang mengalir air sungai dibawahnya, tinggal disana selama-lamanya. Allah ridha kepada mereka, dan mereka ridha kepadaNya, itu adalah untuk mereka yang takut kepada TuhanNya.’ [98:7 – 8], Nabi kepada Ali, telah berkata: ‘O Ali, makhluk yang terbaik [Khairul-bariyya] di dalam ayat yang suci ini merujuk kepada kamu dan pengikut-pengikut kamu [shia]. Pada hari dibangkitkan semula, kamu dan pengikut kamu [shia] akan diberikan suatu kedudukan yang mana Allah ridha dengan kamu, dan kamu akan ridha denganNya.’

KEMULIAAN-KEMULIAAN SHIA.

Begitu juga, Abul-Muwayyid Muwafiq bin Ahmad Khawarizmi di dalam Bab 17 di ‘Manaqib’ nya; Hakim Abul-Qasim Abdullah bin Abdullahil-Haskani di ‘Shawahidut-tanzil’; Muhammad bin Yusof Ganji Shafii di ‘Kifayatut-Talib’ muka surat 119, Sibt Ibn Jauzi di ‘Tadhkira’ muka surat 31, Munzir bin Muhammad bin Munzir dan khususnya Hakim, telah menyatakan bahawa Hakim Abu Abdullah Hafiz [seorang ulama kamu yang termashor] berkata: Berdasarkan pada pengakuan dari penyampai yang sampaikan kepada Yazid bin Sharafil-Ansari, penulis bagi Amirul

Mukminin, Ali Ibn Abi Talib, bahawa Ali berkata pada saat Nabi akan wafat, Nabi menyandarkan kepalanya kedada Ali dan berkata: 'Telah kamu dengar ayat suci: 'Bagi mereka yang beriman dan beramal salih, pastinya mereka adalah makhluk yang terbaik.' [98:7] Mereka adalah shia kamu. Tempat perjumpaan aku dan juga engkau adalah dipancutan Khuthar [di syurga]. Apabila semua makhluk berkumpul untuk diadili, wajah kamu akan bercahaya, dan kamu akan dikenali sebagai ketua bagi orang-orang yang wajahnya bercahaya.'

Jalalud-din Suyuti di dalam bukunya 'Durrul-Mansur menyebutkan Abul-Qasim Ali bin Hasan [yang dikenal umum sebagai Ibn Asakir Damishqi] yang menyebutkan Jabir bin Abdullah, seorang sahabat Nabi sebagai berkata bahawa beliau dan yang lainnya duduk bersama Nabi apabila Ali Ibn Abi Talib masuk. Nabi berkata: 'Saya bersumpah denganNya yang menguasai nyawa saya bahawa orang ini [Ali] dan shianya akan selamat pada hari yang dibangkitkan.' Pada masa itu ayat yang diatas diwahyukan. Di dalam komentar yang sama, Ibn Adi menyebut Ibn Abbas sebagai berkata bahawa apabila ayat yang diatas diwahyukan, Nabi Berkata kepada Amirul Mukminin, Ali, 'Kamu dan pengikut mu [shia] akan datang pada hari dibangkitkan dalam keadaan dimana kesemua kamu akan merasa ridha dengan Allah, dan Allah akan ridha dengan kamu.'

Di dalam Manaqib oleh Khawarizmi, yang berikut ini dinyatakan dari Jabir bin Abdullah Ansari: 'Saya ada bersama Nabi apabila Ali masuk untuk bersama kami, diketika itu Nabi berkata: 'Adik saya telah datang kepada kamu.' Kemudian baginda berpaling ke Qibla, Nabi mengambil tangan Ali dan berkata: 'Demi Dia yang menguasai nyawa saya, Ali ini dan shianya akan terselamat pada Hari Pengadilan.'

Kemudian baginda berkata lagi: 'Ali adalah yang mula-mula diantara kamu di dalam beriman, yang amat berhati-hati terhadap sumpah Allah, yang paling adil diantara kamu semua ketika membuat keputusan di dalam perkara manusia, yang paling saksama di dalam pengagihan bantuan diantara sesama kamu, dan berkedudukan yang tertinggi diantara kamu disisi Allah.' Pada peristiwa itu ayat yang diatas diwahyukan. Di dalam Bab II, 'Sawaiq' nya, Ibn Hajar menyebutkan Hafiz Jamalud-Din Muhammad bin Yusof Zarandi Madani [seorang ulama agung sunni] sebagai berkata bahawa apabila ayat diatas diwahyukan, Nabi berkata: 'O Ali, kamu dan shia mu adalah makhluk terbaik yang dijadikan. Kamu dan shia mu akan datang pada Hari Pembalasan dalam keadaan kesemuanya ridha kepada Allah, dan Allah ridha dengan kamu. Musuh kamu akan marah, dan tangan mereka akan terikat dileher.' Kemudian Ali bertanya, siapakah musuhnya. Rasul menjawab, 'Mereka yang bermusuh dengan kamu dan membenci mu.'

Allama Samhudi di dalam 'Jawahirul-Iqdain, dengan pengesahan Hafiz Jamalud-Din Zarandi Madani dan Nurud-Din Ali bin Muhammad bin Ahmad Maliki Makki, dikenali sebagai Ibn Sabbagh, yang dikatakan sebagai ulama yang ter ulung dan

theologi yang terkenal, di dalam bukunya ‘Fusulul-Muhimma menyatakan dari Abdullah bin Abbas bahawa apabila ayat yang diatas diwahyukan, Nabi berkata kepada Ali: ‘Ianya adalah kamu dan shia mu. Kamu dan mereka akan datang pada Hari Pembalasan benar-benar bahagia dan ridha, sedangkan musuh kamu akan datang dengan keciwa dan tangan terikat.’

Mir Seyyed Ali Hamadani Shafii, seorang ulama kamu, di dalam bukunya Mawaddatul-Qurba, dan ulama terkenal yang anti shia, Ibn Hajar di dalam bukunya Sawaiq-e-Muhriqa menyatakan dari Ummul-Mukminin Umme Salma, isteri Nabi, bahawa Nabi telah berkata: ‘O Ali, kamu dan shia mu akan tinggal disyurga, kamu dan shia mu akan tinggal disyurga.’ Ulama yang terkenal dari Khawarizm, Muwaffaq bin Ahmad, di dalam ‘Manaqib’ nya, Bab 19, menyatakan dari pihak yang boleh dipercayai bahawa Nabi berkata kepada Ali: ‘Di dalam ummah saya kamu adalah seperti Masehi, Isa anak Mariam.’ Kenyataan ini menunjukkan bahawa sebagai pengikut Nabi Isa, ianya terbahagi kepada tiga kumpulan: Yang benar-benar beriman, digelar sebagai Hawari’in, Yang Yahudi, dan yang berlebih-lebihan, yang menyamakannya dengan Allah. Dengan cara yang sama, Muslim akan terbahagi kepada tiga kumpulan. Satu darinya adalah shia, yang benar-benar beriman. Kumpulan kedua adalah musuh Ali, dan kumpulan ketiga adalah yang melampaui terhadap kedudukannya.

KEMULIAAN SHIA DIBUKTIKAN DARI BUKU-BUKU SUNNI.

Manusia kemudian bersurai kerana menyahut panggilan azan Isyak. Setelah solat, Mulla Abdul-Hayy kembali dengan buku-buku dan komentar oleh Suyuti, Mawaddatul-Qurba, Musnad Imam Ahmad bin Hanbal, dan Manaqib oleh Khawarizmi. Dia membaca darinya hadith-hadith yang telah disebutkan oleh Shirazi dalam perbincangan, sekadar untuk mengesahkan. Oleh kerana rujukan beliau tepat, ekspresi [gambaran] wajah mereka-mereka yang di kem bertentangan berubah. Dalam pada itu, di dalam Mawaddatul-Qurba, mereka temui sebuah hadith lagi. Nabi berkata: ‘O Ali, pada Hari Pengadilan, kamu dan shia mu akan datang kepada Allah benar-benar puas dan bergembira, sedangkan musuh kamu didalam kesedihan dan tangan terikat.

Shirazi: Ini adalah hujah-hujah yang terang, disokong oleh Kitab Allah, oleh hadith-hadith yang sahih dan juga oleh sejarah. Sokongan dari hujah saya datang dari buku-buku ulama kamu yang terkenal. Ini adalah sebagai tambahan kepada penyampaian yang banyak terdapat di dalam buku-buku komentari shia. Menggunakan buku-buku yang ada dihadapan kamu saya boleh membentang terus hujah-hujah yang dapat menyokong pada tajuk yang sedang diperbincangkan sehingga pagi esok, insya Allah; tetapi saya fikir apa yang telah dinyatakan sudah memadai untuk menghapuskan sebarang keraguan terhadap

shia.

Hadirin yang dihormati, kami shia bukanlah Yahudi. Kami adalah pengikut Nabi Muhammad. Permulaan perkataan ‘shia’ sebagai bermaksud ‘pengikut Ali’, bukanlah dari yang terkutuk Abdullah bin Saba, tetapi dari Nabi sendiri. Kami tidak pernah mengikut mana-mana individu tanpa hujah-hujah pengesahan yang amat meyakinkan bagi diri mereka. Kamu katakan bahawa selepas Uthman yang perkataan ‘shia’ mula digunakan untuk menunjukkan pengikut Ali. Bahkan, yang sebenarnya, dimasa hayat Nabi, sebahagian para sahabat yang terkemuka telah dipanggil shia. Hafiz Abu Hatim Razi di dalam bukunya Az-Zainat, yang dia kumpulkan untuk menjelaskan maksud perkataan yang tertentu dan rangkap-rangkap yang biasa dikalangan ulama, berkata bahawa perkataan baru yang pertama datang dan diterima umum di dalam Islam dimasa hayat Nabi adalah ‘shia’. Perkataan ini digunakan keatas empat sahabat yang terkenal: Abu Dharr Ghifari, Salman Farsi, Miqdad bin Aswad Kindi dan Ammar Yasir. Banyak hadith lagi yang disebutkan menyokong pandangan ini. Sekarang terpulanglah kepada kamu untuk memikirkan bagaimana, pada masa hayat Nabi, empat dari sahabatnya telah digelar shia. Jika Nabi tahu ianya adalah suatu bidaa’, mengapa baginda tidak melarang manusia dari menggunakannya? Yang sebenarnya manusia telah mendengar dari Nabi sendiri bahawa pengikut [shia] Ali adalah penghuni syurga. Mereka berbangga dengannya dan dengan terang-terangan mengatakan diri mereka shia.

DARJAT SALMAN, ABU DHARR, MIQDAD DAN AMMAR.

Kamu mengatakan satu hadith dari kata-kata Nabi: ‘Sesungguhnya, para sahabat ku adalah umpama bintang; siapa saja dari mereka yang kamu ikuti, kamu akan dipandu dengan betul.’ Abul-Fida menulis di dalam sejarahnya bahawa keempat-empat lelaki ini, iaitu para sahabat Nabi, menahan, bersama dengan Ali, dari memberikan bai’ah [taat setia] kepada Abu Bakr, pada hari Saqifa. Mengapa kamu tidak menganggap keengganan mereka untuk bai’ah sebagai yang perlu dicontohi? Ulama kamu sendiri telah menulis bahawa mereka dicintai oleh Allah dan Rasulnya. Kami mengikuti mereka, sebagaimana mereka mengikuti Ali. Makanya mengikut dari hadith kamu, kami adalah dijalan yang benar.

Dengan keizinan kamu, dan memandangkan kesuntukkan masa, saya berikan kamu beberapa penyampaian di dalam menyokong apa yang saya katakan terhadap mereka ini yang dicintai oleh Allah dan Nabinya. Kedua mereka Abu Nu’aim Isfahani di dalam ‘Hilyatul-Auliya, jilid 1 muka surat 172, dan Ibn Hajar Makki di dalam hadith kelima dari empat puluh hadith yang disampaikan di dalam ‘Sawaiq-e-Muhriqa di dalam memuji Ali yang disampaikan dari Tirmidhi, dan Hakim dari Buraida, bahawa Rasul berkata: ‘Sesungguhnya Allah telah memerintahkan

aku untuk mencintai empat orang, dan telah memberitahu aku yang Dia mencintai mereka.' Apabila manusia bertanya siapakah keempat mereka, baginda berkata: 'Ali Ibn Abi Talib, Abu Dharr, Miqdad dan Salman.' Lagi, Ibn Hajar di dalam hadith no 39 telah menyatakan dari Tirmidhi dan Hakim dari Anas bin Malik bahawa Nabi berkata: 'Syurga sedang menanti tiga individu ini iaitu Ali, Ammar dan Salman,' Tidakkah tindakkan sahabat Nabi yang terkenal ini model [contoh] bagi Muslim lainnya. Tidakkah ianya memalukan pada pandangan kamu, bahawa para sahabat hanya terhad pada mereka yang memegang peranan dipermaian Saqifa sahaja, atau yang bershubahat dengannya, sedangkan yang lain, yang menentang strategi dibelakang Saqifa telah dilihat sebagai yang tidak boleh dipercayai? Dan jika ianya begitu, maka hadith yang baru kamu sebutkan harus berbunyi: 'Sesungguhnya, sebahagian dari sahabat saya adalah seumpama bintang……..'

SEBAB-SEBAB IRAN MENERIMA SHIA.

Tidak sepatutnya kamu mengatakan shia adalah agama politik, dan bahawa penyembah api Iran menerimanya supaya dapat menyelamatkan diri mereka dari penguasaan Arab. Kamu telah mengatakannya, kerana ikutan secara membuta tuli terhadap orang-orang yang sebelum kamu. Saya telah pun membuktikan bahawa ianya adalah agama Islam, satu-satunya yang telah diperintahkan oleh Nabi terhadap ummatnya, bahkan, mereka, tanpa arahan dari Nabi, telah mendirikan asas bagi Saqifa, mereka inilah ahli politik dan bukannya pengikut keluarga suci Rasul Allah.

Telah menjadi kerekter terhadap Iran untuk meneliti sesuatu perkara. Apabila mereka telah yakin kebenarannya, mereka menerimanya, sebagaimana mereka menerima Islam ketika mereka ditakluki Arab. Mereka tidak dipaksa untuk melakukannya. Mereka melepaskan sembahan api dan memelok Islam dengan ikhlas. Begitu juga, apabila mereka diyakinkan dengan logik dan dengan khidmat-khidmat Ali yang berharga, mereka menerima shia. Berlawanan dengan apa yang disampaikan oleh ramai penulis-penulis kamu, Iran tidak menerima Ali pada pemerintahan Harun ar-Rashid. Mereka menerima Ali pada masa hayat Nabi. Salman Farsi adalah seorang dari pengikut Ali yang ikhlas. Dia sampai kedarjah iman yang tertinggi. Ulama dari kedua golongan semuanya telah menulis bahawa Nabi telah berkata: 'Salman adalah dari ahli bayt kami.' Atas sebab ini dia dipanggil; Salman Muhammad' dan dia adalah pengikut Ali yang taat, dan musuh ketat Saqifa. Jika, menurut dari buku kamu, kita mencontohi beliau, kita akan berada dijalan yang lurus. Beliau mendengar ayat-ayat al-Quran dan kata-kata Nabi mengenai Ali dan memahaminya dengan jelas bahawa taat kepada Ali adalah taat kepada Nabi dan kepada Allah. Beliau berulang kali mendengar Nabi berkata: 'Sesiapa patuh kepada Ali, patuh kepada saya, dan yang patuh kepada saya patuh kepada Allah, sesiapa yang bermusuh dengan Ali bermusuh dengan saya, dan yang bermusuh dengan saya bermusuh dengan Allah.'

Setiap orang Iran, yang pergi ke Madina dan memelok Islam sama ada dimasa hayat Nabi atau selepasnya, patuh kepada perintah Nabi. Kerana sebab ini, khalifa kedua [Umar bin Khattab] menjadi tidak tahan dengan tindakkan mereka, dan mengenakan beberapa sekatan terhadap orang Iran. Kesusahan dan penderitaan inilah yang membibitkan kebencian di dalam hati mereka. Mereka mempersoalkan mengapa khalifa menafikan kepada mereka hak-hak sebagai seorang Islam terhadap perintah yang telah ditetapkan oleh Nabi.

ORANG IRAN BERTERIMA KASIH TERHADAP SIMPATI ALI.

Selain dari keadaan ini, orang Iran berterima kasih kepada Ali terhadap simpatinya mengenai layanan terhadap puteri-puteri Iran yang ditawan Arab. Apabila orang tawanan Mada'in [Taisfun] dibawa ke Madina, khalifa kedua memerintahkan kesemua tawanan wanita dijadikan hamba Muslim. Ali melarangnya dan berkata bahawa puteri-puteri dikecualikan dan perlu dihormati. Dua dari tawanan tersebut adalah anak perempuan Raja Yazdigerd, Iran dan tidak boleh dijadikan hamba. Khalifa bertanya apa yang perlu dilakukan. Ali berkata setiap mereka diperbolehkan memilih suami dari orang Islam. Dari itu, Shahzanan memilih Muhammad bin Abu Bakr [yang telah dibesar oleh Ali], puteri yang seorang lagi, Shahbahu, memilih Imam Husain, cucu Nabi. Keduanya pergi kerumah suami mereka setelah dinikahi dengan sah. Shahzanan melahirkan seorang anak lelaki, Qasim Faqih, bapa kepada Umme Farwa, ibu kepada Imam keenam Imam Jafar as-Sadiq. Imam Zain'ul-Abidin, Imam kami keempat, adalah anak Shahbanu. Maka ujudnya shia tiada ada kena mengena dengan masa Harun dan Ma'mun atau dengan pemerintahan Dinasti Safavid di Iran sebagaimana kamu katakan terdahulu. Ianya secara terbuka telah disebarkan pada kurun ke 7 sebelum kerajaan Safavid [i.e. di kurun ke 4 H] apabila Dalamites [Buwayyid] memerintah. Dalam tahun 694 H kerajaan Iran diperintah oleh Ghazan Khan Mughul [yang nama Islamnya adalah Muhammad]. Semenjak masa itu, kepercayaan ahlul bayt Nabi diucapkan secara bebas, shia mula berkembang. Setelah kematian Ghazan Khan Mughul di tahun 707 H, saudaranya Muhammad Shah Khuda Bandeh menjadi pemerintah Iran. Dia mengadakan perbincangan diantara Allama Hilli seorang ulama shia, dengan Khwaja Nizamud-Din Abdul-Malik Maraghe'i, ketua mufti Shafii dan ulama sunni yang ter ulung diketika itu.

PERBINCANGAN ANTARA ALLAMA HILLI DENGAN KETUA MUFTI MENGENAI IMAMAH.

Tajuk perbincangan adalah Imamah. Allama telah menengahkan hujah yang bernas bahawa Ali adalah pengganti selepas Nabi, dan dengan meyakinkan telah mematahkan tuntutan pihak lawan, sehinggakan semua yang hadir benar-benar

berpuas hati dengan penjelasan Allama. Khwaja Nizamud-Din mengakui bahawa hujah Allama tidak dapat dibantah. Tetapi dia mengatakan bahawa, oleh kerana dia telah mengikuti langkah-langkah mereka yang terdahulu, adalah tidak wajar untuk dia meninggalkannya sekarang. Dia rasakan adalah mustahak untuk mengekalkan perpaduan diantara muslim.

RAJA IRAN MENERIMA KEPERCAYAAN SHIA.

Raja mendengarkan kesemua hujah-hujah dengan penuh minat, menerima kedudukan shia itu sendiri, dan mengistiharkan shia di Iran. Dia kemudiannya mengarahkan kepada gabenor daerah bahawa pada setiap khutbah mingguan [syarahan dimasjid-masjid] hendaklah menyatakan hak Ali sebagai pengganti Nabi. Dia juga mengarah supaya kalimah dicetak pada dinar [wang emas] dengan cara sebegini: 'La ilaha il'allah; Muhammadan Rasulullah; Aliyyan Waliullah,' bermaksud, 'Tidak ada tuhan melainkan Allah, Muhammad Rasul Allah dan Ali adalah Wali Allah. Dengan cara ini akar shia telah berdiri dengan kukuhnya. Tujuh abad kemudian, apabila Raja Safavid berkuasa, awan-awan kekeliruan dan kefanatikan terus dibasmikan. Shia berkembang dimana-mana sahaja di Iran. Ya, masih terdapat penyembah api di Iran, dan juga, mereka yang memperbesarkan kedudukan Ali, dan menganggapnya tuhan. Tetapi mereka tidak boleh disamakan dengan kebanyakkan orang-orang Iran, yang beriman dengan Allah dan Nabi Muhammad adalah Rasul yang terakhir. Mereka ini yang mengikut Ali dan sebelas dari keturunannya sebagaimana yang diperintah oleh Nabi.

Hafiz: Pelik sungguh walaupun kamu asalnya datang dari Hijaz, dan telah tinggal di Iran dalam waktu yang pendek, kamu masih menyokong Iran, dan mengatakan mereka pengikut Ali, seorang yang amat patuh kepada Allah. Tetapi shia Iran, setiap orang, menganggap Ali sebagai tuhan. Nah ini ada beberapa baris ayat dari hasil kerja penyair Iran yang menunjukkan pandangan mereka, sedang Ali sendiri kondem kepercayaan sebegitu. Diakhir ayat ini menunjukkan kata-kata Ali: 'Siapa yang menolong dimasa kesusahan? Itu adalah saya, yang juga Allah! Itu adalah saya.' Kata-kata seorang lagi penyair: 'Menurut dari kepercayaan mereka yang berpengetahuan dan mengenali Allah, Allah adalah Ali, dan Ali adalah Allah.'

Shirazi: Mengapa sampai begini jadinya, dengan tidak membuat sebarang siasatan, kamu telah menuduh kesemua Iran menganggap Ali sebagai tuhan. Ulama kamu yang mengatakan kefanatikan yang sedemikian rupa. Mereka yang mengatakan bahawa shia adalah penyembah Ali dan dengan demikian mereka adalah kafir. Maka membunuh mereka adalah wajib. Akhirnya Muslim di Uzbekistan dan Turkestan dengan sewenang-wenangnya telah membunuh Muslim di Iran. Orang awam sunni kerap diseleweng oleh sebahagian dari ulama kamu, dan mereka menganggap orang-orang Iran kafir. Sejarah yang lalu, orang-orang kamu, Turkoman, telah menyerang kafila Iran berdekatan Khorasan, merampas

dan membunuh orangnya, dan mereka telah mengatakan bahawa sesiapa membunuh tujuh Rafizi [shia], mereka akan masuk syurga. Kamu harus ingat bahawa tanggongan diatas setiap pembunuhan terletak juga diatas bahu setiap pemimpin kamu, yang memberitahu orang-orang sunni yang jahil bahawa shia menyembah Ali.

ISLAM MELARANG SOMBONG MENGENAI KETURUNAN.

Merujuk kepada perkara yang pertama, asal saya mempunyai petalian dengan Arab, Mekah dan Madina, mengapa saya perlu menyokong Iran, saya katakan kepada kamu bahawa saya tidak punya perasaan berpihak. Nabi kita ada berkata: 'Arab tidak harus berbangga bahawa mereka lebih utama dari yang bukan Arab dan begitu juga sebaliknya, dan yang putih tidak harus berbangga terhadap keutamaan mereka diatas yang hitam, dan begitu juga yang sebaliknya. Keutamaan letaknya pada pengetahuan dan ketaqwaan. Di dalam al-Quran Allah berkata: 'O Manusia! Sesungguhnya Kami telah jadikan kamu lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berpuak-puak dan berkeluarga supaya kamu dapat mengenali diantara satu dengan lain, sesungguhnya yang paling utama daripada kamu disisi Allah adalah mereka yang diantara kamu yang paling berhati-hati [terhadap tugasnya].' [49:13]

Juga pada Bab yang sama di dalam al-Quran, Dia berkata: 'Yang beriman adalah bersaudara, maka berdamailah diantara saudara-saudara kamu dan berhati-hatilah [di dalam melaksakan tugasmu] pada Allah semoga rahmatnya diatas kamu.' [49:10]

Makanya semua bangsa Asia, Afrika, Eropa, Amarika, yang putih, hitam, merah, kuning jika mereka Muslim maka mereka adalah bersaudara, dan tiada siapa yang boleh mengatakan dia lebih utama dari yang lain. Pemimpin Islam yang teragung, Rasul yang akhir telah bertindak diatas prinsip ini. Baginda telah menunjukkan kasih sayangnya kepada Salman Farsi dari Iran, Suhaib dari benua Asia kecil, Bilal dari Abyssinia. Sebaliknya baginda telah menolak Abu Lahab [yang namanya bererti bapa bagi api] bapa saudaranya sendiri yang telah dikutuk oleh surah al-Quran. [111:1]

ISLAM JUGA MENGHALANG PERKAUMAN.

Dunia telah melihat kekacauan yang paling dahsyat di negara barat, yang mana telah disebabkan oleh penindasan kaum. Dinegara tersebut orang berkulit hitam tidak dibenarkan di hotel, restaurant, gereja, dan ditempat perjumpaan orang kulit putih. Islam telah menghapuskan amalan tersebut 1 300 tahun dahulu, dan menyatakan bahawa semua Muslim tidak kira apa bangsanya, warna kulitnya, dan

warganegara mana sekalipun ianya adalah bersaudara. Maka jika Arab telah menyeleweng, saya akan kutuk mereka, dan saya bersaudara dengan shia Iran yang lurus jalannya.

Kedua kamu telah menyamakan pelampau Iran dengan shia, yang berpegang kepada Tuhan yang Esa, dan telah mengikut Ali menurut yang diperintahkan oleh Nabi. Kami menganggap Ali sebagai seorang hamba Allah yang taat, dan yang telah dilantik oleh Allah sebagai pengganti Nabi.

KUTUKAN TERHADAP PELAMPAU.

Lebih-lebih lagi kami menolak mereka yang berkepercayaan yang bertentangan dengan kami, seperti Sabaiyya, Khitabiyya, Gharabiyya, Alawiyya, Mukhammasa, Bazighiyya, Nussairiyya, yang betaburan di dalam Iran, Mosul dan Syria. Kami shia berbeza dengan mereka, dan kami menganggap mereka kafir. Di dalam semua buku-buku yang ditulis oleh ulama shia dan juga ulama fiqh, puak Ghalis [pelampau] termasuk diantara mereka yang kafir, oleh kerana kepercayaan mereka bertentangan dengan shia. Sebagai contoh, mereka mengatakan bahawa penyerapan roh kedalam jasad sesaorang adalah berkemungkinan [sebagaimana Jibril berada dihadapan Nabi dalam bentuk Dahiyya-e-kalbi], dan adalah kehendak Allah yang dia menjelma dalam bentuk manusia di dalam badan Ali. Atas sebab ini, mereka menganggap kedudukan Ali lebih tinggi dari Rasul. Khayalan yang sedemikian telah belaku dimasa hayat Ali. Sebahagian penduduk India dan Sudan datang kepada beliau dan mengatakan bahawa beliau adalah Allah.

Ali berulangkali melarang mereka dari pandangan tersebut, tetapi tidak berkesan. Akhirnya, sebagaimana telah tercatit di dalam sejarah, Ali telah mengarahkan mereka dibunuh didalam perigi yang penuh dengan asap. Peristiwa ini secara terperinci telah dinyatakan di dalam Baharul-Anwar, jilid VII, oleh seorang alim yang ulung, Agha Muhammad Baqir Majlisi. Amirul Mukminin dan Imam-Imam yang lain mengutuk keras manusia yang sedemikian. Ali berkata: ‘O Allah, saya amat membenci puak Ghullat [pelampau], sebagaimana Isa amat benci kepada kristian. Semoga Engkau mengabaikan mereka selamanya.’ Dilain ketika beliau berkata: ‘Terdapat dua golongan yang akan menderita kematian yang memalukan, dan saya tidak bertanggong jawab keatas mereka [kerana saya benci perbuatan mereka]; mereka yang melampaui batasan cintanya kepada saya, dan mereka adalah Ghullat [pelampau], dan mereka yang tanpa sebab apa juga telah bermusuhan dengan saya. Saya amat benci mereka yang telah melebih-lebihkan kedudukan saya dengan melampaui segala batasan, sebagaimana Isa membenci kristian.’

Beliau juga berkata: ‘Terdapat dua kumpulan berkaitan dengan saya yang akan menderitai kematian yang hina, satu terdiri dari mereka yang mengatakan sahabat tetapi telah memuji saya melampaui dari batasan yang diperbolehkan;

dan yang satu lagi terdiri dari musuh-musuh yang menghina dan merendahkan kedudukan saya

Shia mengutuk mereka yang memuji Ali dan ahlul bayt melampaui dari apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasulnya. Ulama kami sebulat suara mengatakan mereka semuanya kafir. Tidak dibenarkan untuk mengurus kematian mereka atau mengahwini mereka. Mereka juga dihalang dari mewarisi harta Muslim; sedekah, zakat tidak akan diberikan kepada mereka. Al-Quran mengutuk mereka dengan ayat ini:

'Katakan, wahai ahli kitab, janganlah melampau di dalam beragama, dan janganlah mengikuti kemahuan yang rendah dari orang dahulu yang telah menyimpang dan menyesatkan orang ramai dan kini terus menyimpang dari jalan yang lurus.' [5:80]

Allama Majlisi, di dalam Baharul-Anwar, jilid III, iaitu Ensiklopedia bagi kepercayaan shia, telah merakamkan banyak hadith mengutuk Ghullat [pelampau], Imam Jafar Sadiq disebutkan sebagai berkata: 'Kami adalah hamba Allah, yang telah menjadikan kami dan meninggikan kami lebih dari makhluk-makhluk lain yang dijadikanNya. Pasti kami akan mati, dan akan mengadap kepada Allah untuk di adili. Sesiapa yang menjadi sahabat kepada Ghalis adalah musuh kami, dan sesiapa yang memusuhi mereka adalah sahabat kami. Ghalis adalah kafir dan musyrik, kutukan keatas mereka.' Seorang ketua agama shia telah juga menyebutkan bahawa Imam yang sama telah berkata: 'Kutukan Allah keatas mereka yang mengatakan Ke Esaan dan KeTuhanan untuk Ali. Demi Allah, Ali adalah seorang hamba Allah yang taat. Kutukan keatas mereka yang telah menghina kami; sebahagian manusia mengatakan sesuatu mengenai kami yang kami sendiri tidak ada menyebutnya. Kami mengistiharkan bahawa kami tidak punya hubungan dengan mereka.

Sheikh Saduq [Abu Jafar Muhammad bin Ali] seorang ahli fiqh shia yang dihormati, menyebut dari Zarara bin A'yun, seorang penilis shia yang dipercayai, juga seorang hafiz dan sahabat Imam Muhammad Baqir dan imam Jafar Sadiq, sebagai berkata: 'Saya memberitahu Imam Jafar Sadiq bahawa seorang dari mereka yang beliau kenali mempercayai dalam Tufwiz [delegasi bagi penguasaan ilahi]. Imam berkata: 'Apa yang dimaksudkan dengan Tufwiz?' saya menjawab: 'Orang itu berkata bahawa Allah menjadikan Muhammad dan Ali dan kemudian memberikan kepada mereka kuasaNya diatas segala urusan manusia. Maka mereka adalah yang menjadikan, yang memberi makanan, mereka yang mengerakkan dan mereka yang mematikan.' Imam yang suci berkata: 'Musuh Allah itu berdusta. Apabila kamu pergi semula kepadanya, bacakan kepadanya ayat ini dari al-Quran yang suci: '……atau adakah mereka telah adakan bagi Allah sekutu yang telah menjadikan kejadian ini sebagaimana Dia [telah jadikan], supaya apa yang telah dijadikan menjadi kekeliruan kepada mereka? Katakanlah: 'Allah lah yang

menjadikan segala sesuatu, dan Dia yang Esa, yang Agung.’ [13:16]

SHIA TERPISAH DARI GHALIS.

Kami shia terpisah dari Ghalis. Biarlah mereka mengatakan diri mereka shia. Allah, Nabi yang suci, Ali dan keturunan beliau bencikan mereka. Ali telah memenjarakan ketua kumpulan Ghullat selama tiga hari, dan memerintahkannya supaya bertaubat dari kezalimannya. Apabila dia menolak, Ali telah menyuruhnya dibakar sampai mati. Jika kamu tidak dapat mengadakan sebuah bukupun yang menyanjung Ghulat, maka kamu paling tidaknya mengutuk ulama yang tidak bertanggong jawab pada memesongkan tanggapan sunni mengenai shia.

PENJELASAN MENGENAI SANJUNGAN TERHADAP IMAM-IMAM.

Hafiz: Nasihat dari saudara berhak dipertimbangkan. Tetapi bolehkah kamu jelaskan beberapa perkara yang lain? Kamu selama ini telah mengatakan bahawa kamu tidak menyanjung sangat Imam-imam kamu. Kamu menganggap Ghullat sebagai hina dan hanya layak untuk neraka, tetapi kamu menggunakan ekspresi [ucapan] yang tidak bersesuaian mengenai Imam kamu. Kamu telah mengatakan: ‘Rahmat Allah keatas mereka,’ walaupun kamu mengetahui bahawa menurut al-Quran, ekspresi [sebutan] ini hanya diperuntukkan pada Nabi. Al-Quran berkata: ‘Sesungguhnya Allah dan para Malaikat berselawat keatas Nabi, wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu keatasnya dengan selawat yang sempurna.’ [33:56] Amalan kamu dengan jelas menyalahi perintah al-Quran. Ucapan kamu adalah suatu bidaa’.

Shirazi: Ayat ini tidak menghalang kita dari mensejahterakan mana-mana orang. Kita disuruh berselawat kepada Nabi. Di dalam ayat al-Quran yang lain Allah berkata: ‘Kesejahteraan keatas orang-orang Yasin [ahli Yasin],’ rujukan kepada keturunan Muhammad. Kepada nabi-nabi yang lain, kesejahteraan tidak diberikan kepada keturunan mereka dimana-mana ayat di dalam al-Quran. Kesejahteraan hanya diberikan kepada nabi-nabi Allah, ‘Keamanan dan kesejahteraan kepada Nuh diantara ummah-ummahnya.’ [37:79]; ‘Keamanan dan kesejahteraan kepada Ibrahim.’ [37:109]; ‘Keamanan dan kesejahteraan kepada Musa dan Harun.’ [37:120]

ORANG-ORANG YASIN DIRUJUK KEPADA ORANG-ORANG MUHAMMAD.

Kesemua pengulas dan ulama dari golongan kamu mengaku bahawa Allah telah memanggil nabi sebagai YaSin. Maka, ahli Yasin bererti ahli Muhammad. Diantara

mereka yang menyebutnya, Ibn Hajar Makki ulama sunni yang membenci shia, berkata di dalam buku Sawaiq Muhriqa, dibawah ayat-ayat yang menyebutkan tentang kepujian terhadap ahli bayt, kumpulan pengulas itu menyebutkan dari Ibn Abbas sebagai berkata ahli Yasin bererti ahli Muhammad. Makanya salam, dan ucapan keamanan untuk ahli Yasin bererti salam untuk ahli Muhammad. Imam Fakhrud-Din Razi menulis: 'Ahli Bayt Nabi adalah sama setaraf dengan baginda pada lima perkara:

1) Salam; salam untuk Nabi dan salam untuk ahli Yasin [ahli Muhammad] adalah perkara yang sama.

2) Selawat di dalam solat fardu untuk Nabi dan ahli baytnya adalah wajib.

3) Kesucian; Allah berkata di dalam surah 'Ta Ha' [20:1] '[Wahai Nabi] Bersih dan suci,' ayat kesucian telah diwahyukan di dalam meninggikan ahli bayt

4) Diharamkan sedekah; Sedekah tidak boleh diterima sama ada oleh Nabi atau ahli baytnya.

5) Kecintaan; Kecintaan kepada Nabi bererti kecintaan kepada ahli baytnya. Allah yang Maha berkuasa telah berkata: 'Katakan: jika kamu mencintai Allah, maka ikutlah aku, Allah akan mencintai kamu….' [3:31] dan mengenai ahli bayt Allah berkata: '..Katakan: aku tidak meminta sebarang ganjaran untuknya tetapi kecintaan kepada kerabatku yang terdekat…' [42:23]

SELAWAT KEPADA MUHAMNMAD DAN AHLI MUHAMMAD ADALAH SUNNAH DAN DI DALAM SOLAT IANYA ADALAH WAJIB.

Ramai mereka yang menyampaikan Hadith, terutama Bukhari di dalam sahihnya, jilid III, dan Muslim di dalam sahihnya, jilid I, Sulayman Balkhi di dalam buku 'Yanabiul Mawadda, dan bahkan Hajar di dalam Sawaiq menyebutkan dari Ka'b bin Ajza sebagai berkata: 'Apabila ayat: Sesungguhnya Allah dan para Malaikat berselawat keatas Nabi…. [33:56] diwahyukan, kami bertanya kepada Nabi, 'Bagaimana kami mendoakan kesejahteraan kami untuk kamu, ya Rasul Allah? Nabi menjawab, 'Doakanlah kesejahteraan kamu begini: 'Wahai Allah, sejahterakan Muhammad dan ahli Muhammad.'

Imam Fakhrud-Din Razi, di dalam jilid VI dari Tafsir-e-Kabir nya, juga telah menyebutkan hadith yang sama. Ibn Hajar, mengulas dari hadith itu, menunjukkan bahawa adalah jelas yang ucapan selawat untuk Nabi adalah sama dengan ucapan selawat kepada keturunannya juga. Dia juga menyebutkan yang Nabi sebagai berkata: 'Janganlah selawat untuk ku dengan yang tidak sempurna,' Apabila

ditanya apa yang dimaksudkan dengan selawat yang ‘tidak sempurna’, baginda berkata: ‘Janganlah katakan, Wahai Allah sejahterakan Muhammad,' ’tetapi katakan: ‘Wahai Allah, sejahterakan Muhammad dan keturunannya.’

Dailami menulis bahawa Nabi berkata: ‘Doa kamu tinggal terhalang sehingga kita doakan kesejahteraan kepada Nabi dan ahlinya.’ Shafii berkata, ‘Wahai ahli bayt! Di dalam al-Quran Allah telah menjadikan kecintaan kepada kamu sebagai wajib kepada kita. Mengenai kemuliaan dan ketinggian kedudukan kamu, adalah memadai untuk mengetahui bahawa jika sesaorang tidak mendoakan kepada ilahi untuk kesejateraan kamu, solatnya tidak akan diterima.’ Jika doa untuk mensejahterakan Nabi dan keturunannya dengan sengaja ditinggalkan di dalam solat, maka solat itu ditolak. Dan Nabi telah berkata: ‘Solat itu adalah tiang bagi keimanan; jika solat itu diterima, kesemua amalan lain akan diterima, jika ianya ditolak, maka semua amalan lain akan ditolak.

Untuk mendoakan kepada Allah akan kesejahteraan ahli bayt adalah sunnah dan adalah bentuk doa yang dilaksanakan oleh Nabi sendiri. Kami merasa bangga untuk melakukan apa yang disuruh oleh al-Quran dan juga Nabi.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 3

Sabtu malam, 25 Rejab 1345 H

Hafiz: Berdasarkan dari apa yang kamu katakan semalam, saya merumuskan bahawa shia terbahagi kepada beberapa golongan. Sila terangkan kepada kami puak yang mana kamu terima, supaya kita boleh menghadkan perbincangan ini terhadap golongan itu sahaja

SHIA TIDAK TERBAHAGI KEPADA GOLONGAN-GOLONGAN.

Saya tidak katakan shia terbahagi kepada golongan. Shia hanya taat kepada Allah dan mengikut Nabi dan keturunannya. Memang terdapat beberapa golongan yang telah mengambil pakai nama shia untuk memesongkan manusia. Mereka menggunakan kelebihan yang ada pada nama shia, untuk menyampaikan kepercayaan yang salah dan menyebarkan keraguan. Manusia yang tidak mengerti telah memasukkan mereka-mereka ini kedalam shia. Terdapat empat golongan, dua darinya masih diamalkan: Zaidiyya, Kaysaniyya, Qaddahiyya dan Ghullat.

ZAIDIYYAH.

Zaidiyyah mengikut Zaidi bin Ali bin Husain. Mereka menganggap anak Imam Zainul-Abidin, Zaid, menjadi penggantinya. Pada masa kini ramai golongan ini terdapat di Yaman dan kawasan sekitarnya. Mereka mempercayai bahawa dari keturunan Ali dan Fatima, Dia adalah 'Imam yang berpengetahuan, Taqwa, dan berani. Dia mengangkat senjata menentang musuh.' Semasa pemerintahan yang kejam khalifa Umayyad, Hisham bin Abdul Malik, Hadrat Zaid bangun menentang mereka yang berkuasa dan mendapat syahid, makanya diakui sebagai Imam oleh Zaidiyyah. Yang sebenarnya Zaid mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari apa yang dikatakan oleh Zaidiyyah untuknya. Dia adalah syahid yang agung dari dinasti Hashim, dan telah terkenal dengan taqwanya, kebijaksanaan, wara' dan juga berani. Dia selalu berjaga malam dengan solat dan selalu berpuasa diwaktu siangnya. Nabi telah meramalkan kesyahidannya, sebagaimana disampaikan oleh Imam Husain: 'Nabi meletakkan tangannya yang suci dibelakang saya dan berkata: 'Wahai Husain, tidak lama lagi seorang lelaki akan dilahirkan dari keturunan kamu. Dia akan dipanggil Zaid: dia akan dibunuh sebagai syahid. Pada Hari di Bangkitkan, dia dan sahabat-sahabatnya akan masuk syurga, dengan kaki-kaki mereka diatas leher-leher manusia.' Tetapi Zaid sendiri tidak pernah mengaku dirinya Imam. Hanyalah pendustaan dari manusia untuk mengatakan bahawa dia melakukannya. Yang sebenarnya dia mengakui Muhammad Baqir sebagai Imam dan memberikan bai'ah [sepenuh ketaatan] kepada beliau.

Hanya setelah Muhammad Baqir meninggal maka terdapat manusia yang tidak dikenali menggunakan doktorin [pendapat] bahawa 'beliau bukanlah Imam yang duduk tinggal dirumah dan menyembunyikan diri dari manusia; Imam adalah seorang dari keturunan Ali dan Fatima, alim, dan mengangkat pedang menentang musuh dan mengajak manusia kepihaknya.' Zaidiyyah terbahagi kepada lima puak:

1) Mughairiyya

2) Jarudiyya

3) Zakariyya

4) Khashbiyya dan

5) Khaliqiyya.

KAYSANIYYAH DAN KEPERCAYAAN MEREKA.

kumpulan kedua adalah Kaysaniyyah. Ini adalah para sahabat Kaysan, seorang hamba Ali ibn Abi Talib, yang telah memerdekakan dirinya. Manusia ini percaya

bahawa selepas Imam Hasan dan Imam Husain, Muhammad Hanafiyya, anak yang tua Amirul Mukminin Ali yang kemudiannya, adalah Imam. Tetapi Muhammad Hanafiyya sendiri tidak pernah mengatakan ini. Dia digelar penganut yang ikhlas. Dia terkenal dengan pengetahuannya, wara', taqwa dan taat kepada perintah ilahi. Sebahagian manusia yang jahil telah mengadakan bukti apa yang mereka katakan sebagai penentangan terhadap Imam Zainul-Abidin. Mereka katakan bahawa Muhammad Hanafiyya mengaku menjadi Imam.

Faktanya adalah yang bertentangan. Beliau tidak pernah mengaku menjadi Imam. Malahan beliau hendak menunjukkan kepada pengikutnya yang jahil tahap dan kedudukan Imam yang keempat, Zainul-Abidin. Keputusannya adalah, di dalam masjid yang suci apabila Hajaratul-Aswad [batu hitam] mengesahkan akan Imamnya Zainul-Abidin, Abu Khalid Kabuli, ketua bagi pengikut Muhammad Hanafiyya, bersama dengan pengikut yang lain, menerima Imam Zainul-Abidin sebagai Imam. Tetapi sekumpulan orang yang licik telah memesongkan manusia awam yang jahil dengan mengatakan Muhammad Hanafiyya hanya menunjukkan kerendahan diri, bahawa pada pandangan Umayyad itu adalah sesuatu yang paling diharapkan untuk Muhammad Hanafiyya lakukan.

Setelah Muhammad Hanafiyya meninggal dunia, mereka-mereka ini mengatakan bahawa beliau tidak mati, dan beliau sedang menyembunyikan diri di dalam gua di gunung Rizwi, dan bahawa beliau muncul semula dimasa akan datang untuk memenuhi dunia ini dengan keadilan dan keamanan. Kumpulan ini mengandungi empat kumpulan kecil:

1) Mukhtariyya,

2) Karbiyya,

3) Ishaqiyya,

4) Harabiyya.

Tetapi tiada satu yang kekal kini.

QADDAHIYYA DAN KEPERCAYAAN MEREKA.

Kumpulan ketiga, Qaddahiyya, menggelar diri mereka shia, tetapi sebenarnya adalah kumpulan musyrikun. Kumpulan ini berasal dari Mesir, diasaskan oleh Ma’mun Ibn Salim [atau Disan] dikenali sebagai Qada dan Issa Chadar Lakhtan [Isa dari bahagian keempat] Mereka mentafsirkan al-Quran dan merakamkan sejarah menurut sesuka hati mereka. Mereka mengatakan ada dua bentuk kefahaman terhadap agama: satu yang rahsia [bathin], dan satu lagi yang zahir. Yang rahsia telah diberikan oleh Allah kepada Nabi Muhammad. Nabi berikan kepada Ali, dan

beliau berikan kepada keturunannya dan ahli shia yang suci. Mereka berkepercayaan bahawa ahli yang mengetahui yang rahsia [bathin] dikecualikan dari solat dan menyembah Allah.

Mereka ini telah mengasaskan agama mereka pada yang tujuh. Mereka percaya kepada tujuh rasul, tujuh Imam, Imam yang ketujuh sedang ghaib. Mereka sedang menunggu kedatangannya. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan:

1. Kumpulan Nasiriyya adalah para sahabat Nasir Khusru Alawi, yang melalui syair, ucapan, dan bukunya telah menarik ramai manusia kepada kekafiran. Mereka tersebar luas di Tabaristan dengan jumlah yang ramai.

2. Sabahiyya [dikenali di barat sebagai pembunuh upahan]. Mereka adalah para sahabat Hasan Saba, berasal dari Mesir yang datang ke Iran, dan penyebab peristiwa ngeri Alamut, yang berkeputusan dengan pembunuhan terhadap manusia yang ramai. Fakta ini telah tersimpan di dalam rekod sejarah.

GHULLAT DENGAN KEPERCAYAANNYA.

Kumpulan keempat adalah Ghalis, yang paling dibenci dari kesemua kumpulan. Mereka dikenali secara selewengan sebagai shia. Yang sebenarnya mereka adalah kafir. Mereka terbahagi kepada tujuh kumpulan:

1. Saba’iyya

2. Mansuriyya

3. Gharabiyya

4. Bazighiyya

5. Yaqubiyya

6. Isma’illiyya

7. Azdariyya

Bukan sahaja kami shia Ithna Ashari [dua belas Imam] tetapi semua Muslim diseluruh dunia menolak kepercayaan mereka.

KEPERCAYAAN KEPADA ALLAH DAN RASUL.

Golongan shia Imamiyya percaya kepada Allah yang kekal. Dia yang Esa, dalam erti keesaan yang satu di dalam adaNya. Dia adalah SATU dengan tidak ada apa pada bandingannya. Dia yang menjadikan segala sesuatu yang ada. Tidak ada

yang setanding dengannya dalam apa jua. Para Nabi telah dihantar untuk mengajar manusia mengenai Allah, bagaimana untuk menyembahNya, dan bagaimana untuk mengenaliNya. Kesemua Nabi menyampai dan membimbing manusia mengikut peraturan yang telah ditunjukkan oleh lima Nabi Utama: Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan yang akhir Muhammad; yang mana agamanya akan berakhir sehingga ke Hari di Bangkitkan.

KEPERCAYAAN KEPADA SIKSAAN, PAHALA, SYURGA, NERAKA DAN HARI PENGADILAN.

Allah yang Maha Perkasa telah menentukan setiap ganjaran terhadap amalan kita, yang akan diberikan kepada kita di dalam syurga atau neraka. Hari bagi menentukan pemberian ganjaran ini dikatakan Hari Pengadilan. Apabila dunia ini telah kiamat, Allah akan menghidupkan semula semua makhluk di dunia ini dari mula hingga akhirnya. Dia akan menggumpulkan mereka di Mahsar, disuatu tempat dimana semua ruh dikumpulkan. Setelah dipertimbangkan dengan adil, setiap orang akan mendapat ganjaran atau siksaan menurut amalan mereka.

Perkara ini telah tertulis di dalam semua kitab-kitab Allah: Taurat, Injil dan juga al-Quran. Untuk kita, punca yang paling sahih sebagai petunjuk adalah al-Quran, yang telah sampai kepada kita semenjak dari zaman nabi tanpa ada sebarang perubahan. Kita bertindak mengikut arahan yang terkandung di dalamnya, dan kita berharap akan mendapat ganjaran dari Allah. Kita percaya di dalam segala arahan yang wajib yang ada di dalamnya seperti solat [namaz], puasa [ruza], zakat dan khums [cukai tahunan agama], haji dan jihad.

KEPERCAYAAN DI DALAM PERKARA-PERKARA AMALAN.

Begitu juga, kami percaya di dalam perkara-perkara amalan pada agama, termasuk yang wajib, yang sunnah, dan semua peraturan-peraturan yang lain yang telah sampai kepada kita melalui Nabi. Kami berazam untuk mematuhi dan melaksanakan sebaik mungkin yang terdaya. Dan kami menahan diri dari melakukan maksiat, kecil atau besar seperti minum arak, berjudi, fitnah, liwat, rasuah, membunuh, zalim dan lainnya yang dilarang di dalam al-Quran dan hadith.

KEPERCAYAAN KEPADA IMAM.

Kami shia percaya bahawa, sebagaimana adanya pesuruh dari Allah yang telah menyampaikan kepada kita perintah dan peraturan, dan yang telah dipilih dan diperkenalkan kepada kita oleh Allah, maka terdapat juga pengganti, khalifa [ketua] atau penjaga agama, yang juga dilantik oleh Allah, dan diperkenalkan

kepada kita oleh Nabi. Begitulah peraturannya, semua Nabi Allah memperkenalkan penggantinya kepada ummah mereka. Rasul yang terakhir, yang paling sempurna dan paling tinggi diantara semua Nabi Allah, telah meninggalkan kepada pengikutnya Petunjuk untuk menolong manusia menjauhkan diri dari keraguan. Menurut dari hadith yang terkenal, baginda memperkenalkan kepada manusia 12 pengganti baginda: Pertama Ali Ibn Abi Talib. Imam yang terakhir, Mahdi, yang masih berada didunia tetapi tersembunyi, akan keluar pada masa akan datang yang tidak diketahui manusia, dan akan memenuhi dunia ini dengan keadilan dan keamanan.

Shia Imamiyya juga percaya bahawa kesemua 12 Imam ini telah dipilih oleh Allah, dan telah diperkenalkan kepada kita melalui Rasul yang akhir. Imam yang akhir telah ghaib dari pandangan [dengan arahan ilahi] sebagaimana Imam-imam yang terdahulu ghaib, semasa hayat Nabi-nabi yang terdahulu, sebagaimana yang dinyatakan di dalam banyak buku-buku yang ditulis oleh ulama kamu.

Jiwa yang suci ini telah diselamatkan oleh Allah supaya suatu hari nanti beliau akan memenuhi dunia ini dengan keadilan. Secara ringkas shia percaya kepada semua yang ada terkandung di dalam al-Quran dan hadith yang sahih. Saya bersyukur kepada Allah kerana telah memilih kepercayaan ini, tidaklah hanya sebagai ikutan secara membuta tuli dari kedua ibu bapa saya tetapi dari pengajian dan hujah-hujah yang bernas dan yang diterima akal.

Hafiz: Harap maaf tuan, saya amat berterima kasih kepada kamu kerana dapat memberikan penjelasan terhadap kepercayaan shia, tetapi terdapat hadith dan doa di dalam buku-buku kamu yang mengatakan sebaliknya dari keterangan kamu dan telah menunjukkan menyimpangnya shia.

Shirazi: Harap dapat dinyatakan dengan tepat.

BANTAHAN TERHADAP HADITH MENGENAI MARIFA [HADITH MENGENAI PENGETAHUAN TERHADAP ALLAH].

Hafiz: Di dalam ‘Tafsir-e-Safi’ ditulis oleh seorang ulama kamu yang berkedudukan tinggi, Faiz Kashi, terdapat satu hadith bahawa satu hari Imam Husain, syahid Karbala, berucap kepada para sahabatnya dengan berkata: ‘Wahai manusia, Allah tidak menjadikan hambanya tetapi untuk mengenali Dia. Apabila mereka mengenali Dia, mereka akan menyembahNya, apabila mereka menyembahNya, mereka menjadi penentang kepada sembahan yang lainnya.’

Seorang dari sahabat bertanya: ‘Semoga nyawa bapa dan ibu kami dikorban untuk kamu! Wahai anak Nabi! Apakah maksud sebenar pengertian mengenali Allah?

Imam menjawab: ‘Untuk setiap orang pada mengenal Allah bererti mengenali Imam masanya, yang perlu ditaati.’

Shirazi: Pertama, kita harus teliti rangkaian penyampai hadith tersebut supaya kita dapat mengatakan ianya sahih. Walaupun jika ianya betul jika dilihat pada rangkaian penyampainya, ayat-ayat al-Quran dan hadith Nabi yang tidak dipertikaikan sahihnya mengenai KeEsaan Allah tidak boleh diketepikan hanya kerana kenyataan sesaorang. [***]

Mengapa kamu tidak meneliti hadith dan kata-kata Imam kami, dan dialog agama diantara ketua agama kami dengan atheis, yang telah membukti ke Esaan Allah? Mengapa kamu tidak merujuk kepada buku panduan dan komentari shia, seperti ‘Tauhid-e-Mufazzal’, ‘Tauhid-e-Saduq’, ‘Biharul-Anwar’ [Buku mengenai tauhid] dari Allama Majlisi dan buku-buku lain yang ditulis oleh ulama shia, yang penuh dengan hadith yang bersambung dari para Imam?

Mengapa kamu tidak membaca ‘An-Naktul-I’tiqadiyya’, oleh Sheikh Mufid [m. 413H] salah seorang ulama shia, dan juga bukunya ‘Awailul-Maqalat fil-Mazahib wal-Mukhtarra’ atau ‘Ihtijaj’ oleh Alim terkenal, Abu Mansur Ahmad bin Ali bin Abu Talib Tabrasi. Jika kamu telah membacanya kamu akan tahu bagaimana Imam kami, Imam Reza telah membuktikan KeEsaan Allah. Adalah tidak adil untuk memetik laporan yang tidak berasas hanya untuk menghina shia. Buku kamu sendiri mengandungi dongengan dan idea [pendapat] yang aneh. Malah hadith yang mengarut [tidak masuk akal] terdapat dikebanyakkan buku-buku hadith sahih kamu iaitu ‘Siha-e-Sitta [iaitu enam buku hadith yang sahih]

Hafiz: Bahkan kata-kata kamu telah melampau, kini kamu mencari kesalahan pada buku yang keagungannya dan kesahihannya tidak diragukan lagi, terutama sahih Bukhari, dan sahih Muslim. Ulama kami telah sepakat bahawa semua hadith yang ada di dalamnya adalah benar. Jika sesiapa menolak kedua buku ini, dia telah menolak golongan sunna. Selepas al-Quran yang suci, sunni bergantung kepada kesahihan kedua buku ini. Mungkin kamu telah melihat maksud Ibn Hajar Makki pada permulaan bukunya ‘Sawaiq-e-Muhriqa’, Bab ‘The Affair’ [peristiwa khalifanya Abu Bakr (Saqifa)] sebagaimana dirakamkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam sahih mereka, ianya adalah buku yang paling dipercayai selepas al-Quran, menurut kesepakatan semua pengikut [iaitu umma]. Dia telah mengatakan, oleh kerana kesemua umma sepakat menerima hadith-hadith dari buku ini, maka apa sahaja yang telah disepakati oleh umma tidak boleh dipersoalkan. Mengasaskan pada persetujuan ini, maka kesemua hadith yang ada di dalam buku ini dengan tidak diragukan lagi telah boleh diterima. Makanya tiada siapa yang punya keberanian untuk menyatakan bahawa buku ini mengandongi perkara dongeng dan tidak masuk diakal.

LAPORAN YANG ANEH DI DALAM KOLEKSI KEDUA SHEIKH BUKHARI DAN MUSLIM.

Shirazi: Pertama, bahawa buku ini telah diterima oleh semua kommuniti [umma] adalah terbuka pada bangkangan. Kenyataan kamu dengan merujuk kepada Ibn Hajar adalah dengan sendirinya tidak diterima akal, kerana 100 juta Muslim tidak menerima pendapat ini. Makanya kesepakatan seluruh umma dalam perkara ini samalah seperti kesepakatan yang dikatakan oleh ulama kamu di dalam perkara perlantikan khalifa. Kedua, apa yang saya katakan berasaskan dari penghujahan yang diterima pakai. Jika kamu kaji buku-buku tersebut dengan minda yang terbuka, kamu akan terperanjat. Banyak dari ulama kamu yang terkenal, seperti Dar Qutni, Ibn Hazam, Allama Abul-fazl Jafar bin Thalabi di dalam bukunya 'Kitabul-Imta' fi Ahkamus-Sama', Sheikh Abdul Qadir bin Muhammad Qarshi di dalam bukunya 'Jawahirul-Mazay'a fi Tabaqatul-Hanafiyya', dan lainnya, termasuk kesemua ulama Hanafi, telah mengkritik kedua sahih ini, dan mengaku terdapatnya beberapa hadith yang lemah dan juga yang tidak disahkan. Objektif sebenar Bukhari dan Muslim hanya sekadar untuk mengumpulkan hadith; bukan untuk mempertimbangkan akan kesahihannya. Beberapa orang para penyelidik kamu, seperti Kamalud-Din Jafar bin Salih telah bersusah payah untuk menunjukkan akan kecacatan dan kekurangan pada hadith-hadith itu dan telah menunjukkan asas-asas yang diterima di dalam menyokong pada hujah mereka.

Hafiz: Saya menghargai jika kamu boleh bentangkan hujah-hujah itu, supaya hadirin semua boleh mengetahui perkara yang sebenar.

Shirazi: Saya akan menyebutkan beberapa contoh.

RUJUKAN MENGENAI MELIHAT KEPADA ALLAH.

Jika kamu ingin mengkaji hadith yang menyimpang mengenai penyerupaan Allah, yang mengatakan bahawa Dia, sebagai yang bertubuh, boleh dilihat didunia ini, atau boleh dilihat diakhirat [sebagaimana yang dipercayai oleh sunni, i.e. Khususnya Hanbali dan Ashari] kamu boleh merujuk dari buku kamu, terutama sahih Bukhari jilid I, di dalam bahagian 'Fazlas-Sujud Min Kitabul-Adhan', muka surat 100; Jilid IV, muka surat 92; dari sahih Muslim, 'Babus-Sira Min Kitabur-Riqaq' dan juga sahih Muslim, jilid I, di dalam Bab 'Isbatul-Ruyatul-Mukminin Rabbahum Fil-Akhira,' muka surat 86; dan 'Musnad' Imam Hanbal, jilid II, muka surat 275. Kamu akan menjumpai maklumat yang mencukupi berkenaan tajuk jenis ini di dalam buku tersebut. Sebagai contoh, Abu Huraira berkata: 'Gempar dan goncangan [mengelegak] neraka makin bertambah, ianya tidak akan tenteram sehingga Allah meletakkan kaki kedalamnya. Neraka akan berkata, cukup, cukup! Telah mencukupi untuk saya.' Abu Huraira juga mengatakan bahawa sekumpulan manusia bertanya kepada nabi, 'Dapatkah kita melihat yang Menjadikan pada Hari

Pengadilan? Dia menjawab: ‘Sudah pasti. Pada tengah hari apabila langit cerah, adakah matahari menyakitkan kamu, jika kamu melihat kepadanya?’ Mereka berkata, ‘Tidak’ Dia berkata lagi, ‘Diwaktu malam jika kamu melihat kepada bulan penuh dilangit yang cerah, adakah ianya menyakitkan kamu? Mereka berkata, ‘Tidak’ Dia meneruskan, ‘Maka apabila kamu melihat Allah pada Hari Pengadilan, kamu tidak akan merasa sakit, sebagaimana ianya tidak sakit pada melihat ini [matahari dan bulan] Apabila Hari Pengadilan tiba, ianya akan diistiharkan oleh Allah bahawa setiap umma akan mengikuti tuhan mereka. Maka setiap orang yang menyembah berhala atau yang selain dari Allah, yang Satu, akan dimasukkan kedalam neraka. Begitu juga semuanya orang yang baik dan jahat akan dimasukkan kedalamnya, melainkan yang menyembah Allah yang Esa. Mereka akan berada di dalam api neraka.

Pada masa itu Allah akan menjelma, dalam satu bentuk dihadapan manusia supaya mereka dapat melihat. Kemudian Allah akan memberitahu mereka yang ianya adalah Allah tuhan mereka. Yang beriman akan berkata, ‘Kami berlindung denganMu Allah. Kami tidaklah tergolong dengan mereka yang menyembah yang lain; melainkan Allah.’ Allah akan menjawab, ‘Adakah kamu mempunyai apa-apa tanda diantara kamu dengan Allah, supaya kamu dapat melihatnya dan mengenalinya? Mereka berkata, ‘Ya’ Maka Allah menunjukkan kakinya yang tidak berbalut. Kemudian yang beriman akan mengangkat kepalanya keatas dan melihat kepadaNya didalam keadaan yang sama seperti mereka melihatnya pada pertama kali dahulu. Kemudian Allah akan berkata bahawa Dialah yang Menjadikan. Kesemuanya akan mengakui bahawa Dia adalah Allah mereka.’

Sekarang terpulanglah kepada kamu untuk memikirkan sama ada kenyataan seperti ini boleh membawa kepada kekafiran atau tidak, bahawa Allah akan menjelma dihadapan manusia dan mendedahkan kakiNya!!! Dan sokongan yang paling kuat bagi menyokong hujah saya datangnya dari Muslim bin Hajjaj yang pada permulaan Bab di dalam sahihnya mengenai pembuktian pada melihat Allah, dan telah menyebutkan kenyataan yang direkacipta dari Abu Huraira, Zaid bin Aslam, Suwaid bin Sa’d, dan lainnya. Dan sebahagian ulama terkenal kamu seperti Dhahabi di dalam ‘Mizanul-Itidal’ dan Suyuti di dalam bukunya ‘Kitabul-Luualial-Masnua fi Hadithu-Muzua’ dan Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Al-Muzua’ telah membuktikan dengan asas-asas yang boleh diterima bahawa kenyataan itu telah diada-adakan.

AL-QURAN MENOLAK DOKTORIN ALLAH DAPAT DILIHAT.

Jika tidak terdapat sebarang bukti untuk menyangkal kenyataan diatas, ayat-ayat suci dari al-Quran dengan terang telah menolak doktorin yang mengatakan Allah dapat dilihat. Allah berkata: ‘Pandangan tidak dapat mengandongi Dia, dan Dia

memperdapat [semua] penglihatan… [6:103]

Lagi, apabila Nabi Musa digesa oleh Israel untuk pergi ketempat sembahyangnya dan memohon kepada Allah untuk ‘menunjukkan dirinya kepada beliau’ al-Quran telah merakamkan kejadian itu sebagai berikut: ‘Dia [Musa] berkata: ‘Tuhan ku, tunjuklah kepada ku [Dirimu], supaya aku dapat melihat keatas Kamu,’ Dia berkata: ‘Kamu tidak dapat [manahan] melihat Ku…. [7:143]

Seyyed Abdul-Hayy: [Imam bagi Jama’a ahli sunna] Tidakkah ianya satu bukti [fakta] bahawa Ali berkata: ‘Saya tidak menyembah Tuhan yang saya tidak dapat melihat.’

PENGHUJAHAN DAN HADITH MENGENAI MELIHAT KEPADA ALLAH.

Shirazi: Kawan yang dihormati, kamu telah mengeluarkan satu ayat dari kontek yang asal, saya akan menyebutkan keseluruh teknya untuk kamu. Hadith ini telah dirakamkan oleh seorang mulia Sheikh Muhammad Ibn Yaqub Kulaini di dalam ‘Usul Kafi’, Jilid dalam Tauhid, begitu juga Sheikh Saduq di bukunya mengenai Tauhid, Bab ‘Ibtal Aqida Ruyatullah.’ Imam Jafar as-Sadiq telah disebutkan sebagai berkata, ulama Yahudi bertanya kepada Amirul Mukminin Ali, sama ada dia melihat Allah pada masa solat. Imam menjawab: ‘Dia tidak boleh dilihat dengan mata fizikal. Adalah hati yang dapat melihatNya melalui cahaya kebenaran keyakinan.’ Daripada jawapan Ali, bahawa, apa yang dimaksudkan dengan melihat Allah bukanlah melihat Dia dengan mata tetapi melalui cahaya kepercayaan yang ikhlas. Terdapat banyak bukti lain yang berdasarkan kepada hujah dan fakta yang dirakamkan untuk menunjukkan benarnya pandangan kami. Lebih-lebih lagi selain dari ulama shia, ulama kamu sendiri seperti Qazi Baidhawi dan Jarullah Zamakhshari, telah membuktikan di dalam komentar mereka bahawa adalah mustahil untuk melihat Allah. Sesiapa yang mempercayai boleh melihat Allah, didunia ini atau diakhirat, mempercayai bahawa Dia mempunyai bentuk fizikal. Untuk mempercayai ini [Allah mempunyai fizikal] adalah kafir.

RUJUKAN SETERUSNYA TERHADAP KEANEHAN YANG TERDAPAT DI DALAM KEDUA KOLEKSI HADITH SAHIH.

Kamu menganggap bahawa keenam buah buku hadith kamu, terutama dari Bukhari dan Muslim adalah seperti buku wahyu. Saya harap kamu dapat melihat di dalamnya secara objektif, dan tidak melampaui batas di dalam menyanjungnya. Bukhari di dalam Bab ‘Kitab-e-Ghusl’ dan Muslim di Bahagian II pada sahihnya [di dalam Bab kemuliaan Nabi Musa] dan Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’

nya, bahagian II, ms 315, dan ulama kamu yang lain telah menyebutkan dari Abu Huraira sebagai berkata: 'Diantara Bani Israel, telah menjadi adat untuk mandi bersama tanpa pakaian, supaya mereka dapat menjengok kearah kemaluan orang yang lain. Mereka tidak menganggapnya sebagai satu bantahan. Hanya Nabi Musa masuk kedalam air sendirian, supaya tiada siapa yang dapat melihat kepada kemaluannya. Bani Israel mengatakan bahawa Nabi Musa mempunyai kemaluan yang tidak sempurna, maka dia menjauhkan diri dari mandi bersama mereka. Satu hari Nabi Musa pergi kesungai untuk mandi, dia membuka pakaian dan meletaknya diatas batu, dan masuk kedalam sungai. Batu itu lari bersama pakaiannya. Musa mengejar batu itu, telanjang, menjerit: 'Pakaian saya wahai batu pakaian saya.' Bani Israel melihat Musa tidak berpakaian dan berkata: 'Demi Allah! Musa tidak mempunyai kecacatan pada kemaluannya. Batu itu kemudian berhenti, dan Musa mengambil pakaiannya. Kemudian Musa memukul batu itu dengan kuat sehingga terdengar enam atau tujuh kali batu itu menjerit kesakitan.'

Adakah kamu benar-benar percaya bahawa perkara sedemikian boleh berlaku kepada Nabi Musa, atau batu itu, iaitu suatu benda mati, boleh lari dengan pakaiannya? Pastinya tidak masuk akal untuk Nabi Musa berlari tanpa pakaian dihadapan manusia.

Saya akan mengatakan hadith lain yang telah dirakamkan di dalam sahih mereka, sesuatu yang lebih pelik lagi. Bukhari menyebut dari Abu Huraira di dalam sahihnya jilid I ms 158; dan jilid II ms 163; dan lagi di dalam Bab 'Kematian Nabi Musa,' dan Muslim juga menyebut dari punca yang sama di dalam sahihnya jilid II ms 309 di dalam Bab 'Pada kemuliaan Musa' sebagai berkata: 'Malaikat maut datang kepada Nabi Musa dan bertanya kepada dia, sama ada untuk menerima pelawaan dari yang Menjadikan. Setelah mendengarkan ini, Musa berikan satu tamparan pada mukanya, sehingga dia kehilangan satu dari matanya. Maka dia pulang kepada Allah dan mengadu bahawa Dia [Allah] telah menghantarnya kepada seorang yang tidak mahu mati dan dia telah dipukulnya sehingga kehilangan sebuah biji mata. Allah menyembuhkan matanya dan memerintahkan untuk pergi lagi kepada Nabi Musa, dan memberitahu kepadanya jika dia mahu kehidupan yang lebih lama, dia harus meletakkan tangannya dibelakang lembu. Dia akan hidup selama banyaknya tahun seperti mana jumlah bulu yang ditutupi oleh tangannya.' Imam Ahmad Ibn Hanbal di dalam 'Musnad' nya jilid II, ms 315, dan Muhammad bin Jarir Tabari di dalam sejarahnya, jilid I, dibawah tajuk 'Kematian Nabi Musa.' Menyatakan peristiwa yang sama dari Abu Huraira dengan tambahan bahawa; sehinggalah sampai dizaman Nabi Musa, malaikat maut biasanya datang dan dengan secara fizikal akan memisahkan ruh dari jasad. Tetapi setelah Musa menampar mukanya, dia kini datang dengan tidak boleh dilihat.

Sekarang terpulanglah kepada kamu untuk mengadilinya apakah jenis kata-kata dongeng yang telah dimuatkan di dalam koleksi hadith, yang kamu katakan

sebagai yang paling betul dari semua buku selepas al-Quran. Kenyataan yang saya telah sebutkan itu pastinya telah mencela kehormatan Nabi Allah. Dan terhadap Abu Huraira, saya tidak merasa hairan dengan penyampaiannya. Ulama kamu sendiri telah mengaku bahawa demi untuk mengisi perutnya dari makanan mewah yang disediakan oleh Muawiya, dia sanggup mengada-ada hadith. Disebabkan oleh pengubah-suaian ini, khalifa Umar telah menderanya. Amatlah menakjubkan bahawa manusia yang berfikiran tinggi boleh mempercayai cerita yang sedemikian anehnya.

Sekarang marilah kita kembali kepada perbicangan kita mengenai hadith yang kamu sebutkan. Biasanya, seorang yang adil yang melihat sebutan yang disampaikan oleh seorang penyampai, akan membandingkannya dengan hadith yang telah pasti sahihnya. Dia harus memperbetulkannya atau menolaknya terus, selain daripada menggunakannya untuk menyerang saudaranya atau golongan lain dan kemudian memanggil mereka kafir. Oleh keran 'Tafsir-e-Safi' tidak ada bersama saya, maka kami tidak dapat menyatakan tentang kesahihan hadith ini.

***Walaupun jika ianya benar, kita harus bergantung kepada prinsip iaitu jika kita tahu kesannya, maka kita akan tahu penyebabnya. Maka, jika kita tahu Imam itu adalah Imam sebenar, kita pasti tahu pengenalan terhadap Allah, dalam cara yang sama bahawa, jika sesaorang kenal kepada Perdana Menteri, dia pasti mengenali raja [agung].

Ini adalah rujukan terhadap prinsip pada Bab Tauhid, dan ayat-ayat lain dari al-Quran yang telah diwahyukan. Lebih-lebih lagi, terdapat banyak hadith mengenai ke Esaan Allah yang disampaikan oleh Imam Husain sendiri dan Imam yang lainnya. Pada mengenali Imam kamu, ianya adalah satu bentuk ibadah kepada Allah. Maksud yang sama telah diberikan di dalam 'Ziarat-e-Jamia' yang mana telah sampai kepada kami dari Imam kami yang suci. Kami boleh juga menterjemahkannya dengan cara yang lain, sebagaimana kebiasaan para ulama telah lakukan di dalam perkara yang sebegini. Setiap yang melakukan sesuatu amalan itu hendaklah difahami akan asal mula amalannya. Oleh kerana Nabi dan keturunannya telah mendapat kedudukan yang tertinggi yang tidak termampu oleh manusia biasa, tidak ada yang lain, dapat kemuliaan sebagaimana mereka. Dan merekalah paling terbukti di dalam mengenali Allah, maka sesiapa yang mengenali mereka, akan mengenali Allah. Sebagaimana mereka sendiri telah berkata: 'Hanyalah melalui kami yang Allah dapat dikenali, dan hanyalah melalui kami yang Allah dapat disembah [dengan sempurna].' Kami percaya bahawa keluarga Nabi telah mengajarkan kepada kami pengetahuan mengenai Allah dan cara yang betul untuk menyembahnya. Orang yang tidak mengikuti mereka, telah tersesat diperjalanan.

HADITH-E-THAQALAIN.

Untuk menekankan pada maksud yang sama, Nabi berkata di dalam hadith yang dipersetujui oleh kedua-dua golongan: ‘Wahai manusia! Saya telah tinggalkan untuk kamu dua perkara yang hebat [bagi penguasa]: Kitab Allah dan ahli bayt ku. Jika kamu berpegang teguh kepada dua ini, niscaya kamu tidak akan menyimpang sesudah ku [kerana sesungguhnya kedua ini tidak akan berpisah sehingga mereka bertemu dengan ku dipancutan Kauthar]

Hafiz: Kami tidak percaya pada hadith itu, yang mana kamu cuba ketengahkan. Terdapat banyak perubahan di dalam buku-buku kamu dan banyak contoh bagi syirik, umpama meminta sesuatu dari para Imam yang sepatutnya diminta kepada Allah. Apa itu syirik? Syirik bererti memaling kepada sesaorang atau benda selain dari Allah untuk mendapatkan kepuasan atau keperluan. Telah dilihat bahawa shia tidak pernah meminta kepada Allah. Mereka meminta kepada Imam. Ini tidak lain hanya syirik.

Shirazi: Saya khuwatir kamu telah merobah fakta. Mungkin jika saya dibenarkan untuk menyatakan kepada kamu apakah syirik itu menurut pandangan para ulama Islam yang termashor dan menurut dari ayat-ayat suci al-Quran.

SYIRIK DAN JENIS-JENISNYA.

Syirik itu ada dua jenis: syirik zahir dan syirik bathin. Syirik zahir bererti mensekutukan sesaorang atau sesuatu dengan Allah yang Maha Sempurna atau dengan zatnya. Sekutukan dengan Allah bererti menyamakan sesuatu dengan keEsaanNya dan melafazkannya dengan lidah, seumpama Sanamiyya [penyembah berhala] atau Zoroastrian, yang mempercayai pada dua prinsip: cahaya dan kegelapan. Kristisn juga melakukan ini. Mereka mempercayai di dalam Trinity, tiga dalam satu, dan membahagi ketuhanan kepada tiga bahagian, bapa, anak, ruh suci. Mereka percaya pada kerekter-kerekter mereka yang berasingan bagi setiap satu, dan selagi ketiganya tidak bersatu, diri tuhan itu tidak akan sempurna. Al-Quran menolak kepercayaan ini, dan Allah yang Maha Berkuasa telah menyatakan keEsaanNya di dalam perkataan ini: ‘Sesungguhnya telah kafirlah yang berkata: Sesungguhnya Allah adalah yang tiga; tidak ada tuhan tetapi yang satu, Allah….’ [5:73]

Mengadakan sesuatu dengan zat ilahi bererti mempercayai bahawa zatNya, seperti juga ilmuNya atau kuasaNya adalah terbahagi dari atau sebagai tambahan kepada, Dirinya yang serba sempurna. Kumpulan Ashari dari Abul-Hasan Ali bin Ismail Ashari Basari, telah dinyatakan oleh ulama kamu yang terkemuka seperti Ali bin Ahmad di dalam bukunya ‘Al-Kashf’ dan ‘Minhajul-Adila fi Aqaidil-Milla [The Open Just Revelation of the Belief of Nation] ms 57, pada mempercayai bahawa

zat Allah adalah sebagai tambahan kepada DiriNya yang sempurna, yang kekal. Maka sesiapa yang percaya bahawa sebarang kualiti atau zat DiriNya dalam apa jua pun sebagai tambahan pada DiriNya yang Maha Sempurna adalah syirik. Setiap zat diriNya adalah penting bagiNya. Syirik adalah tindakkan sesaorang yang bermaksud untuk menyamakan sesuatu dengan KemahuanNya yang tiada berkesudahan

Yahudi mempercayai bahawa Allah menjadikan makhluk, dan kemudian melepaskan DiriNya dari makhluk itu. Di dalam kutukan terhadap manusia seperti ini, ayat berikut telah diwahyukan: 'Dan orang Yahudi telah berkata: 'Tangan Allah telah terikat! Tangan merekalah yang dirantai dan mereka akan dikutuk terhadap apa yang mereka katakan. Tidak kedua tanganNya terbuka luas, Dia mengembangkannya sebagaimana yang Dia kehendakki…' [5:64]

Ghalis atau Ghulat [pelampau] membentuk satu lagi kumpulan syirik. Mereka juga dipanggil Mufawwiza. Mereka percaya bahawa Allah telah mengagihkan kuasanya atau mengamanahkan segala urusan kepada Imam yang suci. Menurut mereka, para Imam adalah yang menjadikan, dan mereka juga memberi rezeki. Yang pastinya mereka yang mempercayai adanya sekutu bagi penguasaan Tuhan adalah syirik.

SYIRIK DI DALAM BERIBADAH.

Syirik di dalam beribadah bererti, dengan sengaja memalingkan arah perhatian di dalam beribadah kepada makhluk yang dijadikan selain dari Allah. Jika sesaorang bermaksud untuk berdoa [meminta] kepada makhluk yang dijadikan, itu adalah syirik, Al-Quran yang suci telah menghalangnya dengan kata-kata ini: '….sesiapa yang hasrat untuk menemui Tuhannya, dia hendaklah melakukan amalan yang baik, dan tidak mensekutu apa-apa dengan Tuhannya.' [18:110] Ayat ini menunjukkan bahawa asas bagi keimanan adalah, manusia hendaklah melakukan apa sahaja yang baik dan tidak menyamakan apa-apa dengan Allah di dalam memberikan ketaatan dan beribadah kepadaNya. Di dalam perkataan lain, dia yang mengerjakan solat atau menunaikan haji, atau melakukan apa sahaja amalan yang baik hanya sekadar untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia akan kebaikannya, itu adalah syirik. Dia telah sekutukan yang lain dengan Allah di dalam melakukan segala amalannya. Menunjuk-nunjukkan amalan yang baik adalah syirik yang kecil yang mana telah menghapuskan segala pahala. Ianya telah dilaporkan bahawa Nabi telah berkata: 'Tahanlah diri dari syirik yang kecil.' Manusia bertanya kepada baginda: 'Wahai Nabi Allah, apakah syirik yang kecil?' Baginda menjawab: 'Al-riya Was-sama' [i.e. menunjuk-nunjuk kepada manusia, atau memperdengarkan kepada mereka mengenai ibadah kamu kepada Allah] juga Nabi telah berkata: 'Perkara yang paling buruk yang saya takuti untuk kamu adalah syirik yang tersembunyi, maka jauhkanlah diri kamu daripadanya kerana

syirik ini diantara umma ku adalah lebih tersembunyi dari semut yang merangkak diatas batu pada malam yang gelap.' Baginda berkata lagi: 'sesaorang yang melakukan solat dengan cara menunjuk-nunjuk adalah syirik. Sesaorang yang terus berpuasa, atau memberi sedekah, atau menunaikan haji, atau membebaskan hamba hanya untuk menunjukkan kepada manusia akan kebaikkannya atau untuk mendapat nama yang baik adalah syirik.' Dan oleh kerana baris yang akhir ini adalah mengenai perkara hati, maka ia telah termasuk kedalam syirik yang tersembunyi.

Hafiz: Kami fahami dari kenyataan kamu bahawa jika sesaorang membuat tawaran kepada makhluk, dia adalah syirik. Maka shia juga syirik, oleh kerana mereka membuat tawaran kepada para Imam dan anak-anak mereka.

MENGENAI TAWARAN ATAU IKRAR.

Shirazi: Jika kita ingin mengetahui kepercayaan bagi sesuatu umma, kita janganlah bergantung kepada manusia jahil dari komuniti tersebut. Kita hendaklah mempelajari buku-buku mereka yang dipercayai. Jika kamu hendak mempelajari shia, janganlah mulakan dengan pengemis shia yang dijalanan, yang menyebut-nyebut: 'O Ali, O Imam Reza,' dan atas dasar itu kamu mengistiharkan shia sebagai syirik. Begitu juga, jika manusia jahil membuat ikrar atau tawaran diatas nama Imam atau anak-anaknya, tidaklah wajar bagi kamu untuk menghina semua shia. Jika kamu mempelajari buku perundangan shia, kamu akan dapati bahawa tidak terdapat satu pun bayangan syirik ataupun yang pelik. Penegasan terhadap ke Esaan Allah telah disebutkan dimana-mana. Buku yang termashor, 'Sharhe luma' dan 'Sharai', boleh didapati dimana-mana dengan mudah dan kamu perlu mempelajarinya. Di dalam Bab 'Tawaran' bahagian perundangan shia yang sah telah menyatakan, di dalam kedua buku-buku yang disebutkan diatas dan banyaklagi di dalam penerbitan yang lain.

Oleh kerana nazar adalah salah satu daripada bentuk tawaran, maka perlu adanya niat pada mencari untuk mendekatkan diri kepada Allah. Terdapat dua syarat untuk nazar yang sah: Niat, dan lafaz yang diucapkan dengan perkataan dalam apa juga bahasa. Mengenai syarat yang pertama, niat, ianya hendaklah semata-mata kerana Allah. Syarat kedua, penuhi syarat pertama; orang yang membuat tawaran [nazar] hendaklah mengatakan dalam perkataan bahawa ianya hanya untuk Allah. Sebagai contoh, jika dia berikrar hendak meneruskan puasa atau meninggalkan minum arak, dia hendak membuatkan niatnya dengan perkataan yang mengandungi 'lillah' [kerana Allah], yang tanpanya tawaran itu tidak sah.

TAWARAN DENGAN NAMA ALLAH.

Jika kita membuat tawaran tidak dengan menggunakan nama Allah, tetapi dengan

nama seorang yang lain, sama ada dia telah mati atau masih hidup, atau kita masukkan namanya bersama nama Allah, walaupun jika dia seorang Imam atau anaknya, maka tawaran itu tidak sah. Jika ini dilakukan dengan sengaja dan dengan berpengetahuan maka ianya adalah syirik, sebagaimana jelasnya dari ayat: '… dan jangan sekutukan sesaorang di dalam beribadah kepada Tuhanmu [18:110] Para perundangan shia bersetuju, untuk membuat tawaran diatas nama sesaorang termasuk nabi atau Imam adalah salah. Jika ianya dilakukan dengan sengaja maka itu adalah syirik. Tawaran mestilah dibuat atas nama Allah, walaupun kita diperbolehkan untuk malaksanakannya pada bila-bila masa yang kita hajati. Sebagai contoh, jika sesaorang dengan nama Allah membawa kambing kepada rumah yang tertentu atau tempat beribadah atau makam seorang Imam dan menyembelihnya disana, tidak ada kesalahan pada perbuatan itu. Juga, jika dia berikrar dan memberikan wang atau pakaian atas nama Allah kepada seorang Seyyed tertentu, keturunan dari nabi, atau memberi sedekah kepada anak yatim atau fakir miskin, tidak ada kesalahan padanya. Akan tetapi jika dia berikrar untuk membuat tawaran [nazar] hanya disebabkan kerana Nabi atau Imam, anak kepada Imam, atau sesiapa yang lainnya, ianya adalah ditegah. Jika dilakukan dengan sengaja, itu adalah syirik. Adalah tanggong jawab setiap Nabi atau penguasa agama untuk mengajar manusia sebagaimana al-Quran berkata: 'Katakan: Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul; tetapi jika kamu berpaling; maka atasnya apa-apa yang diwajibkan atasnya, dan atas mu apa-apa yang diwajibkan atas mu…. [24:54]

Adalah tanggong jawab manusia untuk mendengar apa yang Nabi Allah telah katakan dan untuk beramal dengannya. Bagaimana pun jika sesaorang itu tidak memperduli untuk mengikuti arahan Tuhan atau mengamalkannya, ia tidak merosakkan kepercayaan atau prinsip yang mana kepercayaan itu berasal.

SYIRIK TERSEMBUNYI: MEMAPARKAH IBADAH.

Jenis syirik yang kedua adalah syirik yang tersembunyi, seperti memaparkan solat kita atau apa juga bentuk ibadah yang lainnya. Perbezaan diantara syirik ini dengan syirik di dalam solat adalah, di dalam perkara syirik di dalam solat kita sekutukan sesuatu atau mekhluk dengan Allah. Jika sesaorang menumpukan perhatiannya terhadap sesuatu selain dari Allah, di dalam solat wajib, atau jika dengan ajakkan syaitan, dia mempunyai gambaran tuhan di dalam fikirannya, atau sesaorang menjadi tumpuannya, maka itu adalah syirik. Tiada yang lain, melainkan Allah menjadi tumpuan ibadah kita. Nabi berkata bahawa jika sesaorang melakukan amalan yang baik dan mejadikan sekutu bagi Allah di dalam amalan tersebut, maka kesemua amalan tersebut adalah bagi sekutunya. Allah bencikan amalan tersebut bersama dengan pengamalnya. Juga telah disampaikan bahawa Nbai berkata jika seaorang melakukan solat wajib, berpuasa, menunaikan haji dan dia mempunyai tanggapan bahawa dengan melakukan semua ini manusia

akan memujinya, ‘maka sesungguhnya, dia telah mengadakan sekutu bagi Allah di dalam amalannya.’

Telah dinyatakan dari Imam Jafar Sadiq bahawa jika sesaorang melakukan satu amalan kerana takutkan Allah atau untuk ganjaran dihari akhirat, dan dimasukkan juga kesenangan makhluk, maka yang melakukan amalan tersebut adalah syirik.

SYIRIK TERHADAP PENYEBAB.

Satu jenis syirik adalah yang berkait dengan penyebab, oleh kerana kebanyakkan manusia mengantungkan harapan dan takut mereka pada penyebab sebab. Ini juga adalah syirik tetapi dimaafkan. Syirik membawa erti bahawa kekuasaan terletak khusus pada penyebab sebab. Sebagai contoh, sinaran matahari menghidupkan banyak hidupan didunia ini, tetapi jika sesaorang beranggapan bahawa kuasa itu dimilikki matahari, mak itu adalah syirik. Bagaimanapun jika kita percaya bahawa kuasa matahari diberikan oleh Allah, dan ianya adalah penyebab dari anugerahNya, maka ini bukanlah syirik. Bahkan ini merupakan suatu bentuk ibadah, oleh kerana menumpukan perhatian kepada tanda-tanda kebesaran Allah adalah permulaan pada pelaksanaan ibadah hanya untuk Allah. Rujukan telah dibuat di dalam ayat al-Quran yang bermaksud bahawa kita perlu memerhatikan pada tanda-tanda kebesaran Allah kerana ia akan membawa kepada penumpuan terhadap Allah. Dengan cara yang sama, pergantungan kepada penyebab sebab [perniaga kepada perniagaannya, petani kepada pertaniannya] menjadikan sesaorang syirik, jika dia mengalihkan perhatiannya daripada Allah.

Bergantung pada penjelasan yang diatas mengenai syirik, contoh manakah yang telah diperkatakan boleh dianggap telah diperlakukan oleh shia? Dengan cara yang bagaimana, dari sudut pandangan solat, kepercayaan, atau hadith shia yang kamu telah lihat, yang membolehkan mereka dituduh syirik?

Hafiz: Saya mengakui apa yang kamu katakan adalah benar, tetapi jika kamu berhenti sejenak untuk mengambil masa berfikir, kamu akan setuju bahawa untuk bergantung kepada para Imam adalah syirik. Oleh kerana tidak perlu mencari kepada makhluk untuk mendekati Allah, kita harus meminta pertolongan kepada Allah terus.

MENGAPA NABI MEMINTA PERTOLONGAN KEPADA MAKHLUK.

Shirazi: Amat pelik bahawa kamu telah mengabaikan apa yang saya telah kata selama ini. Adakah syirik untuk meminta pertolongan dari orang lain pada memenuhi hajat kita? Jika ini adalah benar, kesemua manusia adalah syirik. Jika meminta bantuan dari orang lain adalah syirik, mengapa Nabi meminta bantuan

dari makhluk? Kamu hendaklah mempelajari ayat-ayat dari al-Quran supaya kamu boleh mengetahui mana yang benar dan betul. Ayat yang berikut ini perlu diberikan perhatian: ‘Dia berkata: wahai ketua-ketua, siapakah dari kamu boleh membawakan kepada ku mahkotanya sebelum mereka datang kepada ku dengan tunduk? Ifrit berkata: ‘saya akan membawanya kepada kamu sebelum kamu bangun dari dari tempat duduk, dan sesungguhnya saya amat kuat dan boleh dipercayai untuk itu.’ Berkata yang punya ilmu dari kitab: ‘Saya akan bawakannya kepada kamu dalam sekelip mata.’

Kemudian apabila dilihat ada disebelahnya, dia berkata: ‘Ini adalah kurnia dari Tuhanku… [27:38 – 40]

Membawa mahkota Bilqis [Ratu Sheba] kepada Sulayman adalah mustahil bagi makhluk. Diakui, luar biasa, dan Nabi Sulayman, walaupun mengetahui bahawa ianya memerlukan kuasa ilahi [ketuhanan], tidak meminta Allah untuk membawakan mahkota tersebut, tetapi meminta kepada makhluk untuk menolongnya. Fakta ini menunjukkan bahawa meminta pertolongan kepada yang lain tidaklah syirik. Allah penyebab utama, yang telah menjadikan sebab-sebab didunia ini. Syirik adalah perkara hati. Jika seorang meminta pertolongan sesaorang yang lain dan dia tidak menganggap orang itu sebagai sekutu bagi Allah, ianya tidaklah ditegah. Situasi begini lumrah dimana-mana. Orang pergi kerumah orang lain dan meminta bantuannya dengan tidak menyebutkan nama Allah. Jika saya pergi berjumpa doktor dan meminta dia menyembuhkan saya, adakah itu syirik? Dan lagi, jika sesorang sedang lemas, dia menjerit meminta tolong, adakah dia syirik?

Silalah berlaku adil, dan janganlah memutarkan fakta. Kesemua komuniti shia percaya bahawa jika sesaorang menganggap keturunan nabi sebagai Allah atau sekutu bagi DiriNya, pasti dianya syirik. Kamu mungkin pernah dengar shia yang dalam kesusahan berkata: ‘Wahai Ali, bantulah saya! Wahai Husain, tolonglah saya!” ini tidak bererti: ‘Wahai Allah Ali, tolonglah saya! Wahai Allah Husain, tolonglah saya!’

Tetapi yang sebenarnya adalah dunia ini tempat penyebab bagi segala sebab, makanya kami menganggap mereka sebagai cara penyampai bagi menghilangkan segala kesusahan. Kami meminta pertolongan Allah melalui mereka.

Hafiz: Sepatutnya diminta kepada Allah terus, mengapa kamu meminta melalui perantara?

Shirazi: Perhatian tetap kami mengenai keinginan, kesusahan, dan penderitaan hanya tertumpu kepada Allah. Tetapi al-Quran yang suci berkata bahawa kita hendaklah mencapai kehadrat Allah melalui satu cara pendekatan: ‘Wahai orang-orang yang beriman! Laksanakanlah tanggong jawab kamu terhadap Allah dan

carilah cara untuk mendampingi Dia.' [5:35]

AHLI MUHAMMAD YANG SUCI ADALAH CARA KEPADA RAHMAT ALLAH.

Kami shia tidak menganggap keturunan nabi adalah penyelesaian terhadap segala masalah kami. Kami menganggap mereka sebagai hamba Allah yang paling wara' dan sebagai cara untuk rahmat Allah. Kami meletakkan diri kami kepada keluarga yang suci itu kerana mengikuti arahan nabi.

Hafiz: Mengapa kamu katakan, perkataan 'cara untuk mendampingi' di dalam ayat yang diatas merujuk kepada keturunan nabi?

Shirazi: Didalam banyak hadith, nabi mengutarakan kepada kita bahawa apabila di dalam kesusahan kita merayu keturunannya sebagai cara untuk mendampingi kepada Allah. Banyak dari ulama kamu, seperti Hafiz Abu Nuaim Isfahani, di dalam bukunya 'Nuzulul-Quran fi Ali' [Wahyu al-Quran mengenai Ali], Hafiz Abu Bakr Shirazi di dalam bukunya 'Ma Nazala minal-Quran fi Ali' dan Imam Ahmad Thalabi di dalam Tafsirnya [Komentari] mengatakan bahawa wasilat [bererti mendampingi] di dalam ayat yang diatas bererti keturunan nabi. Rujukan ini telah terdapat dari banyak hadith nabi. Ibn Abil-Hadid Mutazali, seorang ulama yang disegani, berkata di dalam bukunya 'Sharhe Nahjul-Balagha' jilid IV, ms 79; bahawa Bibi Fatima Zahra merujuk kepada maksud ayat ini dihadapan puak Muhajir dan Ansar, semasa menyampaikan ucapannya di dalam hubungan perampasan hartanya Fadak, di dalam perkataan yang berikut:

'Saya menyanjung Allah yang mana Kehormatan dan CahayaNya dicari oleh penduduk langit dan bumi untuk cara mendampingi kepadaNya. Diantara makhlukNya kami adalah cara untuk mendampingi.'

HADITH-E-THAQALAIN [HADITH PADA DUA PERKARA PENTING]

Diantara banyak hujah yang telah diterima mengenai perlunya kita mengikuti keturunan nabi adalah Hadith Thaqalain, yang mana kesahihannya telah dipersetujui oleh kedua golongan. Nabi berkata: 'Jika kamu memegang teguh kepada dua ini, tidak sekali-kali kamu akan menyimpang setelah aku.'

Hafiz: Saya fikir kamu telah tersilap apabila kamu katakan bahawa hadith ini adalah sahih dan ianya telah diterima oleh semua, ianya tidak diketahui oleh ulama kami yang ulung. Untuk membuktikan ini saya perlu katakan bahawa penyampai hadith yang agung dari golongan kami, Muhammad bin Ismail Bukhari, tidak merakamkan di dalam sahihnya, buku yang paling dipercayai selepas al-

Quran.

Shirazi: Saya tidak tersilap mengenainya. Kesahihan hadith suci ini telah dipersetujui oleh ulama kamu. Bahkan Ibn Hajar Makki, yang anti dan perjudis [pra sangka buruk], telah menerimanya sebagai benar. Kamu harus menyemak 'Sawaiq Muhriqa' Bahagian II, Bab II, ms 89 – 90, dibawah ayat 4, yang mana, setelah menyebutkan kenyataan dari Tirmidhi, Imam Ahmad bin Hanbal, Tibrani dan Muslim, dia berkata: 'Ketahuilah bahawa hadith mengenai berpegang kepada Thaqalain [yang dua, al-Quran dan ahli bayt] telah disampaikan dengan banyak cara. Penyampai kepada hadith ini berjumlah lebih dari 20 sahabat nabi.'

Kemudian dia berkata bahawa ada sedikit perbezaan di dalam cara dimana hadith ini telah disampaikan. Sebahagian mengatakan bahawa ianya telah disampaikan dimasa nabi melakukan haji terakhir di Arafa; sebahagian berkata ianya disampaikan di Madina, apabila nabi diranjang kematian, dan biliknya penuh dengan para sahabat; yang lain mengatakan ianya disampaikan di Ghadeer-e-Khum; dan ada yang mengatakan ianya disampaikan setelah nabi pulang dari Taif. Setelah menyebutkan semua ini, dia [Hajar Makki] sendiri mengulas [komen] bahawa tidak ada perbezaan yang ketara di dalam hadith itu sendiri. Bagi kesemua perbezaan peristiwa, besar kemungkinan bahawa nabi telah mengulangi hadith ini untuk menekankan betapa agungnya al-Quran dan keturunannya.

Kamu katakan bahawa oleh kerana Bukhari tidak merakamkan hadith ini dalam sahihnya, kesahihan hadith ini dipersoalkan. Tetapi hadith ini walaupun tidak dirakamkan oleh Bukhari, tetapi secara umum telah dirakamkan oleh kebanyakkan ulama kamu, termasuk Muslim bin Hujjaj dan pengarang-pengarang lain dari keenam-enam koleksi hadith kamu, yang mana mereka telah membentangkan di dalam buku-buku mereka dan janganlah hanya bergantung kepada Bukhari. Jika kamu mengakui adil dan jujurnya kesemua ulama kamu; kesemuanya yang telah diperakui oleh ahli sunni yang terdahulu, kamu harus menerima hadith ini sebagai benar, yang mana untuk sebab-sebab tertentu telah tidak dirakamkan oleh Bukhari.

Hafiz: Tidak ada motif disebaliknya. Bukhari amat berhati-hati di dalam perkara merakamkan penyampaian. Dia seorang ulama yang berwaspada, dan jika dia mendapati hadith, dari sudut pandangan tek atau punca, yang boleh merosakkan atau tidak boleh diterima akal, dia tidak akan merakamnya.

Shirazi: Sebagaimana yang disebutkan oleh peribahasa: 'Kecintaan terhadap sesuatu telah menjadikan manusia itu buta dan pekak.' Sunni yang saya hormati itu telah tersilap disini. Kamu sungguh taksub di dalam cinta kamu terhadap Imam Bukhari. Kamu katakan bahawa dia sangat teliti terhadap fakta, dan apa yang disampaikan di dalam sahihnya boleh dipercayai dan berhak pada kedudukan wahyu. Tetapi fakta yang sebenar adalah sebaliknya. Pertalian mereka yang

menyampaikan hadith yang dinyatakan oleh Bukhari termasuk mereka yang selalu dikutuk sebagai pendusta.

Hafiz: Kenyataan kamu adalah palsu. Kamu merendahkan pengetahuan dan kebolehan Bukhari, yang mana adalah satu penghinaan terhadap semua golongan sunni.

Shirazi: Jika kritikan beasaskan pengetahuan adalah satu penghinaan, maka kebanyakkan dari ulama kamu yang terkenal adalah manusia yang telah menghina kedudukan tinggi ilmu pengetahuan. Saya nasihatkan kamu untuk mempelajari sendiri buku-buku yang ditulis oleh pengarang dan ulama-ulama yang agung kamu, yang telah membuat komen pada sahih Bukhari, misalnya 'Al-Lualil-Masnua fi hadithil-Muzua' oleh Suyuti, 'Mizanul-Ibtidal' dan 'Talkhisul-Mustadrak' oleh Dhahabi; 'Tadhkiratul-Muzua' oleh Ibn Jauzi; 'Sejarah Baghdad' disusun oleh Abu Bakr Ahmad bin Ali Khatib Baghdad, dan buku Rijal yang lainnya [biasanya mengenai kerekter penyampai hadith] oleh ramai ulama yang terkemuka. Jika kamu membaca buku-buku ini, kamu tidak akan katakan saya telah menghina Imam Bukhari.

DIALOG SUNNI-SHIA

BUKHARI DAN MUSLIM TELAH MERAKAMKAN BANYAK HADITH YANG TELAH DISAMPAIKAN OLEH PENDUSTA.

Apa yang telah saya katakan adalah: kedua buku ini, Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, mengandungi hadith yang telah disampaikan oleh pendusta. Jika kamu teliti Sahih Bukhari dan Sahih Muslim pada pandangan buku Rijal [kerekter bagi penyampai hadith], kamu akan dapati bahawa mereka telah merakamkan banyak hadith yang telah disampaikan dari manusia yang kuat pembohong, seperti Abu Huraira, pendusta yang paling terkenal, Ikrima Kharji, Sulayman bin Amr, dan yang lainnya pada katogori yang sama. Bukhari tidak sebegitu berhati-hati di dalam merakamkan hadith, sebagaimana yang kamu sangkakan. Dia tidak merakamkan Hadith-e-Thaqalain, seperti yang lainnya telah lakukan, tetapi dia tidak teragak-agak di dalam merakamkan cerita yang bodoh lagi menghinakan mengenai Nabi Musa tempeleng muka malaikat maut, Nabi Musa lari telanjang mengejar batu dan Allah dapat dilihat. Pertimbangkanlah satu lagi cerita bodoh dan menghinakan yang telah dirakamkan oleh Bukhari di dalam sahihnya, jilid II, Bab 'Al-Lahr Bil-Harb' ms 120, dan oleh Muslim di dalam sahihnya jilid I, menyebutkan dari Abu Huraira sebagai berkata bahawa pada Eid [hari cuti] beberapa orang Sudan berkumpul di Masjid Nabi. Mereka menghiburkan penunton dengan petunjukkan sukan mereka. Nabi bertanya kepada Aisha jika dia hendak menyaksikan pertunjukkan tersebut. Dia berkata dia setuju. Nabi membiarkan dia menunggang

dibelakang baginda, di dalam keadaan dimana kepalanya melepasi dibahu baginda dan mukanya dikepala baginda. Untuk mengembirakan Aisha, Nabi menyuruh para penghibur menunjukkan tarian yang lebih menarik. Akhirnya Aisha kepenatan, dan Nabi menurunkannya!!!!

Fikirkanlah sendiri, sama ada cerita yang sedemikian memalukan ke tidak. Jika Bukhari begitu berhati-hati di dalam merakamkan fakta, adakah adil bagi pihak dirinya untuk merakamkan cerita yang sebegini bodoh di dalam sahihnya. Tetapi bah kan sekarang, kamu menletakkan buku ini yang paling sahih selepas al-Quran. Sudah tentu Bukhari berhati-hati di dalam menghilangkan perkara-perkara mengenai Imami dan kedudukan Ali, begitu juga perkara ahli bayt. Mungkin dia takut maklumat yang sedemikian suatu hari akan digunakan sebagai senjata untuk menentang musuh ahli bayt.

BANYAK HADITH SAHIH MENGENAI AHLI BAYT TELAH DIHINDARI DENGAN CERMAT.

Maka apabila kami bandingkan sahih Bukhari dengan buku Siha [buku koleksi hadith] yang lainnya, kami dapat membuat rumusan bahawa pada tajuk ini, ahli bayt dan hadithnya bagaimana pun sahih dan disokong penuh oleh ramai penulis, disinari pula cahaya al-Quran, Bukhari dengan sengaja telah gagal untuk merakamkannya.

Sebagai contoh, terdapat banyak ayat dari al-Quran, wahyu yang punya kaitan dengan hadith; [Hadith-e-Wilaya pada masa Hari Ghadir; Hadith-e-Inzar-e-Yaumud-Dar; Hadithul-Muwakhat; Hadith-e-Safina; Hadith-e-Babul-Hitta, dsb] yang berkaitan dengan penghormatan kepada; dan penggantian kepada; keturunan bagi nabi. Ini semua telah dielakkan oleh Bukhari dengan begitu cermat. Dan sebaliknya; itu yang mereka katakan ‘hadith’ , cerita yang telah memalukan para nabi terutama Nabi kita, dan keturunannya yang mulia telah dirakamkan di dalam bukunya tanpa sebarang pertimbangan yang kesemuanya telah disampaikan oleh manusia pendusta.

PUNCA HADITH-E-THAQALAIN.

Bagi hadith thaqalain [dua perkara penting] yang Bukhari tidak rakamkan di dalam koleksinya, ada di dalam koleksi buku sahih yang lain dari golongan kamu. Bahkan seorang ahli hadith yang terkemuka, Muslim, yang dianggap sama taraf dengan Bukhari ada menyatakannya. Ulama yang lain yang ada menyebutnya adalah seperti berikut: Muslim bin Hajjaj di dalam sahihnya, jilid VII, ms 122.

Abu Daud di dalam sahihnya; Tirmidhi di dalam sunan nya, bahagian 2, ms 307; Nisai di dalam ‘Khasais’ ms 30; Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’, jilid III,

ms 14 – 17, jilid IV, ms 26 dan 59, dan jilid V, ms 182 dan 189, Hakim dalam ‘Mustadrak’, jilid III, ms 109 dan 148; Hafiz Abu Nuaim Isfahani di dalam ‘Hilyatul-Auliya’, jilid I, ms 355; Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkira,’ ms 182; Ibn Athir Jazari di dalam ‘Usudul-Ghaiba’, jilid II ms 12 dan jilid III, ms 147; Hamidi di dalam ‘Jama Bainas-Sahihain’; Razin di dalam ‘Baina-Siha-e-Sitta’; Tibrani di dalam ‘Tarikh-e-Kabir’; Dhahabi di dalam ‘Talkhis-e-Mustadrak’; Ibn Abd Rabbih di dalam’ Iqdu’l-Farid’; Muhammad bin Talha Shafi’i di dalam ‘Matalibu’s-Su’ul’; Khatib Khawarizmi di dalam ‘Manaqib’; Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiu’l-Mawadda’, ms 18, 25, 29, 30, 31, 32, 32, 34, 95, 115, 126, 199 and 230, dengan sedikit perbezaan pada perkataan; Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam ‘Mawadda’ kedua dari bukunya ‘Mawaddatu’l-Qurba’; Ibn Abi’l-Hadid di dalam ‘Sharh Nahju’l-Balagha’; Shablanji di dalam ‘Nuru’l-Absar’, ms 99; Nuru’d-Din bin Sabbagh Maliki di dalam ‘Fusulu’l Muhimma’, ms 25; Hamwaini di dalam ‘Fara’idu’s-Simtain’; Imam Tha’labi di dalam ‘Tafsir Kashfu’l-Bayan’; Sam’ani dan Ibn Maghazili Shafi’i di dalam ‘Manaqib’; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’l-Talib’, Bab I, di dalam menyatakan sahihnya ucapan Ghadir Khum dan juga di dalam Bab 62, ms 130; Muhammad bin Sa’ad Katib di dalam ‘Tabaqa’, jilid 4, ms 8; Fakhru’d-Din Razi di dalam ‘Tafsir Kabir’, Volume 3, dibawah ayat Etesam, ms 18; Ibn Kathir Damishqi di dalam ‘Tafsir’, jilid 4, dibawah ayat Mawadda, ms 113, Ibn Hajar Makki di dalam ‘Sawa’iq-e-Muhriqa’; ms 75, 87, 90, 99 dan 136 dengan perbezaan perkataan.

Terdapat banyak lagi ulama kamu yang lain yang mana namanya saya tidak dapat sebutkan di dalam perjumpaan ini kerana kesuntukan masa. Banyak ulama kamu telah menyampaikan hadith yang penting ini dari nabi dengan pertalian penyampai yang tidak putus dari seorang kepada yang lainnya yang mana ianya telah mendapat status hadith yang sering disampaikan. Menurut dari hadith ini, nabi mengatakan yang berikut: ‘Saya tinggalkan diantara kamu dua perkara penting; kitab Allah dan keturunan ku. Jika kamu berpegang teguh kepada kedua ini, kamu tidak akan menyimpang. Kedua ini tidak akan berpisah sehingga bertemu dengan ku di pancutan Khuthar.’

Berdasarkan dari hadith yang tulen ini, kami berkepercayaan bahawa kami perlu setia pada al-Quran dan ahli bayt Muhammad.

Sheikh: Hadith rasul ini telah disampaikan oleh Salih bin Musa bin Abdullah bin Ishaq, melalui pertalian penyampainya yang berkata bahawa Abu Huraira telah menyatakan dengan cara yang begini: ‘Saya tinggalkan dibelakang saya dua perkara penting; kitab Allah dan sunna saya [hadith]…

Shirazi: Sekali lagi kamu menyebutkan hadith dari orang durjana yang sama dimana para pengkritik shia telah menolaknya, [seperti Dhahabi, Yahya, Imam Nisai dsb]. Tidakkah kamu berpuas hati dengan rujukan yang boleh dipercayai yang saya telah bentangkan dari ulama kamu yang termashor mengenai hadith ini? Kamu telah menyebutkan versi hadith yang tidak boleh diterima, sedangkan

kedua golongan sunni dan shia telah menerima bahawa nabi telah berkata: ‘Kitab Allah dan ahli bayt ku,’ dan bukannya ‘sunna ku’.

Sebenarnya kitab dan sunna, kedua-duanya memerlukan kepada intepretasi [penghuraian]. Hadith tidak dapat menerangkan al-Quran

Maka keturunan nabi, yang disamakan seperti al-Quran, adalah penterjemah al-Quran yang sebenar, begitu juga dengan hadith dari nabi.

HADITH-E-SAFINA.

Sebab satu lagi mengapa kami setia kepada keturunan nabi, adalah hadith-e-Safina yang sahih yang telah disampaikan oleh semua ulama kamu yang terkenal, hampir tanpa pengecualian, dan dengan pertalian penyampai yang tidak putus.

Lebih dari seratus dari ulama kamu telah menyebutkan hadith ini: Muslim bin Hajjaj di dalam ‘Sahih’ nya, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’; Hafiz Abu Nuaim di dalam ‘Hilyatul-Auliya; Ibn Abdil-Birr di dalam ‘Istiab’; Abu Bakr Khatib Baghdadi di dalam ‘Tarikh-e-Baghdad’; Muhammad bin Talha Shafii di dalam ‘Matalibus-Su’uli’ Ibn Athir di dalam ‘Nihaya’; Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkira’; Ibn Sabbagh-e-Makki di dalam ‘Fusulu’l-Muhimma’; Allama Nuru’d-Din Samhudi di dalam ‘Ta’rikhu’l-Medina’; Seyyed Mu’min Shablanji di dalam‘Nuru’l-Absar’; Imam Fakhru’d-Din Razi di dalam ‘Tafsir-e-Mafatihu’l-Ghaib’; Jalalu’d-din Suyuti di dalam ‘Durru’l-Mansur’; Imam Tha’labi di dalam ‘Tafsir-e-Kashfu’l-Bayan’; Tabrani di dalam ‘Ausat’; Hakim di dalam ‘Mustadrak’, jilid 3, ms 151; Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiu’l-Mawadda’, bab 4; Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam ‘Mawaddatu’l-Qurba’, ‘Mawadda 2’; Ibn Hajar Makki di dalam ‘Sawa’iqu’l-Muhriqa’ di bawah ayat 8; Tabari di dalam ‘Tafsir’ dan juga Sejarah; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam ‘Kifayatu’t-Talib’, Bab 100, ms 233. Ramai dari ulama terkenal kamu telah menyampaikan bahawa nabi telah berkata: ‘Ahli bayt ku adalah seumpama bahtera Nuh; sesiapa yang menaikkinya akan terselamat; mereka yang berpaling darinya akan lemas dan sesat.’

Imam Muhammad bin Idris Shafii telah merujuk kepada sahihnya hadith ini di dalam rangkap syairnya yang dirakamkan oleh Allama Fazil Ajib di dalam bukunya ‘Zakhiratul-Ma’al’ Imam Shafii yang dikenali sebagai seorang ulama yang terkenal dari golongan sunni, mengakui bahawa kecintaan kami terhadap keturunan nabi yang suci adalah membawa kami kepada keselamatan kerana, dari tujuh puluh golongan Islam, hanya golongan yang mengikuti keturunan nabi sahaja yang akan selamat.

MENCARI CARA UNTUK MENDAMPINGI ALLAH TIDAKLAH SYIRIK.

Kamu katakan bahawa mencari cara untuk mendekati Allah adalah syirik. Jika ini benar, mengapa khalifa Umar bin Khattab mencari pertolongan Allah melalui keturunan nabi?

Hafiz: Khalifa Umar tidak pernah melakukan yang tersebut.

Shirazi: Di dalam saat yang memerlukan Umar meminta pertolongan dari keturunan nabi, berdoa kepada Allah melalui mereka, dan yang dihajatinya dikabulkan. Saya hanya merujuk kepada dua peristiwa. Ibn Hajar Makki menulis di dalam 'Sawaiq-e-Muhriqa', selepas ayat 14 [dari The History of Damascus] bahawa pada tahun ke 17 H, manusia berdoa dan sembahyang meminta hujan, tetapi tidak berhasil. Khalifa Umar berkata bahawa dia akan sembahyang dan berdoa meminta hujan pada esok harinya melalui cara mendampingi kepada Allah. Pada keesokkan hari dia pergi menemui Abbas, bapa saudara nabi dan berkata: 'Keluarlah supaya kami dapat berdoa kepada Allah melalui kamu untuk hujan.'

Abbas menyuruh Umar untuk duduk seketika supaya cara untuk mendekati kepada Allah dapat disediakan. Maka Bani Hashim [ahli bayt] pun diberitahu. Kemudian Abbas keluar bersama Ali, Imam Hasan dan Imam Husain. Bani Hashim yang lain dibelakang mereka. Abbas memberitahu Umar bahawa tidak boleh menambah walau seorangpun dalam kumpulan itu. Kemudian mereka pergi ketempat berdoa, dimana Abbas mengangkat tangan dan berkata: 'Wahai Allah, Engkau menjadikan kami, dan Engkau tahu mengenai perbuatan kami. Wahai Allah, sebagaimana Engkau berkasih sayang kepada kami pada mulanya, maka berkasih sayang kepada kami pada akhirnya.' Jabir berkata bahawa doa mereka belum pun selesai apabila awan telah mula kelihatan dan mula menurunkan hujan. Sebelum mereka boleh sampai kerumah mereka telah kuyup.

Bukhari juga melaporkan bahawa disatu ketika, masa kekurangan makanan Umar bin Khattab berdoa kepada Allah melalui Abbas bin Abdul Mutallib dan berkata: 'Kami mengadapkan diri kami kepada bapa saudara rasul dengan Engkau, maka Ya Allah, turunkanlah hujan.' Kemudian mula hujan. Ibn Abil-Hadid Mutazali di dalam buku 'Sharh Nahjul-Balagha' [edisi Mesir] ms 256, menulis bahawa khalifa Umar pergi bersama Abbas, bapa saudara nabi, untuk berdoa kepada Allah meminta hujan, di dalam doanya untuk hujan, khalifa Umar berkata: 'Wahai Allah, kami mengadapkan diri kami kepada bapa saudara nabi Mu dan pada keturunannya dan dari apa yang tinggal dari orang-orangnya yang dihormati. Maka kekalkan lah kedudukan nabi mu melalui bapa saudaranya. Kami dapat petunjuk kepada kamu melalui nabi, supaya kami dapat meminta pertolongan mereka dan bertaubat.'

Jika mencari kepada keturunan nabi dan meminta pertolongan mereka untuk keperluan kita, di dalam jalan Allah adalah syirik, maka khalifa Umar adalah yang pertama syirik. Ahli Muhammad, dari semasa hayat nabi hingga kehari ini, telah menjadi cara untuk kita berdoa dan menyeru kepada Allah. Kami percaya mereka adalah keturunan yang paling bertaqwa dan yang paling hampir kepada Allah. Makanya kami anggap mereka sebagai cara untuk mendampingi Allah. Dan bukti yang terbaik untuk maksud ini adalah buku doa kami yang ditulis oleh Imam kami yang suci. Kami terima segala arahan dari Imam kami. Saya mempunyai dua buku buah bersama saya: 'Zadul-Maad' oleh Allama Majlisi dan 'Hidayatuz-Zairin' oleh Sheikh Abbas Qummi, yang akan saya serahkan kepada kamu untuk kamu mempertimbangkan. [Kedua mereka Hafiz dan Sheikh meneliti buku itu] Mereka membaca Doa-e-Tawassul [menyeru untuk mencari kedekatan] dan mereka dapati bahawa keluarga nabi adalah sebahagian dari yang dirayu. Dimana-mana saja mereka disebutkan sebagai cara untuk mendekati Allah. Pada masa itu Mulla Abdul-Hayy membaca keseluruh Doa-e-Tawassul, yang ditulis oleh Imam yang suci dan dinyatakan semula oleh Muhammad bin Babawayh-e-Qummi.

DOA-E-TAWASSUL.

Ini adalah satu doa kepada Allah. Sebagaimana Ali telah disebutkan disini, kesemua Imam juga telah disebutkan di dalam pengertian yang sama. Pengaruh keluarga Muhammad telah dicari [minta] untuk mendampingi kepada Allah. Mereka telah disebutkan dengan cara begini: 'Wahai ketua dan yang memimpin kami! Kami meminta pertolongan kamu untuk sampai kepada Allah. Wahai yang paling dihormati pada pandangan Allah yang Maha Tinggi: perkenalkanlah kami kepadaNya.' Kesemua keluarga nabi telah disebutkan dengan cara yang sama.

SHIA TIDAK MENGHINA SUNNI.

Apabila rayuan itu telah dibacakan, beberapa orang sunni telah menyatakan kekaguman dan terharunya mereka pada segala salah faham yang telah diada-adakan. Shirazi bertanya: 'Adakah terdapat bayangan syirik di dalam doa tersebut? Tidakkah nama Allah terdapat di dalamnya dimana-mana? Berapa ramaikah umma kamu yang jahil dan degil telah telah membunuh shia yang malang kerana mempercayai bahawa mereka telah membunuh orang kafir? Tanggong jawab terhadap peristiwa ini terletak diatas bahu ulama seperti kamu. Adakah kamu pernah mendengar seorang shia telah membunuh orang sunni? Yang sebenarnya ulama shia tidak pernah menyebarkan racun. Mereka tidak mengadakan permusuhan diantara shia dan sunni, dan mereka percaya bahawa membunuh adalah satu dosa yang besar. Di dalam perkara perbezaan kepercayaan diantara sesama sendiri, mereka lebih suka menjelaskan semuanya di dalam perbincangan yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan dan logik, dan memberitahukan melalui hujah-hujah mereka bahawa sunni adalah saudara.

ULAMA SUNNI MENGATAKAN SHIA KAFIR.

Sebaliknya, perbuatan ulama sunni yang fanatik amat tidak bertanggong jawab. Pengikut Abu Hanifa, Malik bin Anas, Muhammad bin Idris dan Ahmad bin Hanbal, yang mempunyai banyank perbezaan yang nyata, telah mengatakan pengikut Ali Ibn Abi Talib dan Imam Jafar bin Muhammad syirik dan kafir. Ramai shia yang terpelajar dan wara' telah syahid diatas hukuman yang dijatuhkan oleh ulama sunni. Sebaliknya, tidak terdapat walaupun satu contoh kezaliman dari pihak shia. Ulama kamu kerap menyatakan kutukan keatas shia, tetapi kamu tidak akan menjumpai dimana-mana pun kutukan keatas sunni di dalam buku yang ditulis oleh ulama shia.

Hafiz: Kamu tidak adil. Sia-sia saja kamu hendak mengerakkan kemarahan ramai. Berikanlah satu contoh dimana ulama shia telah dibunuh diatas hukuman dari ulama kami! Siapa dari ulama kami yang telah mengatakan kutukan keatas shia?

Shirazi: Jika saya hendak mengatakannya secara mendalam perbuatan ulama dan orang awam kamu, satu perjumpaaan tidak akan cukup. Saya akan merujuk kepada beberapa contoh sahaja mengenai perbuatan mereka, supaya kamu akan tahu bahawa saya bukanlah hendak mengerakkan kebencian, tetapi hanya mendedahkan fakta. Jika kamu mempelajari buku-buku ulama kamu yang fanatik, kamu akan ada dapati bahagian yang mengutuk shia. Sebagai contoh, rujuklah buku 'Tafsir' oleh Imam Fakhrud-Din Razi. Bila masa dia mejumpai sebab seperti ayat mengenai Wilaya [wali], dia berulang kali menulis, kutukan terhadap Rafizis, kutukan terhadap Rafizis!' tetapi ulama kami tidak pernah menulis perkara sebegitu terhadap saudara sunni.

Satu contoh mengenai layan buruk [kejam] ulama kamu terhadap seorang shia yang terpelajar adalah hukuman yang dijatuhkan oleh dua orang kadi Syria yang agung [Burhanud-Din Maliki dan Ibad bin Jamaat Shafii] terhadap seorang ahli fiqah shia yang terkenal, Abu Abdullah Muhammad bin Jamalud-Din Amili. Ulama ini amat terkenal dengan keTaqwaan dan ilmu Fiqahnya. Contoh yang menunjukkan beliau adalah seorang ilmuan adalah bukunya 'Lum'a' yang ditulis beliau dalam masa tujuh hari tanpa mempunyai mana-mana buku rujukan fiqah bersamanya melainkan 'Mukhtasar nafi'. Lebih-lebih lagi ulama perundangan Islam dari golongan yang empat [Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali] adalah diantara muridnya. Disebabkan penindasan dari pihak sunni, ulama ini kerap mengamalkan Taqiyya, dan tidak secara terang-terangan menyatakan dia adalah shia. Kadi Syria yang agung, Ibad bin Jamaat, yang mempunyai perasaan dengki terhadap beliau, telah menyatakan yang buruk mengenainya kepada pemerintah Syria [Baidmar] dan menuduh beliau sebagai Rafizi dan Shia. Ulama ini ditangkap. Setelah menderita penyiksaan dan dipenjara selama satu tahun, diatas hukuman dari kedua kadi tersebut [Ibnul-Jamaat dan Burhanud-Din] beliau telah dibunuh

dan jasadnya digantung. Oleh kerana mereka mengistiharkannya sebagai Rafizi dan syirik ditempat pergantungan, maka orang awam telah melontar jasad itu dengan batu. Kemudian jasadnya diturunkan dan dibakar dan abunya ditebarkan.

Diantara para ulama dan perundangan shia yang telah dibanggakan di Syria di dalam abad ke sepuluh Hijrah adalah Sheikh Zainud-Din bin Nurud-Din Ali bin Ahmad Amili. Dia amat terkenal dikalangan sahabat dan juga musuh kerana ilmu dan kewibawaannya. Sebagai pengarang yang produktif, dia mengasingkan diri dari dunia luar dan menumpukan pada penulisan, yang telah menghasilkan 200 buah buku dari berbagai tajuk. Walaupun beliau hidup menyepi, ulama sunni telah memendamkan perasaan dengki terhadap beliau, cemburu terhadap kemashoran beliau dikalangan orang awam. Yang ketua [berpengaruh] diantara musuh beliau, seorang kadi bernama Saida, yang telah menulis kepada raja, Sultan Salim aduan yang berikut: 'Sesungguhnya, telah tinggal dijajahan Syria seorang pembuat bidaa', seorang yang tidak tergolong kepada mana-mana mazhab yang empat.' Sultan Salim mengarahkan bahawa alim itu hendaklah dihadapkan kemahkamah di Istanbul. Beliau telah ditangkap di Masjidul-Haram dan dipenjarakan selama 40 hari. Di dalam perjalan laut menuju Istanbul, beliau telah dipenggal kepalanya, badan beliau dibuangkan kelaut hanya kepala beliau dihantarkan kepada raja.

Hadirin yang dihormati! Saya benar-benar meminta daripada kamu dengan nama Allah untuk mengatakan sama ada kamu pernah mendengar perangai yang sedemikian rupa dari pihak ulama shia terhadap ulama sunni kerana mereka tidak mengikuti golongannya. Apakah hujah yang dapat kamu ketengahkan untuk membuktikan bahawa jika sesaorang menyimpang dari mana-mana empat mazhab tersebut, dia adalah kafir dan pembunuhan terhadapnya wajib? Adakah wajib [perlu] untuk mengikuti mazhab yang ujud berabad-abad lamanya setelah nabi wafat, sedangkan mereka yang mengikuti perundangan yang ujud semenjak zaman nabi diperintahkan supaya dibunuh?

SHIA DAN KEEMPAT-EMPAT MAZHAB SUNNI.

Sila katakan, demi kerana Allah, sama ada keempat Imam – Abu Hanifa, Malik, Shafii dan Ahmad bin Hanbal – hidup semasa hayat nabi Allah. Adakah mereka mendapatkan segala asas agama dan keimanan dan Rasul terus?

Hafiz: Tiada siapa yang mengatakan sedemikian.

Shirazi: Tidakkah Amirul Mukminin, Ali sentiasa berdamping dengan nabi, dan tidakkah beliau telah diistiharkan sebagai pintu kepada kota ilmu?

Hafiz: Telah pasti beliau adalah sahabat terkemuka nabi, dan di dalam beberapa aspek beliau adalah yang lebih utama daripada yang lain semuanya.

Shirazi: Maka tidakkah kami dipihak yang benar, di dalam berpegang kepada mengikut Ali adalah wajib? Nabi sendiri berkata bahawa, patuh kepada Ali adalah patuh kepada baginda dan bahawa Ali adalah pintu kepada kota ilmu? Nabi juga mengatakan bahawa sesiapa yang inginkan ilmu pengetahuan hendaklah masuk melalui pintunya, iaitu Ali. Juga mengikut dari hadith-e-thaqalain dan hadith-e-safina, yang telah dipersetujui oleh kedua sunni dan shia, menyimpang dari laluan yang dipimpin oleh keturunan nabi akan membawa kepada kemusnahan. Engkar atau menentang kepada keluarga nabi samalah seperti engkar dan menentang kepada nabi sendiri. Walaupun dengan semua ini, ulama shia tidak pernah menunjukkan kebencian terhadap, walaupun kepada orang awam sunni, tidak perlulah disebutkan terhadap ulama mereka. Kami selalu mengatakan bahawa sunni adalah saudara kami dalam Islam, dan kita perlu bersatu. Sebaliknya ulama sunni kerap menghasut pengikutnya, dengan mengatakan bahawa shia adalah pendusta, Rafizis, Ghalis atau Yahudi. Mereka mengatakan oleh kerana shia tidak mengikut ahli mazhab yang empat [Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali] maka ianya adalah kafir. Yang sebenarnya mereka yang mengikuti keturunan nabi lah yang mendapat petunjuk yang sebanar.

PEMBUNUHAN TERHADAP SHIA DI IRAN DAN AFGHANISTAN.

Orang-orang Turki, Khawarizmis, Uzbeg, Afghan telah merompak dan membunuh shia yang tidak berdosa. Muhammad Amin khan Uzbeg, dikenali sebagai Khan khawa dan Abdullah Khan Uzbeg dengan kejam telah membunuh dan merampas shia dan mengaku telah melakukannya. Ulama sunni telah mengisriharkan bahawa shia adalah kafir dan nyawa mereka boleh diambil menurut hukum agama. Amir Afghanistan juga bertindak sedemikian rupa. Dalam tahun 1267 Hijrah pada hari Ashura [10 Muharram], puak sunni telah menyerang Imambara di Qandahar, dimana shia sedang berkabong, memperingati diatas pembunuhan terhadap cucu nabi. Mereka dengan kejamnya telah membunuh ramai shia, termasuk kanak-kanak, dan merampas harta mereka. Untuk bertahun-tahun lamanya shia hidup dalam penderitaan dan dihalang dari malakukan kerja-kerja yang bersangkutan dengan agama. Pada hari Ashura sebilangan kecil dari mereka akan pergi ketempat persembunyian dan dengan secara rahsia akan meratapi syahidnya Imam Husain dan mereka yang lainnya yang turut sama terkorban di Karbala. Adalah Raja Amanullah khan yang telah membatalkan sekatan terhadap shia dan telah melayan shia dengan baik.

KESYAHIDAN SHAHID-E-THALIS.

Ditempat perkuburan di Akbarabad [Agra] di India, disana bersemadinya seorang ulama yang amat wara’ dan juga ilmuan shia, Kadi Seyyed Nurullah Shustari.

Beliau telah dibunuh dengan kejam sewaktu berusia 70 tahun dalam tahun 1019 hijrah oleh Raja Jahangir, berikutan dari hukuman yang dijatuhkan dari ulama sunni yang mengatakan beliau Rafizi.

Hafiz: Kamu telah menyerang kami dengan tanpa sebab. Saya sendiri amat terkejut mendengar tindakkan kekerasan yang melampau dari mereka yang jahil, tetapi amalan-amalan shia juga yang telah menyebabkan peristiwa begitu.

Shirazi: Boleh saya tahu apa yang shia lakukan yang memperbolehkan mereka dibunuh?

Hafiz: Setiap hari ribuan manusia berdiri dihadapan pusara mereka yang telah mati dan menyeru kepadanya untuk bantuan. Tidakkah amalan ini satu contoh pada penyembahan yang mati? Mengapa para ulama tidak membantah apabila jutaan dari mereka meletakkan muka ketanah sujud di dalam menyembah pada yang mati? Saya masih hairan bagaimana kamu masih mengatakan bahawa mereka adalah penyembah kepada yang Maha Esa.

Sedang perbincangan dengan Mawlana Hafiz berterusan, ulama mazhab Hanafi, Agha Sheikh Abdus-Salam, sedang meneliti ‘Hidayatuz-Zairin’. Dia berkata dengan nada penuh penekanan: ‘Lihat disini! [Menunjukkan kearah buku tersebut]. Ulama kamu berkata bahawa apabila pekerjaan ziarah di permakaman Imam kamu telah selesai, kemudian maka hendaklah melakukan solat ziarah [namaz-e-ziarat] dua rakaat. Mungkin mereka tidak meniatkannya diatas nama Allah, jika tidak apakah ertinya namaz-e-ziarat? Tidakkah ianya syirik untuk menawarkan solat kepada Imam? Manusia yang mengadap kepada kuburan dan mendirikan solat adalah bukti yang terbaik untuk menunjukkan syiriknya. Ini adalah buku kamu yang sahih. Bolehkah kamu mempertahan kedudukan ini?

Shirazi: Kamu memperkatanya seperti kanak-kanak! Pernahkah kamu pergi berziarah ketempat tersebut dan melihatnya sendiri?

Sheikh: Tidak.

Shirazi: Maka bagaimana kamu mengatakan mereka mengerjakan solat dengan muka mereka mengadap kepada kuburan, dan bahawa solat ziarat adalah tanda syirik?

Sheikh: Buku ini mengatakan mereka hendakalah mengerjakan namaz-e-Ziarat untuk Imam.

Shirazi: Mari saya lihat kepadanya. Biarlah saya bacakan arahan mengenai ziarat, sehingga kita sampai kepada perkara solat, yang mana telah menjadi tujuan bangkangan kamu. Apabila kamu menemui sebarang tanda syirik, sila nyatakan. Dan jika kamu menjumpai tanda-tanda ke Esaan ilahi dari atas hingga bawah,

janganlah merasa bersalah kerananya, tetapi katakanlah yang kamu telah tersilap faham. Buku ini ada dihadapan kamu.

ARAHAN MENGENAI ZIARAH.

Arahannya adalah seperti berikut: Apabila yang menziarah sampai ke parit Kufa, dia hendaklah berdiri disitu dan membaca yang berikut: 'Allah yang maha Basar, Allah yang maha Besar, yang memiliki Kebesaran, Kesucian dan Kemuliaan. Allah yang maha Besar, yang memiliki Keagungan, maha Kudus, yang memiliki Kemegahan dan juga Kehormatan. Allah maha Besar [above that which I fear] Allah maha Besar. Dialah Penyokong ku; kepadaNya aku bergantung dan kepadaNya aku menaruh harapan; dan kepadaNya aku mengadap.'

Apabila yang menziarah sampai pada pintu di Najaf dia hendaklah membaca: Puji bagi Allah, yang telah memandu kami kepada ini. Kami tidak akan mendapat petunjuk jika Allah tidak memandu kami.'

Apabila sampai kepintu lapangan yang suci, dia hendaklah membaca setelah memuji Allah: 'Saya naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah yang Esa, saya juga naik saksi bahawa Muhammad adalah hamba dan juga RasulNya. Dia membawa pengkhabaran yang benar dari Allah, saya juga naik saksi bahawa Ali adalah hamba dan saudara kepada Rasul Allah, Allah maha Besar, Allah maha Besar, Allah maha Besar. Tidak ada tuhan melainkan Allah dan Allah maha Besar. Segala puji tertentu bagi Allah untuk bimbingan dan sokonganNya terhadap apa yang Dia telah wahyukan pada cara menemuiNya.

Apabila yang menziarah sampai kepintu pusara, dia hendaklah membaca: 'Saya naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, yang Esa, tiada sekutu bagiNya .... ' hingga akhir.

Apabila, setelah meminta izin dari Allah, Rasul dan para Imam, yang menziarah akan sampai kekawasan dalam permakaman, dia akan membaca berbagai-bagai ayat-ayat ziarah yang mengandungi salam kepada Rasul dan Amirul Mukminin. Sesudah ziarah, dia melakukan enam rakaat solat, dua rakaat untuk Amirul Mukminin, dua rakaat untuk Nabi Adam dan dua rakaat untuk Nabi Nuh yang telah disemadikan dikawasan tersebut.

NAMAZ-E-ZIARAT DAN DOA SELEPAS SOLAT.

Adakah mengerja solat sebagai hadiah kepada ruh kedua ibu bapa dan mereka yang beriman tidak diarahkan kepada kita? Adakah arahan ini syirik? Adalah diatas dasar kemanusiaan juga bahawa apabila sesaorang datang berjumpa sahabatnya, dia memberikan hadiah. Ada satu bab di dalam buku bagi kedua golongan [shia dan sunni] yang mana nabi mengarahkan kita untuk memberikan

hadiah kepada yang beriman.

Apabila orang yang menziarah sampai kepada pusara ketua yang dicintainya, dan mengetahui perkara yang amat dicintai oleh ketuanya adalah solat, maka dia menawarkan solat dua rakaat kerana Allah Taala dan menawarkan solat itu sebagai hadiah kepada ruh ketuanya yang suci itu. Adakah ianya syirik? Setelah membaca segala prinsip yang menjadi dasar pada solat, maka baca juga doa selepas solat, supaya semua keraguan kamu akan terhapus.

DOA SETELAH SOLAT [NAMAZ].

Amalan berdoa, adalah bahawa setelah selesai solat, dibahagian kepala pusara Imam, dengan mengadap kiblat [bukan mengadap kuburan] kita bacakan doa yang berikut: 'Wahai Allah! Saya telah menjadi hadiah solat ini kepada ketua dan pemimpin saya, Rasul Mu dan adik kepada Rasul Mu, Amirul Mukminin, Ali Ibn Abi Talib. Wahai Allah kesejahteraan keatas Muhammad dan keluarga Muhammad. Terimalah dua rakaat solat ini dan berikanlah ganjaran, sebagaimana kamu memberikan ganjaran kepada mereka yang membuat kebajikan. Wahai Allah, saya melakukan solat ini kerana Mu, dan ruku' kehadrat Engkau dan sujud menghinakan diri kepada Engkau. Engkaulah yang Esa, tiada sekutu. Adalah haram untuk solat atau ruku' atau sujud kepada sesuatu melainkan Engkau. Engkaulah Allah yang maha Besar, dan tidak ada tuhan melainkan Engkau.'

Tuan-tuan yang saya muliakan! Demi kerana Allah, berlaku adil lah. Dari mula yang menziarahi meletakkan kakinya ketanah Najaf, sehinggalah setelah dia melakukan namaz-e-ziarat, dia sentiasa sibuk mengingati Allah.

Sheikh: Aneh sungguh yang kamu tidak melihat yang tertulis disini: 'Mencium tangga dan masuk kedalam kawasan pusara.' Kami pernah dengar yang apabila penziarah sampai kepintu pusara makam Imam, mereka sujud di dalam menghinakan diri. Tidakkah sujud ini untuk Ali? Tidakkah ini syirik apabila mereka sujud kepada sesaorang selain dari Allah?

Shirazi: Jika saya adalah kamu, saya tidak akan menyebutnya. Saya akan berdiam diri sehingga kepenghujung perjumpaan di perbincangan ini dan mendengarkan kepada logiknya dari jawapan saya. Tetapi saya akan terangkan secara ringkas kepada kamu sekali lagi bahawa mencium bendul atau lantai bagi kawasan permakaman para Imam tidaklah syirik. Kamu telah mensalah tafsirkan perkataan 'cium' dan menganggapnya sama seperti sujud. Apabila kamu membaca buku itu di dalam kehadiran kami, dan telah membuat perubahan yang begitu radikal [besar], tidak tahulah saya bagaimana kamu akan mencerca kami apabila kamu sendirian berucap kepada kumpulan orang ramai yang jahil.

Arahan yang ada di dalam buku ini dan di dalam buku-buku yang lain mengenai

doa dan tempat-tempat ziarah adalah sekadar untuk menunjukkan tanda hormat, harus mencium bendul bukan sujud.

Bagaimana kamu boleh menganggap cium dan sujud adalah perkara yang sama?

Dan, dimana ada kamu melihat, sama ada di dalam al-Quran atau dimana-mana hadith, yang mengatakan cium bendul pusara nabi atau Imam adalah haram? Maka jika kamu tidak punya jawapan yang munasabah terhadap soalan ini, kamu tidak seharusnya membuangkan masa kami. Dan sebagaimana yang kamu katakan bahawa kamu ada 'mendengar' bahawa penziarah sujud menghinakan diri. Sebanarnya kamu tidak melihat sendiri. Al-Quran mengatakan: 'Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada mu orang yang jahat dengan satu berita, telitilah dahulu, ditakuti kamu menganyiaya manusia tanpa pengetahuan, kemudian akan menyesal atas apa yang telah kamu lakukan.' [49:6]

Menurut dari arahan al-Quran, kita tidak seharusnya bergantung pada kenyataan orang yang jahat. Kita seharusnya berusaha untuk mengetahui yang sebenar, walaupun terpaksa membuat perjalanan itu, jika diperlukan untuk memastikan kebenaran kenyataan tersebut itu sendiri.

Apabila saya berada di Baghdad; saya pergi kepusara Abu Hanifa dan Sheikh Abdul-Qadir Jilani dan telah melihat apa yang dilakukan manusia. Ianya adalah lebih sirius dari apa yang kamu katakan mengenai amalan shia, tetapi saya tidak pernah memperkatakannya. Apabila saya sampai kepekuburan Abu Hanifa di Muazzam, saya dapati satu kumpulan sunni betubi-tubi mencium lantai, sepatutnya bendul, dan berguling-guling ditanah. Oleh kerana mereka tidak kelihatan seperti jahat atau menggangu dan kerana saya tidak punya asas untuk mengutuk mereka, maka saya tidak pernah menyatakan insiden itu kepada sesiapa. Saya faham bahawa mereka lakukan itu semua atas dasar cinta, bukannya sebagai sembahan.

Hormat saudara! Pastinya tiada shia yang taqwa pernah sujud kepada sesuatu selain Allah. Jika, kita turun kelantai dalam bentuk yang sama seperti sujud dan mengosok-gosokkan dahi kita padanya [tanpa sebarang niat pada sembahan] ini perkara kecil suatu yang tidak di masuk kira. Untuk membongkok dihadapan sesaorang yang kita hormati dengan tidak menganggapnya Allah atau jatuh kebumi untuk menyapu muka dengannya, ianya bukanlah syirik. Ini adalah hasil dari kecintaan yang mendalam.

Sheikh: Bagaimana begitu, apabila kita turun kebumi dan meletakkan dahi padanya, adakah perbuatan ini tidak dikatakan sujud?

Shirazi: Sujud bergantung kepada niat, dan niat adalah perkara hati. Hanya Allah yang mengetahui niat yang di dalam hati. Sebagai contoh, kita boleh melihat

manusia membongkok dibumi dalam keadaan seperti sujud. Adakah benar bahawa sujud kepada sesaorang selain Allah adalah salah, walaupun jika ianya tanpa niat. Bagaimana pun oleh kerana kita tidak tahu apakah niat mereka, maka kita tidak boleh mengatakan ianya adalah sujud sembah.

SUJUDNYA SAUDARA-SAUDARA YUSOF KEPADA DIRINYA.

Makanya sujud yang seperti di dalam solat tetapi dengan tidak mempunyai niat sembahan, hanya untuk menunjukan tanda penghormatan kepada sesaorang tidaklah syirik. Sebagai contoh, Saudara-saudara Nabi Yusof sujud kepadanya. Pada ketika itu ada dua Nabi, Yakob dan Yusof, tetapi mereka tidak melarang mereka dari melakukannya. Allah berkata pada surah Yusof di dalam al-Quran: 'Dan dia naikan orang tuanya pada singahsana, dan mereka tertunduk sujud kepadanya, dan dia berkata: Wahai bapaku, inilah takwil mimpi saya dahulu; Tuhan ku telah menjadikannya kenyataan…. ..[12:100]

Lebih-lebih lagi al-Quran telah berkata dibanyak tempat yang para malaikat telah sujud kepada Nabi Adam. Maka jika sujud adalah syirik, pastinya saudara-saudara Yusof dan juga para Malaikat Allah kesemuanya syirik. Melainkan hanya satu Iblis terkutuk yang hanya menyembah yang Esa.

MERAYU KEPADA IMAM TIDAKLAH MENYEMBAH KEPADA YANG MATI.

Sekarang saya hendak menjawab kepada yang hormat Hafiz, yang mengatakan, merayu pada pusara para Imam adalah sama seperti menyembah yang mati. Kamu bertanya mengapa shia meminta pertolongan pada pusara para Imam. Mungkin kamu mempercayai tidak ada kehidupan setelah mati dan berkata: 'Apa yang mati telah tiada [terhapus].' Allah menerangkan di dalam al-Quran pandangan yang salah ini sebagai berkata: 'Tidak ada apa tetapi kehidupan kita didunia ini; kita mati dan kita hidup dan kita tidak akan dibangkitkan lagi [23:37]

Sebagaimana semua orang tahu, mereka yang percaya kepada Allah tahu bahawa ada hidup setelah mati. Apabila sesaorang mati, jasadnya menjadi tidak bernyawa, tetapi tidak seperti binatang, ruhnya dan pancainderanya kekal seperti biasa, tetapi tidak punya jasad; inilah yang akan dirahmati atau disiksa didalam alam persingahan barzakh alam kubur.

Syahid dan mereka yang mati dijalan Allah menikmati rahmat yang khusus. Ini telah disampaikan di dalam al-Quran. 'Dan janganlah sangka mereka yang terbunuh dijalan Allah itu mati; tidak mereka hidup dan mendapat rezeki dari

Tuhan mereka. Bergembira dengan pemberian Allah dan limpahnya, dan mereka bergembira bagi yang sama [telah tertinggal] dibelakang mereka, yang belum lagi bersama mereka, yang mereka tidak perlu rasa takut, dan tidak juga bersusah hati.' [3:169-170] Saya fokus pada perkataan, 'Mereka hidup dan mendapat rezaki dari Tuhan mereka…'[3:169] Mereka menyahut kepada kita, tetapi oleh kerana pendengaran kita telah terhalang oleh kebendaan dunia, kita tidak mendengar suara mereka. Begitulah di dalam ziarah [salam] kepada Imam Husain, kami katakan: 'Saya naik saksi bahawa engkau dengar apa yang saya katakan dan engkau menjawabnya.' Adakah kamu membaca syarahan no 85 Nahjul-Balagha? Keturunan nabi telah diperkenalkan sebagai berikut: 'Wahai manusia ini adalah kata-kata nabi: 'Dia yang mati diantara kami, tidak mati, dan dia yang hancur [setelah mati] dari diantara kami yang sebenarnya tidak hancur.' [Nahjul-Balagha, terjemahan Inggeris, jilid I ms 130, dicetak oleh Peer Muhammad Ebrahim Trust, Karachi] Itu adalah di dalam alam cahaya dan ruh, ahli bayt hidup dan tinggal kekal.

Menurut, Ibn Abil-Hadid Mutazali dan Sheikh Muhammad Abduh, mufti Mesir yang terkenal, yang mengulas pada tajuk yang diatas, mengatakan bahawa keturunan nabi tidak mati secara yang sama seperti orang lain mati. Maka apabila kita berdiri dipusara para Imam; kita tidak berdiri dihadapan orang mati, dan kita tidak berkata-kata kepada orang mati. Kita berdiri dihadapan yang hidup dan berkata-kata kepada yang hidup. Makanya kita bukanlah penyembah orang mati. Kita sembah Allah. Tidakkah kamu percaya bahawa Ali, Imam Husain, dan syahid Badr, Uhud, Hunain dan Karbala telah mengorbankan nyawa mereka dijalan Allah, dan hanya untuk menegakkan kebenaran? Tidakkah mereka telah berhadapan dengan kekejaman Quraish, Bani Umayya, Yazid dan juga pengikutnya, yang mempunyai matlamat untuk menghancurkan agama Islam? Sebagaimana tegasnya para sahabat nabi dan juga pengorbanan syuhadah Badr, Hunain dan Uhud yang telah membawa kepada tumpasnya musyrik, dengan cara yang sama Imam Husain telah tegas memilih untuk mengorbankan nyawanya untuk meluruskan Islam. Jika Imam tidak bertindak tegas dan berdiri teguh di dalam menentang pasukan yang zalim, Yazid terkutuk pasti telah menghancurkan Islam dengan memasukkan fahaman jahiliah kedalam masyarakat Islam.

Sheikh: Sungguh amat memeranjatkan yang kamu memanggil khalifa bagi Muslimin, Yazid bin Muawiya, sebagai kafir. Kamu harus tahu bahawa Muawiya bin Abu Sufyan, telah melantiknya sebagai khalifa. Khalifa kedua, Umar bin Khattab, dan Khalifa ketiga, Uthman yang teraniaya [???], telah melantik Muawiya sebagai Amir Syria. Disebabkan kebolehan dan bakat mereka, manusia dengan ikhlas telah menerima mereka sebagai khalifa. Maka rujukan kamu terhadap khalifa Muslim sebagai kafir, bererti bahawa kamu telah menghina tidak saja semua Muslim yang menerima mereka sebagai khalifa tetapi kamu juga telah menghina khalifa yang sebelumnya, yang telah melantik mereka sebagai khalifa atau Amir.

Sudah pastinya mereka ada membuat kesalahan, kesalahan yang dimaafkan, yang berlaku masa mereka menjadi khalifa. Cucu nabi, Imam Husain, telah dibunuh, tetapi ini telah diampunkan. Oleh kerana mereka telah bertaubat, Allah yang maha Pengampun, telah mengampunkan mereka. Imam Ghazali dan Damiri dengan panjang lebar telah menjelaskan kedudukan ini di dalam buku-buku mereka dan telah membuktikan kesucian khalifa Yazid.

Shirazi: Saya tidak pernah menyangkakan yang fanatiknya kamu hingga sampai ketahap itu, sehingga sanggup membela Yazid yang terkutuk itu. Kamu katakan bahawa oleh kerana mereka yang terdahulu menganggap bahawa mereka layak menjadi Amir atau pemerintah, maka semua Muslim hendaklah menerima mereka. Kenyataan ini tidak masuk akal sama sekali. Kami katakan khalifa hendaklah suci [ma'sum, suci dari segala dosa] dan yang dilantik oleh Tuhan, supaya kita tidak akan dizalimi. Kamu katakan bahawa Ghazali dan Damiri telah membela kedudukan Yazid. Tetapi mereka sama saja fanatiknya seperti kamu. Tidak ada manusia berakal waras yang akan membela tindakkan Yazid yang terkutuk. Kamu katakan Yazid telah membuat 'kesalahan' di dalam membunuh Imam Husain. Tetapi untuk membunuh cucu nabi yang tersayang bersama dengan 72 orang termasuk bayi, kanak-kanak dan orang tua, dan menjadikan anak-anak perempuan nabi [anak-anak perempuan Ali] yang bertaqwa sebagai tawanan dengan kepala dan muka yang terdedah, bukanlah suatu kepalang kesalahan. Ianya adalah sesuatu kezaliman yang dahsyat yang tidak dapat disebutkan.

Lebih-lebih lagi kesalahannya tidak pada penyembelihan ini saja. Terdapat banyak lagi peristiwa mengenai kekafirannya.

KEKAFIRAN BAGI YAZID.

Dianatara fakta yang membuktikan kafirnya Yazid adalah dari rangkap syairnya sendiri. Sebagai contoh, dia menulis: 'Jika meminum arak dihalang di dalam agama Muhammad, biarkanlah ianya; saya akan menerima kristian.'

'Adalah dunia ini sahaja untuk kami. Tidak ada dunia yang lain. Kami tidak perlu dihalang untuk menikmati kelazatan dari dunia ini.'

Rangkap ini terdapat di dalam koleksi syair-syair, dan Abul-Faraj bin Jauzi telah merakamkannya di dalam bukunya 'Radd Ala-Mutaasibul-Anid. Dan lagi katanya: 'Sesiapa yang menakutkan kami dengan cerita mengenai kiamat, biarkanlah dia. Itu adalah dusta yang menghalang kami dari kelazatan nyanyian dan muzik.'

Sibt Ibn Jauzi menulis di dalam 'Tadhkira' ms 148, apabila keturunan dibawa sebagai tawanan ke Syria; Yazid sedang duduk diaras dua istananya. Dia menyata dua rangkap ini: 'Apabila unta-unta membawa tawanan tiba, gagak berbunyi [petanda buruk] Saya berkata: Duhai gagak sama ada kamu berbunyi atau tidak,

saya tetap membalas dendam terhadap nabi.'

'Dendam' merujuk kepada fakta yang keturunan terdahulunya yang terbunuh dipeperangan Badr, Uhud, Hunain. Dia membalas dendam terhadap kematian mereka dengan membunuh anak-anak nabi.

Bukti yang lain mengenai kekafirannya adalah apabila dia mengadakan keramaian untuk meraikan syahidnya Imam Husain, dia menyampaikan rangkap kata seperti orang yang tidak beragama dari Abdullah bin Uzza Bari. Sibt Ibn Jauzi, Abu Raihan dan yang lainnya telah menulis bahawa Yazid berharap yang keturunannya dapat hadir, mereka yang semua adalah kafir jahiliah yang telah terbunuh di Badr atas arahan nabi. Yazid berkata: 'Saya berharap mereka dari Bani saya, yang telah terbunuh di Badr, dan mereka yang melihat orang suku Khazraj meraung [di dalam peperangan Uhud] disebabkan oleh tikaman lembing, ada disini. Mereka pasti akan bersorak memuji saya dengan kuat dan berkata: 'Wahai Yazid, semoga tanganmu tidak lumpuh, kerana kamu telah membunuh ketua Banu nya [Banu nabi]. Saya melakukannya sebagai membalas dendam untuk Badr, yang mana kini telahpun selesai. Bani Hashim hanya bermain dengan kerajaan. Tidak ada pengkhabaran dari Allah dan tidak juga wahyu yang disampaikan. Saya bukanlah dari keturunan Khandak jika saya tidak menuntut dendam terhadap keturunan nabi. Kami menuntut dendam diatas mereka yang dibunuh oleh Ali dengan membunuh anak-anaknya.'

SEKATAN OLEH ULAMA PADA MENGUTUK YAZID.

Kebanyakkan dari ulama kamu menganggap Yazid sebagai kafir. Bahkan Imam Ahmad bin Hanbal dan banyak lagi ulama kamu yang terkenal telah mensarankan bahawa kutukan terhadap Yazid perlu dilafazkan. Abdur-Rahman Abul-Faraj bin Jauzi telah menulis sebuah buku dalam bab ini, 'Kitabul-Radd Alal-Mutaasibul-Anidul-Manian-Lan-e-Yazid Lanatullah.' Hanya sebahagian kecil dari ulama kamu yang fanatik, seperti Ghazali telah menyebelahi Yazid dan telah merekakan bantahan yang melucukan [amat bodoh] di dalam membelanya. Bagaimanapun kebanyakkan dari ulama kamu telah mengakui ketiadaan agama, dan tabiat zalimnya. Sebagai khalifa dinegara Islam, Yazid cuba mengenepikan agama. Masudi, di dalam bukunya 'Murujuz-Dhahab', jilid II, telah berkata bahawa Yazid seperti Firaun, tetapi Firaun lebih adil kepada rakyatnya dari Yazid. Pemerintahan Yazid telah memalukan nama Islam. Kajahatannya termasuk minum arak, membunuh cucu nabi, mengutuk keturunan nabi, Ali, merosakkan rumah Allah [Baitullah], dan pembunuhan beramai-ramai. Dia telah melakukan segala larangan Allah, dan juga dosa-dosa yang tidak terampunkan.

Nawab: Bagaimanakah Yazid bertanggong jawab terhadap pembunuhan beramai-ramai?

Shirazi: Kebanyakkan ahli sejarah telah menyatakan fakta ini. Sibt Ibn Jauzi di dalam 'Tadhkira' nya ms 63, berkata bahawa sebagian penduduk Madina pergi ke Syria di dalam tahun 62 Hijrah. Apabila mereka mengetahui perbuatan Yazid yang menyalahi agama [berdosa], mereka pulang ke Madina dan memutuskan baiah [janji setia] dengan Yazid, mengutuknya, dan mengusir Gabenornya, Uthman bin Abu Sufyan. Abdullah bin Hanzalla ['Ghusilul-Malaikat] berkata: 'Wahai manusia, kami tidak memberontak terhadap Yazid sehingga kami mengesahkan bahawa dia adalah orang yang tidak beragama. Dia membunuh keturunan nabi, secara tidak sah bersekedudukan dengan para ibu, anak-anak perempuan, adik-adik perempuan, minum arak, dan tidak mendirikan solat.'

Apabila pengkhabaran ini sampai kepada Yazid, dia telah menghantar angkatan tentera Syria yang besar dibawah pimpinan Muslim bin Uqba terhadap penduduk Madina. Pembunuhan terhadap muslim Madina berterusan selama tiga hari. Pasukan Yazid membunuh 700 orang ternama Quraish, Muhajir dam Ansar dan 10 000 orang awam. Saya merasa malu untuk menyatakan bagaimana orang-orang muslim telah dihina. Saya akan menyebutkan hanya satu rangkap dari 'Tadhkira' pada ms 163, oleh Sibt Ibn Jauzi, yang dilaporkan oleh Abul-Hasan Madaan: 'Setelah pembunuhan beramai-ramai terhadap penduduk Madina, 1 000 anak dara Madina telah melahirkan bayi.'

HARUSKAH YAZID DIKUTUK?

Sheikh: Ini semua menunjukkan kepada dosanya. Dosa boleh diampunkan dan boleh dikawal, dan Yazid ada menunjukkan tanda bertaubat. Allah yang maha Pengampun, telah mengampunkannya. Maka mengapa kamu selalu mengutuknya dan mengatakan dia zalim?

Shirazi: Sebahagian peguam terus akan berhujah kes anak guamnya sehingga kesaat terakhir, kerana mereka telah mendapat bayaran upahnya, walaupun mereka tahu benar akan kedudukan kes tersebut. Tetapi saya gagal untuk memahami, mengapa kamu begitu minat pada mempertahankan Yazid, setelah mengetahui pembunuhannya terhadap keturunan rasul, pembunuhannya terhadap penduduk Madina. Lebih-lebih lagi pengakuan kamu bahawa dia telah menunjukkan sebagai telah bertaubat tidak terbukti. Tidakkah penolakkannya terhadap prinsip Islam yang utama, Hari Kebangkitan, wahyu, kerasulan, ini telah cukup untuk membolehkan pada kutukan kami? Tidakkah Allah telah mengutuki yang zalim? Jika hujah ini tidak mencukupi bagi peguam Yazid bin Muawiya, saya akan, dengan izin kamu, menyebutkan dua hadith dari ulama kamu yang terkenal.

Bukhari dan Muslim di dalam 'Sahih', Allama Samhudi di dalam 'Tarikh-Madina'; Abu'l-Faraj Bin Jauzi di dalam 'Kitabu'r-Radd Ala'l-Muta'asibu'l-Anid', Sibt Ibn Jauzi di dalam 'Tadhkira-e-Khawasu'l-Umma', Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam 'Musnad' dan yang lain menyebut dari nabi sebagai berkata: 'Jika sesiapa

mengemparkan dan menindas penduduk Madina, Allah akan mengemparkan mereka [i.e. pada Hari Pengadilan] Dia akan dikutuk oleh Allah, oleh Malaikat dan juga segala makhluk. Dan pada Hari Pengadilan, Allah tidak akan menerima segala amalannya.'

Nabi juga telah berkata: 'Kutukan atas mereka yang telah mengemparkan kota saya [penduduk Madina]' Tidakkah penyembelihan beramai-ramai telah menakut dan mengemparkan penduduk Madina? Jika ia, maka terimalah bersama dengan nabi, Malaikat dan segala makhluk bahawa penjenayah yang kejam itu perlu dikutuk dan terus dikutuk sehingga ke Hari Pengadilan.

Kebanyakkan dari ulama kamu telah mengutuk Yazid. Abdullah Bin Muhammad Bin Amir Shabrawi Shafi'i di dalam 'Kitabu'l-Ittihaf be Hubbi'l-Ashraf Raji' ba La'n-e-Yazid', page 20, menulis bahawa apabila nama Yazid disebut dihadapan Mulla Sa'd Taftazani, dia berkata: 'Kutukan terhadap dirinya dan para sahabat dan penolongnya.' Allama Samhudi di dalam bukunya 'Jawahirul-Iqdain' telah dilaporkan sebagai berkata: 'Para Ulama dengan serentak secara umum telah mengizinkan untuk mengutuk mereka yang telah membunuh Imam Husain, yang mengarahkan pembunuhan terhadapnya, atau yang mengalu-alukan terhadap pembunuhannya, atau yang bersetuju terhadap penbunuhannya.'

Ibn Jauzi, Abu Yala dan Salih bin Ahmad, berhujah dari ayat al-Quran telah menulis bahawa: 'Telah dibuktikan bahawa mengutuk Yazid adalah dibenarkan. Adalah menjadi tanggong jawab semua Muslim untuk mengetahui hak Imam Husain yang ada diatas mereka, dan bagaimana, dengan menanggongan terhadap segala penderitaan dari penindasan dan kezaliman, beliau telah menyirami pokok Islam dengan darah beliau sendiri dan darah keluarganya. Jika tidak pokok rahmat [Islam] mungkin akan mati disebabkan kezaliman oleh Bani Umayyah. Adalah Imam Husain yang telah memberikan Islam kehidupan yang baru.'

Sungguh amat dikesali, sepatutnya kita menghargai khidmat manusia yang suci ini terhadap Islam, sebaliknya kamu membangkitkan bantahan terhadap penziarah yang menziarahi makam mereka, dan mengelar penziarah tersebut sebagai penyembah yang mati. Kami kerap membacanya, di tengah-tengah ibu negara seperti Paris, London, Berlin dan Washington disana terdapat kuburan-kuburan bagi menghormati 'pahlawan yang tidak dikenali.' Telah dikata bahawa, mereka ini telah menderita kekejaman dari pihak musuh dan di dalam mempertahankan negara, mereka mengorbankan dirinya. Tetapi tidak terdapat sebarang tanda pada badan, atau pakaian untuk menunjukkan keluarganya atau bandarnya. Kerana dia telah mengorban dirinya di dalam mempertahankan negaranya, walaupun dia tidak dikenali, dia masih mendapat penghormatan. Apabila seorang raja atau orang kenamaan datang melawat kekota itu, dia datang menziarahi kepada kuburan pahlawan yang tidak dikenali dan meletakkan kalongan bunga padanya. Pahawan yang tidak dikenali mendapat penghormatan

yang sebegitu tinggi, tetapi saya amat kesal, sepatutnya kita menghormati penziarah yang melawat makam muslim yang ulama dan wara’ sebaliknya kita mengkritik mereka. Sebahagian dari mereka menghafal seluruh al-Quran. Mereka mengorbankan diri demi mempertahankan Islam. Manusia ini termasuklah yang diamanahkan oleh Allah, Rasul dan keurunan baginda.

PEMBONGKARAN KUBURAN.

Sebenarnya sebahagian Muslim telah meruntuhkan kuburan yang sedemikian dan membuat teh diatas peti yang diletakkan diatas kuburan tersebut!! Tragedi sedemikian telah berlaku pada tahun 1216 Hijrah pada hari perayaan Ghadir [Eidil-Ghadir], apabila kebanyakkan dari penduduk Karbala pergi ke Najaf untuk ziarah. Pihak Wahabbi Najaf telah menyerang Karbala dan membunuh para shia. Mereka memunahkan segala kuburan, orang-orang yang telah mengorbankan diri untuk Islam Lebih kurang 5 000 penduduk Karbala terbunuh, termasuk ulama, yang tua, wanita, dan juga kanak-kanak. Perbendaharaan Imam Husain dipecahkan dan segala yang berharga dirampas. Peti yang diatas pusara dibakar dan teh telah disediakan diatasnya. Malanglah bagi Muslim yang sedemikian!!!

Betapa sedihnya kejadian yang sedemikian, di dalam semua negara yang bertamadun kuburan raja-raja, para intelek, dan malah pahlawan yang tidak dikenali dihormati, tetapi Muslim, yang diharapkan untuk menunjukkan cara pemikiran yang lebih baik terhadap pemuliharaan makam-makam mereka yang kita sanjungi, sebaliknya telah memusnahkan kesemuanya seperti pengganas. Di Makah dan Madina, puak Wahhhabi telah menghancurkan makam syuhadah Uhud, termasuklah makam Hamza, kerabat nabi Abdul-Muttalib, Abdullah dan lain-lainnya. Mereka juga menghancurkan makam keluarga nabi, anaknya, seperti Imam Hasan, Imam Zainul-Abidin, Imam Muhammad Baqir, Imam Jafar Sadiq, Bibi Fatima anak perempuan nabi, dan banyak lagi dari Bani Hashim dan juga para ulama yang terkenal. Malangnya mereka masih mengelar diri mereka Muslim. Ya sudah tentu mereka telah mendirikan pusara yang besar untuk raja-raja dan orang kenamaan mereka.

Yang sebenarnya bahawa ulama dari kedua-dua golongan telah menyatakan dari banyak hadith yang mengajak kita pada menziarahi kuburan awlia, supaya makam tersebut akan terselamat dari kemusnahan. Nabi sendiri menziarahi kuburan para awlia dan berdoa kepada Allah untuk keselamatan mereka.

KETURUNAN NABI ADALAH SYUHADAH DIJALAN ALLAH DAN HIDUP.

Apakah kamu fikir bahawa keluarga nabi yang suci yang telah mengorbankan diri mereka di dalam jalan agama, tidakkah mereka syuhadah? Jika kamu katakan

bahawa mereka bukan syuhadah, apakah hujah kamu? Jika mereka adalah syuhadah, bagaimana kamu katakan mereka telah ‘mati’? Al-Quran mengatakan: ‘Mereka hidup dan mendapat rezeki dari tuhannya..’ [3:169] Maka mengikut dari al-Quran dan hadith, mereka yang suci ini hidup. Maka kami tidaklah menyembah yang mati. Kami tidak memberi salam pada yang mati, kami memuji yang hidup. Dan tidak ada shia, yang intelek dan yang tidak, menganggap mereka sebagai penghapus masalah. Kami menganggap mereka sebagai hamba Allah yang paling taqwa dan cara untuk berdamping kepadaNya. Kami letakkan keinginan kami kepada Imam-imam kami yang adil supaya mereka dapat merayu kepada Allah untuk menunjukkan belas kasihannya kepada kami. Apabila kami katakan, O Ali, tolonglah kami,’ ‘Husain, tolonglah kami.’ Ianya adalah seumpama sesaorang mahu berjumpa dengan raja. Kita BOLEH pergi berjumpa perdana menteri meminta pertolongan. Kita pastinya TIDAK menganggap perdana menteri kepada raja sebagai punca terakhir untuk menghapuskan masalah [hanya raja sahaja yang berkuasa]. Tujuan utama kita hanya untuk sampai kepada raja melalui mereka oleh kerana kemuliaan dan kedudukan mereka, maka mereka dengan mudah dapat bertemu raja. Shia tidak menganggap keturunan nabi sebagai sekutu di dalam segala tindakkan tuhan, kami menganggap mereka hamba yang paling bertaqwa.

KEDUDUKAN IMAM-IMAM YANG MA’SUM.

Oleh kerana mereka adalah wakil Allah, mereka menyampaikan kehendak yang berdoa kepadaNya. Jika permintaan itu layak; Dia menerimanya. Jika tidak Dia akan menggantikannya dihari akhirat. Satu perkara yang tidak harus ditinggalkan tanpa diberikan penerangan adalah: shia mengakui kedudukan para Imam yang ma’sum lebih tinggi dari segala syuhadah islam.

Hafiz: Kenyataan itu memerlukan penjelasan. Apa perbezaan diantara Imam kamu dengan Imam yang lain melainkan mereka mempunyai pertalian dengan nabi?

Shirazi: Jika kamu lihat pada kedudukan para Imam, kamu akan dapat melihat dengan jelas perbezaan fahaman tentang maksud Imam yang dipegang oleh shia dan sunni.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 4

Ahad malam, 26 Rejab 1345 Hijrah

PERBINCANGAN MENGENAI PARA IMAM.

Shirazi: Kamu orang yang dihormati tentu sedar akan perkataan ‘Imam’ mempunyai banyak pengertian. Secara lisan ianya bermana ‘ketua’ Imam-e-

Jamaat' bererti 'orang yang menjadi ketua di dalam solat berjamaah' Dia boleh juga menjadi ketua bagi manusia di dalam politik atau perkara agama. Imam-e-Jum'a bererti ketua solat jumaat. Maka, sunni, pengikut keempat mazhab, memanggil ketua mereka 'Imam', seperti Imam Abu Hanifa, Imam Malik, Imam Shafii, Imam Hanbal. Ahli agama dan perundangan ini adalah pemimpin mereka dalam perkara agama, dan mereka-mereka ini telah membentangkan undang-undang agama berasaskan dari penyelidikan atau dari penghuraian mereka sendiri mengenai yang diperbolehkan bagi segala amalan. Begitu juga, apabila kami mempelajari buku-buku perundangan keempat-empat Imam ini, kami dapati banyak perbezaan diantara mereka mengenai asas keimanan dan cara-cara amalan terhadap agama.

Begitu juga, segala golongan mempunyai peminpin mereka sendiri, dan dikalangan shia ulama dan pakar perundangan memegang kedudukan yang sama. Dengan ghaibnya Imam yang hidup dimasa kini, mereka mujtahid mengeluarkan perundangan berasaskan pengetahuan mereka dari al-Quran, kata-kata sahih dari nabi, dan para Imam yang pilihan. Tetapi kami tidak memanggil mereka Imam kerana Imami kepunyaan secara ekslusif kepada 12 orang keturunan nabi. Ada satu lagi perbezaan. Sunni kemudiannya telah menutupkan pintu ijtihad [berusaha pada menterjemahkan perundangan]. Dari abad kelima Hijrah, apabila dengan perintah raja [khalifa], pendapat yang digubal oleh ulama dan semua perundangan telah dikumpul, maka apa yang dikatakan sebagai 'Imam' telah dihadkan kepada 'empat Imam', dan maka empat mazhab [Hanafi, Maliki, Shafii, dan Hanbali] telah diasaskan. Manusia telah dipaksa mengikuti satu daripadanya, sebagaimana yang kamu amalkan sekarang. Tidak diketahui atas dasar apa mengikuti satu Imam itu lebih digalakkan. Apakah ciri-ciri yang ada pada Imam Hanafi yang tidak dimiliki oleh Imam Malikki? Apakah ciri-ciri yang ada pada Imam Shafii yang tidak dimiliki oleh Imam Hanbali? Dan jika dunia Islam dipaksa untuk menghadkan pada mengikuti satu dari empat mazhab, maka kemajuan bagi umma [komuniti] Islam akan terhalang sepenuhnya, walaupun Islam mengajarkan kepada kita supaya kita terus maju bersama masa. Untuk melakukan ini kita perlu kepada petunjuk dari para ulama [ilmuan]. Terdapat banyak perkara yang mana kita tidak seharusnya mengikuti keputusan hukuman mujtahid yang telah mati [dari jihad, ke berusaha, yang bermaksud dalam kontek ini, seorang yang berusaha untuk menterjemah dan mengubal amalan agama dan perundangan sebagaimana ijtihad merujuk kepada proses berusaha] maka kita harus mengadap kepada mujtahid yang hidup untuk petunjuk. Banyak para mujtahid yang dilahirkan diantara kamu kemudiannya, yang mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi dari mereka yang berempat 'Imam' Saya tidak tahu mengapa keutamaan diberi kepada yang empat, makanya tidak ada yang lain, hanya mereka saja perlu diikuti, dan kebenaran bagi orang yang lain diabaikan. Di dalam perundangan shia, terdapat mujtahid disetiap masa sehinggalah keluarnya Imam yang suci dizaman kita. Pada permasalahan yang baru timbul, kita tidak boleh ikut

keputusan mujtahid yang telah tiada.

MENGHADKAN KEPADA EMPAT MAZHAB TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG ASAS.

Adalah aneh bahawa kamu mengelar shia pembuat bidaa' dan penyembah orang mati. Kami mengikuti arahan 12 Imam, keturunan nabi. Bagaimana pun, tidaklah diketahui atas dasar apa kamu cuba untuk memaksa Muslim untuk mengikuti Asharis atau Mutazalis mengenai asas usul [tawhid] dan salah satu dari empat Imam di dalam perkara amalan agama [furu']. Sesiapa yang tidak mengenali mereka dikatakan Rafizi. Oleh kerana Abul-Hasan Ashari, Abu Hanifa, Maliki bin Anas, Muhammad bin Idris Shafii dan Ahmad bin Hanbal adalah sama seperti ulama dan perundangan Muslim yang lain dan oleh kerana tidak ada arahan dari nabi untuk kita mengikuti mereka, pengkhususan untuk mengikuti mereka adalah bidaa', apa yang akan kamu katakan sebagai jawapan?

Hafiz: Oleh kerana keempat Imam ini memiliki tahap ketaqwaan yang tinggi kepada Allah, wara', adil dan berwibawa bersama dengan pengetahuan perundangan yang luas, makanya telah menjadi wajib bagi kita untuk mengikuti mereka.

Shirazi: Secara logik kami tidak menghad kan diri kami kepada mengikuti mereka sahaja. Banyak lagi dari ulama kamu yang mempunyai kualiti yang sama ini. Menghadkan pada mengikuti mereka sahaja adalah satu penghinaan terhadap ulama lain yang sama meritnya. Kita tidak boleh dipaksa pada mengikuti sesaorang atau sesiapa saja tanpa kuasa arahan dari nabi. Tidak ada arahan yang sedemikian mengenai Imam yang berempat kamu. Maka bagaimana kamu boleh menghad agama kepada mazhab yang empat ini?

SHIA DIBANDINGKAN KEPADA MAZHAB YANG EMPAT.

Hanya beberapa malam yang lalu kamu memanggil golongan shia 'politik', dan mengatakan yang ianya tidak ujud dimasa hayat nabi – bahawa ia muncul masa khalifa Uthman – adalah haram untuk mengikuti mereka. Pada malam selepas semalam, kami telah buktikan yang shia telah ujud dimasa hayat nabi dan juga atas arahan baginda. Ketua bagi shia, Amirul Mukminin, Ali, telah dibesarkan dan diajar oleh nabi semenjak dari kecil dan menerima pengetahuan agamanya dari nabi sendiri. Menurut dari rekod di dalam buku kamu yang sahih, nabi memanggil beliau pintu kota ilmu. Baginda dengan jelas mengatakan: 'Patuh kepada Ali adalah patuh kepada saya, dan patuh kepada saya adalah patuh kepada Allah.' Di dalam kumpulan 70 000 manusia, baginda melantik beliau sebagai Amir dan khalifa dan mengarahkan semua Muslim, termasuk Umar dan Abu Bakr, untuk memberikan baiaa' kepada beliau.

Tetapi sebaliknya telah tidak diketahui bagaimana mazhab yang empat kamu

telah diujudkan, ataupun yang mana satu dari keempat Imam kamu yang pernah bertemu dengan nabi, ataupun sama ada terdapat pengesahan yang telah dilaporkan dari nabi mengenai mereka yang akan menerangkan mengapa umma Islam harus dipaksa pada mengikuti mereka.

Tanpa sebarang alasan yang nyata kamu telah mengikuti orang-orang kamu yang terdahulu, yang tidak pernah memberikan apa-apa alasan terhadap 'Imamnya' mereka, melainkan bahawa mereka adalah mujtahid, orang yang berpengetahuan dan wara'. Tetapi, tidakkah semua kualiti tersebut ada pada tahap yang TERTINGGI di dalam diri keturunan nabi, maka tidakkah ianya wajib bagi kita pada mengikuti mereka? Adakah mazhab [perundangan] ini yang tidak mempunyai pertalian dengan nabi, bidaa', atau kumpulan perundangan yang diasaskan oleh nabi dan dipimpin oleh keturunannya bidaa'? Dalam cara yang sama, terdapat sebelas lagi Imam yang mengenai mereka terdapat hadith yang lain yang menunjukkan bahawa mereka adalah sama setaraf al-Quran. Di dalam Hadith-e-thaqalain dengan jelas telah diperkatakan: 'sesiapa yang berpegang teguh pada kedua ini akan selamat, dan sesiapa menjauhkan diri dari mereka akan sesat.' Di dalam hadith-e-safina nabi berkata: 'Sesiapa yang menjauhkan diri dari mereka akan lemas dan binasa.' Ibn Hajar di dalam 'Sawaiq [Bab-e-Wasiyyatun-Nabi, ms 135] menyebutkan hadith dari nabi yang berbunyi: 'Al-Quran dan keturunan ku adalak amanah ku, jika kamu berpegang kepada mereka kamu tidak akan sesat.'

Di dalam menyokong ini, ibn Hajar menyebutkan hadith yang lain dari nabi mengenai al-Quran dan keturunannya yang suci: 'Janganlah melampaui batasan al-Quran dan keturunan ku; janganlah mengabaikan mereka. Jika tidak kamu akan binasa. Dan janganlah mengajar keturunan ku kerana mereka lebih mengetahui dari kamu.'

Selepas itu, Ibn Hajar mengulas bahawa hadith yang diatas membuktikan bahawa keturunan nabi adalah lebih utama dari semua yang lain dalam pengetahuan dan menyampaikan tanggong jawab agama.

KEEMPAT-EMPAT IMAM TELAH MENGISTIHARKAN DIANTARA SATU SAMA LAIN SEBAGAI KAFIR.

Adalah amat menakjubkan bahawa, keturunan nabi adalah yang paling unggul dari segala manusia yang lain, sunni masih mengikuti Abul-Hasan Ashari di dalam asas tawhid Islam dan keempat Imam di dalam amalan agama bahagian furu'. Pada mengikuti jalan sebegini, tidak lain hanyalah disebabkan oleh kesombongan dan kefanatikkan. Dan walaupun jika kita katakan apa yang awak nyatakan itu benar, bahawa keempat Imam kamu berhak terhadap kesetiaan kamu kerana mereka terpelajar dan wara', jadi mengapa setiap mereka menuduh diantara satu sama lain sebagai kafir?

Hafiz: Kamu amat kejam. Kamu sebut apa saja yang datang kefikiran kamu. Kamu menghina Imam kami. Kenyataan itu adalah dusta. Jika ada apa-apa yang telah diperkatakan terhadap mereka, ianya adalah dari ulama shia. Dari pihak kami tidak ada apa yang diperkatakan terhadap mereka. Kami telah menunjukkan tanda hormat terhadap mereka.

Shirazi: Kelihatan seperti kamu tidak membaca buku ulama kamu. Ulama kamu yang terkenal telah menulis buku mengenai penolakkan mereka. Bahkan keempat-empat Imam saling menuduh satu sama lain sebagai melanggar perundangan Tuhan.

Hafiz: Siapakah ulama itu? Apakah kenyataan mereka?

Shirazi: Sahabat Abu Hanifa , Ibn Hajar [Ali bin Ahmad Andalusi, mati dalam tahun 456 Hijrah] dan yang lainnya telah selalu mencela Imam Malik dan Muhammad bin Idris Shafii. Begitu juga sahabat Imam Shafii, seperti Imamul-Haramain, Imam Ghazali dan lainnya telah kondem Abu Hanifa dan Malik. Biar saya tanya kepada kamu sesuatu: apakah jenis manusia Imam Shafii tu, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad Ghazali dan Jarullah Zamakhshari?

Hafiz: Mereka adalah ahli perundangan, ulama, orang yang wara' dan Imam Kami.

ULAMA SUNNI KONDEM ABU HANIFA.

Shirazi: Iman Shafii berkata: 'Tidak ada yang dilahirkan, orang paling terkutuk di dalam Islam dari Abu Hanifa.' Dia juga berkata: 'Saya lihat dalam buku sahabat Abu Hanifa, dan saya dapati di dalam nya 130 ms mengandungi perkara yang bertentangan dengan al-Quran dan juga hadith.'

Abu Hamid Ghazali di dalam bukunya 'Manqul fi ilmil-Usul' telah berkata: 'Yang sebenarnya Abu Hanifa merubah etika agama, menjadikannya meragukan, merobah susunannya, dan mencapur-adukkan perundangannya dengan suatu cara dimana etika yang disebutkan oleh nabi telah berubah keseluruhannya. Seorang yang melakukannya dengan sengaja dan menganggaplah dibolehkan adalah kafir. Seorang yang melakukannya dengan pengetahuan bahawa ianya adalah haram maka berdosa.' Menurut ilmuan yang terkenal ini [Imam Ghazali], Abu Hanifa sama ada kafir atau pembuat dosa. Banyak bukunya yang lain kondem Abu Hanifa. Jarullah Zamakhshari, pengarang 'Tafsir-e-Kashshaf dan juga seorang ulama yang wara', telah menulis di dalam 'Rabiul-Abrar' bahawa Yusuf bin Asbat berkata: 'Abu Hanifa menolak paling kurang 400 hadith nabi Islam.' Ulasan Yusuf adalah: Abu Hanifa berkata: 'Jika rasul Islam mengenali saya, dia pasti akan menerima kebanyakkan dari kata-kata saya.'

Ulama kamu telah membuat kritikan yang sama kepada Abu Hanifa dan ketiga-tiga Imam yang lain. Ianya boleh dijumpai di dalam Ghazali 'Mutahawwal'; Shafii

‘Nuqtush-Sharifa’; Zamakhshari ‘Rabiul-Abrar’; dan Ibn Jauzi ‘Muntazim.

Imam Ghazali berkata di dalam buku Mutahawwal: ‘Terdapat banyak kesalahan didalam kerja-kerja Abu Hanifa. Dia tidak punya pengetahuan di dalam ilmu etimologi [ilmu asal usul perkataan], nahu ataupun hadith.’ Dia juga menulis: ‘Oleh kerana dia tidak punya ilmu hadith, dia banyak bergantung kepada kias nya sendiri. Yang pertama bertindak diatas kias adalah syaitan.’

Ibn Jauzi menulis di dalam ‘Muntazim’, ‘Semua ulama bersatu di dalam mengutuk Abu Hanifa. Terdapat tiga kategori pada kritikan yang sedemikian; satu kumpulan berpendapat bahawa kepercayaannya di dalam asas-asas Islam tidak kukuh; yang lain berkata bahawa dia tidak punya daya ingatan yang kuat dan tidak boleh mengingati hadith; dan yang ketiga percaya bahawa dia bertindak mengikut kias dan pendapatnya selalu bertentangan dengan hadith yang benar.’

Ulama kamu sendiri telah mengkritik imam kamu. Ulama shia tidak mengatakan apa-apa mengenai mereka, melainkan apa yang ulama kamu telah katakan.

Dan sebaliknya, tidak ada perbezaan pendapat diantara ulama shia mengenai kedudukan 12 Imam. Kami menganggap para Imam yang suci adalah murid pada pengajian yang sama. Imam-Imam ini – kesemua mereka – bertindak mengikut perundangan Tuhan yang mana Rasul terakhir telah berikan kepada mereka. Mereka tidak pernah bertindak diatas kias atau penbaharuan yang dibolehkan. Apa yang mereka kata atau laksanakan sealiran dengan apa yang dikatakan oleh nabi. Makanya tidak ada sebarang perbezaan diantara mereka.

IMAM MENURUT SHIA BERERTI WALI [WAZIR] KEPADA ALLAH.

Menurut dari difinasi yang telah diberikan oleh ulama, Imam atau wali kepada Allah, adalah satu dari asas-asas Islam. Kami percaya bahawa Imam adalah wali bagi Allah terhadap segala makhluk dan khalifat-e-Rasul [pengganti bagi Rasul] untuk dunia ini dan juga akhirat. Maka adalah wajib bagi semua manusia untuk mengikuti prinsipnya di dalam semua perkara, keduniaan dan juga kerohanian.

Sheikh: Adalah lebih baik jika kamu tidak mengistiharkan secara mutlak bahawa Imam termasuk di dalam asas kepada keimanan, oleh kerana ulama Islam yang termashor telah menafikan. Ia hanya termasuk di dalam bahagian cabang amalan pada iman. Ulama kamu yang telah memasukkannya kedalam asas.

Shirazi: Kenyataan saya tidak tertakluk kepada Imami shia sahaja. Bahkan ulama kamu yang ulung mempunyai kepercayaan yang sama. Seorang daripadanya adalah pengulas yang termashor, Kadi Baidhawi, yang telah berkata di dalam bukunya ‘Minhajul-Usul’ berhubung dengan perbincangan pada sebutan hadith: ‘Imam adalah satu dari asas prinsip Iman, yang mana penafian dan penentangan terhadapnya akan membawa kepada bidaa’ dan kafir.’

Mulla Ali Qushachi berkata di dalam ‘Sharh-e-Tajrid, ‘Imami adalah wali Allah yang umum bagi urusan dunia dan agama, serperti juga khalifa Rasul.’ Dan Kadi Ruzbahan, seorang ulama kamu yang amat fanatik, menunjukan kepada erti yang sama. Dia berkata: ‘Imami, menurut pengikut Abul-Hasan Ashari, adalah wali [wazir] nabi pada mengasaskan keimanan dan memelihara kepentingan Umma Muslim. Adalah menjadi tugas semua pengikut untuk memetuhi apa yang dikata.’ Jika Imami bukanlah sebahagian dari rukun Iman, nabi tidak akan berkata bahawa: ‘Sesiapa yang mati, dengan tidak mengetahui siapakah Imamnya dimasa itu, matinya sebagai seorang jahiliah.’

Ini telah disebutkan oleh ulama kamu yang terkenal, seperti Hamidi di dalam ‘Jami-Bainus-Sahihain’ dan Mulla Asad Taftazani di dalam ‘Sharhe Aqaid-e-Nasafi.’ Dengan tidak mengetahui satu cabang dari amalan keimanan, tidaklah sama seperti yang jahil, sebagaimana yang telah dikata oleh Baidhawi mengenai tidak mengetahui pada asas Iman, umum kejahilan terhadapnya [asas-asas iman] boleh membawa kepada kekafiran

Maka, Imami adalah satu dari asas Iman dan yang melengkapi peringkat tugas nabi [yang menyampaikan]. Makanya terdapat perbezaan yang besar pada konsep Imami kami dan yang difahami [diterjemahkan] oleh kamu. Kamu memanggil ulama kamu Imam, seperti Imam Azam dan Imam Malik. Tetapi ini hanya secara pengertian lisan. Kami juga menggunakan istilah Imam-e-Jama’a, Imam-e-Jamaat. Maka akan ada ratusan Imam dalam satu masa, tetapi pengertian teknikalnya dimana kami gunakan perkataan ‘Imam’ ianya bererti wali Allah. Dalam pengertian ini hanya terdapat seorang sahaja Imam pada satu masa. Kualiti pengetahuannya yang mulia, keberanian, ketaqwaan kepada Allah, dan wara’, semuanya telah di sempurnakan di dalam diri mereka. Dia melebihi dari semua makhluk di dalam semua kemuliaan dan menduduki tempat kema’suman [tidak membuat sebarang dosa]. Dunia tidak boleh berada tanpa Imam yang sedemikian sehingga ke Hari Pengadilan. Imam yang sedemikan unggul mempunyai kedudukan kerohanian yang paling tinggi. Imam yang begini telah ditauliahkan oleh Allah dan dilantik oleh nabi. Kedudukannya lebih tinggi dari segala makhluk, termasuk para rasul yang terdahulu.

Hafiz: Satu ketika kamu mengutuk Ghalis, dan pada masa yang sama kamu sendiri telah melampui meninggikan para Imam dan menganggap kedudukan mereka lebih tinggi dari para nabi. Akal yang waras telah menolaknya dan al-Quran juga mengatakan bahawa nabi telah didudukkan ditempat tertinggi. Kedudukan mereka letaknya diantara dikehadirat ilahi dan yang dijadikan. Oleh kerana kenyataan kamu tidak disokong oleh mana-mana hujah maka ianya tidak boleh diterima.

KEDUDUKAN IMAMI ADALAH LEBIH TINGGI DARI KEDUDUKAN NABI YANG UMUM.

Shirazi: Kamu belum pun bertanya atas dasar apa saya membuat kenyataan tersebut, dan kamu telah katakan dengan tanpa sebarang hujah. Bukti yang terbaik untuk kenyataan saya adalah al-Quran, yang menyebutkan kisah hidup Nabi Ibrahim, telah mengatakan bahawa, setelah diberikan tiga percubaan [nyawa, harta dan anak], Allah bermaksud untuk meninggikan lagi kedudukannya. Oleh kerana nabi dan panggilan kalil [rakan] tidaklah mengambarkan kedudukan yang tinggi, maka kedudukan Imami lah sahaja satunya kedudukan yang lebih tinggi yang mana nabi juga boleh dianugerahkan dengannya. Al-Quran berkata: 'Dan apabila Tuhannya mencuba Ibrahim dengan perkataan tertentu, dia telah melaksanakannya, Dia berkata: 'Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu Imam atas manusia.' Ibrahim berkata: 'Dan keturunan ku? 'Janji Ku tidak termasuk mereka yang zalim.' [2:124]

Ayat ini yang menunjukkan kedudukan Imami, juga telah membuktikan darjat Imami lebih utama dari nabi, kerana kedudukan Nabi Ibrahim telah dinaikkan dari nabi kepada Imam.

Hafiz: Ini bermakna dari hujah kamu kedudukan Ali adalah lebih utama dari kedudukan nabi yang akhir. Ini adalah apa yang dipercayai oleh Ghalis, sebagaimana yang kamu sendiri telah katakan.

NABI UMUM DAN KHUSUS.

Shirazi: Bukanlah itu maksud saya apa yang kamu rumuskan. Sebagaimana yang kamu ketahui, terdapat perbezaan yang besar diantara nabi yang umum dengan nabi yang khusus. Darjat Imami lebih tinggi dari kedudukan nabi yang umum tetapi rendah kepada nabi yang khusus. Nabi yang akhir adalah yang tertinggi dari nabi-nabi yang khusus.

Nawab: Maaf kan saya kerana memotong percakapan. Tidakkah semua nabi telah dikirimkan oleh Allah? Pastinya mereka berkedudukan yang sama: al-Quran berkata: 'Kami tidak membezakan diantara mana-mana rasul,' [2:285] Jadi mengapa kamu membezakan diantara mereka dan membahagi nabi-nabi pada 2 kategori, umum dan khusus?

Shirazi: Ya, ayat itu benar pada kontek [hal] yang tertentu. Iaitu, mengenai pada mencapai matlamat kerasulan [yang bermaksud mengajari manusia tentang adanya Allah, Hari Pengadilan, dan latihan terhadap minda] kesemua nabi dari Adam sehingga kepada nabi yang akhir, adalah sama. Tetapi mereka berbeza di dalam kualiti mereka, pencapaian dan kedudukan.

PERBEZAAN DI DALAM DARJAT KERASULAN.

Adakah nabi yang dikirimkan untuk memandu 1 000 manusia sama dengan nabi yang dihantar untuk memandu 30 000 manusia, atau yang dihantar untuk

memandu seluruh makhluk? Kita ambil sebagai contoh, adakah guru darjah satu sama dengan guru darjah empat? Adakah guru kelas atasan sama dengan profesor atau guru universiti? Kesemua tergolong pada pentadbiran yang sama, dan berkerja dibawah program umum yang sama, tujuan mereka untuk mendidik pelajar. Tetapi dilihat pada pengetahuan guru, ianya tidaklah sama. Setiap satu berbeza dengan yang lain menurut dari pembelajaran mereka, kemampuan dan pencapaian. Tetapi dari sudut pandangan tujuan kerasulan, semua nabi Allah adalah sama. Bagaimana pun kerana perbezaan kedudukan dan pengetahuan, mereka adalah berbeza. Al-Quran berkata: 'Kami telah jadikan sebahagian dari rasul itu melebihi yang lain; diantara mereka ada kepadanya Allah berkata-kata, dan sebahagian mereka Allah tinggikan dengan darjah yang banyak.' [2:253]

Dari kamu Jarullah Zamakhshari berkata di dalam bukunya 'Tafsir-e-Kushshaf' bahawa ayat diatas bererti yang nabi kita lebih utama kedudukannya dari semua yang lain disebabkan penghargaan khasus yang diterimanya,

Yang terpenting beliau adalah rasul yang terakhir.

Nawab: Saya gembira kamu telah selesaikan masalah ini, tetapi saya ada satu lagi soalan, walaupun ianya tidak berkaitan. Sila beritahu kepada kami apakah karekteristik [ciri-ciri] utama nabi yang khusus.

Shirazi: Banyak kualiti tertentu pada nabi yang khusus, dan terdapat banyak hujah pada pembuktian bagaimana satu nabi daripada mereka semua, adalah nabi yang khas kepada Allah. Bahkan kedudukan itu menamatkan putaran bagi kerasulan. Tetapi sessi ini tidak diatur untuk membuktikan nabi Allah kepada Muslim. Jika kita hendak bincangkan tajuk ini sepenuhnya, kita akan menyimpang dari tajuk asal, Imami. Bagaimana pun saya akan bincangkan dengan ringkas.

KAREKTERISTIK [CIRI-CIRI] RASUL KHUSUS.

Kesempurnaan manusia bergantung kepada kesempurnaan jiwa. Kesempurnaan moral dan juga kerohanian tidak akan tercapai tanpa kesuci jiwa. Kesucian sebegini adalah mustahil melainkan jika ianya dipimpin oleh kekuatan kebijaksanaan. Maka dia akan dapat meningkat tinggi dan lebih tinggi dengan kuasa pengetahuan dan amalan yang betul sehinggalah dia sampai kekemuncak kemanusiaan. Jika ucapan diikuti oleh pengetahuan dan amalan, ini meyerupai pada kejadian dialam ruh, yang mana adalah tempat asal pada kejadian manusia. Apabila ucapannya mencapai ketahap kesederhanaan dan bebas dari segala benda fizikal [bebas dari pengaruh dunia], ia telah menjadi satu dengan alam ruh. Maka dia akan meninggalkan alam binatang [dunia] dan sampai kekedudukan kemanusiaan yang tertinggi .'

Kuasa pertuturan manusia telah menjadikan dia lebih utama dari semua makhluk

yang ada. Tetapi terdapat satu syarat tertakluk padanya, iaitu dia membersihkan jiwa dari segala kekotoran dengan pengetahuan dan amalan yang betul. Dua faktor ini di dalam diri manusia adalah seperti sayap kepada burung. Begitu juga darjah kemanusiaan manusia, akan meningkat menurut pengetahuan dan amalannya yang betul. Untuk melepasi kawasan kebinatangan dan untuk sampai kelingkungan kemanusiaan bergantung kepada kesempurnaan jiwanya. Seorang yang menyatukan di dalam dirinya kemantapan pengetahuan dan amalan yang betul dan sampai ketempat yang ketiga dari peringkat manusia [manusia awam, manusia elit, dan yang ter elit] telah sampai ketahap terendah nabi. Apabila orang itu menjadi perhatian khusus Allah, dia menjadi nabi. Ya, nabi juga mempunyai beberapa peringkat. Seorang nabi boleh sampai kepuncak tertinggi, dikedudukan yang tertinggi dari tiga perinkat itu. Kedudukan ini adalah yang paling tinggi dilingkungan yang mungkin [dibolehkan]; yang mana kedudukan itu dinamakan Kebijaksanaan Pertama; dan ianya adalah Kesan Pertama atau Konsekuen [keselarasan] Pertama. Tidak ada kedudukan yang lebih tinggi dari ini dialam nyata. Tempat ini diduduki oleh nabi yang terakhir, yang kedua pada tiada, melainkan Penyebab Pertama. Apabila nabi dinaikkan ketahap tertinggi, kerasulan telah tammat.

Imami adalah satu kedudukan yang rendah dari kedudukan nabi yang tertinggi, tetapi lebih tinggi dari kedudukan nabi yang lainnya. Oleh kerana Ali telah dinaikkan kekedudukan yang lebih tinggi dari nabi dan yang sama dalam keruhanian dengan nabi Muhammad, dia telah dianugerahkan kedudukan Imam dan makanya lebih utama dari segala nabi yang terdahulu.

Hafiz: Bahagian akhir dari kenyataan kamu membingungkan. Pertama kamu katakan Ali lebih tinggi dari tahap nabi; kedua, dia adalah satu dalam keruhanian dengan nabi Muhammad; ketiga bahawa dia lebih utama dari segala nabi. Apakah hujah kamu pada membuktikan kebenaran kata-kata kamu?

HUJAH PADA DARJAH RASUL UNTUK ALI DARI HADITH MANZILA.

Shirazi: Bahawa Ali sampai kedarjah kenabian boleh dibuktikan dengan merujuk kepada hadith manzila [hadith mengenai darjah] yang telah diterima semua, disampaikan dengan lebih kurang perkataan yang sama. Rasul yang akhir telah mengulangi beberapa kali diperbagai pertemuan: ‘Tidakkah kamu merasa puas bahawa kamu kepada ku adalah Harun kepada musa, melainkan bahawa tidak akan ada rasul selepas saya? Dikala yang lain baginda berkata kepada pengikutnya: ‘Ali kepada saya seperti Harun kepada Musa.’

Hafiz: Kesahihan hadith ini telah tidak dibuktikan. Walaupun jika ia dibuktikan sebagai benar, ianya adalah dari satu penyampai dan makanya tidak dapat diterima.

KESAHIHAN HADITH MANZILA DARI PUNCA YANG BIASA.

Shirazi: Di dalam memberikan keterangan mengenai tulennya hadith ini, saya akan merujuk buku kamu. Ianya bukan dari satu penyampai. Ianya telah disahkan oleh ulama kamu yang terkenal, seperti Suyuti, Hakim Nishapuri dan lainnya, yang telah membuktikan sebagai yang boleh dipercayai dari punca yang banyak. Sebahagian darinya adalah seperti berikut:

(1) Abu Abdullah Bukhari di dalam 'Sahih', jilid III, Bahagian Ghazawa, Qazwa Tabuk, ms. 54, dan di dalam bukunya 'Bida'u'l-Khalq', ms. 180; (2) Muslim bin Hajjaj di dalam 'Sahih', diterbitkan di Egypt, 1290 H., jilid II, di bawah tajuk "Kemuliaan Ali;" ms 236-7; (3) Imam Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad', jilid I, "Asas pada Menamakan Husain," ms 98, 118, 119; and notakaki pada buku yang sama, Bahgian 5, ms 31; (4) Abu Abdu'r-Rahman Nisa'i di dalam Khasa'isi'l-Alawiyya, ms 19; (5) Muhammad bin Sura Tirmidhi di dalam Jami'; (6) Hafiz Ibn Hajar Asqalani di dalam Isaba, jilid II, ms 507; (7) Ibn Hajar Makki di dalam Sawa'iq Muhriqa, Bab 9, ms 30 dan 34, (8) Hakim Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah Nishapuri di dalam Mustadrak, jilid III, ms 109; (9) Jalalu'd-Din Suyuti di dalam Ta'rikhu'l-Khulafa, ms 65; (10) Ibn Abd Rabbih di dalam Iqdu'l-Farid, jilid II, ms 194; (11) Ibn Abdu'l-Birr di dalam Isti'ab, jilid 2, ms 473; (12) Muhammad bin Sa'd Katib Waqidi di dalam Tabaqatu'l-Kubra; (13) Imam Fakhru'd-Din Razi di dalam Tafsir Mafatihu'l-Ghaib; (14) Muhammad bin Jarir Tabari di dalam Tafsir; begitu juga di dalam Ta'rikh; (15) Seyyed Mu'min Shablanji di dalam Nuru'l-Absar, ms 68; (16) Kamalu'd-Din Abu Salim Muhammad bin Talha Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul, ms 17; (17) Mir Seyyed Ali bin Shahabu'd-Din Hamadani di dalam Mawaddatu'l-Qurba, pada bahagian akhir pada dari Mawadda 7; (18) Nuru'd-Din Ali bin Muhammad Maliki Makki, dikenali sebagai Ibn Sabbagh Maliki, di dalam Fusulu'l-Muhimma, ms 23 dan 125; (19) Ali bin Burhanu'd-Din Shafi'i di dalam Siratu'l-Halabiyya, jilid II, ms 49; (21) Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, (22) Mulla Ali Muttaqi in Kanzu'l-Ummal, jilid VI ms 152-153; (23) Ahmad bin Ali Khatib di dalam Ta'rikh Baghdad; (24) Ibn Maghazili Shafi'i di dalam Manaqib; (25) Muwaffaq bin Ahmad Khawarizmi di dalam Manaqib; (26) Ibn Athir Jazari Ali bin Muhammad di dalam Usudu'l-Ghaiba; (27) Ibn Kathir Damishqi di dalam Ta'rikh; (28) Ala'u'd-Daula Ahmad bin Muhammad di dalam Urwatu'l-Wuthqa; (29) Ibn Athir Mubarak bin Muhammad Shaibani di dalam Jami'u'l-Usul; (30) Ibn Hajar Asqalani di dalam Tahdhibu't-Tahdhib; (31) Abu'l Qasim Husain bin Muhammad Raghib Isfahani di dalam Muhadhiratu'l-Udaba', jilid II ms 212. Banyak ulama terkenal kamu telah menyampaikan hadith yang mashur ini dengan sedikit perbezaan di dalam perkataan dari ramai para sahabat nabi seperti: (1) Umar bin Khattab, (2) Sa'd bin Abi Waqqas, (3) Abdullah bin Abbas, (4) Abdullah bin Mas'ud, (5) Jabir bin Abdullah Ansari, (6) Abu Huraira, (7) Abu Sa'id Khudri, (8) Jabir bin Sumra, (9) Malik bin Huwairi's, (10) Bara'a bin 'Azib, (11) Zaid bin Arqam, (12) Abu Rafi', (13) Abdullah bin Ubai, (14) Abu Suraiha, (15) Hudhaifa bin Assad, (16) Anas bin Malik, (17) Abu Huraira Aslami, (18) Abu Ayyub Ansari, (19) Sa'id bin

Musayyab, (20) Habib bin Abi Thabit, (21) Sharhbil bin Sa'd, (22) Umme Salma (wife of the holy Prophet), (23) Asma bint Umais (wife of Abu Bakr), (24) Aqil bin Abi Talib, (25) Mu'awiya bin Abu Sufyan, dan ramai lagi sahabat yang lain. Secara ringkas, kesemua mereka telah menyatakan dengan sedikit perbezaan pada perkataan bahawa nabi berkata: 'Wahai Ali, kamu kepada ku adalah sebagai Harun kepada Musa, melainkan tidak ada rasul selepas aku.'

Adakah semua ulama yang mashor – dan banyak lagi yang saya tidak nyatakan – tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa hadith ini telah diterima semua sebagai benar? Adakah kamu mengaku sekarang bahawa kamu telah tersalah faham? Oleh kerana kamu menunjukkan atitiut keraguan mengenai hadith ini, kamu haruslah merujuk kepada Kifayatut-Talib fi Manaqib-e-Ali Ibn Abi Talib, Bab 7, disusun oleh Muhammad Yusuf Ganji Shafii, adalah seorang ulama yang paling terkenal dari golongan kamu. Setelah menyebut enam hadith di dalam memuji Ali, pengarang ini mengulas ms 149 pada hadith ini sebagai berikut:

'Ini adalah hadith yang kesahihannya telah diterima oleh semua. Ianya telah disampaikan oleh kebanyakkan Imam dan hafiz al-Quran yang terpelajar, seperti Abu Abdullah Bukhari di dalam Sahih, Muslim bin Hujjaj di dalam Sahih, Abu Dawud di dalam Sunan, Abu Isa Tirmidhi di dalam Jami', Abu Abdu'r-Rahman di dalam Sunan, Ibn Maja Qazwini di dalam Sunan. Kesemua mereka telah mengesahkan kesahihannya. Hakim Nishapuri telah berkata bahawa hadith ini masuk ketahap kesimanbungan.

Saya harap bahawa saya tidak perlu menambah bukti untuk menunjukkan bahawa hadith ini tulen.

Hafiz: Saya bukanlah orang yang tidak beragama, maka saya tidak akan menolak hujah kamu yang munasabah, tetapi saya ingin mengambil perhatian kamu kepada kenyataan dari seorang ulama yang ilmuan, Abul-Hasan Amadi, yang telah menolak hadith ini.

Shirazi: Saya hairan mengapa seorang terpelajar seperti kamu, setelah mendengar pandangan dari ulama kamu yang terkenal, masih memberikan pertimbangan terhadap keterangan dari seorang yang jahat, yang tidak melakukan solat wajib.

Sheikh: Manusia adalah bebas untuk menyatakan apa yang dia percaya. Jika sesaorang menyatakan pandangannya, kita tidak seharusnya menghina dia. Adalah tidak wajar bagi kamu untuk menghina dia, selain daripada memberikan jawapan yang logik dari kenyataannya.

Shirazi: Kamu salah faham terhadap diri saya. Saya tidaklah mengkritik sesaorang sacara kejam. Saya belumpun dilahirkan semasa hayat Amadi. Ulama kamu yang

telah merakamkan bahawa dia adalah orang yang tidak beragama.

Sheikh: Dimana ada ulama kami mengatakan dia tidak beragama?

DIALOG SUNNI-SHIA

AMADI TIDAK DIPERCAYAI SEBAGAI PENYAMPAI HADITH.

Shirazi: Ibn Hajar Asqalani telah menulis di dalam 'Lisanul-Mizan': 'Saif Amadi Mutakallim Ali bin Abi Ali, seorang pengarang, telah diusir dari Damascus kerana pandangan dia yang tidak beragama, dan adalah benar bahawa dia tidak mendirikan solat.' Dan Dhahabi, yang juga ulama kamu yang terkenal, menyatakan perkara yang sama di dalam bukunya 'Mizanul-Itldal'. Dia mengatakan bahawa Amadi seorang pembuat bidaa'. Jika Amadi bukan seorang jahat dan pembuat bidaa' yang tidak beragama, dia tentu tidak membuat catatan yang menghinakan mengenai semua para sahabat nabi, termasuk khalifa kamu, Umar bin Khattab [seorang daripada penyampai hadith tersebut]

Adalah tidak adil kamu menyalahkan shia kerana tidak menerima hadith yang dirakamkan di dalam Siha. Jika hadith datang dari punca yang sahih, ianya diterima, walaupun ianya dirakamkan di dalam Siha [enam koleksi hadith dari sunni]. Tetapi jika hadith yang telah diterima, yang telah dirakamkan oleh Bukhari, Muslim dan pengarang Siha yang lain, telah ditolak oleh Amadi, kamu tidak menjumpai sebarang kesalahan dengannya.

Jika kamu berhajat untuk mengetahui hujah sepenuhnya berkaitan dengan kesahihan dan punca hadith ini dari ulama kamu sendiri, dan jika kamu bersedia untuk mengutuk manusia seperti Amadi, kamu bolehlah merujuk jilid-jilid 'Abaqatul-Anwar', telah ditulis oleh ulama dan pengulas yang ulung, Allama Mir Seyyed Hamid Husain Dihlawi. Terutama, kamu hendaklah mempertimbangkan hadith Manzila, supaya kamu akan tahu bagaimana Allama shia ini telah mengumpulkan punca-punca dari ulama perundangan kamu dan menyediakan pembuktian kesahihan terhadap hadith-hadith tersebut.

Hafiz: Kamu katakan bahawa seorang dari penyampai hadith itu adalah Umar bin Khattab. Saya suka hendak mengetahui lebih mengenainya.

PENGESAHAN HADITH MANZILA OLEH UMAR BIN KHATTAB.

Shirazi: Abu Bakr Muhammad bin Jaafarul-Mutiri dan Abul-Laith Nasr bin Muhammad Samarqandi Hanafi, di dalam buku mereka 'Majalis'; Muhammad bin Abdur-Rahman Dhahabi di dalam 'Riadhun-Nazara; Mulla Ali Muttaqi di dalam 'Kanzul-Ummal', dan yang lainnya telah menyatakan dari Ibn Abbas sebagai berkata bahawa satu hari Umar bin Khattab berkata: 'Tinggalkan nama Ali [iaitu, jangan terlalu banyak menghina Ali] kerana saya telah mendengar nabi berkata,

bahawa Ali mempunyai tiga kualiti. Jika saya mempunyai satu dari kualiti itu, saya akan menghargainya lebih dari apa yang disinari oleh matahari.

Suatu ketika saya, Abu Bakr, Abu Ubaida, Jarra dan beberapa para sahabat yang lain hadir, dan nabi sedang berihat pada Ali Ibn Abi Talib. Baginda menepok bahu Ali dan berkata, ‘Ali! Apa sahaja yang berkaitan dengan keimanan, kamu adalah yang pertama dari semua yang beriman, dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam, kamu telah berada dihadapan.’ Kemudian baginda berkata: ‘Ali kamu kepada ku sebagaimana Harun kepada Musa. Dan seorang itu adalah pendusta yang memikirkan dia adalah sahabat saya jika dia bermusuh dengan kamu.’

Adakah diperbolehkan di dalam kepercayaan kamu untuk menolak kenyataan dari khalifa Umar? Jika tidak, mengapa kamu memberi perhatian kepada kenyataan yang bodoh dari seorang seperti Amadi?

KEDUDUKAN SEORANG PENYAMPAI DI DALAM GOLONGAN SUNNI.

Saya belum lagi menjawab kepada satu dari kenyataan kamu. Kamu katakan bahawa hadith ini adalah yang mempunyai satu penyampai, maka ianya tidak boleh diterima. Jika kita katakan yang sedemikian menurut kedudukan orang yang ada dalam pandangan kami, pasti kami merasa wajar. Tetapi ia amat menakjubkan saya untuk mendengarkan perkara sedemikian dari kamu kerana di dalam golongan kamu walaupun seorang penyampai telah mencukupi untuk menunjukkan kebenaran perkara tersebut. Jika sesaorang enggan untuk menerima kesahihan seorang penyampai, dia, menurut ulama kamu adalah kafir. Malikul-Ulema Shahabud-Din Daulatabadi berkata di dalam ‘Hidayatus-Sa’da’: ‘Jika seorang enggan menerima laporan atau kenyataan dari satu penyampai dan mengatakan bahawa ianya tidak boleh diterima, dia adalah kafir. Jika dia mengatakan penyampai yang seorang itu tidak betul, dia telah berdosa, tidak kafir.'

Hafiz: Kita telah menyimpang dari tajuk utama. Sila beritahu kami bagaimana kamu buktikan melalui hadith Manzila ini bahawa Ali menduduki darjat nabi.

SIFAT-SIFAT ALI.

Shirazi: Hadith ini membuktikan bahawa Ali mempunyai tiga ciri (1) Darjah nabi; (2) Kedudukan pengganti kepada nabi dan (3) Kedudukannya lebih utama dari kesemua para sahabat nabi. Seperti nabi, pengikut Ali samakan beliau seperti Harun, seorang nabi, telah dianugerahkan dengan kekhalifaan Musa [pengganti Musa], dan lebih utama dari semua Bani Israel.

Nawab: Adakah Harun seorang nabi?

Shirazi: Ya

Nawab: Bolehkah kamu nyata satu ayat dari al-Quran di dalam menyokong maksud ini?

Shirazi: Allah menyebutkan kerasulannya di dalam banyak ayat. Dia berkata: ‘Sesungguhnya Kami akan mengwahyukan kepada kamu sebagaimana Kami wahyukan kepada Nuh, dan kepada rasul selepas dia. Kami wahyukan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, dan Yakob dan kaumnya [anaknya], dan kepada Isa, Ayub, Yunus, harun dan Sulaiman; dan Kami berikan Daud, Zabur.’ [4:163]

Dan lagi Dia berkata: ‘Dan disebutkan Musa di dalam kitab; sesungguhnya dia seorang yang disucikan, dan dia adalah rasul dan nabi. Dan kami panggil dia kesebelah bukit, dan Kami meninggikan dia, berkata-kata dengan Kami. Dan Kami berikan kepada dia dari rahmat kami saudaranya Harun, seorang nabi.’ [19: 51 – 53]

Hafiz: Maka menurut dari hujah kamu, Muhammad dan Ali keduanya adalah nabi.

Shirazi: Saya tidak menyatakannya sebagaimana yang kamu sampaikan. Ya, kamu sendiri tahu bahawa terdapat perbezaan pendapat yang besar mengenai berapa ramaikah nabi yang ada. Sebahagian mengatakan bahawa terdapat 120 000 – atau lebih. Tetapi kesemua mereka di dalam jangka masa mereka telah terbahagi kepada kumpulan dan pengikut kepada nabi yang utama, yang kepada merekalah kitab Allah telah diwahyukan mengandungi perundangan agama baru. Lima dari mereka adalah Rasul yang utama: Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan nabi yang terakhir Muhammad yang kedudukannya paling tertinggi.

Harun adalah seorang dari nabi yang tidak kekal atau tersendiri. Dia dibawah syariah [etika agama] abangnya Musa. Ali sampai ketahap nabi tetapi tidak dinaikkan kepangkat rasul oleh kerana dia dibawah syariah Muhammad. Di dalam hadith Manzila, tujuan nabi adalah untuk memberitahu manusia bahawa, sebagaimana Harun yang sampai ketahap nabi tetapi dia adalah dibawah Musa, sebegitulah Ali sampai ketahap nabi. Imami telah dianugerahkan kepada beliau, tetapi beliau dibawah Muhammad.

PENTINGNYA KEDUDUKAN ALI.

Di dalam ulasannya pada Nahjul-Balagha, Ibn Abil-Hadid berkata di dalam hubungan dengan hadith ini bahawa dengan menyebutkah darjat Harun di dalam perbandingan dengan Musa, nabi menunjukkan bahawa Ali Ibn Abi Talib menduduki darjat tersebut. Begitu juga, Muhammad bin Talha Shafii, di dalam ‘Matalibus-Su’ul’, ms 19, setelah menjelaskan darjat dan kedudukan Harun, telah berkata: ‘Intipati perkara ini adalah kedudukan Harun dalam pertalian dengan Musa, iaitu Harun adalah adiknya, wakilnya, rakan dalam kenabian, dan penggantinya atau wazir apabila Musa di dalam perjalanan. Nabi Allah juga dalam

hadith ini telah menunjukkan bahawa Ali memegang kedudukan yang sama seperti yang dipegang Harun, melainkan kerasulan, yang mana telah dikeluarkan dalam ucapannya: 'Tidak akan ada rasul selepas aku.'

Makanya, telah terbukti bahawa Ali adalah adik Rasul, wazir, wakil, dan pengganti baginda sebagaimana yang diistiharkan oleh Nabi di dalam perjalanannya ke Tabuk. Hadith ini telah diterima semua sebagai benar. Pandangan yang sama telah disebutkan oleh Sabbagh Maliki di dalam 'Fusulul-Muhimma', ms 29, dan oleh banyak yang lain dari ulama kamu.

Hafiz: Saya fikir kamu menyatakan jika Rasul kita bukanlah rasul yang akhir, Ali akan dapat kedudukan itu, ini khusus bagi kamu saja. Tiada siapa ada mengatakannya.

Shirazi: Kenyataan ini tindak tertakluk kepada saya dan ulama shia sahaja. Ulama kamu juga mempunyai pandangan yang sama. Seorang dari ulama terkenal kamu Mulla Ali bin Sultan Muhammad Harawi Qari. Di dalam bukunya 'Mirqat-e-Sharh bar Mishkat', dia berkata, mengulas pada hadith Manzila, 'Terdapat petunjuk dari hadith ini bahawa jika terdapat Rasul Allah selepas rasul yang akhir, ianya adalah Ali.' Seorang ulama kamu yang lain yang telah menghuraikan hadith ini dengan maksud yang sama adalah ulama yang terkenal, Jalalud-Din Suyuti. Dia menulis dipenghujung bukunya 'Baghiatul-Wu'az Fi Tabaqatul-Huffaz' memberikan rantaian penyampai sehingga Jabir Abdullah Ansari, bahawa Rasul memberitahu Amirul Mukminin Ali: 'Jika ada Rasul Allah selepas saya, ianya adalah kamu!'

Sebagai tambahan, Mir Seyyed Ali Hamadani Faqih Shafii berkata di dalam nombor dua dari enam Mawadda di dalam bukunya 'Mawaddatul-Qurba', menyebut kenyataan dari Anas bin Malik, bahawa Rasul berkata: 'Sesunggunya, Allah menjadikan aku paling utama dari semua rasul, memilih aku bagi kesempurnaan, dan menjadikan untuk ku seorang pengganti, sepupu ku Ali. Melaluinya, Dia memperkuatkan bahu ku, sebagaimana bahu Musa diperkuatkan oleh Harun. dia [Ali] adalah wazir dan penolong. Jika ada terdapat rasul selepas ku, ianya adalah Ali, tetapi tidak ada rasul selepas ku.'

Jadi kamu lihat saya tidak sendirian di dalam mengatakan darjat nabi kepada Ali. Rasul dan juga ulama kamu telah mengesahkannya. Oleh kerana dia mempunyai darjat Harun dan oleh kerana era kerasulan telah berakhir, Ali adalah yang paling layak untuk kedudukan khalifa [wazir]. Satu petunjuk bagi darjat Ali yang tinggi adalah nabi membenarkan pintu rumah Ali kekal dibuka menghala ke masjid.

Komen ini telah menyebabkan kekecuhan dan kekeliruan diantara sunni. Shirazi bertanya mengapa terjadinya begini.

Nawab: Jumaat lepas kami pergi ke Masjid untuk bersolat. Hafiz Sahib

memberitahu kami mengenai keutamaan khalifa Abu Bakr. Dia berkata bahawa Abu Bakr telah diizinkan untuk membiarkan pintu rumahnya dibuka menghala ke Masjid. Kami agak terkejut mendengar kamu mengatakan bahawa kebenaran ini khas untuk Ali. Sila jelas perkara ini.

Shirazi: [Berpaling mengadap Hafiz Sahib] Adakah anda membuat kenyataan itu?

Hafiz: Ya, ianya telah dirakamkan di dalam hadith kami yang sahih, sebagaimana yang telah disampaikan oleh sahabat nabi yang wara' Abu Huraira. Nabi mengarahkan: 'Bahawa semua pintu yang menghala ke Masjid hendaklah ditutup melainkan pintu rumah Abu Bakr, kerana Abu Bakar adalah daripada saya dan saya adalah daripada Abu Bakr.'

Shirazi: Pastinya kamu tahu bahawa, oleh kerana kemuliaan-kemuliaan Amirul Mukminin, Ali; Bani Umayyad telah berusaha dengan tanpa hentinya secara rahsia, dan terutama sekali melalui pengampu Muawiya, seperti Abu Huraira dan Mughira, untuk memalsukan hadith-hadith yang sedemikian. Lebih-lebih lagi, apabila pengikut Abu Bakr, memberikan sokongan mereka terhadapnya, ini telah memperkukuhkan lagi kedudukan hadith yang dipalsukan itu. Ibn Abil-Hadid, di dalam ulasannya kepada Nahjul-Balagha, jilid I dan lagi di dalam jilid 3 ms 17, telah membincangkan secara mendalam bahawa diantara banyak hadith-hadith yang dipalsukan, ini adalah satu daripadanya, mengenai menutup pintu semua rumah yang menghala ke masjid, melainkan rumah Abu Bakr. Bertentangan dengan hadith palsu ini, terdapat banyak hadith, yang telah dirakamkan bukan sahaja buku-buku sahih shia tetapi juga di dalam buku yang boleh dipercayai oleh ulama kamu, seperti sahih.

Nawab: Oleh kerana ini adalah isu yang kontroversi, dengan kenyataan Hafiz ianya adalah khas kepada Abu Bakr, dan dengan kata kamu ianya khas kepada Ali, maka kami amat hargai jika kamu dapat sebutkan dari buku kami, supaya dengannya kami dapat membezakan rujukan kamu dengan rujukan Hafiz Sahib.

HADITH DENGAN ARAHAN NABI PINTU-PINTU MENGHADAP KEPADA MASJID HENDAKLAH DITUTUP MELAINKAN PINTU RUMAH ALI.

Shirazi: Berikut ini adalah punca yang disampaikan, bahawa nabi mengarah semua pintu-pintu rumah yang menghadap ke masjid hendaklah ditutup melainkan pintu rumah Ali. Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad' jilid I, ms 175, jilid II, ms 26 and jilid IV, ms 369; Imam Abu Abdu'r-Rahman Nisa'i di dalam 'Sunan' dan di dalam 'Khasa'isi'l-Alawi', ms 13-14; Hakim Nishapuri di dalam 'Mustadrak', jilid III, ms 117-125 and Sibt Ibn Jauzi di dalam 'Tadhkira', ms 24-25 telah mengesakkan bahawa hadith ini boleh dipercayai dengan mengasaskan kepada rantaian penyampai dari Tirmidhi dan Ahmad. Dan lagi, Ibn Athir Jazri di dalam 'Athna'l-Matalib', ms 12, Ibn Hajar Makki di dalam 'Sawa'iq Muhriqa', ms 76,

Ibn Hajar Asqalani di dalam ‘Fathu’l-Bari’, jilid VII, ms 12, Tibrani di dalam ‘Ausat’, Khatib Baghdadi di dalam ‘Ta’rikh (Sejarah)’, jilid VII, ms 205, Ibn Kathir di dalam ‘Ta’rikh’, jilid 7, ms 342, Muttaqi Hindi di dalam ‘Kanzu’l-Ummal’, jilid VI, ms 408, Haithami di dalam ‘Majma’u’z-Zawa’id’, jilid IX; ,ms 65, Muhibu’d-Din Tabari di dalam ‘Riyadh’, jilid II, ms 451, Hafiz Abu Nu’aim di dalam ‘Faza’ilu’s-Sahaba’ dan di dalam ‘Hilyatu’l-Auliya’, jilid IV, ms 183, Jalalu’d-Din Suyuti di dalam ‘Ta’rikhu’l-Khulafa’, ms 116, di dalam ‘Jamu’l-Jawami’, di dalam ‘Khasa’isu’l-Kubra’, dan di dalam ‘La’aliu’l-Masnu’a’, jilid I, ms 181, Khatib Khawarizmi di dalam ‘Manaqib’, Hamwaini di dalam ‘Fara’id’, Ibn Maghazili di dalam ‘Manaqib’, Munawi Misri di dalam ‘Kunuzu’d-Daqa’iq’, Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiu’l-Mawadda’, ms 87, mengkhususkan kesemua bahagian 17 kepada isu ini, Shahabu’d-Din Qastalani di dalam ‘Irshad-e-Bari’, jilid VI, ms 81, Halabi di dalam ‘Siratu’l-Halabiyya’, jilid III, ms 374 and Muhammad bin Talha Shafi’i di dalam ‘Matalibu’s-Su’ul’ dan banyak lagi yang lain, terutama dari sahabat Rasul yang terkenal, yang telah menyampaikan perkara yang sama. Sebagai contoh, khalifa Umar bin Khattab, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Zaid bin Arqam dan Jabir bin Abdullah Ansari telah mengesahkan bahawa hadith ini boleh dipercayai. Sebahagian dari ulama kamu yang terkenal, demi untuk menyelamatkan manusia dari diselewengkan oleh Bani Umayyad, telah menekankan akan kebenaran hadith ini. Muhammad bin Yusuf Ganji Shafii, di dalam bukunya ‘Kifayatul-Talib’, Bab 50, telah menyatakan hadith ini dibawah tajuk yang khusus. Menyebutkan dari punca yang sahih, dia berkata bahawa beberapa pintu rumah para sahabat nabi terbuka menghala ke Masjid, dan oleh kerana nabi telah melarang semua manusia dari memasukki masjid dalam keadaan berhadath besar atau haid [keadaan yang memerlukan kepada mandi], baginda mengarahkan semua pintu-pintu rumah tersebut hendaklah ditutup melainkan pintu rumah Hadrat Ali. Baginda berkata: ‘Tutuplah kesemua pintu-pintu tetapi biarlah pintu rumah Ali tinggal terbuka.’ Muhammad bin Yusuf Shafii berkata bahawa ini adalah khusus kepada Ali dan beliau dibenarkan untuk masuk dan tinggal di masjid dalam keadaan janaba. Dia terus mengatakan lagi: ‘Secara ringkas, nabi mengurniakan keutamaan ini khusus untuk Ali adalah satu tanda penghormatan yang besar. Ini menunjukkan bahawa nabi mengetahui bahawa Ali, Fatima dan keturunannya adalah bebas dari segala kekotoran, sebagaimana dengan jelasnya telah ditunjukkan oleh ‘ayat kebersihan’ dari al-Quran. Kenyataan dari ulama shafii ini bolehlah dibandingkan dengan hadith yang disebutkan oleh Hafiz Sahib. Kita boleh ketepikan semua punca sahih lain yang telah saya sebutkan, dan jika kamu punya sebarang bukti mengenai kesucian Abu Bakr, sila nyatakan. Bahkan Bukhari dan Muslim di dalam koleksi hadith mereka telah menunjukkan kepada fakta bahawa manusia yang di dalam hadath besar tidak boleh masuk ke masjid. Nabi berkata: ‘Tidak dibolehkan untuk sesiapa yang berhadath besar untuk tinggal di dalam masjid, melainkan saya dan Ali.’ Mungkin saya boleh diizinkan disini untuk menyebutkan satu hadith dari khalifa kedua, Umar bin Khattab, yang telah disampaikan oleh Hakim di dalam ‘Mustadrak’ ms 125, oleh Sulayman Balkhi di dalam ‘Yanabiul-Mawadda Bab 56 ms

210, dan yang lain seperti Ahmad bin Hanbal, Khatib Khawarizmi, Ibn Hajar, Suyuti dan Ibn Athir Jazri. Dia berkata: ‘Sesungguhnya, Ali Ibn Abi Talib mempunyai tiga kemuliaan yang utama. Jika saya mempunyai salah satu daripadanya, adalah lebih utama dari memiliki unta berbulu merah: (1) Nabi memberikan anaknya untuk dikahwini kepada beliau; (2) Nabi mengarahkan semua pintu rumah yang menghadap ke Masjid ditutup melainkan pintu rumah beliau; (3) Nabi memberikan kepada beliau panji-panji Islam pada hari penaklukan Khaibar.’

Dari kenyataan-kenyataan ini, adalah jelas bahawa Ali adalah sama dengan nabi di dalam banyak aspek, sebagaimana juga Harun kepada Musa. Maka apabila Musa mendapati Harun layak untuk kedudukan itu, dia meminta kepada Allah untuk menjadikan dia sekutu di dalam misinya, dan juga menjadi wazirnya. Begitu juga , apabila nabi melihat bahawa tidak terdapat sesiapa dari pengikutnya yang lebih berhak dan layak dari Ali, baginda meminta kepada Allah untuk menjadikan Ali menteri dan sekutunya.

Nawab: Adakah hadith yang lain mengenai isu ini?

Shirazi: Ya, banyak terdapat mengenai isu ini di dalam buku kamu.

Nawab: Saya bersedia untuk mendengarkannya, jika kamu semua begitu, [menunjukkan kepada para ulama disebelahnya] suka untuk mendengarkannya.

Hafiz: Tidak ada salahnya. Mendengarkan kepada hadith adalah amalan yang baik sebagaimana yang telah disampaikan.

SEDANG RUKUK DIDALAM SOLAT, ALI MEMBERIKAN CINCINNYA KEPADA PEMINTA SEDEKAH.

Shirazi: Ibn Maghazili seorang faqih shafii di dalam ‘Manaqid’ nya, Jalalud-Din Suyuti di dalam ‘Durr-e-Mansur’, seorang ulama terkenal Ahmad Thalabi di dalam ‘Kashful-Bayan’; Sabt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkiratul-Khawasul-Umma’, yang berkaitan dengan ayat Wilaya, menyebutkan dari Abu Dharr Ghifari dan Asma bint Umais [isteri Abu Bakr] bahawa mereka telah berkata, pada hari itu mereka melakukan solat zohor di dalam masjid dan nabi juga hadir. Seorang peminta sedekah mula meminta-minta. Tiada siapa memberikan kepadanya apa-apa. Ali sedang rukuk [di dalam solat]. Apabila beliau menunjukkan kejarinya, peminta sedekah itu mengeluarkan cincin dari jari beliau.

Nabi melihat kejaadian tersebut, dan mengangkat kepalanya kelangit, berkata: ‘Wahai Allah, saudaraku Musa berdoa kepada Mu: ‘Wahai Allah, lapangkanlah dada ku, dan permudahkan urusan ku. Lantiklah untuk ku seorang penolong dari keluarga ku, Harun saudaraku.’ Ayat telah diturunkan memberitahu Musa yang doanya telah dikabulkan. Allah telah melantikkan baginya seorang penolong, dan memperkuatkan tangannya dan memberikan kepada mereka kekuatan dan

penguasaan yang tiada siapa dapat mengalahkan mereka.' '…Dan Musa berkata kepada saudaranya Harun: 'Ambillah kedudukan ku diantara umma ku, dan bertindaklah dengan baik dan janganlah mengikuti jalan mereka yang membuat kerosakkan,' [7:142]

KEDUDUKAN HARUN SEBAGAI NABI DAN JUGA KHALIFA.

Hafiz: Kamu katakan bahawa Harun adalah sekutu Musa di dalam kenabian. Bagaimana dia [Musa] menjadi dia [Harun] khalifa? Sekutu dalam kenabian menduduki kedudukan yang tinggi dari khalifa atau pengganti. Jika rakan itu nabi dan dia dijadikan khalifa, ini bererti telah diturunankan kedudukannya.

Shirazi: Rasul yang utama adalah Musa, dan Harun adalah sebagai pengikut kepada Musa. Tetapi mengenai peri hal penyampaian dia adalah sekutu Musa, sebagaimana telah dibuktikan dari permintaan Musa, yang tertulis di dalam al-Quran: 'Dia [Musa] berkata: 'Wahai Tuhanku! Lapangkanlah dadaku, dan permudahkan urusan ku, dan lepaskanlah ikatkan pada lidahku, semoga mereka dapat memahami dari keluargaku; Harun, saudaraku, perkuatkanlah belakangku dengannya, dan dampingilah dia [dengan ku] di dalam urusan ku.' [20:25-32]

Begitu juga Ali, selain dari mempunyai kedudukan nabi, adalah sekutu bagi rasul di dalam semua arena dan kualiti-kualiti yang khusus.

Hafiz: Saya amat terkejut mendengar kamu melebih-lebihkan kedudukan Ali. Kami semua terperanjat. Kamu baru saja mengatakan Ali mempunyai semua ciri-ciri Rasul.

Shirazi: Kenyataan ini tidaklah diperbesar-besarkan. Semuanya adalah benar. Pengganti Rasul seharusnya, menurut hukum akal, menjadi model kepada Rasul. Bahkan ulama yang ulung dari kamu telah menyatakan kepercayaan yang sama. Imam Thalabi di dalam ulasannya, mengesahkan tujuan ini. Dan ulama sunni yang terkenal, Alim Fazil Seyyed Ahmad Shahabud-Din di dalam 'Tauzihud-Dalail' telah merujuk perkara ini sebagai berikut: 'Ianya bukanlah rahsia bahawa Amirul Mukminin meyerupai nabi Allah di dalam kebanyakkan kualitinya yang baik, amalan yang tidak mementingkan diri, tabii, beramal dan berdoa kepada Allah, dan juga kesemua ciri-ciri yang mulia dalam hidup. Ini telah dibuktikan oleh laporan yang sahih dan punca yang boleh dipercayai dan tidak memerlukan kepada bukti dan hujah. Sebahagian ulama telah mengira kualiti-kualiti ini yang dimiliki oleh Ali dan rasul sama setanding.'

Diantara kualiti yang dikongsi bersama adalah jalinan keturunan. Dan berhujah dari ayat kesucian, kita dapat melihat bahawa Ali adalah sama seperti Rasul di dalam kesucian mereka. [Ayat itu diturunkan di dalam merujuk kepada lima manusia: Muhammad, Ali, Fatima, Hasan dan Husain] Ali seperti juga Rasul adalah

wazir Allah. Menurut dari kedua golongan, ayat yang berikut telah diwahyukan di dalam merujuk kepada Ali: ‘Hanya Allah sahabat kamu, dan NabiNya, dan Mereka yang beriman, mereka yang mendirikan solat dan membayar zakat sedang mereka rukuk.’ [5:55]

Ali adalah sama dengan nabi di dalam melaksanakan tugas-tugas kerasulan dan menyampaikan, sebagaimana urusan surah Bara’a telah menunjukkan. Rasul telah memberikan ayat tertentu kepada Abu Bakr dan mengarahkan dia untuk mengucapkannya kepada Manusia pada musim haji. Malaikat Jibril turun kepada Rasul dan mengatakan bahawa ‘Adalah kehendak Allah, perkara yang berkaitan dengan al-Quran hanya boleh disampaikan oleh Rasul sendiri, atau seorang yang sama seperti dia. Ali adalah sama dengan Rasul dalam peranannya sebagai wazir Allah.

Rasul sendiri telah berkata: ‘Saya telah diperintahkan oleh Allah untuk menyampaikan ini kepada kamu.’ Kemudian baginda mengambil tangan Ali dan berkata: ‘Ketahuilah oleh kamu sekelian, sesiapa saya maulanya, Ali adalah juga maulanya.’

Lebih-lebih lagi diri Ali telah dinyatakan sebagai diri Rasul. Ayat Mubahila berkata: ‘Tetapi sesiapa yang menentang dengan kamu setelah apa yang sampai kepada kamu dengan pengetahuan, maka katakanlah: ‘Marilah kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, perempuan kami dan perempuan kamu, dan diri kami dan diri kamu; kemudian kita berdoa bersungguh-sungguh supaya kutukan Allah kepada mereka yang berdusta.’ [3:61]

Untuk kembali ke dalam masjid apabila Ali memberikan cin-cinnya kepada peminta sedekah dan Rasul berdoa kepada Allah, memintaNya untuk menjadikan Ali sekutunya di dalam kerasulan. Maka nabi berdoa: ‘Wahai Allah! Aku adalah Muhammad, pilihan Mu dan rasul mu. Lapangkanlah dadaku. Dan jadikanlah urusan ku mudah bagi ku, dan lantikkanlah bagi diriku seorang pembantu dari keluarga ku, Ali. Perkuatkanlah belakangku melaluinya.’

Abu Dharr menyampaikan: ‘Demi Allah! Doa Rasul belum pun selesai apabila malaikat Jibril muncul dan menyampaikan ayat ini kepada baginda: ‘ Hanya Allah sahabat kamu, dan nabiNya, dan mereka yang beriman, mereka yang mendirikan solat dan membayar zakat sedang ia rukuk.’ [5:55]

Doa Rasul telah dikabulkan, dan Ali telah dilantik sebagai wazir. Muhammad bin Talha shafii di dalam ‘Matalibus-Su’ul’, ms 19, telah memperkatakan isu ini dengan khusus. Lebih lagi, Hafiz Abu Nuaim Isfahani di dalam ‘Manaqatul-Mutaharin’, Sheikh Ali Jafar di dalam ‘Kanzul-Barahin’, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’, Seyyed Shahabud-Din di dalam ‘Tauzihud-Dalail’, Jalalud-Din Suyuti di dalam ‘Durr-e-Mansur’, dan ulama lain yang terkenal dari kalangan kamu

telah menyatakan ini di dalam penulisan mereka. Sebahagian dari mereka telah menyebutnya dari Asma bint Umais [isteri Abu Bakr] dan sebahagian lagi dari para sahabat yang lain. Yang berikut ini disebutkan dari Abdullah bin Abbas: 'Rasul mencapai kepada aku dan Ali dengan tangan baginda. Baginda mengerjakan empat rakaat solat, dan mengangkat tangannya kelangit, berkata: 'Wahai Allah! Musa anak Imran memohon kepada Mu untuk melantik baginya seorang pembantu dan untuk mempermudahkan tugasnya. Saya adalah Muhammad, saya bermohon kepada Engkau untuk melapangkan dadaku dan permudahkan tugasku. Jadikan lidahku fasih supaya manusia boleh memahami ucapanku. Lantiklah bagiku penolong dari keluargaku, Ali. Perkuatkanlah belakangku melaluinya, dan jadikan dia rakan di dalam urusan ku.' Saya mendengar suatu suara, 'Wahai Ahmad! Aku telah kabulkan permintaan kamu.' Kemudian Rasul mengambil tangan Ali dan berkata: 'Angkatlah tangan kamu kelangit dan berdoalah kepada Allah supaya Dia menganugerahkan sesuatu kepada kamu.' Kemudian Ali mengangkat tangannya dan berkata: 'Wahai Allah, berjanjilah dari pihak Kamu, bahawa Kamu akan sentiasa merasa senang kepadaku.' Dikala itu juga malaikat Jibril muncul dan membawa ayat ini dari surah Mariam: 'Sesungguhnya bagi mereka yang beriman dan beramal solih, diatas mereka Allah adakan kecintaan.' [19:96]

Apabila para sahabat nabi tercenggang pada kejadian itu, Rasul berkata, 'Mengapa kamu kehairanan? Al-Quran mengandongi empat bahagian; satu per-empat mengenai kami ahlul bayt; satu per-empat lagi mengenai perkara yang diperbolehkan; satu per-empat lagi mengenai perkara yang dilarang; dan satu per-empat lagi mengenai ordinan dan perundangan. Saya bersumpah dengan Allah bahawa terdapat banyak ayat-ayat di dalam al-Quran yang telah diwahyukan pada memuji Ali.'

Sheikh: Walaupun jika hadith itu diambil sebagai sahih, ianya tidak menunjukkan kedudukan yang khas untuk Ali. Hadith yang sama telah disebutkan mengenai khalifa Abu Bakr dan Umar. Qaz'a bin Suwaid telah menyebutkan dari Ibn Abi Malika yang telah menyebutkan dari Ibn Abbas sebagai berkata bahawa Rasul berkata, 'Abu Bakr dan Umar kepada ku adalah umpama Harun kepada Musa.'

Shirazi: Kamu seharusnya mempertimbangkan kerekter sebahagian dari penyampai-penyampai kamu. Ada kalanya kamu berhujah dari rakaman Amadi dan ada kalanya dari mereka yang terkenal jahat dan pemalsu hadith, Qaz'a bin Suwaid, malah ulama kamu yang terkenal telah menolak dia. Allama Dhahabi di dalam 'Mizanul-Itidal', di dalam menerangkan peristiwa Qaz'a bin Suwaid dan Ammar bin Harun, telah menolak hadith ini dan dengan hanya berkata, 'Ianya suatu penipuan'. Apabila ulama kamu sendiri menolak Qaz'a, hadith yang dia sampaikan hendaklah ditolak juga. Bandingkanlah hadith Qaz'a dengan rantaian penyampai hadith yang saya telah sebutkan dari ulama kamu yang telah terkenal dan buatlah keputusan sendiri hadith mana yang kamu hendak terima.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 5

ISNIN MALAM, 27 RAJAB 1345 HIJRAH

Hafiz: Daripada ucapan kamu yang begitu fasih semalam, saya merumuskan bahawa kamu cuba membuktikan bahawa Ali adalah pengganti seterusnya sesudah nabi, walaupun yang sebenarnya hadith itu hanyalah untuk tujuan yang tertentu. Ianya telah disebutkan semasa perjalanan hendak ke Tabuk. Tidak terdapat sebarang bukti yang tujuannya umum.

Shirazi: Di dalam hadith ini, perkataan 'Manzila' [kedudukan] telah digunakan di dalam maksud yang umum. Perkataan yang menunjukkan pada pengecualian dengan nyata membuktikan bahawa rujukannya adalah untuk tujuan umum. Rasul telah menamakan Ali bersama dengan perkataan 'Nabi' dan menjelaskan manzilanya dengan menggunakan rangkap 'melainkan bahawa tidak ada nabi selepas saya.' Kebanyakkan ulama yang terkenal dan juga pengarang telah menyebutkan hadith dari Rasul, yang dinyatakan telah berkata kepada Ali, 'Adakah kamu tidak merasa puas bahawa kamu kepada ku adalah seumpama Harun kepada Musa melainkan bahawa tidak ada nabi selepas aku?

Semasa tiadanya dia selama 40 hari, Musa tidak meninggalkan urusan kepada keputusan ummahnya. Dia melantik Harun, manusia yang terbaik diantara Bani Israel, untuk bertindak sebagai khalifa dan penggantinya. Begitulah juga, Rasul yang akhir, yang mana agamanya yang paling sempurna, mempunyai sebab yang lebih kuat untuk melindungi ummahnya dari kehancuran yang terbit dari kebebasan mengikut kehendak mereka sendiri. Dia hendak memelihara etika beragama supaya ianya tidak terlepas kepada tangan mereka yang jahil, yang akan menukarkannya mengikut sesuka hati mereka. Manusia yang jahil akan menurut kias dan tanggapan mereka dan akan memecah-belahkan perkara mengenai perundangan agama. Maka di dalam hadith yang suci ini Rasul berkata: 'Ali kepada saya adalah umpama Harun kepada Musa, ' ini mengesahkan bahawa Ali memegang kedudukan yang sama mulia dan penguasaannya sebagaimana Harun. Ali yang paling utama dari semua ummah dan makanya Rasul melantik beliau sebagai pembantu dan penggantinya.

Hafiz: Apa yang kamu telah katakan mengenai hadith ini tidak dipersoalkan. Tetapi jika kamu mempertimbangkan perkara ini dengan teliti, kamu akan dapati bahawa hadith ini tidak punya tujuan umum. Tujuannya adalah tertakluk pada peperangan Tabuk apabila Rasul melantik Ali sebagai khalifa untuk waktu yang tertentu sahaja.

HADITH MANZILA TELAH DISEBUTKAN BEBERAPA KALI.

Shirazi: Kamu mungkin betul di dalam kenyataan kamu jika hadith ini telah disebutkan pada masa Tabuk sahaja. Tetapi Rasul telah mengulangi hadith yang sama pada beberapa peristiwa. Ia telah disebutkan apabila persaudaraan diantara Muhajir di Makah telah diadakan. Ianya juga disebutkan di Madina apabila persaudaraan telah diadakan diantara Muhajir dan Ansar. Pada setiap peristiwa itu Rasul memilih Ali sebagai saudara, dengan berkata, 'Kamu kepada ku adalah seumpama Harun kepada Musa melainkan tidak ada Nabi selepas aku.'

Hafiz: Sejauh yang saya lihat, hadith Manzila hanya disebutkan pada peperangan Tabuk. Rasul meninggalkan Ali pada kedudukannya, yang menyebabkan Ali menjadi cemas. Rasul mententeramkan beliau dengan kata-kata tersebut. Saya fikir kamu telah terkeliru.

Shirazi: Tidak, saya tidak keliru. Hadith kamu yang sahih telah menyebutkannya. Diantara mereka adalah Masudi [penyampai yang boleh dipercayai oleh kedua golongan] yang telah menulis di dalam 'Murujudh-Dhahab'nya, jilid II, ms 49, Halabi di dalam 'Siratul-Halabiyya', jilid II, ms 26 dan 120, Imam Abdur-Rahman Nisai di dalam 'Khasaisul-Alawiyya, ms 19, Sibt Ibn Jauzi di dalam 'Tadhkira' ms 13 – 14, Sulayman Balkhi Hanafi di dalam 'Yanabiul-Mawadda, Bab 9 dan 17, dan beberapa yang lain telah menyebutkan hadith ini. Mereka semua mengatakan, selain dari dua peristiwa pada mengadakan persaudaraan, ianya telah dikatakan di dalam banyak peristiwa lain juga. Makanya hadith ini tidaklah boleh diertikan di dalam pengertian yang tertentu atau untuk tujuan tertentu sahaja. Kegunaannya secara umum telah dibuktikan dengan fakta. Adalah melalui hadith ini bahawa Rasul telah mengistiharkan pada peristiwa yang sesuai bahawa Ali adalah pengganti baginda. Salah satu dari peristiwa itu adalah pada peperangan Tabuk.

Hafiz: Bagaimana mungkin bahawa para sahabat Rasul setelah mendengar hadith ini dengan pengertian umumnya, memahami maksudnya bahawa Ali adalah pengganti sebagaimana yang dihajati oleh Rasul, dan bahkan selepas wafatnya Rasul, mereka menjadi musuh dan menerima orang lain sebagai khalifa?

Shirazi: Saya mempunyai banyak rujukan di dalam menyokong jawapan saya terhadap soalan kamu, tetapi jawapan yang terbaik untuk ketika ini adalah untuk mempertimbangkan dugaan terhadap Harun di dalam situasi yang sama. Al-Quran menyatakan bahawa apabila Musa melantik Harun sebagai pengganti, dia menggumpulkan semua Bani Israel [menurut dari sebahagian laporan 70 000 orang]. Musa menekankan bahawa di dalam ketiadaannya mereka hendaklah patuh kepada Harun, khalifa dan juga penggantinya. Musa kemudian pergi ke gunung untuk bersendirian dengan Allah. Belumpun habis sebulan, Samiri telah menanamkan bibit perpecahan diantara Israel. Dia membentuk anak lembu dari emas, dan Bani Israel setelah meninggalkan Harun, telah berkumpul mengelilinggi Samiri dengan jumlah yang banyak. Hanya sedikit masa sahaja yang telah berlalu, yang sebelum ini Bani Israel telah mendengar Musa berkata bahawa masa

ketiadaan beliau Harun adalah khalifanya dan mereka hendaklah patuh kepadanya. Namun begitu 70 000 manusia mengikut Samiri. Nabi Harun dengan lantang membantah tindakkan dan juga melarang mereka dari melakukan amalan yang sesat, tetapi tiada siapa yang mendengar kepadanya. Ayat dari surah A'raf menyatakan bahawa apabila Musa kembali, Harun berkata kepadanya: 'Anak kepada ibu ku! Sesungguhnya manusia menganggap aku lemah, dan hampir sahaja membunuh ku... ' [7:150]

HARUN TELAH DITENTUKAN SEBAGAI PENGGANTI KEPADA MUSA.

Bani Israel sendiri mendengar arahan yang nyata dari Musa, tetapi apabila Musa pergi kepergunungan, Samiri mengambil peluang ini. Dia membentuk anak lembu emas dan menyesatkan Bani Israel.

KESAMAAN KEJADIAN DIANTARA ALI DAN HARUN.

Begitu juga setelah wafatnya Rasul, sebahagian manusia yang mendengar baginda berkata Ali adalah penggantinya, berpaling menentang Ali. Imam Ghazali merujuk kepada fakta ini dipermulaan buku keempat penghuraiannya di dalam 'Sirrul-Alamin'. Dia mengatakan sebahagian manusia kembali kepada keadaan jahiliahnya. Dalam keadaan ini, terdapat persamaan yang besar diantara situasi Harun dan juga Ali. Samalah seperti banyaknya ulama dan ahli sejarah kamu, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaybah Bahili Dinawari, di dalam bukunya 'Al-Immama Wa Siyasa', jilid I, ms 14, menyatakan dengan mendalam kejadian Saqifa. Dia mengatakan mereka mengancam untuk membakar rumah Ali dan mereka secara paksa membawa beliau ke masjid dan mengancam untuk membunuhnya melainkan dia memberikan sumpah setianya [bai'a] kepada mereka. Ali pergi ke pusara Rasul yang suci dan mengulangi kata-kata yang sama dari al-Quran yang mana Harun katakan kepada Musa: 'Dia [Harun] berkata: 'Anak kepada ibu ku! Sesungguhnya manusia menganggap aku lemah, dan hampir sahaja membunuh ku... ' [7:150]

Nawab: Bilakah penggantian untuk Ali telah diadakan, mengapa Rasul tidak menggunakan perkataan yang menunjukkan kepada pengertian itu? Mengapa dia tidak dengan secara jelas mengistiharkan Ali sebagai penggantinya, supaya tidak ada bangkangan yang akan timbul selepasnya?

Shirazi: Saya telah menjelaskan bahawa Rasul menerangkan kebenaran dengan kedua-dua cara. Ini adalah bukti dari buku kamu, yang telah merakamkan banyak hadith mengenainya. Secara lisan manusia lebih tertarik kepada kiasan dari hanya kenyataan, terutama jika sindirian yang amat mendalam serta mengandungi pengertian yang luas.

Nawab: Kamu mengatakan terdapat banyak hadith yang jelas telah dirakamkan

oleh ulama mengenai pengganti Ali. Silalah beritahu kepada kami lebih banyak mengenainya? Kami telah difahamkan bahawa tidak terdapat sebarang bukti mengenai Ali sebagai pengganti.

Shirazi: Terdapat banyak hadith mengenai kedudukan khalifa di dalam buku sahih kamu.

HADITH MEMPELAWA KEPADA SAUDARA DAN RASUL MELANTIK ALI SEBAGAI PENGGANTINYA.

Dari semua hadith mengenai Ali sebagai wazir, hadith pada mempelawa adalah yang paling mustahak. Pada hari Rasul mengistiharkan kerasulannya, baginda juga mengistiharkan Ali sebagai penggantinya. Ulama kamu, termasuk Imam Ahmad bin Hanbal; Muwaffaq bin Ahmad Khawarizmi; Abu Jafar Muhammad bin Jarir Tabari; Ibn Abil-Hadid Mutazali, dan kebanyakkan yang lain telah melaporkan bahawa apabila ayat 214 dari Surah Shu'ara: 'Dan peringatkan saudara terdekat kamu,' [26:214] telah diwahyukan, Rasul mempelawa 40 orang Quraish kerumah Abu Talib. Baginda menyediakan untuk mereka kaki kambing, sedikit roti dan secawan susu. Mereka ketawa dan berkata: 'Wahai Muhammad! Kamu telah mensajikan makanan yang tidak cukup untuk satu orang.' Rasul berkata: 'Mulalah makan dengan Nama Allah.' Apabila mereka telah makan dan cukup kenyang, mereka berkata sesama mereka: 'Muhammad telah mensihir kamu dengan makanan itu.' Rasul berdiri diantara mereka dan berkata: 'Wahai keturunan Abdul-Muttalib! Allah yang Berkuasa telah menghantar aku sebagai penyampai khabar kepada semua makhluk secara umum dan kepada kamu secara khusus. Saya mengajak kamu membuat dua kenyataan yang mudah dan senang pada lidah, tetapi pada timbangan amalan sangatlah berat. Jika kamu melafazkan dua kalimah ini, kamu akan menjadi ketua kepada Tanah Arab dan yang bukan arab. Melalui kalimah ini kamu akan masuk kesyurga dan terhindar dari neraka. Dua kalimah itu adalah: pertama menjadi saksi pada ke Esaan Allah, dan kedua menjadi saksi pada kerasulan ku. Mereka yang pertamanya mengakui seruan ku dan menolong aku di dalam misi ini adalah saudara ku, penolong ku, dan pengganti selepas aku.'

Rasul mengulang kenyataan terakhir sebanyak tiga kali, dan setiap kali tiada yang lain, melainkan Ali menjawab kepada baginda, dengan berkata: 'Saya akan membantu dan menolong kamu, wahai Rasul Allah!' Maka Rasul mengistiharkan: 'Ali ini adalah saudara ku, dan dia adalah pengganti dan khalifa diantara kamu.'

HADITH YANG JELAS MENGENAI KHALIFANYA ALI.

(1) Imam Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad' nya; dan Mir Seyyed Ali Hamadani shafii di dalam 'Mawaddatil-Qurba' pada penghujung Mawadda keempat, telah merakamkan bahawa Rasul Berkata: 'Wahai Ali! Kamu harus melaksanakan

tanggong jawab bagi pihak saya, dan kamu adalah wazir diatas ummah ku.'

(2) Imam Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad' nya; Ibn Maghazili Faqih shafii di dalam 'Manaqib' dan Thalabi di dalam 'Tafsir' telah menyatakan bahawa Rasul telah berkata kepada Ali: 'Wahai Ali! Engkau adalah saudaraku, pengganti ku, wazir ku dan yang membayar hutang-hutang ku.'

(3) Abu Qasim Husain Bin Muhammad (Raghib Ispahani) di dalam 'Mahadhiratu'l-Udaba wa Muhawaratu'sh-Shu'ara wa'l-Balagha' (printed in Amira-e-Shazafiyya, Seyyed Husain Afandi, 1326 H.), part II, page 213, menyebutkan dari Ibn Malik Bahawa Rasul berkata: 'Sesungguhnya , sahabat ku, penolong, wazir dan manusia pilihan yang aku tinggalkan dan akan membayar segala hutang ku dan menyempurnakan janji-janji ku adalah Ali Ibn Abi Talib.'

(4) Mir Seyyed Ali Hamadani shafii di dalam 'Mawaddatil-Qurba', pada permulaan Mawadda keenam, menyampaikan dari khalifa kedua, Umar bin Khattab, bahawa apabila Rasul mengadakan persaudaraan diantara para sahabat dia berkata: 'Ali ini adalah saudaraku didunia ini dan juga diakhirat; dia adalah pengganti dari diantara kerabat ku dan wazir ku diantara ummah; dia adalah waris pada pengetahuan ku dan pembayar kepada hutang-hutang ku; apa saja dia berhutang kepada ku, aku berhutang kepada dia. Keuntungan dia, keuntungan ku, kerugian dia, kerugian ku; sesiapa sahabatnya, sahabatku; sesiapa musuhnya, musuh ku.'

(5) Di dalam Mawadda yang sama dia menyebutkan hadith dari Anas bin Malik, yang saya telah sebutkan terdahulu. Pada penghujungnya dia berkata bahawa Rasul berkata: 'Dia [Ali] adalah wazir dan penolong ku.'

(6) Muhammad bin Ghanji shafii menyebutkan hadith dari Abu Dharr di dalam bukunya 'Kiyafatut-Talib' bahawa Rasul telah berkata: 'Panji-panji Ali, Amirul Mukminin, ketua muka yang bersinar dan wazir ku, akan datang kepada ku pada pancutan kauthar.'

(7) Baihaqi, Khatib Khawarizmi dan Ibn Maghazili shafii menulis di dalam 'Manaqib' mereka bahawa Rasul berkata kepada Ali: 'Adalah tidak wajar saya berpisah dengan manusia tanpa kamu menjadi pengganti ku oleh kerana kamu adalah pilihan diantara yang beriman selepas ku.'

(8) Imam Abu Abdur-Rahman Nisai, salah seorang Imam dari keenam buku siha hadith, menyatakan dengan mendalam dari Ibn Abbas mengenai kemuliaan Ali dengan kaitan hadith 23 di dalam 'Khasaisul-Alawi'. Selepas menjelaskan kedudukan Nabi Harun. Rasul berkata kepada Ali: 'Kamu adalah wazir selepas ku untuk setiap yang beriman.' Hadith ini dan lainnya yang mana Rasul menggunkan rangkap 'sesudah ku' dengan jelas membuktikan bahawa Ali adalah pengganti selepasnya.

(9) Terdapat ‘Hadith pada kejadian’ yang telah disampaikan dalam cara yang berbeza. Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’ nya, Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam ‘Mawaddatul-Qurba’, ibn Maghazili shafii di dalam ‘Manaqib’ dan Dailami di dalam ‘Firdaus’ telah menyebutkan dari Rasul sebagai berkata: ‘Saya dan Ali telah dijadikan dari cahaya ilahi yang sama 14 000 tahun sebelum jadinya Adam. Dan dari generasi Nabi Adam melalui keturunannya yang suci, cahaya itu di warisi oleh Abdul-Muttalib, dan darinya cahaya itu telah terbahagi diantara Abdullah [bapa Rasul] dan Abu Talib [bapa Ali]. Aku diberikan Kerasulan dan Ali diberikan khalifa.

(10) Hafiz Abu Jafar Muhammad bin Jarir Tabari [mati 310 H] menulis di dalam ‘Kitabul-Wilaya’ bahawa Rasul berkata pada permulaan ucapannya yang termashur di Ghadir-e-Khum: ‘Malaikat Jibril telah menyampaikan perintah Allah kepada ku bahawa aku berhenti pada tempat ini dan memberitahu kepada manusia yang Ali Ibn Abi Talib adalah saudara ku, pengganti ku, khalifa selepas aku. Wahai manusia! Allah telah menjadikan Ali wali kamu, dan Imam. Patuh kepadanya adalah wajib keatas setiap kamu; arahannya yang utama; ucapannya adalah benar; kutukan keatas mereka yang menentang beliau; rahmat Allah keatas mereka yang bersahabat dengannya.’

(11) Sheikh Sulayman Balkhi di dalam ‘Yanabiul-Mawadda’ melaporkan dari ‘Manaqib’ Ahmad, dan dia dari Ibn Abbas, sebuah hadith yang menjelaskan kebanyakkan dari kemuliaan Ali. Saya sebutkan semuanya. Ibn Abbas menyatakan bahawa Rasul berkata: ‘Wahai Ali, kamu adalah pembawa pengetahuan ku, wali dan sahabat ku, pengganti ku, pewaris pengetahuan ku, dan khalifa ku. Kamu adalah pemegang amanah dari nabi-nabi yang terdahulu. Kamu adalah kepercayaan Allah diatas dunia ini dan bukti terhadap segala kejadian. Kamu adalah penegak Iman, dan pemelihara Islam. Kamu adalah pelita di dalam kegelapan, cahaya petunjuk, dan untuk manusia didunia kamu adalah panji-panji yang dijulang. Wahai Ali sesiapa yang mengikuti kamu akan selamat; siapa yang engkar akan sesat, kamu adalah cara yang bercahaya dan jalan yang lurus, kamu adalah pemimpin orang yang bersih, ketua mereka yang beriman, kepada sesiapa aku ketuanya, kamu adalah juga ketuanya, dan aku adalah ketua bagi semua yang beriman lelaki dan wanita. Hanya mereka sahabat kamu yang dilahirkan dari ikatan perkahwinan yang sah. Allah tidak mengangkat aku kelangit untuk berkata dengan ku dan memberitahu ku: ‘Wahai Muhammad sampaikan salam ku kepada Ali dan beritahu dia bahawa dia adalah Imam kepada sahabat Ku dan pelita bagi yang menyembah Ku,’ tahniah kepada mu Wahai Ali, terhadap kecemerlangan ini.’

(12) Abu Muayyid Muwafiqud-Din, penyampai terbaik dari Khawarizmi, di dalam bukunya ‘Fazail Amirul Mukminin, dicetak dalam tahun 1313 H, Bab XIX, ms 240, menyebutkan dari punca yang melaporkan bahawa Rasul telah berkata: ‘Apabila aku sampai ke Sidratul-Muntaha, saya telah ditanya seperti berikut: ‘Wahai Muhammad! Apabila kamu menguji manusia, siapakah yang kamu dapati yang

paling patuh? Saya berkata: ‘Ali.’ Allah berkata: ‘Kamu telah berkata benar, Muhammad.’ Kemudian Dia berkata: ‘Sudahkah kamu memilih wazir yang akan menyampaikan pengetahuan kepada manusia, dan mengajar hamba Ku dari kitab Ku dari perkara yang mereka tidak tahu? Saya berkata: ‘Wahai Allah, sesiapa yang Kamu pilih, saya akan pilih.’ Dia berkata: ‘Saya telah memilih Ali untuk mu. Ia adalah Amirul Mukminin yang tiada siapa yang sama taraf dengan nya diantara pengikut dan penggantinya.’

Ada banyak hadith yang sedemikian di dalam buku sahih kamu. Sebahagian dari ulama kamu yang adil, seperti Nizzam Basri, telah mengakui fakta ini. Salahud-Din Safdi di dalam bukunya ‘Wafa Bil-Wafiyya’, yang berkaitan dengan Ibrahim bin Sayyar bin Hani Basri, dikenali sebagai Nizzam Mutazali, berkata: ‘Rasul Allah mengesahkan Imami Ali dan melantiknya sebagai Imam. Para sahabat Rasul juga menyedari mengenainya, tetapi Umar, disebabkan oleh Abu Bakr, telah menutupi Imamnya Ali dengan penghadang.’

Adalah jelas dari buku kamu, hadith dan penghuraian al-Quran bahawa Ali menduduki kemuliaan yang tertinggi. Khatib Khawarizmi melaporkan dari Ibn Abbas di dalam ‘Manaqib’, Muhammad bin Yusuf Ghanji shafii di dalam ‘Kifayatut-Talib’, Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkira’, Ibn Sabbagh Maliki di dalam “Fusulul-Mawadda’, Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiul-Mawadda dan Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam ‘Mawaddatul-Qurba’, Mawadda V, disebutkan dari khalifa kedua, Umar bin Khattab – kesemuanya mengesahkan dengan sedikit perbezaan perkataan – bahawa Rasul berkata: ‘Jika semua pokok adalah pena, jika semua lautan adalah dakwat, jika semua jinn dan manusia adalah penulis – namun kemuliaan Ali Ibn Abi Talib tidak dapat dicatitkan.’

KEREKTER [CIRI-CIRI] PARA SAHABAT.

Sheikh Abdus-Salam: [Memandang kepada Hafiz Muhammad Rashid Sahib] Izinkan saya untuk menyatakan sesuatu dengan ringkas. [berpaling kepada Shirazi] Kami tidak pernah menafikan kemuliaan yang tinggi terhadap Ali, tetapi untuk mengatakan pujian kepada dia sahaja adalah tidak adil oleh kerana para sahabat rasul yang utama, satu dan semuanya adalah manusia yang mulia. Kamu berucap dari sebelah pihak, yang telah memesongkan manusia. Izinkan saya untuk menyatakan hadith yang menyangjung mereka supaya kebenaran pada perkara ini akan terserlah.

Shirazi: Saya tidak memandang berat pada personaliti. Ayat-ayat al-Quran dan hadith yang diterima sahih akan memandu kita kepada satu arah. Saya bersumpah dengan Allah bahawa saya tidak mencintai atau membenci sesaorang dengan membuta tuli. Saya meminta para hadirin untuk memberhentikan saya pada bila-bila masa jika saya menyatakan sesuatu tanpa sebarang hujah atau diluar penerimaan akal, hanya hadith yang diterima oleh kedua golongan sahaja

yang saya sandarkan kepadanya. Saya tidak menafikan kualiti yang baik pada para sahabat Rasul yang lurus, tetapi kita hendaklah mencari diantara mereka jika ada seorang yang lebih utama dari seluruh ummah. Perbincangan kita bukanlah mengenai orang yang mulia, kerana mereka yang mulia ada ramai. Kita harus mencari siapa yang paling tinggi kemuliaannya selepas Rasul supaya kita dapat mengikutinya.

Sheikh: Kamu telah membuat halangan yang tidak diperlukan. Di dalam buku kamu tidak terdapat satu hadith yang memuji para khalifa. Bagaimana kita hendak berbincang dengan asas ini?

Shirazi: Pada malam yang pertama dari perbincangan kita, kamu pasti ingat bahawa Hafiz Sahib sendiri telah bersetuju bahawa perbincangan kita hendaklah berasaskan pada ayat al-Quran dan pada hadith yang diterima oleh kedua golongan. Oleh kerana saya mempunyai buku-buku sahih kamu, maka saya bersetuju. Sebagaimana yang kamu boleh mengakui, saya belum lagi menyimpang dari pendirian ini. Di dalam menyokong pendapat saya, saya telah sebutkan hanya ayat Quran dan hadith yang telah dirakamkan oleh buku-buku dari ulama kamu yang terkenal. Apabila kamu membuat syarat ini, kamu tidak sedar yang kamu akan terperangkap kemudian. Tetapi saya masih tidak mengambil syarat ini sebagai mutlak. Saya bersedia untuk mendengar hadith dari satu pihak jika ianya sahih. Maka dengannya barulah kita dapat menentukan fakta dengan adil dan betul. Saya tidak keberatan untuk menerima fakta pada perbandingan kemuliaan yang ada pada Ali.

Sheikh: Kamu menyebut hadith mengenai Ali sebagai wazir, tetapi telah mengabaikan kepada fakta bahawa terdapat banyak hadith mengenai khalifa Abu Bakr.

Shirazi: Kamu harus ingat, bahawa ulama kamu yang terkenal seperti Dhahabi, Suyuti dan Ibn Abil-Hadid telah menyatakan bahawa Amawi dan pengikut Abu Bakr telah memalsukan banyak hadith di dalam memuji Abu Bakr, kamu boleh menyebutkan hadith itu dari kebanyakkan mereka supaya manusia yang adil dapat menilai kesahihannya.

HADITH PADA MEMUJI ABU BAKR.

Sheikh: Ada hadith yang sahih disampaikan oleh Umar bin Ibrahim bin Khalid, yang menyampaikan dari Isa bin Ali bin Abdullah bin Abbas, dan dia dari bapanya, dan dia dari datuknya, Abbas, bahawa Rasul Islam mengatakan kepada orang itu, ''Wahai bapa saudara! Allah telah menjadikan Abu Bakr khalifa kepada agama ini. Maka dengarkanlah dia dan patuhlah kepadanya supaya kamu akan selamat.'

Shirazi: Itu adalah hadith yang ditolak.

Sheikh: Bagaimana ianya ditolak?

Shirazi: Ulama kamu yang terkenal telah menolaknya. Kerana penyampai kepada hadith ini adalah terkenal dengan dusta dan pemalsuannya, ulama kamu tidak menganggapnya sebagai bernilai untuk diterima. Dhahabi di dalam 'Mizanul-Itidal', telah menulis mengenai Ibrahim bin Khalid, dan Khatib Baghdadi, telah menulis mengenai Umar bin Ibrahim sebagai berkata: 'Dia adalah penipu besar.' Hadith yang ditulis oleh seorang pendusta tidak boleh diterima.

Sheikh: Telah dinyatakan dari punca yang boleh dipercayai bahawa seorang sahabat Rasul yang wara', Abu Huraira menyebutkan bahawa Jibril muncul dihadapan Rasul dan berkata: 'Allah kirimkan salamNya kepada kamu. Dia berkata: 'saya ridha dengan Abu Bakr, tanyakan kepadanya adakah dia ridha kepada Ku atau tidak.'

Shirazi: Kita hendaklah berhati-hati pada menyampaikan hadith. Saya mengambil perhatian kamu kepada satu hadith yang mana ulama kamu Ibn Hajar [di dalam 'Isaba'] dan Ibn Abdul-Bar [di dalam 'Istiab'] menyebutkan dari Abu Huraira bahawa Rasul berkata: 'Terdapat ramai yang telah menyebutkan sesuatu dari saya dengan yang salah, dan sesiapa yang mewakili saya dengan yang salah adalah tempat kediamannya didalam neraka. Apabila suatu hadith yang disampaikan kepada kamu bagi pihak diri saya, kamu hendaklah meletakkannya pada al-Quran.'

Hadith lain yang dipersetujui oleh kedua golongan, disampaikan oleh Imam Fakhrud-Din Razi di dalam 'Tafsir Kabir', jilid II, ms 271, menyebutkan sebagai Rasul telah berkata: 'Apabila suatu hadith dari saya disampaikan kepada kamu, letakkannya pada kitab Allah, jika ianya bersependapat dengan al-Quran, terimalah. Jika tidak tolaklah.' Buku dari ulama kamu yang terkenal telah menyatakan bahawa satu dari hadith yang telah dipalsukan dengan nama rasul adalah dari orang yang ditolak ini, Abu Huraira, yang mana kamu panggil sebagai wara'.

Sheikh: Saya tidak sangka orang yang seperti kamu sanggup membuat kenyataan yang menghinakan mengenai sahabat Rasul.

Shirazi: Kamu ingin saya merasakan takjub pada perkataan 'sahabi', tetapi kamu telah tersalah jika kamu fikir perkataan 'sahabi' perlu dihormati. Benar persahabatan dengan Rasul mendapatkan satu kemuliaan, tetapi ini berasaskan kepada syarat bahawa sahabat itu patuh kepada Rasul. Jika dia bertindak bertentangan dengan arahan Rasul, maka pastinya dia ditolak. Tidakkah para munafikin adalah sahabat Rasul? Ya, dan mereka dikutuk.

Sheikh: Tidak ada bukti yang mereka ditolak. Jika mereka ditolak, apakah bukti

yang mereka akan masuk ke neraka? Adakah setiap orang yang ditolak atau dikutuk akan masuk neraka? Orang yang dikutuk adalah mereka, menurut perundangan khas dari al-Quran, atau kata-kata Rasul, orang yang sebegitu [masuk neraka].

KEREKTER ABU HURAIRA DAN KUTUKAN KEPADANYA.

Shirazi: Terdapat asas yang jelas untuk menunjukkan bahawa Abu Huraira adalah seorang yang tidak boleh dipercayai. Ulama kamu telah mengesahkan fakta tersebut. Satu dari sebab mengapa dia dikutuk adalah, menurut dari kata-kata rasul, dia adalah sekutu kepada anak yang terkutuk dari yang terkutuk Abu Sufyan. Abu Huraira adalah seorang hipokrit [munafik]. Pada beberapa peristiwa diSiffin dia bersolat dibelakang Amirul Mukminin, Ali. Pada masa yang lain di duduk dimeja makan Muawiya dengan makanan yang lazat. Sebagaimana yang disampaikan oleh Zamakhshari di dalam 'Rabiul-Abrar' dan Ibn Abil-Hadid di dalam ulasan pada Nahjul-balagha, apabila Abu Huraira ditanyakan sebab polisi bermuka dua ini; dia berkata: 'Makanan Muawiya sangat sedap dan lazat, dan solat dibelakang Ali adalah lebih utama.' Ulama kamu seperti Sheikhul-Islam Hamwaini di dalam 'Faraid' Bab 37, Khawarizmi di dalam 'Manaqib', Tibrani di dalam 'Ausar', Ghanji shafii di dalam 'Kifayatut-Talib' dan ramai yang lain, menyebut dari orang yang sama Abu Huraira dan lainnya bahawa Rasul berkata: 'Ali bersama kebenaran, dan kebenaran bersama Ali.' Apabila dia meninggalkan Ali dan bersama dengan Muawiya, tidakkah dia perlu dikutuk? Jika sesaorang bukan saja mendiamkan diri diatas perbuatan kejam Muawiya tetapi sebenarnya membantu dan menolong kepadanya pada mencapai kedudukannya didunia dan untuk memenuhi perutnya, tidakkah dia perlu dikutuk?

Abu Huraira yang sama telah menyampaikan sendiri [sebagaimana telah dirakamkan oleh ulama kamu seperti Hakim Nishapuri di dalam 'Mustadrak', jilid II, ms 124, Imam Ahmad bin Hanbal, Tibrani dan lainnya] bahawa Rasul telah berkata: 'Ali bersama al-Quran dan al-Quran bersama Ali. Keduanya tidak akan berpisah sehingga mereka menemui ku di pancutan Kauthar. Ali adalah dari aku dan aku dari Ali. Sesiapa yang menghina [mencarut] Ali, menghina aku, sesiapa menghina aku menghina Allah.' Muawiya di dalam khutbahnya disolat jumaat, mengutuk Ali, Hasan dan Husain. Dia mengarahkan di dalam semua jamaah, manusia yang suci ini hendaklah dikutuk. Maka jika sesaorang pada ketika itu bersatu dengan manusia yang terkutuk ini dan merasa senang dengan tindakkan mereka, tidakkah dia juga perlu dikutuk? Dan sedang dia bersekutu dengan manusia seperti ini, jika dia membantu mereka di dalam memalsukan hadith dan memaksa manusia untuk menyebutkan kutukan terhadap manusia suci ini, tidakkah dia juga perlu pada kutukkan?

Sheikh: Adakah wajar pada kami untuk menerima penghinaan ini, bahawa sahabat Rasul yang ikhlas telah memalsukan hadith, membuat manusia mengutuk Ali?

Shirazi: Sudah tentu susah hendak dipercayai bahawa sahabat yang ikhlas sanggup melakukan perkara yang sedemikian. Jika ada mana-mana sahabat yang telah melakukan yang sedemikian, ini bererti bahawa dia tidak ikhlas. Terdapat banyak hadith yang disampaikan oleh ulama kamu yang mengatakan bahawa Rasul berkata: 'Sesiapa yang menghina [memaki] Ali, menghina aku dan Allah.'

Sheikh: Untuk berkata jujur, apabila kamu menghina para sahabat Rasul, dengan mengatakan bahawa mereka memalsukan hadith, bagaimana kami boleh mengharapkan bahawa kamu tidak akan mengaitkan motif yang jahat kepada ulama sunni yang ulung? Kamu shia mempunyai kecekapan pada menghina orang-orang yang ternama.

Shirazi: Kamu tidak berlaku adil dengan mengatakan perkara yang begitu kepada kami. Sejarah Islam selama 1 400 tahun telah mengatakan pertentangannya. Semenjak dari permulaan abad pertama Islam, Umayyad telah menzalimi Imam yang ma'sum, keturunan Rasul, dan pengikut mereka, shia. Bahkan hari ini, ulama kamu yang terkemuka telah merakamkan laporan yang menghinakan terhadap shia di dalam buku mereka supaya dengannya dapat memesongkan manusia.

Sheikh: Siapakah ulama sunni yang telah menghina shia?

DIALOG SUNNI-SHIA

IBN ABD RABBIH TELAH MENGHINA SHIA.

Seorang penulis kamu yang terkenal, Shahabud-Din Abu Umar Ahmad bin Muhammad bin Abd Rabbih Qartabi Andalusi Maliki [mati 48 Hijrah] di dalam bukunya 'Indul-Farid' jilid I ms 269, telah memanggil shia 'yahudi bagi ummah ini' Dia mengatakan bahawa, sebagaimana yahudi adalah musuh kristian, shia adalah musuh bagi Islam. Dia mengatakan shia seperti yahudi yang tidak menerima fakta bahawa seorang boleh diceraikan tiga kali oleh orang yang sama, atau tidak juga menerima amalan iddah. Kedua-dua kumpulan shia dan sunni yang telah mesra ketawa diatas yang diperkatakan. Kamu akan menjumpai di dalam semua buku shia perundangan mengenai tiga kali cerai dan juga iddah selepas penceraian.

Dia juga mengatakan shia seperti yahudi, musuh kepada Jibril, kerana Jibril menghantar wahyu Allah kepada Muhammad, tidak kepada Ali [ketawa dari hadirin dipihak shia] Kami shia percaya kepada Rasul. Kami percaya perintah Allah diwahyukan kepadanya melalui Jibril, yang kedudukan jauh lebih tinggi dari apa yang dikatakan oleh penulis yang tidak berharga ini.

PENGHINAAN OLEH IBN HAZM.

Seorang lagi ulama kamu ialah Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Said ibn Hazm Andalusi [mati 456 Hijrah], yang telah merakamkan tanggapan yang pelik, khas

bagi shia di dalam bukunya yang terkenal ‘Kitabul-Fasl fil-Milal Wan-Nihal’. Sebagai contoh, dia mengatakan shia bukan Muslim. Mereka telah menyimpang, pengikut yahudi dan kristian. Di dalam jilid IV ms 182, dia menulis bahawa, ‘Menurut shia, adalah halal untuk mengahwini sembilan wanita.’ Laporan ini dengan mudah boleh disangkal dengan merujuk buku-buku shia yang dengan terang mengatakan haram pada menyimpan lebih dari empat isteri di dalam perkahwinan tetap pada satu-satu masa. Terdapat banyak lagi tuduhan yang tidak berasas dan menghinakan yang dikatakan mengenai shia di dalam buku ini, yang mana kamu akan malu untuk mendengarnya.

PENGHINAAN OLEH ABU TAIMIYYA.

Seorang dari ulama kamu yang tidak beragama adalah Ahmad bin Abdul-Halim Hanbali, dikenali sebagai Ibn Taimiyya [mati 728 Hijrah] Dia amat benci kepada shia, Amirul Mukminin, Ali dan keturunan Rasul. Bukunya ‘Minhajus-Sunna’ telah dipenuhi kebencian yang pahit terhadap Ali dan keturunan Rasul. Sesiapa yang hanya mengetahui sedikit dari fakta akan terperanjat mendengar pembohongannya. Sebagai contoh, dia menulis bahawa: ‘Tidak terdapat kumpulan pembohong yang terbesar selain shia, dan adalah dengan sebab itu maka pengarang shia tidak memuatkan di dalam buku mereka hadith yang disampaikan oleh mereka.’ Di dalam jilid X ms 23, dia berkata shia percaya kepada empat asas pada agama – tauhid [ke Esaan Tuhan]; adl [keadilan Allah]; nubuwat [kerasulan]; dan Imami [wazir]. Yang sebenarnya, di dalam buku shia mengenai iman, yang boleh didapati dimana-mana, telah ditulis bahawa kepercayaan shia terbahagi kepada tiga asas; Tauhid; Nabuwat; dan Ma’ad [Hari Pengadilan]; adl adalah sebahagian dari tauhid dan Imami adalah sebahagian dari nabuwat.

Di dalam jilid I ms 131, dia menyatakan bahawa shia tidak berhimpun di dalam masjid. Mereka tidak melakukan jumaat ataupun solat jumaah. Jika mereka ada mengerjakan solat mereka akan lakukan bersendirian [tertawa dikalangan shia] Tetapi yang sebenarnya kami amat menitik beratkan di dalam solat berjamaah. Di dalam banyak kota di Iraq dan Iran, yang menjadi pusat bagi shia, masjid-masjid kami dipenuhi oleh pengunjung yang melakukan solat berjamaah.

Pada muka surat yang sama dia menulis, shia tidak melakukan haji ke Kabah. ‘Haji mereka mengandungi hanya ziarah kepada kuburan yang mereka anggap lebih utama dari haji ke Makah. Mereka mengutuk yang tidak pergi berziarah kekuburan.’ [tertawa]

Buku doa shia mengandongi Bab yang khusus untuk doa-doa untuk haji [Kitabul-Hajj] Ulama shia telah menulis banyak buku menerangkan amalan-amalan untuk haji, yang mana arahan yang khas telah diberi untuk melakukan amalan haji. Banyak hadith dari Imam kami menegaskan bahawa jika seorang Muslim [shia atau sunni] telah cukup syarat, dan gagal untuk melaksanakannya, dia telah

terkeluar dari Islam. Apabila dia mati, dia dibertahukan: ‘Matilah sebagaimana mati yang engkau boleh, seperti matinya yahudi, nasrani atau penyembah api.’ Bolehkah kamu percaya dengan arahan yang sedemikian shia akan menahan diri dari mengerjakan haji? Sebagai tambahan kepada penyampaian yang salah, orang kejam ini telah berkata bahawa ulama shia yang terkenal, Muhammad bin Muhammad bin Numan [Sheikh Mufid] telah menulis buku ‘Manasikhul-Hajj lil-Mashahid’. Tajuk yang sebenar adalah ‘Mansikhuz-Ziarat’, yang boleh didapati dimana-mana dan yang mengandongi arahan mengenai melawat tempat-tempat ziarat, termasuk makam yang suci kebanyakkan Imam. Jika kamu merujuk kepada buku ziarat ini, kamu akan dapati melawat kepada makam Rasul dan para Imam adalah digalakkan dan bukannya wajib. Bukti terhadap pembohongan orang ini adalah pengikut shia yang melakukan haji setiap tahun dengan jumlah ribuan.

Satu lagi tuduhan yang palsu dari sipembohong ini, boleh dijumpai di jilid I, ms 11, dimana dia berkata orang shia memanggil anjing-anjing mereka dengan nama Abu Bakr dan Umar dan selalu mengutuknya [Abu Bakr dan Umar] [tertawa dikalangan shia] Ini adalah amat jahil. Menurut kepercayaan shia, anjing adalah najis. Rumah Muslim yang mempunyai anjing dijauhi rahmat. Makanya shia muslim adalah dilarang untuk memelihara anjing malainkan dengan syarat tertentu [berburu, menjaga rumah atau ternakkan kambing] Salah satu dari banyak sebab pada renggangnya hubungan Yazid dengan cucu Rasul, Imam Husain, adalah Yazid sangat gemar pada anjing dan memeliharanya tanpa sebab.

Ibn Taimiyya juga menulis bahawa oleh kerana shia sedang menunggu kemunculan Imam yang terakhir, di banyak tempat, terutama didewan dibawah tanah Samarra [tempat Imam suci ghaib] mereka telah menyediakan kuda. Mereka menyeru Imam supaya muncul dengan mengatakan mereka telah sedia bersenjata penuh untuk berkhidmat kepadanya. Dia juga menulis shia menghadap ketimur pada akhir Ramadhan dan memanggil Imam supaya keluar. Sebahagian mereka bahkan telah meninggalkan solat, dengan fikiran bahawa jika mereka sibuk dengan solat dan Imam muncul, mereka mungkin ketinggalan untuk berkhidmat kepadanya. [tertawa dari sunni dan juga shia]

Kami tidaklah hairan sangat dengan cerita dongeng orang jahat ini. Tetapi kami amat terkejut dengan tabiat ulama Mesir sekarang dan juga Damascus yang tidak bertanya kepada shia, yang hidup bersama mereka, telah mengikut rentak keanehan manusia seperti Ibn Taimiyya. Ianya akan memenatkan untuk memberikan list senarai yang panjang mengenai laporan yang tidak benar dari Ibn Hajar Makki; Hafiz; dan Qazi Ruzbahan. Buku-buku mereka terkenal, walaupun dari sudut pandangan sahih, ianya tidak mempunyai apa-apa nilai.

Sebagai contoh, ‘Milal wan-Nihal’ oleh Muhammad ibn Abdul-Karim Shahrastani [mati 548 Hijrah] pada pandangan ulama, ianya tidak mempunyai nilai langsung. Kamu akan jumpa apa saja di dalamnya terutama segala dusta yang dikatakan

dianuti oleh shia, seperti sembah kepada Ali, kepercayaan perpindahan ruh. Yang nyata dia bukanlah seorang ilmuan. Menulis mengenai Ithna Ashari shia, dia mengatakan bahawa pusara Ali Ibn Hadi Muhammad Naqi yang datang setelah Imam Imam Muhammad Taqi, adalah di Qum. Sedangkan kanak-kanak kecil tahu bahawa pusara Imam Ali Naqi letaknya bersebelahan dengan pusara anaknya Imam Hasan Askari di Samarra. Saya tidak fikir rujukan seterusnya yang seperti ini perlu untuk membuktikan bahawa ulama sunni telah mengadakan laporan yang salah mengenai shia. Dan bukan saya seorang yang membuat tuduhan terhadap kejujuran Abu Huraira. Ulama sunni juga mendedahkan keburukan tabiatnya di dalam buku mereka.

KEREKTER ABU HURAIRA DAN HADITH MENYERUKAN KUTUKAN TERHADAPNYA.

Ibn Abil-Hadid Mutazali di dalam ulasannya pada Nahjul-Balagha, jilid I, ms 358, dan di dalam Jilid IV, disampaikan dari gurunya, Imam Abu Jafar Asqalani, bahawa Muawiya bin Abu Sufyan mengumpulkan sekumpulan para sahabat Rasul dan anak-anak mereka bagi tujuan memalsukan hadith. Diantara mereka yang menyumbangkan hadith kotor terhadap Ali adalah Abu Huraira, Amir bin As dan Mughira Ibn Shaba. Dengan memberikan secara mendalam cerita ini, Ibn Abil-Hadid menyampaikan bahawa Abu Huraira pada suatu ketika masuk ke Masjid Kufa dan melihat kumpulan manusia ramai yang datang untuk menyambut Muawiya. Dia melaung kepada kumpulan manusia ini: ‘Wahai penduduk Iraq. Adakah kamu fikir aku akan berdusta di dalam menentang Allah dan Rasulnya dan membeli api neraka untuk diri saya? Dengarkanlah dari saya, apa yang saya dengar dari Rasul. ‘Setiap rasul mempunyai ‘Haram’ [tempat tinggal yang suci] dan Haram saya adalah Madina. Sesiapa yang bertanggung jawab di dalam membuat bidaa’ di Madina adalah dikutuk oleh Allah, MalaikatNya dan juga oleh makhluk.’ Saya bersumpah dengan Allah bahawa Ali bertanggung jawab pada melakukan bidaa’.’ [Iaitu Ali menanamkan perasaan permusuhan diantara manusia dan makanya, menurut dari Rasul, hendaklah dikutuk] Apabila Muawiya mengetahui mengenainya [yang Abu Huraira melakukan sesuatu untuknya, dan telah melakukannya di ibu negeri Ali, Kufa], dia menjemputnya, dan memberikan ganjaran kepadanya dan menjadikan dia gebenor Madina. Tidakkah perbuatannya ini cukup untuk membuktikan bahawa dia layak pada kutukan? Adakah wajar bagi sesaorang pada menghina khalifa yang termulia, perlu dianggap sebagai wara’, hanya disebabkan bahawa dia pernah menjadi sahabat Rasul?

Sheikh: Atas dasar apa shia menganggap dia sebagai terkutuk?

Shirazi: Terdapat banyak hujah pada menyokong pandangan kami. Satu daripadanya adalah sesiapa yang menghina Rasul, menurut dari kedua golongan, terkutuk. Dari hadith yang saya nyatakan terdahulu, Rasul berkata: ‘Sesiapa menghina Ali, menghina aku; sesiapa menghina aku, menghina Allah.’ Adalah nyata bahawa Abu Huraira adalah orangnya yang bukan sahaja menghina Ali Ibn

Abi Talib, tetapi memalsukan hadith untuk meracuni manusia lain pada menghina beliau.

ABU HURAIRA BERSUBAHAT DENGAN BUSR IBN ARTAT DI DALAM PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI TERHADAP MUSLIM.

Kami juga mengutuk Abu Huraira kerana bersubahat dengan Busr Ibn Artat di dalam pembunuhan ribuan Muslim. Ianya telah disampaikan oleh ahli sejarah kamu, termasuk Tabari, Ibn Athir, Ibn Abil-Hadid, Allama Samhudi, Ibn Khaldun, Ibn Khallikan, dan lainnya bahawa Muawiya Ibn Abi Sufyan telah menghantar Busr Ibn Artat yang kejam bersama dengan 4 000 tentera Syria ke Yaman melalui Madina untuk menghancurkan penduduk Yaman dan shia Ali. Si pembunuh yang kejam itu telah membunuh ribuan Muslim di Madina, Makah, Tabala [kota Tahima], Najran, Safa dan kawasan sekelilingnya. Mereka tidak melepaskan kanak-kanak dan juga orang tua dari Bani Hashim atau shia, Ali. Malah mereka membunuh dua budak kecil dari sepupu Rasul, Ubaidullah bin Abbas Gabenor Yaman yang telah dilantik oleh Ali. Telah dikatakan lebih dari 30 000 telah dibunuh dengan perintah si zalim ini. Bani Umayyad telah melakukan kezaliman yang gila ini. Abu Huraira yang kamu kasihi menyaksikan pembunuhan ini, bukan saja dia berdiam diri malah secara aktif menyokongnya. Manusia yang tidak berdosa, seperti Jabir bin Abdullah Ansari, dan Abu Ayyub Ansari telah meminta perlindungan. Bahkan rumah Abu Ayyub Ansari, seorang sahabat Rasul yang utama, telah dibakar. Apabila tentera ini menuju arah Makah, Abu Huraira tinggal di Madina. Sekarang saya meminta kamu untuk menerangkan kepada kami, dengan nama Allah, sama ada manusia yang hina ini yang berada bersama Rasul selama tiga tahun, dan telah menyampaikan lebih dari 5 000 hadith dari Rasul, tidak pernah mendengar hadith yang terkenal mengenai Madina. Para ulama dari kedua golongan [seperti Allama Samhudi di dalam ‘Tarikhul-Madina’; Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’; Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkira’; ms 163] telah menyebut dari Rasul, yang berkata berulang kali: ‘Sesiapa yang mengancam penduduk Madina dengan penindasan akan diancam oleh Allah dan akan dikutuk oleh Allah, oleh MalaikatNya, dan oleh makhluk. Allah tidak akan menerima apa-apa darinya. Semoga dikutuk orang yang mengancam penduduk Madina. Jika sesiapa yang mencederakan penduduk Madina, Allah akan meleburkannya seperti timah di dalam api.’ Maka mengapa Abu Huraira bersekutu dengan tentera yang menghancurkan Madina? Mengapa dia memalsukan hadith di dalam penentangan terhadap pengganti Rasul yang sebenar? Dan kenapa dia meracuni fikiran manusia pada menghina orang yang Rasul telah katakan: ‘Menghina dia adalah menghina saya?’ Fikirkanlah sama ada orang yang memalsukan hadith dengan menggunakan nama Rasul tidak layak dikutuk.

Sheikh: Adalah tidak wajar bagi kamu untuk mengatakan sahabat Rasul yang paling dipercayai sebagai tidak beragama dan pemalsu.

KUTUKAN TERHADAP ABU HURAIRA DAN UMAR MEMUKULNYA.

Shirazi: Bukan saya saja yang tidak mempunyai perasaan belas terhadap Abu Huraira. Manusia pertama yang tidak mempunyai perasaan belas terhadapnya adalah khalifa kedua, Umar bin Khattab. Ibn Athir dan Ibn Abil-Hadid di dalam 'Sharhe-Nahjul-Balagha', jilid III, ms 104 [percetakan Mesir] dan beberapa yang lain telah menyatakan bahawa setelah khalifa Umar melantik Abu Huraira Gabenor Bahrain pada 21 Hijrah, manusia telah memberitahu khalifa bahawa Abu Huraira telah mengumpulkan harta yang banyak dan telah membeli kuda yang banyak. Maka Umar telah melucutkannya pada 23 Hijrah. Sebaik saja Abu Huraira masuk, khalifa berkata: 'Wahai musuh Allah dan musuh KitabNya! Adakah kamu mencuri harta Allah?' Dia menjawab: 'Saya tidak pernah mencuri, tetapi manusia telah memberi kepada ku hadiah.' Ibn Saad di dalam 'Tabaqat' jilid IV, ms 90, Ibn Hajar Asqalani di dalam 'Isaba'; dan Ibn Abd-e-Rabbih di dalam 'Iqdul-Farid', jilid I, menulis bahawa khalifa berkata: 'Apabila aku melantik kamu menjadi Gabenor Bahrain, kamu tidak punya kasut pada kaki kamu, tetapi sekarang saya dengar bahawa kamu telah membeli kuda dengan 1 600 dinar. Bagaimana kamu dapat harta ini? Dia menjawab, 'Ini adalah hadiah manusia, yang keuntungannya berlipat ganda.' Muka khalifa menjadi merah dengan kemarahan, dan dia memukul Abu Huraira dengan kuat sehingga belakangnya berdarah. Kemudian khalifa memerintahkan 10 000 dinar yang Abu Huraira telah kumpulkan di Bahrain diambil dan dimasukkan kedalam akuan Baitul-Mal.

Ini bukanlah kali pertama Umar memukul Abu Huraira. Muslim menulis di dalam 'Sahih' nya, jilid I, ms 34, bahawa semasa hayat Rasul, Umar bin Khattab memukul Abu Huraira dengan kuatnya sehingga dia jatuh ketanah. Ibn Abil-Hadid menulis di dalam ulasannya pada 'Nahjul-Balagha', jilid I, ms 360, Abu Jafar Asqalani telah berkata: 'Menurut dari orang ternama kita, Abu Huraira adalah seorang yang jahat. Hadith yang disampaikannya tidak boleh diterima. Umar memukulnya dengan cabuk dan mengatakan bahawa dia telah menukarkan hadith dan telah menyatakan kata-kata yang palsu dari Rasul.'

Ibn Asakir di dalam 'Tarikh Kabir'; dan Muttaqi di dalam 'Kanzul-Umma'; menyatakan khalifa Umar memukul dan memerahinya, dan menegah dia dari menyebutkan hadith dari Rasul. Umar berkata: 'Kerana kamu menyampaikan hadith Rasul dengan jumlah yang banyak, kamu hanya layak menyampaikan yang dusta sahaja dari baginda [iaitu, orang yang jahat seperti kamu hanya diharapkan untuk menyampaikan perkara yang dusta mengenai Rasul] Maka kamu hendaklah berhenti dari menyebutkan hadith dari Rasul; jika tidak saya akan menghantar kamu ke tanah Dus.' [Satu kaum di Yaman, golongan Abu Huraira]

Ibn Abil-Hadid di dalam ulasannya pada 'Nahjul-Balagha', jilid I, ms 360 [percetakan Mesir] menyatakan dari gurunya, Imam Abu Jafar Asqalani, bahawa Ali berkata: 'Berhati-hati terhadap pendusta terbesar diantara manusia, Abu Huraira

Dusi.'

Ibn Qutayba di dalam 'Tawil-e-Mukhtaliful-Hadith' dan Hakim di dalam 'Mustadrak' jilid III, dan Dhahabi di dalam Talkhisul-Mustadrak' dan Muslim di dalam 'Sahih' nya, jilid II, menyampaikan mengenai kerekter Abu Huraira, semua mengatakan bahawa Aisha berulang kali bertentangan dengannya dan berkata: 'Ahu Huraira adalah pembohong besar yang memalsukan hadith dan mengatakannya dari Rasul.'

Ringkasnya, bukanlah kami saja yang menolak Abu Huraira. Menurut dari khalifa Umar, Amirul Mukminin, Ali, Ummul-Mukminin Aisha, dan para sahabat yang lain dan pengikut Rasul semuanya berkata bahawa dia tidak boleh dipercayai. Menurut, Sheikh-sheikh Mutazili dan para Imam mereka dan ulama Hanafi secara amnya menolak hadith yang disampaikan oleh Abu Huraira. Lebih-lebih lagi di dalam ulasannya pada Sahih Muslim, jilid IV, Nadwi menekankan maksud ini: 'Imam Abu Hanifa berkata: 'Para sahabat Rasul secara umumnya adalah wara' dan adil. Saya menerima setiap hadith dengan keterangan yang disampaikan oleh mereka, tetapi saya tidak menerima hadith yang puncanya adalah dari Abu Huraira, Anas bin Malik atau Samra bin Jundab.'

Kami menolak Abu Huraira yang sama, yang mana khalifa Umar telah sebat dan memanggilnya pencuri dan penipu. Dia telah ditolak oleh Ummul-Mukminin Aisha, Imam Abu Hanifa dan oleh ramai para sahabat dan pengikut Rasul. Kami menolak Abu Huraira yang sama yang telah ditolak dan digelar pendusta oleh pemimpin kami dan ketua bagi agama yang Esa, Ali, dan oleh Imam-imam yang suci dan juga keturunan Rasul. Kami menolak Abu Huraira yang menyembah perutnya, walau pun dia mengetahui keutamaan Ali, telah mengabaikan beliau. Dia telah memilih pelindungnya, Muawiya terkutuk, duduk dimejanya untuk memuaskan nafsunya dengan makan yang lazat, dan memalsukan hadith di dalam menentang Ali. Di dalam perbincangan kita setakat ini, kamu dan saya hendaklah memerhatikan bahawa apabila hadith dari Rasul yang dipertimbangan; kita hendaklah pada mulanya merujuk pada al-Quran. Jika hadith itu bersetuju dengan al-Quran, jika hendaklah menerimanya, jika tidak, tolak.

MENJAWAB KEPADA HADITH YANG DIKATAKAN BAHAWA ALLAH BERKATA: AKU RIDHA KEPADA ABU BAKR – ADAKAH DIA RIDHA DENGAN AKU?

Hadith yang kamu sebutkan terdahulu [walaupun dari satu pihak] boleh dirujukan kepada al-Quran. Jika tidak terdapat sebarang pertentangan, pasti kami akan menerimanya. Satu ayat dari al-Quran yang mengatakan: 'Dan pastinya Kami menjadikan manusia, dan mengetahui apa yang difikirkan. Kami lebih dekat padanya dari urat lehernya.' [50:16] Kamu faham bahawa 'hablul-warid' urat leher, adalah pengertian umum untuk menunjukkan betapa terlalu hampirnya. Pengertian pada ayat ini ialah, Allah adalah yang Maha Mengetahui. Tidak ada

yang tersembunyi dariNya, betapa dalam sekali pun di dalam dada manusia. Allah mengetahui rahsia di dalam hati kita. Dan di dalam surah Yunus, Dia berkata: ‘Dan kamu tidak terikat pada mana-mana urusan, tidak juga kamu membaca mengenai dari mana-mana bahagian al-Quran, tidak juga kamu melakukan apa-apa kerja tetapi Kami menyaksikan diatas kamu apabila kamu masuk kepadanya. Dan tidak ada yang terlindung dari Tuhan mu walau seberat atom dibumi atau dilangit, tidak juga apa-apa yang kecil atau besar, tetapi semuanya di dalam Kitab yang nyata.’ [10:61] Menurut dari ayat-ayat ini, dan juga fikiran yang waras, tidak ada yang terlindung dari Allah. Dia mengetahui apa yang dilakukan atau difikirkan oleh manusia. Sekarang bandingkan hadith itu dengan dua ayat ini dan lihatlah sama ada ianya boleh seiringan.

Bagaimana boleh diterima bahawa Allah tidak tahu apa yang diridhai oleh Abu Bakr, sehinggakan Dia sendiri terpaksa bertanya kepadanya sama ada dia merasa ridha kepadaNya [Allah] atau tidak?

Akal yang waras dan al-Quran menunjukkan bahawa hadith ini adalah palsu.

HADITH YANG MENINGGIKAN ABU BAKR DAN UMAR DAN PENOLAKKAN PADANYA.

Sheikh: Tidak terdapat sebarang keraguan bahawa Rasul telah berkata: ‘Allah akan menunjukkan Dirinya kepada semua manusia secara umum dan kepada Abu Bakr secara khusus.’ Dia juga berkata: ‘Allah tidak meletakkan apa-apa kedalam dada saya yang Dia tidak letakkan kepada dada Abu Bakr.’ Dia juga berkata: ‘Saya dan Abu Bakr adalah seperti dua ekor kuda yang sama-sama kuat di dalam perlumbaan.’ Lagi katanya: ‘Dilangit ada terdapat 80 000 malaikat yang mendoakan untuk kesejahteraan bagi mereka yang bersahabat dengan Abu Bakr dan Umar. Dan pada aras langit yang lain 80 000 malaikat yang mengutuk mereka yang bermusuhan dengan Abu Bakr dan Umar.’ Rasul juga berkata: ‘Abu Bakr dan Umar adalah yang terbaik dari semua manusia dari mula kejadian hingga akhir.’ Kedudukan Abu Bakr dan Umar boleh dinilai dari hadith yang dikatakan oleh Rasul: ‘Allah menjadikan aku dari cahayaNya, Abu Bakr dari cahaya aku, dan Umar dari cahaya Abu Bakr, dan ummahku dari cahaya Umar. Umar adalah pelita bagi manusia di syurga.’ Terdapat banyak lagi hadith yang dirakamkan di dalam buku sahih kami. Saya telah sebutkan sedikit daripadanya supaya kamu boleh tahu kedudukan sebenar khalifa.

Shirazi: Pengertian kepada hadith ini membawa kepada murtad dan kafir, yang mana dengan jelas telah membutikan bahawa Rasul tidak mengatakan yang sedemikian. Hadith yang pertama menunjukkan bahawa Allah mempunyai bentuk dan ianya adalah kafir pada mempercayai bahawa Allah mempunyai bentuk. Hadith kedua menunjukkan bahawa Abu Bakr berkongsi segala yang diwahyukan kepada Rasul. Hadith yang ketiga menunjukkan bahawa Rasul bukanlah yang lebih utama dari Abu Bakr. Hadith yang lainnya bertentangan dengan hadith yang

telah diterima oleh kedua golongan, bahawa manusia yang terbaik di dalam dunia ini adalah Nabi Muhammad dan keturunannya.

Selain dari fakta yang nyata ini, ulama kamu yang terkenal, seperti Muqaddasi di dalam bukunya 'Tadhkiratul-Muzua'; firuzabadi Shafii di dalam 'Safarus-Saadat', Hasan bin Athir Dhahabi di dalam 'Mizanul-Itidal'; Abu Bakr Ahmad bin Ali khatib Baghdadi di dalam 'Tarikh'; Abul-Faraj di dalam 'Kitabul-Muzua'; dan Jalalud-Din Suyuti di dalam 'Al-Lualil-Masnua fil-Abadusil-Muzua' – semua merumuskan bahawa hadith-hadith itu telah dipalsukan. Mereka semua menekankan bahawa hadith itu adalah dusta. Ianya bertentangan dengan al-Quran dan juga akal yang waras.

Sheikh: Tetapi pertimbangakan satu lagi hadith yang pastinya sahih. Rasul berkata: 'Abu Bakr dan Umar adalah ketua bagi orang tua disyurga.'

Shirazi: Jika kamu meniliti hadith yang dikatakan ini dengan cermat, kamu akan dapati bahawa selain daripada ulama kamu sediri telah menolaknya, hadith ini tidak mungkin datang dari Rasul. Semua orang tahu bahawa syurga tidak dihuni oleh orang tua. Tidak ada perubahan di dalamnya. Terdapat banyak laporan yang telah diterima oleh kedua golongan yang bersangkutan kepada perkara ini. Satu daripadanya adalah mengenai Ashjaiyya, seorang wanita tua yang pergi berjumpa Rasul. Di dalam masa perbualan Rasul telah berkata: 'Wanita tua tidak akan masuk syurga.' Wanita itu amat susah hati sambil menangis dia berkata: 'Wahai rasul Allah, ini bererti saya tidak akan masuk syurga.' Dengan mengatakan ini, dia pergi. Rasul berkata: 'Katakan kepadanya, pada hari tersebut dia akan menjadi muda dan masuk kesyurga.' Kemudian dia membaca ayat yang berikut dari al-Quran: 'Sesungguhnya Kami adakan bagi mereka keadaan yang baru, kemudian kami jadikan mereka perawan, mencintai, sama di dalam umur, hanya untuk sahabat dipihak yang kanan.' [56:35-38]

Di dalam hadith yang lain yang diterima oleh kedua pihak, Rasul berkata: 'Apabila penduduk dunia memasuki syurga, mereka akan menjadi muda dan suci dengan wajah yang bersih, rambut ikal, mata yang menawan, berusia 33 tahun.'

br> Sheikh: Kenyataan kamu adalah benar sebagaimana adanya, tetapi ini adalah hadith tertentu.

Shirazi: Saya tidak mengerti. Apa yang kamu maksudkan dengan 'hadith tertentu'? Adakah kamu maksudkan bahawa Allah akan menghantar sekumpulan orang tua ke syurga supaya Abu Bakr dan Umar boleh menjadi ketuanya? Sebaliknya ulama kamu telah menganggapnya sebagai palsu. Rasul telah berikan kepada kita peraturan pada pengesahan hadith. Saya telah nyatakan terdahulu bahawa sebarang hadith yang tidak selaras dengan al-Quran hendaklah ditolak. Ulama kami telah menolak beberapa hadith yang dikatakan berpunca dari Rasul

atau dari Imam yang suci atas dasar prinsip yang telah disebutkan oleh Rasul: ‘Apabila hadith yang disampaikan dikatakan datang dari saya, rujuklah kepada al-Quran; jika ia selaras dengannya, terimalah, jika tidak, tolak.’ Begitulah ulama kami tidak menerima hadith yang tidak selaras dengan al-Quran. Terdahulu saya telah nyatakan bahawa ulama kamu telah menulis peraturan pada menolak hadith yang palsu. Sebagai contoh, Sheikh Majdud-Din Muhammad bin Yaqub Firuzabadi di dalam ‘Safarus-Saada’ ms 142; Jalalud-Din Suyuti di dalam ‘Kitabul-Luali’; Ibn Jauzi di dalam ‘Muzua’; Muqaddasi di dalam ‘Tadhkiratul-Muzua’; dan Sheikh Muhammad bin Darwish [Mashhur be Hut-e-Beiruti] di dalam ‘Asnal-Talib’ – semua telah berkata bahawa rantaian penyampai kepada hadith yang mengatakan bahawa Abu Bakr dan Umar adalah ketua pada orang tua di syurga termasuk Yahya bin Anbasa. Dhahabi berkata bahawa Yahya ini adalah penyampai yang tidak boleh dipercayai, dan Ibn Jan berpendapat bahawa Yahya biasa memalsukan hadith.

Makanya, selain dari hujah saya yang terdahulu, ulama kamu juga menganggapnya sebagai hadith palsu. Mungkin ianya telah dipalsukan oleh pengikut Abu Bakr, keluarga Umayya. Supaya mereka dapat merendahkan Bani Hashim dan keturunan Rasul, mereka biasa memalsukan hadith yang selari [sejajar] dengan yang sahih yang telah disampaikan di dalam memuji keluarga Rasul. Orang seperti Abu Huraira, di dalam hendak memenangi kedudukan kepada golongan pemerintah, Bani Umayya, kerap memalsukan hadith. Disebabkan permusuhan mereka terhadap keluarga Rasul, mereka mengadakan hadith yang sejajar dengan yang diterima oleh ulama shia dan sunni.

Nawab: Hadith mana yang diterima di dalam kes ini?

HADITH YANG KEDUANYA HASAN DAN HUSAIN ADALAH KETUA REMAJA DISYURGA.

Shirazi: Hadith yang sahih adalah bahawa Rasul telag berkata: ‘Hasan dan Husain adalah ketua remaja disyurga dan bapa mereka adalah lebih utama dari mereka.’ Banyak ulama yang telah menyebutkan hadith ini. Sebagai contoh: Khatib Khawarizmi di dalam ‘Manaqib’, Mir Seyyed Ali Abu Abdu’r-Rahman Nisa’i di dalam ‘Khasa’is-il-Alawi’ (tiga hadith), Ibn Sabbagh Maliki di dalam ‘Fusulu’l-Muhimma’, ms 159, Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiu’l-Mawadda’, Bab 54, Sibt Ibn Jauzi di dalam ‘Tadhkira’, menyebutnya dari Tirmidhi, Ibn Maja dan Imam Ahmad bin Hanbal, Sibt Ibn Jauzi ms 133 dari ‘Tadhkiratu’l-Mawadda’, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’, Tirmidhi di dalam ‘Sunan’, dan Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam ‘Kifayatu’t-Talib’, Bab 97, telah merakam hadith ini dan kemudian menambah bahawa penyampai yang terkenal mengenai hadith, Imam Abdu’l-Qasim Tibrani, dan yang juga merakamkan hadith ini di dalam ‘Mu’ajamu’l-Kabir’ dan menyenaraikan semua penyampai, seperti Amirul Mukminin, Ali, Umar bin Khattab (khalifa kedua), Hudhaifa Yamani, Abu Sa’id Khadri, Jabir bin Abdullah Ansari, Abu Huraira, Usama bin Zaid, dan Abdullah bin Umar. Kemudiannya,

Muhammad bin Yusuf telah mengulas bahawa ianya tidak dipersoalkan lagi bahawa hadith ini adalah tulen. Rantaian penyampai yang tidak putus pada hadith ini adalah bukti kesahihannya. Tambahan lagi, Hafiz Abu Nu'aim Isfahani di dalam 'Hilyatu'l-Auliya', Ibn Asakir di dalam 'Ta'rikh Kabir', jilid IV, ms 206, Hikam di dalam 'Mustadrak', Ibn Hajar Makki di dalam 'Sawa'iq Muhriqa' – ringkasnya, semua ulama kamu yang terkenal telah mengesahkan kesahihan hadith ini.

Sheikh: Tetapi pertimbangkan hadith ini, yang kesahihannya tidak dapat dinafikan. Rasul berkata: 'Di dalam mana-mana ummah Abu Bakr hidup, adalah tidak wajar jika ada orang lain yang diutamakan dari dirinya.' Hadith ini membuktikan bahawa Abu Bakr adalah lebih utama dari seluruh ummah.

Shirazi: Saya kesal awak telah menerima hadith ini tanpa diteliti. Jika hadith ini telah disampaikan oleh Rasul, pasti baginda sendiri telah bertindak diatasnya. Tetapi baginda memberikan keutamaan kepada Ali di dalam kehadiran Abu Bakr. Adakah Abu Bakr tidak hadir pada masa Mubahila apabila Ali dipilih sebagai dirinya? Di dalam peperangan Tabuk, apabila yang lebih tua dan lebih berpengalaman Abu Bakr ada di situ, mengapa Rasul menjadikan Hazrat Ali timbalan dan khalifanya?

Mengapa Abu Bakr ditolak dengan perintah Allah dan dipilih Ali sebagai pengganti, apabila orang yang tua itu telah dikirimkan ke Makah untuk menyampaikan Islam dan membacakan dari surah kesembilan dari al-Quran, 'At-Taubah'?

Sedang Abu Bakr hadir, mengapa Rasul membawa Ali bersamanya ke Kaabah untuk memecahkan patung-patung, mengizinkan beliau memanjat keatas bahunya yang suci, memerintahkannya supaya memecahkan patung Hubal? Mengapa, dengan kehadiran Abu Bakr, Rasul telah menghantar Ali ke Yaman untuk menyampaikan Islam diantara penduduk Yaman. Akhir sekali mengapa Rasul menjadikan Ali pengganti dan wazirnya, sepatutnya Abu Bakr?

Sheikh: Terdapat hadith yang kukuh dari Rasul yang tidak boleh dipertikaikan. Ianya telah disampaikan oleh Amr bin As yang berkata: 'Satu hari saya bertanya kepada Rasul: 'Wahai Rasul Allah! Siapakah yang paling kamu cintai diantara para wanita?' Dia menjawab: Aisha. Saya berkata: Siapa yang paling kamu cintai diantara lelaki?' Dia menjawab: Bapa Aisha, Abu Bakr. Oleh kerana Rasul mengutamakan Abu Bakr dari lelaki yang lain, dia adalah lebih utama dari seluruh ummah. Fakta ini dengan sendirinya telah jelas membuktikan tentang sahnya khalifa Abu Bakr.

JAWAPAN KEPADA HADITH KONONNYA ABU BAKR DAN AISHA ADALAH YANG LEBIH DIUTAMAKAN OLEH RASUL.

Shirazi: Fakta yang sebenar adalah hadith ini dipalsukan oleh penyokong Abu

Bakr, ianya tidak selaras dengan hadith sahih yang telah diterima oleh kedua belah pihak. Hadith ini hendaklah dipertimbangkan pada dua sudut pandangan: dari sudut Ummul-Mukminin Aisha dan dari sudut Abu Bakr. Rasul tentu tidak mengatakan bahawa dari semua wanita yang paling dicintainya adalah Aisha. Saya telah nyatakan terdahulu bahawa ini bertentangan dengan hadith sahih dari buku kedua golongan sunni dan shia.

Sheikh: Dengan hadith yang mana hadith ini bertentangan?

Shirazi: Terdapat banyak hadith mengenai ibu kepada para Imam, Fatima Zahra, yang disampaikan oleh ulama kamu, yang bertentangan dengan kenyataan kamu. Hafiz Abu Bakr Baihaqi di dalam 'Tarikh' nya, Hafiz Ibn Abdul-Bar di dalam 'Istiab' nya, Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam 'Mawaddatul-Qurba', dan yang lain dari ulama kamu telah menyatakan bahawa Rasul berkata berulang kali: 'Fatima adalah wanita terbaik dari ummah ku.' Imam Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad' dan Hafiz Abu Bakr Shirazi di dalam 'Nuzulul-Quran fi Ali' disampaikan dari Muhammad bin Hanafiah, dan dia dari Amirul Mukminin, Ali; Ibn Abdul-Barr di dalam 'Istiab'; di dalam berkenaan Fatima, berkaitan dari Ummul-Mukminin Khadija dari Abdu'l-Warith Bin Sufyan dan dari Abu Dawud dan Anas Bin Malik, Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Bab 55 dari 'Yanabiu'l-Mawadda', Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam 'Mawaddatu'l-Qurba', Mawadda XIII – ini dan banyak lagi dari penyampai hadith telah menyatakan dari Anas bin Malik bahawa Rasul berkata: 'Terdapat empat wanita termulia didunia ini: Mariam anak perempuan Imran; Asiya anak perempuan Mazahim; Khadija anak perempuan khuwalid; dan Fatima anak perempuan Muhammad.' Khatib di dalam Tarikh Baghdad menyampaikan bahawa Rasul mengistiharkan empat wanita ini yang terbaik diseluruh dunia. Kemudian baginda mengistiharkan Fatima adalah yang terbaik diantara mereka semua didunia dan diakhirat. Muhammad bin Ismail Bukhari di dalam 'Sahih' nya, dan Imam Ahmad bin Hanbal di dalam 'Musnad' menyampaikan dari Aisha bint Abi Bakr bahawa Rasul berkata kepada Fatima: 'Wahai Fatima, aku memberi kamu khabar yang baik bahawa Allah telah menjadikan engkau yang paling utama dari semua wanita didunia, dan menjadikan engkau yang paling suci dari semua wanita Islam.' Juga di dalam 'Sahih' Bukhari, Bahagian IV, ms 64, Muslim di dalam 'Sahih' nya Bahagian II, di dalam Bab 'Kemuliaan Fatima'; Hamidi di dalam 'Jam'a Bainus-Sahihain'; Abdi di dalam 'Jam'a Bainus-Sihahus-Sitta' – ini dan banyak lagi telah menyatakan pada pengesahan Ummul-Mukminin Aisha bahawa Rasul berkata: 'Wahai Fatima! Tidakkah kamu gembira bahawa kamu adalah ketua wanita diseluruh dunia? Ibn Hajar Asqalani telah menyebutkan rangkap yang sama di dalam 'Isaba' nya didalam pertalian dengan hidup Fatima pada versi: 'Kamu adalah yang terbaik dari semua wanita didunia.' Juga, Bukhari, Muslim, Imam Ahmad bin Hanbal, Tibrani, dan Sulayman Balkhi Hanafi – semua telah merakamkan hadith ini.

AYAT AL-QURAN PADA MENCINTAI KELUARGA NABI.

Sebagai tambahan, Bukhari dan Muslim, masing-masing di dalam ‘Sahih’ nya, Imam Tha’labi di dalam ‘Tafsir’ nya, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam ‘Musnad’, Tibrani di dalam ‘Mu’jamu’l-Kabir’, Sulayman Balkhi Hanafi di dalam ‘Yanabiu’l-Mawadda’, Bab 32, pada pengesahan di ‘Tafsir’ dari Ibn Abi Hatim, ‘Manaqib’ dari Hakim, Wasit dan Wahidi, ‘Hilyatu’l-Auliya’ dari Hafiz Abu Nu’aim Isfahani, dan ‘Fara’id’ dari Hamwaini, Ibn Hajar Makki di dalam ‘Sawa’iq Muhriqa’, di bawah ayat 14 pada kenyataan Ahmad, Muhammad bin Talha Shafi’i di dalam ‘Matalibu’s-Su’ul’, ms 8, Tabari di dalam ‘Tafsir’, Wahidi di dalam ‘Asbabu’n-Nuzul’, Ibn Maghazili di dalam ‘Manaqib’, Muhibu’d-Din Tabari di dalam ‘Riyazu’n-Nuzra’, Mu’min Shablanji di dalam ‘Nuru’l-Absar’, Zamakhshari di dalam ‘Tafsir’, Imam Fakhru’d-Din Razi di dalam ‘Tafsir Kabir’, Seyyed Abu Bakr Shahabu’d-Din Alawi di dalam ‘Rishfatu’s-Sadi min Bahr-e-Faza’il-e-Baniu’l-Nabi’i’l-Hadi’, bab 1, ms 22-23 pada kenyataan dari ‘Tafsir of Baghawi’, Tafsir’ dari Tha’labi, ‘Manaqib’ dari Ahmad, Kabir dan Ausat dari Tibrani dan Sadi, Sheikh Abdullah bin Muhammad bin ‘Amir Shabrawi Shafi’i di dalam ‘Al-‘Ittihaf’, ms 5 pada pengesahan oleh Hakim, Tibrani, and Ahmad, Jalalu’d-Din Suyuti di dalam ‘Ihya’u’l-Mayyit’ pada pengesahan dari ‘Tafsirs’ dari Ibn Mundhir, Ibn Abi Hatim, Ibn Mardawaih, dan ‘Mu’jamu’l-Kabir’ dari Tibrani; dan Ibn Abi Hatim dan Hakim – secara ringkas, kebanyakkan dari ulama kamu yang mashor [mengenepikan beberapa pengikut kuat Bani Umayya dan musuh-musuh ahli bayt] telah menyatakan dari Abdullah bin Abbas dan lainnya bahawa apabila ayat yang berikut dari al-Quran diwahyukan: ‘Katakan: Saya tidak meminta apa-apa ganjaran untuknya tetapi kecintaan untuk keluarga terdekat ku; dan sesiapa yang membuat kebajikan, Kami akan memberikannya tambahan… [42:23] sekumpulan sahabat bertanya: Wahai Nabi Allah, siapakah mereka kerabat mu yang mencintai mereka telah dijadikan wajib keatas kami oleh Allah?’ Nabi menjawab, ‘Mereka adalah Ali, Fatima, Hasan dan Husain.’Sebahagian hadith mengandongi perkataan ‘dan anak-anak mereka’ bererti Hasan dan Husain.

SHAFII MENGESAHKAN BAHAWA CINTA KEPADA AHLI BAYT ADALAH WAJIB.

Bahkan Ibn Hajar [musuh shia] di dalam ‘Sawaiq Muhriqa’ nya ms 88, Hafiz Jamalud-Din Zarandi di dalam ‘Mirajul-Rasul’; Sheikh Abdullah Shabrawi di dalam ‘Kitabul-Ittihaf’ ms 29, Muhammad bin Ali Sabban dari Mesir di dalam ‘Asafur-Raghibin’ ms 119; dan lainnya telah menyatakan dari Imam Muhammad bin Idris Shafii, seorang dari Imam kamu yang empat, ketua agama mazhab shafii, bahawa dia telah berkata: ‘Wahai ahli bayt Nabi Allah! Cinta kepada kamu telah dijadikan wajib kepada kami oleh Allah, sebagaimana diwahyukan di dalam al-Quran [merujuk kepada ayat diatas] Telah mencukupi bagi kehormatan kamu jika sesaorang tidak mengucapkan salam kepada kamu di dalam solat, maka solatnya tidak akan diterima.’ Sekarang saya bertanya kepada kamu, bolehkah hadith yang disampaikan oleh kamu dari satu pihak, bertahan terhadap semua hadith yang sahih yang telah diterima oleh kedua pihak sunni dan juga shia?

DIALOG SUNNI-SHIA

PENGHINAAN OLEH ABU TAIMIYYA.

Berkenaan dengan cinta Nabi kepada Aisha, adakah kamu fikir bahawa disebabkan keinginan nafsu baginda mencintai Aisha lebih dari Fatima? Adalah benar bahawa Aisha isterinya dan dari itu Ummul-Mukminin [ibu bagi yang beriman] seperti para isteri Nabi yang lain. Tetapi bolehkah diterima bahawa baginda mencintai Aisha lebih dari baginda mencintai Fatima, yang mana cinta kepadanya telah dijadikan wajib di dalam al-Quran, yang mana untuknya ayat kesucian telah diwahyukan dan yang telah juga terjumlah di dalam Mubahila? Pastinya kamu tahu bahawa Nabi dan wazirnya tidak digerakkan oleh keinginan nafsu, dan bahawa mereka hanya melihat kepada Allah. Dedikasi tersebut adalah benar kepada Rasul yang terakhir. Dia mencintai sesiapa yang dicintai oleh Allah. Perlukah kita menolak hadith sahih yang telah diterima oleh ulama dari kedua golongan dan yang selaras dengan ayat-ayat al-Quran, atau kita menganggap hadith yang kamu sebutkan sebagai palsu? Kamu mengatakan bahawa Nabi telah menyatakan bahawa baginda mencintai Abu Bakr lebih dari mana-mana lelaki. Tetapi tuntutan ini juga telah menyimpang dengan banyak hadith lain yang sahih dan telah disampaikan oleh ulama kamu sendiri, yang telah menekankan bahawa menurut Nabi, yang paling dicintainya adalah Ali.

RASUL MENGUTAMAKAN ALI LEBIH DARI LELAKI LAINNYA.

Sheikh Sulayman Balkhi di dalam ‘Yanabiul-Mawadda’ nya; Bab 55, menyampaikan dari Tirmidhi, dari hadith Buraida bahawa menurut Nabi, wanita yang paling dicintai adalah Fatima, dan lelaki yang paling dicintai adalah Ali. Muhammad bin Yusuf Ghanji shafii di dalam ‘Kifayatut-Talib’ nya, Bab 91, menyebutkan dengan pengesahan dari Ummul-Mukminin Aisha yang berkata: ‘Allah tidak menjadikan sesiapa yang paling dicintainya lebih dari Ali.’ Dia menambah bahawa hadith ini Ibn Jarir tulis di dalam ‘Manaqib’ nya, dan Ibn Asakir Damishqi di dalam terjemahannya telah menyatakan dari Ali. Muhyid-Din dan Imamul-Haramain Ahmad bin Abdullah shafii menyampaikan dari Tirmidhi dalam ‘Dhakhairul-Uqba’ bahawa orang bertanya kepada Aisha, wanita mana yang paling dicintai oleh Nabi, dan dia menjawab ‘Fatima’. Kemudian dia ditanya lagi mengenai lelaki mana yang paling dicintai oleh Nabi, dan dia menjawab, ‘Suaminya Ali Ibn Abi Talib.’ Kemudian dia menyampaikan dari buku ‘Mukhalis’ oleh Dhahabi dan Hafiz Abul-Qasim Damishqi dan dia dari Aisha yang berkata: ‘Saya tidak pernah melihat lelaki yang paling dicintai oleh Nabi lebih dari Ali, dan wanita yang paling dicintai dari Fatima.’ Sebagai tambahan Sheikh menyatakan dari Hafiz Khanjandi dan dia dari Ma’azatul-Ghifariyya bahawa dia berkata: ‘Saya pergi berjumpa dengan Nabi dirumah Aisha sedang Ali berada diluar rumah. Nabi berkata kepada Aisha: ‘Ini [Ali] adalah yang paling aku sayangi dan yang paling aku sanjungi diantara semua lalaki. Iktiraf [akui] haknya dan berilah

penghormatan pada kedudukannya.'

Sheikh Abdullah bin Muhammad bin Amir Shabrawi shafii, seorang ulama kamu yang terkenal, merakamkan di dalam 'Kitabul-Ittihaf bi Hubbil-Ashraf' ms 9; Sulayman Balkhi di dalam 'Yanabul-Mawadda', dan Muhammad bin Talha shafii di dalam 'Matalibul-Suul', ms 6, dari Tirmidhi, dan dia dari Jami bin Umar – semua nyatakan yang berikut: 'Saya pergi ke Ummul-Mukminin Aisha dengan emak saudara saya, dan kami tanya kepadanya, siapa yang paling dicintai oleh Nabi. Dia menjawab, 'Diantara wanita ianya adalah Fatima dan diantara lelaki, suaminya Ali Ibn Abi Talib.' Hadith yang sama ini telah disampaikan oleh Mir Seyyed Ali Hamadani shafii di dalam 'Mawaddatul-Qurba', Mawadda II, dengan perbezaan bahawa Jami bin Umar berkata bahawa dia menerima jawapan ini dari emak saudaranya.

Begitu juga Khatib Khawarizmi telah sampaikan hadith ini dari Jami bin Umar, dan dia berkata dari Aisha, pada penghujung Bab 4 dari 'Manaqib' nya. Ibn Hajar Makki di dalam 'Sawaiq Muhriqa', pada penghujung Bab 2, selepas merakamkan 40 hadith pada kemuliaan Ali, menyampaikan hadith yang berikut dari Aisha: 'Diantara wanita, Fatima adalah wanita yang paling dicintai oleh Nabi Allah dan diantara lelaki, suaminya.' Muhammad bin Talha shafii di dalam 'Matalib-us-Suul', ms 7; selepas merakamkan hadith yang tertentu pada isu ini, menyatakan rumusannya sendiri didalam perkataan yang berikut:

'Hadith sahih yang mempunyai satu pengertian ini membuktikan bahawa Fatima adalah yang paling dicintai oleh Nabi diatas segala wanita. Dia mempunyai kedudukan yang tertinggi dari semua wanita disyurga dan yang ketua dari ummah ini dan begitu juga ketua dari semua wanita Madina.' Hadith yang boleh dipercayai ini dengan jelas menunjukkan bahawa dari semua makhluk kejadian, Ali dan Fatima adalah yang paling dicintai oleh Nabi. Bukti yang lain menunjukkan Nabi mengutamakan Ali dari lelaki yang lain adalah 'hadith pada burung' [Hadith-e-Tair]. Hadith ini telah terkenal dan diketahui umum yang mana saya tidak perlu mengatakan semua puncanya. Saya akan menyatakan sebahagiannya sahaja.

HADITH MENGENAI BURUNG PANGGANG.

Kebanyakkan dari ulama kamu yang terkenal seperti Bukhari; Muslim; Tirmidhi; Nisai; dan Sijistani di dalam siha mereka, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad; Ibn Abil-Hadid di dalam ulasannya pada Nahjul-Balagha; Ibn Sabbagh Maliki di dalam Fusulul-Muhimma; dan Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda; Bab 8, dan dari buku penulis yang dipercayai, telah merakamkan Hadirh-e-Tair di dalam kerja-kerja mereka. Mereka mengesahkan bahawa hadith ini telah disampaikan oleh 24 penyampai hadith dari Anas bin Malik. Ibn Sabbagh Maliki di dalam Fusulul-Muhimma menulis mengenainya dalam perkataan yang berikut: Di dalam buku hadith yang sahih dan penyampaian yang boleh

dipercayai, hadith-e-tair dari Anas bin Malik adalah benar dengan tidak dipertikaikan. Sibt Ibn Jauzi; pada ms 23 dari Tadhkira; dan Sunan dari Tirmidhi dan Masudi pada ms 49 Jilid II dari Murujudh-Dhahab, telah menumpukan terutamanya pada bahagian akhir hadith ini, yang mengadungi doa Nabi dan penerimaannya oleh Allah. Imam Abu Abdur-Rahman Nisai, dalam hadith yang ke sembilan dari Khasaisul-Alawi, dan Hafiz bin Iqda dan Muhammad bin Jarir Tabari semuanya telah merujuk kepada rataian penyampai yang tidak putus dan kepada punca kesahihan hadith ini, dengan mengatakan bahawa ianya telah disampaikan oleh 35 para sahabat Nabi dari Anas bin Malik. Secara ringkas semua ulama kamu telah mengesahkan kesahihan hadith ini dan telah dimuatkan kedalam buku mereka. Allama Seyyed Hamid Husain telah memperuntukan satu jilid khas di dalam bukunya Abaqatul-Anwar kepada hadith ini. Dia telah mengumpulkan segala punca yang dipercayai dari ulama terkenal dan dengan jelas membuktikan kesahihan hadith ini.

Menurut hadith ini, satu hari seorang wanita membawa hadiah seekor burung panggang kepada Nabi. Sebelum memakannya, Nabi mengangkat tangan berdoa kepada Allah: ‘Wahai Allah! Dari kesemua kejadian Kamu, hantarkanlah seorang yang kamu dan aku sayangi, supaya dia dapat menikmati burung panggang ini bersama aku.’

Ali kemudian masuk dan menikmati burung panggang itu bersama Nabi.

Sebahagian buku kamu, seperti Fusulul-Muhimma oleh Maliki; Tarikh oleh Hafiz Nishapuri; Kifayatut-Talib oleh Ghanji shafii, dan Musnad oleh Ahmad bin Hanbal dst; yang mana hadith ini yang disampaikan dari Anas bin Malik, telah merakamkan bahawa Anas berkata: ‘Belum selesai Nabi berdoa, Ali telah sampai kerumah, tetapi aku rahsiakan perkara itu. Apabila Ali menghentakkan kakinya pada kali ketiga, Nabi mengarahkan aku untuk mengizinkan dia masuk. Apabila Ali masuk Nabi berkata: ‘Rahmat Allah keatas kamu; apa yang membuat kamu datang kepada ku? Maka Ali memberitahu bahawa dia telah datang tiga kali, tetapi hanya dibenarkan masuk pada kali ini. Nabi bertanya kepada ku, apakah yang membuat aku bertindak sedemikian, dan aku menjawab: ‘Yang sebenarnya, apabila mendengarkan doa kamu, saya berharap supaya penghargaan yang sedemikian akan jatuh kepada sesaorang dari kaum ku.’ Sekarang saya tanyakan kepada kamu yang dihormati, sama ada doa nabi diterima atau ditolak oleh Allah.

Sheikh: Sudah tentu Allah menerimanya, oleh kerana Dia telah berjanji di dalam al-Quran bahawa Dia akan menerima doa Nabi. Lebih-lebih lagi, Allah mengetahui bahawa Nabi tidak akan meminta sesuatu yang tidak wajar. Maka Allah sentiasa mengkabulkan doa baginda.

Shirazi: Allah menghantar Ali, seorang yang paling berhak diantara semua kejadianNya kepada Nabi. Ulama kamu telah mengesahkan peristiwa ini.

Muhammad bin Talha shafii di dalam Matalibus-Suul, Bab I, bahagian 5, ms 15, telah menunjukkan tingginya kedudukan Ali sebagai yang dicintai oleh Allah dan Nabi pada pengertian hadith bendera [panji-panji] dan hadith burung. Di dalam pertalian itu dia berkata: 'Tujuan Nabi adalah supaya manusia mengetahui akan unik dan tingginya kedudukan Ali, yang telah mencapai kedudukan yang tertinggi yang boleh tercapai oleh yang wara' Begitu juga Hafiz dan Muhammad Yusuf Ghanji [mati 658 Hijrah] menulis di dalam Kifayatut-Talib Bab 33, merujuk kepada kemuliaan Ali Ibn Abi Talib, bahawa hadith ini dengan jelas telah membuktikan bahawa Ali adalah yang paling tercinta dari semua kejadian Allah. Kemudian dia berkata Hakim Abu Abdullah Hafiz Nishapuri menyebut hadith-e-tair oleh Anas dari 86 penyampai dan juga merakamkan nama 86 penyampai tersebut. [Lihat Kifatut-Talib Bab 32] Hadith yang disampaikan oleh kamu di dalam perbandingan dengan hadith yang disampaikan oleh ulama yang berkedudukan tinggi dari kamu [pengecualian terhadap beberapa fanatik yang degil] tidaklah boleh diterima dan hendaklah ditolak oleh mereka yang terpelajar.

Sheikh: Saya takut bahawa kamu telah membuat keputusan untuk tidak menerima apa yang kami katakan.

Shirazi: Bagaimana kamu boleh mengatakan perkara yang sebegitu kepada saya? Bolehkah kamu sebutkan pada saat mana yang kamu telah bentangkan hujah yang bernas dan saya telah menolaknya begitu sahaja? Saya bersumpah bahawa di dalam perbincangan agama dengan Yahudi, Kristian, Hindu, Brahmin dan yang jahil Bahai dari Iran, Qadiani dari India dan yang material – di dalam semua situasi saya tidak pernah bertindak 'degil' di dalam hujah-hujah saya. Saya tidak pernah bersikap sedemikian terhadap mereka yang bukan Islam – bagaimana pula dapat melakukannya dengan kamu, saudara saya dalam Islam?

Sheikh: Kami telah membaca mengenai perbincangan awak dengan Hindu dan Brahmin di Lahore di dalam surat khabar. Kami amat tertarik dengannya. Walaupun kami belum berjumpa dengan kamu, kami dapat rasakan betapa berkobarnya semangat kami terhadap kamu. Saya berharap Allah akan memandu kamu dan kami kejalan yang betul. Kami percaya bahawa jika terdapat sebarang keraguan mengenai mana-mana hadith, kami harus, menurut dari cadangan kamu, merujuk kepada al-Quran. Bagaimana pun, jika kamu mempersoal keutamaan khalifa Abu Bakr dan mode [cara] kedudukan khalifa yang utama, dan jika kamu menganggap hadith itu palsu, adakah kamu keberatan pada mempercayai hujah berasaskan kepada al-Quran?

Shirazi: Semoga Allah tidak memberikan hari itu, apabila kita meragukan fakta berasaskan pada al-Quran atau hadith yang sahih. Bagaimana pun, apabila kita memasuki perbincangan agama dengan mana-mana negara atau kommuniti, mereka juga berhujah dari ayat-ayat al-Quran untuk menjelaskan kedudukan mereka. Oleh kerana ayat al-Quran mempunyai berbagai tingkatan pengertian,

nabi yang akhir, di dalam menjaga manusia daripada tersalah pengertian, tidak meninggalkan HANYA al-Quran sebagai satu-satunya punca petunjuk. Sebagaimana telah diterima oleh kedua-dua golongan [sunni dan shia], baginda sendiri berkata: 'Saya tinggalkan bersama kamu dua perkara penting: kitab Allah dan keturunan saya. Jika kamu berpegang kepada kedua-dua ini, kamu tidak akan sesat selepas ku. Sesungguhnya kedua ini tidak akan berpisah sehingga mereka bertemu dengan ku dipancutan Kauthar.' Atas sebab ini, pengertian pada wahyu al-Quran hendaklah dicari perjelasannya dari Nabi, jurubahasa utama al-Quran atau sesudah baginda dari yang sama seperti al-Quran, keturunan Nabi yang suci. Al-Quran berkata: 'Maka tanyakan kepada ahli zikir jika kamu tidak tahu.' [21:7]

ORANG AHLI ZIKIR ADALAH AHLI MUHAMMAD, KETURUNAN NABI YANG SUCI.

Ahli zikir bererti orang yang mengingati, Ali dan Imam-Imam yang suci, keturunannya, adalah yang sama dengan al-Quran. Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 39, menyebutkan dari Tafsir-e-kashful-Bayan oleh Imam Thalabi, disampaikan dari Jabir Ibn Abdullah Ansari, yang berkata: 'Ali berkata: 'Kami keturunan Nabi adalah orang ahli zikir.' Oleh kerana zikir adalah 'ingatan' dan salah satu dari nama al-Quran, keluarga ini mengandungi orang al-Quran. Sebagaimana disampaikan oleh ulama kamu, Ali berkata: 'Tanyalah kepada ku apa saja yang kamu mahu sebelum aku meninggalkan kamu. Tanyalah mengenai al-Quran, oleh kerana aku tahu setiap ayat di dalamnya – sama ada diwahyukan di malam hari atau disiang hari, pada padang dataran atau pada gunung yang tegak. Demi Allah, tidak ada ayat dari al-Quran yang di wahyukan melainkan, akau tahu mengenai apa ia diwahyukan, dimana ia diwahyukan dan mengenai orang macam mana ia diwahyukan. Allah yang Berkuasa telah menganugerahkan kepada ku lidah yang fasih dan akal yang bijak.'

Maka, mengasaskan hujah atas ayat-ayat al-Quran hendaklah menurut pengertiannya yang sahih dan pemahaman yang diberikan oleh mereka, pengulas yang berkemampuan dan dipercayai. Jika tidak, setiap orang akan memberikan interpritasi pada ayat-ayat al-Quran menurut ukuran pengetahuan dan kepercayaannya, dan itu akan menghasilkan pada perbezaan pendapat dan ide yang bertentangan. Dengan ini di dalam fikiran kita, sila nyatakan ayat kamu.

SEBUTAN DARI AYAT AL-QURAN MENGENAI PERLANTIKAN EMPAT KHALIFA, DAN JAWAPANNYA.

Sheikh: Allah dengan jelas berkata di dalam al-Quran, 'Muhammad adalah Rasul Allah, dan mereka yang bersama dengannya keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih sayang diantara mereka. Kamu akan melihat mereka rukok dan sujud, mengharap kurnia dari Allah dan keridhaanNya. Pada muka mereka terdapat tanda bekas sujud.. ...[48:29]

Pertama ayat ini menunjukkan keutamaan Abu Bakr.

Kedua, ia menunjukkan kedudukan empat khalifa, sebagai tentangan pada tuntutan oleh shia yang Ali adalah yang pertama. Ayat ini menyatakan dengan jelas bahawa Ali adalah khalifa keempat.

Shirazi: Pastinya ayat ini tidak menunjukkan sebarang petanda mengenai mode [cara] perlantikkan para khalifa atau mengenai keutamaan Abu Bakr. Makanya, kamu perlulah menunjukkan pada tempat mana diayat ini maksud itu diterangkan.

Sheikh: Pada permulaan ayat ini, rangkap ‘mereka yang bersama dengannya’ merujuk kepada manusia agung, yang bersama dengan Nabi pada ‘malam di dalam gua’, Cara susunan pada kedudukan khalifa juga jelas di dalam ayat ini. ‘Mereka yang bersama dengannya’ bererti Abu Bakr, yang menemani Nabi di dalam gua Thawr pada malam penghijrahan. Rangkap ‘keras terhadap orang kafir’ bererti Umar bin Khattab, yang sangat keras dengan orang-orang kafir. Rangkap ‘berkasih sayang diantara mereka’ merujuk kepada Uthman bin Affan, yang sangat pemurah. Rangkap ‘pada muka mereka terdapat tanda bekas sujud’ merujuk kepada Ali. Adalah jelas bahawa Ali ialah khalifa yang keempat, bukan yang pertama, oleh kerana Allah menyebutnya pada tempat keempat.

Shirazi: Bagaimanakah saya hendak menjawabnya, supaya saya tidak dikatakan berkepentingan diri. Tidak ada pengulas al-Quran, termasuk ulama kamu yang agung, telah menghuraikan ayat ini sebagaimana yang kamu huraikan. Jika ayat ini adalah mengenai susunan khalifa, dihari pertama wafatnya Nabi, apabila Ali, Bani Hashim dan para sahabat Nabi yang ulung menunjukkan bantahan dan enggan memberikan baia’ kepada khalifa, hujah yang tidak berasas tentu tidak diketengahkan. Mereka tentunya telah diberikan dengan jawapan yang akan mensenyapkan mereka dengan membacakan ayat al-Quran ini diketika itu. Maka, ini amatlah jelas bahawa interpretasi kamu ini sesuatu yang datang kemudian. Tidak seorang pun dari pengulas kamu yang unggul seperti Tabari, Imam Tha’labi, Fazil Nishapuri, Jalalu’d-Din Suyuti, Qazi Baidhawi, Jarullah Zamakhshari, Imam Fakhru’d-Din Razi, atau lain yang menghuraikannya seperti tersebut. Saya gagal untuk memahami bagaimana kamu dapat menerbitkan maksud yang sebegitu. Dimana dan oleh siapa maksud yang begitu diberikan? Ayat ini, dari sudut pandangan bahasa dan juga teknik, juga bertentangan dengan apa yang kamu katakan.

Sheikh: Saya tidak menyangka bahawa kamu sebegitu berani menentang maksud yang begitu jelas pada ayat itu. Ya, jika kamu mempunyai apa-apa untuk mengatakan mengenainya, kamu boleh nyatakan, supaya kedudukan yang sebenar dapat diperjelaskan.

Shirazi: Mempertimbangkan dari pembinaan nahu ayat itu, jika kami

menghuraikan maksudnya sebagaimana kamu lakukan, ia mungkin bermaksud bahawa Muhammad adalah Abu Bakr, Umar, Uthman dan Ali atau Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali adalah Muhammad. Walaupun pelajar baru tahu bahawa cara penghuraian begini adalah salah secara nahu. Sebaliknya jika ayat ini merujuk kepada empat khalifa, disana perlu ada rangkaikata ‘dan’ untuk menyatukan perkataan pada memberikan pengertian yang kamu maksudkan, tetapi tidak begitu.

Kesemua pengulas dari golongan kamu berkata bahawa ayat ini merujuk kepada semua yang beriman. Lebih-lebih lagi, kualiti yang diterangkan di dalam ayat ini dengan jelas merujuk kepada seorang sahaja, yang tinggal bersama dengan Nabi semenjak dari mula, dan bukannya empat orang. Dan jika kita yang seorang itu adalah Amirul Mukminin Ali, ianya lebih bersesuaian mengikut akal fikiran dan hadith dari disebutkan yang lainnya.

HUJAH DARI ‘AYAT DI GUA’ DAN JAWAPANNYA.

Sheikh: dalah pelik bahawa kamu katakan yang kamu tidak suka pada hujah yang menyelewengkan, walaupun pandangan kamu amat berlainan. Allah berkata di dalam al-Quran: ‘Jika kamu tidak menolongnya, Allah pasti akan menolong dia, apabila mereka yang kafir mengusirnya, dia adalah yang kedua dari dua, apabila mereka berdua di dalam gua, apabila dia berkata kepada sahabatnya: ‘Janganlah bersusah hati, sesungguhnya Allah berserta dengan kita.’ Maka Allah menjadikan ketenteraman keatas mereka dan memperkuatkan mereka dengan yang tidak dapat dilihat. ..’[9:40]

Pertama ayat ini menyokong ayat yang diatas dan membuktikan rangkap ‘dan mereka yang bersama dengannya’ merujuk kepada Abu Bakr, yang bersama Nabi di dalam gua pada malam hijrah.

Kedua, fakta bahawa dia berada bersama Nabi dengan sendirinya adalah bukti yang besar pada kemuliaan Abu Bakr dan keutamaannya kepada semua ummah. Nabi dapat meramalkan bahawa Abu Bakr adalah penggantinya, dan nyawa khalifa selepasnya ini adalah penting. Maka dia sedar bahawa dia perlu menyelamatkan Abu Bakr seperti dia menyelamatkan dirinya. Maka dia membawa Abu Bakr bersama dengannya supaya Abu Bakr tidak ditangkap oleh musuh. Layanan yang sedemikian tidak ditunjukkan kepada muslim yang lain. Ini dengan nyata membuktikan haknya pada khalifa lebih dari yang lain.

Shirazi: Jika kamu lihat pada ayat itu dengan lebih berobjektif, kamu akan nampak rumusan kamu telah salah.

Sheikh: Bolehkah kamu ketengahkan hujah yang menyangkal rumusan yang saya telah berikan?

Shirazi: Saya lebih suka untuk melepaskan isu tersebut pada ketika ini, kerana ucapan akan membuahkan lagi ucapan. Sebahagian manusia yang jahat akan menterjemahkan huraian kami dengan niat yang jahat. Saya tidak berhajat untuk menanamkan benih kebencian. Sesaorang mungkin akan merumuskan bahawa kami berhajat pada menjatuhkan martabat khalifa, walaupun kedudukan bagi setiap individu tersebut telah pun ditentukan, dan tidak ada perlunya pada membuat penghuraian yang tidak ada gunanya.

Sheikh: Kamu cuba mengelakkan diri. Yakinlah bahawa hujah yang bernas tidak akan melahirkan kebencian, ianya akan menghapuskan kekeliruan.

Shirazi: Oleh kerana kamu menggunakan perkataan ‘mengelak’, saya terpaksa memberikan jawapan, supaya kamu tahu yang saya tidak lari dari isu tersebut. Saya cuba mengekalkan kewajaran perbincangan kita. Saya harap kamu tidak mencari kesalahan dari pihak saya. Kamu telah membuat kenyataan yang tidak berakal bahawa Nabi mengetahui Abu Bakr akan menjadi khalifa selepasnya. Maka, adalah perlu untuk baginda menyelamatkan nyawanya, dan maka baginda membawa dia bersama.

FAKTA MENGENAI ABU BAKR BERSAMA DENGAN NABI.

Jawapan kepada kenyataan kamu adalah mudah. Jika Abu Bakr adalah satu-satunya khalifa selepas Nabi, mungkin pandangan yang sedemikian betul, tetapi kamu mempercayai empat khalifa. Jika hujah dari kamu betul, dan jika perlunya Nabi pada menyelamatkan nyawa khalifa, maka Nabi perlulah membawa bersamanya keempat-empat khalifa. Mengapa dia meninggalkan tiga yang lain, seorang darinya di dalam keadaan yang tidak bermaya [hanya berserah] tidur dikatil Nabi, pada malam yang paling bahaya, apabila musuh telah berkumpul untuk membunuh Nabi? Menurut dari Tabari [bahagian III, dari sejarah] Abu bakr tidak mengetahui akan pergerakkan Nabi dari Makah. Apabila pergi berjumpa Ali dan bertanya kepada beliau mengenai Nabi, beliau memberitahunya Nabi telah pergi kegua. Ali memberitahunya jika dia punya utrusan dengan baginda, dia perlulah bergegas menemuinya. Abu bakr lari dan bertemu Nabi diperjalanan. Maka dia bersama baginda.

Dari peristiwa ini menunjukkan Nabi tidak mempunyai maksud untuk membawa Abu Bakr bersama dengannya. Abu bakr bersama dengan Nabi diseparuhan jalan tanpa izin darinya. Menurut dari laporan yang lain Abu Bakr telah dibawa bersama dalam perjalanan ditakuti dia akan membuat kekacauan [onah] dan memberikan maklumat kepada musuh. Ulama kamu sendiri telah percaya kepada fakta ini.

Sebagai contoh, Sheikh Abul-Qasim bin Sabbagh, seorang ulama yang terkenal dari golongan kamu, menulis dalam bukunya AL-Nur wal-Burhan mengenai sejarah hidup Nabi, disampaikan dari Muhammad bin Ishaq, dan dia dari Hasan bin Thabit

Ansari, bahawa dia pergi ke Makah untuk mengerjakan umra sebelum hijrahnya Nabi. Dia melihat bahawa kafir Quraish sedang mengumpulkan sahabat Nabi. Nabi mengarahkan Ali untuk tidur dikatilnya, dan khuatiri bahawa Abu Bakr akan membocorkan fakta ini kepada orang kafir, Nabi membawa Abu Bakr bersama dengannya.

Sepatutnya adalah lebih baik jika kamu telah menerangkan apakah bukti pada ayat itu yang menunjukkan keutamaan Abu Bakr atau sama ada bersama dengan Nabi dalam perjalanan adalah bukti bahawa sesaorang itu berhak kepada kedudukan khalifa.

Sheikh: Buktinya ada disana. Pertama persahabatan kepada Nabi, dan bahawa Allah memanggilnya sahabat nabi adalah kelayakkan dengan sendirinya.

Kedua, nabi sendiri berkata: ‘Sesungguhnya Allah bersama kita.’

Ketiga, Turunnya ketenteraman keatas mereka dari Allah, sebagaimana disebutkan di dalam ayat, adalah bukti yang sangat jelas terhadap keutamaan Abu Bakr. Maka, jika kesemua petunjuk itu disatukan, ianya telah menampakkan kecemerlangannya dari yang lain mengenai khalifa.

Shirazi: Tiada siapa yang keberatan untuk mengakui kedudukan Abu Bakr; seorang tua Islam, sahabat yang terkenal, dan bapa kepada isteri Nabi. Bagaimanapun, alasan ini tidak membuktikan keutamaan dia sebagai khalifa. Jika kamu cuba untuk membuktikan tujuan kamu dengan kenyataan yang sedemikian kepada seorang yang saksama [adil] kamu akan mendapat kritikan yang kuat. Mereka akan mengatakan bahawa persahabatan dengan orang yang mulia tidak membuktikan kemuliaan dan keutamaan. Sebagai contoh, kita kerap melihat orang jahat mengiringi orang yang baik, kumpulan orang kafir bersama Muslim di dalam perjalanan. Mungkin kamu telah terlupa apa al-Quran kata mengenai Nabi Yusuf, yang berkata: ‘Wahai kedua sahabatku dalam penjara [Saya tanya kepadamu]: Adakah banyak tuhan yang berbeza diantara mereka lebih baik, atau Allah, yang Esa, yang agung?’ [12:39]

Mengenai ayat ini, pengulas telah berkata bahawa apabila Nabi Yusuf dimasukkan kedalam penjara, pada hari yang sama tukang masak raja dan pembawa arak, kedua mereka adalah kafir, telah dimasukkan kepenjara bersama dengannya. Untuk selama lima tahun ketiga-tiga mereka [yang beriman dan tidak beriman] hidup bersama sebagai sahabat. Apabila menyampaikan agama kepada mereka Nabi Yusuf memanggil mereka sahabatku. Adakah persahabatan dengan nabi telah memberikan tahap kepada kedua orang kafir ini sebagai mulia dan dihormati? Adakah persahabatan mereka dengan nabi memberi kesan pada perubahan di dalam kepercayaan mereka? Semua penulisan dari para pengulas dan ahli sejarah memberitahu kepada kita bahawa selepas lima tahun

persahabatan, mereka berpisah dengan keadaan yang sama.

Ayat yang lain dari al-Quran mengatakan: ‘Sahabatnya berkata kepada dia dengan menegaskan: Adakah engkau ingkar kepada Dia yang menjadikan engkau dari tanah, dan dari biji benih, kemudian Dia menjadikan engkau lelaki yang sempurna?’ [18:37] Pengulas bersetuju bahawa ayat ini merujuk kepada dua saudara: seorang beriman, bernama Yahuda. Yang seorang lagi tidak beriman, yang namanya Baratus. Fakta ini telah dinyatakan di dalam Tafsir-e-Kabir oleh Imam Fakhrid-Din Razi, seorang dari ulama kamu. Kedua mereka berkata-kata sesama mereka yang mana khususnya tidak dapat diberikan disini. Allah telah memanggil kedua mereka ‘sahabat’ [beriman dan tidak beriman]. Adakah yang tidak beriman mendapat manfaat dari persahabatannya dengan yang beriman? Pastinya tidak. Maka, persahabatan sahaja tidak punya asas pada menuntut keutamaan sesaorang. Terdapat banyak lagi contoh yang manyokong pandangan ini.

PERKATAAN NABI ‘ALLAH BERSAMA KITA’ TIDAK MEMBUKTIKAN KEUTAMAAN ABU BAKR.

Kamu juga mengatakan bahawa oleh kerana Nabi berkata kepada Abu Bakr, ‘Allah bersama kita’ ini telah membuktikan keutamaan Abu Bakr dan haknya kepada khalifa! Kamu patut memikirkan semula pandangan kamu. Manusia mungkin akan bertanya, sebagai contoh, ‘Adakah Allah bersama dengan mereka yang beriman dan wali sahaja, dan tidak dengan mereka yang tidak beriman?’ Adakah kamu tahu dimana tempat yang Allah tidak ada?’ Tidakkah Allah bersama setiap orang? Katakanlah yang beriman dengan yang tidak beriman bersama di dalam satu perjumpaan maka bagaimana? Al-Quran berkata: ‘Tidakkah engkau tahu bahawa Allah mengetahui apa-apa yang ada dilangit dan apa-apa yang ada dibumi? Tidak ada perbualan yang rahsia diantara tiga orang bahkan Dia adalah yang keempat, tidak juga diantara lima, tetapi Dia juga yang keenam, tidak kurang dari itu dan tidak juga lebih darinya melainkan Dia bersama mereka, walau dimana saja mereka berada……’ [58:7]

Menurut dari ayat ini dan juga dari akal fikiran, Allah bersama semua orang.

Sheikh: Keterangan ‘Allah ada bersama kita’ bermaksud bahawa mereka adalah yang dicintai oleh Allah kerana mereka berhijrah dijalan Allah pada tujuan untuk memeliharakan agamaNya. Rahmat Allah adalah bersama mereka.

Shirazi: Tetapi sudah tentu keterangan itu tidak membuktikan yang sesaorang memilikki rahmat yang berkekalan. Allah melihat kepada amalan sesaorang. Telah kerap berlaku bahawa pada suatu ketika, orang melakukan amalan yang baik dan menerima rahmat dari Allah. Kemudian dia menentang Allah dan menerima kemurkaan tuhan. Syaitan sebagaimana yang kamu tahu, telah menyembah Allah

untuk ribuan tahun dan menerima balasan ihsan dari Nya. Bagaimana pun sebaik saja dia melanggar perintah Allah, dia telah dikutuk. Al-Quran telah berkata: 'Dia berkata: 'Maka keluarlah darinya, kerana sesungguhnya kamu adalah yang diusir. Dan sesungguhnya keatas kamu kutukkan sehingga ke Hari Pengadilan.' [15:34 – 35]

Maafkan saya, tidak ada salahnya pada memberikan contoh. Tujuan saya untuk menjelaskan maksud tujuan. Sejarah mengandungi banyak contoh bagi mereka yang dekat dengan Allah, tetapi siapa, setelah diduga, dikutuk. Balam bin Baur, sebagai contoh, hidup dizaman Musa, menjadi begitu hampir kepada Allah sehingga Allah membentangkan kepadanya Ism-e-Azam [nama kebesaran Allah, melaluinya apa saja yang dihajati, dengan segera dikabulkan oleh Allah]. Dia berdoa kepada Allah dengan cara Ism-e-Azam dan menyebab Musa menderita di lembah Tia! Tetapi pada masa diuji, Balam telah ditewaskan oleh cintanya pada dunia material. Dia telah menjejaki syaitan dan dikutuk. Pengulas telah memberikan penghususan yang mendalam pada peristiwa ini. Imam Fakhrud-Din Razi di dalam ulasannya, bahagian IV, ms 463 telah melaporkan perkara ini dari Ibn Abbas, Ibn Masud dan Mujahid. Allah di dalam al-Quran memberitahu kita: 'Dan bacakan kepada mereka pengkhabaran dari orang yang mana Kami berikan ayat-ayat Kami, tetapi dia menjauhkan diri darinya; maka syaitan menguasai mereka, dan dia adalah bersama mereka yang sesat.' [7:175]

ABID BARSISA.

Atau pertimbangkan kes Abid Barsisa, yang pada mulanya menyembah Allah dengan banyaknya sehingga dia menjadi Mustajabud-dawa [sesaorang yang doanya dikabulkan] Bagaimana pun pada masa diuji, dia gagal. Disesatkan oleh syaitan, dia melakukan zina dengan seorang wanita, telah digantung, dan mati sebagai seorang kafir.

Al-Quran merujuk kepadanya dalam perkataan ini: 'Seperti syaitan apabila berkata kepada manusia: 'kafirlah' tetapi apabila dia kafir, dia berkata: 'saya sesungguhnya melepaskan diri dari kamu; sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan sekelian alam.' Maka, akhir bagi kedua mereka adalah di dalam api dan tinggal kekal di dalamnya, dan itu adalah balasan bagi mereka yang zalim.' [59: 16 – 17]

Maka jika sesaorang telah melakukan kebajikan pada suatu masa, ini tidak bererti bahawa akhirnya adalah baik juga. Atas sebab inilah kita diarah untuk mengatakan di dalam doa kita: 'Biarlah semua amalan kita berakhir dengan kebaikkan.'

Sheikh: Saya sesungguhnya tidak menduga seorang yang terhotmat seperti kamu akan mengatakan contoh seperti syaitan, Balam-e-Baur, dan Barsisa.

Shirazi: Maafkan saya, saya telah menyatakan tidak ada salahnya pada menyatakan contoh. Yang sebenarnya, kita perlu menyatakannya di dalam perbahasan pengajaran untuk membuktikan fakta. Biar Allah menjadi saksi saya: Saya mempunyai maksud untuk menghina sesiapa dengan menyatakan contoh tersebut. Tujuan saya hanya untuk membuktikan maksud saya.

Sheikh: Ayat ini dengan jelas membuktikan keutamaan Abu Bakr kerana ia mengatakan: 'Maka Allah menjadikan ketenteraman keatas mereka…. [9:40] Gantinama disini merujuk kepada Abu Bakr, yang menunjukkan keutamaannya.

Shirazi: Kamu telah salah faham mengenainya. Gantinama yang digunakan setelah sakina [ketenteraman] merujuk kepada Nabi. Keamanan telah dihantarkan kepadanya dan bukan kepada Abu Bakr, sebagaimana petunjuk pada ayat yang terakhir yang mana Allah berkata: ….. dan memperkuatkannya dengan tentera yang kamu tidak dapat lihat.' [9:40] Ya sebenarnya adalah tentera yang tidak dapat dilihat adalah malaikat untuk membantu Nabi bukan Abu Bakr.

Sheikh: Saya percaya bahawa pertolongan Allah adalah untuk Nabi, kerana bersama Nabi, tidak bererti tanpa rahmat.

PENGHANTARAN KETENTERAMAN ADALAH UNTUK NABI ALLAH.

Shirazi: Jika penganugerahan rahmat tuhan merujuk kepada dua orang, nahu Arab akan memerlukan pada gantinama digunakan sebagai menunjukkan dua orang di dalam semua rangkai kata pada ayat ini. Tetapi gantinama merujuk kepada satu orang, iaitu Nabi, dan rahmat Allah hanya untuk dia sahaja. Jika melaluinya penganugerahan dimaksudkan untuk yang lain juga, nama mereka akan disebut. Makanya, penghantaran ketenteraman di dalam ayat ini hanyalah untuk Nabi sahaja.

Sheikh: Nabi Allah adalah tersendiri dari penganugerahan keamanan dari tuhan. Dia tidak memerlukannya kerana dia telah dipastikan dengan keamanan. Makanya anugerah itu adalah untuk Abu Bakr.

Shirazi: Atas dasar apa kamu katakan bahawa Nabi adalah tersendiri dari rahmat tuhan? Tidak ada siapa – nabi, Imam, atau wali – adalah tersendiri dari rahmat tuhan. Mungkin kamu telah terlupa apa yang dikatakan oleh al-Quran mengenai insiden Hunain. 'Kemudian Allah turunkan ketenteraman keatas RasulNya dan keatas orang yang beriman.' Perkara yang sama telah dikatakan di dalam Surah 48 [Fath] ayat 26 dari al-Quran. Yang beriman telah terjumlah selepas Nabi di dalam ayat ini, sama seperti 'ayat di dalam gua'. Jika Abu Bakr adalah orang beriman yang berhak dianugerahkan keamanan, sama ada sebutan nahu untuk dua orang telah digunakan, atau namanya telah disebutkan secara berasingan. Perkara ini amatlah jelas bahawa ulama kamu sendiri mengesahkan bahawa

gantinama yang berkaitan dengan keamanan tidak merujuk kepada Abu Bakr. Kamu boleh merujuk Naqzul-Uthmaniyya, yang di susun oleh Sheikh Abu Jafar Muhammad bin Abdullah Iskafi, seorang ulama yang terkenal dan Sheikh bagi Mutazili. Ilmuan ini menolak sepenuhnya keanehan dari Abu Uthman Jahiz. Ibn Abil-Hadid juga merakamkan sebahagian dari jawapannya itu di dalam Sharh Nahjul-Balagha, jilid III, ms 253 – 281. Sebagai tambahan, terdapat satu rangkap di dalam ayat ini, penekanannya adalah bertentangan pada maksud awak. Nabi berkata kepada Abu Bakr: 'Janganlah kamu takut.' Rangkap ini menunjukkan bahawa Abu Bakr takut. Adakah ketakutan ini mendapat sanjungan atau tidak?Jika jawapannya adalah ia, mengapa Nabi tidak menghalang sesiapa dari melakukan amalan yang baik. Wazir Allah mempunyai kualiti tertentu. Yang paling utama darinya, sebagaimana yang ditunjukkan di dalam al-Quran adalah bahawa mereka tidak pernah takut dengan kehilangan nyawa. Mereka mengamalkan sabar dan berserah. Al-Quran berkata: 'Sesungguhnya wali Allah – mereka tidak mempunyai rasa takut dan tidak juga mereka berdukacita.' [10:62]

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI KE 6

Selasa malam, 28 Rejab 1345 Hijrah.

Mr. Ghulam Imamain, seorang pedagang sunni yang dihormati, datang ketempat perjumpaan ini sebelum matahari terbenam. Dia menyatakan sebab kehadirannya. Dia berkata bahawa dia dan beberapa orang yang lain sangat tertarik dengan penerangan Shirazi. Dia berkata bahawa dia telah mendengarkan fakta yang tidak didengarinya sebelum ini. Dia dan beberapa orang sunni yang lain telah mengadakan perbincangan yang tidak begitu menyenangkan dengan ulama mereka, yang setelah tidak dapat mematahkan hujah-hujah Shirazi tetapi tetap keras berpegang kepada kedudukannya. Apabila waktu solat Magrib tiba, Mr Ghulam Imamain mendirikan kedua solat Magrib dan Isyak dengan dipimpin oleh Shirazi. Apabila perwakilan semuanya tiba, perbincangan bermula dengan ulasan dari Nawab Sahib.

Nawab: Sila sambong tajuk semalam. Penterjemahan pada ayat tersebut belum selesai.

Shirazi: [melihat kepada ulama sunni] Jika kamu mengizinkan.

Hafiz: [sedikit marah] Tidak ada apa salahnya. Jika ada sesuatu yang perlu diperkatakan, kami sedia mendengarnya.

Shirazi: Semalam saya buktikan, dari sudut pandangan nahu [grammer], bahawa kenyataan dari sebahagian pengulas bahawa ayat ini merujuk kepada cara untuk menentukan khalifa tidak dapat diterima. Sekarang saya akan berhujah dari sudut

pandangan yang lain pula.

Sheikh Abdus-Salam Sahib berkata semalam bahawa terdapat empat kualiti disebutkan dalam ayat ini. Kualiti ini, dia kata, menunjukkan bahawa ayat ini telah diwahyukan di dalam merujukkan kepada khalifa pertama dari yang empat, dan bahawa ayat ini menunjukkan susunan para khalifa. Jawapan saya pada hujah ini adalah, pertama sekali pengulas yang dipercayai tidak pernah membuat kenyataan yang sedemikian mengenai pengertian ayat tersebut. Kedua, kamu semua tahu bahawa apabila sesuatu kualiti dikatakan kepada sesaorang ianya berkait rapat dengan ciri-ciri kerekternya, maka barulah wajar untuk dipertimbangkan. Jika kita melihat kepada fakta secara objektif, kita akan dapati hanya Ali yang memiliki kemuliaan yang diterangkan di dalam ayat ini. Kualiti-kualiti ini tidak dapat di katakan kepada mereka yang telah dinamakan oleh Sheikh Sahib.

Hafiz: Tidakkah semua ayat-ayat yang telah kamu ucapkan mengenai Ali mencukupi? Adakah sekarang ini kamu berhasrat, dengan kepandaian kamu didalam berbahasa [rhetorical], untuk membuktikan bahawa ayat ini juga diwahyukan pada memuji Ali? Jika begitu, sila maklumkan kepada kami bagaimana ianya tidak sesuai kepada khalifa pertama dari empat khalifa.

300 AYAT AL-QURAN PADA MEMUJI ALI.

Shirazi: Saya tidak berdusta dengan mengatakan ayat-ayat al-Quran pada memuji Ali. Kamu telah keliru. Bolehkah kamu mengabaikan fakta bahawa pengulas dan pengarang buku yang boleh dipercayai dari ulama kamu telah menyebut banyak ayat-ayat pada memuji Ali? Bagaimana kamu boleh menganggapnya sebagai satu tindakkan khas bagi pihak saya sahaja? Adakah Hafiz Abu Naim Ispahani, pengarang buku ‘Ma Nazala minal-Quran Fi Ali’ dan Hafiz Abu Bakr Shirazi, pengarang buku ‘Nuzulul-Quran Fi Ali’, shia? Adakah pengulas agung, seperti Imam Thalabi, Jalalud-Din Suyuti, Tabari, Imam Fakhrud-Din Razi, serta ulama termashur yang lain seperti Ibn Kathir, Muslim, Hakim, Tirmidhi, Nisai, Ibn Maja, Abu Dawud, Ahmad bin Hanbal dan juga yang bias [anti] Ibn Hajar, yang telah mengumpulkan di dalam Sawaiq, ayat-ayat al-Quran yang diwahyukan pada memuji Ali, shia? Sebahagian dari ulama seperti Tabari dan Muhammad Yusuf Ghanji shafii, pada permulaan bahagian 62, menyebut dari pengesahan Ibn Abbas, dan Muhaddith dari Syria di dalam bukunya Tarikh-e-Kabir, dan yang lain telah merakamkan sebanyak 300 ayat al-Quran pada memuji Ali. Adakah mereka ini semua shia atau ulama kamu yang terkenal? Kami tidak perlu berdusta untuk mengatakan terdapatnya banyak ayat-ayat al-Quran pada membuktikan kedudukan Amirul Mukminin, Ali.

Musuh Beliau [Amawis, Nawasib, Khawarij] menyembunyikan kemuliaan beliau dan para sahabat pula keberatan untuk menyampaikan kemuliaannya kerana

khuatir akan akibatnya. Namun buku-buku masih penuh dengan kemuliaan beliau, dan mereka telah menunjukkan pada setiap aspek kemuliaan yang beliau milikinya. Sejauh mengenai dengan ayat-ayat ini, saya tidak menggunakan kepandaian dalam ilmu 'rhetorical' [asal bahasa arab]. Saya hanya perlu nyatakan yang benar, dengan berhujah menggunakan buku rujukan kamu. Kamu telah lihat sejauh ini bahawa saya belum berhujah menggunakan dari laporan pihak shia. Walaupun dengan mengenepikan buku shia, saya akan terus membuktikan keunikkan keutamaan Ali.

Apa yang saya katakan mengenai ayat ini adalah bertepatan dengan pandangan ulama kamu Muhammad bin Yusuf Ghanji shafii, dia menyebutkan pada 'Hadith Persamaan' di dalam bukunya kifayatut-Talib, Bab 23, dari Nabi yang mempunyai maksud bahawa, Ali adalah sama dengan nabi. Dia mengatakan sebab mengapa Ali digelar sama dengan Nuh, di dalam kebijaksanaan adalah bahawa Ali 'keras terhadap yang kafir dan baik terhadap yang beriman'. Allah telah menyatakannya di dalam al-Quran. Ali, yang selalu bersama dengan nabi, 'adalah keras terhadap yang kafir dan berkasih sayang kepada yang beriman.'

Dan jika kita katakanlah, sebagaimana Sheikh Sahib katakan, bahawa rangkap pada, 'dan dia yang berada bersamanya,' merujuk kepada Abu Bakr kerana dia tinggal beberapa hari dengan nabi di dalam gua.

Maka bolehkah orang yang sedemikian [Abu Bakr]; sama dengan beliau [Ali]; yang telah kekal bersama dengan nabi semenjak kanak-kanak dan menerima arahan dari baginda nabi?

ALI YANG PERTAMA MENGISTIHARKAN KEPERCAYAAN KEPADA NABI ALLAH.

Lebih-lebih lagi, pada ketika yang genting dikala pengistiharan kerasulannya, tiada siapa menyokong Muhammad melainkan Ali. Ulama terkenal kamu, seperti Bukhari dan Muslin, di dalam 'sahih' mereka, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam musnad, dan banyak yang lain, seperti Ibn Abdil-Birr di dalam Istiab, jilid III, ms 32, Imam Abu Abdur-Rahman Nisai di dalam Khasaisu-Alawi, Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira, ms 63, Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, Bab 12, pada pengesahan dari Tirmidhi dan Muslim, Muhammad bin Talha Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul, sub-bahagian I, Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharh Nahju'l-Balagha, jilid III, ms 258, Tirmidhi di dalam Jam'-e-Tirmidhi, jilid II, ms 314, Hamwaini di dalam Fara'id, Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam Mawaddatu'l-Qurba, dan bahkan Ibn Hajar yang fanatik di dalam Sawaiq-e-Muhriqa, dan para ilmuan yang lain dengan sedikit perbezaan pada perkataan yang dikatakan dari Anas bin Malik dan lainnya bahawa 'Nabi dijadikan Rasul Allah pada hari Isnin dan Ali mengistiharkan kepercayaannya kepada baginda pada hari Selasa.' Ianya juga telah disebutkan bahawa, 'Rasul Allah telah diistiharkan pada hari Isnin dan Ali mengerjakan solat dengan Nabi pada hari selasa.' Dan lagi, 'Ali adalah lelaki

pertama mengistiharkan kepercayaannya kepada nabi.' Dan juga dari Tabari, Ibn Abil-Hadid, Tirmidhi, dan lainnya menyampaikan dari Ibn Abbas bahawa: 'Ali adalah yang pertama mengerjakan solat.'

NABI MELATIH ALI DARI KANAK-KANAK.

Saya meminta kamu untuk mempertimbangkan apa yang telah diucapkan oleh ilmuan kamu, Nurud-Din bin Sabbagh di dalam bukunya Fusulul Muhimma, Bab 'Tarbiatun-Nabi,' ms 18, Muhammad bin Talha shafii di dalam 'Matalibus-Suul' Bab I, ms 11, dan yang lain juga telah sampaikan.

Semasa kelaparan berlaku di Makah, Nabi memberitahu bapa saudaranya, Abbas, yang saudaranya, Abu Talib, mempunyai ramai anak dan mata pencariannya tidaklah lumayan. Muhammad mengutarakan bahawa setiap mereka meminta Abu Talib memberikan seorang dari anaknya untuk dipelihara supaya bebannya dapat diringankan. Abbas bersetuju. Mereka bertemu dengan Abu Talib dengan tawaran mereka, dan dia menerimanya. Abbas mengambil Jafar-e-Tayyar dibawah jagaannya, dan nabi mengambil Ali.

Maliki menyambung, 'Ali tinggal berterusan bersama nabi sehingga baginda secara rasmi mengistiharkan kerasulannya. Ali menyatakan kepercayaan kepadanya, dan mengikuti baginda sebagai Rasul Allah semenjak berusia 13 tahun. Beliau adalah lelaki pertama menerima Islam. Isteri Nabi, khadijah adalah satu-satunya orang yang telah menerima Nabi sebelum Ali.

Didalam Bab yang sama Maliki menyampaikan bahawa Ibn Abbas, Jabir Ibn Abdullah Ansari, Zaid Ibn Arqam, Muhammad Ibn Munkadar dan Rabiatul-Marai telah berkata bahawa orang yang pertama setelah Khadijah yang mempercayai kepada nabi adalah Ali. Dia mengatakan bahawa Ali, setelah merujuk kepada fakta, yang telah disampaikan oleh ulama kamu. Dia berkata: 'Muhammad, rasul Allah, adalah saudara saya, dan anak bapa saudara saya; Hamza ketua syuhada, adalah bapa saudara saya; Fatima, anak perempuan nabi, adalah isteri saya; dan kedua anak kepada anak perempuannya, adalah anak saya dari Fatima. Siapa dari kamu yang telah berkongsi kecemerlangan yang sedemikian seperti saya?

Saya adalah yang pertama menerima Islam apabila saya masih lagi kecil. Nabi mengistiharkan pada hari Ghadir-e-Khum bahawa adalah wajib untuk menerima saya sebagai petunjuk. [Kemudian dia berkata tiga kali] 'Malang bagi dia yang akan menemui Allah esok [pada hari pengadilan], jika dia telah menzalimi saya.' Muhammad bin Talha shafii di dalam 'Matalibus-Suul' Bahagian I, Bab 1, ms 11, dan banyak lagi dari kalangan ilmuan kamu, telah mengatakan bahawa kenyataan itu adalah jawapan pada surat Muawiya kepada Ali, yang mana Muawiya telah berbangga bahawa bapanya adalah ketua kaum, masa jahiliah dan bahawa semasa Islam dia [Muawiya] adalah raja. Muawiya juga berkata bahawa dia adalah

‘bapa saudara sebelah ibu pada yang beriman,’ ‘penulis wahyu’ dan ‘orang yang dimuliakan’ Setelah membaca suratnya, Ali berkata: ‘Manusia kerekter seperti dia – anak dari wanita yang mengunyah hati manusia – menyombong dihadapan ku [di dalam merujuk kepada ibu Muawiya, Hind, setelah peperangan Uhud, dengan perasaan marah, mengoyakkan badan Hamza, merentap hatinya dan terus mengunyah] Muawiya walaupun amat sangat menentang Ali, tetap tidak dapat menafikan kemuliaan beliau.

Lebih-lebih lagi, Hakim Abul-Qasim Haskani, seorang ulama kamu, menyebutkan dari Abdur-Rahman bin Auf, mengenai ayat yang diatas dari sepuluh Quraish yang menerima Islam, bahawa Ali adalah yang mula-mula diantara mereka. Ahmad bin Hanbal, Khatib Khawarizmi, dan Sulayman Balkhi Hanafi menyebutkan dari Anas bin Malik bahawa Nabi telah berkata: ‘Malaikat merahmati saya dan Ali untuk selama tujuh hari, kerana pada masa itu tidak ada suara yang menyatakan ke Esaan Allah melainkan saya dan Ali,’ Ibn Abil-Hadid Mutazali, di dalam Sharh-e-Nahjul-Balagha, jilid I, ms 373 – 5, merakamkan beberapa hadith yang disampaikan melalui ulama kamu yang membawa pengertian bahawa Ali adalah yang mula-mula dari yang lainnya di dalam perkara Islam. Setelah merakamkan berbagai versi dan sebutan, dia menyambung, ‘maka jumlah kesemuanya dari apa yang kami telah sebutkan, adalah Ali lelaki pertama mengenai Islam. Pandangan yang bertentangan dengannya adalah sedikit dan tiada nilai pada memikirkannya.’

Imam Abu Abdur-Rahman Nisai, seorang dari pengarang enam buku hadith yang sahih, telah merakamkan di dalam ‘Khasaisul-Alawi’ hadith enam yang pertama pada tajuk ini, dan telah mengesahkan bahawa orang yang pertama dalam Islam dan yang pertama mendirikan solat dengan Nabi adalah Ali. Sebagai tambahan Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, Bab 12, merakamkan 31 hadith dari Tirmidhi, Hamwaini, Ibn Maja, Ahmad bin Hanbal, Hafiz Abu Nu’aim, Imam Tha’labi, Ibn Maghazili, Abu’l-Muwayyid Khawarizmi, dan Dailami, telah merumuskan yang mana Ali adalah yang pertama di dalam ummah ini pada menerima Islam. Bahkan yang anti Ibn Hajar Makki ada di dalam Sawaiq Muhriqa, Bab 2, merakamkan hadith pada isu yang sama, sebahagian darinya telah diterima oleh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda. Lebih lagi di dalam Yanabiul-Mawadda pada penghujung Bab 12, dia menyampaikan dari Ibn Zubair, Makki dan dia dari Jabir Ibn Abdullah Ansari, hadith mengenai kemuliaan Ali, yang mana saya suka untuk menyampaikannya disini dengan izin kamu supaya dapat menutup hujah saya. Nabi berkata: ‘Allah maha Besar memilih saya sebagai Rasul dan mewahyukan kitab yang suci kepadaku. Saya berkata kepadaNya, ‘Wahai Allah, Tuan ku, Kamu menghantar Musa kepada Firaun, Musa meminta Kamu menjadikan adiknya, Harun, wazirnya untuk memperkuatkan tangannya, supaya perkataannya dapat disaksikan. Sekarang aku meminta kepada Mu, wahai Allah, bahawa Engkau melantik untuk ku dari diantara keluarga ku seorang wazir yang akan memperkuatkan tanganku. Jadikan Ali wazir dan

adikku, tanamkan keberanian dalam hatinya, dan berikan dia kuasa diatas musuh. Ali adalah orang yang pertama percaya kepada ku dan menyaksikan kerasulan ku dan orang yang pertama untuk mengistiharkan ke Esaan Allah bersama dengan ku.' Selepas itu dia meneruskan berdoa kepada Allah.

'Dari itu Ali adalah ketua bagi pengganti. Untuk mengikutinya adalah rahmat; untuk mati pada taat kepada beliau adalah syahid. Nama beliau ada di dalam taurat bersama dengan nama ku; isterinya adalah manusia yang paling benar, adalah anak perempuan ku; kedua anak-anaknya, ketua remaja di dalam syurga, adalah anakku. Selepas mereka kesemua Imam adalah wazir kepada Allah keatas makhlukNya selepas nabi; dan mereka adalah pintu pengetahuan diantara ummah ku. Siapa yang mengikuti mereka akan terselamat dari api neraka; siapa yang mengikuti mereka mendapat petunjuk kejalan yang benar; siapa yang diberikan oleh Allah pada mencintai mereka sudah pasti akan dimasukkan kesyurga. Maka sedarlah manusia, ambillah pengajaran.'

Saya boleh sebutkan hadith yang sama sepanjang malam, kesemuanya telah dirakamkan oleh ulama kamu. Tetapi saya fikir ini telah mencukupi. Ali sahaja yang bersama dengan nabi dari kecil, dan makanya amatlah sesuai bahawa kita menganggap beliaulah orangnya yang dirujuk dalam perkataan 'dia yang bersamanya' dan bukan orang yang bersama nabi untuk beberapa hari dalam perjalanan.

KEIMANAN ALI SEDANG DIA HANYA KANAK-KANAK.

Hafiz: Kamu telah membuktikan maksud kamu, dan tiada siapa pernah menafikan bahawa Ali adalah yang mula-mula di dalam menerima Islam. Tetapi fakta ini tidak melayakkan dia sebagai cemerlang di dalam perbandingan dengan para sahabat lain. Benar, khalifa yang tinggi mengatakan kepercayaan kepada Islam bertahun-tahun selepas Ali, tetapi keimanan mereka berbeza dengan dia dan lebih baik. Sebabnya adalah, Ali hanya kanak-kanak, dan mereka ini dewasa. Pastinya keimanan orang yang lebih dewasa adalah lebih utama dari yang kanak-kanak. Sebagai tambahan, keiman Ali adalah ikutan yang membuta tuli, dan keimanan orang ini adalah berasas pada hujah. Kepercayaan yang didapati dari keterangan adalah lebih baik dari keimanan ikutan. Oleh kerana kanak-kanak, yang tidak lagi dituntut oleh agama untuk melakukan amalan, tidak mempunyai keimanan melainkan ikutan yang buta sahaja, maka Ali, kanak-kanak yang berusia 13 tahun, menyatakan keimanannya melalui ikutan yang membuta tuli.

Shirazi: Ucapan yang begitu sungguh memeranjatkan datang dari seorang yang terpelajar seperti kamu. Saya tidak tahu bagaimana hendak membantah hujah yang sedemikian. Jika saya katakan bahawa kamu mengambil kedudukan itu dari perasaan benci, ianya adalah bertentangan dengan naluri saya untuk menyatakan motif yang sedemikian pada seorang yang terpelajar. Biarlah saya bertanyakan

soalan kepada kamu: adakah penerimaan Ali kepada Islam berasaskan pada kehendak peribadinya atau pada ajakan dari Nabi?

Hafiz: Mengapa kamu mengambil pandangan yang begitu teruk pada cara kami bercakap, oleh kerana kami mempunyai keraguan, kita perlu membincangkannya. Sebagai jawapan kepada soalan kamu, saya setuju bahawa Ali menerima Islam pada ajakan nabi yang suci.

Shirazi: Apabila nabi mengajak Ali pada menerima Islam, adakah nabi tahu bahawa kanak-kanak tidak dituntut oleh komitmen agama? Jika kamu katakan nabi tidak tahu, kamu telah mengatakan kebodohan terhadap nabi, dan jika nabi memang tahu dan mengajak Ali juga, maka tidakannya adalah janggal [pelik]. Untuk mengatakan kepelikkan perbuatan ini kepada nabi adalah kafir, kerana nabi adalah ma'sum. Allah berkata mengenai nabi di dalam al-Quran: 'Tidaklah dia berkata-kata dari kehendaknya. Ini tidak lain dari wahyu yang telah diwahyukan.' [53:3 – 4]

Nabi menganggap Ali seorang yang bernilai untuk diajak menerima islam. Selain dari itu, remaja tidak semesti tidak mempunyai kebijaksanaan. Kedewasaan diambil kira mengenai menjalankan tugas-tugas amalan beragama, tetapi tidak kepada perkara berkaitan dengan kebijaksanaan. Keimanan adalah mengenai perkara yang berkaitan dengan kebijaksanaan dan bukannya perundangan agama. Maka keimanan Ali semasa kanak-kanak adalah kemuliaan bagi dirinya sebagaimana Allah memberitahu kita di dalam al-Quran mengenai Isa dengan perkataan ini: 'Dia berkata: 'Sesungguhnya saya adalah hamba Allah; Dia telah memberikan kepada ku kitab dan menjadikan aku seorang nabi.' [19:30] Juga di dalam surah ini Dia berkata mengenai nabi Yahya: '…… dan Kami berikan kepadanya kebijaksanaan sedang dia masih kanak-kanak.' [19:12]

Seyyed Ali Humairi Yamani [mati 179 Hijrah] menunjukkan kepada fakta yang sama di dalam syairnya. Dia berkata: 'Sebagaimana Yahya sampai kedarjah nabi dimasa kecilnya, Ali, pengganti nabi dan bapa kepada anak-anaknya, dan telah diberikan wazir Allah dan penjaga manusia sedang dia masih kanak-kanak.' Kemuliaan dan kehormatan dianugerahkan oleh Allah tidak bergantung kepada usia. Kebijaksanaan dan kecerdikkan bergantung kepada kecenderungan semula jadi. Saya amat terkejut dengan komen kamu kerana hujah yang sebegitu selalunya dibuat oleh Nasibi dan khariji diatas arahan Umayya. Mereka merendahkan keimanan Ali sebagai pengikut membuta tuli kepada apa yang telah diajarinya.

Bahkan ulama kamu mengakui kemuliaan Ali dalam kedudukan ini. Muhammad bin Talha Shafii, Ibn Sabbagh Maliki, Ibn Abil-Hadid dan lainnya telah menyebutkan rangkap dari Ali. Di dalam satu dari rangkapnya dia berkata: 'Saya adalah yang mula dan terahulu diantara kamu di dalam memelok Islam apabila saya masih

kecil.’ Jika keimanan Ali pada usia yang begitu muda bukannya satu kemuliaan, Nabi tentu tidak mengatakan yang sedemikian. Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 55, ms 202, menyebut dari Ahmad bin Abdullah Shafii, menyebut dari khalifa kedua, Umar bin Khattab, yang berkata: ‘Abu Bakr, Abu Ubaida Jarra dan sebilangan manusia hadir di dalam kumpulan nabi Allah apabila baginda menepuk Ali pada bahunya dan berkata: ‘wahai Ali! Kamu adalah yang pertama dan mula-mula diantara semua yang beriman dan Muslim di dalam memeluk Islam. Engkau adalah kepada ku seperti Harun kepada Musa.’

Juga Imam Ahmad bin Hanbal menyampaikan dari Ibn Abbas, yang mengatakan bahawa dia, Abu Bakar, Abu Ubaida bin Jarra dan lainnya ada bersama nabi, apabila baginda meletakkan tangannya di bahu Ali dan berkata: ‘Kamu adalah yang mula-mula dalam beriman, dan Islam diantara semua Muslim, dan engkau kepada ku seperti Harun kepada Musa, Wahai Ali! Dia yang memikirkan, yang dia adalah sahabat ku sedangkan dia adalah musuh kamu, adalah seorang pendusta.’

Ibn Sabbagh Maliki merakamkan hadith yang sama di dalam Fusulul-Muhimma, ms 125, dari Khasaisul-Alawi sebagaimana yang disampaikan oleh Abdullah bin Abbas, dan Imam Abu Abdur-Rahman Nisai melaporkan di dalam Khasaisul-Alawi bahawa dia berkata: ‘Saya mendengar Umar bin Khattab berkata [Menyebut nama Ali dengan hormat], Saya mendengar nabi berkata bahawa Ali mempunyai tiga kualiti. Saya [Umar] harap saya mempunyai satu darinya kerana setiap dari satu kualiti itu adalah amat berharga kepada saya dari apa-apa didunia ini.

Ibn Sabbagh telah menyampaikan hadith yang berikut sebagai tambahan kepada apa yang lainnya telah rakamkan. Nabi berkata mengenai Ali: ‘Sesiapa yang mencintai kamu, mencintai aku, dan sesiapa yang mencintai aku, Allah mencintai dia, dan sesiapa yang Allah cintai, Dia membawanya kesyurga. Tetapi sesiapa yang bermusuh dengan kamu, adalah bermusuh dengan ku, dan dia yang bermusuh dengan ku, Allah bermusuh dengannya dan mengutuknya kedalam neraka.’

Ali mengistiharkan dirinya sebagai Muslim semasa masih kanak-kanak lagi telah menunjukkan kecemerlangan kebijaksanaan dan kemuliaan, yang mana tidak ada Muslim lain milikinya. Tabari di dalam ‘Tarikh’ nya menyebutkan dari Muhammad bin Saad bin Abi Waqqas yang berkata: ‘Saya bertanya kepada bapa saya sama ada Abu Bakr adalah Muslim yang pertama. Dia berkata: ‘Tidak, lebih dari 50 orang telah memeluk Islam sebelum Abu Bakr; tetapi dia adalah yang lebih utama dari kami Muslim lainnya.’ Dia juga menulis bahawa Umar bin Khattab memeluk Islam selepas 45 lelaki dan 21 wanita. ‘Sebagai yang pertama sekali di dalam perkara Islam dan iman, ianya adalah Ali Ibn Abi Talib.’

KEIMANAN ALI ADALAH SEBAGIAN DARI SEMULAJADI DIRINYA.

Selain dari fakta bahawa Ali adalah yang pertama di dalam memeluk Islam, beliau memeliki kemuliaan lain yang khas untuknya, dan lebih penting dari kemuliaannya yang lain: Islamnya Ali timbul dari semulajadi dirinya, sedangkan bagi yang lain terjadi setelah kefir sebelumnya. Tidak seperti Muslim yang lain dan juga sahabat nabi, Ali tidak pernah kafir. Hafiz Abu Nuaim Ispahani di dalam Ma Nazalul-Quran Fi Ali, dan Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam Mawaddatul-Qurba menyebutkan bahawa Ibn Abbas berkata: 'Saya bersumpah dengan Allah bahawa tidak ada sesiapa yang tidak menyembah berhala sebelum Islam melainkan Ali. Dia menerima Islam dengan tidak pernah menyembah berhala.'

Muhammad Yusuf Ghanji Shafii di dalam Kifayatut-Talib, Bab 24, menyebutkan nabi sebagai berkata: 'Mereka yang mula-mula menerima keimanan pada ke Esaan Allah diantara pengikut nabi-nabi adalah tiga orang yang tidak pernah kafir: Ali Ibn Abi Talib, orang yang di dalam surah Yasin, dan orang yang beriman dari golongan Firaun. Yang benar adalah Habib-e-Najjar, diantara keturunan Yasin, Ezekiel diantara orang Firaun dan Ali Ibn Abi Talib yang tertinggi dari mereka semua.' Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam Mawaddatul-Qurba, Mawadda 7, Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib, dan Imam Thalabi di dalam Tafsir nya, menyebut dari khalifa kedua, Umar bin Khattab: 'Saya menjadi saksi bahawa saya mendengar nabi berkata: 'Jika ketujuh-tujuh langit diletakkan diatas timbangan dan Ali disebelahnya. Keimanan Ali pasti akan mengalahkannya.'

Maksud yang sama telah dimasukkan di dalam syair yang digubah oleh Sufyan bin Musab sebagai berikut: 'Demi Allah, saya menjadi saksi bahawa nabi telah berkata kepada kami: Ia tidak seharusnya tidak diketahui oleh sesiapa bahawa jika iman segala ummah didunia ini diletakkan diatas timbangan dan imannya Ali diatas yang lain, iman Ali akan mengalahkan yang lainnya.'

ALI MELEBIHI SEMUA SAHABAT YANG LAIN DAN SEMUA UMMAH DALAM KEMULIAAN.

Mir Seyyed Ali Hamadani Shafii telah merakamkan banyak hadith di dalam Mawaddatul-Qurba, yang menyokong kecemerlangan Ali. Di dalam Mawadda ke 7, dia menyebut dari Ibn Abbas bahawa nabi berkata: 'Lelaki terbaik pada era saya adalah Ali.'

Kebanyakkan ulama kamu yang berfikiran terbuka telah menerima keutamaan Ali. Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid II, ms 40, berkata bahawa Abu Jafar Iskafi, ketua golongan Mutazili, mengistiharkan bahawa Bashr bin Mutamar, Abu Musa, Jafar bin Mubashshir dan ulama lain dari Baghdad percaya bahawa, 'Manusia yang paling cemerlang diantara semua Muslim adalah Ali Ibn Abi Talib, dan selepasnya anak beliau Hasan, kemudian anaknya Husain, selepas dia Hamza, dan selepasnya Jafar Ibn Abi Talib.' Dia terus menyatakan ketuanya Abu Abdullah Basri, Sheikh Abul-Qasim Balkhi, dan Sheikh Abul-Hasan Khayyat mempunyai

kepercayaan yang sama seperti Abu Jafar Iskafi mengenai keutamaan Ali. Dia menerangkan kepercayaan golongan Mutazili berkata: ‘Lelaki terbaik selepas nabi Allah, adalah pengganti nabi, suami Fatima, Ali, selepas dia, kedua anaknya, Hasan dan Husain, setelah mereka Hamza, dan selepas dia, Jafar [Tayyar].

Sheikh: Jika kamu ketahui kenyataan para ulama pada menyokong keutamaan Abu Bakr, kamu tidak akan membuat kenyataan serupa itu.

KEIMANAN ALI LEBIH UTAMA DARI ABU BAKR.

Shirazi: Semua sunni ulama yang dipercayai telah mengesahkan keutamaan Ali. Sebagai contoh, kamu boleh merujuk Ibn Abil-Hadid Mutazali sharhe Nahjul Balagha, jilid III, ms 264, yang mana kenyataan yang sama telah disebut dari Jahiz bahawa keimanan Abu Bakr lebih utama dari Ali. Bagaimana pun, Abu Jafar Iskafi, seorang ulama Mutazili yang terkenal, menolak tuntutan ini, dengan berkata, keimanan Ali lebih utama dari Abu Bakr dan juga dari para sahabat yang lain. Abu Jafar berkata: ‘Kita tidak menafikan kecemerlangan sahabat, tetapi pastinya kami tidak menganggap mana-mana mereka lebih utama dari Ali.’ Ali berkedudukan yang begitu tinggi jika pada menyebutkan nama dia bersama dengan sahabat yang lain adalah tidak wajar. Yang sebenarnya, kemuliaan para sahabat tidak dapat dibandingkan dengan kesucian kemuliaan Ali. Mir Seyyed Ali Hamadani menyebutkan di dalam Mawadda VII, dari Ahmad bin Muhammadul-Karzi Baghdadi, yang mengatakan bahawa dia mendengar dari Abdullah bin Ahmad bin Hanbal, yang bertanya pada bapanya Ahmad bin Hanbal mengenai kedudukan para sahabat nabi. Dia menamakan Abu Bakr, Umar dan Uthman dan berhenti. Abdullah kemudian bertanya bapanya: ‘Dimana nama Ali Ibn Abi Talib?’ Bapanya menjawab, ‘Dia tergolong di dalam keturunan suci nabi. Kita tidak boleh menyebut namanya [dengan kemuliaannya] bersama dengan mereka itu.’

Kita lihat dalam al-Quran bahawa di dalam ayat Mubahila, Ali dirujuk sebagai ‘diri’ bagi nabi. Terdapat hadith yang menyokong pandangan ini, yang dirakamkan di dalam Mawadda VII, disebutkan dari Abdullah bin Umar bin Khattab. Dia mengatakan satu hari sedang dia mengira nama-nama sahabat, dia menamakan Abu Bakr, Umar dan Uthman. Seorang berkata: ‘Wahai Abu Abdur-Rahman! Mengapa kamu meninggalkan nama Ali?’ Dia menjawab: ‘Ali adalah seorang dari keturunan nabi. Dia tidak boleh dijumlahkan dengan sesiapa. Dia di dalam kategori yang sama dengan nabi Allah.’

Biar saya nyatakan satu lagi hadith dari Mawadda yang sama. Ianya telah disebutkan dari Jabir bin Abdullah Ansari bahawa satu hari di dalam kehadiran muhajir, dan Ansar nabi berkata kepada Ali: ‘Wahai Ali! Jika sesaorang mengerjakan solat yang sempurna kepada Allah, dan kemudian meragukan bahawa kamu dan keluarga mu adalah yang lebih utama diatas segala kejadian, tempat kediamannya adalah neraka.’

[Setelah mendengarkan hadith ini, semua yang hadir, terutama Mr. Hafiz, menunjukkan telah bertaubat, sekurang-kurangnya mereka di dalam kumpulan yang meragukan]. Saya telah merujuk kepada beberapa hadith sahaja. Pilihan kamu sama ada menolak kesemua hadith yang sahih, yang telah dirakamkan di dalam buku-buku kamu atau mengakui bahawa keimanan Ali lebih utama dari semua para sahabat, termasuk Abu Bakr dan Umar. Saya juga harap kamu pertimbangankan hadith yang telah diterima oleh kedua golongan yang mana nabi berkata pada peristiwa Ghazawa-e-Ahzab [juga dikenali dengan peperangan parit], apabila Ali membunuh Amru Ibn Abd-e-Wudd dengan satu pukulan dari pedangnya: 'Satu hayunan Ali di dalam peperangan Khandaq, telah mendapatkannya lebih kemuliaan dari segala amalan baik dari keseluruh ummah [jin dan manusia] sehingga kehari Pengadilan.' Jika satu hayunan pedangnya adalah yang terbaik dari segi kemuliaan daripada segala solat oleh jin dan manusia yang disatukan, tentu sahaja kemuliaannya tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa melaikan fanatik yang jahat.

ALI SEBAGAI DIRI KEPADA NABI.

Jika tidak terdapat apa-apa bukti tentang keutamaan Ali dari segala para sahabat dan ummah amnya, ayat Mubahila telah mencukupi untuk membuktikan keutamaannya. Ia merujuk kepada Ali sebagai 'diri' nabi. Nabi telah diterima sebagai yang paling utama kepada semua makhluk dari mula hingga keakhir. Maka perkatan 'anfusana' [diri kami] di dalam ayat itu merujuk kepada Ali, ini membuktikan dia lebih utama dari semua makhluk dari mula hingga akhir. Mungkin sekarang kamu akan mengaku bahawa di dalam rangkap 'dan mereka yang bersama dengannya' merujuk kepada Ali. Beliau telah bersama dengan nabi sebelum sesiapa pun dari permulaan Islam

Kenapa Ali tidak bersama nabi pada malam baginda hijrah dari Makah, adalah jelas bahawa nabi telah mengamanahkan kepada Ali dengan tugas yang penting. Tiada siapa yang paling amanah dari Ali. Dia telah ditinggalkan untuk memulangkan kepada tuannya segala harta yang telah diamanahkan kepada nabi. [Tugas Ali yang kedua adalah untuk mengantar ahli keluarga nabi dan Muslim yang lain ke Madina. Dan walaupun Ali tidak bersama nabi di dalam gua pada malam itu, beliau melaksanakan tugas yang terpenting ketika beliau baring diatas tempat tidur nabi]

AYAT QURAN MEMUJI ALI KERANA TIDUR DIATAS KATIL NABI PADA MALAM HIJRAH.

Ulama kamu telah menyebutkan kemuliaan Ali di dalam ulasan mereka. Contohnya Ibn Sab'i Maghribi di dalam Shifa'u's-Sudur, Tibrani di dalam Ausat dan Kabir, Ibn Athir in Usudu'l-Ghaiba, jilid IV, ms 25, Nuru'd-Din Sabbagh Maliki di dalam Fusuli'l-Muhimma Fi Ma'rifati'l-'aimma, ms 33, Abu Ishaq Tha'labi Fazil Nishapuri, Fakhru'd-Din Razi dan Jalalu'd-Din Suyuti, masing-masing di dalam

Tafsir, Hafiz Abu Nu'aim Ispahani, ahli hadith shafii yang terkenal di dalam Ma Nazala'l-Qur'an fi Ali, Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib, Sheikhu'l-Islam Ibrahim bin Muhammad Hamwaini di dalam Fara'id, Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Bab 62, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad, Muhammad bin Jarir melalui beberapa punca, Ibn Hisham di dalam Siratu'n-Nabi, Hafiz Muhaddith dari Damascus di dalam Arba'in Tiwal, Imam Ghazali di dalam Ihya'u'l-Ulum, jilid III, ms 223, Abu's-Sa'adat di dalam Faza'ilu'l-Itrati't-Tahira, Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, Sibt Ibn Jauzi in Tadhkira dan lainnya dari ulama kamu yang terkenal, menyatakan bahawa apabila nabi berhasrat, dengan arahan Tuhan, untuk meninggalkan Makah ke Madina, baginda menyuruh Ali memakai selimut baginda berwarna hijau dan tidur dikatil baginda. Dengan patuh Ali tidur ditempat nabi. Kemudian Allah memberitahu malaikat Jibril dan Mikail bahawa Dia telah menjadikan mereka berdua bersaudara, dan bahawa seorang dari mereka akan hidup lama dari yang lain. Dia bertanya kepada mereka berdua siapakah yang bersedia untuk memberikan saudaranya umur dia yang lebih, kelebihan umur itu tiada siapa dari mereka yang tahu. Mereka bertanya kepada Dia [Allah] sama ada pilihan itu perlu [wajib]. Mereka diberitahu ianya tidak dipaksakan. Tiada siapa dari mereka yang bersedia untuk berpisah dari kelebihan umur yang telah diberikan oleh Allah. Maka ikutilah kata-kata Tuhan: 'Saya telah jadikan persaudaraan diantara wazir Ku Ali dengan Rasul Ku Muhammad. Ali telah menawarkan untuk mengorbankan nyawanya demi untuk menyelamatkan nyawa nabi. Dengan tidur diatas katil nabi, dia telah menyelamatkan nyawa nabi. Sekarang kedua kamu diarahkan turun kedunia dan menyelamatkan dia dari tipu daya dan perancangan musuh.'

Dengan patuh, kedua mereka turun kedunia. Jibril duduk dibahagian kepala Ali dan Mikail di bahagian kaki. Jibril berkata: 'Tahniah, Wahai anak Abu Talib yang mana Allah maha Tinggi telah berbangga dihadapan para malaikat.' Sesudah ini, ayat yang berikut telah diwahyukan kepada nabi: 'Dan terdapat manusia yang memberikan nyawanya untuk mendapatkan keridhaan Allah; dan Allah maha pengasih terhadap hambaNya.' [2:207]

Sekarang saya serahkan kepada kamu, tuan-tuan terhormat, untuk mempertimbangkan ayat ini baik-baik, apabila kamu pulang kerumah pada malam ini dan cuba mendapatkan keputusan kamu sendiri. Adakah keutamaan benar-benar kepunyaan mereka yang bersama nabi untuk beberapa hari dalam perjalanan, menunjukkan ketakutan dan kesedihan, atau dia yang mempetarungkan nyawanya pada malam yang sama dengan berani dan berbesar hati, demi untuk keselamatan nabinya. Imam Jafar Iskafi, seorang ulama terkenal dan ketua golongan Mutazili membuktikan sebagaimana dirakamkan di dalam ulasan Abil-Hadid Nahjul Balagha, jilid III, ms 269-281 bahawa tidurnya Ali diatas katil nabi adalah lebih utama dari bersamanya Abu Bakr dengan nabi pada jangka waktu yang pendek. Dia berkata: 'Ummah Muslim semuanya percaya, dengan sebenarnya, kemuliaan Ali pada malam itu sungguh tinggi yang mana tiada

manusia yang dapat mencapainya melainkan Ishak dan Ibrahim, apabila mereka bersedia untuk mengorbankan diri mereka di dalam ketaatan kepada kehendak Allah. [Kebanyakkan pengulas, ulama, ahli sejarah, semuanya percaya bahawa Ismail yang menawarkan untuk dikorbankan dan bukan Ishak]

Pada ms 271 dari sharh Nahjul-Balagha kenyataan Abu Jafar Iskafi di dalam menjawab kepada Abu Uthman Jahiz Nasibi telah dirakamkan. Dia berkata: 'Saya telah pun buktikan terdahulu bahawa tidurnya Ali diatas katil nabi pada malam hijrah adalah lebih utama dari bersamanya Abu Bakr dengan nabi di dalam gua. Di dalam menekankan maksud saya, saya akan buktikan dari dua sudut pandangan.

Pertama, nabi Allah yang begitu lama dan terlalu rapat dengan Ali, amat mencintai beliau. Maka dia merasakan kehilangan orang yang dicintai apabila mereka berpisah. Sebaliknya, Abu Bakr menikmati keutamaan berjalan berpergian dengan nabi. Oleh kerana Ali menderita dari kepedihan berpisah, ganjarannya bertambah, kerana lebih besar penderitaan yang ditanggongnya maka lebih banyaklah ganjaran yang diterima untuknya.

Keduanya, oleh kerana Abu Bakar hendak meninggalkan Makah, dan dia pernah meninggalkan Makah dengan sendirian, situasinya sebagai waraga Makah telah bertambah susah. Maka apabila dia meninggalkan Makah bersama dengan nabi, idamannya untuk meninggalkan Makah tercapai. Makanya tidak ada kecemerlangan moral yang perlu baginya jika dibandingkan dengan Ali, yang telah menanggong tekanan di dalam mempertaruhkan nyawanya dihadapan pedang yang tidak bersarong ditangan musuh.

Ibn Sab'a Maghribi berkata di dalam Shifaus-Sudur mengenai keberanian Ali: 'Terdapat sebulat suara diantara ulama Arab bahawa pada malam hijrah, Ali tidur diatas katil nabi adalah lebih utama dari berpergian dengannya Ali menjadikan dirinya wakil nabi dan mempertarungkan nyawanya kerana nabi. Tujuan ini amat jelas yang tiada siapa boleh menafikannya melainkan mereka yang dihinggapi penyakit gila atau fanatik.'

Saya berhenti disini dan kembali kepada tujuan utama saya. Kamu mengatakan bahawa ayat al-Quran 'keras terhadap orang kafir' [48:29] merujuk kepada khalifa kedua, Umar bin Khattab. Tetapi tuntutan ini tidak boleh diterima hanya kerana kamu yang mengatakannya. Kita hendaklah menentukan sifat ini tertakluk kepada dirinya atau tidak. Jika ianya benar, saya besedia untuk menerimanya. Yang pastinya 'keras' boleh ditunjukkan dengan dua cara: di dalam perbincangan agama yang mana melalui kekuatan penghujahan, ulama dari pihak lawan akan terdiam. Kedua, ianya boleh ditunjukan dimedan perang.

Sejauh ini mengenai perbincangan ilmiah, tidak terdapat satu ketika di dalam sejarah yang Umar menunjukkan sebarang kekuatan penghujahannya. Tidak,

setahu saya. Saya tidak pernah melihat mana-mana rakaman sejarah menunjukkan kerasnya Umar pada perbincangan agama. Saya amat menghargai jika kamu boleh menyatakannya.

Yang sebenarnya, ulama kamu telah bersetuju bahawa adalah Ali yang menyelesaikan masalah perundangan dan agama yang susah semasa era tiga khalifa. Walaupun Umayya dan pengikut Abu Bakar yang membuta tuli telah memalsukan hadith bagi pihak mereka, tetap mereka tidak dapat menyembunyikan fakta bahawa apabila seorang yang beriman datang bertemu Abu Bakr, Umar atau Uthman, untuk menyelesaikan masalah yang susah, khalifa akan merujuk masalah itu kepada Ali. Ali memberikan kepada mereka jawapan yang meyakinkan sehingga ramai yang bukan Islam memeluk Islam. Sebenarnya bahawa Abu Bakr, Umar dan Uthman telah mengesahkan keutamaan Ali adalah mencukupi untuk membutikan maksud saya. Ulama kamu telah menulis bahawa khalifa Abu Bakr berkata: 'Gantikan saya, gantikan saya, oleh kerana saya tidak mempunyai kelebihan apa-apa daripada kamu, selagi Ali ada bersama kamu.' Paling kurang tujuh puluh kali khalifa Umar mengaku: 'Jika Ali tidak ada, Umar pasti akan binasa.' Kebanyakkan situasi itu melibatkan bahaya telah disebutkan di dalam buku-buku tersebut, tetapi saya tidak mahu memperkatakan pada maksud itu. Mungkin ada tajuk yang lebih mustahak untuk dibincangkan.

Nawab: Tajuk mana yang lebih penting dari ini? Adakah perkara ini disebutkan di dalam buku kami? Jika ada, sila beritahu kepada kami?

Shirazi: Ulama kamu yang adil bersetuju bahawa Umar kerap mengatakan bahawa Ali selalu datang untuk menyelamatkannya.

DIALOG SUNNI-SHIA

BUKTI MENGENAI PERKATAAN UMAR 'JIKA ALI TIDAK ADA DISITU, UMAR PASTI AKAN BINASA.

,

Qazi Fazlullah Bin Ruzbahan, yang fanatik, di dalam Ibtalu'l-Batil; Ibn Hajar Asqalani di dalam Tihdhibu'l-Tahdid, dicetak di Hyderabad Daccan, ms 337; Ibn Hajar di dalam Isaba, jilid II, dicetak di Egypt, ms 509; Ibn Qutayba Dinawari di dalam Ta'wil-e-Mukhtalafu'l-Hadith, ms 201-202, Ibn Hajar Makki di dalam Sawa'iq-e-Muhriqa, ms 78; Hajj Ahmad Afindi di dalam Hidayatu'l-Murtab, ms 146 dan 152; Ibn Athir Jazari di dalam Usudu'l-Ghaiba, jilid IV, ms 22; Jalalu'd-Din Suyuti di dalam Ta'rikhu'l-Khulafa, ms 66; Ibn Abdu'l-Birr Qartabi di dalam Isti'ab, jilid II, ms 474; Seyyed Mu'min Shablanji di dalam Nuru'l-Absar, ms 73; Shahabu'd-Din Ahmad bin Abdu'l-Qadir A'jili di dalam Zakhiratu'l-Ma'al; Muhammad bin Ali As-Saban di dalam Is'afu'r-Raghibin, ms 152; Nuru'd-Din bin Sabbagh Maliki di dalam

Fusulu'l-Muhimma, ms 18; Nuru'd-Din Ali bin Abdullah Samhudi di dalam Jawahiru'l-Iqdain; Ibn Abi'l-Hadid Mu'tazili di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid I, ms 6, Allama Qushachi di dalam Sharh-e-Tarid, ms 407, Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib, ms 48, 60, Muhammad bin Talha Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul sub-bahagian 6, ms 29, Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Faza'il dan begitu juga di dalam Musnad; Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira, ms 85, 87, Imam Tha'labi di dalam Tafsir Kafshu'l-Bayan, Allama Ibn Qayyim Jauzi di dalam Turuqi'l-Hakim, merakamkan keputusanAli dari ms 41 to page 53; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Bab 57; Ibn Maja Qazwini di dalam Sunan, Ibn Maghazili Shafi'i di dalam Manaqib; Ibrahim bin Muhammad Hamwaini di dalam Fara'id; Muhammad bin Ali bin Hasani'l-Hakim di dalam Sharh-e-Fathi'l-Mubin, Dailami di dalam Firdaus, Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, Bab 14, Hafiz Abu Nu'aim Ispahani di dalam Hilyatu'l-Auliya begitu juga di dalam Ma Nazala'l-Qur'an fi Ali, dan banyak lagi dari ulama terkenal kamu, dengan sedikit perubahan di dalam perkataan, telah menyampaikan Umar sebagai berkata: 'Jika tidak ada Ali, Umar pasti akan binasa.'

Seorang ahli agama Ghanji Shafii, di dalam Bab 57, Kifayatut-Talib Fi Manaqib Ali Ibn Abi Talib, setelah menyebutkan beberapa hadith sahih, menyatakan dari Hudhaifa bin Yaman bahawa, 'Satu hari Umar berjumpa dia dan bertanya kepada dia: Apakah keadaan kamu apabila kamu bangun pada waktu pagi? Hudhaifa berkata, 'Saya bangun pada waktu pagi benci kepada yang benar, suka pada keburukan, menjadi saksi kepada perkara yang tidak dilihat; menghafal benda yang tidak dijadikan, menyebut salam di dalam keadaan berhadath, dan tahu bahawa apa yang untuk ku dibumi tidak untuk Allah yang dilangit.' Umar menjadi marah dengan kenyataan ini dan bermaksud hendak menolak Hudhaifa apabila Ali masuk. Beliau nampak tanda marah pada muka Umar dan bertanya mengapa dia marah sangat. Umar menberitahu beliau, dan Ali berkata: 'Tidak ada apa-apa yang sirius mengenai kenyataan ini: Apa Hudhaifa katakan adalah betul. Benar bererti mati, yang dibencinya; keburukan bererti kekayaan dan keluarga, yang dia suka; dan apabila dia mengatakan dia menjadi saksi pada apa yang dia tidak lihat, ini bermakna bahawa dia mengaku kepada ke Esaan Allah, mati, hari pengadilan, syurga, neraka, jambatan sira, yang mana semuanya belum dilihat. Apabila dia berkata dia belajar secara hafal apa yang tidak dijadikan, ini merujuk kepada al-Quran; apabila dia berkata bahawa dia menyebut salam tanpa wudu, ini merujuk kepada sebutan salam kepada nabi Allah, yang mana dibolehkan tanpa wudu; apabila dia mengatakan dia dapat untuk dirinya didunia apa yang bukan untuk Allah dilangit, ini merujuk kepada isterinya, kerana Dia tidak mempunyai isteri atau anak.' Umar kemudian berkata, 'Umar pasti akan lenyap jika Ali tidak ada.' Ghanji Shafii barkata bahawa kenyataan Umar telah disahkan menurut laporan dari kebanyakkan penyampai hadith. Pengarang Manaqib berkata khalifa Umar berulang kali berkata: 'Wahai Abul-Hasan! [Ali]. Saya tidak akan menjadi sebahagian dari ummah tanpa kamu.' Dia juga berkata: 'Wanita tidak dapat

melahirkan anak seperti Ali.’

Muhammad bin Talha Shafii di dalam Matalibus-Suul dan Sheikh Sulayman Balkhi hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 14, menyebut dari Tirmidhi, merakamkan laporan yang mendalam dari Ibn Abbas pada akhirnya dia berkata: ‘Para sahabat nabi akan mencari keputusan agama dari Ali, dan mereka menerima keputusannya. Adalah Umar bin Khattab berkata pada beberapa kejadian, ‘Jika tidaklah kerana Ali, Umar pasti akan binasa.’

Didalam perkara agama dan perbincangan pengetahuan Umar tidak menunjukkan sebarang kekerasan. Sebaliknya, dia mengakui ketidak mampuannya dan mengakui Ali sebagai tempat berlindungnya. Bahkan Ibn Hajar Makki didalam Bab III, dari Sawaiq Muhriqa, menyatakan dari Ibn Sa’d, menyebut Umar sebagai berkata, ‘Aku meminta perlindungan dengan Allah, di dalam memutusan masalah yang susah dimana Abul-Hasan tidak ada.’

KEBERANIAN UMAR TIDAK PERNAH DILIHAT DIMANA-MANA MEDAN PEPERANGAN.

Sebagai kekerasan untuk Umar dimedan peperangan, sejarah tidak pernah merakamkannya. Sebaliknya, ahli sejarah dari kedua golongan menyampaikan bahawa setiap kali Umar bertemu musuh yang kuat, dia akan melarikan diri. Begitulah Muslim lain juga lari, dan tentera muslim kerap juga tewas.

Hafiz: Kamu dengan perlahan-lahan telah menambahkan yang tidak baik. Kamu telah menghina khalifa Umar, yang menjadi kebanggaan Muslim, dan di dalam era siapa Muslim mencapai kejayaan besar. Disebabkan Umar, tentera muslim mendapat kejayaan. Kamu mengelar dia penakut dan mengatakan yang dia lari dari medan peperangan dan bahawa kekalahan tentera Islam adalah disebabkan olehnya! Adakah wajar bagi orang seumpama kamu pada menghina khalifa Umar?

Shirazi: Saya takut awak tersalah faham. Walaupun kamu telah bersama saya pada beberapa malam, kamu masih belum dapat memahami saya. Mungkin awak fikir bahawa disebabkan oleh perasaan maka saya mengkritik atau memuji sesaorang. Tidak sekali. Memang terdapat kewajibpan yang besar di dalam perbincangan agama yang telah menjadi punca permusuhan diantara Muslim untuk berabad lamanya. Perbincangan sedemikian kerap menimbul keinginan yang jahat, yang tidak mengikuti dengan arahan al-Quran. Al-Quran dengan jelas mengatakan: ‘Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah dari prasangka sebanyak mungkin [yang boleh]: kerana prasangka dalam satu-satu keadaan adalah berdosa.’ [49:12] Kamu menganggap bahawa kenyataan saya digerakkan oleh kebencian. Yang sebenar adalah sebaliknya. Saya tidak mengucapkan satu perkataan pun yang bertentangan kepada apa yang ulama kamu telah tuliskan. Kamu baru mengatakan yang saya telah menghina khalifa Umar. Tetapi tidak terdapat sedikit petunjuk pun kepada menghina. Apa yang saya katakan mengikut

dari rekod sejarah. Sekarang saya terpaksa memberikan pandangan yang lebih jelas terhadap fakta supaya dapat meredakan permusuhan.

PENAKLUKKAN TIDAK DISEBABKAN OLEH KEUTAMAAN PERSONALITI UMAR.

Kamu katakan bahawa khalifa Umar bertanggong jawab diatas penaklukkan Muslim. Tiada siapa menafikan bahawa Muslim mendapat kemenangan besar semasa khalifa Umar. Tetapi hendaklah ingat, menurut dari keterangan ulama kamu yang terkenal seperti Qazi Abu bakt Khatib, di dalam sejarah baghdad; Imam ahmad bin Hanbal di dalam Musnad; Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha; dan banyak penulis lainnya, khalifa Umar meminta petunjuk dari Ali di dalam perkara pentadbiran dan juga ketenteraan. Dan dia bertindak diatas nasihat Ali.

Sebagai tambahan, terdapat perbezaan pada kejayaan Islam di dalam era yang berlainan. Kejayaan yang pertama merujuk kepada kejayaan era nabi sendiri, yang menjadi pengerak utamanya adalah keberanian Ali. Setiap orang setuju bahawa Ali adalah yang paling berani dari yang berani. Jika beliau tidak mengambil bahagian di dalam peperangan, kejayaan tidak tercapai. Sebagai contoh, di dalam peperangan Khaibar, beliau mendapat sakit mata, dan mustahil untuk pergi berperang. Tentera Muslim mengalami kekalahan berturut-turut, apabila beliau telah disembuhkan oleh nabi, Ali mara terhadap tentera musuh dan menawan kubu Khaibar. Di dalam peperangan Uhud, apabila Muslim berpecah dan melarikan diri, adalah Ali yang berdiri teguh. Dengan berani, dia menyelamatkan nabi dari serangan musuh, sehingga terdengar suara yang mengatakan: ‘Tidak ada pedang selain Dhul-fiqar, dan tidak ada yang paling berani selain dari Ali.’

Kejayaan kedua adalah mengenai peperangan yang dijayakan selepas nabi. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh keberanian tentera Muslim dan perancangan yang baik. Tetapi kita tidak mempertikaikan kejayaan Islam semasa pemerintahan Umar. Topik kita adalah keberanian Umar itu sendiri. Ianya tidak dinyatakan di dalam mana-mana pembuktian sejarah.

Hafiz: Adalah satu penghinaan untuk mengatakan khalifa Umar lari dari medan peperangan dan ini membawa kepada kalahnya tentera Islam.

Shirazi: Jika menyebut fakta sejarah mengenai sesaorang adalah satu penghinaan, maka penghinaan ini adalah oleh ulama kamu.

Hafiz: Dimana terdapat ulama kami menulis khalifa Umar lari dari medan peperangan? Bilakah dia menyebabkan kekalahan terhadap tentera Islam?

ABU BAKAR DAN UMAR TEWAS DI DALAM PEPERANGAN KHAIBAR.

Shirazi: Oleh kerana Ali mengidap penyakit mata pada hari pertama peperangan

Khaibar, nabi menyerahkan bendera Islam kepada Abu Bakr, yang memimpin tentera Islam menentang Yahudi. Setelah dikalahkan dengan pantas, dia kembali. Pada hari esoknya bendera muslim diberikan kepada Umar, tetapi sebelum dia sampai kemedan pertemporan dia telah lari dalam ketakutan [panik]

Hafiz: Kenyataan ini adalah pemalsuan shia.

Shirazi: Peperangan Khaibar adalah peristiwa yang penting dalam kehidupan nabi, telah dirakamkan dengan secara khusus oleh ahli sejarah dari kedua golongan. Hafiz Abu Nu'aim Ispahani di dalam bukunya Hilyatu'l-Auliya, jilid I, ms 62, Muhammad Bin Talha Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul, ms 40, dari Sira oleh Ibn Hisham, Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Bab 14, dan banyak lagi dari ulama kamu yang telah merakamkannya. Tetapi yang paling sahih adalah sampaian dari ulama yang terkenal ini:

Muhammad Bin Isma'il Bukhari, yang menulis di dalam Sahih, jilid II, dicetak di Egypt, 1320 Hijrah, ms 100, dan Muslim Bin Hujjaj, yang menulis di dalam Sahih, jilid II, dicetak di Egypt, 1320 Hijrah, ms 324, 'bahawa khalifa Umar lari dari peperangan di dua medan pertemporan' Diantara banyak bukti yang nyatakan pada maksud ini adalah kata-kata yang tidak meragukan dari Ibn Abil-Hadid mutazili, dinamakan sebagai 'Alawiyyat-e-Sab'a, di dalam memuji Ali. Mengenai 'Pintu Khaibar' dia berkata: 'Telahkah kamu dengar cerita Kejayaan keatas Khaibar? Terlalu banyak misteri telah dikaitkan bersamanya, sehingga mengelirukan akal yang bistari! Mereka berdua ini [Abu Bakar dan Umar] tidak suka kepada, atau tidak biasa dengan, memegang bendera [mengetuai angkatan tentera]. Mereka tidak tahu rahsia pada mengekalkan kehormatan pada bendera, mereka menutupnya dengan keaiban dan lari putih tapak kaki, walaupun mereka tahu yang lari dari medan perang boleh membawa kepada kafir. Mereka melakukannya juga kerana seorang dari tentera Yahudi yang berani, seorang remaja yang tinggi dengan pedang terhunus ditangan, menunggang kuda dengan gagahnya, menyerang mereka, seumpama burung unta [kasuari] jantan, yang telah mendapat tenaga baru dari udara nyaman musim bunga dan makanan. Dia seumpama seekor burung besar yang telah memenuhi dirinya dengan bulu-bulu yang berwarna-warni dan sedang mengejar terhadap yang dicintanya. Kilauan api kematian dari pedang dan tombaknya memancar dan telah menakutkan kedua orang ini. 'Ibn Abdil-Hadid berkata mengenai mereka [Abu Bakr dan Umar] dengan menambah: 'Saya meminta maaf untuk kamu, kerana kekalahan dan larinya kamu, oleh kerana semua manusia benci kepada kematian dan mencintai kehidupan. Sama seperti yang lain semua, kamu berdua tidak suka kematian walaupun tidak terdapat kekebalan dari mati. Tetapi kamu tidak dapat melamar mati.'

Tujuan saya bukan untuk menghina sesiapa. Saya menyatakan fakta sejarah ini untuk menunjukkan bahawa khalifa tidak mempunyai keberanian sedemikian yang

membolehkannya dikatakan seperti pada potongan ayat ‘keras terhadap mereka yang kafir,’ Fakta menunjukkan dia lari dari medan perang. Sifat yang kita katakan ini adalah hak Ali sahaja, yang di dalam setiap peperangan adalah amat keras terhadap mereka ynag kafir. Fakta ini telah diberikan oleh Allah di dalam al-Quran. Dia berkata: ‘Wahai orang yang beriman! Sesiapa yang berpaling dari agamanya, maka Allah akan membawa orang yang lain; Dia mencintai mereka dan mereka mencintai Dia, merendah diri pada yang beriman, keras terhadap yang kafir, berjuang dijalan Allah, dan mereka tidak takut penghinaan dari mereka yang menghina; ini adalah rahmat dari Allah. Dia berikan kepada siapa yang Dia hajati.’

Hafiz: Adalah amat memeranjatkan bahawa kamu cuba untuk mengatakan yang ayat itu untuk Ali. Ianya merujuk kepada orang beriman yang memilikki kualiti tersebut dan Allah akan mencintai mereka.

Shirazi: Adalah lebih baik jika jika kamu tanyakan kepada saya, apakah hujah yang menyokong kenyataan saya. Jawapan saya adalah, jika ayat ini diwahyukan pada memuji orang yang beriman, mereka tidak akan lari dari medan peperangan sama sekali.

Hafiz: Adakah adil untuk menuduh yang beriman dan sahabat nabi yang lari dari bahaya? Mereka ini berperang dengan gagahnya dimedan pertemporan.

Shirazi: Bukanlah saya yang mengatakan mereka ‘pengecut’ Sejarah yang menunjukkan mereka begitu. Mungkin kamu telah terlupa bahawa di dalam peperangan Uhud dan Hunain, kedua-dua mereka yang beriman dan para sahabat secara umum, termasuklah sahabat utama nabi, telah mencari keselamatan diri dengan lari. Sebagaimana yang sampaikan oleh Tabrini dan lainnya, mereka meninggalkan nabi sendirian diantara musyrik. Mungkinkah mereka yang berpaling kebelakang dari menghadap musuh, meninggalkan nabi berseorangan menentang musuh adalah yang dicintai oleh Allah dan RasulNya?

Bukanlah saya seorang yang mengatakan bahawa ayat ini pada memuji Ali. Abu Ishaq Imam Ahmad Thalabi, yang kamu anggap sebagai ketua para penyampai hadith, menulis di dalam bukunya Kashful-Bayan bahawa ayat ini diwahyukan pada memuji Ali kerana tiada siapa yang memilikki sifat yang disebutkan itu. Tidak ada ahli sejarah – dari kita atau orang asing – telah menulis bahawa di dalam mana-mana 36 peperangan yang melibatkan nabi didapati Ali melarikan diri. Di dalam peperangan Uhud, apabila kesemua para sahabat lari, dan 5 000 pihak tentera musuh menyerang Muslim, orang yang tinggal kekal dikedudukannya sehingga kemenangan dicapai, hanyalah Ali. Walaupun luka dibeberapa tempat dan darah mengalir dengan banyaknya, beliau menggumpulkan semula mereka yang lari dan terus berperang sehingga kemenangan dicapai.

Hafiz: Tidakkah kamu merasa malu mengatakan ‘pengecut’ pada sahabat yang

agung? Semua sahabat secara umum dan kedua khalifa – Abu Bakr dan Umar – khasnya, dengan gagah menggelilingi nabi dan mempertahankannya.

Shirazi: Kamu tidak mempelajari sejarah dengan teliti. Secara umum, ahli sejarah telah menulis bahawa di dalam peperangan Uhud, Hunain, dan Khaibar kesemua para sahabat lari. Saya telah menyatakan kepada kamu mengenai Khaibar. Dan mengenai Hunain, Hamidi di dalam Jam'-e-Bainus-Sahihain dan Halabi di dalam Siratul-Halabiyya, jilid III, ms 123, berkata bahawa semua para sahabat lari, melainkan empat: Ali dan Abbas berada dihadapan nabi, Abu Sufyan bin Harith memegang tali kuda nabi dan Abdullah bin Masud berdiri disebelah kirinya. Larinya Muslim di Uhud tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Muhammad bin Yusuf Ghanji di dalam kifayatut-Talib, Bab 27, dari punca dia sendiri, menyebut Abdullah bin Masud sebagai berkata bahawa nabi berkata: 'Bila-bila masa Ali dihantar sendirian dimedan peperangan, saya melihat Jibril disebelah kanannya, Mikail disebelah kirinya, dan awan melindunginya dari atas sehinggalah Allah menjayakan dia.'

Imam Abu Abdur-Rahman Nisai menyatakan hadith 202 di dalam bukunya Khasais-e-Alawi bahawa Imam Hasan, memakai seban hitam, datang kepada manusia dan menyampaikan kualiti bapanya, dengan mengatakan bahawa di dalam peperangan Khaibar, apabila beliau pergi ke kubu, 'Jibril berperang disebelah kanannya, dan Mikail berperang disebelah kirinya. Dia berhadapan dengan musuh dengan beraninya sehingga dia mencapai kemenangan dan berhak mendapat cinta Allah.'

ALI ADALAH YANG DICINTAI OLEH ALLAH DAN RASUL.

Di dalam ayat ini Allah berkata bahawa Dia mencintai mereka yang mempunyai sifat yang sedemikian dan bahawa mereka juga mencintaiNya. Kualiti ini, dicintai oleh Allah, adalah khas bagi Ali. Terdapat banyak bukti bagi menyokong pandangan saya. Diantara banyak hadith yang berkaitan dengan perkara ini, ada satu yang disampaikan oleh Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii di dalam Kifayatut-Talib, Bab 7, Dia menyampaikan melalui puncanya sendiri, dari Abdullah bin Abbas, yang mengatakan bahawa satu hari sedang dia duduk dengan bapanya, Abbas, dihadapan nabi, apabila Ali masuk dan memberikan salam kepada mereka. Nabi bangun, memeluknya, cium diantara dua matanya dan dudukkan dia disebelah kanannya. Abbas kemudian bertanya kepada nabi sama ada baginda mencintai Ali. Nabi menjawab, 'Wahai bapa saudara yang saya hormati! Demi Allah, Allah mencintai dia lebih dari saya mencintai dia.'

HADITH PADA BENDERA DI DALAM PENAKLUKKAN KHAIBAR.

Bukti yang paling kukuh, Ali adalah yang dicintai oleh Allah, dan keberaniannya dimedan peperangan, adalah Hadith-e-Rayat [hadith pada bendera], yang mana

adalah sebahagian dari koleksi hadith kamu yang sahih. Tiada ulama terkenal kamu yang menafikannya.

Nawab: Apa dia hadith-e-rayat? Jika kamu tidak keberatan, sila sebutkannya dengan puncanya sekali.

Shirazi: Ulama terkenal dan ahli sejarah dari kedua golongan telah menyebutkan hadith-e-rayat. Sebagai contoh, Muhammad Bin Isma'il Bukhari, di dalam Sahih, jilid II, Kitabu'l-Jihad Wa's-Siyar, Bab Du'au'n-Nabi, juga jilid III, Kitabu'l-Maghazi, Bab Ghazawa-e-Khaibar; Muslim Bin Hajjaj di dalam Sahih, jilid 2, ms 324; Imam Abdu'r-Rahman Nisa'i di dalam Khasa'isu'l-Alawi; Tirmidhi di dalam Sunan; Ibn Hajar Asqalani di dalam Isaba, jilid II, ms 508; Muhaddith-e-Sham di dalam Ta'rikh; Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad; Ibn Maja Qazwini di dalam Sunan; Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda Bab 6; Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul, Hafiz Abu Nu'aim Isfahani di dalam Hilyatu'l-Auliya; Abu Qasim Tibrani di dalam Ausat; dan Abu Qasim Husain bin Muhammad (Raghib Isfahani) di dalam Muhaziratu'l-Udaba, jilid II, ms 212. Secara ringkas boleh dikatakan semua ahli sejarah dan hadith telah merakamkan hadith ini, makanya Hakim berkata: 'Hadith ini telah sampai pada kedudukan diterima sepenuhnya.' Tabrini berkata: 'Kejayaan Ali di Khaibar adalah bukti dengan penerimaan sepenuhnya.'

Apabila tentera Muslim menggepong kubu Khaibar, ia telah menggalami kekalahan sebanyak tiga kali dibawah pemerintahan Abu Bakr dan Umar, dan mereka-mereka ini lari. Para sahabat sungguh kesal [frust, keciwa] Di dalam usaha untuk memberangsang para sahabat, nabi menyatakan bahawa Khaibar akan ditawan. Baginda berkata: 'Demi Allah esok saya akan menyerahkan bendera kepada sesaorang yang akan kembali dengan kemenangan. Dia adalah seorang yang akan menyerang terus berulang kali dan tidak pernah meninggalkan medan peperangan dan tidak pernah berundur sehingga dia mencapai kemenangan. Dia mencintai Allah dan nabi Allah, dan Allah dan nabi Allah mencintainya.'

Malam itu para sahabat tidak dapat tidur, membayangkan siapakah yang akan diberikan penghormatan khas ini. Pada subuh itu, semua mengenakan pakaian perang dan menampilkan diri mereka dihadapan nabi. Nabi bertanya: 'Dimana adik saya, dan anak bapa saudara saya, Ali Ibn Abi Talib?' Mereka memberitahu kepadanya, 'Wahai Nabi Allah, dia sedang diserang sakit mata, dan tidak dapat bergerak.' Nabi menyuruh Salman untuk memanggil Ali. Salman memimpin Ali dan membawanya kepada nabi. Dia memberi salam kepada nabi, dan setelah membalas salamnya, nabi bertanya, 'Bagaimana dirimu, Wahai Abul-Hasan? Dia menjawab: 'Adalah baik semuanya dengan rahmat Allah. Saya sedang dihinggapi sakit kepala dan sakit teramat sangat pada mata sehingga saya tidak dapat melihat apa-apa.' Nabi suruh dia menghampiri. Apabila Ali datang hampir, nabi menyapukan air liur dari mulutnya kepada mata Ali dan berdoa untuknya. Sekejap

sahaja matanya boleh melihat dan penyakitnya sembuh. Dia menyerahkan bendera kemenangan kepada Ali. Ali terus menuju kekubu Khaibar, menentang tentera Yahudi, membunuh tenteranya yang gagah seperti Harhab, Harith, Hisham dan Alqama, dan akhirnya menawan kubu kebal Khaibar.

Ibn Sabbagh Maliki di dalam bukunya Fusulul-Muhimma, ms 21, telah menyebut laporan ini dari enam buku hadith, sedangkan Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii di dalam kifayatut-Talib, Bab 14, selepas menyebutkan hadith berkata bahawa ketua penyair nabi, Hasan bin Thabit, hadir pada peristiwa itu. Dia mengubah syair pada memuji Ali: 'Ali sedang menderita sakit mata. Disebabkan tiada tabib, nabi sembuhkannya dengan air ludahnya. Maka keduanya yang sembuh dan menyembuhkan dirahmati. Nabi suci berkata: 'Hari ini saya serahkan bendera kepada penunggang kuda yang cekap, berani dan perkasa, sahabatku dalam peperangan. Dia mencintai Allah dan Allah mencintainya, maka melalui dia, Dia akan menjadikan kita menawan kubu.' Selepas ini, meninggalkan semuanya ketepi, dia memilih Ali dan menjadikan dia pengganti.'

Ibn Sabbagh Maliki menyebutkan dari sahih Muslim bahawa Umar bin Khattab berkata: 'Saya tidak pernah berhajat untuk membawa panji-panji, tetapi hari itu saya berhajat sangat untuknya. Saya berulang kali mempamerkan diri saya dihadapan rasul, berharap semoga baginda memanggil saya, dan bahawa saya akan dirahmati dengan penghormatan ini. Tetapi Ali yang dipanggil oleh nabi dan keistimewaan itu pergi kepadanya.' Sibt Ibn Jauzi telah merakamkan laporan ini dalam Tadhkira nya, ms 15, dan Imam Abdur-Rahman Ahmad bin Nisai di dalam Khasaisul-Alawi, selepas menyampaikan dua belas hadith pada tajuk Ali membawa panji-panji di Khaibar, menyebutkan laporan yang sama pada hadith ke lapan belas mengenai harapan Umar untuk mendapatkan bendera. Juga Jalalud-Din Suyuti di dalam Tarikhul-Kulafa, Ibn Hajar Makki di dakam Sawaiq, dan Ibn Shirwaini di dalam Firdausul-Akhbar, menyampaikan bahawa Umar bin Khattab berkata: 'Ali telah dianugerahkan dengan tiga perkara; dan jika saya miliki hanya satu darinya, saya lebih menghargainya dari semua unta yang ada pada ku: Perkahwinan Ali kepada Fatima, boleh berada di dalam masjid dalam apa juga keadaan, dan ini tidak dibolehkan kepada sesiapa melainkan Ali, dan dia pembawa bendera pada penaklukkan Khaibar.'

Hujah saya, berdasarkan dari rekod ahli hadith kamu, membuktikan bahawa rujukan dalam ayat ini – Dia [Allah] mencintai mereka dan mereka mencintai Dia' – adalah untuk Ali. Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii di dalam Kifayatul-Talib Bab 13, menyatakan bahawa nabi berkata: 'Jika sesiapa berhasrat untuk melihat kepada Adam, Nuh, dan Ibrahim, lihatlah kepada Ali.' Dia berkata bahawa: 'Ali adalah orangnya yang Allah maksudkan di dalam al-Quran, 'Dan dia yang bersama dengannya, keras terhadap yang kafir, berkasih sayang diantara mereka.' [48:29]

Sebagai yang kamu katakan bahawa rangkap di dalam ayat 'berkasih sayang

diantara mereka' merujuk kepada Uthman, dan menunjukkan tempatnya sebagai khalifa ketiga tidak disokong oleh bukti sejarah. Yang sebenar, kerekternya adalah yang berlawanan. Terdapat banyak hujah untuk membuktikan ini, tetapi saya akan berhenti disini. Apa yang dikatakan mungkin akan menggerakkan kebencian.

Hafiz: Jika kamu hadkan diri kamu pada rujukkan yang sahih, tidak ada sebab mengapa kami harus marah.

Shirazi: Saya akan menyebutkan sebahagian darinya.

KEREKTER UTHMAN DAN CARA HIDUPNYA DIBANDINGKAN DENGAN CARA ABU BAKR DAN UMAR.

Ibn Khaldun, Ibn Khallikan, Ibn A'sam Kufi (ianya juka dirakamkan di dalam Siha-e-Sitta), Mas'udi di dalam Muruju'dh-Dhahab, jilid I, ms 435, Ibn Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid I, dan lainnya dari ulama kamu, mengesahkan bahawa apabila Uthman bin Affan menjadi khalifa, dia bertindak bertentangan dengan contoh yang ditunjukkan oleh nabi dan juga bertentangan dengan cara Abu Bakr dan Umar. Kedua golongan bersetuju bahawa di dalam kaunsel rundingan yang mana dia telah dilantik sebagai khalifa, Abur-Rahman bin Auf telah menawarkan kepada dia bai'ah berdasarkan kepada kitab Allah, hadith nabi, dan cara Abu Bakr dan Umar. Satu syarat bai'ahnya adalah bahawa Uthman tidak akan membenarkan Bani Umayya campur tangan dan tidak juga memberi kepada mereka sebarang penguasaan. Tetapi apabila kedudukannya telah utuh, dia melanggar sumpahnya. Menurut al-Quran dan hadith yang boleh diterima, untuk melanggar perjanjian adalah dosa yang besar. Ulama kamu sendiri yang mengatakan Uthman melanggar sumpahnya. Disepanjang pemerintahan khalifanya, dia bertindak dengan bertentangan pada cara Abu Bakr dan Umar. Dia memberikan Bani Umayya penuh penguasaan keatas nyawa manusia dan juga harta mereka.

HARTA KHALIFA UTHMAN.

Hafiz: Dalam cara bagaimana dia bertindak bertentangan dengan ajaran dan amalan nabi dan juga cara Abu Bakr dan Umar?

Shirazi: Ahli hadith yang terkenal, Mas'udi, di dalam Murujudh-Dhahab, jilid I, ms 433 dan ahli sejarah lainnya telah merakamkan bahawa Uthman telah membina rumah batu yang sofisikated [canggih] dengan pintu diperbuat dari kayu cendana [kayu wangi]. Dia menggumpulkan harta yang banyak, dan yang juga dia berikan kepada Umayyad dengan secara boros. Sebagai contoh, kutipan khums dari Armenia, yang ditawan pada zaman pemerintahan dia, telah dianugerahkan kepada Marwan terkutuk tanpa sebarang sekatan dari agama. Dia juga memberikan kepadanya 100 000 dirham dari baitul-mal. Dia berikan 400 000

dirham kepada Abdullah bin Khalid, 100 000 dirham kepada Hakam bin Abil-As, yang telah dikutuk dan diusir oleh nabi, dan 200 000 dirham kepada Abu Sufyan [sebagaimana yang dirakamkan oleh Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid I, ms 68]

Pada hari dia dibunuh, harta peribadinya berjumlah 150 000 dinar dan 20 juta dirham dalam bentuk tunai. Dia memiliki harta di Wadiul-Qura dan Hunain bernilai 100 000 dinar dan gembalaan lembu, kambing dan unta yang besar. Sebagai akibat dari tindakkannya, pemuka-muka Umayyad menggumpul harta yang banyak diatas penderitaan manusia.

Sebagai khalifa Islam untuk menggumpulkan harta yang sebegitu banyak apabila manusia kelaparan sudah pastinya salah. Lebih-lebih lagi, kelakuannya secara total bertentangan dengan cara para sahabatnya, Abu Bakr dan Umar. Uthman mengangkat sumpah pada kaunsel perundingan yang dia akan mencontohi langkah mereka yang terdahulu. Mas'udi di dalam Murujudh-Dhahab berkata mengenai khalifa Uthman, bahawa apabila khalifa Umar pergi bersama anaknya, Abdullah, untuk melakukan haji, perbelanjaan mereka pada perjalanan pergi balik hanya enam belas dinar. Dia [Umar] berkata kepada anaknya bahawa mereka telah boros. Jika kamu bezakan cara berjimat Umar dengan cara berbelanja boros Uthman, kamu akan percaya bahawa cara hidup Uthman adalah bertentangan terhadap sumpahnya kepada kaunsel.

KHALIFA UTHMAN MENGGALAKKAN MEREKA YANG KEJAM DIANTARA UMAYYAD.

Uthman juga memberikan Umayyad penguasaan keatas nyawa dan juga kehormatan manusia. Akibatnya kekacauan telah berlaku ditanah Islam. Dia melantik kesayangan dia kepada kedudukan yang tinggi menyalahi kehendak nabi, Abu Bakr dan Umar. Contohnya, dia berikan kedudukan yang tinggi kepada bapa saudaranya Hakam bin As, anak Hakam, Marwan, keduanya telah diusir dan dikutuk oleh nabi.

Hafiz: Bolehkah kamu buktikan bahawa mereka dikutuk?

Shirazi: Ada dua cara pada membuktikan bahawa mereka adalah terkutuk. Allah memanggil Bani Umayya 'Pokok Terkutuk' [The Accursed Tree] di dalam al-Quran [17:60]. Imam Fakhrud-Din Razi, Tabari, Qartabi, Nishapuri, Suyuti, Shawkani, Alusi, Ibn Abi Hakim, Khatib Baghdadi, Ibn Mardawaih, Hakim, Maqrizi, Baihaqi, dan lainnya dari ulama kamu, menyebutkannya dari Ibn Abbas bahawa; 'Pokok Terkutuk' di dalam al-Quran merujuk kepada suku Umayya. Di dalam mimpi, nabi melihat monyet memanjat naik, turun dari mimbarnya [dan mengusir manusia dari masjidnya]. Apabila dia terjaga, malaikat Jibril mewahyukan ayat ini dan memberitahu nabi bahawa monyet itu adalah Bani Umayyad, yang akan merampas kedudukan khalifa selepasnya. Tempat dia bersolat dan khutbah akan

tinggal di dalam kawalan mereka untuk ribuan tahun. Imam Fakhrud-Din Razi menyampaikan dari Ibn Abbas bahawa nabi menyebut nama Hakam bin As. Maka dia adalah terkutuk kerana tergolong di dalam keturunan terkutuk.

Terdapat banyak hadith dari punca sunni mengenai mereka telah dikutuk. Hakim Nishapuri di dalam Mustadrak, jilid IV, ms 437, dan Ibn hajar Makki di dalam Sawaiq-e-Muhriqa, menyebutkan dari Hakim hadith yang berikut dari nabi: 'Sesungguhnya, keluarga saya tidak lama lagi bertebaran dan dibunuh oleh ummah saya. Bani Umayya, Bani Mughira dan Bani Makhzum adalah yang paling kejam dari musuh-musuh kami. 'Nabi berkata mengenai Marwan, semasa dia masih kanak-kanak, 'Ini adalah cicak, anak kepada cicak, yang terkutuk, anak kepada yang terkutuk. Ibn Hajar menyatakan dari Umar bin Murratu'l-Jihni, Halabi di dalam Siratu'l-Halabiyya, jilid I, ms 37; Baladhuri di dalam Ansab, jilid V, ms 126; Sulayman Balkhi di dalam Yanabiu'l-Mawadda; Hakim di dalam Mustadrak, jilid IV, ms 481; Damiri di dalam Hayatu'l-Haiwan, jilid II, ms 291; Ibn Asakir di dalam Ta'rikh; Imamu'l-Haram Muhyi'd-Din Tabari di dalam Zakha'iru'l-Uqba, dan yang lain, telah menyampaikan dari Umar bin Murra bahawa Hakam Bin As meminta untuk bertemu dengan nabi. Nabi mengenali suaranya berkata: 'Izinkan dia masuk. Kutukan keatasnya dan keturunannya, melainkan mereka yang beriman, dan mereka amatlah sedikit.'

Imam Fakrud-Din Razi, dalam jilid V, buku Tafsir-e-Kabir, menulis mengenai ayat 'Pokok terkutuk … ' dan maksudnya, merujuk kepada kenyataan Aisha, yang berkata kepada Marwan: 'Allah mengutuk bapa kamu apabila kamu hadir di dalam benih dia; maka kamu adalah sebahagian darinya, yang juga dikutuk oleh Allah.' Allama Mas'udi berkata di dalam bukunya Murujudh-Dhahab, jilid I, ms 435, bahawa Marwan bin Hakam telah dikutuk dan diusir oleh nabi. Dia telah dihalau keluar dari Madina. Dia tidak dibenarkan masuk ke Madina semasa khalifa Abu Bakr dan Umar, tetapi apabila Uthman menjadi khalifa, dia bertindak bertentangan dari yang diajar nabi, Abu Bakr dan Umar dan membenarkan dia masuk ke Madina. Uthman meletakkan dia rapat dengan dirinya bersama dengan semua Umayyad yang lain dan menunjukkan kepada mereka keistimewaan.

Nawab: Siapa dia hakam bin Abi-l-As, dan mengapa dia diusir oleh nabi?

Shirazi: Hakam bin As adalah bapa saudara khalifa Uthman. Menurut Tabari, Ibn Athir dan Baladhuri yang menulis di dalam Ansab, jilid V, ms 17, dia adalah jiran nabi dimasa era jahiliah. Dia menghina nabi terutama selepas pengistiharan kerasulannya. Dia berjalan dibelakang nabi menganggu serta meniru gaya baginda. Walaupun dalam solat, dia menunjuk kearah nabi dengan amat benci. Setelah nabi mengutuk dia, dia kekal dengan sebagaimana yang dia gayakan dan akhirnya dia telah hilang ingatan. Setelah penaklukkan Makah, dia datang ke Madina dan zahirnya telah menerima Islam, tetapi dia selalu menghina nabi. Apabila dia pergi kerumah nabi, nabi kemudian keluar dari rumahnya dan berkata:

‘Tiada siapa yang harus meminta maaf bagi pihak diri orang ini. Sekarang dia dan anaknya Marwan, hendaklah meninggalkan Madina.’ Seterusnya, pihak Muslim mengusirnya dari Madina dan mengeluarkannya dari Taif. Semasa pemerintahan Abu Bakr dan Umar, Uthman menyokong dia, dengan mengatakan bahawa dia adalah bapa saudaranya dan bolehlah dibenarkan untuk kembali ke Madina. Tetapi mereka tidak menerimanya, dengan berkata bahawa dia telah dikutuk dan diusir oleh nabi, mereka tidak akan membenarkan dia kembali.

Apabila Uthman menjadi khalifa, dia memanggil kesemua mereka kembali. Walau ramai yang membantah, Uthman tetap menghujani saudaranya dan yang lain yang disukainya dengan keistimewaan khas. Dia jadikan Marwan penolongnya dan ketua pegawai istana. Dia menggumpulkan disekelilingnya ramai orang-orang yang kejam dari Umayyad dan melantik mereka pada kedudukan yang tinggi. Keputusannya adalah, menurut pada apa yang diramalkan oleh Umar, merekalah penyebab kematian Uthman. Diantara orang yang dilantik oleh Uthman adalah Walid bin Aqaba bin Abi Mu’ith, yang dihantar untuk menjadi gabenor Kufa. Menurut pada laporan dari Mas’udi di dalam Murujudh-Dhahab, jilid I, nabi berkata mengenai Walid: ‘Sesungguhnya , dia adalah seorang daripada mereka yang akan masuk neraka.’ Dia dengan terang-terang melakukan dosa. Menurut dari keterangan Mas’udi di dalam Muruju’dh-Dhahab, Abdu’l-Fida di dalam Ta’rikh, Suyuti di dalam Ta’rikhu’l-Khulafa, ms 104, Abu’l-Faraj di dalam Aghani, jilid IV, ms 128; Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad, jilid I, ms 42; Yaqubi di dalam Ta’rikh, jilid II, ms 142; Ibn Athir juga di dalam Usudu’l-Uqba, jilid V, ms 91, dan lainnya yang berkata, semasa dia gabenor Kufa, Walid menghabiskan sepanjang malam dalam maksiat. Dia datang ke masjid untuk solat subuh dalam keadaan mabok dan mengerjakan empat rakaat solat subuh [sepatutnya dua] dan kemudian memberitahu manusia: ‘Wah betapa pagi yang indah! Saya suka hendak menyambongkan solat ini jika kamu setuju.’ Sebahagian mereka mengatakan dia muntah dibawah kubah masjid yang menyebabkab manusia menjadi benci, dan mengadu kepada khalifa Uthman. Seorang dari mereka yang terkenal ini adalah Muawiya, yang telah jadi gabenor Syria. Walid telah digantikan oleh Sa’id bin As sebagai gabenor Kufa.

Apabila manusia mengetahui polisi Uthman, polisi yang bertentangan dengan ajaran nabi, mereka menjadi marah. Mereka mengambil tindakkan yang akhirnya menyebabkan keputusan yang sirius. Uthman yang bertanggong jawab terhadap pembunuhan dirinya kerana dia tidak mempertimbangkan kesan tindakkannya. Dia menolak nasihat Ali dan telah diselewengkan oleh mereka yang mengampu dia. Ibn Abil-Hadid menyebut perbualan diantara Umar dan Ibn Abbas di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid III, ms 106. Khalifa Umar berkata sesuatu mengenai setiap seorang dari enam ahli kaunsil perundingan dan menunjukkan keburukkan mereka. Apabila nama Uthman disebut, ‘setelah mengeluh tiga kali, Umar berkata bahawa jika kedudukan khalifa sampai kepada dia, dia akan meletakkan anak-anak Abi Mu’it [Umayyad] diatas manusia. Kemudian orang Arab pastinya akan

bangun menentang dia dan akhirnya akan membunuhnya.’

Ibn Abil-Hadid bersetuju dengan jangkaan Umar. Apabila Uthman menjadi khalifa, dia kumpulkan disekelilingnya Bani Umayya. Dia melantik mereka sebagai gabenor, dan apabila mereka menyalah gunakan kuasa, dia menoleh ketempat lain. Khalifa Uthman tidak memutuskan dirinya dari Marwan. Rakyat dengan perasaan tidak puas hati, memberontak menentang dia, dan akhirnya membunuh dia.

NABI MENGUTUK ABU SUFYAN, MUAWIYA DAN ANAKNYA YAZID.

Ianya dapat membantu jika kamu membaca sejarah agung oleh Jarir Tabari, seorang ulama terkenal kamu, yang menulis: ‘Nabi melihat Abu Sufyan menunggang kaldai. Muawiya menariknya dihadapan dan Yazid anaknya menolak dari belakang. Nabi berkata: ‘Kutukan terhadap penunggangnya, yang menarik dan yang menolak.’ Ulama kamu yang terkenal seperti Tabari dan Ibn A’sam Kufi, menyalahkan khalifa Uthman kerana tidak menghukum mati Abu Sufyan, apabila dia dimahkamah terbuka menolak Islam, menolak wahyu dan menolak adanya Jibril. Setelah memarahkan Abu Sufyan perkara itu diketepikan. Saya juga meminta kamu mempetimbangkan ucapan 163 dari Nahjul Balagha, dan kata-kata Ibn Abil Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid II, [dicetak diMesir] ms 582, menyebutnya dari Tabari buku Tafsir-e-Kabir bahawa sebahagian dari para sahabat dibeberapa wilayah menulis surat menyuruh ummah mengistiharkan jihad, untuk melindungi diri mereka dari kekejaman Uthman. Dalam tahun 34 Hijrah ummah dengan aduan terhadap pegawai yang dilantik Uthman datang kepada Ali di Madina dan menyuruhnya campur tangan.

UTHMAN TIDAK MENERIMA NASIHAT ALI.

Ali berjumpa Uthman dan mengingatkan dia akan akibat buruk dari meneruskan polisi yang ada sekarang. Ali berkata: ‘Saya memberitahu engkau hanya kerana Allah, jangan jadikan diri engkau ketua yang dibunuh oleh ummah ini. Telah dikatakan bahawa seorang ketua ummah ini akan dibunuh, yang mana selepasnya pintu pertumpahan darah akan terus terbuka sehingga kehari dibangkitkan semula.’ Tetapi Marwan dan sahabat Umayya menolak nasihat Ali. Setelah Ali pergi, Uthman memerintahkan orang supaya berkumpul dimasjid. Dia naik keatas mimbar dan sepatutnya memujuk mereka, dia menekan mereka lagi. Akhirnya seperti yang Umar ramalkan: Uthman dibunuh oleh pemberontak. Tidak seperti Abu Bakr dan Umar yang mengikut nasihat Ali, Uthman menolak amarannya dan menanggong akibatnya.

UTHMAN MEMUKUL SAHABAT NABI TANPA BELAS.

Lebih lagi Uthman telah memukul sahabat yang menentang penindasannya.

Diantara mereka adalah Abdullah bin Mas'ud, seorang hafiz, qari, bendahari baitul-mal, penulis wahyu, dan seorang dari sahabat nabi yang ulung. Dia telah dipandang tinggi oleh Abu Bakr dan Umar, kedua mereka biasa bertanyakan pendapatnya. Ibn Khaldun di dalam sejarahnya mengulas bahawa khalifa Umar menekankan bahawa Abdullah tinggal bersamanya kerana dia mempunyai cukup pengetahuan al-Quran dan kerana nabi memberikan kepujian kepadanya. Ibn Abil-Hadid dan lainnya telah menulis perkara yang sama. Ulama kamu bersetuju bahawa apabila Uthman berhasrat untuk mengumpulkan al-Quran, dia mendapatkan semua salinan dari semua penulis. Dia meminta salinan al-Quran dari Abdullah bin Mas'ud juga. Abdullah tidak memberikan kepadanya. Uthman sendiri pergi kerumahnya dan mendapatkan salinan al-Quran itu darinya secara paksa. Kemudian, apabila Abdullah mengetahui bahawa, seperti salinan al-Quran yang lain, salinan dia juga telah dibakar, dia amat bersusah hati. Di dalam perjumpaan sosial atau agama, dia menyampaikan hadith kutukan yang dia tahu mengenai Uthman. Apabila berita ini sampai kepada Uthman, dia memerintahkan supaya Ibn Mas'ud dipukul dengan teruk oleh hamba-hambanya sehingga gigi dia patah dan perlu tinggal dikatil. Selepas tiga hari beliau meninggal dari sebab lukanya. Ibn Abil-Hadid menulis dengan mendalam mengenai fakta ini di dalam jilid I, ms 67 dan 226 Sharh Nahjul Balagha [dicetak di Mesir] dibawah 'Ta'n VI] dan meneruskan lagi pada berkata bahawa Uthman pergi berjumpa Abdullah yang sakit. Mereka bercerita seketika. Uthman berkata, 'Wahai Abdur-Rahman, berdoalah kepada Allah untuk mengampunkan aku.' Abdullah berkata, 'Saya berdoa kepada Allah untuk mengambil hak aku dari engkau' [keadilan hendaklah dilaksanakan]

Apabila Abu Dharr, sahabat karib nabi telah dihalau ke Rabba, Abdullah pergi berjumpa beliau untuk melihat dia pergi, kerana itu dia diberikan 40 kali sebatan. Maka Abdullah menekankan kepada Ammar Yasir bahawa Uthman tidak diizinkan mensolatkan jenazah dia. Ammar Yasir bersetuju, dan setelah Abdullah meninggal, dia mendirikan solat jenazah dengan beberapa orang sahabat. Apabila Uthman mengetahui mengenai perkara ini, dia pergi kekuburan Abdullah dan bertanya kepada Ammar mengapa dia yang mendirikan solat jenazah. Ammar menjawab bahawa dia terpaksa melakukannya kerana itu adalah wasiat dari Abdullah sendiri.

AMMAR DIPUKUL ATAS ARAHAN UTHMAN.

Satu lagi contoh atas kekejaman Uthman adalah pukulannya kepada Ammar Yasir. Ulama dari kedua golongan menyatakan bahawa apabila penekanan Umayya bertambah, sebahagian sahabat nabi menulis surat kepada Uthman menyuruh dia bertaubat. Mereka mengatakan bahawa jika dia meneruskan pada membantu kekejaman gabenor Umayya, dia bukan saja merosakkan Islam, tetapi dia sendiri akan menerima padah dari akibatnya. Mereka menyuruh Ammar untuk mengirimkan surat petision itu, oleh kerana Uthman sendiri mengakui kemuliaan Ammar. Mereka pernah mendengar Uthman berkata, nabi ada berkata bahawa

keimanan telah diuli dengan daging dan darah Ammar. Maka Ammar membawa surat itu kepada Uthman. Apabila dia tiba, Uthman bertanya kepada dia, ‘Adakah engkau mempunyai urusan dengan aku?’ Dia menjawab, ‘Saya tidak ada urusan yang bersangkutan dengan hal peribadi. Tetapi sekumpulam sahabat nabi telah menulis dalam surat ini beberapa pendapat dan nasihat untuk kebajikan kamu. Mereka telah menghantarnya kepada engkau melalui aku.’ Setelah membaca beberapa baris, Uthman membalingkan surat itu kebawah.

Ammar berkata, ‘Itu sesuatu yang tidak baik dari kamu. Surat dari sahabat nabi Allah, perlu dihormat. Mengapa engkau membalingnya ketanah? Adalah lebih wajar bagi kamu untuk membaca dan kemudian membalasnya? ‘Kamu pendusta!’ Uthman membentak. Kemudian dia mengarahkan hambanya untuk memukul Ammar, dan Uthman sendiri menendang perut Ammar. Dia jatuh tidak sedarkan diri; saudara mara dia datang dan membawa dia kerumah Ummul-Mukminin Umm Salma [salah seorang dari isteri nabi] Dari tengah hari hingga ketengah malam kekal pengsan. Suku Kaum Hudhail dan Bani Makhzun berpaling menentanmg Uthman disebabkan kezalimannya kepada Abdullah bin Mas’ud dan Ammar Yasir.

Uthman juga telah berlaku kejam kepada Jandab bin Junada, dikenali sebagai Abu Dharr Ghifari, seorang sahabat nabi yang akrab dan juga seorang ilmuan. Ahli sejarah yang agung dan ahli sejarah dari kedua golongan telah merakamkan bahawa orang tua berusia 90 tahun ini dengan zalim telah diusir dari satu tempat kesatu tempat dengan penderitaan yang tidak dapat disebutkan – dari Madina ke Syria dan keMadina semula, dan dari Madina ke Rabza. Dia menunggang unta tanpa lapik dan hanya ditemani oleh anak perempuannya. Dia meninggal di Rabza berseorangan dan terbiar. Ulama kamu yang terkenal dan juga ahli sejarah, termasuk Ibn Sa’d di dalam Tabaqat, jilid IV, ms 168; Bukhari di dalam Sahih, Kitab-e-Zakat; Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid I, ms 240 dan jilid II, ms 375-87, Yaqubi di dalam sejarah, jilid II, ms 148; Abul-Hasan Ali bin Husain Mas’udi ahli hadith dan sejarah yang terkenal pada abad ke 4, di dalam bukunya Murujudh-Dhahab, jilid I, ms 438, dan banyak lagi yang telah merakamkan kezaliman Uthman. Ianya telah disampaikan secara meluas, bagaimana dia menyiksa yang berhati mulia Abu Dharr, yang dicintai oleh nabi, dan juga bagaimana Abdullah bin Mas’ud, seorang hafiz, penulis wahyu, yang telah diberikan 40 sebatan kerana dia mengucapkan selamat tinggal kepada Abu Dharr Ghifari. Begitu juga layanan yang menghinakan telah diberikan kepada Ali atas sebab yang sama.

Hafiz: Jika penyiksaan telah diberikan kepada Abu Dharr, itu adalah disebabkan pegawai yang tidak bertanggong jawab, khalifa Uthman, adalah seorang yang baik dan lembut hati, tentunya tidak sedar akan perbuatan tersebut.

Shirazi: Pembelaan kamu terhadap khalifa Uthman adalah bertentangan dengan fakta. Penderitaan yang dikenakan kepada Abu Dharr adalah arahan khas dari

Uthman sendiri. Untuk membuktikan fakta ini, kita hanya perlu merujuk kepada ulama kamu. Contohnya, kamu boleh lihat Ibn Athir bukunya Nihaya, jilid I dan Tarikh-e-Yaqubi nya; dan khususnya ms 241 dari jilid I, dari Sharh Nanjul Balagha oleh Ibn Abil-Hadid. Ilmuan ini telah merakamkan surat Uthman kepada Muawiya. Apabila Muawiya menghantar laporan durjana terhadap Abu Dharr dari Syria, Uthman menulis kepada nya, 'Hantar Jundub [Abu Dharr] kepada ku diatas unta yang tidak berlapik, sendirian, dengan seorang yang kasar memandunya siang dan malam.' Apabila dia sampai ke Madina, kaki Abu Dharr luka-luka dan berdarah.

Dan bahkan ulama kamu juga telah merakamkan hadith, mengatakan bahawa Abu Dharr yang tertentu ini telah disebut oleh nabi sebagai seorang, yang mana semua makhluk perlu mencintainya. Hafiz Abu Nuaim Isfahani di dalam Hilyatul-Auliya, jilid I, ms 172; Ibn Maja Qazwini di dalam Sunan, jilid I, ms 66; Sheikh Sulayman Balkhi Shafii di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 59, merakamkan kelima dari empat puluh hadith ditulis dalam Sawaiq Muhriqa oleh Ibn Hajar Makki sebagai benar, setelah diambilnya dari Tirmidhi dan Hakim, sebagaimana disebutkan oleh Buraida, dan dia dari bapanya; Ibn Hajar Asqalani di dalam Isaba, jilid III, ms 455;Tirmidhi di dalam Sahih, jilid II, ms 213; Ibn Abdi'l-Birr di dalam Isti'ab, jilid II, ms 557; Hakim di dalam Mustadrak, jilid III, ms 130; dan Suyuti di dalam Jam'u's-Saghir telah merakamkan bahawa nabi berkata: 'Allah telah mengarah ku untuk mencintai empat orang; dan Dia memberitahu ku bahawa Dia juga mencintai mereka.' Orang berkata: 'Wahai nabi Allah! Berilah kami tahu nama mereka.' Nabi berkata, 'Mereka adalah Ali, Abu Dharr, Miqdad dan Salman.' Adakah keadilan namanya yang membenarkan orang dicintai Allah dilayan sedemikian kejam dan mengatakan layanan begitu sebagai kebajikan?

Hafiz: Ahli sejarah telah menyatakan bahawa Abu Dharr adalah seorang yang pengacau. Dia membuat propaganda yang tidak henti-henti di Syria yang berpihak kepada Ali, mengambil perhatian orang Syria terhadap kedudukan Ali, dan mengkatakan bahawa dia telah mendengar nabi berkata bahawa Ali adalah penggantinya. Dimengatakan bahawa yang lainnya adalah perampas dan bahawa Ali adalah khalifa yang sebenar yang dilantik oleh Allah, khalifa Uthman, untuk mengekalkan perpaduan dan mengelakkan kekacauan, terpaksa memanggil dia balik dari Syria. Jika sesaorang cuba untuk menyebabkan pepecahan diantara manusia, adalah tugas khalifa untuk melenyapkan dia dari kawasan tersebut.

Shirazi: Jika sesaorang mengatakan yang sebenar, adakah adil untuk mengusirnya dan menyiksanya kerana dia menyatakan kebenaran? Adakah Islam membenarkan kita memaksa orang tua untuk menunggang unta kurus tanpa lapik, dipandu secara kasar oleh hamba yang panas baran, tanpa berhenti atau rehat, supaya dia sampai kedestinasi dengan luka-luka dan berdarah? Adakah ini menunjukkan kelembutan hati? Selain dari itu, jika Uthman hendak mengekalkan perpaduan dan mengelak kekacauan, mengapa dia tidak melucut Umayya yang

tidak berguna, seperti Marwan, yang dikutuk dan diusir nabi, dan sikafir, Walid, yang dengan terang melakukan dosa, mendirikan solat sedang dalam keadaan mabuk dan muntah dibawah kubah masjid? Mengapa dia tidak mengeluarkan ahli politiknya yang rasuah dari kerajaan, orangnya yang menyiksa rakyat, yang akhirnya memberontak dan membunuh Uthman.

Hafiz: Bagaimana kamu boleh mengatakan bahawa Abu Dharr mengatakan yang benar? Bagaimana kamu tahu bahawa apa yang dia katakan berasaskan dari pengetaahuan yang benar dan bahawa dia tidak memalsukan hadith di dalam nama nabi yang suci?

Shirazi: Kami katakan begitu kerana nabi sendiri mengesahkan terhadap kejujuran Abu Dharr. Ulama kamu sendiri telah menulis bahawa nabi berkata: 'Abu Dharr diantara ummah ku adalah umpama Isa diantara Bani Israel di dalam kejujuran, ketaatan dan wara'. Muhammad bin Sa'd, seorang ulama yang berkedudukan tinggi serta seorang muhadith [penyampai hadith] dari golongan kamu, di dalam Tabaqat, jilid IV, ms 167, 168; Ibn Abdul-Birrdi dalam Istiab, jilid I, Bab Jundab, ms 84, Tirmidhi di dalam Sahih, jilid II, ms 221; Hakim di dalam Mustadrak, jilid III, ms 342; ibn Hajar di dalam Isaba, jilid III, ms 622 Muttaqi Hindi di dalam Kanzu'l-Ummal, jilid VI, ms 169; Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad, jilid II, ms 163 and 175; Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid I, ms 241; dari Mahidi; Hafiz Abu Nu'aim Isfahani di dalam Hilyatu'l-Auliya dan pengarang Lisanul-Arab, pada asas beberapa pengesahan, telah menyampaikan bahawa nabi bekata: 'Bumi tidak pernah menanggong dan langit tidak pernah menutupi seorang yang lebih benar dari Abu Dharr.'

Jika nabi Allah mengesahkan kejujuran sesaorang, kita berasa yakin bahawa orang itu berkata benar. Tidak juga Allah akan mengelar orang yang dicintainya, seorang yang pendusta. Jika terdapat Abu Dharr berkata dusta walau sekali, ulama terdahulu dari golongan kamu akan merekodnya, sebagaimana mereka lakukan kepada Abu Huraira dan yang lainnya. Nabi mengesahkan kejujurannya dan juga meramalkan penyiksaan terhadap dirinya. Hafiz Abu Nuaim di dalam Hilyatul-Auliya, jilid I, ms 162, menyebutkan dari puncanya sendiri bahawa Abu Dharr berkata dia sedang berdiri dihadapan nabi, yang mana nabi telah berkata: 'Kamu adalah seorang yang wara'; tidak lama selepas aku, engkau akan menanggong bencana,' Saya bertanya; 'Di dalam jalan Allah? Dia berkata: 'Ya, di dalam jalan Allah,' Saya berkata, 'Saya menyambut arahan Allah,' Pastinya penderitaan sahabat yang jujur Abu Dharr dipadang pasir dengan arahan Muawiya, Uthman dan Bani Umayya mereka adalah bencana yang telah diramalakan oleh nabi.

DIALOG SUNNI-SHIA

HADITH 'SEMUA SAHABAT ADALAH UMPAMA BINTANG' TERMASUK JUGA ABU DHARR.

Saya betul-betul hairan dengan keterangan kamu yang dengan sendirinya bertentangan. Pada satu ketika kamu mengatakan hadith dari nabi bahawa ‘Semua sahabat saya adalah umpama bintang; jika kamu ikuti salah seorang dari mereka, kamu akan terselamat.’ Pada ketika yang lain, apabila seorang sahabat nabi yang mulia disiksa dan mati dalam penderitaan, kamu membela orang yang menyiksa!!!

Kamu sama ada menolak kenyataan dari ulama kamu, atau mengaku sifat yang disebutkan di dalam ayat yang diperbincangkan tidak berkait kepada mereka yang dengan zalim menyiksa sahabat nabi.

Hafiz: Abu Dharr memilih untuk pergi ke Rabza dengan kehendaknya sendiri.

Shirazi: Kenyataan begitu membayangkan percubaan ulama kamu yang fanatik untuk menyembunyikan kesalahan orang terdahulu mereka. Abu Dharr diusir dengan paksa ke Rabza adalah sesuatu yang diketahui umum. Sebagai contoh, saya hanya nyatakan satu penyampaian yang telah dirakamkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad, jilid V, ms 156, Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid I, ms 241 dan Waqidi di dalam sejarah dari Abul-Aswad Duili

Abu Dharr telah ditanya mengenai perjalanannya ke Rabza. Abu Dharr berkata bahawa dia telah diusir dengan paksa dan dihantar ketempat yang tiada manusia. Dia menyambung: ‘Nabi memberitahu saya mengenai ini. Satu hari saya tertidur di dalam masjid. Nabi datang dan bertanya kepada saya, mengapa saya tidur di dalam masjid. Saya kata bahawa saya tertidur dengan tidak saya sedari. Baginda bertanya apa saya akan lakukan jika saya diusir dari Madina. Saya berkata, saya akan pergi ke Syria. Baginda bertanya, apa saya akan lakukan jika saya diusir dari sana juga. Saya berkata, saya akan kembali ke masjid ini. Dia bertanya kepada aku lagi, apa akan saya lakukan jika saya dihalau dari sini juga. Saya berkata, saya akan mengeluarkan pedang dan lawan. Dia bertanya kepada saya, haruskan dia meyatakan sesuatu yang bermanfaat kepada saya. Apabila saya katakan Ya; Dia berkata kepada saya: ‘Pergilah kemana saja tempat yang mereka menghantar kamu.’ Maka saya mendengarkan apa yang dikatanya dan saya patuh. Selepas itu Abu Dharr berkata: ‘Demi Allah, apabila Uthman pergi menghadap Allah, dia akan berdiri sebagai seorang yang berdosa terhadap kes saya.’

KEBAIKAN DAN KEMURAHAN HATI ALI IBN ABI TALIB.

Jika kamu pertimbangkan fakta ini dengan minda yang terbuka, kamu akan bersetuju, bahawa Ali memilikki sifat memaafkan dan kebaikkan ditahap yang tertinggi. Semua ahli sejarah, termasuk Ibn Abil-Hadid, menyatakan bahawa apabila Ali mengambil pemerintahan khalifa, dia mengeluarkan segala penyalahgunaan dan perubahan yang telah diamalkan. Dia menggantikan pegawai tidak beragama Bani Umayya, yang telah mencengkam wilayah-wilayah

semasa era khalifa Uthman. Ahli politik yang berkepentingan menasihatkan dia supaya menangguhkan keputusannya pada menggantikan pegawai-pegawai tersebut sehingga kedudukannya lebih kukuh di dalam penguasaan. Imam yang suci berkata: ‘Saya bersumpah dengan Allah bahawa saya tidak akan membenarkan penipuan yang sebegitu licik. Kamu mahukan bahawa saya menggunakan cara yang berperingkat, tetapi kamu tidak tahu bahawa selagi mereka berada ditampok penguasa mewakili saya, mereka akan terus melakukan kezaliman yang berleluasa dimana saya akan dipertanggong jawabkan dimahkamah keadilan ilahi. Saya tidak boleh membiarkan kezaliman ini.’

Penggantian pegawai-pegawai oleh Ali telah membawa permusuhan kepada manusia yang laparkan kuasa, seperti Muawiya, dan menyediakan sebab-sebab pada peperangan Jamal dan Siffin. Jika talha dan Zubair telah dilantik sebagai gabenor, mereka tentu tidak memulakan kekacauan di Basra dan maka terjadinya peperangan Jamal.

Kebajikkan dan kemurahannya telah dihulurkan kepada musuh dan kawan sama sahaja. Uthman lebih keras melayani beliau dari Abu Bakr dan Umar telah lakukan, tetapi apabila pemberontak menggepong istananya, memotong bekalan air dan makanan, Uthman merayu kepada Ali meminta pertolongan. Ali menghantar anaknya Hasan dan Husain, dengan air dan roti kepadanya. Ibn Abil-Hadid menerangkan insiden ini dengan khusus di dalam Sharh Nahjul Balagha. Khlifa Uthman mempunyai reputasi pada memberi derma dan pekerjaan amal, tetapi semuanya hanya untuk keluarga, seperti Abu Sufyan, Hakam bin Abil-As dan Marwan bin Hakam. Dia hujani wang dan hadiah kepada mereka dari harta awam tanpa batasan agama.

Tetapi Amirul Mukminin Ali, tidak pernah memberi lebih dari apa yang perlu, walaupun kepada kerabatnya. Saudara tuanya Aqil, datang menemuinya dan meminta lebih wang dari yang biasa diberinya. Ali tidak memperdulikan permintaannya. Aqil berkeras dan berkata oleh kerana Ali adalah khlifa, dan mempunyai kuasa penuh diatas semua perkara, maka keperluannya mestilah ditunaikan. Sebagai peringatan kepada saudaranya, Ali secara rahsia memanaskan besi, dan meletakkan besi tersebut dekat dengan tubuh Aqil. Dia menjerit seperti orang di dalam kesakitan, takut dirinya akan terbakar. Ali berkata: ‘Biarlah mereka bersedih diatas kematian kamu wahai Aqil! Kamu menjerit apabila besi yang dipanaskan oleh manusia dibawa kedekat kamu, dan bahkan kamu membawa aku kepada api yang Allah telah jadikan dari kemarahannya, adakah adil bahawa kamu mencari perlindungan dari kesakitan yang biasa, dan bahawa aku tidak perlu menyelamatkan diri sendiri dari api neraka?

KEMAAFAN ALI KEPADA MARWAN, ABDULLAH BIN ZUBAIR.

Walaupun setelah mengalahkan musuhnya, Ali masih baik hati. Marwan terkutuk,

anak terkutuk Hakam, adalah musuh Ali yang ketat. Tetapi apabila Ali mengalahkan Marwan di dalam peperangan Jamal, dia mengampunkannya. Abdullah bin Zubair seorang lagi musuh ketatnya. Dia menghina Ali secara umum, dan di Basra apabila dia berucap dihadapan khalayak ramai dia berkata: 'Sesungguhnya Ali Ibn Abi Talib adalah keji, kejam dan kedekut.' Tetapi apabila Imam memenangi peperangan Jamal dan manusia zalim ini telah dibawa sebagai tawanan dihadapannya, Ali tidak menggunakan bahasa kesat terhadapnya. Ali memalingkan mukanya dari dia dan memaafkan nya.

KEBAIKKAN ALI KEPADA AISHA.

Contoh terbaik kasih sayang Ali, adalah layanan beliau kepada Aisha. Cara dia datang bertemu muka dan berdepan untuk memerangi beliau dan mencaci beliau telah cuup untuk memarahkan orang biasa. Tetapi apabila Ali menewaskannya, beliau melayaninya dengan hormat. Dia mengarahkan Muhammad bin Abu Bakr, adiknya, tugas melihat kepada kebajikannya. Dengan arahannya, 20 wanita yang gagah menyamar sebagai lelaki, mengiring Aisha pulang ke Madina. Apabila dia sampai di Madina, dia menyatakan terima kasihnya kepada wanita-wanita itu dan juga kepada isteri nabi. Dia berkata bahawa dia akan terus berterima kasih kepadanya. Dia mengaku bahawa, walaupun dia telah berlaku kejam kepada beliau dan bertanggong jawab terhadap malapetaka, dia tidak menyebutkan satu perkataan pun yang mencaci dia. Dia berkata, bahawa dia mempunyai satu kompelin [aduan] terhadapnya. Dia tidak tahu mengapa beliau telah menghantarnya ke Madina diiringi oleh lelaki. Hamba-hamba wanita itu terus membukakan pakaian lelaki mereka. Maka telah menjadi nyatalah, helah ini adalah untuk menyelamatkan harta mereka dari dirompak

Di kejadian lain yang menunjukkan kebaikkan Ali, adalah layanannya kepada Muawiya dipeperangan Siffin. Tentera Muawiya 12 000 orang telah mengepong Sungai Euphrates. Apabila tentera Ali dapati bahawa bekalan air mereka telah disekat, Ali menghantar berita kepada Muawiya, mengatakan bahawa Muawiya tidak seharusnya menyekat saluran bekalan air. Muawiya menjawab, dia tidak memberikan mereka menggunakan air. Ali menghantar Malik Ashtar dan tentera berkudanya. Dia telah mengusir tentera Muawiya kebelakang dan menguasai Euphrates. Para sahabat berkata, 'Wahai Ali! Biarlah kita membalas mereka dengan menafikan air kepadanya, supaya musuh mati kehausan dan peperangan akan berakhir.' Ali berkata: 'Tidak! Demi Allah, Saya tidak akan membalas dengan mengikuti contoh mereka. Biarkan tentera mereka mengambil bekalan air mereka.'

Ulama kamu sendiri seperti Tabari, Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha, Sulayman Balkhi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 51, Masudi di dalam Murujudh-Dhahabi, dan ahli sejarah lainnya telah menulis dengan khusus mengenai kemuliaan Ali. Kamu bolehlah menteliti kejadian-kejadian ini dan kemudian

pertimbangkanlah siapa yang dirujuk oleh ayat ‘dan berkasih sayang diantara mereka,’ ayat yang sedang kita dibincangkan. Muhammad, nabi Allah, adalah tajuk utama, dan apa yang mengikut adalah huraiannya. Kesemua sifat itu adalah untuk orang yang sama. Untuk bersama dengan nabi, adalah keras terhadap yang kafir di medan peperangan dan di dalam perbincangan agama, hendaklah berkasih sayang dengan kawan dan musuh – semua kualiti ini merujuk kepada seorang yang tidak pernah meninggalkan nabi atau memikirkan yang sedemikian. Orang itu adalah Ali Ibn Abi Talib. Saya telah sebutkan dahulu bahawa seorang ulama besar; Muhammad bin yusuf Ghanji Shafii telah menulis di dalam bukunya Kifayatut-Talib bahawa ayat ini adalah pada memuji Ali.

Sheikh: Terdapat banyak jawapan kepada kenyataan kamu; tetapi kamu telah mensalah tafsirkan ayat tersebut. Rangkap ‘Dan mereka yang berada dengannya!’ adalah jamaa’ [ramai] dan tidak boleh dirujuk kepada seorang sahaja. Jika sifat yang dinyatakan di dalam ayat itu merujuk kepada seorang, mengapa ianya disebut sebagai ramai?

Shirazi: Pertama kamu katakan bahawa ada banyak jawapan kepada kenyataan saya, jika ianya benar, mengapa tidak dinyatakan semua? Dengan diamnya kamu, ini menunjukkan tidaklah banyak jawapan kepada kenyataan saya. Kedua, apa yang baru kamu katakan adalah mengarut dan tidak ber asas. Kamu tahu bahawa di dalam semua bahasa, Arab dan juga bahasa lainnya, kegunaan jamaa’ ,ramai, untuk seorang adalah petanda hormat. Terdapat banyak kegunaannya di dalam al-Quran, seperti ayat: ‘Hanya Allah sahabat kamu dan malaikatnya dan mereka yang beriman, mereka yang mengerjakan solat dan membayar zakat sedang ianya rukuk.’ [5:55] Ini telah diterima oleh semua sebagai memuji Ali. Pengulas dan para hadith, seperti Imam Fakhru’d-Din Razi di dalam Tafsir Kabir, jilid III, ms 431; Imam Abu Ishaq Tha’labi di dalam Kashfu’l-Bayan; Jarullah Zamakhshari di dalam Tafsir Kashshaf, jilid I, ms 422; Tabari di dalam Tafsir, jilid VI, ms 186; Abu’l-Hasan Rammani di dalam Tafsir; Ibn Hawazin Nishapuri di dalam Tafsir; Ibn Sa’dun Qartabi di dalam Tafsir, jilid VI, ms 221; Nasafi Hafiz di dalam Tafsir, ms 496 (dengan cara mengulas pada Tafsir oleh Khazin Baghdadi); Fazil Nishapuri di dalam Gharibu’l-Qur’an, jilid I, ms 461; Abu’l-Hasan Wahidi di dalam Asbabu’n-Nuzul, ms 148; Hafiz Abu Bakr Jassas di dalam Tafsir Ahkamu’l-Qur’an, ms 542; Hafiz Abu Bakr Shirazi di dalam Fima Nazala Mina’l-Qur’an Fi Amiru’l-Mu’minin; Abu Yusuf Sheikh Abdu’s-Salam Qazwini di dalam Tafsir Kabir; Qazi Baidhawi di dalam Anwaru’t-Tanzil, jilid I, ms 345; Jalalu’d-Din Suyuti di dalam Durru’l-Mansur, jilid II, ms 239; Qazi Shukani San’a’i di dalam Tafsir Fathu’l-Qadir; Seyyed Muhammad Alusi di dalam Tafsir, jilid II, ms 329; Hafiz Ibn Abi Shaiba Kufi di dalam Tafsir; Abu’l-Baraka di dalam Tafsir, jilid I, ms 496; Hafiz Baghawi di dalam Ma’alimu’t-Tanzil; Imam Abu Abdu’r-Rahman Nisa’i di dalam Sahih; Muhammad Bin Talha Shafi’i di dalam Matalibu’s-Su’ul, ms 31; Ibn Abi’l-Hadid di dalam Sharhe Nahju’l-Balagha, jilid III, ms 375; Khazin Ala’u’d-Din Baghdadi di dalam Tafsir, jilid I, ms 496; Sulayman Hanafi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, ms 212; Hafiz Abu Bakr

Baihaqi di dalam Kitab Musannaf; Razin Abdari di dalam Jam' Bainu's-Siha Sitta; Ibn Asakir Damishqi di dalam Ta'rikh Sham; Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira, ms 9; Qazi Azuda'iji di dalam Mawaqif, ms 276; Seyyed Sharif Jurjani di dalam Sharhe Mawaqif; Ibn Sabbagh Maliki di dalam Fusulu'l-Muhimma, ms 123; Hafiz Abu Sa'd Sam'ani di dalam Faza'ili's-Sahaba; Abu Ja'far Askafi di dalam Nagzi'l-Uthmaniyya; Tibrani di dalam Ausat; Ibn Maghazili Faqih Shafi'i di dalam Manaqib; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib; Mulla Ali Qushachi di dalam Sharhe Tajrid; Seyyed Muhammad Mu'min Shablanji di dalam Nuru'l-Absar, ms 77; Muhibu'd-Din Tabari di dalam Riyazu'n-Nuzra, jilid II, ms 247 dan banyak lagi dari ulama kamu yang ternama semua telah menyebutkan dari Sadi, Mujahid Hasan Basri, A'mash, Atba Bin Hakim, Ghalib Ibn Abdullah, Qais Bin Rabi'a, Abaya Bin Rab'i, Abdullah Ibn Abbas, Abu Dharr Ghifari, Jabir Ibn Abdullah Ansari, Ammar, Abu Rafi', dan Abdullah Bin Salam, dan yang lain, telah mengesahkan bahawa ayat ini telah diwahyukan pada memuji Ali. Ayat ini merujuk kepada masa Ali memberikan chin-chinnya kepada peminta sedekah sedang ia rukuk [dalam solat]. Disini juga ayat itu menunjukkan ramai, hanya sebagai tanda hormat terhadap kedudukan Wilaya [penjaga], dan pada membuktikan bahawa Ali adalah Imam dan pengganti kepada nabi. Penekanan terhadap perkataan 'innama' menunjukkan pada maksud – keputusan dari Allah – akhir dan muktamad, i.e. adalah keputusan Allah bahawa penjaga kepada yang beriman adalah Allah, nabi [Muhammad], dan yang beriman yang memberikan zakat sedang ianya solat, ini dirujukkan khas kepada Ali.

Sheikh: Pastinya kamu akan menerima bahawa penghuraian kamu tidaklah begitu jelas oleh kerana terdapat perbezaan pendapat mengenainya. Sebahagian mengatakan bahawa ianya merujuk kepada Ansar, dan sebahagian mengatakan ianya adalah pada memuji cara ibadat Bani Samit, dan sebahagian mengatakan bahawa ia merujuk kepada Abdullah bin Salam.

Shirazi: Adalah amat memeranjatkan bahawa orang terpelajar seperti kamu boleh bertentangan dengan ulama-ulama kamu sendiri. Kamu telah mengambil pandangan beberapa orang yang jahil dan yang tidak boleh dipercayai serta catitkan mereka telah ditolak. Ulama kamu yang agung telah menyatakan dengan jelas pada maksud ini, orang seperti Fazil Taftazani dan Mulla Al Qushachi, yang mengatakan di dalam Sharh Tajrid: 'Menurut dari sebulat suata pengulas, ayat ini telah diwahyukan di dalam memuji Ali, yang mana, sedang dia rukuk' di dalam solat telah memberikan chin-chinnya kepada peminta sedekah.'

KEKELIRUAN DAN KERUMITAN MENGENAI 'AYAT KEPADA PENJAGAAN' DAN PENJELASANNYA.

Sheikh: Di dalam huraian dari ucapan kamu mengenai ayat ini, kamu telah cuba untuk membuktikan bahawa Ali adalah pengganti selepas nabi, walauppun perkataan 'wali' di dalam ayat ini bererti 'kawan' atan 'yang dicintai' dan

bukannya ‘Imam’ atau ‘pengganti’ Jika pandangan kamu diterima bahawa ‘wali’ bererti ‘pengganti’ dan ‘Imam’, maka menurut kepada prinsip yang telah diperseujui, ianya tidak tertakluk kepada seorang, tetapi ramai dengan yang lain terjumlah di dalamnya. Ali adalah seorang dari mereka. Dan juga dalam ayat ‘Sesungguh, penjaga kamu adalah Allah, dan nabiNya, dan mereka yang beriman… ‘ penggunaan kata ramai merujukkan kepada manusia secara umum. Untuk mengatakan bahawa bentuk ramai adalah petunjuk kepada tanda hormat tidak boleh diterima tanpa sebarang hujah yang munasabah dari contoh al-Quran atau penguasa lainnya.

Shirazi: Kamu telah salah mengertikan rangkap’…penjaga kamu…’ ‘Wali’ adalah satu, dan ‘kum’ [kamu] adalah ramai, yang merujuk kepada manusia dan tidak menunjukkan kepada yang satu. Ya sememangnya ‘Wali’ adalah untuk seorang, yang menjadi penjaga terhadap semua ummah pada setiap era.

Kedua, pada ayat yang dibawah pertimbangan, dimana kata ramai telah digunakan, sebahagian dari para fanatik telah berkata bahawa ianya tidak boleh ditafsirkan sebagai satu, seperti di dalam ayat ‘ … mereka yang mendirikan solat… ‘ jawapan saya terhadap bantahan yang lalu. Saya kata bahawa penulis terkemuka selalu menggunakan kata ramai bagi menunjukkan satu. Kamu juga mengatakan bahawa bentuk ramai di dalam ayat itu yang merujuk kepada manusia secara umum. Kami katakan bahawa menurut pada kata penekanan ‘sesungguhnya’ rujukannya adalah kepada Ali, tetapi kami tidak mengatakan bahawa rujukan itu khusus untuk dia seorang. Yang lain dari keturunan nabi terjumlah sekali di dalamnya. Menurut dari hadith yang sahih, kesemua Imam dari keturunan nabi telah terjumlah di dalam ayat ini. Jarullah Zamakhshari menulis di dalam Kashshaf bahawa ayat ini telah diwahyukan khususnya pada memuji Ali, tetapi kata ramai yang digunakan di dalamnya bererti bahawa yang lain juga hendaklah mengikutinya.

Sheikh: Di dalam ayat ini ‘wali’ pastinya bereti ‘penolong’. Jika ianya bererti penjaga, yang termasuk kedudukan pengganti, maka dia seharusnya dilantik pada kedudukan tersebut semasa hayat nabi.

Shirazi: Kedudukan Ali adalah tetap. Pembentukkan nahu di dalam ayat pada perkataan ‘wali’ yang digunakan, adalah sifat, pada membuktikan kedudukan Ali yang tetap [kekal]. Fakta ini disokong oleh nabi yang mengistiharan Ali sebagai wazirnya pada permulaan perjalanannya ke Tabuk dan baginda tidak pernah meriknya semula. Pandangan kami diperkuatkan lagi oleh hadith Manzila, yang mana nabi selalu sebutkan berulangkali: ‘Ali adalah kepada saya seumpama Harun kepada Musa’ yang telah saya terangkan pada malam-malam yang lalu. Ini dengan sendirinya adalah satu lagi bukti Ali adalah wali [penjaga] atau wazir nabi semasa hayat baginda dan juga selepasnya.

Sheikh: Jika kami hendak memberikan pertimbangan kepada perkara ini, kami percaya bahawa ayat ini tidak merujuk kepada Ali. Kedudukannya lebih tinggi dari itu, yang mana kami hendak buktikan dari ayat ini. Ia tidak menunjukkan apa-apa keutamaan kepadanya, malahan ianya merendahkan martabatnya.

Shirazi: Tidak kamu dan juga aku – tidak juga ummah ini – termasuklah para sahabat nabi yang agung, mempunyai apa-apa hak pada mencampuri penterjemahan kepada ayat-ayat tersebut. Ayat al-Quran tidaklah diwahyukan menurut kehendak kita. Jika sebilangan manusia menterjemahkan maksud al-Quran berasaskan pendapat dan maksudnya endiri, diluar kejadian yang mana ayat itu telah diwahyukan, mereka pastilah dianya kafir. Sebagai contoh, pengikut Abu Bakr mengatakan bahawa menurut daripada hadith yang disampaikan oleh yang terkenal pemalsu hadith Akrama, ayat ini diwahyukan mengenai Abu Bakr. Bolehkah kamu memberitahu kami bagaimana ayat ini boleh merendahkan kedudukan Ali?

Sheikh: Satu dari ciri-ciri kehormatan dan kedudukan Ali adalah bahawa apabila bersolat dia tidak pernah mengalihkan tumpuannya kepada lain perkara. Ali pernah sekali luka dimedan pertempuran. Anak panah melekat pada tubuhnya, dan tidak mungkin boleh dikeluarkan tanpa menyebabkab kesakitan yang teramat sangat. Tetapi apabila dia tegak mendirikan solat, anak panah itu dicabut keluar, dan disebabkan oleh tumpuannya yang mendalam di dalam solat kepada Allah, dia tidak merasakan kesakitan itu. Jika di dalam solat dia memberikan chin-chinnya kepada peminta sedekah, maka terdapat banyak kesalahan pada solatnya. Bagaimana sesaorang yang sangat tertumpu kepada kebesaran Allah dan pada masa yang sama mengalihkan tumpuannya kepada selain Allah dalam tindakkannya terhadap suara peminta sedekah?

Lebih-lebih lagi, di dalam melakukan semua amalan baik, dan pada membayar zakat, niat adalah wajib. Sedangkan solat memerlukan kepada tumpuan kehadrat Allah sahaja. Bagaimana mungkin tumpuannya beralih dari solat dan berpaling kepada makhluk? Oleh kerana kami menganggap kedudukan Ali adalah tinggi, kami tidak menerima penghuraian kamu. Dan jika dia ada memberi sesuatu kepada peminta sedekah; sudah pastinya tidak di dalam solat; oleh kerana rukuk bererti, tunduk patuh dan merendahkan diri kepada Allah.

Shirazi: Kamu telah pandai belajar bagaimana untuk membaca, tetapi kamu telah tertinggal bagaimana caranya untuk beramal. Bantahan kamu ini lebih lemah dari sawang labah-labah. Pertama, perbuatan Ali tidak merendahkan dalam bentuk apa juga kedudukankannya. Yang sebenarnya, untuk memberikan perhatian kepada peminta sedekah dan memberikan sedakah, adalah satu dari punca keutamaan. Dalam perkara ini, dia menyatukan amalan zahir dan bathin bersama dengan amalan kebendaan. Kedua-dua amalan ini adalah dijalan Allah. Kawan budiman! Pengalihan yang mengurangkan solat adalah yang menggandungi kebanggaan diri

di dalamnya. Perhatian kepada amalan yang lain sedang dia melakukan amalan yang tertentu, adalah tanda kecemerlangan. Sebagai contoh, semasa mengerjakan solat, sesaorang menangis kerana sesaorang yang sangat dicintai, solatnya akan batal. Tetapi jika dia menangis oleh cintanya yang mendalam untuk Dia, atau kerana takut kepada Dia, maka ini adalah tanda utama.

Kamu katakan rukuk bererti ikhlas merendahkan diri kepada Allah. Maksud ini mungkin betul pada keadaan yang lain. Tetapi jika kamu katakan rukuk di dalam solat, yang mana adalah pasti dan termaktub, membawa maksud yang sama, para ilmuan akan metertawakan kamu. Kamu juga cuba untuk membuang atau melindungi maksud ayat ini yang jelas. Kamu memberikan kiasan maksud kepadanya, walaupun kamu tahu maksud yang diterangkan adalah gerakkan yang dilakukan di dalam solat, iaitu menundukkan kepala dengan tapak tangan diletakkan kepada dua lutut. Dan fakta ini telah diakui oleh ulama terkenal kamu, sebagaimana yang telah saya katakan lebih awal lagi. Fazil Qushachi di dalam Sharh Tajrid, menerangkan pandangan pengulas secara umum bahawa Ali, sedang rukuk di dalam solat, memberikan chin-chin kepada peminta sedekah. Dengan mengenepikan segala-galanya ketepi, sila beritahu kepada kami sama ada ayat yang diwahyukan ini pada memuji atau mengutuk?

Sheikh: Sudah tentu pada pujian.

Shirazi: Maka apabila kedua golongan ulama telah mengatakan bahawa ayat ini telah diwahyukan dalam memuji Ali, dan bahawa ianya mengandungi pujian dari Allah, apakah sebabnya kamu membuat bantahan yang amat keras, bersama bersetuju dengan kaum khariji, yang mana pandangan mereka telah ditanamkan kedalam fikiran kamu semenjak dari kecil lagi? Mengapa kamu tidak mahu mengakui kebenaran ini?

Sheikh: Maafkan saya! Oleh kerana kamu seorang yang fasih berkata-kata; kamu kerap menggunakan bayangan dan rujukan yang mana akan menimbulkan pada fikiran mereka yang rendah ide atau pendapat yang tidak menyenangkan. Bukankah lebih baik jika kamu mengawal dari percakapan yang sebegitu.

Shirazi: Di dalam percakapan saya tidak ada yang lain hanyalah kebenaran. Allah menjadi saksi kepada saya. Saya tudak pernah berniat hendak menggunakan bayangan atau rujukan yang menyimpang Tidak ada perlunya untuk itu. Apa sahaja yang hendak saya katakan, saya katakan dengan jelas. Sila beri tahu saya bayangan bagaimana yang kamu maksudkan.

Sheikh: Baru sahaja tadi semasa percakapan kamu didalam perkaitan ayat yang sedang dibincangkan, kamu katakan bahawa sifat yang dikatakan terkandung di dalamnya adalah khas untuk Ali Ibn Abi Talib, yang mana, dari mula hinggalah keakhir hayatnya, tidak pernah meragui keimanannya. Dengan cara ini kamu

membayangkan bahawa yang lain berdosa dari murtad. Adakah khalifa yang agung atau sahabat mempunyai keraguan terhadap iman masing-masing? Pastikanlah bahawa para sahabat, samalah seperti Ali, tidak pernah meragui akan kebenaran Islam. Tidak pernah bagi mereka walau seminit terkeluar dari ajaran nabi.

Shirazi: Pertama, saya tidak menggunakan perkataan yang kamu gunakan. Kedua, kamu tahu bahawa membuktikan sesuatu untuk sesaorang tidaklah pula ianya bererti menidakkan perkara yang sama kepada orang lain. Ketiga, walaupun kamu cuba untuk mengkritik saya, saya fikir yang lainnya tidak berfikiran sebegitu. Allah saksi saya. Saya tidak membuat rujukan yang tidak tepat kepada apa-apa pun juga, dan tidak juga saya memikirkan pada melakukannya. Dan jika ada apa-apa yang terlintas di dalam fikiran kamu, kamu bolehlah bertanya kepada saya secara sendirian.

Sheikh: Dari cara kamu bercakap menunjukkan bahawa ada sesuatu tujuan yang mana kamu mendiamkan diri. Saya meminta kamu untuk memberitahu kepada kami apa yang ada di dalam fikiran kamu dan juga berikan rujukan hadith yang sahih dari apa yang kamu katakan.

Shirazi: Sebenarnya kamulah yang telah menimbulkan sesuatu di dalam fikiran saya, kamu yang inginkan isu itu dibincangkan. Sekali lagi saya meminta dari kamu supaya melupakan perkara itu dan jangan didesakkan padanya.

Sheikh: Jika ada apa-apa yang kurang sopan, maka ianya berakhir. Sekarang kamu tidak mempunyai pilihan tetapi untuk menjawab. Jika kamu tidak memberikan jawapan yang jelas sama ada ia atau tidak. maka saya akan terpaksa merumuskan apa yang kamu katakan adalah tidak berasas.

Shirazi: Tidak ada apa-apa yang tidak bersopan dari kenyataan saya, tetapi oleh kerana kamu mendesak; maka saya tidak punya pilihan malainkan mengatakan yang benar. Ulama kamu yang terkanal bersetuju bahawa para sahabat nabi yang mana iman mereka belum sempurna, kerap melayani keraguan. Sebahagian mereka berkekalan di dalam keraguan itu dan kafir. Beberapa ayat al-Quran telah diwahyukan di dalam mengutukki mereka. Sebagai contoh, terdapatnya para munafik yang kutukkan terhadap mereka, satu surah penuh telah diwahyukan terhadapnya. Tetapi persoalan begini tidaklah boleh dibincangkan dengan cara terbuka. Saya sekali lagi meminta kamu menahan dari meneruskan tajuk ini.

Sheikh: Maksud kamu bahawa khalifa yang agung adalah diantara mereka yang mempunyai keraguan.

Shirazi: Jika jawapan saya menyebabkan tindakkan yang malang dari mereka yang kurang arif, itu adalah tanggong jawab kamu. Kamu baru saja berkata, ‘Kami

katakan itu kami katakan ini,' tetapi sekali lagi, adalah ulama kamu yang telah merakamkan segala fakta tersebut.

Sheikh: Pada tajuk apa yang mereka telah tulis, dan pada peristiwa apa yang khalifa menyatakan keraguannya, dan siapakan dia orangnya yang mempunyai keraguan? Tolong beritahu kepada kami.

Shirazi: Ramai manusia yang mempunyai keraguan yang sirius tetapi kembali semula keagama asal. Sebahagian mereka kekal di dalam keraguan. Ibn Maghazili Shafii di dalam Manaqib; dan Hafiz Abu Abdullah Bin Abi Nasr Hamidi di dalam Jam' Bainus-Sahihain-e-Bukhari, dan juga Muslim menulis: 'Umar bin Khattab berkata: 'Saya tidak pernah meragui nabi Muhammad sebagaimana saya meragukannya pada hari Hudaibiyya.' Kenyataan ini menunjukkan bahawa dia meragui kanabian Muhammad lebih dari sekali.

Nawab: Maafkan saya. Apakah peristiwa di Hudaibiyya yang menimbulkan keraguan terhadap nabi?

Shirazi: Nabi melihat pada satu malam di dalam mimpi bahawa dia pergi ke Makah bersama dengan para sahabat untuk melakukan umrah. Pada keesokkan harinya, apabila dia menyampaikan mimpinya kepada para sahabat, mereka memintanya untuk menterjemahkan. Nabi berkata: 'Dengan izin Allah, kita akan pergi ke Makah dan melaksanakan amalan ini.' Tetapi dia tidak menentukan masa untuknya. Dengan niat untuk melawat rumah Allah, nabi bergerak bersama para sahabat menuju Makah pada tahun yang sama. Apabila mereka sampai di Hudaibiyya [sebuah perigi hampir dengan Makah]; Quraish datang kesana dan menegah mereka dari bergerak maju. Oleh kerana nabi tidak pergi kesana untuk berperang, dia menawarkan untuk berdamai dengan mereka. Satu perjanjian telah ditanda tangani dan nabi pulang ke Madina. Pada peristiwa ini Umar meragui. Dia pergi berjumpa nabi dan berkata: 'Tidakkah kamu nabi Allah dan orang yang benar? Tidakkah kamu yang memberitahu kami bahawa kamu akan pergi ke Makah dan melakukan Umra dan mencukur rambut dan memotong janggut? Mengapa kamu gagal untuk melakukannya sekarang?

Nabi bertanya kepada dia sama ada baginda telah menetapkan waktunya untuk itu atau jika baginda mengatakan kepada mereka yang mereka akan lakukan pada tahun yang sama. Umar mengakui nabi tidak menetapkan masa. Nabi menyatakan bahawa apa yang dikatakan kepada mereka adalah betul, dengan keizinan Allah, mereka akan pergi ke Makah pada masa akan datang dan mimpinya jadi nyata. Yang pastinya masa untuk memenuhi penghuraian itu, sama ada sekarang atau kemudian bergantung kepada kehendak Allah. Kemudian untuk mengesahkan kenyataan nabi, Jibril datang dan mewahyukan ayat yang berikutnya dari al-Quran: 'Sesungguhnya Allah telah memperkenankan mimpi nabi dengan kebenaran, bahawa pastinya kamu akan memasuki masjid yang suci,

insya Allah, dalam kesejahteraan, dengan bercukur, dan sebahagian bergunting, tanpa ketakutan; kerana Dia mengetahui apa yang kamu tidak ketahui dan Dia telah pastikan selain ini adalah kemenangan yang terdekat.' [48:27] Kejayaan disini bererti penaklukkan Khaibar. Ini adalah secara ringkas, peristiwa Hudaibiyya, yang mana dengan sebenarnya telah menduga keimanan bagi manusia yang belum cukup sempurna imannya.

Pada peringkat ini, terdapat perbincangan sama ada untuk meneruskan perbincangan, kerana terdapat atur cara pelawat sunni dari Afghanistan dan begitu juga Shirazi, akhirnya berkeputusan dengan perbincangan ini akan disambung.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 7

Rabu Malam 29 Rejab 1345 Hijrah

Seyyed Abdul-Hayy [Imam masjid sunni]: Beberapa malam yang lalu kamu membuat beberapa kenyataan yang mana Hafiz Sahib meminta bukti, tetapi kamu secara licik mengelakkan diri dari menjawabnya atau sengaja menibulkan kekeliruan diantara kami, dan kini segala perkara amat menggangukan sekali.

Shirazi: Sila beritahu kepada saya soalan yang mana telah tertinggal tidak dijawab, oleh kerana saya tidak ingat insiden yang kamu sebutkan.

Seyyed: Tidakkah kamu katakan beberapa malam yang lalu bahawa Ali mempunyai kesatuan pada 'diri' dengan nabi dan makanya lebih utama kedudukannya dari semua Nabi?

Shirazi: Ya memang benar. Itu adalah kenyataan saya, dan itu adalah kepercayaan saya.

Seyyed: Jadi mengapa kamu tidak menjawab pertanyaan kami?

Shirazi: Kamu benar-benar tersilap. Pelik sungguh bahawa kamu telah mendengarnya dengan teliti disepanjang perbincangan, malah kini kamu menuduh saya menggunakan cara yang licik atau cuba mengelirukan fikiran. Jika kamu fikirkan dalam-dalam, kamu akan faham bahawa saya tidak ada mengatakan sesuatu yang tiada kaitannya, tetapi Maulla yang bijaksana ini telah meletakkan soalan yang tertentu yang mana saya terpaksa menjawabnya. Sekarang jika kamu mempunyai sebarang soalan yang hendak ditanyakan, kamu bolehlah melakukannya sekarang, dan dengan pertolongan Allah, saya akan menjawabnya.

Seyyed: Kami ingin mengetahui bagaimana mungkin dua individu boleh bersatu, dan dengan penyatuan mereka dengan itu mereka boleh menjadi satu dan sama.

PERBEZAAN DIANTARA PENYATUAN TANGGAPAN DAN PENYATUAN SEBENAR.

Shirazi: Pastinya, tidak mungkin bagi dua orang untuk membentuk penyatuan yang sebenar. Apabila saya mengatakan bahawa Amirul Mukminin mempunyai penyatuan pada 'diri' atau 'ruh' dengan Nabi, kamu tidak sepatutnya mengambilnya sebagai penyatuian yang sebenar, kerana tiada siapa pernah mengatakan sebegitu, dan jika sesiapa mempercayainya, mereka sesungguhnya telah salah. Penyatuan yang saya rujuk adalah anggapan sahaja, bukan sebenar, dan bermaksud untuk menunjukkan bahawa kedua mereka mempunyai keutamaan yang sama pada ruh dan kemuliaan, bukannya badan yang sama.

Hafiz: Maka menurut dari tanggapan ini mereka berdua seharusnya menjadi nabi, dan dari apa yang kamu katakan, wahyu harus datang kepada mereka berdua.

Shirazi: Itu nyata sekali telah salah pengertian. Tidak ada shia yang percaya begitu. Saya tidak menduga kamu akan memulakan perbincangan sebegitu dan membuang waktu sahaja. Saya baru sahaja memberitahu kamu bahawa mereka bersekutu di dalam semua perkara kemuliaan dan keutamaan, menerima sifat-sifat tersebut dengan pengecualian pada perintah-perintah atau asas tertentu. Pengecualian itu adalah kerasulan dengan segala ciri-ciri yang ada padanya – satu daripadanya adalah penerimaan wahyu, dan melaluinya berhubung dengan perundangan tuhan. Mungkin kamu telah terlupa kenyataan saya pada malam lalu, yang mana saya buktikan melalui hadith Manzila [kedudukan] bahawa Ali memiliki kedudukan nabi, tetapi dia mengikut, dan tertakluk kepada agama dan etika yang diberikan oleh Rasul. Kedudukan nabinya tidak lebih dari kedudukan Harun pada hayat Musa.

Hafiz: Tetapi jika kamu percaya dengan persamaan Ali dengan Nabi dalam semua perkara kemuliaan dan keutamaan, maka kamu mesti percaya persamaannya di dalam perkara kerasulan dan ciri-ciri yang ada dengannya.

Shirazi: Ianya mungkin kelihatan begitu, tetapi jika kamu fikirkan baik-baik, kamu akan lihat bahawa ianya tidak. Sebagaimana saya telah buktikan terdahulu dari ayat al-Quran, nabi adalah kedudukan yang lain, dan nabi serta rasul Allah adalah satu kedudukan yang lebih tinggi diantara satu dengan lainnya. Sebagaimana al-Quran dengan terang menyatakan: 'Nabi-nabi ini, Kami telah melebihkan sebahagiannya dari yang lain.' [2:253] Dan yang paling sempurna pada kedudukan dari semua nabi adalah kedudukan khas Muhammad, sebagaimana Allah berkata: 'Muhammad bukanlah bapa kepada mana-mana daripada kamu, tetapi rasul Allah dan penamat bagi anbia.' [33:40] Disebabkan dari kesempurnaan kerasulan yang telah membawa kepada penutup bagi anbia. Maka

di dalam kesempurnaan sifat begini, tiada siapa boleh disamakan. Di dalam perkara keutamaan yang lain, terdapat persekutuan dan persamaan, untuk itu terdapat banyak bukti.

Seyyed: Bolehkah kamu ketengahkan hujah dari al-Quran untuk membuktikan keterangan kamu.

AYAT MUBAHILA MEMBUKTIKAN PENYATUAN DIRI [RUH] ALI DENGAN NABI.

Shirazi: Ya sudah tebtunya hujah kami yang pertama dari al-Quran, pembuktian dari Allah yang kukuh, yang dikatakan ayat kutukan [ayat-e-mubahila] yang mana Allah berkata: 'Dan kepada mereka yang menentang kamu, makanya setelah pengetahuan sampai kepada kamu, katakan: 'Marilah, biar kita panggil anak-anak kami dan anak-anak kamu, dan wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu, dan diri kami dan diri kamu dan kemudian kita berdoa dan meminta kutukan Allah kepada mereka yang berdusta.' [3:60] Ulama kamu yang terkenal, seperti Imam Fakrud-Din Razi; Imam Abi Ishaq Thalabi, Jalalud-Din Suyuti, Qazi Baidhawi, Jarullah Zamakhshari, Muslim bin Hujjaj dan ramai yang lain lagi telah menulis bahawa ayat yang suci ini telah diwahyukan pada hari Mubahila, iaitu pada 24 atau 25 Dhul-Hijja dalam tahun ke 9 Hijrah.

Apabila nabi mempelawa kristian Najran kepada Islam, mereka memilih orang-orang mereka yang terpelajar, seperti Seyyed, Aqib, Jasiq, Alqama, dsb berjumlah lebih dari 70 orang, dan menghantar mereka ke Madina bersama dengan 300 dari pengikut mereka, untuk bertemu dengan nabi, dan belajar apa itu Islam. Mereka memulakan perbincangan ilmiah dengan nabi dan terpesona dengan hujah yang amat menjelaskan. Dia membuktikan kebenaran akan misinya dari buku mereka yang dipercayai dan mengatakan bahawa Isa sendiri, dari beberapa petanda telah meramalkan kedatangan baginda [Muhammad], dan kristian sedang menunggu terkabulnya mujizat Isa yang menurutnya, orang yang sedemikian akan muncul menunggang unta dari bukit Faran [di Makah] dan akan berhijrah kesuatu tempat diantara 'Ayr dan Uhud [itulah Madina]. Hujah itu sungguh meyakinkan orang kristian, tetapi kecintaan mereka kepada kedudukan didunia menjauhkan mereka dari menerima kebenaran. Kemudian nabi memberitahu mereka mengenai arahan Allah, yang mereka bersetuju padanya sebagai penyelesaian perbincangan dan untuk menentukan yang benar dari yang dusta.

NABI TIBA UNTUK MUBAHILA.

Menurut dari persefahaman bersama, pada hari esoknya, keseluruh parti kristian, termasuk lebih dari 70 ahli ilmuan mereka, menunggu diluar pintu Madina untuk kedatangan nabi. Mereka mengharapkan dia datang dengan keindahan dan dengan jumlah yang besar dari para sahabat untuk mengkagumkan mereka. Tetapi apabila pintu terbuka, nabi datang dengan seorang muda dikanannya,

seorang wanita terhormat dikirinya dan dua kanak-kanak dihadapannya. Mereka berada dibawah pokok, menghadap kepada orang-orang kristian. Asqaf orang yang paling terpelajar dari golongan kristian, bertanya siapakan mereka yang datang bersama dengan Muhammad. DIa telah diberitahu bahawa orang muda itu adalah menantunya dan juga sepupu, Ali Ibn Abi Talib, wanita itu adalah anak perempuannya, Fatima, dan kedua kanak-kanak adalah anak kepada anak perempuannya, Hasan dan Husain.

Berucap kepada orang-orang kristian, ketua mereka, Asqaf berkata: 'Lihat disini, betapa yakinnya Muhammad. Dia telah membawa bersama, kerabatnya yang terdekat, anak-anak dan yang paling dicintainya dipertandingan keruhanian untuk kutukan Tuhan. Demi Tuhan, jika dia mempunyai sebarang keraguan atau takut terhadap pendiriannya, dia pasti tidak memilih mereka. Sekarang adalah dinasihatkan supaya kita tidak memasuki pertandingan tersebut menentang mereka. Jika kami tidak takut kepada pemerintah Rom, kami pasti akan memeluk kepercayaan Islam. Adalah lebih menguntungkan untuk berkompromi pada syarat-syarat mereka dan kembali.' Kesemua mereka bersetuju dengannya. Seterusnya, Asqaf menghantar perutusan kepada nabi, berkata: ''Kami tidak mahu bertanding dengan kamu, tetapi lebih suka untuk berdamai dengan kamu.' Nabi menerima tawaran mereka.

Perjanjian itu telah ditulis oleh Amirul Mukminin. Kristian bersetuju untuk membayar hadiah tahunan dalam bentuk 2 000 baju besi, setiap satu bernilai lebih kurang 40 dirham [satu dirham bersamaan setengah ouns emas] dan 1 000 mithqal emas [satu mithqal bersamaan dengan satu per enam ouns emas] Setengah darinya hendaklah dibayar pada bulan Muharam dan setengah lagi dibulan Rejab. Perjanjian itu telah ditanda tangani oleh kedua parti, dan golongan kristian pulang ketempat mereka. Sedang mereka di dalam perjalanan pulang, seorang dari ilmuan mereka bernama Aqib berkata kepada sahabatnya: 'Demi Tuhan kamu dan aku tahu bahawa Muhammad ini adalah nabi Allah yang sama, yang kita harapkan, dan apa sahaja yang dikatakannya adalah dari tuhan. Saya bersumpah dengan tuhan, siapa sahaja yang telah bertanding dengan nabi tuhan pasti akan mendapat padah, dan tiada yang kecil atau yang tua mereka tinggal hidup. Sudah pasti jika kita telah bertanding dengannya, kesemua kita akan terbunuh dan tiada kristian yang akan hidup di dalam dunia ini. Demi Tuhan apabila saya melihat kepada mereka, saya melihat wajah-wajah yang kalau mereka berdoa kepada tuhan, gunung pun akan digerakkan.'

Hafiz: Apa yang kamu telah katakan adalah benar dan diterima oleh semua Muslim, tetapi ianya tidak mempunyai apa-apa tujuan pada tajuk kita, iaitu, bahawa Ali adalah secara ruhaniah bersatu dengan nabi.

KEMULIAAN ALI, FATIMA, HASAN DAN HUSAIN DIBUKTIKAN OLEH AYAT MUBAHILA.

Shirazi: Saya berhujah dengan perkataan ‘diri kami’ di dalam ayat yang suci ini. Oleh kerana dari peristiwa ini banyak persoalan telah diselesaikan. Pertama, kebenaran kepada apa yang disampaikan oleh nabi telah terbukti. Iaitu, jika dia tidak berada dipihak yang benar, dia tentu tidak berani untuk keluar pada pertandingan itu dan tidak juga orang-orang kristian akan lari dari padang dimana diadakan Mubahila.

Kedua, ini telah membuktikan bahawa Hasan dan Husain adalah anak kepada nabi Allah, sebagaimana yang saya telah katakan di dalam kenyataan saya pada malam pertama.

Ketiga, ianya membuktikan bahawa Amirul Mukminin Ali, Fatima, Hasan dan Husain secara keruhanian, orang yang paling mulia dari semua kejadian dan yang paling dicintai oleh nabi, bahkan ulama kamu yang fanatik dan berfikiran sempit seperti Zamakhshari, Baidhawi, dan Fakhrud-Din Razi, dan lainnya telah menulis di dalam buku mereka. Terutama Jarullah Zamakhshari, menulis mengenai ayat ini, memberikan penjelasan yang khusus mengenai perhimpunan terhadap pajetan [lima tubuh] ini, dan berkata ayat ini dalah bukti yang kuat terhadap keunggulan Ashab-i-Ayba, lima orang yang telah berkumpul dibawah selimut bersama dengan nabi.

Keempat ianya menunjukkan bahawa Amirul Mukminin Ali, melebihi semua para sahabat nabi di dalam kemuliaan dan kedudukan, kerana Allah telah memanggil dia di dalam ayat al-Quran jiwa nabi. Yang nyata perkataan ‘diri kami’ tidak bererti diri nabi sendiri, kerana memanggil, bererti orang yang lain, seorang tidak pernah disuruh memanggil dirinya. Makanya perkataan itu merujuk kepada orang yang lain, yang sama seperti diri atau jiwa nabi itu sendiri. Dan menurut dari pandangan sebulat suara dari pengulas yang berkepercayaan dan ahli hadith dari kedua golongan, tidak ada siapa melainkan Ali, Fatima, Hasan dan Husain yang hadir dengan nabi ditempat Mubahila, rangkap di dalam al-Quran ‘anak-anak kami dan anak-anak kamu, wanita kami dan wanita kamu,’ merujuk secara beriringan kepada Hasan dan Husain dan Bibi Fatima dan yang seorang lagi yang boleh dikenali sebagai ‘diri kami’ di dalam kumpulan yang suci itu adalah Amirul Mukminin Ali. Maka perkataan ‘diri kami’ membuktikan penyatuan diri diantara nabi dan Ali.

Oleh kerana penyatuan kedua ruh adalah mustahil, Allah memanggil Ali ‘diri’ pada nabi Muhammad bererti penyatuan anggapan bagi dua diri.

Kamu tentu sedar bahawa pada asasnya adalah lebih baik untuk mengenali perkataan dengan tangganpan yang dekat [mudah] dari tanggapan yang jauh [susah], dan tanggapan yang terdekat bererti persamaan di dalam semua kemuliaan, melainkan mana-mana yang dikecualikan atas alasan tertentu. Dan kami telah pun menjelaskan bahawa hanyalah kedudukan nabi yang khusus dan

penerimaan wahyu tertentu khas bagi dirinya. Maka kita tidak menganggap Ali bersekutu dalam ciri-ciri perkara yang dua ini. Tetapi menurut ayat al-Quran, Ali berkongsi dengan nabi di dalam semua kemuliaan yang lain, dan pastinya yang maha suci Allah telah menganugerahkan Ali melalui nabi dengan segala rahmat. Ini dengan sendirinya membuktikan penyatuan jiwa, yang mana kami hendak terangkan.

Hafiz: Mengapa kamu masih menekankan bahawa ayat itu tidak bererti memanggil dirinya sendiri? Mengapa tidak anggapan ini lebih baik dari anggapan yang itu?

Shirazi: Saya harap kamu tidak membuang masa di dalam percakapan yang tidak logik dan menyimpang dari arah keadilan. Yang sebenarnya keadilan menghendakki bahawa apabila kita menyelesaikan satu perkara, kita hendaklah maju seterusnya. Saya tidak menyangka orang yang berkedudukan dan berpelajaran seperti kamu akan memulakan hujah yang palsu. Sebagaimana yang kamu tahu sendiri dan menurut dari semua ilmuan, satu diri dikenali dengan diri yang lain dengan cara anggapan. Diantara orang-orang penulis ini adalah tuntutan yang lazim pada anggapan penyatuan sebagaimana saya sebutkan terdahulu. Selalu kita lihat sesaorang berkata kepada yang lain: ‘Kamu adalah nyawa dan jiwa ku.’ Begitulah juga di dalam bahasa hadith dan sampaiannya, perhubungan begini selalu disebut mengenai Amirul Mukminin Ali dan setiap sebutan diambil secara berasingan adalah bukti untuk menjelaskan kebenaran pada pandangan saya.

SEBUTAN TAMBAHAN DAN HADITH SEBAGAI BUKTI PADA PERLUNYA PENYATUAN NABI DAN ALI.

Imam Ahmad di dalam Musnad, Ibn Maghazili, ahli agama Shafii, di dalam Manaqib dan Muwafiq, Ibn Ahmad Khawarizmi di dalam Manaqib, menyebutkan bahawa nabi berkata: ‘Ali adalah dari saya dan saya adalah dari Ali; sesiapa yang mencintainya, mencintai saya; dan sesiapa yang mencintai saya, mencintai Allah.’

Juga Ibn Maja di dalam Sunan, bahagian I, ms 92; Tirmidhi di dalam Sahih; Ibn Hajar di dalam Hadith V dari 40 hadith mengenai kemuliaan Amirul Mukminin disampaikan di dalam Sawa’iq dari Imam Ahmad Bin Hanbal, Tirmidhi, Imam Abu Abdu’r-Rahman Nisa’i, dan Ibn Maja; Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam Musnad, v.4, ms 164; Muhammad Ibn Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Bab 67 di Kifayatu’t-Talib dari Musnad oleh Ibn Samak, v. 4, dan Mu’jim Kabir oleh Tibrani; dan Imam Abu Abdu’r-Rahman Nisa’i di dalam Khasa’is, dan Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanbiu’l-Mawaddat dari Mishkat – semua telah menyampaikan dari Jash bin Junada as-Saluni bahawa pada haji selamat tinggal, nabi berkata di Arafa: ‘Ali adalah dari saya dan saya dari Ali. Tiada siapa mengganti saya [iaitu tiada siapa menjalankan tugas misi saya] melainkan saya dan Ali.’

Sulayman Balkhi Hanafi idi dalam Yanabiu'l-Mawaddat, Bab vii, menyebut dari Zawa'id-e-Musnad dari Abdullah Bin Ahmad Bin Hanbal pada pengesahan Ibn Abbas bahawa nabi berkata kepada Ummul-Mukminin Salma 'Ali adalah dari saya dan saya adalah dari Ali. Daging dan darahnya adalah dari daging dan darah saya. Dia kepada saya seperti Harun kepada Musa. Wahai Umm Salma! Dengarlah, dan jadilah saksi bahawa Ali ini adalah ketua dan tuan bagi semua Muslim.'

Hamidi di dalam Jam' Bainu's-Sahihain dan Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe-Nahju'l-Balagha menyampaikan bahawa nabi berkata: 'Ali adalah dari saya dan saya adalah dari Ali. Ali adalah kepada saya umpama kepala kepada badan; sesiapa yang patuh kepadanya, patuh kepada saya; dan sesiapa yang patuh kepada saya patuh kepada Allah.'

Muhammad Bin Jarir Tabari di dalam Tafsir dan Mir Seyyed Ali Hamdani, ahli agama Shafi'i, di dalam Muwadda viii dari Muwaddatu'l-Qurba menyebut dari nabi yang berkata: 'Sesungguhnya, Allah menolong Islam melalui Ali, oleh kerana dia dari saya, dan saya dari dia, dan ayat al-Quran ini telah diwahyukan untuk dia – 'Adakah ia; itu serupa dengan dia, yang mendapat bukti yang jelas dari tuhannya dan mengikuti saksi dari Allah…. [11:17]

Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi telah menyatakan di dalam bahagian 7 di Yanabiul-Mawadda diatas topik ini dengan tajuk: 'Mengenai Ali yang menyerupai diri nabi dan hadith bahawa 'Ali adalah dari saya dan saya adalah dari Ali.' Di balam Bab ini dia telah menyampaikan 24 hadith di dalam cara yang berbeza dan dengan berbeza perkataan dari nabi, yang berkata bahawa Ali adalah seperti dirinya. Pada penghujung bab tersebut dia menyatakan hadith dari Manaqib sebagaimana yang disampaikan oleh Jabir, yang berkata bahawa dia mendengar dari nabi bahawa Hadrat Ali mempunyai sifat-sifat sedemikian jika sesiapa mempunyai hanya satu darinya, ianya telah mencukupi untuk menunjukkan kehormatan dan kemuliaannya, dan dengan sifat-sifat itu kami maksudkan kata-kata nabi mengenai beliau seperti: 'Kepada sesiapa aku ketuanya, ini Ali adalah ketuanya,''atau, 'Ali kepada ku adalah seumpama Harun kepada Musa,' atau 'Ali adalah daripada saya dan saya adalah daripada Ali,' atau 'Ali kepada saya adalah umpama diri saya kepada saya, patuh kepadanya adalah patuh kepada saya,' atau 'Berperang dengan Ali adalah berperang dengan Allah, berdamai dengan Ali adalah berdamai dengan Allah,' atau 'bersahabat dengan Ali adalah bersahabat dengan Allah, dan musuh Ali adalah musuh Allah,' atau 'Ali adalah hujjat [buti] Allah keatas hambaNya,' atau 'mencintai Ali adalah iman dan membencinya adalah kafir,' atau 'parti Ali adalah parti Allah, dan parti musuhnya adalah parti syaitan,' atau 'Ali bersama kebenaran, dan kebenaran bersama dengannya, mereka tidak dapat dipisahkan,' atau 'Ali adalah pembahagi diantara syurga dan neraka,' atau 'sesiapa menjauh dari Ali tinggal jauh dari saya dan sesiapa yang tinggal jauh dari saya, tinggal jauh dari Allah,' atau 'Kumpulan Ali akan terselamat pada hari pengadilan.'

Akhir sekali dia menyebutkan satu lagi hadith yang khusus dari Manaqib, pada dipenghujungnya yang mana nabi berkata: ‘Saya bersumpah dengan Allah, yang telah menganugerahkan kerasulan kepada ku, dan menjadikan aku makhluk pilihan: Wahai Ali! Sesungguhnya kamu adalah hujjat [bukti] Allah untuk manusia, amanahNya, yang mengetahui rahsiaNya, dan khalifa diatas hambaNya.

Terdapat banyak hadith yang sedemikian di dalam buku kamu. Perkataan ‘diri kami’ dengan jelas menunjukkan penyatuan diantara nabi dan Ali di dalam semua perkara yang cemerlang. Pada fikiran saya ayat ini adalah bukti yang paling meyakinkan pandangan saya. Dan lagi soalan kamu kedua telah dijawab oleh ayat yang sama. Kami telah buktikan dengan pengecualian kenabian dan wahyu, yang hanya tertentu pada nabi, Ali telah bersekutu dengannya di dalam segala perkara yang cemerlang. Bagitu jugalah dengan sifat-sifat kemuliaan, Ali adalah lebin utama dari para sahabat dan kepada sesiapa sahaja dari ummah. Dan bahkan, ayat ini juga membuktikan bahawa Ali telah melebihi semua para nabi yang terdahulu, sebagaimana nabi Muhammad lebih utama dari segala para nabi.

OLEH KERANA NABI ADALAH YANG UTAMA DARI SEGALA NABI MAKA ALI LEBIH UTAMA DARI MEREKA

Di dalam Ihya’u’l-Ulum oleh Imam Ghazali, Sharh Nahjul Balagha oleh Ibn Abil Hadid Mutazali, Tafsir oleh Imam Fakrud-Din Razi, dan Tafsir oleh Jarullah Zamakhshari, Baidhhawi, Nishapuri dsb; kamu akan temui hadith ini dari nabi: ‘Ulama ummah ku adalah seperti nabi Bani Israel.’ Di dalam hadith yang lain dia berkata: ‘Ulama dari ummah nabi ini adalah sama atau lebih baik dari nabi Bani Israel kerana punca pengetahuan mereka adalah dari punca asas pengetahuan, nabi Muhammad.’

Dari itu Ali Ibn Abi Talib sudah pastinya lebih utama dari para-para nabi lain, oleh kerana nabi Muhammad berkata: ‘Saya adalah kota ilmu, dan Ali adalah pintunya,’ Dia juga mengatakan: ‘Saya adalah rumah kebijaksanaan dan Ali adalah pintunya.’ Apabila Ali sendiri telah ditanyakan mengenai tajuk ini, dia menerangkan beberapa aspek keutamaannya dari para nabi Bani Israel. Pada 20 Ramadhan, apabila diranjang kematian, berikutan dari serangan oleh Abdur-Rahman Ibn Muljum Muradi, dia meminta Imam Hasan untuk memanggil shia yang mengerumuni dipintu rumahnya. Apabila mereka masuk, mereka mengelilingi katil beliau dan menangis dengan perlahan. Ali berkata: ‘Kamu boleh bertanya apa juga soalan yang kamu suka sebelum saya pergi meninggalkan kamu, tetapi soalan kamu hendaklah ringkas.’ Salah seorang yang hadir adalah Sa’sa’a bin Suwhan. Ulama kamu yang terkenal seperti Ibn Abdul-Birr dan Ibn Sa’ad, telah menulis mengenai kehidupan dan kerekternya, telah mempercayainya, mengesahkan bahawa dia adalah seorang ilmuan.

Sa’sa’a berkata kepada Ali: ‘Berilah aku tahu, siapakah yang lebih utama, kamu

atau Adam.' Imam yang suci berkata: 'Adalah tidak wajar untuk sesaorang memuji diri sendiri, tetapi menurut dari petunjuk: Nyatakanlah rahmat yang Allah telah berikan kepada kamu,' saya katakan bahawa saya lebih utama dari Adam.' Apabila ditanya mengapa begitu, Ali menerangkan bahawa Adam mempunyai setiap rahmat, kesenangan dan kesejahteraan untuk dia disyurga. Dia hanya diminta untuk menahan diri dari makanan terlarang. Tetapi dia tidak dapat mengawal dirinya, dan dia memakannya dari pokok. Dan akhirnya, dia dikeluarkan dari syurga. Allah tidak mengahalang dia [Ali] dari memakan gandum [yang mana menurut kepercayaan Islam adalah pokok terlarang] Tetapi disebabkan dia tidak tertarik kepada dunia sementara ini, dia dengan suka hati telah menahan diri dari memakan gandum. [Tujuan kenyataan Ali adalah bahawa kecemerlangan manusia dihadapan Allah bergantung kepada taat dan patuh, dan ketinggian kedudukan taat terletak kepada menahan diri walaupun dari yang diperbolehkan]

Sa'sa'a bertanya: 'Siapa yang lebih utama, kamu atau Nuh? Ali menjawab: 'Saya lebih utama. Nuh menyeru manusia untuk menyembah Allah, tetapi mereka enggan. Salah laku dan layanan buruk yang memalukan dari mereka telah menyakiti dirinya. Dia mengutuk mereka dan berdoa kepada Allah: 'Wahai tuhanku! Jangan tinggalkan walau seorang yang zalim didunia ini.' Setelah wafatnya nabi, walaupun manusia telah menyebabkan kesusahan yang teramat sangat kepada ku, aku tidak pernah mengutuk mereka. Saya menanggong penyiksaan mereka dengan sabar.'

Sa'sa'a bertanya: 'Siapa yang lebih utama, kamu atau Ibrahim?' Ali menjawab: 'Saya lebih utama, kerana Ibrahim berkata: 'Tuhan ku, tunjukkanlah kepada ku bagaimana Kamu memberi nyawa kepada yang mati, 'Dia berkata: 'Apa kamu tidak percaya,' Dia [Ibrahim] berkata: 'Ya, tetapi supaya hati saya lebih tenteram.' [2:260] Keimanan saya adalah seperti yang saya katakan: 'jika hijab kepada yang ghaib diangkat, keiaman saya tidak akan bertambah.'

Sa'sa'a bertanya: 'Siapa yang lebih utama, kamu atau Musa?' Imam berkata: 'Saya lebih utama, kerana apabila Allah yang berkuasa mengarahkan Musa supaya pergi ke Mesir untuk mengajak Firaun kepada kebenaran, Musa berkata: 'Tuhanku! Sesunggunhnya saya telah membunuh seorang dari mereka, maka saya takut bahawa mereka akan membunuh saya. Dan saudara saya, Harun dia mempunyai lidah yang fasih dari saya. Maka hantarkanlah dia bersama saya sebagai penolong, untuk membantu saya. Sesungguhnya saya takut mereka akan menolak saya.' [28:33-34] Nabi mengarahkan saya, dengan perintah Allah, untuk pergi keMakah dan bacakan ayat dari surah al-Baraa' dari atas Kabah kepada kafir Quraish. Saya tidak takut, walaupun terdapat hanya sebilangan kecil dari mereka yang saudaranya tidak terbunuh dengan pedang saya. Patuh kepada arahanNya, saya laksanakan tugas seorang diri. Saya bacakan ayat al-Baraa' dan kembali.'

Sa'sa'a bertanya: 'Siapa yang lebih utama, kamu atau Isa?' Ali berkata: 'Saya lebih

utama, kerana apabila Mariam mengandung dengan izin Allah, dan masa untuk melahirkan telah sampai, wahyu telah diturukan kepadanya: ‘Tinggalkan rumah suci ini, kerana ini adalah rumah untuk beribadah, bukan tempat untuk melahirkan anak.’ Menurutnya, dia telah meninggalkan rumah suci itu dan pergi kegurun, dimana dia telah melahirkan Isa. Tetapi apabila ibu saya, Fatima bint-e-Asad, merasa sakit untuk melahirkan dikawasan Kabah, dia bergantung pada dinding dan berdoa kepada Allah dengan nama yang menjadikan rumah tersebut untuk mengurangkan kesakitannya. Kemudian satu laluan kelihatan pada dinding tersebut, dan ibu saya mendengar suatu suara ghaib memberitahu dia, ‘Wahai Fatima! Masuklah kedalam rumah Kabah.’ Dia masuk kedalam, dan saya dilahirkan di dalam Kabah yang suci.’

CERMIN BAGI SEMUA PARA NABI SEBAGAIMANA YANG DITUNJUKKAN OLEH HADITH PERSAMAAN HADITH-E-TASHBIH

Ianya juga telah dirakamkan oleh ulama kamu bahawa Ali adalah cermin bagi kedudukan tinggi terhadap semua nabi. Ibn Abi’l-Hadid Mu’tazali di dalam Sharhe Nahju’l-Balagha, jilid XI, ms 449, Hafiz Abu Bakr Faqih Shafi’i, Ahmad Bin Husain Baihaqi di dalam Manaqib, Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam Musnad, Imam Fakhru’d-Din Razi di dalam Tafsir-e-Kabir dalam kaitan dengan ayat Mubahila, Muhyi’d-Din Ibn Arabi di dalam Yawaqit-o-Jawahir, isu 32, ms 172; Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, pada pemulaan Bab 40 pada pengesahan Musnad dari Imam Ahmad bin Hanbal, Sahih oleh Baihaqi, dan Sharhi’l-Mawaqif wa’t-Tariqati’l-Muhammadiyya, Nuru’d-Din Maliki di dalam Fusuli’l-Muhimma, ms 120; dari Baihaqi; Muhammad bin Talha Shafi’i di dalam Matalibu’s-Su’ul, ms 22; dan Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib, Bab 23, telah menyebutkan dari nabi denga sedikit perbezaan pada perkataan disana sini, berkata: ‘Sesiapa yang berhajat untuk melihat pengetahuan Adam, wara’nya nuh, dan berserahnya [Tawakkal] Ibrahim, kemuliaan Musa atau kecintaan Isa, bolehlah lihat kepada Ali Ibn Abi Talib.’

Mir Seyyed Ali Hamadani telah mengatakan hadith yang sama dengan sedikit tambahan, di dalam Mawaddatul-Qurba, Mawadda VII. Dia mengatakan dari Jabir bahawa nabi berkata: ‘Sesungguhnya Allah mencantumkan 90 kualiti nabi-nabi di dalam Ali, yang Dia tidak berikan kepada sesiapa pun.’ Hafiz Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii yang terkenal, setelah menyebutkan hadith ini, membuat ulasan: ‘Ali sama kepada Adam dalam pengetahuan yang mana Allah telah ajarkan kepada Adam segalanya, sebagaimana Dia katakan di dalam al-Quran: ‘Dan Dia mengajarkan kepada Adam segala nama…’ [2:31]

Begitu jugalah Ali mempunyai pengetahuan dalam semua perkara. Oleh kerana pengetahuan yang datangnya terus dari Allah, Adam telah diberikan khalifa Allah, sebagaimana al-Quran berkata: ‘… Saya akan jadikan dibumi seorang khalifa…’ [2:30] Oleh kerana pengetahuan, Adam mendapat keutamaan, sehinggakan

malaikat sujud hormat kepadanya, maka Ali adalah sama juga yang paling tinggi dari semua kejadian dan khalifa selepas nabi. Pengetahuan Ali sama seperti Nuh yang mana Ali keras terhadap yang kafir dan berkasih sayang kepada beriman. Allah memujinya di dalam al-Quran: '…Dan mereka yang bersama dengannya adalah keras terhadap yang kafir, berkasih sayang diantara mereka..' [48:29] Ini satu lagi bukti bahawa ayat itu diwahyukan di dalam memuji Ali, sebagaimana saya katakan dahulu. Nuh sangat keras terhadap yang kafir, sebagaimana al-Quran berkata: 'Tuhan ku jangan tinggalkan diatas bumi seorang pun diantara yang kafir.' [71:26]

Ali adalah sama kepada Ibrahim di dalam kelembutan hati. Al-Quran berkata kepada Ibrahim: 'Pasti sesungguhnya, Ibrahim mempunyai hati yang lembut.' [9:114]

Ali mempunyai semua kualiti dan sifat, yang mana dimiliki oleh nabi secara individu. Haditn yang diterima oleh semua ini membuktikan bahawa Ali memiliki kemuliaan yang tertinggi, setiap satu darinya adalah sama dengan kualiti yang paling tinggi pada nabi. Maka nyatalah dia yang mempunyai semua kualiti yang tertinggi dari semua nabi adalah yang tertinggi dari segi kedudukan. Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab 40, menyebut dari Manaqib oleh Khawarizmi melalui Muhammad bin Mansur, yang berkata bahawa dia mendengar Ahmad bin Hanbal berkata: 'Tidak terdapat pujian yang sedemikian diantara para sahabat, sebagaiman terdapat kepada Ali Ibn Abi Talib.' Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii juga menyebutkan perkataan yang mempunyai makna yang sama. Ibn Abil-Hadid Mutazali di dalam Sharh Nahjul Balagha, jilid I, ms 46, berkata: 'Ali adalah manusia yang paling sesuai untuk kedudukan wilaya [penjaga] oleh mulianya keutamaan beliau. Dengan pengecualian terhadap nabi Allah, dialah manusia yang paling berhak bagi kedudukan khalifa.'

Ali yang pastinya lebih berhak kepada khalifa, tetapi dia telah diketepikan oleh siasah politik dari orang yang lebih rendah. Sekurang-kurangnya mereka telah memberitahu Ali bahawa mereka sedang mengadakan perjumpaan di Saqifa Bani Sada untuk membincangkan isu yang penting pada pemilihan khalifa. Mereka tidak melakukan itu supaya dapat melucutkan dia dari haknya kepada pengganti.

PERSETUJUAN UNTUK ABU BAKR.

Hafiz: Adakah kamu ini zalim atau kamu??? Kamu katakan bahawa sahabat nabi melantik mereka yang merampas kedudukan khalifa. Ya tentu kamu fikir kami semua bodoh, yang secara buta menurut sahaja dari keturunan kami. Tetapi bukti apakah yang lebih kuat dari ijma, persetujuan ramai? Semua para sahabat dan ummah, termasuk Ali, melantik Abu Bakr dan memberi bai'ah [sumpah taat setia] kepadanya. Yang nyata persetuuan umum oleh semua orang adalah muktamad, dan bersetuju kepadanya adalah wajib. Nabi berkata: 'Ummah ku tidak bersetuju

pada kesalahan, ummahku tidak bersetuju pada penyelewengan dari jalan yang benar.' Maka kami tidak menurut keturunan kami dengan membuta tuli. Yang sebenarnya adalah, bahawa pada hari pertama selepas nabi wafat, kommuniti seluruhnya telah memutuskan di dalam perjumpaan untuk melantik Abu Bakr sebagai khalifa. Oleh kerana ini adalah fakta yang telah selesai, maka kita harus menerimanya.

Shirazi: Sila beritahu kepada kami atas dasar apa khalifa diasaskan?

Hafiz: Telah nyata. Bukti yang terbaik pada ujudnya khalifa setelah nabi adalah ijma ummah, yang darinya lahirnya khalifa. Selain dari itu, kelayakkan yang terbaik untuk Abu Bakr dan Umar pada kedudukan khalifa disebabkan kedewasaannya. Ali, dengan segala kemuliaannya dan dekatnya kepada nabi, terpaksa diketepikan kerana keremajaannya. Dan untuk menjadi adil dan saksama, adalah tidak wajar untuk seorang remaja untuk melampaui [menindih] tuntutan dari sahabat yang matang. Dan kami tidak menganggap dengan mengenepikan Ali sebagai satu kekalahan terhadap dirinya, kerana kecemerlangan adalah diterima. Terdapat juga hadith oleh khalifa Umar dari nabi, yang berkata: 'Nabi dan pemimpin tidak disatukan dalam satu keluarga.' Makanya Ali telah dinafikan kedudukan khalifa kerana dia terjumlah di dalam keluarga nabi. Dia tidak layak pada kedudukan itu.

HUJAH MENENTANG PADA SAHNYA IJMA.

Shirazi: Terkejut saya bahawa kamu mengutara hujah yang sebegitu jahil. Pertama kamu katakan bahawa ijma, persetujuan ummah, adalah hujah yang paling munasabah, dan di dalam menyokong tujuan kamu, sebuah hadith kamu bacakan. Perkataan 'ummai' bererti 'ummah ku', maka hadith itu [katakan lah hadith itu benar] bererti bahawa apabila keseluruh ummah bersetuju pada sesuatu, keputusan itu tidak boleh salah. Saya tidak boleh menerima itu. Allah telah membezakan ummah ini dengan keutamaan bahawa diantara mereka pastinya terdapat golongan yang memendu kepada kebenaran. Wazir Allah akan ada bersama mereka. Apabila ummah itu berkumpul, kumpulan petunjuk kepada kebenaran ada bersama mereka. Tetapi hadith itu [walaupun benar] tidak menunjukkan sebarang keterangan bahawa nabi menyerahkan haknya dan membenarkan ummah pada melantik khalifa. Dan jika benar sekalipun nabi telah menyerahkan kepada ummah untuk memilih khalifa, hak ini diberikan kepada semua ummah. Oleh kerana semua Muslim mendapat faedah dari khalifa; mereka mempunyai hak pada menyampaikan pendapat mereka di dalam pemilihan khalifa. Dari itu perhimpunan semua muslim setelah wafatnya nabi adalah perkara yang perlu supaya dengan persetujuan ramai, seorang yang sempurna akan dilantik sebagai khalifa. Adakah terdapat perhimpunan yang sedemikian? Adakah cara begini Abu Bakr menjadi khalifa?

Hafiz: Abu Bakr menjadi khalifa selama dua tahun lebih. Semasa itu, muslim secara amnya telah memberikan bai'ah kepada dia dan mentaatinya. Ini dengan sendirinya bererti satunya pendapat diantara mereka, dan pembuktian kepada sahnya.

Shirazi: Kamu cuba mengelakkan isu. Soalan saya bukan mengenai keseluruhan era Abu Bakr. Saya tanyakan mengenai keputusan yang dibuat dibawah bumbung Bani Sada. Adakah perhimpunan disitu mengandungi keseluruh ummah, atau beberapa orang yang memberikan bai'ah?

Hafiz: Yang pasti hanya terdapat beberapa sahabat yang terkemuka, tetapi kemudian ijma berlaku.

Shirazi: Adakah nabi, seorang yang paling sempurna untuk memandu ummah, menyerahkan haknya di dalam memihak kepada ummah?

Adakah dia menyerahkan haknya supaya orang dari kumpulan Aus, yang bermusuhan dengan kumpulan Khazraj, mungkin memberikan bai'ah kerana takutkan musuhnya akan berkuasa?

Adakah dia meninggalkan haknya supaya ummahnya dapat menubuhkan kerajaan berasaskan ketakutan dan tamak? Bolehkah kamu katakan bilangan yang kecil itu kommuniti?

Tidakkah muslim dari Makah, Yaman, Jeddah dan kota-kota lain tergolong di dalam ummah?

Tidakkah mereka mempunyai hak pada menyampaikan pendapat mengenai kedudukan khalifa?

Jika tidak ada konpirasi, mengapa mereka tidak menunggu untuk mendapat pandangan dari semua Muslim di dalam perkara yang begitu penting, seperti kedudukan khalifa? Dengan cara ini, ijma di dalam pengertian yang sebenar mungkin telah tercapai. Bahkan hari ini, untuk mendirikan sebuah negara demokratik, atau untuk memilih ketua negara, pilihan raya umum diadakan. Warga negara boleh membuang undi dan ketua boleh dilantik dengan pilihan ramai. Ketua dinegara yang bertammadun dan manusia umum akan memandang hina kepada cara ijma kamu yang aneh.

Hafiz: Mengapa kamu memulakan percakapan yang tidak baik? Ijma bererti bahawa terdapatnya perhimpunan orang bijak pandai dan sahabat terkenal yang berhimpun diSaqifa.

Shirazi: Kamu katakan bahawa ijma bererti bahawa terdapat perhimpunan oleh ahli intelek dan sahabat nabi yang terkenal, tetapi kamu tidak punya asas pada

kenyataan ini selain hadith yang kamu ucapkan tadi. Dimana hadith yang mengatakan intelek atau sahabat terkenal? Saya ulangi perkataan ‘ummai’ bererti keseluruhan ummah, bukan sebilangan sahabat, walaupun mereka terpelajar. Walaupun jika perkataan kamu itu betul, bahawa ijma bererti ‘perhimpunan ahli intelek dan sahabat yang terkenal,’ adakah ahli intelek dan sahabat terkenal hanya tergolong pada sebilangan kecil mereka yang berkumpul dibawah bumbung yang kecil pada hari itu? Tidakkah ada manusia intelek dan sahabat terkenal yang lain di dalam dunia islam? Dan adakah kesemua mereka memilih khalifa sebut suara?

Hafiz: Oleh kerana perkara khalifa adalah urusan yang sirius; manusia takut bahawa kekacauan akan berlaku. Dan tidak mungkin dapat memberitahu muslim dari kawasan lain. Apabila Abu Bakr dan Umar mendengar bahawa sebahagian Ansar telah berkumpul disana , mereka juga pergi kesana untuk berucap. Oleh kerana Umar biasa menjadi ketua, dia menganggapnya lebih baik untuk ummah untuk memberikan sumpah setia kepada Abu Bakr. Yang lainnya mengikuti tindakkannya dengan memberikan bai’ah kepada Abu Bakr, tetapi sebilangan Ansar dan orang kaum Khazraj, yang menyokong Sa’d bin Ubaida, tidak memberikan bai’ah dan meninggalkan Saqifa. Itulah sebabnya mereka bersegera.

Shirazi: Maka kamu juga setuju, sebagaimana ulama dan ahli sejarah kamu yang terkenal, bahawa pada hari saqifa, apabila asas perencanaan bermula, tidak terdapat ijma. Abu Bakr atas sebab politik dengan pintar mencadangkan Umar dan Abu Ubaida bin Jarra, dan mereka juga, membalas cadangan dengan menamakan Abu Bakr, memberitahu mereka bahawa dialah yang paling layak untuk kedudukan itu. Mereka terus memberikan bai’ah kepadanya. Orang dari kaum Aus yang hadir juga memberikan bai’ah kepada Abu Bakr, dari sudut pandangan permusuhan mereka dengan kaum Khazraj, dan juga mereka takut bahawa Sa’d bin Ubaida mungkin akan menjadi Amir. Dengan cara ini ianya makin membesar. Bagaimanapun jika ijma adalah hujah yang kuat dan boleh dipegangi, mereka seharusnya menunggu sehingga semua ummah – atau sebagaimana yang kamu katakan: ahli bijak pandai – telah berkumpul disana, pada mencapai pesetujuan seluruh kommuniti.

Hafiz: Saya telah memberitahu kepada kamu kerana takutkan kekacauan maka kumpulan itu terpaksa bertindak. Orang-orang kaum Aus dan Khazraj telah berkumpul di saqifa dan menentang sesama sendiri. Setiap mereka hendak membuat keputusan, supaya ketua bagi kerajaan islam untuk mereka.

Shirazi: Saya bersetuju dengan apa yang kamu katakan. Muhammad bin Jarir Tabari, jilid I, ms 457, dan yang lainnya telah menulis bahawa muslim tidak berhimpun dibawah saqifa untuk melantik khalifa mereka. Aus dan Khazraj yang hendak melantik Amir untuk diri mereka. Abu Bakr dan Umar telah beruntung dari pertelingkahan mereka. Jika mereka telah benar-benar berhimpun untuk

memperbincangkan mengenai khalifa, mereka tentu telah mempelawa semua Muslim untuk menyatakan pendapat di dalam perkara ini. Sebagaimana yang kamu katakan bahawa mereka tidak dapat memberitahu semua muslim, dan masa makin suntuk. Itu memang benar mereka tidak dapat memberitahu muslim di Makah, Yaman, Ta'if dan muslim dari kota-kota lain. Tetapi tidakkah mereka tidak punya cara walaupun untuk berjumpa dengan tentera Usama bin Zaid, yang berkhemah dekat dengan Madina? Tidakkah mereka tidak dapat memberitahu sahabat nabi yang terkemuka disana? Salah seorang dari sahabat nabi yang amat terkenal, adalah ketua turus angkatan tentera Islam, yang dilantik oleh nabi sendiri. Abu Bakr dan Umar adalah tentera bawahannya. Apabila Usama mendengar bahawa melalui konpirasi tiga orang khalifa telah dilantik tanpa berunding dengan manusia lain atau memberitahu mereka, dan bahawa mereka telah memberikan bai'ah kepada orang itu, dia menunggang kudanya hingga kepintu masjid dan berkata dengan kuat: 'Apa dengan semua ini? Dengan kebenaran siapa kamu telah melantik khalifa? Apakah ertinya hanya sebilangan orang yang tanpa merujuk kepada sahabat, telah melantik khalifa?'

Umar melangkah kehadapan untuk menenangkan dia dan berkata: 'Usama! Segalanya telah selesai. Bai'ah telah diberi. Janganlah memulakan perpecahan diantara manusia. Berikanlah bai'ah kamu sendiri.' Usama menjadi marah. 'Nabi telah menjadikan aku Amir kamu,' dia berkata. 'Bagaimana mungkin bahawa Amir yang dilantik oleh nabi memberikan bai'ah kepada orang yang diletakkan dibawah pemerintahannya?' walaupun lebih banyak perkara yang berlaku, saya rasa ini sudah mencukup untuk menunjukkan maksud saya.

DIALOG SUNNI-SHIA

ALI DENGAN SENGAJA TIDAK DIBERITAHU MENGENAI PERJUMPAAN DISAQIFA.

Jika kamu katakan bahawa tentera Usama juga jauh dari kota dan masa bertambah pendek, adakah kamu juga akan mengatakan jarak dari saqifa dan masjid tempat penginapan nabi juga jauh? Mengapa mereka tidak memberitahu Ali, atau Abbas bapa saudara nabi yang dihormati? Megapa mereka tidak merujuk kepada Bani Hashim, keturunan nabi?

Hafiz: Di dalam semua kemungkinan, situasi dikala itu amat tegang sehingga mereka tidak boleh cuai dan meninggalkan saqifa.

Shirazi: Maafkan saya, mereka punya masa. Mereka dengan sengaja mengelak dari memberitahu Ali, Bani Hashim dan para sahabat yang benar-benar rapat.

Hafiz: Bagaimana kamu boleh mengatakan bahawa mereka [kumpulan saqifa] dengan sengaja tidak mahu memberitahu mereka [kumpulan Ali]?

Shirazi: Satu petunjuk yang nyata bahawa Umar datang kepintu rumah nabi tetapi

tidak memasukinya?

Hafiz: Pastinya cerita ini telah dipalsukan oleh Rafizi

Shirazi: Lihat pada ms 456 di dalam buku Tarikh, jilid II, oleh Muhammad bin Jarir Tabari, seorang ulama terkanal kamu. Dia menulis bahawa Umar datang kepintu rumah nabi tetapi tidak masuk. Dia mengirim berita kepada Abu Bakr: 'Datang segera; saya ada urusan yang mustahak dengan kamu.' Abu Bakr menghantar berita kepadanya bahawa dia tidak punya masa. Umar menghantar berita sekali lagi: 'Kita sedang berdepan dengan krisis. Kehadiran kamu sangat penting.' Abu Bakr keluar dan Umar memberitahunya secara rahsia mengenai perhimpunan Ansar di saqifa dan berkata bahawa mereka hendaklah bersegera kesana. Kedua mereka pergi, dan di dalam perjalanan mereka bertemu Abu Ubaida, dan membawa dia bersama.

Demi Allah berlaku adillah. Jika mereka tidak mempunyai niat pada konpirasi, mengapa Umar pergi kepintu rumah nabi tetapi tidak masuk? Mereka boleh meminta pertolongan. Adakah disana diantara semua ummah hanya Abu Bakr, yang penuh dengan bijaksana, dan adakah para sahabat yang lain dan juga keturunan nabi manusia asing yang tidak berhak untuk diberitahu mengenai perkara ini? Adakah ijma kamu ini sebenarnya mengandungi tiga orang? Dimanakan tempat di dalam dunia ini yang peraturan sedemikian diterima? Katakan bahawa tiga orang atau mana-mana kumpulan manusia, berhimpun di dalam kota dan menubuhkan sebuah ijma dan melantik ketua negara. Adakah perlu pada ulama dan intelek dari kota-kota lain atau bandar patuh kepada mereka? Atau katakan seorang yang intelek yang bijak yang belum dipilih oleh yang lain memberi pendapat, adakah perlu bahawa para intelek yang lain mengikuti mereka? Adakah wajar untuk menekan perasaan seluruh ummah melalui tindakkan menakutkan oleh sekumpulan manusia? Jika sebaliknya, di dalam perbincangan ilmiah, sekumpulan manusia mendedahkan bahawa khalifa tidak yang seperti ditunjukki oleh perundangan agama atau undang-undang alam, adakah wajar mereka dipanggil Rafizi?

Kamu mengatakan nabi meninggalkan isu khalifa kepada ummah atau ahli intelek dari ummah, sebagaimana yang kamu namakan. Adakah para intelek ummah terdiri dari Abu Bakr, Umar dan Abu Ubaida Jarra. Setiap mereka mencalonkan nama mereka yang lain, dan kemudian dua dari mereka menerima yang ketiga. Itu sajalah. Adakah wajib bagi semua muslim untuk mengikuti mereka? 'Minoriti' 'majoriti' dan 'ijma' bereti perkara yang berlainan. Jika perhimpunan perundingan dibuat untuk mempertimbangkan masalah tertentu, dan kumpulan yang kecil jumlah orangnya memberikan satu pendapat, sedangkan kumpulan yang besar memberikan pendapat yang lain pula. Maka pendapat kumpulan yang kurang dikatakan pendapat minoriti. Pendapat kumpulan yang besar dikatakan pendapat majoriti, dan jika kesemua mereka [tanpa pengecualian seorang pun] memberikan

pendapat yang sama, ia dikatakan ijma.

Adakah ijma sepakat di saqifa atau kemudian di masjid atau kemudiannya di dalam kota Madina?

Jika, bagaimana pun, di dalam perbezaan dengan kehendak kamu, kita ketepikan hak ummah yang umum dan katakan pendapat dari golongan intelektual dan para sahabat nabi adalah mencukupi untuk ijma, saya tanya sama ada terdapat ijma dimana semua intelektual dan para sahabat mengambil bahagian?

Adakah kumpulan yang kecil di saqifa bersetuju sebulat suara di dalam pendapat mereka? Jawapannya adalah negetif. Pengarang Mawaqif dengan sendiri telah mengaku bahawa tidak ada ijma semasa khalifa Abu Bakr, dan pasti tidak terdapat pendapat sebulat suara diantara para terpelajar di Madina, sama ada dari Sa'd bin Ubaida Ansari, dan keturunannya, para sahabat nabi yang dekat, kesemua Bani Hashim, kawan-kawan mereka, dan Ali Ibn Abi Talib, - semuanya menentang Abu Bakr untuk enam bulan. Mereka ini tidak pernah memberikan bai'ah kepadanya. Di Madina, tempat nabi, tiada ijma yang dicapai yang mana para intelektual dan sahabat nabi menyokong Abu Bakr sebagai khalifa. Ahli sejarah kamu yang terkenal, seperti Fakhrud-Din Razi, Jalalud-Din Suyuti, Ibn Abil-Hadid Mutazali, Tabari, Bukhari dan Muslim, merakamkan bahawa ijma tidak pernah berlaku di Madina.

Bani Hashim, Bani Umayya, dan para sahabat secara umum – melainkan tiga orang yang disebutkan diatas – tidak hadir di Saqifa untuk membuang undi. Lebih-lebih lagi ramai yang menentang keputusan itu. Malah sebahagian dari para sahabat yang terkenal, yang menolak bai'ah di saqifa, pergi kemasjid dan membantah kepada Abu Bakr: Dari pihak muhajir adalah Salman Farsi, Abu Dharr Ghifari, Miqdad Bin Aswad Kindi, Ammar-e-Yasir, Buraida Aslami, dan Khalid Bin Sa'id Bin As Amawi. Dari Ansar Abu'l-Hathama bin Tihan, Khuzaima Bin Thabit Dhu'sh-Shahadatain, Abu Ayyub Ansari, Ubai Bin Ka'b, Sahl Bin Hunaif, Uthman Bin Hunaif, yang menentang Abu Bakr di dalam masjid. Saya telah berikan secara ringkas garis luar kejadian. Tidak ada ijma dalam bentuk apa pun yang dicapai. Ijma dari para intelektual dan para sahabat terkenal Madina adalah penipuan yang terang.

Berdasarkan dari punca kamu sendiri, saya akan berikan lis nama mereka yang menentang khalifa. Ibn Hajar Asqalani dan Baladhuri, masing-masing di dalam Ta'rikh, Muhammad Bin Khawind Shah di dalam Rauzatu's-Safa, Ibn Abdu'l-Birr di dalam Isti'ab, dan lainnya berkata bahawa Sa'd bin Ubaida dan sebahagian dari Khazraji dan sekumpulan Quraish tidak memberikan bai'ah kepada Abu Bakr. Lebih-lebih lagi 18 orang adalah sahabat nabi yang rapat dan terkenal yang tidak memberikan bai'ah kepada Abu Bakr. Mereka adalah shia Ali Ibn Abi Talib. Nama-nama mereka yang 18 adalah seperti berikut:

1. Salman Farsi

2. Abu Dharr Ghifari

3. Miqdad Bin Aswad-e-Kindi

4. Ammar-e-Yasir

5. Khalid Bin Sa’id bin al-As

6. Buraida Aslami

7. Ubai Bin Ka’b

8. Khuzaima Bin Thabit Dhu’sh-Shahadatain

9. Abu’l-Hathama Bin Tihan

10. Sahl Bin Hunaif

11. Uthman Bin Hunaif Dhu’sh-Shahadatain

12. Abu Ayub Ansari

13. Jabir Ibn Abdullah Ansari

14. Hudhaifa bin Yaman

15. Sa’d Bin Ubaida

16. Qais Bin Sa’d

17. Abdullah Bin Abbas

18. Zaid Bin Arqam

Dan Yaqubi menulis di dalam Tarikh: ‘Sekumpulan Muhajir dan Ansar menjauhkan diri mereka dari memberikan bai’ah kepada Abu Bakr dan mereka adalah pengikut Ali. Diantara mereka adalah Abbas bin Abdu’l-Muttalib, Fazl Bin Abbas, Zubair Ibnu’l-‘Awwam Bin As, Khalid Bin Sa’id, Miqdad Bin Umar, Salman Farsi, Abu Dharr Ghifari, Ammar Yasin, Bara’a Bin Azib, and Ubai Bin Ka’b.”

Tidakkah orang-orang ini para intelektual ummah? Ali, Abbas, bapa saudara nabi dan yang lainnya dari Bani Hashim yang terkenal – tidakkah orang-orang ini bijak dan dipercayai? Jenis apa ijma ini, yang telah diadakan tanpa perundingan dengan manusia-manusia ini? Apabila Abu Bakr dilantik secara rahsia dan para sahabat

yang terkenal tidak diberitahu, adakah ini menunjukkan ijma atau konpirasi politik?

HADITH-E-THAQALAIN DAN HADITH-E-SAFINA.

Lebih-lebih lagi Bani Hashim, keluarga nabi, tidak hadir di saqifa. Pertimbangan dan pandangan mereka yang sangat berharga tidak boleh dinafikan dari sudut pandangan hadith yang telah saya sebutkan pada malam-malam yang awal dahulu, dan telah dipersetujui oleh kedua golongan. Nabi berkata: 'Saya tinggalkan bersama kamu dua perkara penting: Kitab Allah dan ahli bayt ku [Ahli keluarga yang suci, Ali, Fatima, Hasan dan Husain]. Jika kamu berpegang teguh kepada keduanya, kamu tidak akan sesat selepas aku.' Manusia ini tidak menyokong khalifanya Abu Bakr. Sebagai tambahan, terdapat satu lagi hadith yang terkenal yang dinamakan hadith-e-safina, yang saya telah nyatakan pada malam yang lalu. Nabi berkata: 'Ahli bayt ku seperti bahtera Nuh. Siapa yang menaikkinya terselamat, dan sesiapa yang berpaling akan karam.' Hadith ini menunjukkan bahawa, sebagaimana kommuniti [ummah] Nuh terselamat dari banjir besar, ummah nabi akan terselamat dari bencana dengan mengikuti keturunan nabi yang suci. Ibn Hajar di dalam Sawaiq-e-Muhriqa, ms 50, mengulas pada ayat IV, menyebutkan dua hadith dari Sa'd mengenai perlunya [wajib] pada mengikuti ahli bayt nabi. Di dalam satu hadith nabi berkata: 'Saya dan ahli bayt ku adalah satu pohon di syurga, yang mana dahan-dahannya didunia; maka sesiapa yang mencari jalan menuju ke Allah hendaklah berpaut kepada mereka.'

Di dalam hadith yang kedua nabi berkata: 'Diantara ummah ku, di dalam setiap era terdapat mereka yang benar dari ahli bayt ku yang akan menapis segala kotoran yang telah dibawa masuk kedalam agama oleh mereka yang berbuat dosa dan menbersihkannya dari segala kenyataan yang melampaui batasan dan juga ulasan dari mereka yang jahil. Hendaklah kamu mengetahui bahawa Imam kamu pastinya mereka yang memimpin kamu kejalan Allah; maka kamu hendaklah berwaspada [berjaga-jaga] mengenai mereka yang kamu ambil menjadi pemandu kamu.' Matlamat hadith yang sebegini adalah bahawa nabi mengatakan kepada ummahnya: 'Melainkan kamu mengikuti ahli bayt ku, musuh akan membawa menyimpang.' Manusia yang boleh mempengaruhi ijma, sumpah setia [bai'ah], dan perlantikkan kepada khalifa; telah ditentang oleh prosidur yang kamu telah terangkan. Maka ijma jenis apakah ini? Para sahabat terkenal, para intelek, dan juga keturunan nabi ada di Madina pada masa saqifa. Maka tidak ada keraguan bahawa perkara ini telah dibuat tanpa sokongan majoriti, tidak perlulah hendak disebut ijma. Ibn Abdul-Barr Qartabi seorang ilmuan dari golongan kamu di dalam Istiab, Ibn Hajar di dalam Isaba, dan ulama lainnya menulis Sa'd bin Ubaida, seorang pencabar [menuntut] kedudukan khalifa, telah enggan untuk bai'ah kepada Abu Bakr dan Umar. Dia tidak hendak memulakan kekacauan, maka pergi ke Syria. Menurut dari laporan di dalam Rauzatus-Safa, diatas hasutan orang yang terkenal dia telah dibunuh. Menurut dari ahli sejarah, orang yang melakukan

jenayah itu adalah Khalid bin Walid. Setelah membunuh Malik bin Buwaira dan mengahwini isterinya, dimasa awal pemerintahan khalifa Abu Bakr, dia telah menjadi objek kemarahan Umar. Apabila Umar menjadi khalifa, Khalid, cuba untuk memenangi perhatiannya, membunuh Sa'd bin Ubaida.

Hafiz: Oleh kerana terdapatnya bahaya akan jadinya kekacauan, dan mereka tidak dapat menghubungi seluruh ummah, maka mereka terpasa bergantung kepada beberapa orang yang berada di saqifa dimana bai'ah telah diambil. Kemudian ummah mengikutnya.

Shirazi: Ya, jika mereka tidak punya cara untuk mendapatkan para sahabat nabi yang terkenal, dan para intelek dari ummah yang diluar Madina, sila katakan dengan ikhlas: jika tidak ada komplot di dalam hal ini, mengapa mereka tidak mempelawa mereka yang ada di dalam Madina keperhimpunan di saqifa? Tidakkah ianya perlu untuk meminta pandangan Abbas, Ali Ibn Abi Talib dan juga Bani Hashim? Adakah pendapat Umar dan Abu Ubaida bin Jarra mencukupi untuk semua dunia islam?

Hujah kamu bergantung kepada ijma, sama ada ianya umum atau khusus, tidak dapat diterima. Para intelek dan para sahabat yang terkenal tidak mengambil bahagian di dalamnya, mereka menentangnya. Sebagaimana yang saya katakan ijma bererti tidak seorang pun yang menentang. Di dalam ijma ini, kamu telah mengaku para intelek secara umum tidak mengambil bahagian. Imam Fakhrud-Din Razi di dalam Nihayatul-Usul berkata bahawa tidak terdapat ijma atau persetujuan ramai di dalam khalifanya Abu Bakr dan Umar sehingga selepas Sa'd bin Ubaida dibunuh.

Saya tidak dapat memahami bagaimana kamu dapat mengatakan ijma khayalan ini sebagai bukti kepada sahnya kedudukan khalifa. Tuntutan kamu kedua bahawa Abu Bakr lebih tua dari Ali dan makanya lebih layak kepada kedudukan khalifa, adalah lebih lemah dari hujah kamu yang pertama. Jika umur adalah syarat untuk khalifa, terdapat ramai orang yang berumur lebih dari Abu Bakr dan Umar. Tentunya Abu Qahafa, Bapa Abu Bakr lebih tua dari anaknya, dan masih hidup pada masa itu. Mengapa dia tidak dilantik khalifa?

Hafiz: Umur Abu Bakr digandingkan dengan kebolehannya, telah menjadikan dia pilihan yang wajar. Apabila terdapat yang tua, berpengalaman dan dicintai oleh nabi berada di dalam ummah, remaja yang tidak berpengalaman tidak boleh diberikan dengan kepimpinan.

Shirazi: Jika itu adalah benar, maka tujuan bantahan kamu adalah kepada nabi sendiri. Apabila nabi hendak berangkat ke ekpedisi Tabuk, para munafik [hipokrit] secara rahsia hendak memberontak di Madina dimasa ketiadaan baginda. Maka baginda melantik seorang yang berpengalaman ditempatnya supaya dapat

mengawal situasi di Madina dan menggagalkan rancangan munafik. Saya meminta kamu memberitahu kami siapakah yang nabi tinggalkan ditempatnya di Madina sebagai pengganti dan khalifa.

Hafiz: Itu semua orang tahu bahawa baginada menjadikan Ali khalifa dan penggantinya.

Shirazi: Tidakkah Abu Bakr, Umar dan sahabat yang tua lainnya di Madina pada masa itu? Ya; dan bahkan nabi melantik seorang muda, Ali, khalifa dan penggantinya. Pada membacakan beberapa ayat al-Quran dari surah Baraa' kepada penduduk Makah, kita tentu memikirkan, seorang yang berpengalaman adalah lebih wajar. Tetapi nabi memanggil pulang orang yang tua Abu Bakr dari separuh perjalanannya dan mengarahkan yang muda Ali untuk melakukan tugas yang penting ini. Nabi mengatakan bahawa Allah telah memberitahunya bahawa 'orang' yang hendak menyampaikan al-Quran seharusnya dia [diri nabi] atau sesaorang yang darinya. Begitu juga, bagi petunjuk terhadap penduduk Yaman, mengapa nabi menghantar Amirul Mukminin Ali, sepatutnya yang lebih berpengalaman Abu Bakr, Umar atau lainnya yang hadir pada masa itu? Pada banyak lagi peristiwa yang sama nabi, di dalam kehadiran Abu Bakr, Umar dan lainnya, memilih Ali untuk melaksanakan tugas yang penting. Dari itu penegasan kamu pada peraturan kedewasaan tidak berasas. Syarat yang penting untuk khalifa adalah kemuliaan. Saya baru sahaja teringat bahawa bukti yang paling kuat pada menolak kedudukan khalifa mereka, adalah yang bertentangan dengan apa yang mereka namakan ijma, oleh Ali, yang menurut nabi pembeza diantara benar dan salah. Ulama terkenal kamu telah menyebutkan beberapa hadith dengan tujuan ini. Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, Bab 16 menyebutnya dari Kitabu's-Sabi'in Fi Faza'il-e-Amiru'l-Mu'minin, Imamu'l-Haram Abu Ja'far Ahmad Bin Abdullah Shafi'i, di dalam hadith XII dikatakan dari Firdaus dari Dailami dari 70 hadith, Mir Seyyed Ali Hamadani Shafi'i di dalam Mawaddatu'l-Qurba, Mawadda - VI, Hafiz di dalam Amali, Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Bab 44, menyatakan dengan sedikit perbezaan di dalam perkataan, dengan pengesahan dari Ibn Abbas, Abi Laila Ghifari dan Abu Dharr Ghifari bahawa nabi berkata [rangkap yang akhir adalah sama di dalam setiap sebutan]: 'Tidak lama selepas saya pergi dari dunia ini, maka akan ada pertelingkahan. Apabila ianya berlaku, kamu hendaklah mengikuti Ali Ibn Abi Talib, kerana dia adalah orang yang pertama akan bertemu dengan saya dan memegang tangan dengan saya dihari pengadilan. Kedudukannya tinggi dan dia adalah pembeza diantara benar dan salah.'

Apabila nabi wafat kekacauan berlaku. Para Muhajir dan Ansar mehukan khalifa dari golongan mereka. Menurut dari arahan nabi, ummah sepatutnya membawa Ali supaya dia dapat memisahkan yang benar dari yang salah.

Hafiz: Hadith itu mempunyai satu rantaian penyampai, dan makanya tidak boleh

dipercayai.

Shirazi: Saya telah pun menjawab terhadap bantahan mengenai rantaian yang satu penyampai. Ulama sunni menganggap hadith yang demikian sebagai sah, maka kamu tidak boleh membantah atas dasar itu. Selain dari itu, ianya bukanlah satu-satunya hadith mengenai tujuan itu. Terdapat banyak rakaman yang disampaikan oleh ulama kamu yang menunjukkan maksud yang sama, sebahagian darinya saya telah rujuk pada malam semalam. Memandangkan masa yang suntuk, saya akan menghadkan diri saya pada menyatakan disini hanya nama sebahagian dari pengarangnya. Satu dari rakaman telah dinyatakan oleh Muhammad Bin Talha Shafi'i idi dalam Matalibu's-Su'ul, Tabari di dalam Kabir, Baihaqi di dalam Sunan, Nuru'd-Din Maliki di dalam Fusulu'l-Muhimma, Hakim di dalam Mustadrak, Hafiz Abu Na'im di dalam Hilya, Ibn Asakir di dalam Ta'rikh, Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, Tabrani di dalam Ausat, Muhibu'd-Din di dalam Riyaz, Hamwaini di dalam Fara'id, Suyuti di dalam Durr-e-Mansur, dari Ibn Abbas, Salman, Abu Dharr dan Hudhaifa – semua mengatakan bahawa nabi, menunjuk dengan tangannya kepada Ali Ibn Abi Talib, berkata: 'Sesungguhnya, Ali ini adalah yang pertama mengistiharkan keimanannya kepada saya dan yang pertama akan bersalaman dengan saya pada hari pengadilan. Dia adalah Siddiq-e-Akhbar [orang yang paling benar] dan Faruq kepada ummah [yang paling pintar]. Dia akan membezakan diantara benar dan salah.'

HADITH ALI BERSAMA KEBENARAN DAN KEBENARAN BERSAMA ALI.

Muhammad Bin Yusuf Ganji di dalam Bab 44 dari bukunya Kifayatu't-Talib menyampaikan hadith yang sama dengan tambahan pada perkataan ini: 'Dan dia adalah pemerintah kepada yang beriman dan dia adalah pintu bagi yang beriman untuk melaluinya; dan dia adalah khalifa selepas saya.' Ghanji Shafii berkata bahawa Muhaddith-e-Sham [ahli hadith dari Syria] mempunyai 300 hadith di dalam memuji Ali. Ianya juga telah dirakamkan oleh Muhammad Bin Talha Shafi'i di dalam Matalibu's-Su'ul, Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib, Sam'ani di dalam Faza'ilu's-Sahaba, Ibn Sabbagh Maliki di dalam Fusulu'l-Muhimma, Khatib Baghdadi di dalam Ta'rikh-e-Baghdad, jilid XIV, ms 21, Hafiz Mardawaih di dalam Manaqib, Dailami di dalam Firdaus, Ibn Qutayba di dalam Imamate wa's-Siyasa, jilid I, ms 111, Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Imam Ahmad di dalam Musnad dan banyak lagi ahli dari ulama kamu telah menyampaikan bahawa nabi berkata: 'Ali bersama dengan kebenaran dan kebenaran bersama dengan Ali, walau kemana dia berpaling.' Di dalam buku yang sama, terdapat satu lagi hadith yang disampaikan oleh Sheikh Sulayman Qandusi Hanafi, di dalam Bab 20 dari Yanabiul-Mawadda, dari Hamwaini bahawa nabi berkata: 'Ali adalah bersama kebenaran dan kebenaran bersama Ali.'

Hafiz Abi Nu'aim Ahmad Ibn Abdullah Ispahani di dalam bukunya Hilyatu'l-Auliya, jilid I, ms 63, menyampaikan bahawa nabi berkata: 'Wahai kumpulan Ansar!

Haruskan saya menunjukkan kamu kepada sesaorang yang jika kamu patuh kepadanya, kamu tidak akan sesat? Kesemua mereka berkata: 'Ya, Wahai nabi Allah,' Nabi berkata: 'Orang itu adalah Ali. Cintailah dia sebagaimana kamu mencintai saya; dan hormatilah dia sebagaimana kamu menghormati saya; apa yang saya telah katakan kepada kamu adalah perintah Allah yang disampaikan oleh Jibril.'

Objektif umum hadith ini untuk menunjukkan nabi merujuk mengenai penggantinya. Nabi mengarahkan ummahnya untuk berpaling kepada Ali selepas baginda. Dari keterangan hadith yang sedemikian, beritahulah kepada kami, apakah pengertian penentangan Abu Bakr kepada Ali bagi kamu; tentunya amat sedih dan memeranjatkan bahawa segalanya amat pantas telah dibuat di saqifa. Setiap mereka yang waras yang tahu apa yang telah terjadi pada hari itu merasa sangat keciwa. Jika tidak terdapat komplot, mengapa mereka tidak menunggu [sekurangnya hanya beberapa jam] supaya Ali Ibn Abi Talib, Bani Hashim dan Ibn Abbas dapat menerangkan pandangan mereka pada kedudukan khalifa?

Hafiz: Tidak ada konpirasi. Kerana mereka takutkan kekacauan, mereka bertindak cepat di dalam membuat keputusan untuk keselamatan islam.

Shirazi: Adakah kamu bermaksud bahawa Abu Ubaida Jarra, bekas pengali kubur di Makah, dan lainnya lebih mengambil berat tentang keselamatan islam dari Abbas, bapa saudara nabi dan Ali Ibn Abi Talib? Adakah kamu bermaksud bahawa jika mereka menunggu sekejap, atau Abu Bakr dan Umar, membuat orang-orang itu sibuk, telah menghantar Abu Ubaida untuk memberitahu Abbas dan Ali tentang siriusnya keadaan, islam akan hancur? Berlaku adillah. Jika mereka telah membawa orang-orang yang berkenaan dan tertentu di saqifa, kedudukan mereka akan lebih terselamat. Tidak akan terdapat banyaknya perbezaan di dalam islam sebagaimana ianya dihari ini. Selepas 1335 tahun, kita saudara islam tidak akan menentang sesama sendiri sebagaimana kita pada malam ini tetapi kita bersatu di dalam menentang musuh kita yang sama. Terlalu banyak kecacatan yang besar di dalam islam telah diasaskan pada hari tersebut. Itu disebabkan tindakkan pantas mereka bertiga bagi menjayakan perencanaan rahsia mereka.

Nawab: Tuan yang dihormati, sila beritahu kami mengapa mereka terburu-buru melakukannya. Mengapa mereka tidak memberitahu orang yang berada di dalam masjid atau di dalam rumah nabi?

Shirazi: Alasannya tidak jauh untuk dicari. Mereka bergegas meneruskan segala yang perlu kerana mereka tahu jika menunggu sehingga ramai muslim yang datang, atau sekurang-kurangnya mereka yang ternama dari tentera Usama bin Zaid, para sahabat nabi yang terkenal di Madina, atau Bani Hashim bahawa nama Ali diantara yang lain akan dicalunkan. Jika nama Ali dan Abbas telah dicadangkan, kemungkinan polotik untuk Abu Bakr dan Umar makin bertambah merosot. Maka

mereka terpaksa mempercepatkan perancangan, sedang Bani Hashim dan para sahabat nabi yang terkemuka sibuk menguruskan jenazah nabi, mereka berjaya melantik Abu Bakr sebagai khalifa berasaskan pengundian dari dua orang! Mereka telah berjaya memainkan peranan mereka, dan dimalam ini kamu orang-orang yang mulia telah memberikan nama 'ijma'. Walaupun ulama kamu yang terkemuka seperti Tabari, Ibn Abil-Hadid dan lainnya telah menulis bahawa Umar berkata: 'Khalifa Abu Bakr telah diadakan dengan cara mengejut. Semoga Allah menolong kita!!!'

Pada tuntutan kamu yang lain, yang mana kamu katakan dengan pegesahan khalifa Umar, bahawa nabi dan pemerintah tidak boleh disatukan dalam satu keluarga, juga ditolak, menurut al-Quran: 'Atau adakah mereka dengki pada orang, yang mana Allah telah berikan rahmatNya. Sesungguhnya Kami telah berikan anak-anak Ibrahim kitab dan kebijaksanaan, dan Kami berikan mereka kerajaan yang sempurna.' [4:54]

Hadith ini yang dikatakan dari khalifa Umar, adalah palsu. Nabi tidak pernah mengatakan perkataan yang bertentangan kepada arahan al-Quran. Lebih lagi, khalifa tidak boleh dipisahkan dari kenabian kerana khalifa yang sebenar menguatkuasakan undang-undang tuhan didunia ini. Untuk mengaggap khalifa hanyalah kedudukan politik dipisahkan dari kenabian adalah kesalahan terbesar yang dilakukan oleh Abu Bakr dan Umar. Jika saudara Musa, Harun boleh diketepikan dari khalifa Musa, Ali boleh juga dinafikan khalifa nabi. Dan oleh kerana nabi dan khalifa, menurut al-Quran telah disatukan pada Musa dan Harun, tidak dapat dinafikan bahawa ianya disatukan juga pada Muhammad dan Ali. Hadith kamu telah dipalsukan oleh Umayya. Jika kenabian dan khalifa tidak boleh disatukan di dalam satu keluarga, jadi mengapa Majlis-e-shura [persatuan perundingan]; ada tidak khalifa Umar menamakan Ali sebagai khalifa? Lagi pun kamu semua menerimanya sebagai khalifa keempat!!! Ini adalah satu pertentangan yang menarik, bahawa berdasarkah hadith Umar, kamu menolak penyatuan kanabian dengan khalifa, tetapi apabila Umar sendiri membolehkan keadaan ini beberapa tahun kemudian, kamu menyokongnya! Bolehkah kamu menentang dan menyokong usul yang sama? Kamu katakan kenabian dan kepimpinan tidak boleh disatukan dalam satu keluarga, walaupun nabi menjadikannya wajib pada ummahnya untuk mengikuti keturunannya. Dia berkata bahawa untuk bermusuhan dengan mereka adalah sesat. Dia mengatakan dibeberapa kejadian: ''Saya tinggalkan bersama kamu dua perkara penting: Kitab Allah dan ahli bayt ku. Jika kamu berpegang teguh kepada keduanya, kamu tidak akan sesat selepas aku.' Hadith yang sahih ini telah diakui oleh kedua golongan. Saya telah nyatakan pada malam dahulu dengan puncanya.

HADITH BAHTERA – HADITH SAQIFA.

Semasa banjir besar sesiapa berselindung di dalam bahtera Nuh terselamat.

Sesiapa yang berpaling darinya akan karam, termasuk anak Nuh. Nabi juga memperumpamakan keturunannya dengan bahtera Nuh, bererti bahawa manusia dari ummahnya di dalam masa percubaan terhadap mereka hendaklah bersama dengan keturunannya. Maka menurut dari kenyataan yang jelas ini, ummah, di dalam segala perbezaan mereka, harus mencari kemanfaatan dari ahli bayt nabi. Ali Ibn Abi Talib, menurut nabi, adalah yang paling terpelajar dan paling mulia diantara mereka. Mengapa mereka tidak memberitahu dia, supaya mereka dapat berunding dengannya? Tetapi tidak. Ahli politik merebut kuasa dan menafikan Ali akan haknya yang mutlak.

Sheikh: Atas dasar apa yang kamu katakan bahawa mereka harus mengikut Ali dan bahawa pendapat dan ijma dari sahabat harus diabaikan?

Shirazi: Saya tidak pernah mengatakan pendapat sahabat dan ijma mereka tidak perlu dihormati. Satu perbezaan diantara kamu dengan saya adalah bahawa sebaik sahaja kamu dengar nama sahabat, walaupun dianya munafik [hipokrit], seperti Abu Huraira, yang mana khalifa Umar pukul dan memanggilnya pendusta, kamu tunduk kepadanya dengan penuh hormat. Saya menghormati pada sahabat yang patuh dengan syarat-syarat persahabatan dengan nabi. Lebih lagi, Saya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat ijma di saqifa. Jika kamu boleh mematahkan hujah saya, inilah masanya untuk melakukan. Saya akan tunduk pada persetujuan ramai di dalam perhimpunan ini. Jika kamu boleh menunjukkan dari buku-buku kamu bahawa di saqifa, kesemua ummah, atau para-para intelek dari ummah telah berkumpul dan bersetuju bahawa Abu Bakr harus menjadi khalifa, kami sedia menerimanya. Dan jika, dengan pengecualian dua orang itu [Umar dan Abu Ubaida] dan beberapa orang dari kaum Aus, tidak ada orang lain memberikan bai’ah, kamu hendaklah mengakui bahawa kami shia adalah benar pada petunjuk. Kami tinggalkan kepada mereka yang telah tahu kini untuk membuat keputusan sama ada tiga orang sahabat dibolehkan pada memegang teraju bagi seluruh ummah. Dua memberikan bai’ah kepada yang ketiga, dan kemudian mereka mengancam yang lainnya dengan pedang, api, dan penghinaan, serta memaksa manusia pada menerima kehendak mereka.

HARUSKAN IJMA DITERIMA KERANA MENGIKUT PADA YANG TERDAHULU?.

Sheikh: Kita tidak tahu sama ada terdapat kecuaian pada pihak mereka, kerana kita tidak ada disana pada hari itu. Pada masa yang sejauh ini kita tidak dapat merasakan tekanan yang mereka alami. Pada hari ini, dengan situasi dan fakta yang jelas, sudah tidak menjadi isu [tidak penting lagi] sama ada ijma telah dipenuhi atau berperingkat-peringkat. Kita tidak perlu bantah. Kita seharusnya tunduk dan menghormati mereka serta mencontohi cara yang mereka telah tunjukkan.

Shirazi: Hujah yang sungguh menarik! Adakah kamu mahu kami fikirkan bahawa

islam ini tidak mempunyai asas? Jika dua atau tiga orang merangka sesuatu pelan dan mendapat sokongan yang lain, dan ini dengan sendirinya telah menjadi tugas semua muslim pada mengikuti mereka? Adakah itu pengertian pada agama nabi Muhammad? AL-Quran berkata: ‘Maka sampaikanlah berita baik kepada hambaKu, mereka yang mendengar kepada perkataan dan mengikuti yang terbaik padanya.’ [39:17-18]

Islam diasaskan pada fakta dan penjelasan, bukan ikutan secara buta, pastinya tidak mengikuti Abu Ubaida, penggali kubur. Nabi telah menunjukkan kepada kita jalannya. Dia berkata bahawa apabila ummah ini telah terbahagi, kita hendaklah mengikuti orang yang mendapat pertunjuk. Kamu bertanya mengapa wajib untuk kita mengikut Ali. Kami menjawab bahawa wajibnya telah diasaskan diatas ayat al-Quran dan hadith yang dirakamkan di dalam buku-buku kamu.

HADITH NABI MENYURUH YANG BERIMAN PADA MENGIKUTI ALI.

Terdapat banyak hadith yang menyuruh ummah pada mengikuti Ali. Satu darinya disampaikan oleh Ammar-e-Yasir, yang mana ulama kamu telam merakamkan di dalam buku-buku mereka: Hafiz Abi Nu’aim Ispahani di dalam Hilya; Muhammad Bin Talha Shafi’i di dalam Matalibu’s-Su’ul; Baladhuri di dalam Ta’rikh; Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, Bab 43, dari Hamwaini; Mir Seyyed Ali Hamadani Shafi’i di dalam Mawaddatu’l-Qurba, Mawadda V; Dailami di dalam Firdaus. Mereka menyampaikan dengan panjang, Secara khusus tidak dapatlah disebutkan disini dengan sepenuhnya. Ianya boleh dinyata secara ringkas bahawa apabila manusia bertanya Abu Ayyub mengapa dia telah pergi kepada Ali dan tidak memberikan bai’ah kepada Abu Bakr, dia menjawab bahawa satu hari dia sedang duduk dengan nabi apabila Ammar-e-Yasir masuk kedalam dan bertanya kepada nabi satu soalan. Di dalam masa perbualan ini, nabi berkata: ‘wahai Ammar! Jika semua manusia pergi kesatu arah dan Ali seorang sahaja diarah yang lain, kamu hendaklah mengikut Ali. Wahai Ammar! Ali tidak akan membenarkan kamu menyimpang dari jalan petunjuk dan tidak akan memimpin kamu kepada kemusnahan; Wahai Ammar! Patuh kepada Ali adalah patuh kepada saya, dan patuh kepada saya adalah patuh kepada Allah.’

Dengan keterangan dari petunjuk ini, dan dari penentangan Ali kepada Abu Bakr, tidak patut manusia mengikut Ali? Bahkan jika Bani Hashim, Bani Umayya, para sahabat terkenal, para intelek ummah, Muhajir dan Ansar tidak bersama dengannya [mereka semua bersama dengannya], manusia seharusnya mengikuti dia.

Hafiz: Semasa perbincangan kita, kamu telah mengata dua perkara yang aneh. Pertama kamu kerap mengulangi memanggil Abu Ubaida penggali kubur. Boleh kah kamu buktikan itu adalah perkerjaannya? Kedua kamu katakan Ali, Bani Hashim dan para sahabat tidak memberikan bai’ah kepada Abu Bakr, mereka

menentangnya. Tetapi semua ahli sejarah dan ahli hadith telah menulis bahawa Ali, Bani Hashim dan para sahabat nabi ada memberikan bai'ah kepada Abu Bakr.

Shirazi: Bukan saya sahaja yang mengatakan Abu Ubaida seorang penggali kubur. Ianya di dalam buku kamu. Kamu boleh merujuk kepada Al-Bidayya wa'n-Nihaya, jilid V, ms 266-267 disusun oleh Ibn Kathir Shami, yang mengatakan bahawa Abu Ubaida biasa menggali kubur di Makah, Ibn Abbas menghantar seorang mencari Abu Talha, penggali kubur di Madina, dan seorang lagi Abu Ubaida, supaya mereka berdua boleh menggali kubur nabi.

BAI'AH PAKSAAN OLEH ALI DAN BANI HASHIM SELEPAS ENAM BULAN.

Kamu kata bahawa Ali, Bani Hashim dan sahabat nabi memberikan bai'ah kepada Abu Bakr. Kamu telah membaca perkataan 'paid allegiance' [membayar bai'ah], tetapi kamu tidak faham kepada siapa dan bagaimana mereka membayar bai'ah. Semua ahli hadith kamu dan juga ahli sejarah telah menulis bahawa Ali dan Bani Hashim manbayar bai'ah secara zahir, tetapi itu pun telah dilakukan selepas enam bulan dan dibawah tekanan yang hebat.

Hafiz: Adalah tidak wajar orang terhormat seperti kamu untuk menggunakan perkataan yang digunakan oleh orang shia umum: bahawa Ali diseret keluar dari rumahnya dan diancam dengan kematian jika dia tidak memberikan bai'ahnya. Yang sebenarnya bahawa di dalam beberapa hari yang pertama khalifa, dia dengan rela dan gembira menerima khalifanya Abu Bakr.

Shirazi: Ali dan Bani Hashim tidak memberikan bai'ah pada ketika itu. Ahli sejarah kamu telah menulis bahawa Ali menawarkan bai'ah selepas pemergian Hazrat Fatima. Bukhari di dalam Sahih, jilid III, Bab pada Ghazawa Khaibar, ms 37, dan Muslim Bin Hujjaj, di dalam Sahih, jilid V, ms 154, melaporkan bahawa Ali menawarkan bai'ahnya selepas pemergian [meninggal] Fatima. Sebahagian dari ulama kamu percaya bahawa Fatima meninggal dunia 75 hari selepas wafatnya nabi. Ibn Qutayba juga mempunyai pandangan yang sama, tetapi kebanyakkan ahli sejarah mengatakan beliau meninggal selepas enam bulan wafatnya nabi. Dari itu maka bai'ah Ali datang selepas 3 hingga ke 6 bulan selepas wafatnya nabi. Mas'udi di dalam Murujus-sahab, jilid I, ms 44, berkata 'Tidak ada dari Bani Hashim memberikan bai'ah kepada Abu Bakr sehingga meninggalnya Bibi Fatima. Ibrahim bin Sa'd Saqafi menyatakan dari Zuhri bahawa Ali tidak memberikan bai'ah sehingga enam bulan selepas wafatnya nabi, dan manusia tidak mempunyai keberanian untuk memaksanya melainkan setelah meninggalnya Bibi Fatima. Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh Nahjul Balagha menyampaikan fakta yang sama. Walau bagaimana pun, ulama kamu yang menekankan bahawa bai'ah Ali tidak serta merta tetapi datang setelah beberapa lama telah berlalu dan kemudian keadaan memaksanya untuk melakukan yang sedemikian. Ibn Abi'l-Hadid, di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid II, ms 18, menyampaikan dari Zuhri, dari

A’yesha, yang berkata: ‘Ali tidak memberikan bai’ah kepada Abu Bakr untuk enam bulan, dan tidak ada orang dari Bani Hashim yang memberikan bai’ah sehingga Ali melakukannya.’ Ahmad Bin A’sam-e-Kufi Shafi’i di alam Futuh, dan Abu Nasr Hamidi, di dalam Jam’a Bainu’s-Sahihain mengatakan dari Nafiy, menyebutkan dari Zuhri, yang berkata: ‘Ali tidak memberi sumpah ketaatan sehingga enam bulan selepas wafatnya nabi.’

ALI DISERET DARI RUMAHNYA DAN RUMAHNYA DIBAKAR.

Hafiz: Dimana ada ulama kami yang mengatakan bahawa Ali telah diseret keluar dari rumahnya dan rumahnya dibakar, sebagaimana yang dipercayai secara umum oleh shia? Mereka menyampaikan dengan penuh emosi di dalam perhimpunan agama mereka. Mereka juga membangkitkan emosi manusia dengan mengatakan bahawa Fatima telah didera dan disebabkan itu telah keguguran.

Shirazi: Hadirin yang dihormati: Kamu bencikan shia, percubaan telah dibuat untuk menutup perbuatan kesalahan orang yang terdahulu. Kamu katakan hadith itu telah diada-adakan oleh shia. Yang sebenarnya adalah bahawa atas arahan Abu Bakr, Umar dan lainnya pergi kerumah Ali, mengancamnya dengan pedang, menyeretnya hingga kemasjid dan memaksa dia memberikan bai’ah kepada Abu Bakr. Fakta ini telah dirakamkan oleh ulama kamu. Jika kamu kehendakki saya akan nyatakan kepada kamu. Kami tidak katakan sesuatau diatas rujukan dan pengesahan kami. Kami hanya katakan, apa yang kamu katakan.

Hafiz: Ya; sila. Kami sedia mendengar.

DUA BELAS HUJAH DI DALAM MENYOKONG FAKTA BAHAWA ALI TELAH DIBAWA KEMASJID DENGAN MATA PEDANG.

Shirazi:

1] Abu Ja’far Baladhuri Ahmad Bin Yahya Bin Jabir Baghdadi, seorang ahli hadith dan sejarah kamu yang boleh dipercayai, menulis di dalam buku sejarahnya bahawa Abu Bakr memanggil Ali untuk memberikan bai’ah, Ali menolak. Abu Bakr menghantar Umar, yang pergi dengan andang apai untuk membakar rumah Ali. Fatima pergi kepintu dan berkata: ‘Wahai anak Khattab! Adakah engkau datang hendak membakar rumah aku?’ Dia berkata : ‘Ya! Ini lebih berkesan dari apa-apa yang bapa kamu lakukan.’

2] Izzu’d-Din Ibn Abi’l-Hadid Mu’tazali, dan Muhammad Bin Jarir Tabari, menyampaikan bahawa Umar pergi kepintu rumah Ali dengan Usayd bin Khuzai, Salama bin Aslam dan sekumpulan lelaki. Umar memanggil: ‘Keluar! Jika tidak aku bakar rumah ini!’

3] Ibn Khaziba melaporkan di dalam Kitab-e-Gharrar dari Zaid bin Aslam, yang berkata: ‘Saya adalah salah seorang dari mereka yang pergi bersama Umar dengan andang api kepintu rumah Fatima. Apabila Ali dan orang-orangnya enggan memberikan bai’ah, Umar berkata kepada Fatima, ‘Biarkan sesiapa yang ada di dalam keluar. Jika tidak rumah ini akan dibakar dengan sesiapa yang ada di dalamnya.’ Ali, Hasan, Husain, Fatima dan sekumpulan para sahabat nabi dan Bani Hashim ada di dalam. Fatima berkata: ‘Adakah kamu akan membakar rumahku bersama aku dan anak-anakku? Dia berkata: ‘Ya, demi Allah, jika mereka tidak keluar dan memberikan bai’ah kepada khalifa nabi.’

4] Ibn Abd Rabbih, seorang ulema kamu yang terkenal, menulis di dalam Iqdu’l-Farid, bahagian III, ms 63, bahawa Ali dan Abbas sedang duduk dirumah Fatima. Abu Bakr memberitahu Umar: ‘Pergi dan bawakan orang-orang ini. Jika mereka enggan. Perangi mereka.’ Maka Umar datang kerumah Fatima dengan andang api. Fatima pergi kepintu rumahnya dan berkata: ‘Adakah kamu datang hendak membakar rumahku? Dia berkata: ‘Ya.’

5] Ibn Abi’l-Hadid Mu’tazali di dalam Shahre Nahju’l-Balagha, jilid I, ms 134, menyebutnya dari Jauhari’s Kitab-e-Saqifa, yang telah menulis dengan mendalam mengenai kejadian di saqifa Bani Saad. ‘Bani Hashim dan Ali berkumpul dirumah Ali. Zubair juga bersama dengan mereka oleh kerana dia menganggap dirinya seorang dari Bani Hashim. Ali pernah berkata: ‘Zubair selalu bersama kami, sehinggalah anaknya dewasa. Mereka telah memalingkan dia dari kami.’ Umar pergi kerumah Fatima dengan sekumpulan lelaki. Usayd dan Salma juga bersama dengannya. Umar menyuruh mereka keluar dan memberikan bai’ah. Mereka menolak. Zubair mencabut pedangnya dan keluar. Umar berkata: ‘Tangkap anjing itu.’ Salma bin Aslam merampas pedangnya dan membalingkan kedinding. Kemudian mereka menyeret Ali kepada Abu Bakr. Bani Hashim yang lain mengikut mereka dan menunggu untuk melihat apa Ali akan lakukan. Ali mengatakan bahawa dia adalah hamba Allah dan adik kepada nabi. Tiada siapa yang mendengarkannya. Dia dibawa kepada Abu Bakr, yang menyuruh beliau memberikan bai’ah kepadanya. Ali berkata: ‘Saya yang lebih berhak pada kedudukan ini, dan saya tidak akan memberikan bai’ah kepada kamu. Sebaliknya telah dijadi tanggong jawab keatas kamu untuk memberikan bai’ah kepada saya. Kamu mengambil hak ini dari Ansar berdasarkan perhubungan kamu dengan nabi. Saya juga atas dasar yang sama memprotes terhadap engkau. Maka berlaku adillah. Jika engkau takut kepada Allah, terimalah hak aku, sebagaimana Ansar telah lakukan kepada engkau. Jika tidak ketahuilah bahawa engkau dengan sengaja telah menzalimi aku.’ Umar berkata: ‘Kami tidak akan meninggalkan kamu sehingga kamu memberikan bai’ah.’

Ali berkata: ‘Kamu telah bersubahat bersamanya. Hari ini engkau [umar] menyokong dia [Abu Bakr], supaya esok dia akan pulangkan khalifa ini kepada engkau. Saya bersumpah dengan Allah bahawa saya tidak akan turutkan

permintaan kamu dan tidak akan memberikan bai'ah [kepada Abu Bakr]. Dia yang seharusnya memberikan bai'ah kepada saya.' Kemudian dia menolehkan mukanya kepada manusia: 'Wahai Muhajir, takutlah kepada Allah. Janganlah mencabut hak penguasaan dari keluarga Muhammad. Hak itu telah diberkan oleh Allah. Janganlah menolak orang yang punya hak dari tempatnya. Demi Allah, kami ahli bayt mempunyai lebih kuasa di dalam perkara ini dari yang kamu ada. Adakah sesiapa diantara kamu yang punya pengetahuan kitab Allah, sunnah nabiNya, dan juga perundangan agama kita. Saya bersumpah dengan Allah bahawa kami memilikki semua ini. Maka janganlah mengikuti diri kamu kerana kamu akan menyimpang dari kebenaran.' Ali pulang kerumah dengan tidak memberikan bai'ah dan terus menyepikan dirinya dirumah sehingga pemergian Fatima. Kemudiannya, dia terpaksa memberikan bai'ah.

6] Abu Muhammad Abdullah Bin Muslim Bin Qutayba Bin Umar Al-Bahili Dinawari, adalah seorang dari ulama kamu dan juga Kadi bagi kota Dinawar, menulis di dalam bukunya yang terkenal Ta'rikhu'l-Khulafate Raghibin wa Daulate Bani Umayya, yang dikenali dengan nama Al-Imama wa's-Siyasa, jilid I, ms 13: 'Apabila Abu Bakr mengetahui sekumpulan yang memusuhinya telah berkumpul dirumah Ali, dia menghantar Umar kepada mereka. Apabila Umar memanggil kepada Ali supaya keluar dan memberikan bai'ah kepada Abu Bakr, mereka semua tidak mahu keluar. Umar mengumpulkan kayu dan berkata: 'Saya bersumpah dengan Allah, yang mempunyai nyawaku di dalam kawalanNya, sama ada kamu keluar atau aku akan bakar rumah ini dengan segala isi di dalamnya.' Orang ramai berkata: 'O Abu Hafsa! Fatima juga ada di dalam rumah itu.' Dia berkata: 'Biarkan dia disitu. Saya akan membakar rumah itu.' Maka kesemuanya keluar dan memberikan bai'ah, melainkan Ali, yang berkata: 'Saya telah bersumpah bahawa sehingga saya siap menyusun al-Quran, saya tidak akan keluar dari rumah dan tidak juga memakai pakaian lengkap.' Umar tidak menerima alasan ini, tetapi penerangan yang rayuan dari Fatima dan desakkan dari yang lainnya, telah memaksa dia kembali kepada Abu Bakr. Umar mendesak dia untuk memaksa Ali memberikan bai'ahnya. Abu Bakr menghantar Qanfaz beberapa kali untuk memanggil Ali, tetapi dia selalu keciwa. Akhirnya Umar dengan sekumpulan manusia pergi kepintu rumah Fatima. Apabila Fatima mendengar suara mereka, dia berkata: 'Wahai bapaku, nabi Allah, apakah jenis siksaan yang kami alami dari anak Khattab dan anak Quhafa!'

Apabila manusia mendengar rayuan Fatima, sebahagian dari mereka pulang dengan hati yang sedih, tetapi Umar tinggal disitu dengan beberapa orang, sehingga akhirnya mereka mengheret Ali keluar dari rumahnya. Mereka membawa Ali kepada Abu Bakr, dan menyuruh dia memberikan bai'ah kepadanya. Ali berkata: 'Jika saya tidak memberikan ba'ah, apa yang akan kamu lakukan?' Mereka berkata: 'Kami bersumpah dengan Allah bahawa kami akan patahkan tengkok engkau.' Ali berkata: 'Adakah kamu akan membunuh hamba Allah, dan adik kepada nabi?' Umar bekata: 'Kamu bukan adik kepada nabi Allah.' Sedang ini

semua berlaku, Abu Bakr mendiamkan diri. Umar kemudian bertanya kepada Abu Bakr, sama ada dia tidak melaksanakan arahan Abu Bakr dalam perkara ini. Abu Bakr berkata selagi Fatima masih hidup dia tidak akan memaksa Ali untuk memberikan bai'ah kepadanya. Ali kemudian pergi kepusara nabi, dengan sedih dan menangis, dia memberitahu nabi apa yang Harun telah beritahukan abangnya Musa, sebagaimana yang dirakamkan di dalam al-Quran: 'Anak kepada ibu saya! Sesungguhnya manusia menganggap saya ini lemah dan hampir sahaja membunuh saya.' [7:150]

DIALOG SUNNI-SHIA

FATIMA MEMBERITAHU ABU BAKR DAN UMAR BAHAWA DIA MENGUTUK MEREKA BERDUA DISETIAP DOA.

Setelah menyebutkan segala kejadian itu dengan khusus, Abu Muhammad Abdullah Bin Qutayba berkata bahawa Ali tidak memberikan bai'ahnya dan pulang kerumah. Kemudian Abu Bakr dan Umar pergi kerumah Fatima untuk memujuknya dan meminta keampunan darinya. Dia berkata: 'Allah menjadi saksi saya bahawa kamu berdua telah bersalah kepada saya. Di dalam setiap doa, saya mengutuk kamu dan akan terus mengutuk kamu sehingga saya bertemu dengan bapa saya dan mengadukan mengenai kamu.'

7] Ahmad Bin Abdu'l-Aziz adalah seorang dari ulama kamu. Ibn Abi'l-Hadid menulis mengenainya dengan perkataan yang berikut: 'Dia adalah seorang ilmuan, seorang ahli hadith dan juga sasterawan.' Dia menulis di dalam Kitab-e-saqifa dan Ibn Abil-Hadid Mutazali juga menyebut darinya di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid I, ms 9, pada pengesahan Abil-Aswad, yang berkata: 'Sekumpulan para sahabat dan Muhajirin menyatakan tidak puas hati mereka pada kedudukan khalifa Abu Bakr dan bertanya mengapa mereka tidak diajak berunding. Ali dan Zubair juga menunjukkan marah mereka, enggan memberikan bai'ah, dan kembali kerumah Fatima. Fatima menangis dan dengan serius telah merayu, tetapi tidak memberi kesan. Mereka mengambil pedang Ali dan Zubair dan membalingnya kedinding, sehingga merosakkannya. Mereka kemudian diheret kemasjid dan dipaksa memberikan bai'ah.'

8] Jauhari menyampaikan dari Salma bin Abdur-Rahman bahawa apabila Abu Bakr mendengar bahawa Ali, Zubair dan sekumpulan Bani Hashim telah berkumpul dirumah Fatima, dia menghantar Umar kepada mereka. Umar pergi kepintu rumah Fatima dan memanggil dengan kuat, 'Keluarlah, jika tidak, saya bersumpah saya akan membakar rumah ini!'

9] Jauhari, menurut dari Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, jilid II, ms 19, menyebut dengan pengesahan dari Shabi: 'Apabila Abu Bakr mendengar mengenai perhimpunan Bani Hashim dirumah Ali, dia berkata kepada Umar:

‘Berdua, kamu dan Khalid pergi dan bawa Ali dan Zubair kepada ku supaya mereka boleh memberikan bai’ah kepada aku.’ Maka Umar masuk kerumah Fatima dan Khalid menunggu diluar. Umar berkata kepada Zubair: ‘Apa dengan pedang ini?’ Dia menjawab, ‘Saya telah membawanya untuk bai’ah kepada Ali.’ Umar merampas pedang itu dan membalingnya pada batu di dalam rumah dan merosakkannya. Kemudian dia membawanya keluar kepada Khalid. Umar masuk semula kedalam rumah, dimana terdapat ramai orang, termasuk Miqdad, dan semua Bani hashim. Kepada Ali dia berkata: ‘Bangun! Saya hendak membawa kamu kepada Abu Bakr. Kamu mesti memberi bai’ah kepadanya.’ Ali enggan. Umar mengheret dia kepada Khalid. Khalida dan Umar memaksa dia disepanjang jalan yang penuh sesak dengan manusia, yang memerhatikan trajidi ini. Apabila Fatima melihat gelagat Umar, dia bersama dengan beberapa wanita dari Bani Hashim [yang datang untuk menenteramkan dia] keluar. Mereka merayu dan menangis. Fatima pergi kemasjid dimana dia berkata dengan Abu Bakr: ‘Berapa cepatnya kamu telah mengenepikan ahli bayt nabi Allah. Saya bersumpah dengan Allah, saya tidak akan berkata-kata dengan engkau dan Umar sehingga saya bertemu dengan Allah.’ Fatima menunjukkan tidak setujunya yang amat sangat kepada Abu Bakr dan tidak berkata-kata dengannya disepanjang baki hidupnya.’ [Lihat sahih Bukhari, bahagian V dan VII]

10] Abu Walid Muhibu’d-Din Muhammad Bin Muhammad Bin Ash-Shahna Al-Hanafi (mati 815 H.), seorang dari ulama terkenal kamu, menulis di dalam bukunya Rauzatu’l-Manazir Fi Khabaru’l-Awa’il wa’l-Awakhir, berkaitan dengan peristiwa saqifa: ‘Umar datang kerumah Ali bersedia untuk membakarnya dengan segala isi yang ada di dalamnya. Umar berkata: ‘Masuklah kepada apa yang ummah telah masuk.’

11] Tabari di dalam Tarikh nya, jilid II, ms 443, menyatakan dari Ziyad bin Kalbi bahawa: ‘Talha, Zubair dan sebahagian dari Muhajirin ada di rumah Ali. Umar bin Khattab pergi kesana dan mendesak supaya mereka keluar. Jika mereka tidak keluar, dia kata, dia akan membakar rumah itu.’

12] Ibn Shahna, di dalam Hashiyya-e-Kamil of Ibn Athir, jilid XI, ms 112, menulis yang berkaitan dengan saqifa, bahawa: ‘Sebahagian dari para sahabat nabi danBani Hashim, Zubair, Atba bin Abi Lahab bin Sa’id bin As, Miqdad Bin Aswad Kindi, Salman Farsi, Abu Dharr Ghifari, Ammar Bin Yasir, Bara’a Bin Azib, and Ubai Bin Ka’b, enggan memberikan bai’ah kepada Abu Bakr. Mereka berkumpul dirumah Ali. Umar bin Khattab pergi kesana bermaksud untuk membakarnya. Fatima membanyah kepadanya. Umar berkata: ‘Masuklah dimana semuanya telah masuk.’

Ini tidak lain adalah contoh dari banyak lagi fakta sejarah yang dirakamkanoleh ahli sejarah kamu. Kejadian ini telah diketahui umum sehingga penyair-penyair lain telah menyebutnya. Seorang dari penyair itu, Hafiz Ibrahim dari Mesir, berkata

di dalam syairnya di dalam memuji Umar: ‘Tidak ada manusia lain tetapi Abu Hafsa [Bapa Umar] yang mempunyai keberanian pada mengatakan kepada ketua Adnan [Ali] dan rakan-rakannya dengan berkata: ‘Jika kamu gagal untuk memberi bai’ah, saya akan membakar rumah kamu dan tidak akan meninggalkan walau seorang dari isi rumah yang hidup, walaupun Fatima.’

Hafiz: Kenyataan ini hanya menunjukkan bahawa mereka membawa andang api sekadar untuk menakutkan pihak yang menentang khalifa. Hanya cerita yang ditambahkan dari shia yang mengatakan rumah Ali dibakar, dan Fatima akhirnya mengalami keguguran.

KENYATAAN MENGENAI KEGUGURAN FATIMA.

Shirazi: Kamu hendaklah menbaca Kitab-e-Isbatu’l-Wasiyya, yang disusun oleh Abi’l-Hasan Ali Bin Husain Mas’udi, pengarang buku Muruju’dh-Dhahab. Dia menulis dengan mendalam mengenai kejadian pada hari itu: ‘Mereka mengepong Ali dan membakar pintu rumahnya. Mereka mengheret dia keluar dari rumah dan menekan wanita yang terutama, Fatima, diantara pintu dan dinding dengan kuatnya sehingga Muhsin, anak di dalam kandungannya mati keguguran.’

Shia tidak mengada-adakan perkara ini. Apa yang berlaku telah disimpan di dalam lembaran buku sejarah. Keguguran ini adalah satu fakta. Kamu boleh juga merujuk kepada Sharhe Nahju’l-Balagha, jilid III, ms 351. Ibn Abi’l-Hadid menulis bahawa dia memberitahu gurunya, Abu Jafar Naqib, bahawa apabila nabi telah diberitahu bahawa Hubbar bin Aswad telah menyerang anak perempuannya Zainab dengan batang tombak, dan dengan sebab itu dia telah mengalami keguguran, nabi telah membenarkan dia dijatuhkan hukuman mati. Abu Jafar berkata: ‘Jika nabi Allah masih hidup, dia pastinya akan menjatuhkan hukuman mati kepada dia yang telah menakutkan Fatima sehinggakan anaknya Muhsin mati di dalam keguguran.’

Hafiz: Saya tidak faham apakah ada baiknya untuk menyampaikan cerita yang sedemikian ini. Perkara yang seperti ini hanya membawa kepada perpecahan.

Shirazi: Kamu membantah kepada saya kerana menyampaikan fakta ini. Tetapi saya tidak membantah serangan dari penulis hasad yang telah menyimpangkan saudara kita yang tidak berpengetahuan, memanggil shia kafir dan mengatakan bahawa fakta ini adalah bikinan shia. Kami tidak mengatakan sesuatu mengenai Ali melebihi dari apa yang nabi telah katakan. Kami telah katakan kepada kamu semua pada malam yang lalu bahawa kami menganggap bahawa Ali adalah hamba Allah yang taat, yang dilantik Allah sebagai wazir dan juga pengganti kepada nabi. Kamu mengatakan tidak ada gunanya pada menyatakan fakta ini. Jika kamu tidak menimbulkan perkara ini, kita tidak akan membincangkannya. Jika kamu tidak mengatakan pada malam ini bahawa itu semua adalah kepercayaan shia dengan tidak ada apa yang tersembunyi padanya, maka saya dengan tiada

keberatan akan memberitahu para pendengar bahawa ini adalah kepecayaan ulama sunni yang matang [tidak berat sebelah].

Nawab: Tuan yang dihormati, kami percaya bahawa Husain, yang syahid, adalah yang benar dan bahawa dia telah dibunuh secara kejam oleh pegawai Bani Umayya. Tetapi terdapat sebilangan manusia, terutama dari generasi yang muda, yang mengatakan bahawa peperangan Karbala adalah khusus ketenteraan, dan bukan peristiwa keagamaan. Telah dikatakan bahawa Husain bin Ali menuju ke Kufa di dalam mencari kekuasaan, dan adalah tanggong jawab setiap kerajaan pada membendong sebarang bahaya. Makanya Yazid menentang ancaman ini. Mereka telah meminta Imam yang mulia ini untuk memberikan bai'ahnya yang tidak berbelah bagi kepada khalifa Yazid, yang mana ketaatan kepadanya adalah wajib. Mereka menghendakkinya pergi ke Syria untuk tinggal di sana bersama khalifa secara terhormat atau pulang ketempat asalnya. Tetapi dia tidak mengikuti nasihat mereka maka akhirnya dia terbunuh. Mereka merumuskan bahawa sebarang peringatan untuk orang yang mementingkan dunia, yang telah terbunuh kerana mencintai kuasa, bukan sahaja tidak bermakna, tetapi sebagai satu bid'ah. Adakah kamu mempunyai jawapan pada maksud ini? Bagaimana kamu menyangkal tanggapan [ide] bahawa peperangan Karbala bukannya pergelutan politik?

IMAM HUSAIN TIDAK PERNAH MENGINGINKAN KUASA POLITIK.

Shirazi: Setiap tindakan yang baik atau jahat berasaskan pada pengetahuan kita mengenai Allah. Tujuan utama adalah pada mengenali Allah; dan kemudian mereka hendaklah menerima kitab tuhan. Dari penerimaan itu diikuti pula dengan mengiktiraf apa yang ada di dalam buku itu adalah yang terpuji. Sesiapa yang mempercayai bahawa Husain ibn Ali telah digerakkan oleh matlamat kepentingan keduniaan telah menolak kebenaran al-Quran. Allah maha besar telah memberikan bukti pada sucinya Husain di dalam al-Quran. Dia berkata: 'Allah menghendakki hanya untuk menjauhkan kekotoran dari kami, Wahai ahli rumah! Dan untuk mensucikan kamu dengan sesuci-sucinya.' [33:33]

Kebanyakkan dari ulama kamu seperti Muslim, Tirmidhi Tha'labi, Sijistani, Abu Nu'aim Isfahani, Abu Bakr Shirazi, Suyuti, Hamwaini, Ahmad Bin Hanbal, Zamakhshari, Baidhawi, Ibn Athir, dan lainnya telah menegaskan bahawa ayat ini telah diwahyukan di dalam memuji lima yang suci, ahli bayt [ahli rumah]

Muhammad, Ali, Fatima, Hasan, Husain. Ayat ini adalah bukti yang besar terhadap ma'sum dan sucinya mereka ini. Kotoran yang paling utama adalah cinta pada kuasa dunia. Terdapat banyak hadith dari nabi dan para Imam yang mengutuk keinginan kepada kuasa dunia dan memenuhi keinginan nafsu. Nabi berkata: 'Cinta dan bersahabat kepada dunia adalah punca segala kejahatan.' Abu Abdullah Husain tidak mencintai kekuasaan dunia. Dia tentunya tidak

mengorbankan nyawanya dan juga nyawa keluarganya hanya untuk dapat memerintah sementara didunia.

Jika penentangan Imam Husain terhadap Yazid hanya untuk berkuasa didunia, nabi tentu tidak memerintahkan manusia untuk menolongnya. Ulama kamu sendiri mengesahkan maksud ini. Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda dari sejarah oleh Bukhari, Baghawi, dan Ibnu's-Sikkin dari Zakha'iru'l-Uqba oleh Imamu'l-Haram Shafi'i, dan Sirat-e-Mulla disebutkan dari Anas Bin Harith Bin Bayya, yang mengatakan dia mendengar nabi berkata: 'Sesungguhnya, anak saya husain akan dibunuh pada tanah Karbala. Setiap kamu yang hadir pada masa itu hendaklah menolongnya.'

Laporannya bersambong: 'Anas bin Harith sampai di Karbala dan kerana patuh pada arahan nabi telah syahid bersama dengan Imam Husain.' Dari itu, di Karbala Imam Husain berdiri menegakkan kebenaran dan bukan kerana cinta kepada dunia. Imam Husain membuat perjalanan dengan kumpulan yang kecil, termasuk wanita-wanitanya dan kanak-kanak kecil, adalah satu petunjuk lagi yang dia tinggalkan rumah bukan untuk menjadi pemerintah. Jika itulah maksud tujuannya, dia boleh pergi ke Yaman, dimana dia mempunyai sokongan yang ramai. Yaman boleh menjadi tapak yang logik bagi dia melancarkan operasi tentera. Bahkan para sahabatnya berulang kali menyuruhnya pergi ke Yaman, tetapi mereka tidak menyedari tujuan matlamatnya. Tetapi Imam Husain tahu bahawa tidak ada gunanya pada mendapat kejayaan sementara. Perjalanannya bermula dengan 84 orang, termasuk wanita dan kanak-kanak; bermatlamat pada asas yang baik. Pokok suci - la ilaha ill'allah [tidak ada tuhan melainkan Allah] – telah ditanam oleh datuknya, disirami dengan darahnya, dan darah syuhadah Badr, Uhud dan Hunain. Pokok ini telah diamanahkan kepada pekebun utama, Ali Ibn Abi Talib, yang telah diketepikan dengan ancaman bunuh dan bakar. Akhirnya perkembangan tawhid [ke Esaan Allah] dan kenabian telah mengambil zaman perubahan. Secara beransur pentadbiran kebun berpindah tangan kepada yang khianat Bani Umayya.

Semenjak khalifa Uthman bin Affan, Bani Umayya menguasai pentadbiran empair. Abu Sufyan tua dan buta, tetapi nafsunya pada kuasa masih subur seperti biasa, menyatakan didalam istana Umayya: 'Wahai Bani Umayya! Kekalkan kedudukan khalifa di dalam keluarga kamu. Syurga adalah satu dongengan. Peganglah kedudukan khalifa seperti bola. Saya bersumpah dengan apa yang saya sumpah, bahawa saya selalu berhasrat pemerintahan begini untuk kamu. Peliharalah dia supaya keturunan kamu menjadi pewarisnya.'

Yang kafir ini telah mengeluarkan pekebun yang sah dari tamannya. Siraman air padanya telah diberhentikan dan pokok yang suci ini mengecil kurus sehinggalah sampai ke era Yazid, apabila pokok ini kelihatan akan mati; Imam Husain membuat perjalanan ke Karbala untuk mengairi taman nabi dan menguatkan semua pokok yang suci itu. Sebahagian manusia bertanya mengapa Imam Husain

tidak menegakkan bendera penentangan di Madina. Mereka tidak faham jika dia kekal di Madina, objektifnya tinggal tidak jelas. Imam Husain pergi ke Makah di dalam bulan Rejab dan berucap kepada ribuan manusia, memberitahu mereka bahawa Yazid sedang mencabut pokok tawhid. Ketagih kepada arak dan judi. Yazid berhibur dengan anjing dan monyet. Imam Husain menganggap pengorbanan dirinya perlu pada menyelamatkan islam.

IMAM HUSAIN MENOLAK NASIHAT PADA MENINGGALKAN MISINYA.

Imam Husain, sahabat dan keluarga cuba untuk memujuknya dari pergi ke Kufa, dengan mengatakan bahawa penduduk Kufa yang telah menyuruhnya supaya datang adalah terkenal jahat dan tidak boleh dipercayai. Maka menurut dari ramai penyokongnya, Imam Husain tidak mempunyai peluang pada mengalahkan mereka. Mereka memintanya supaya meninggal perjalanannya. Mereka memintanya supaya pergi ke Yaman, dimana dia mempunyai ramai pengikut, dan disana dia boleh hidup dengan aman. Tetapi Imam Husain tidak dapat menerangkan realiti kebenaran situasi kedudukannya. Bagaimana pun dia memberikan kepuasan kepada setiap mereka dengan jawapan yang ringkas. Dia memberitahu sahabat akrab dan keluarga, seperti adiknya, Muhammad bin Hanafiah: ‘Kamu telah katakan yang benar. Saya juga tahu saya tidak akan mencapai apa-apa kuasa, tetapi saya pergi bukan untuk penkaklukkan dunia. Saya pergi hanya untuk dibunuh.’

Saya harap bahawa melalui penderitaan yang saya tanggong dari penindasan ini, saya dapat mencabut keluar asas bagi segala kekejaman dan kezaliman. Saya berjumpa datuk saya, nabi Allah, di dalam mimpi memberitahu saya: ‘Buatlah perjalanan ke Iraq, Allah yang maha besar mahu melihat kamu dibunuh.’

Muhammad bin Hanifiyya dan Ibn Abbas berkata: ‘Jika begitu mengapa membawa wanita bersama kamu? Dia menjawab: ‘Datuk saya mengatakan bahawa Allah mahu melihat mereka ditawan. Maka, menurut arahan nabi saya membawa mereka bersama.’ Penawanan para wanita adalah bahagian penutup syahidnya. Mereka akan menunjukkan kepada dunia betapa kejamnya Umayya terhadap keturunan nabi. Bibi Zainab, anak perempuan Ali dan Fatima, membuat bantahan yang terang di dalam istana Yazid yang penuh dengan manusia, dimana ratusan manusia hadir, termasuk orang kenamaan, orang-orang besar Bani Umayya, kedutaan asing yang datang untuk meraikan kemenangan mereka. Imam keempat, Zainul-Abidin Ali ibn Husain, juga membuat penjelasan rayuan terhadap keadilan dari mimbar masjid Umayya di dalam kehadiran Yazid. Setelah meninggikan kemuliaan dan sifat-sifat Allah, Zainul-Abidin berkata: ‘Wahai manusia! Kami, keturunan nabi Muhammad, yang telah diberikan oleh Allah dengan enam kualiti dan yang telah dijadikan lebih utama dari semua kejadian dengan penganugerahan tujuh kemuliaan. Kami telah diberikan pengetahuan, sabar, gagah, tampan, fasih, berani, dan dicintai oleh mereka yang beriman. Kami

lebih utama dari semua manusia bahawa nabi Muhammad adalah dari kami; yang Siddiq Ali Ibn Abi Talib adalah dari kami; Jafar-e-Tayyar dari kami; Hamza dari kami; dua cucu nabi Hasan dan Husain dari kami; dan Mahdi [yang mendapat pentunjuk] dari ummah ini [Imam-e-Hujjat bin Hasan] dari kami. Sesiapa yang tidak mengenali saya, harus tahu mengenai keluarga saya dan juga kedudukan keluarga saya; saya adalah anak nabi Allah yang paling tinggi lagi mulia, Muhammad Mustafa.'

Kemudian dari mimbar yang sama, dimana Muawiya dan Yazid telah gunakan untuk mengutuk Ali, Imam memuji datuknya yang mulia; Ali dihadapan Yazid dan ketua-ketua Bani Umayya. Ramai orang Syria sebelum ini tidak pernah mendengar kualiti dan kemuliaan Ali. Imam berkata: 'Saya adalah anak seorang yang yang berjuang bersama dengan nabi; yang memerangi kafir di Badr dan Hunain; yang tidak pernah, walau sesaat hilang kepercayaan-nya kepada Allah. Saya adalah anak orang yang paling wara' dari semua mereka yang beriman, pewaris nabi, pembunuh yang kafir, pemerintah muslim, rahmat bagi yang tunduk patuh, sanjungan bagi mereka yang menangis dan takut kepada Allah, yang paling sabar dari yang sabar, yang terbaik dari yang melakukan sembahyang. Saya adalah anak orang yang telah dibantu oleh Jibril dan Mikail. Saya adalah anak orang yang menjaga kehormatan muslim dan pembunuh kepada yang kafir. Saya adalah anak orang yang berjihad berperang menentang musuh, yang menjadi kebanggaan Quraish, yang pertama pada menerima pengkhabaran Allah dan RasulNya, yang pertama pada memeluk islam, lidah kebijaksanaan dari Allah, penolong bagi agama Allah, penjaga perintah Allah, taman bagi kebijaksanaan Allah, tempat simpanan ilmu pengetahuan. Saya adalah anak ketua orang yang sabar, pemecah rintangan, yang hatinya tetap, berpendirian teguh, pembahagi yang amat adil dari yang lain. Dia adalah singa yang ganas di dalam pertemporan, dia memotong musuhnya dengan pedang dan menebarkannya seperti ribut menebarkan jerami. Dialah yang paling berani diantara semua orang di Hijaz, yang paling gagah diantara orang Iraq, muslim yang paling suci, dia yang memberikan bai'ah di Aqaba; wira Badr dan Hunain, orang yang paling tabah diperistiwa bai'ah dibawah pokok, pengorbanan yang unik semasa penghijrahan nabi, ketua bagi dunia Arab, penjaga Kabah yang suci, bapa kepada dua cucu nabi. Ini adalah kemuliaan datuk saya, Ali Ibn Abi Talib. Saya adalah anak Khadija-e-Kubra; saya adalah anak Fatima Zahra; saya adalah anak orang yang telah dibunuh dengan pukulan dibelakang kepala; saya adalah anak seorang yang telah meninggalkan dunia ini kehausan; saya adalah anak kepada seorang yang tidak diberikan air sedang air diberikan kepada makhluk yang lain. Saya adalah seorang yang tubuhnya tidak dimandikan atau dikafankan; saya adalah anak seorang yang kepalanya telah dinaikkan dihujung mata pedang; saya adalah anak seorang yang wanitanya telah diserang pada tanah Karbala dan bawa sebagai tawanan. Saya adalah anak seorang yang wanitanya telah dibawa ke Syria sebagai tawanan.' Kemudian Imam yang suci menangis dan dengan suara yang kuat, menyambung: 'Sayalah….,

sayalah…’ itulah dia, dia meneruskan menyebut kemuliaan keturunan dia yang terdahulu, dan penyiksaan terhadap bapanya dan ahli bayt. Sebagai keputusan dari ucapan ini manusia mula menangis. Selepas syahidnya Imam Husain, majlis yang pertama [perhimpunan bersedih pada mengingati] terhadap penderitaan yang kejam ditanggong Imam Husain telah diadakan pada masjid pusat Umayya. Imam Zainul-Abidin, setelah menyebutkan kemuliaan Ali dihadapan para musuhnya, memberikan gambaran yang menyayat hati terhadap penderitaan yang ditanggong oleh bapanya yang suci, ini telah menyebabkan tangisan timbul dari penduduk Syria dihadapan Yazid. Dia menjadi takut dan meninggalkan masjid.

Dari masjid ini, disebabkan ucapan Imam, manusia telah bangun menentang Yazid. Disebabkan oleh rintihan yang popular, Yazid terpaksa mengutuk Ubaidullah bin Marjana dari kekejaman perbuatannya. Akhirnya, istana Bani Umayya yang kejam hancur. Sekarang kita tidak boleh jumpa di seluruh Syria walau satu pun kuburan Bani Umayya.

Untuk kembali kepada soalan kamu, Imam Husain selalu menyatakan tentang kesyahidannya. Dia satu ketika berucap di Makah pada hari Tarwiya [8 Dhul-Hijja 60 Hijrah] katanya: ‘Kematian melekat kepada setiap ahli dari keturunan Adam sebagai rantai melekat kepada wanita muda, saya tidak sabar untuk bertemu dengan keturunan saya seperti Yaqub hendak bertemu dengan Yusuf. Tempat dimana saya akan jatuh telahpun dipilihkan untuk saya, dan saya mesti pergi ketempat itu. Saya melihat harimau kumbang liar membunuh saya, mengoyakkan tubuh saya, diantara Nawawi dan Karbala.’

Imam Husain tahu bahawa dia tidak akan sampai ke Kufa, ibu negara Iraq. Dia tahu bahawa dia akan dibunuh oleh orang yang kejam seperti binatang, memotong-motong badannya hingga hancur. Dia membuat perjalanan hanya untuk tujuan syahid dan bukan tujuan politik. Disepanjang perjalanan dia memberitahu pengikutnya akan kematiannya. Dia memberitahu para sahabat dan keluarga bahawa satu ketika itu sudah cukup untuk membuktikan tidak bernilainya dunia ini. Dia berkata bahawa selepas kepala nabi John dipenggal ianya telah diserahkan kepada seorang penzina. Dia kata bahawa kepala dia akan dibawa kepada si pemabuk Yazid.

Pertimbangkan perkara ini buat seketika. Hurr bin Yazid Riyahi dengan tentera berkuda 1 000 orang menahan perjalanan Husain. Kufa hanya 30 batu jaraknya. Hur telah dilantik oleh Ubaidullah Ibn Ziyad untuk menahan Imam Husain. Hur tidak membenarkan Imam meneruskan perjalanan ke Kufa, dan tidak juga melepaskannya dari iringan tanpa arahan tambahan. Mengapa Imam menyerahkan dirinya kepada Hur? Jika Imam Husain mengejar kuasa politik, dia pastinya tidak diberhentikan oleh Hur, yang memiliki tidak lebih dari 1 000 tentera. Imam mempunyai 1 300 orang. Setelah mengalahkan mereka, Imam

telah boleh sampai ke Kufa, dimana dia mempunyai ramai penyokong. Dari sana setelah diperkuatkan, dia mungkin boleh menentang musuh dan berjaya. Tetapi dia menerima arahan Hur, berhenti dipadang pasir dikelilingi oleh musuh. Selepas empat hari pasukan tambahan musuh tiba, dan anak nabi telah dipaksa menahan penderitaan yang tidak terkata.

Bukti yang terbaik untuk menyokong pandangan saya adalah ucapan Imam pada malam sebelum hari Ashura. Sehingga kemalam itu 1 300 tentera bersedia untuk berperang dengannya. Husain mengumpulkan mereka semua dan berkata kepada mereka: 'Mereka yang datang kesini untuk kepentingan dunia hendaklah tahu bahawa esok sesiapa yang tinggal pada tanah ini akan dibunuh. Musuh hanya menghendakki aku seorang sahaja; aku melepaskan kuasa ikatan sumpah setia [bai'ah] dari leher kamu. Kini hari malam, kamu boleh beredar di dalam gelap.' Ramai yang menerima cadangannya dan berlalu. Hanya 42 orang yang tinggal, 18 Bani Hashim dan 24 para sahabat. Selepas tengah malam, 30 tentera musuh bergerak ke khemah Imam untuk serangan diwaktu malam, tetapi apabila mereka mendengar Imam Husain membaca al-Quran, mereka telah dipenuhi oleh perasaan dan berpihak dengan Imam. Ini adalah 72 orang yang telah mengorbankan nyawa mereka pada hari Ashura. Kebanyakkan dari mereka adalah orang yang wara', dan ahli pembaca al-quran.

Pengorbanan Husain yang suci telah diakui kehari ini oleh rakan dan musuh. Walau pun dari mereka yang asing dengan agama kita telah terpikat dengan keperwiraannya. Di Perancis [Dairatul-Maarif], terdapat artikal yang panjang bertajuk 'Tiga Syuhadah' ditulis oleh seorang ilmuan wanita British. Temanya adalah, di dalam semua sejarah terdapat tiga syuhadah yang dengan mengorbankan diri mereka, telah dapat menyebarkan kebenaran dengan lebih berpengaruh [berkesan]. Yang pertama adalah Socrates, dan yang kedua adalah Isa [penulisnya adalah kristian]. Kita muslim percaya bahawa Isa tidak disalib. Al-Quran dengan jelas berkata: 'Dan mereka tidak membunuhnya dan tidak juga mensalibnya, tetapi kelihatan kepada mereka demikian [seperti Isa] dan sesungguhnya mereka yang bertentangan dengannya hanyalah di dalam keraguan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, tetapi hanya dugaan. Mereka dengan pasti tidak membunuhnya. Tidak! Allah mengambil dia kepada diriNya.' [4:157-158]

Syuhadah yang ketiga adalah Husain, cucu nabi Muhammad. Dia menulis: 'Apabila kami menyelidik kejadian sejarah dan menilai kedudukannya, dimana ketiga-tiga orang mengorbankan nyawanya, kami akui bahawa pengorbanan Husain mengatasi keduanya. Yang sebenarnya Socrates dan Isa hanya mengorbankan diri mereka sahaja untuk jalan tuhan, tetapi Husain meninggalkan rumah menuju kepadang pasir yang jauh untuk dikepongi oleh musuh. Dia dan keseluruh keluarganya telah syahid demi untuk kebenaran. Dia menghantar sahabat dan juga kerabat untuk menentang musuh dan mengorbankan nyawa mereka untuk

agama Allah. Ini adalah lebih susah dari hanya mengorbankan diri sendiri.'

Contoh yang paling jelas penderitaan kejam yang ditanggong oleh Husain adalah pembunuhan secara zalim terhadap anaknya yang berusia enam bulan. Dia membawa bayi itu di dalam tangannya, meminta sedikit air [yang banyak ada], untuk bayi tersebut , tetapi musuh yang kejam, dari memberinya air telah membunuh bayi itu dengan anak panah. Kekejaman musuh menunjukkan bahawa Imam Husain adalah mangsa kekejaman. Kesabarannya yang tidak terkata itu telah memusnahkan kekuasaan Bani Umayya dan terkutuknya mereka dihadapan dunia. Disebabkan dari pengorbanannya dan juga ahli bayt maka agama Muhammad mendapat kehidupan yang baru.

Nawab Sahib: Kami betul-betul terhutang budi kepada kamu. Kami amat tertarik dengan penjelasan kamu mengenai fakta terhadap Imam Husain. Sehingga kini, kami telah mengikuti orang lain dan telah tidak berpeluang pada menziarah pusara yang mulia. Kami telah diberitahu bahawa menziarah pusara Imam Husain adalah bida'ah [yang diada-adakan]. Ya tentunya bida'ah yang baik, kerana ia dapat memberikan semangat kepada manusia untuk memahami kebenaran mengenai keturunan nabi.

MAKSUD SEBENAR BIDA'AH.

Shirazi: Perkataan bida'ah, pembaruan, adalah asalnya dari golongan ulama Sunni, Nasibi dan Khariji, yang memang sah musuh Ali. Mereka telah mengatakan ziarah adalah bida'ah, tanpa memikirkan bahawa yang sebenarnya bida'ah itu adalah sesuatu yang berkaitan dengan nabi atau ahli bayt, yang tidak diarahkan oleh Allah. Bagaimana pun, mengenai soalan menziarah pusara Husain, terdapat banyak hadith di dalam buku ulama kamu. Saya menghadkan diri saya pada satu hadith terkenal yang telah dirakamkan dikebanyakkan buku maqatil dan himpunan hadith.

'Satu hari nabi berada dirumah Aisha apabila Husain masuk. Nabi memeluk dan menciumnya. Aisha bertanya: 'Semoga nyawa bapa dan ibuku dikorbankan untuk kamu! Betapakah cinta kamu kepada Husain!' Nabi berkata: 'Tidakkah kau tahu anak ini adalah sebahagian dari hati ku dan kembang [bunga] ku?' Selepas itu nabi mula menangis. Aisha bertanya sebab mengapa menangis. Nabi menjawab bahawa dia mencium tempat-tempat dimana Bani Umayya akan melukakan Husain. Aisha bertanya adakah mereka akan membunuhnya. Nabi menjawab: 'Ya, dia akan dibunuh. Mereka tidak akan dapat sokongan ku diakhirat. Rahmat bagi mereka yang menziarah ke pusara dia setelah syahidnya. Aisha bertanya apakah ganjaran bagi ziarah itu. Nabi menjawab, 'Ianya adalah sama seperti satu haji saya.' Aisha berkata, 'Satu haji kamu!' Nabi berkata: 'Tidak dua,' Apabila Aisha sekali lagi menunjukkan kejengkelannya [hairan], nabi berkata: 'Tidak empat haji saya.' Lagi lebih meluat Aisha, lagi tinggi ganjarannya, sehingga akhirnya nabi

berkata, ‘Aisha, jika sesiapa yang pergi menziarah pusara Husain, Allah akan memberikan dia ganjaran 90 haji dan 90 umrah yang dilakukan oleh saya.’ Kemudian Aisha terdiam.

Sekarang saya tanya kamu adakah ziarah yang sedemikian bida’ah?

KESAN DARI MENZIARAHI PUSARA IMAM YANG SUCI.

Terdapat faedah lain yang bermanfaat dari ziarah pusara Imam. Kawasan dalam pusara yang dipanggil haram, sentiasa dibuka untuk pelawat siang dan malam. Kawasan haram dan masjid berhampirannya akan didapati sentiasa penuh dengan penggunjung. Mereka yang biasanya melakukan solat wajib sahaja, kerap melakukan yang digalakkan ketika ziarah pada pusara suci. Mereka berdoa kepada Allah dengan ikhlas dan membaca Quran. Adakah kecintaan begini bida’ah?

Nawab: Ya, pastinya kami tidak mempunyai sesiapa yang hendak disalahkan melainkan diri kami, jika kami tidak meneliti parkara ini dengan cermat. Beberapa tahun lepas saya pergi ke Iraq dan melawat pusara Imam Azam Abu Hanifa dan Abdul-Qadir Jilani. Satu hari saya pergi melawat tempat berhampiran Kazimain [tempat pusara Imam ketujuh, Musa Ibn Jafar Al-Kazim dan Imam kesembilan, Muhammad Ibn Ali At-Taqi]. Apabila saya pulang, sahabat saya amat kasar pada mengkritik saya. Saya amat terperanjat bahawa melawat pusara Imam A’zam di Mu’azam, Sheikh Abdu’l-Qadir Jilani di Baghdad, Khwaja Nizamu’d-Din di India, Sheikh Akbar Muhyi’d-din Ibn Arabi di Egypt boleh dianggap sebagai bernilai dan berfaedah. Setiap tahun ramai manusia dari golongan sunni melawat tempat-tempat ini walaupun nabi tidak menyuruhnya. Bagaimana boleh terjadi sedemikian, bahawa melawat pusara syuhadah agung, cucu nabi, yang disuruh oleh nabi, dianggap bida’ah? Saya bertekad bersungguh-sungguh, dengan izin Allah, saya akan pergi tahun ini untuk menziarah pusara cucu kesayangan nabi, Husain. Saya akan meminta Allah untuk mengampunkan saya dari kesalahan yang lalu.

DIALOG SUNNI-SHIA

SESSI 8

Khamis malam, 1 Shaban 1345 Hijrah

Seyyed Abdul-Hayy: Tuan yang dihormati, semalam kamu telah menyumbang kepada permusuhan diantara Muslim

Shirazi: Beritahu saya bagaimana saya lakukan.

Seyyed: Sedang kamu menerangkan ‘diri kami’, kamu telah membahagi Muslim

kepada dua golongan. Muslim dan yang Beriman. Tetapi Muslim semuanya adalah satu dan sama. Mereka yang mengatakan perkataan, 'Tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan Muhammad adalah RasulNya' adalah semuanya bersaudara. Mereka tidak seharusnya dibahagikan kepada dua golongan, kerana ini adalah merbahaya kepada Islam. Shia memanggil diri mereka yang beriman dan mereka memanggil kami Muslim. Kamu tentu telah lihat di India bahawa shia dikatakan yang beriman dan sunni dikatakan Muslim. Yang sebenarnya Islam dan Iman adalah sama kerana Islam bererti menerima arahan agama. Pengakuannya adalah kebenaran kepada iman. Keseluruh kommuniti telah bersetuju bahawa Islam adalah iman yang bersih. Kamu telah menyalahi dari pandangan umum.

PERBEZAAN ANTARA ISLAM [MENYERAH] DAN IMAN [KEPERCAYAAN].

Shirazi: Pertama, rujukan kamu kepada manusia umum, tidak bererti manusia dari ummah secara keseluruhan. Ianya merujuk kepada manusia umum dari golongan sunni sahaja. Kedua, kenyataan kamu mengenai islam dan iman tidaklah tepat. Bukan sahaja shia yang berbeza pandangan dengan sunni, tetapi Ashari, Mutazali, Hanafi dan Shafii juga mempunyai pandangan yang berbeza mengenainya iman dan islam. Ketiga, saya benar-benar tidak faham kenapa seorang terpelajar seperti kamu harus berselindung disebalik bantahan yang remeh. Perpecahan kepada dua golongan telah dibuat oleh Allah di dalam al-Quran. Mungkin kamu telah terlupa perkara yang berkaitan kepada sahabat dipihak kanan dan sahabat dipihak kiri yang dirujuk di dalam al-Quran yang berkata: 'Penduduk padang pasir berkata: 'Kami percaya' Katakan: 'Kamu belum percaya tetapi katakan, kami berserah, iman belum masuk lagi kedalam hati kamu.' [49:14]

Pastinya kamu tahu bahawa ayat ini diwayukan pada mengutuk kaum padang pasir, Bani Asad, yang hanya Muslim dalam nama sahaja. Semasa tahun kelaparan, mereka memenuhi Madina, dan mengharap supaya mendapat bantuan, telah mengatakan mereka beriman. Tetapi di dalam hati, mereka adalah kafir terhadap Allah dan nabiNya. Ayat ini menerangkan bahawa terdapat dua kumpulan Muslim, muslim yang ikhlas, yang telah mengesahkan kebenaran iman; dan mereka yang hanya menyebutkan pengistiharan kepada iman. Di dalam lingkungan sosial kita, kumpulan yang terakhir itu juga mendapat perlindungan keselamatan dan faedah dari perundangan untuk semua orang muslim. Tetapi mengikut kepada perundangan al-Quran, mereka tidak berhak kepada sebarang ganjaran diakhirat. Pengistiharan mereka; bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah RasulNya, dan pada mempamerkan bahawa mereka adalah muslim tidak mempunyai sebarang pengertian.

Seyyed: Kamu adalah benar, tetapi islam tanpa iman tidak ada makna, begitu juga iman tanpa islam tidak punya kemuliaan. Allah berkata di dalam al-Quran: 'Dan jangan mengatakan kepada sesiapa yang menawarkan kepada kamu keamanan: Kamu bukanlah seorang yang beriman.' [4:94]

Ayat ini membuktikan bahawa kita hendaklah melayani menurut pada apa yang zahir. Jika sesiapa mengatakan: ‘Tidak ada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah rasulNya.’ Kita hendaklah menerima imannya. Ini dengan sendirinya adalah bukti yang terbaik bahawa islam dan iman adalah sama.

Shirazi: Ayat itu diwahyukan mengenai sesaorang yang tertentu, sama ada Usama bin Zaid atau Muhailam bin Jasama-e-Laisi, yang, dimana telah dikatakan, membunuh sesaorang di dalam peperangan yang telah mengistiharkan, ‘Tidak ada tuhan melainkan Allah’ Dia telah dibunuh dengan anggapan bahawa dia telah mengatakan perkataan itu dalam keadaan takut.

Tetapi kerana kamu fikirkan ayat ini dalam pengertian umum, maka kami juga menganggap semua muslim sebagai bersih. Ya melainkan, kami melihat mereka menafikan pada asas agama.

Tetapi terdapat perbezaannya diantara islam dan iman, kerana iman mempunyai berbagai kedudukan. Imam Jafar bin Muhammad As-Sadiq berkata di dalam sebutannya dari Umar dan Zubair, ‘Untuk iman terdapat syarat, kedudukan dan peringkat. Sebahagian darinya kurang, dan kekurangannya jelas kelihatan; sebahagian mempunyai nilai yang baik dan berat; sebahagian nya adalah menyeluruh dan telah sampai ketahap kesempurnaan.’

Kekurangan Iman adalah peringkat pertama iman yang mana sesaorang lalui kepada islam dari kafir. Iman boleh bertambah. Rujukan kepadanya telah dibuat di dalam beberapa hadith. Diantaranya adalah sebutan di dalam Usul Kafi dan di dalam Nahjul Balagha dari Amirul Mukminin dan Jafar bin Muhammad As-Sadiq yang berkata: ‘Allah telah membahagikan iman kepada 7 kelas yang mengandungi kebaikkan, kebenaran, keyakinan di dalam hati, menyerah kepada kehendak Allah, ketaatan, pengetahuan dan kesabaran. Ketujuh-tujuh kualiti ini telah dibahagikan tidak sama rata kepada manusia. Sesiapa yang mempunyai kesemua kualiti ini adalah orang yang sempurna imannya. Makanya islam adalah tahap peringkat iman yang pertama, yang mana hanya mengandungi pengistiharan secara lisan di dalam mempercayai kerasulan Muhammad dan keEsaan Allah. Iman belum memasukki hati orang itu lagi. Nabi Allah memberitahu sekumpulan orangnya: ‘Wahai manusia! Kamu adalah diantara mereka yang telah menerima islam dengan lidah kamu tetapi belum lagi dengan hati kamu.’

Pastinya islam dan iman adalah berbeza. Tetapi kita tidak dikehendakki untuk menyiasat hati orang lain. Saya katakan semalam bahawa tanda yang beriman adalah amalannya. Tetapi kita tidak punya hak untuk bertanya mengenai tindakkan seorang muslim. Kami terpaksa, bagaimanapun pada menunjukkan ciri-ciri iman, supaya mereka yang sedang lena tidur dapat digerakkan pada melakukan tugas-tugas mereka. Makanya mereka hendaklah sedar akan kebenaran iman dan mengetahui bahawa keselamatan diakhirat hanya dicapai

dengan melakukan amalan yang baik, sebagaimana hadith telah katakan: ‘Iman bererti penerimaan dengan lidah, yakin di dalam hati, dan amalan dengan anggota.’ Penerimaan dengan lidah dan berkeyakinan di dalam hati adalah pendahuluan kepada amalan.

Sudah tentu kita tahu bahawa dunia yang hina ini hanyalah pendahuluan kepada dunia yang lain. Jalan keselamatan bagi sesaorang tertutup diakhirat melaiankan dia menjadi seorang yang beramal baik disini. Allah yang maha berkuasa telah berkata di dalam al-Quran: ‘Demi masa, manusia itu dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh…’[103:1-3]

Secara ringkas, menurut al-Quran, wara’adalah akar kepada iman. Dan jika sesaorang tidak mempunyai amalan kebajikan bagi dirinya, pengesahan secara lisannya atau keyakinan di dalam hatinya masih meninggalkan dirinya jauh dari iman. Jika adalah benar bahaa kita haruslah menganggap sesiapa sahaja yang mengatakan, ‘Tidak ada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasul Allah,’ mengapa kamu menganggap shia sebagai kafir? Sudah tentu shia percaya kepada ke Esaan Allah, kenabian Muhammad, satu Kiblat, satu kitab. Mereka melakukan segala amalan yang wajib, mengerjakan puasa yang ditentukan, pergi menunaikan haji, membayar khum dan zakat, percaya kepada hari kebangkitan dan hari pembalasan.

Tidakkah kamu yang menyebabkan perpecahan di dalam muslim? Kamu telah memisah dan menjauhkan jutaan muslim dari diri kamu dan mengatakan mereka kafir walaupun kamu tidak punya sedikitkan bukti pun untuk menyokong tuduhan itu. Kamu tidak kenalkah bahawa itu semua adalah peralatan pihak musuh yang mahu mengadakan perpecahan diantara muslim dengan pembohongan tersebut. Yang sebenarnya kita tidak punya perbezaan di dalam asas kepercayaan kita, melainkan pada Imami dan wazir. Dan apa pula jika terdapat perbezaan di dalam amalan kepercayaan? Perbezaan yang begitu terdapat juga diantara kamu yang empat mazhab, dan ianya lebih sirius dari perbezaan dengan kami. [Adalah tidak wajar sekarang untuk menunjukkan perbezaan diantara Hanafi dan Maliki atau Shafii dan Hanbali]. Pada pendapat saya kamu tidak punya apa-apa bukti untuk menunjukkan murtad atau kafirnya shia. Satu-satunya kesalahan shia yang tidak dapat dimaafkan, menurut dari apa yang dipropaganda oleh Khariji dan Nasibi dengan cara Umayya, adalah bahawa shia tidak pernah salah pada menghuraikan hadith. Mereka tidak memberi orang seperti Abu Huraira, Anas dan Samura tempat diantara nabi dan diri mereka. Bahkan ahli perundangan kamu dan juga khalifa agung kamu mengutuk mereka sebagai pendusta.

Kesalahan yang terbesar yang dikatakan kepada shia adalah kerana mereka mengikuti keturunan nabi, Ali dan 12 Imam, dan bukannya Imam yang empat. Tetapi kamu tidak punya bukti dari nabi untuk menunjukkan bahawa muslim mesti mengikuti Ashari atau Muntazili di dalam asas agama [tawhid], dan Maliki, Hanafi,

Shafii atau Hanbali di dalam perkara amalan [fiqah]. Disebaliknya terdapat banyak arahan dari nabi memberitahu kita bahawa keturunan dan ahli bayt nabi adalah sama setaraf al-Quran dan ummah hendaklah mendampingkan diri kepada mereka. Diantara hadith itu adalah hadith thaqalain, hadith-e-safina, hadith-e-bab-e-Hitta. Bolehkah kamu menyebutkan satu hadith yang mana nabi berkata bahawa ummah selepasnya hendaklah mengikut Abul-Hasan Ashari dan Wasil bin Ata, dsb, di dalam bahagian asas [tawhid] agama, dan satu dari empat mazhab – Malik bin Anas, Ahmad bin Hanbal, Abu Hanifa atau Muhammad bin Idris Shafii? [fiqah] Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiul-Mawadda, Bab IV, menyatakan dari Faraid Hamwaini menyebutnya dari Ibn Abbas bahawa Nabi berkata kepada Amirul Mukminin: 'Wahai Ali! Aku adalah kota ilmu dan kamu adalah pintunya. Tidak ada siapa yang boleh masuk kekota tanpa pertama masuk melalui pintunya. Dia adalah pendusta yang mengatakan dia cinta kepada ku sedang dia itu musuh kamu, kerana kamu adalah daripada aku, dan aku daripada kamu. Daging kamu adalah daging aku, darah kamu adalah darah aku, jiwa kamu adalah jiwa aku, wajah kau adalah wajah aku. Rahmat bagi mereka yang patuh kepada kamu, binasalah mereka yang engkar kepada mu. Sahabat kamu selamat dan musuh kamu sesat. Sesiapa yang bersama dengan kamu dia berjaya, dan mereka yang menjauhi kamu akan kecundang. Selepas aku, kamu dan semua para Imam dari keturunan kamu adalah umpama bahtera Nuh: sesiapa yang menaikinya akan selamat, dan sesiapa yang enggan menaikinya akan tenggelam. Mereka [para Imam] adalah umpama seperti bintang: apabila satu tenggelam yang satu lagi akan terbit. Turutan ini akan berterusan sehingga kehari pengadilan.

Ianya telah disebutkan dengan jelas di dalam hadith-e-thaqalain [diakui oleh kedua golongan] bahawa jika kamu bersama ahli bayt, kamu tidak akan menyempang.' Bahkan fanatik seperti Ibn Hajar Makki merakamkan yang didapatinya di dalam bukunya Sawaiq Muhriqa, Bab 2, sub bahagian 1, ms 92, pada kaitan dengan ayat al-Quran: 'Dan tahan mereka, kerana mereka akan ditanya.' [37:24]

Dan Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi telah juga menyebutkan dari Sawaiq di dalam bukunya Yanabiul Mawadda, Bab 95, ms 296, dicetak di Istanbul, mengatakan bahawa hadith ini telah disampaikan di dalam cara yang berbeza. Ibn Hajjar berkata: 'Sesungguhnya, hadith pada dua perkara penting [thaqalain] telah disampaikan dengan cara yang berbeza. Ianya telah disampaikan oleh lebih dari 25 sahabat nabi.'

Ibn Hajar berkata mengenai ayat al-Quran yang diatas bahawa pada hari pengadilan, manusia akan ditanya mengenai walaya Ali dan juga keturunan nabi.

Dia menulis bahawa menurut dari beberapa punca, hadith ini telah disampaikan pada peristiwa Arafa, dan sebahagian berkata ianya disampaikan apabila nabi

diatas ranjang maut dengan tempat kediamannya penuh dengan para sahabat. Yang lain mengatakan bahawa ianya telah dimuatkan di dalam ucapannya yang terakhir selepas haji wida'. Ibn Hajar memberikan pendapatnya mengenai terdapaynya perbezaan keadaan pada hadith ini: 'Tidak terdapat ketetapan, pada kemungkinannya bahawa nabi, di dalam keinginannya untuk menunjukkan kemuliaan al-Quran dan keturunannya yang suci, mengulangi hadith ini pada tempat dan keadaan yang berbeza. Ianya telah disampaikan dengan sah bahawa nabi berkata: 'Saya tinggalkan diantara kamu dua perkara penting; jika kamu mengikuti mereka, kamu tidak akan menyimpang: dan keduanya ialah kitab Allah dan ahli bayt ku.'

Tabrani telah meyatakan hadith ini dengan tambahan begini: 'Saya tanya kamu mengenai dua ini: al-Quran yang suci dan ahli bayt, maka janganlah cuba untuk membuang mereka. Kerana kamu akan binasa. Janganlah mengabaikan mereka. Kerana kamu akan rosak. Janganlah mengajar mereka, kerana mereka lebih mengetahui dari kamu.

Bahkan Ibn Hajar yang fanatik, setelah menyatakan dari Tabrani dan lainnya, menulis: 'Nabi mengelar al-Quran dan keturunannya, 'dua perkara penting' kerana kedua ini amatlah berat dan cemerlang di dalam semua aspek.' Nabi juga berkata: 'Saya memuji Allah yang telah memenuhi hati ahli bayt ku dengan kebijaksanaan.' Dan nabi juga berkata di dalam hadith yang dirujuk terdahulu, '… dan jangan cuba untuk mengajar mereka [keturunan ku] apa-apa juga, oleh kerana mereka yang paling terpelajar dari kamu semua. Anggaplah mereka yang utama dari segala ummah kerana Allah telah menjadikan mereka suci dan telah mengenalkan mereka kepada ummah dengan kuasa luar biasa dan mempunyai kemuliaan serta lainnya.'

Terdapat satu petunjuk di dalam hadith ini yang menekankan pada mengikuti ahli bayt: iaitu, generasi ahli bayt yang berturutan tidak akan terputus sehingga ke hari pengadilan. Amat menghairankan bahawa sebahagian manusia mengakui bahawa ahli keturunan nabi mempunyai pengetahuan yang tinggi tetapi melanggar arahan nabi dan mengambil sebagai ketua mereka orang yang tidak punya hak pada rujukan. Bolehkan kamu atau kami menukarkan al-Quran? Bolehkah kita memilih mana-mana kitab lain?

Seyyed: Tidak boleh. Ini adalah amanah nabi, pengkhabaran tuhan, punca petunjuk yang agung.

Shirazi: Semoga Allah merahmati kamu. Kamu mengatakan yang benar. Apabila kita tidak boleh menukar al-Quran dan menggantikannya dengan kitab lain, maka prinsip yang sama hendaklah diikuti mengenai yang sama dengan al-Quran. Maka menurut dari prinsip mana, orang yang bukan dari keturunan nabi dibolehkan mendahului keturunannya? Saya perlukan jawapan yang mudah bagi soalan ini

supaya kita boleh tahu sama ada ketiga-tiga khalifa – Abu Bakar, Umar dan Uthman – tergolong di dalam ahli bayt nabi, dan termasuk di dalam hadith yang kami telah sebutkan [Thaqalain, Safina, Bab-e-Hitta] Jika mereka terjumlah di dalamnya, maka kita hendaklah mengikuti mereka , menurut dari arahan nabi.

Seyyed: Tiada siapa percaya bahawa mana-mana dari khalifa, melainkan hanya Ali yang terjumlah di dalam ahli bayt nabi. Sebenarnya tiga khalifa yang disebut adalah sahabat nabi.

Shirazi: Adakah nabi menyurh kita untuk mengikuti kumpulan atau individu tertentu? Jika satu golongan berkata bahawa adalah perlu untuk mengikut orang lain [bukan ahli bayt], haruskah kita patuh kepada nabi atau mengikut [dikatakan] bermanfaat sebagaimana yang ditentukan oleh ummah?

Seyyed: Sudah pasti patuh kepada nabi adalah wajib.

Shirazi: Selepas nabi mengarahkan kita untuk mengikuti al-Quran dan ahli baytnya, mengapa orang lain diutamakan? Adakah Abu'l-Hasan Ali Bin Isma'il Ash'ari, Wasil Bin Ata, Malik Bin Anas, Abu Hanifa, Muhammad Bin Idris Shafi'i, and Ahmad Bin Hanbal tergolong pada keturunan nabi atau Amirul Mukminin, Ali dan sebelas dari keturuannya?

Seyyed: Sudah pasti tidak.Tiada siapa pernah berkata mereka ini dari keturunan nabi, tetapi mereka adalah ahli fiqah terkenal dan orang yang wara' dari ummah.

Shirazi: Tetapi menurut dari persetujuan kommuniti, Imam 12 adalah keturunan dari nabi. Ulama kamu bersetuju bahawa mereka adalah sama dengan al-Quran, dan patuh kepada mereka membawa kepada keselamatan. Lebih-lebih lagi nabi berkata mereka adalah yang paling berpengetahuan.

Dengan arahan yang sebegini jelas, apakah jawapan yang akan mereka berikan apabila nabi bertanya, mengapa mereka melanggar apa yang dia telah sebutkan dan membiarkan orang lain mendahului keturunannya? Adakah mana-mana arahan dari nabi bahawa golongan Ashari atau Mutazali harus mengikuti ketua mereka atau bahawa golongan Maliki, Hanafi, Shafii dan Hanbali perlu mengikut ketua mereka di dalam amalan agama? Tiada siapa ada menyebut nama mereka 300 tahun setelah wafatnya nabi.

Hanya terkemudian, untuk tujuan politik atau alasan lain yang saya tidak tahu, mereka timbul dipementasan. Tetapi para Imam dari keturunan nabi telah dikenali umum semasa hayat nabi lagi. Ali, Hasan, Husain dan Fatima telah dikenali sebagai ahli Kisa, iaitu 'orang dibawah selimut' Merekalah orangnya yang mana sanjungan 'ayat bagi kesucian' telah diwahyukan. Adakah wajar untuk memanggil mereka yang mengikuti Ali, Hasan, Husain dan para Imam yang lain kafir? Kamu telah mengutamakan mereka yang bukan dari keturunan nabi, mereka yang

hanya ahli di dalam perundangan fiqah. Apakah jawapan yang akan kamu berikan dimahkamah tuhan apabila kamu ditanya mengapa kamu telah menyesatkan manusia awam, mengapa kamu memanggil pengikut ahli bayt kafir dan pembuat bida'ah?

Kamu salahkan kami kerana kami bukan pengikut mazhab Maliki, Hanafi, Shafii dan Hanbali. Dan sedangkan kamu tidak mengikut Ali, walaupun terdapat perintah yang terang lagi tegas dari Allah dan nabi yang kamu perlu melakukannya. Tanpa alasan yang munasabah, kamu mengikuti satu dari empat mazhab dan menutup pintu bagi perundangan.

Seyyed: Kami bergantung kepada empat Imam sebagaimana kamu bergantung kepada 12 Imam.

Shirazi: Syabas! Kamu telah mengatakan suatu perkara yang bagus! Jumlah Imam 12 orang tidaklah ditentukan oleh shia atau ulama mereka beberapa abad setelah wafatnya nabi. Banyak hadith yang disampaikan dari kedua pihak, membuktikan bahawa nabi sendiri menentukan jumlah Imam adalah 12.

Diantara ulama kamu yang banyak yang telah merakamkan fakta ini adalah Sheikh Sulayman Qanduzi Hanafi, yang menulis di dalam Yanabiu'l-Mawadda, bab 77, mengenai kenyataan: 'Terdapat 12 Imam selepas saya.'

Yahya Bin Hasan di dalam Kitabu'l-Umma telah menyampaikan dalam 20 cara bahawa nabi berkata bahawa penggantinya adalah 12 orang, dan semuanya dari Quraish. Ianya telah disampaikan dengan tiga cara di dalam sahih Bukhari, dengan 9 cara dalam sahih Muslim, dengan 3 cara di dalam sunan Abi Daud, dengan satu cara di dalam sunan Tirmidhi dan dengan 3 cara di dalam Hamidis Jam-e-Bainus-Sahihain.

Ramai lagi dari ulama kamu seperti Hamwaini di dalam Fara'id, Khawarizmi dan Ibn Maghazili, masing-masing di dalam Manaqib, Imam Tha'labi di dalam Tafsir dan Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, dan Seyyed Ali Hamadani Shafi'i di dalam Mawaddatu'l-Qurba, Mawadda 10. Semua telah merakamkan 12 hadith di sampaikan oleh Abdullah bin Abbas, Ubaya bin Rabi'i Zaid bin Haritha, Abu Huraira dan Amirul Mukminin Ali. Semua ini telah disampaikan secara berlainan, tetapi sama, dalam perkataan bahawa nabi berkata jumlah penggantinya dan Imam adalah 12, dan kesemuanya dari Quraish. Sebahagian hadith mengatakan dari Bani Hashim. Di dalam hadith yang lain, ditentukan nama-nama 12 pengganti itu disebutkan. Sebahagian hanya memberikan jumlahnya. Saya telah menyebutkan hanya satu contoh dari banyaknya hadith ulama kamu. Sekarang bolehkah kamu sebutkan satu hadith yang mengatakan bahawa jumlah penggantinya adalah empat? Walaupun jika terdapat satu sahaja hadith yang sedemikian, kami akan menerimanya lebih daripada yang kami punya.

Walau apa pun juga kamu tidak dapat menyebutkan satu pun hadith mengenai empat Imam kamu. Terdapat perbezaan yang besar diantara Imam shia dan Imam kamu. 12 Imam kami telah dilantik oleh tuhan sebagai pengganti.

Mengenai Imam kamu, hanya ini yang boleh dirumus: Mereka mempunyai pengetahuan ilmu fiqah, dan boleh menterjemah al-Quran dan hadith. Sebahagian mereka, seperti Abu Hanifa, menurut rakaman dari ulama kamu, tidak termasuk diantara penyampai hadith, perundangan atau mujtahid, tetapi hanya seorang yang bergantung pada pendapat sendiri. Ini dengan sendirinya telah menunjukkan dia kekurangan pengetahuan.

Sebaliknya Imam shia adalah petunjuk yang dilantik tuhan, ditentukan sebagai pengganti nabi. Sudah pasti pada setiap era terdapat seorang perundangan dan ulama di anatara shia yang dapat menterjemahkan perintah-perintah Allah, beriringan dengan al-Quran, hadith dan persetujuan pendapat. Kami mengikut keputusan ulama yang sedemikian. Walaupun para perundangan kamu [ahli fiqah] adalah murid, dan mendapat pengetahuan dari Imam shia, kamu dengan membuta tuli telah mengikuti mereka yang terdahulu, dari anak murid mereka yang menyimpang dari asas pengetahuan dan bergantung kepada spekulasi.

Seyyed: Bagaimana kamu mengatakan bahawa Imam kami mendapat faedah dari Imam kamu?

Shirazi: Ini adalah fakta sejarah bahawa Imam Jafar Sadiq lebih utama dari semua ulama dalam pengetahuan. Seorang alim terkenal Nuru’d-Din bin Sabbagh Maliki mengakui di dalam Fusulu’l-Muhimma bahawa Imam suci ini amat terkenal dengan ilmu pengetahuannya. Dia menulis: ‘Manusia mendapat ilmu daripadanya dari berbagai lapangan. Manusia datang dari tempat yang jauh untuk mendapatkan arahan. Dia menjadi amat terkenal dimana sahaja dan para ulama menyebutkan banyak hadith dari beliau selain dari ahli bayt yang lain…’ Kumpulan yang besar dari golongan masyarakat terkenal seperti Yahya Bin Sa’id Ibn Jarih, Malik Bin Anas, Sufyan Thawri, Abu Ainiyya, Abu Ayyub Sijistani, Abu Hanifa, and Saba – semua telah menyampaikan dari sebutannya.

Kamalu’d-Din Abi Talha juga menulis di dalam Manaqib bahawa ulama terkenal dan ketua agama telah menyampaikan hadith dari Imam yang suci dan telah mendapat ilmu darinya. Diantara mereka dia menyebutkan nama-nama mereka yang dinyatakan di dalan Fusulul-Muhimma. Bahkan musuh mengakui kemuliaan Imam yang suci. Sebagai contoh Maliki di dalam Fusulu’l- Muhimma dan khususnya Sheikh Abu Abdu’r-Rahman Salmi di dalam Tabaqatu’l-Masha’ikh telah menulis: ‘Sesungguhnya Imam Jafar Sadiq lebih utama dari semua mereka dimasanya. Dia mempunyai pengetahuan dan kepakaran khusus dalam agama, paling wara’ didunia ini, menahan diri dari keinginan dunia dan kebijaksanaan yang mendalam.’

Dan Muhammad Bin Talha Shafi'i telah merakamkan semua kemuliaan Imam yang suci di dalam Matalibu's-Su'ul, chapter VI, ms 81: 'Orang ilmuan ini adalah ketua yang terkenal dari ahli bayt. Dia telah di anugerahkan dengan pengetahuan yang mendalam dan selalu di dalam keadaan mengingati Allah. Dia kerap membacakan al-Quran dan memberikan penterjemahannya. Sahabatnya telah dapat mengumpulkan permata dari lautan ilmunya. Dia membahagikan masanya di dalam se hari se malam di dalam berbagai bentuk ketaatan. Melawat kepadanya seolah peringatan kepada hari akhirat. Dengan mendengarkan ucapannya boleh membuat sesaorang kepada wara', dan dalam mengikuti arahannya boleh membawa kepada mendapatnya syurga. Wajahnya yang berseri menunjukkan bahawa dia adalah dari keturunan nabi. Keikhlas amalannya juga menunjukkan bahawa dia adalah dari keturunan nabi. Banyak ulama telah menerima hadith dan mendapat pengetahuan darinya. Diantara mereka adalah Yahya Bin Sa'id Ansari, Ibn Jarih, Malik Bin Anas, Sufyan Thawri, Ibn Ainiyya, Sha'ba and Ayyub Sijistan. Semuanya berterima kasih diatas keberuntungan mereka dan keistimewaan belajar darinya.'

KAITAN SHIA DENGAN IMAM JAFAR SADIQ.

Nawab: Shia percaya dengan 12 Imam. Mengapa shia dikaitkan dengan nama Imam Jafar Sadiq dan dipanggil mazhab Jafari?

Shirazi: Setiap nabi, dengan arahan tuhan, melantik penggantinya. Muhammad mengistihatkan Ali sebagai penggantinya dan mengarahkan ummah supaya patuh kepadanya. Tetapi setelah nabi wafat, kedudukan khalifa telah dirampas oleh Abu Bakr, Umar dan Uthman. Semasa pemerintahan mereka, dibahagian permulaan, Abu Bakr dan Umar merujuk kepada Ali dalam banyak perkara dan bertindak diatas nasihat beliau. Lebih-lebih lagi apabila ulama dan para ilmuan terkenal dari agama lain yang datang ke Madina dalam mencari pengetahuan agama, telah benar-benar berpuas hati setelah perbincangan mereka dengan Ali. Disepanjang hidupnya, Ali terus menyumbang kepada Islam dalam berbagai cara. Setelah syahidnya, apabila Bani Umayya menjadi pemerintah, para Imam dengan kejam telah ditindas. Imam Hasan Mujtaba, Imam Husain, Imam Zainu'l-Abidin, dan Imam Muhammad Baqir, adalah mangsa kekejaman Umayya yang tidak berperi. Semua laluan yang menuju kepada mereka telah ditutup hanya tinggal sebahagian kecil dari pengikut mereka sahaja, yang lainnya tidak dapat mengambil faedah dari pengetahuan mereka. Setiap seorang dari mereka telah dibunuh.

Di dalam permulaan abad kedua Hijrah, dibawah tekanan yang kuat dari aristokrat Umayya, manusia telah bangun menentang mereka. Peperangan telah berlaku diantara Bani Abbas dengan Bani Umayya. Sedang Bani Umayya sibuk mempertahankan pemerintah, mereka tidak dapat meneruskan tekanan kepada ahli bayt. Makanya Imam Jafar Sadiq keluar dari persembunyian yang dikuat kuasakan oleh Ummaya. Dia mengajarkan manusia mengenai perundangan

agama. 4 000 pencinta ilmu pengetahuan berkumpul dikeliling mimbarnya dan menghilangkan dahaga mereka dari lautan ilmu, Imam yang suci. Sebahagian dari sahabatnya yang utama telah merakamkan 400 doktorin yang dinamakan sebagai Usul-e-Arba'mi'atin – bererti '400 pendapat' Yafi'iy Yamani menulis bahawa Imam Jafar melebihi yang lain dalam pengetahuan. Jabir Ibn Hayyan Sufi menulis 1 000 lembar susunan, menyenaraikan hampir 500 buku berasaskan dari ajaran Imam Jafar.

Sebahagian dari ahli perundangan sunni yang terkenal adalah muridnya juga. Abu Hanifa, Malik Bin Anas, Yahya Bin Sa'id Ansari, Ibn Jarih, Muhammad Bin Ishaq, Yahya Bin Satid Qattan, Sufyan Bin 'Uyayna, Sufyan Thawri – kesemuanya mendapat faedah dari pengetahuannya yang luas. Masa pembelajaran terbuka pada ketika ini sahaja, kerana Bani Umayya menyekat sebagaimana orang-orang mereka yang terdahulu, dan malangnya pula Bani Abbas telah menyekat keturunannya dari bercakap secara bebas. Kebenaran shia telah dibuka dan kemuliaan ahli bayt telah diistiharkan oleh Jafar Sadiq. Makanya golongan ini menjadi terkenal sebagai Jafari, tetapi tidak ada bezanya diantara Imam Sadiq dengan mana-mana empat Imam yang terdahulu dan dari enam Imam yang datang selepsnya. Semuanya dilantik dan mendapat petunjuk ilahi.

Walaupun keduanya, lawan dan musuh mengakui kecemerlangannya dalam pengetahuan dan kesempurnaan di dalam semua kemuliaan, orang terdahulu kamu enggan menerimanya sebagai seorang ahli agama dan juga orang yang paling sempurna pada ketika itu. Mereka enggan mengiktiraf pengajiannya bersama dengan pengajian yang lain, walaupun dia memegang kedudukan tertinggi di dalam pengetahuan dan kepatuhan, sebagaimana diakui oleh ulama kamu. Oleh kerana dia dari ahli bayt nabi, dia mempunyai hak untuk mendapat keutamaan dari yang lain. Walaupun yang sedemikian, ulama kamu yang fanatik telah tidak memperdulikan mereka dari keturunan nabi, malah ahli agama seperti Bukhari dan Muslim yang kamu lebih tinggikan, telah tidak mahu merakamkan hadith dari ahli faqih ini dan juga ahli bayt nabi. Mereka tidak merakamkan hadith dari para Imam atau Sadat dari keturunan nabi: Alawi, Husaini, Abidi, Musawi, Rizawi or from such ulema and jurists, like Zaid Bin Ali Bin Husain, the Martyr, Yahya Bin Zaid, Muhammad Bin Abdullah, Husain Bin Ali, Yahya Bin Abdullah Bin Hasan and his brother Idris, Muhammad Bin Ja'far Sadiq, Muhammad Bin Ibrahim, Muhammad Bin Zaid, Abdullah Bin Hasan, Ali Bin Ja'far (Arizi), dan lainnya, kesemua mereka adalah ulama dan ahli faqih terbilang dan dari keturunan keluarga nabi.

Sebaliknya kamu telah merakamkan hadith dari Abu Huraira, yang mana kerekternya telah diketahui umum, dan juga dari penipu dan pemalsu ulung Akrama, Khariji. Ulama kamu telah mengesahkan bahawa orang-orang ini adalah penipu dan masih juga mereka menerima hedith-hadith orang ini dengan sepenuh hati. Ibn Bayyit menulis bahawa Bukhari telah menyebutkan sebanyak 1 200

hadith dari khariji dan Nasibi; seperti juga Imam bin Hattan, pemuja Ibn Muljim, pembunuh Amirul Mukminin. Pengikut Imam-e-Azam (Abu Hanifa), Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Hanbal menganggap mereka [Imam] sebagai muslim tulen walaupun tidak seorang dari mereka adalah dari ahli bayt nabi, dan setiap satu dari kumpulan ini adalah bebas pada menerima cara mereka walaupun terdapat perbezaan yang besar di dalam asas beragama begitu juga pada cara amalan diantara mereka. Betapa malangnya bahawa mereka memanggil pengikut Jafar bin Muhammad As-Sadiq kafir. Dan disetiap tempat yang dikuasai oleh sunni, termasuk Makah, yang mengenainya Allah berkata: 'Sesiapa yang memasukkinya adalah bebas,' mereka tidak bebas untuk menyatakan kepercayaan mereka atau melakukan solat. Maka kamu manusia yang baik harus tahu bahawa kami shia bukanlah penyebab perbezaan di dalam islam; kami tidak membawa perpecahan diantara muslim. Yang sebenarnya kebanyakkan dari gangguan ini datangnya dari pihak kamu. Adalah kamu yang mengatakan 100 juta islam kafir, walaupun mereka adalah yang beriman sama seperti kamu.

Hafiz: Itu adalah benar, sebagaimana yang kamu katakan, saya bukanlah orang yang zalim. Saya mengaku terdapatnya pelampau disebabkan oleh kefanatikan. Apa yang saya hendak katakan tanpa berselindung atau memuji, bahawa saya telah mendapat faedah yang banyak dari ucapan kamu dan telah belajar dengan banyak. Tetapi dengan keizinan kamu, biar saya cakapkan satu perkara, ianya satu aduan dan juga mempertahankan kehormatan golongan sunni. Bolehkah kamu memberitahu kami mengapa guru dan ulama shia seperti kamu tidak membendung orang awam kamu dari membuat kenyataan yang membawa kepada kekafiran? Dan akhirnya pihak lain dapat menggunakan perkataan kafir kepada mereka. Seorang mungkin menjadi tumpuan serangan kerana dia membuat kenyataan yang tidak betul. Maka kamu juga tidak seharusnya menjadikan sunni tempat tumpuan serangan. Shia mengatakan sesuatu yang menyakitkan hati sunni, yang kemudiannya mengatakan shia sebagai kafir.

Shirazi: Boleh saya tahu kenyataan yang bagaimana atau amalan mana yang membawa kepada kafir?

Hafiz: Shia mencari kesalahan dari sahabat yang terkenal dan juga sebahagian dari isteri suci nabi; ini adalah nyata satu tindakan musyrik. Oleh kerana para sahabat telah bertahun-tahun berjuang dengan nabi menentang musyrik, adalah jelas perkhidmatan mereka adalah bebas dari kecacatan. Mereka pastinya mendapat syurga, terutama mereka yang mendapat rahmat tuhan. Menurut al-Quran: 'Sesungguhnya Allah telah redha dengan yang beriman apabila mereka memberikan bai'ah kepada kamu dibawah pokok… ' [48:18] Tidak ada keraguan bahawa nabi menghormati mereka. Sesiapa yang menafikan kemuliaan mereka pastinya telah menyimpang. Al-Quran berkata: 'Tidak dia berkata dari kehendaknya. Itu tidak lain adalah wahyu yang disampaikan.' [53:3-4]

Shirazi: Saya harap tajuk ini tidak ditimbulkan di dalam perjumpaan umum. Jawapan saya mungkin sampai kepada mereka yang kurang arif, dan mereka mungkin menyebarkan propaganda. Adalah lebih baik jika ianya dibincangkan secara tertutup. Saya akan berjumpa dengan kamu satu hari, dan kita akan selesaikan masalah ini secara perseorangan.

Hafiz: Maafkan saya, kerana ramai dari kami setelah beberapa malam menekankan supaya tajuk ini hendaklah diperbahaskan. Perbincangan kamu selalunya munasabah. Jika kamu memberikan jawapan yang meyakinkan, tentu tidak ada tindak balas yang tidak menyenangkan. Jika tidak kamu bersetujulah dengan pandangan kami.

Nawab: Tidakkah betul. Kita semua mahukan isu itu diselesaikan disini dan sekarang.

Shirazi: Saya hanya menurut dengan kehendak kamu. Saya tidak menduga bahawa seorang yang berkemampuan seperti kamu, setelah semua penjelasan yang saya telah berikan pada malam-malam yang lalu pada persoalan kekafiran yang dikatakan kafir kepada golongan shia. Saya telah pun membentangkan bukti yang cukup bahawa shia Ithna Ashari [12] adalah pengikut Muhammad dan ahli keturunannya. Kamu telah membangkitkan beberapa isu. Saya akan menjawab setiap satu daripadanya secara berasingan.

KRITIKKAN KEPADA SAHABAT TIDAK BERERTI KAFIR.

Pertama kamu katakan bahawa shia mengkritik para sahabat dan sebahagian dari isteri nabi membawa kepada kafir. Saya tidak faham asas kepada kenyataan ini. Jika kritik disokong oleh bukti, ianya diizinkan. Dan jika sesaorang membuat tuduhan yang palsu, ini tidak bererti dia kafir. Dia mungkin dikatakan berdosa, sama seperti mereka yang minum arak atau berzina. Dan setiap dosa terhadap perundangan tuhan boleh diampunkan.

Ibn Hazm Zahiri Andalusi (dilahirkan 456 A.H.) berkata di dalam bukunya Al-Fasl fi'l-milal wa'n-Nihal bahagian III, ms 227: 'Jika sesaorang mengkritik para sahabat nabi kerana kejahilan, dia tidak boleh disalahkan. Jika dia lakukan dengan berpengetahuan, dia berdosa sapa seperti mereka yang melakukan zina, curi, dsb. Jika mereka mengutuk para sahabat dengan sengaja, dia adalah kafir oleh kerana mereka adalah sahabat nabi, perangai yang sedemikian sama seperti bermusuh dengan Allah dan nabiNya. Sebaliknya jika hanya kritik sahabat tidaklah membawa kepada kafir.'

Pernah khalifa Umar meminta nabi untuk mengizinkannya untuk memenggal kepala Hatib, si Munafik, walaupun dia seorang sahabat, muhajir, dan juga yang mengambil bahagian di dalam peperangan Badr. Oleh kerana mengkritik dan

mengatakan dia munafik, Umar tidak dikatakan kafir. Jadi bagaimana mungkin shia dikata kafir kerana mengkritik sebahagian dari sahabat, katakanlah buat seketika apa yang kamu katakan adalah benar. Lebih-lebih lagi ulama kamu yang terkenal telah menolak pandangan kamu. Diantara mereka Qazi Abdur-Rahman Shafii, yang di dalam Mawafiq nya telah menolak penjelasan dari ulama kamu yang fanatik mengenai kafirnya shia. Dan Muhammad Ghazali menulis bahawa mengutuk dan mengkritik sahabat tidaklah kafir; bahkan mengutuk kedua-dua sheikh tidaklah menjadi kefir.

Mulla Sa'd Taftazani menulis di dalam Sharhe Aqa'id-e-Nas'I bahawa: 'Sebahagian orang yang fanatik berkata bahawa sesiapa yang mengutuk sahabat adalah kafir. Amat susah untuk menerima pandangan ini. Kekafiran mereka ini tidak dibuktikan kerana sebahagian ulama penyokong sahabat, mengabaikan perbuatan mereka yang keji dan membuat alasan yang jahil pada menyokong sahabat ini. Mereka katakan para sahabat nabi semuanya bebas dari segala doa, walaupun kenyataan ini bertentangan dengan fakta. Adakalanya mereka berperang sema sendiri. Cemburu dan cinta kepada kuasa kerap mengerakkan mereka pada melakukan kejahatan. Bahkan sebahagian dari para sahabat yang terkenal juga tidak bebas dari tindakkan yang berdosa. Maka jika berasaskan pada bukti tertentu, sesaorang mengkritik sahabat itu, dia tidak perlu dikutuk kerannya. Sebahagian manusia kerana mereka berpihak kepada sahabat, telah menutup segala kekejian perbuatan sahabat. Tetapi sebahagian lagi ada yang merakamkan perbuatan keji mereka dan mengkritiknya.

Selain dari itu, Ibn Athir Jazari, pengarang Jam'u'l-Usul, telah memasukkan shia di dalam mazhab islam, jadi bagaimana kamu boleh memanggil mereka kafir? Semasa era khalifa pertama, sebahagian manusia mengutuk para sahabat kerana perbuatan keji mereka. Bahkan khalifa tidak menjatuhkan mereka dengan hukuman mati kerana kafir. Menurut, Hakim Nishapuri di dalam Mustadrak, bahagian IV, ms 335, 354, Imam Ahmad Hanbal di dalam Musnad bahagian 1, ms 9, Dhahabi di dalam Talkhise Mustadrak, Qazi Ayaz di dalam Kitab-e-Shifa, bahagian IV, Bab 1 dan Imam Ghazali di dalam Ihya'u'l-Ulum, jilid II; menyebutkan dimasa khalifa Abu Bakr, seorang datang kepadanya yang mengunakan bahasa kotor dan mengutuknya, mereka yang hadir disitu menjadi marah. Abi Barza Salmi meminta kepada khalifa jika dia boleh mengizinkannya untuk membunuh orang itu keran telah menjadi kafir. Abu Bakr berkata bahawa tidak boleh, oleh kerana hanya nabi sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman yang sedemikian.

KHALIFA SENDIRI TIDAK MENGANGGAP BAHWA KUTUKKAN KEPADA MEREKA SEBAGAI KAFIR.

Yang sebenarnya, orang ternama sunni melampaui bagi mereka yang disokonginya. Khalifa sendiri mendengarkan kritikan dan tidak menuduh manusia dengan kafir atau menghukum mereka dengan bunuh. Lebih-lebih lagi jika

mengutuk sahabat menyebabkan kekafiran, mengapa kamu tidak mengatakan Muawiya dan pengikutnya kafir. Mereka mengutuk dan menghina sahabat yang paling sempurna, Ali Ibn Abi Talib. Hanya memilih-milih dalam perkata ini telah menunjukkan bahawa tujuan sebenar kamu adalah yang lain. Kamu hanya bertujuan untuk memerangi ahli bayt dan pengikut mereka!! Jika mengutuk sahabat adalah kafir, mengapa kamu tidak menuduh Ummul-Mukminin Aisha sebagai kafir? Semua ahli sejarah kamu telah mengatakan bahawa dia selalu menghina khalifa Uthman secara terbuka: 'Bunuh orang tua bodoh ini, kerana dia telah menjadi kafir,' Jika sekiranya shia mengatakan bahawa adalah baik jika Uthman dibunuh kerana dia telah kafir, kamu serta merta bengun menentang kami. Tetapi apabila Aisha mengatakan kepada Uthman di hadapan mukanya bahawa dia adalah na'thal dan juga kafir, tidak juga khalifa menghalang dia, dan tidak juga sahabat menentangnya. Tidak juga kamu mencari salah pada dirinya.

Nawab: Tuan yang dihormati, apa yang kamu maksudkan dengan perkataan na'thal?

Shirazi: Firuzabadi, seorang ulama kamu yang berkedudukan tinggi, memberikan maksud di dalam qamusnya, Qamusul-Lughat sebagai 'orang tua bodoh'. Juga terdapat seorang yahudi dengan janggut yang panjang di Madina dengan nama itu, yang mana Uthman telah dibandingkan. Pengulas kepada qamus, Allama Qawini, juga memberikan maksaud yang sama, mengatakan Ibn Hajar di dalam Tabsiratul-Muntaha, menulis, 'Na'thal, seorang yahudi yang berjanggut panjang, tinggal di Madina; dia sangat meyerupai Uthman.'

KHALIFA ABU BAKAR MENGHINA ALI.

Akhir sekali jika kamu menghina sahabat adalah kafir, mengapa Abu Bakr, dihadapan para sahabat dan diperhimpunan manusia ramai, menghina sahabat yang paling mulia, Ali Ibn Abi Talib? Kamu memuji kemuliaan Abu Bakr yang sepatutnya kamu mengutuknya.

Hafiz: Mengapa kamu menuduhnya dengan tuduhan yang palsu ini? Bilakah khalifa Abu Bakr menghina khalifa Ali?

Shirazi: Maafkan saya! Kami tidak mengatakan apa-apa sehinggalah kami telah membuat penyelidikan yang lengkap. Mungkin kamu perlu rujuk kepada Sharh Nahjul Balagha, jilid IV, ms 80, dimana terdapatnya rakaman bahawa Abu Bakr, menghina Ali dari atas mimbar masjid, dengan berkata: 'Dia [Ali] adalah musang, buktinya adalah pada ekornya. Dia mengadakan kekacauan, memperkecilkan perkara yang besar dan penting, serta membuat supaya manusia memberontak. Dia meminta pertolongan dari yang lemah dan menerima bantuan dari kaum wanita. Dia adalah umpama Ummit-Tahal [seorang penzina dizaman jahiliah, sebagaimana yang diterangkan oleh Ibn Abil-Hadid] yang mana kaum lelaki di

dalam keluarganya didapati melakukan zina.’

Sekarang kamu bezakan penghinaan Abu Bakr terhadap Ali dengan kritikan yang dibuat shia terhadap para sahabat. Jika menghina mana-mana sahabat sama seperti kafir maka Abu Bakr, anak perempuannya, Aisha, Muawiya dan pengikutnya hendalah dilabelkan sebagai kafir. Jika ianya tidak membawa kepada kekafiran maka kamu tidak boleh mengatakan shia kafir pada perkara yang sama.

KHALIFA UMAR MENGATAKAN BAHAWA MENGUTUK MULIM TIDAK KAFIR.

Lebih-lebih lagi, menurut keputusan ahli perundangan dan juga khalifa kamu yang agung, mereka yang mengutuk khalifa tidaklah kafir. Imam Ahmad Hanbal di dalam Musnad, jilid III, Ibn Sa’d Katib di dalam Kitab-e-Tabaqat, Qazi Ayaz di dalam Shifa, bahagian IV Bab 1, mengatakan bahawa gabenor khalifa Umar, Ibn Abdu’l-Aziz, menulis dari Kufa bahawa seorang telah menghina dan mencaci Umar bin Khattab, khalifa kedua. Gabenor meminta kebenaran untuk membunuh orang itu. Umar bin Khattab menjawab bahawa ianya tidak dibolehkan untuk mengambil nyawa muslim kerana menghina dan mencaci mama-mana muslim lainnya melainkan sesaorang itu yang menghina nabi.

MENURUT ABU’L-HASAN ASH’ARI WALAUPUN MEMANGGIL ALLAH ATAU NABI DENGAN NAMA YANG JAHAT TIDAK JUGA KAFIR.

Sebahagian dari ulama terkenal kamu, seperti Abul-Hasan Ashari dan pengikutnya, percaya bahawa jika sesaorang mempunyai keimanan di dalam hatinya dan bahkan melahirkan kekafiran [dengan mengamalkan agama yahudi atau kristian, sebagai contoh] atau bangun menentang nabi, atau memanggil Allah atau nabi dengan nama yang jahat, walaupun begitu dia tidaklah kafit. Iman bererti kepercayaan di dalam hati dan oleh kerana tiada siapa tahu hati orang lain, ianya tidak boleh dikatakan bahawa kekafiran yang dilihat adalah dari dalam hati ataupun tidak. Ulama Ashari telah membicangkan isu ini di dalam buku mereka. Ibn Hazm Andalusi telah menulis dengan mendalam mengenai perkara ini di dalam bukunya Kitabul-Fazl [bahagian IV, ms 204, 206] Dari keterangan ini semua apa hak yang kamu ada pada menuduh shia dengan kafir?

KEBANYAKKAN SAHABAT MENGHINA SATU SAMA LAIN TETAPI TIDAK DIANGGAP SEBAGAI KAFIR.

Di dalam buku sahih kamu seperti, Musnad dari Ahmad Hanbal, jilid II, ms 236; Sirat-e-Halabiyya, jilid II, ms 107, Sahih Bukhari, jilid II, ms 74, Sahih Muslim, Kitab-e-Jihad wa Asbabu’n-Nuzul Wahidi, ms 118; terdapat banyak hadith yang menunjukkan bahawa kebanyakkan sahabat menghina satu sama lain dihadapan nabi. Tetapi nabi tidak mengatakan mereka kafir. Nabi menegur mereka. [Penyampaian mengenai perbalahan dan pertengkaran ini hanya dirakamkan di

dalam buku-buku sunni, tidak di dalam buku shia] Dari pandangan pada catitan ini, saya harap kamu berpuas hati bahawa mengutuk atau menghna sahabat tidak membawa kepada kafir. Jika kita mengutuk sesaorang dengan tanpa sebab, kita hanya berdosa, bukan kafir. Dan setiap dosa boleh diampunkan.

NABI ISLAM MENGETAHUI SEGALA YANG BAIK DAN YANG JAHAT DARI TINDAKKAN SAHABAT.

Kedua; kamu katakan bahawa nabi menghormati dan memuliakan sahabatnya. Ini adalah benar. Sebagai tambahan, semua muslim dan orang yang berilmu bersetuju bahawa nabi tahu tindakkan yang baik dan jahat dari manusia. Dia memuji amalan yang baik. Begitulah dia memuji keadilan Nushirwan dan cemerlangnya Hatim Ta'i. Jika nabi mengormati sesaorang, itu adalah kerana amalan baiknya. Tetapi penghargaan yang ditunjukkan kepada sesaorang yang melakukan amalan yang baik, tidak membuktikan yang akhirnya juga dia akan berjaya. Mungkin dia akan melakukan kejahatan dimasa yang akan datang. Jika dia melakukannya, untuk mengatakan dia jahat pada awalnya adalah kejam, walaupun akan diketahui bahawa dia akan melakukan dosa dimasa akan datang. Ali mengetahui dosa dan akhirnya yang terkutuk Abdur-Rahman Ibn Muljim Muradi, dan berulang kali memberitahu bahawa dia adalah pembunuhnya. Pada satu ketika dengan jelas dia berkata: 'Saya hendakkan dia hidup, tetapi dia telah cenderung pada membunuh aku, dan kawan yang kejam ini adalah dari kaum Murad.' Kenyataan ini telah dirakamkan oleh Ibn Hajar Makki pada penghujung bahagian I dari Sawaiq, ms 72. Tetapi Ali tidak mahu menghukumnya. Maka hadith yang menunjukkan bahawa kemuliaan sebahagian dari tindakkan tertentu atau kenyataan para sahabat tidak semestinya mendorong untuk semua masa yang mendatang.

KEMULIAN KERANA TERJUMLAH DI DALAM KUMPULAN BAI'AH-E-RIDWAN.

Ketiga; kamu katakan bahawa oleh kerana sahabat berada di Bai'ah-e-Ridwan dan memberikan taat setia kepada nabi, mereka tidak boleh dikutuk, tetapi perlulah dipuji kerana dirujuk kepada ayat al-Quran yang kamu bacakan [48:18]. Pelajar penyelidikan dan juga ulama telah mengulas tajuk ini dengan meluas, dengan mengatakan bahawa keridha tuhan pada ayat ini hanya pada amalan itu yang khusus sahaja, iaitu bai'ah, dan itu tidak membawa kepada kekafiran.

Kamu sendiri sedar bahawa pada peristiwa bai'ah di Hudaibiyya, terdapat 1 500 orang dari ummah yang hadir, yang mana kemudiannya sebagian dari mereka telah dijumlahkan di dalam ayat 'munafikun', Allah menjanjikan mereka dengan neraka selama-lamanya. Adakah mungkin Allah dan nabiNya akan ridha dengan sebahagian orang, yang mana orang itu akan tinggal kekal di dalam neraka? Dengan itu keridha tuhan tidaklah disebabkan oleh bai'ah-e-shajara sahaja [kesetiaan dibawah pokok], tetapi berasaskan kepada keimanan yang tulus dan

amalan yang baik. Mereka yang mempercayai kepada ke Esaan tuhan dan nabi dan memberikan kesetiaan berhak kepada keridhaan tuhan. Mereka telah diistiharkan sebagai penghuni syurga. Tetapi mereka yang memberikan kesetiaan tanpa iman, dan yang tidak memberikan kesetiaan, mereka berhak kepada kemurkaan tuhan. Pastinya sahabat melakukan amalan yang digalakan, dan bagi amalan mereka yang baik [bai'ah dibawah pokok] mereka hendaklah dipuji, sama ada dia sahabat ataupun tidak; melakukan dosa, dia hendaklah dikritik.

SHIA MENGAKUI KEMULIAAN SAHABAT.

Golongan shia selalu menyampaikan amalan yang baik yang dilakukan oleh sahabat.

Lebih-lebih lagi shia mengakui amalan yang baik walaupun dari mereka yang telah menjadi tumpuan kritikan yang tajam. Sebagai contoh, shia menghargai bai'ah mereka dibawah pokok, penghijrahan mereka dengan nabi, mengambil bahagian di dalam peperangan, tetapi shia juga mengkritik dan mengutuk amalan mereka yang kejam.

Hafiz: Saya terperanjat mendengarkan kamu berkata bahawa sahabat nabi melakukan dosa. Nabi mengistiharkan setiap mereka sebagai petunjuk dan ketua bagi ummah. Dia mengatakan di dalam hadith yang yang terkenal: 'Sesungguhnya, sahabatku adalah seumpama bintang; jika kamu mengikuti mana-mana satu dari mereka, kamu akan mendapat petunjuk.' Pastinya keimanan kamu bukan dari yang ramai [lazim], dan kami tidak menerima keimanan yang sedemikian.

PENELITIAN TEHADAP HADITH 'MENGIKUTI SAHABAT'

Shirazi: Saya terpaksa membincangan beberapa aspek dari hadith ini sebelumnya saya menjawabnya. Baiklah kita tidak akan mengatakan mengenainya puncanya, atau lemahnya hadith ini pada kritikan, kerana kita akan hanyut dari tajuk asal. Perbincangan kita akan menumpukan kepada maksudnya.

Mereka yang dianugerah dengan penghormatan pada melihat nabi, atau yang menyampaikan hadith darinya telah dikatakan sahabat dan ashab sama ada mereka muhajir dari Makah atau mereka yang menolongnya [Ansar] di Madina dan lainnya

Salah faham yang terbesar diantara kamu adalah, sikap kamu yang murah hati terhadap sahabat, kamu menganggap kesemua mereka bebas dari segala kesalahan walaupun fakta sebenar adalah yang sebaliknya. Diantara para sahabat nabi ada yang baik dan ada yang jahat, yang mana Allah dan nabiNya benar-benar tahu. Ini boleh dibuktikan dengan surah Munafiqun dan ayat-ayat dari surah lain, seperti Tauba yang juga dikenali sebagai Bara'a dan Ahzab, yang diwahyukan

pada mengutuk sahabat yang hipokrit dan berdosa. Ulama kamu yang terkenal telah merakamkan sebahagian dari kesalahan yang dilakukan sahabat di dalam buku sahih mereka. Hisham bin Muhammad seorang ulama terkenal kamu telah menyusun sebuah buku mengenai kesalahan dan penyelewengan sahabat.

Si hipokrit, yang mana Allah di dalam al-Quran dan nabi telah kutuk, adalah manusia talam dua muka; yang hanya muslim pada wajah sahaja. Hati mereka penuh dengan korupsi dan penyelewengan, dan kesemua mereka adalah di dalam jumlah sahabat. Maka bagaimana kita boleh mempunyai pandangan yang baik kepada semua sahabat? Dan bagaimana kita boleh yakin dengan mengikuti mereka kita akan terselamat? Tidakkah satu fakta nyata peristiwa di Aqaba bahawa para sahabat yang kelihatan taat telah bertekad hendak membunuh nabi?

PERISTIWA AQABA DAN RENCANA PADA MEMBUNUH NABI.

Hafiz: Sebahagian ulama menganggap peristiwa Aqaba adalah rekaan shia.

Shirazi: Adalah tidak wajar bagi kamu untuk bergantung pada kepercayaan sebahagian dari mereka yang berfikiran Khariji dan Nasibi. Kejadian ini telah diketahui oleh semua bahawa ulama kamu sendiri telah mengesahkannya.

Tolong rujuk kepada Dala'ilu'n-Nabuwat di susun oleh Hafiz Abu Bakr Ahmad Bin Husain Baihaqi Shafi'i, seorang ulama dan ahli perundangan [fiqaf] kamu. Dia telah merakamkan cerita mengenai Batn-e-Aqaba, dengan rantai penyampai yang sahih; dan juga Imam Ahmad Bin Hanbal, pada penghujung v. V dari Musnad, menyatakan dari Abu Tufail, dan Ibn Abi'l-Hadid menulis di dalam Sharhe Nahju'l-Balagha, dan ianya telah diketahui oleh semua ulama, bahawa nabi pada malam tersebut mengutuk sekumpulan sahabat.

Nawab: Apakah perkaranya, dan siapakah mereka yang hendak membunuh nabi?

Shirazi: Ulama yang terkenal dari kedua golongan telah menulis bahawa Muhammad pada perjalanan pulang dari ekspedisi Tabuk, 14 hipokrit telah merencana hendak membunuh nabi. Rancangannya adalah hendak menolak dia jatuh dari unta supaya dia akan terjatuh kedalam gaung apabila dia menunggang diwaktu malam di Aqaba; laluan sempit yang mana hanya satu orang sahaja dapat melaluinya. Apabila mereka cuba hendak melaksanakan rancangan mereka, Malaikat Jibril memberitahu nabi mengenainya. Nabi menghantar Hudhaifa Nakha'I supaya bersembunyi disebalik batu. Apabila mereka yang berkonpirasi sampai dan bercakap sesama mereka, Hudhaifa mengenali mereka semua. Dari jumalah mereka, 7 darinya Bani Umayya. Hudhaifa kembali kepada nabi dan menamakan mereka semua. Nabi menyuruh dia merahsiakan plot tersebut dan berkata bahawa Allah adalah pemelihara mereka. Pada awal malam nabi memulakan perjalanan, diikuti oleh tenteranya. Ammar-e-Yasir memandu unta dari depan dan

Hudhaifa menundanya dari belakang. Apabila mereka sampai pada lorong yang sempit, si hipokrik membaling bag kulit mereka yang dipenuhi pasir [atau bekas minyak] dihadapan unta, membuat bunyi yang bising, mengharap supaya binatang yang terperanjat itu akan menjatuhkan nabi kedalam jurang. Tetapi Allah telah menyelamatkan nabi dan konspirator itu talah lari kedalam orang ramai.

Tidakkah orang ini terjumlah di dalam sahabat? Adakah benar mengikuti mereka bererti mendapat petunjuk?

Apabila kita mengatakan mengenai para sahabat nabi, mengapa kita perlu menuntup mata pada kesalahan mereka?

DIALOG SUNNI-SHIA

NABI TIDAK PERNAH MENYURUH KITA MENGIKUTI PENIPU.

Saya telah merujuk dimalam-malam yang lalu kepada kerekter Abu Huraira, memberitahu kamu bahawa khlifa Umar telah menyebatnya kerana dia biasa menyebut hadith yang palsu dari nabi. Tidakkah dia dari kalangan sahabat? Tidakkah dia secara dusta telah menyampaikan hadith dengan banyaknya? Begitu juga, sahabat yang lain seperti Sumra bin Junda, termasuk diantara mereka? Bolehkan nabi menyuruh ummahnya mengikut pendusta dan pemalsu? Jika hadith ini betul, iaitu, bahawa kita mengikuti mana-mana satu dari sahabat, kita akan dapat petunjuk, maka beritahulah kepada kami siapa yang perlu kita ikuti, jika dua sahabat pergi diarah yang bertentangan. Atau jika dua kumpulan dari mereka, masing-masing memerangi satu sama lain, atau setiap satu bertentangan dengan yang lain, siapakah yang perlu kita sokong?

Hafiz: Pertama; para sahabat nabi yang terkemuka tidak pernah bermusuhan sesama mereka. Dan jika seorang menentang yang lain; kita hendaklah meneliti faktanya dengan betul. Mereka yang lebih tulus dan kenyataannya yang lebih logik hendaklah diikuti.

Shirazi: Jika dari kenyataan kamu, kita buat pertanyan dengan teliti dan dapati seorang dari mereka lebih tulus dan dipihak yang benar, jadi sahabat dipihak yang lain pastinya tidak tulus dan dipihak yang salah. Maka hadith ini pada asasnya telah hilang kepercayaannya, kerana adalah mustahil bahawa sahabat yang bertentangan boleh kedua-duanya menjadi punca bagi petunjuk.

PENENTANGAN SAHABAT DI SAQIFA.

Jika hadith ini sahih, mengapa kamu bantah terhadap shia kerana mereka mengikuti sekumpulan sahabat seperti Salman, Abu Dharr, Miqdad, Ammar-e-Yasir, Abu Ayyub Ansari, Hudhaifa Nakha'i dan Khuzaima Dhu'sh-Shahadatain, etc, yang mana saya telah rujukkan pada malam yang lalu? Orang-orang ini pastinya

tidak memberikan bai'ah kepada Abu Bakr. Maka dari para sahabat yang bertentangan satu sama lain, siapakah dipihak yang benar? Pastinya satu mesti dipihak yang bersalah, melalui hadith yang kamu telah sebutkan kepada kami bahawa kita boleh mengikuti mana-mana sahabat dan mendapat petunjuk.

SA'D BIN UBAIDA MENENTANG ABU BAKR DAN UMAR.

Tidakkah Sa'd bin Ubaida adalah seorang sahabat yang tidak memberikan bai'ah kepada Abu Bakr dan Umar? Kesemua ahli sejarah sunni dan shia sebulat suara mengatakan bahawa dia pergi ke Syria dan tinggal disana sehingga kepertengahan khalifa Umar, dimana dia dibunuh. Maka mengikuti dia dan menentang Abu Bakr dan Umar, menurut dari hadith itu adalah laluan petunjuk.

TALHA DAN ZUBAIR MENENTANG ALI DI BASRA.

Tidakkah Talha dan Zubair diantara para sahabat yang memberikan bai'ah dibawah pokok. Tidakkah mereka menentang pengganti yang sah nabi, khalifa keempat yang diakui menurut dari kepercayaan kamu. Tidakkah sahabat ini yang bertanggong jawab terhadap pertumpahan darah ribuan manusia? Tolong beritahu kepada saya sekarang yang mana satu dari kedua pihak sahabat ini yang memerangi sesama sendiri, dipihak yang benar dan mendapat pertunjuk. Jika kamu katakan bahawa, oleh kerana keduanya adalah taat, maka keduanya adalah dipihak yang betul, maka kamu adalah salah. Adalah mustahil pada mengatakan bahawa kedua pihak yang bertentangan keduanya adalah betul mendapat petunjuk.

Makanya para sahabat yang mengikut Ali adalah yang pasti betul. Kumpulan dipihak lawan adalah salah; dan ini adalah satu lagi kenyataan pada menyangkal kenyataan kamu bahawa semua sahabat yang hadir di Bai'ah-e-Ridwan, dibawah pokok, adalah yang mendapat petunjuk. Diantara mereka yang memberikan bai'ah dibawah pokok adalah yang bedua ini Talha dan Zubair; dan yang juga telah memerangi khalifa keempat. Mereka sebenarnya memerangi dia yang nabi katakan: 'Wahai Ali, memerangi kamu adalah memerangi aku.' Tidakkah ini bererti memerangi nabi Allah? Jadi bagaimana kamu katakan bahawa perkataan Ashab atau yang hadir dibawah pokok untuk berbai'ah adalah dijamin keselamatan mereka?

MUAWIYA DAN AMR AS BIASA MENGUTUK DAN MENGHINA ALI.

Muawiya dan Amr As adalah para sahabat dan bahkan mereka menentang pengganti nabi, serta mengutuk dan menghina Ali ditempat-tempat umum dan juga dikhutbah Jumaat. Mereka melakukannya walaupun pada hakikatnya, sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama terkenal dari golongan kamu dan juga buku-buku hadith yang sahih, bahawa nabi selalu berkata: 'Sesiapa yang

mengutuk dan menghina Ali, menghina aku. Dia yang menghina aku telah menghina Allah.'

Seorang ilmuan Taftazani telah menghuraikan tajuk ini di dalam bukunya Sharh Maqasid. Dia menulis bahawa sebahagian sahabat telah bermusuhan diantara satu dengan lain, maka sebahagiannya telah menyimpang dari jalan yang benar. Sebahagian mereka disebabkan cemburu dan kebanggaan dunia telah melakukan berbagai kezaliman. Telah terbukti bahawa kebanyakkan sahabat yang tidak ma'sum telah melakukan amalan yang hina. Tetapi sebahagian ulama kerana mencintai mereka telah cuba untuk melindungi kesalahan mereka.

Terdapat banyak hujah yang jelas pada menolak hadith yang dibincangkan.Tidak dapat dinafikan bahawa hadith ini adalah dipalsukan. Banyak dari ulama kamu telah menyatakan keraguan mereka terhadap hadith ini.

PUNCA HADITH 'SAHABAT AKU ADALAH UMPAMA BINTANG' ADALAH LEMAH.

Setelah menyebutkan hadith ini di dalam Sharhu'sh-Shifa, jilid II, ms 91, Qazi Ayaz berkata bahawa Darqutni di dalam Faza'il dan Ibn Abdu'l-Birr berkata bahawa hadith ini tidak sahih.

Ianya juga disebutkan dari Abd Bin Hamid di dalam Musnad yang menyatakan dari Abdullah Ibn Umar bahawa Bazar enggan mengakui kesahihan hadith ini. Juga dia mengatakan bahawa Ibn Adi menyatakan di dalam Kamil dengan rujukkannya sendiri dari Nafi, dan dia dari Abdullah bin Umar, bahawa punca hadith ini adalah lemah. Baihaqi juga dinyatakan telah menulis bahawa hadith ini diketahui secara umum tetapi puncanya adalah lemah.

Diantara punca hadith ini adalah Harith bin Ghazin [Qazwin], yang mana kerekternya tidak diketahui [seorang yang jahil], dan Hamza Ibn Abi Hamza Nussairi [Nasibi], yang telah dituduh sebagai penipu. Lemahnya hadith ini telah terbukti. Ibn Hazm juga berkata bahawa hadith ini telah dipalsukan dan hendaklah ditolak.

Maka di dalam hujah kamu kita tidak boleh bergantung pada hadith yang lemah rantaian penyampainya. Walaupun jika kita anggap hadith ini betul, pengertiannya tidak boleh digunakan secara umum; ianya hanya merujuk kepada sahabat yang taat dan wara yang mengikut arahan nabi dan juga kitab Allah dan juga keturunan nabi yang suci.

PARA SAHABAT TIDAK MA'SUM.

Setelah menyatakan ini, jika saya mengkritik sahabat, kamu jangan menganggap saya zalim. Mereka semuanya adalah manusia biasa dan besar kemungkinan tersalah.

Hafiz: Kami juga percaya bahawa sahabat tidaklah ma'sum, tetapi pada masa yang sama telah diterima pada fakta bahawa mereka adalah orang-orang yang benar. Tidak ada kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Shirazi: Kamu telah melampau jika kamu terus menekan pada mengkatakan mereka itu adil dan bebas dari kesalahan, oleh kerana di dalam buku sahih yang ditulis oleh ulama kamu, mereka berhujah yang disebaliknya. Mereka memberitahu kita bahaya sebahagian dari sahabat terkenal terkadang kala melakukan kesalahan.

Hafiz: Kami tidak mengetahui rakaman yang sedemikian. Sial terangkan kepada kami juka kamu tahu

Shirazi: Kita ketepikan apa yang mereka lakukan dimasa jahiliah, mereka telah lakukan banyak kesalahan selepas mereka memeluk islam. Adalah mencukupi pada menyatakan satu contoh kejadian sahaja.

Ulama kamu yang terkenal menulis di dalam buku sahih bahawa pada tahun penaklukkan Makah [8 Hijrah] beberapa sahabat terkenal terlibat di dalam perta bersuka ria dan secara rahsia minum arak.

Hafiz: Ini pastinya cerita rekaan. Apabila arak diistiharkan sebagai haram, para sahabat yang dihormati tidak pernah hadir kepesta sedemikian, jangan disebut minum arak.

Shirazi: Ianya bukan direka oleh musuh. Jika ianya direka, maka rekaan ini datangnya dari ulama kamu.

Nawab: Jika terdapat pesta yang sedemikian, nama tuan rumah dan tetamunya tentu telah dinyatakan. Bolehkan kamu jelaskannya?

Shirazi: Ya, ulama kamu telah menerangkannya.

MINUM ARAK OLEH 10 SAHABAT DI DALAM PERJUMPAAN RAHSIA.

Ibn Hajar menulis di dalam Fathu'l-Bari, jilid X, ms 30, bahawa Abu Talha Zaid Bin Sahl telah menyediakan pesta minum arak dirumahnya dan mempelawa 10 orang. Kesemua mereka minum arak dan Abu Bakr membacakan syair memperingati beberapa orang musyrik yang telah terbunuh dipeperangan Badr.

Hafiz: Adakah nama tetamu-tetamu juga dinyatakan? Jika ia, sila beritahu kami.

Shirazi: (1) Abu Bakr Bin Abi Qahafa, (2) Umar Ibn Khattab, (3) Abu Ubaida Jarra, (4) Ubai Bin Ka'b, (5) Sahl Bin Baiza, (6) Abu Ayyub Ansari, (7) Abu Talha (the host), (8) Abu Dajjana Samak Bin Kharsa, (9) Abu Bakr Bin Shaghuls, (10) Anas Bin

Malik, yang berusia 18 tahun pada masa itu dan yang mensajikan arak. Baihaqi di dalam, jilid VIII, ms 29, telah juga sampaikan dari Anas sendiri bahawa dia mengatakan yang dia termuda dari mereka pada masa itu dan yang mensajikan arak. [Dengan ini tedapat sedikit kekecohan dari para hadirin]

Sheikh: Saya bersumpah dengan Allah bahawa ini telah diadakan oleh pihak musuh!!

Shirazi: Kamu terlalu ghairah, dan kamu telah membuat sumpah yang keji!! Tetapi ini bukanlah salah kamu secara keseluruhan. Pengajian kamu terhad. Jika kamu banyak membaca, kamu akan dapati ulama kamu telah menulis semua ini. Sekarang kamu perlulah meminta ampun kepada Allah.

Sekarang saya terpaksa menjelaskan fakta mengikut kenyataan ulama kamu. Muhammad Bin Isma'il Bukhari di dalam Sahih (mengulas pada Ayat-e-Khamr, "ayat mengenai arak", di dalam surah Ma'ida al-Quran); Muslim Ibn Hajar di dalam Sahih (Kitab-e-Ashraba Bab-e-Tahrimu'l-Khamr); Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam Musnad, jilid XXX, ms 181 dan 227; Ibn Kathir di dalam Tafsir, jilid XI, ms 93; Jalalu'd-din Suyuti di dalam Durru'l-Mansur, jilid II, ms 321; Tabari di dalam Tafsir, jilid VII, ms 24; Ibn Hajar Asqalani di dalam Isaba, jilid IV, ms 22 dan Fathu'l-Bari, jilid X, ms 30; Badru'd-din Hanafi di dalam Umdatu'l-Qari, jilid X, ms 84; Baihaqi di dalam Sunan, ms 286 dan 290; dan yang lainnya telah merakankan fakta ini dengan penjelasan mendalam.

Sheikh: Mungkin perkara ini terjadi sebelum arak diharamkan.

Shirazi: Apa yang kami kumpulkan dari ulasan dan sejarah menunjukkan bahawa walaupun setelah ayat pada pengharaman arak wahyukan, sebahagian muslim dan sahabat masih terus meminumnya.

Muhammad Bin Jarir Tabari menyatakan di dalam Tafsir-e-Kabir, v.II, p.203, pada pengesahan Abil Qamus Zaid Bin Ali, yang mengatakan Allah telah mewahyukan tiga kali ayat pada pengharaman minum arak. Di dalam ayatnya yang pertama Dia berkata: 'Mereka tanya kamu mengenai yang memabukkan dan judi. Katakan: 'Di dalam keduanya terdapat dosa besar dan cara keuntungan bagi manusia, dan dosanya lebih besar dari keuntungannya……' [2:219]

Tetapi muslim tidak meninggalkan arak sepenuhnya. Apabila dua orang, sedang mabuk, mendirikan solat dan bercakap yang bukan-bukan, satu lagi ayat telah diwahyukan, yang berbunyi: 'Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah mendekati solat apabila kamu mabuk sehingga kamu tahu apa yang kamu ucapkan.' [4:43]

Walaupun selepas ini, minum arak masih berterusan, tetapi manusia tidak mendirikan solat ketika mabuk. Satu hari sesaorang minum arak [menurut dari

kenyataan Bazar, Ibn Hajar, dan Ibn Mardawiyya bahawa orang itu adalah Abu Bakr] telah mengarangkan syair untuk orang jahiliah yang terbunuh dipeperangan Badr. Apabila nabi mendengar mengenainya, baginda menjadi marah. Baginda pergi kepesta itu dan hendak memukulnya. Orang itu berkata: 'Saya berlindung dengan Allah, dari kemarahan Allah dan nabiNya. Allah menjadi saksi saya, saya tidak akan minum arak lagi.' Kemudian ayat yang berikutnya diwahyukan: 'Wahai orang-orang yang beriman! Arak, judi, berhala dan bertenung adalah perbuatan keji, perkerjaan syaitan, tinggalkanlah semoga kamu berjaya.' [5:90]

Diantara sahabat nabi ada yang baik dan ada yang jahat, sebagaimana terdapatnya juga diantara orang beriman dan muslim yang lain. Terdapat diantara mereka yang bersungguh pada mentaati Allah dan nabiNya maka mereka telah mencapai darjat yang tinggi. Mereka yang mengikuti kehendak dunianya pula telah dipandang rendah oleh yang lainnya. Maka mereka yang menyalahkan sahabat yang pentingkan dunia melakukan dengan bersebab. Amalan keji yang dilakukan oleh sebahagian sahabat telah dirakamkan di dalam buku sahih dari ulama kamu adalah juga dikutuk menurut keterangan al-Quran. Shia mengutuk mereka mengikut asas ini. Jika terdapat hujah yang logik pada keterangan ini, kami sedia menerimanya.

PARA SAHABAT MELANGGAR SUMPAH SETIA MEREKA.

Shirazi: Amatlah aneh bahawa baru sahaja mendengarkan kualiti mereka yang keji [Saya hanya menyatakan sedikit dari jumlahnya yang besar] kamu masih menayakan apakah dia mengenai salahlaku mereka! Sekarang saya akan menyampaikan satu lagi contoh dari amalan mereka yang busuk; yang telah dirakamkan di dalam buku kedua-dua golongan; melanggar sumpah mereka. Allah telah menjadikan wajib bagi sesaorang supaya menyimpan janji mereka. Dia berkata: 'Dan jayakan janji Allah apabila kamu telah membuat perjanjian; dan janganlah melanggar sumpah setelah ianya diikrarkan.' [16:91]

Dan lagi Allah memanggil mereka yang melanggar sumpah sebagai yang terkutuk. Dia berkata: 'Dan mereka yang melanggar perjanjian Allah setelah dipersaksikan, dan memutuskan pertalian dengan yang Allah suruh eratkan, dan membuat kerosakkan dibumi; dan keatas mereka kutukan, dan mereka mendapat tempat yang kejam sebagai tempat tinggal.' [13:25]

Maka nyatalah dari keduanya al-Quran dan terdapat jumlah yang banyak di dalam hadith bahawa melanggar sumpah adalah dosa yang besar, terutama sumpah yang dibuat kepada Allah dan nabinya. Seriusnya kesalahan ini bagi para sahabat berlipat kali ganda lagi.

Hafiz: Apakah sumpah dengan Muhammad yang para sahabat telah langgar? Bagaimana ianya boleh menjadi tumpuan bagi ayat al-Quran? Saya fikir jika kamu

menelitinya dengan cermat, kamu akan mengaku bahawa semua perkara ini adalah bikinan shia sahaja. Para sahabat nabi adalah bebas dari itu semua.

DI DALAM AYAT AL-QURAN 'YANG BENAR' MERUJUK KEPADA MUHAMMAD DAN ALI.

Shirazi: Saya telah berulang kali menyatakan kepada kamu bahawa shia telah berikrar untuk mengikuti ketua mereka.

Jika tidak mereka tidak boleh menjadi shia. Al-Quran telah memberikan bukti terhadap kebenaran ketua mereka. Sebagai contoh ulama terkenal kamu, Imam Tha'labi dan Jalalu'd-Din Suyuti di dalam Tafsir, Hafiz Abu Nu'aim Ispahani di dalam Ma Nazal mina'l-Qur'an fi Ali, Khatib Khawarizmi di dalam Manaqib, Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, Bab 39, menyebutkan dari Khawarizmi, Hafiz Abu Nu'aim dan Hamwaini dan Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi'i di dalam Kifayatu't-Talib, Bab 62 – kesemua mereka telah mengatakan dari sejarah seorang ilmuan Muhaddith-e-Sham bahawa di dalam ayat al-Quran, 'Wahai orang yang beriman! Berwaspadalah [terhadap tugas kamu kepada] Allah; dan bersamalah mereka yang benar.' [9:119]

'Yang benar' merujuk kepada Muhammad dan Ali. Maka pengikut bagi keluarga yang mulia ini bukanlah penipu atau pemalsu kerana orang itu sendiri yang menipu dan memalsukan cerita yang tidak punya sebarang kebenaran atau asas yang kuat akan jatuh semula menimpa diri dan matlamatnya. Apa yang shia katakan telah ditulis oleh ulama kamu sendiri. Pertama kenalah kamu membuat bantahan kepada ulama kamu yang menulis semua ini. Jika ulama kamu tidak menulisnya mengenai melanggar sumpah setia oleh para sahabat di dalam buku mereka yang sahih, saya tidak akan menyebutnya di dalam perjumpaan ini.

Hafiz: Siapakah ulama sunni yang menulis bahawa para sahabat telah melanggar sumpah setia mereka. Hanya cakap-cakap kosong tidak memadai.

Shirazi: Saya bukan hanya bercakap kosong. Hujah saya penuh dengan logik. Para sahabat telah melanggar sumpah beberapa kali. Mereka melanggar janji yang mana nabi Allah telah mengarahkan mereka, and yang paling penting adalah perjanjian taat setia di Ghadir-e-Khum.

GHADIR, HADITH DAN CARANYA.

Kesemua shia dan sunni ulama telah mengesahkan bahawa pada tahun ke 10 Hijrah, nabi Allah pulang dari haji terakhir, mengumpulkan semua para sahabat di Ghadir-e-Khum pada 18 Dhil-Hijja. Sebahagian dari mereka yang terdahulu telah dipanggil semula dengan arahan dari nabi dan mereka yang tertinggal dibelakang telah ditunggui. Kebanyakkan dari ulama dan ahli sejarah kamu dan juga punca dari shia memberikan jumlah 70 000 orang disana, dan sebahagian lagi dari ulama kamu, sebagai contoh, Tha'labi di dalam Tafsir, Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkirat'u-

Khasa’isi’l-Umma fi Ma’rifati’l-A’imma dan yang lain telah menulis bahawa disana terdapat 120 000 orang berkumpul. Nabi mengarahkan mimbar didirikan. Dia naik keatas mimbar dan memberikan syarahan yang panjang, sebahagian besarnya mengandungi kehormatan dan kemuliaan Amirul Mukminin. Dia membacakan kebanyakkan dari ayat-ayat al-Quran yang memuji kepada Ali, dan mengingatkan manusia pada kedudukan Amirul Mukminin sebagai wazir. Kemudian nabi berkata: ‘Wahai Ummah! Tidakkah aku mempunyai tuntutan yang lebih besar dari kamu terhadap nyawa kamu?’ Rujukan di dalam ayat al-Quran, ‘Nabi mempunyai tuntutan yang lebih besar pada diri yang beriman dari mereka pada diri mereka sendiri.’ [33:6]

Kumpulan manusia menjawab dengan satu suara, menyahut, ‘Sesungguhnya, Ya Rasul Allah!,’ Kemudian nabi mengistiharkan: ‘Barang siapa saya maulanya, Ali ini adalah maulanya.’ Sesudah itu baginda mengangkat tangannya kelangit sambil berdoa kepada Allah, ‘Wahai Allah, jadilah Kamu kawan kepadanya bagi sesiapa yang berkawan dengan dia, dan jadilah musuh kepadanya, yang memusuhi dia [Ali]. Tolonglah mereka yang menolongnya dan abaikanlah mereka yang mengabaikannya.’

Kemudian khemah didirikan dengan arahan nabi, yang menyuruh Amirul Mukminin Ali duduk di dalamnya. Keseluruh ummah diarahkan untuk memberikan bai’ah kepada Ali. Nabi mengatakan, dia memberikan arahan ini dengan mengikuti perintah dari Allah. Orang pertama yang memberikan taat setianya pada hari itu adalah Umar. Kemudian Abu Bakr, Uthman, Talha dan Zubair mengikut kemudiannya, dan kesemuanya manusia kemudiannya memberikan sumpah setia mereka selama tiga hari [sedang nabi berada disitu]

Hafiz: Bolehkah kamu percaya, peristiwa yang begitu penting ini berlaku sebagaimana yang kamu katakan dan tiada siapa dari ulama yang terkenal menyatakannya?

Shirazi: Saya tidak menduga kenyataan yang sedemikian dari kamu. Peristiwa Ghadir-e-Khum adalah jelas, sejelas siangnya hari dan tiada siapa melainkan mereka yang berfikiran sempit dan amat degil sahaja yang akan meragui dan menafikan kejadian yang sedemikian. Peristiwa yang penting ini telah dirakamkan oleh semua ulama yang wara’ di dalam buku sahih mereka. Saya ingin menyatakan disini hanya sebahagian dari nama pengarang dan buku-buku mereka supaya kamu boleh mengetahui bahawa kesemua ulama kamu yang ulung telah mengatakan hadith ini:

1. Imam Fakhru’d-Din Razi - Tafsir-e-Kabir Mafatihu’l-Ghaib.

2. Imam Ahmad Tha’labi - Tafsir-e-Kashfu’l-Bayan.

3. Jalalu’d-Din Suyuti - Tafsir-e-Durru’l-Manthur.

4. Abu’l-Hasan Ali Bin Ahmad Wahidi Nishapuri - Asbabu’n- Nuzul.

5. Muhammad Bin Jarir Tabari - Tafsiru’l-Kabir.

6. Hafiz Abu Nu’aim Ispahani - Ma Nazal Mina’l-Qur’an fi Ali dan Hilyatu’l-Auliya.

7. Muhammad Bin Isma’il Bukhari - Ta’rikh, jilid 1, ms 375.

8. Muslim Bin Hajjaj Nishapuri - Sahih, jilid 2, ms 325.

9. Abu Dawud Sijistani - Sunan.

11.Hafiz Ibnu’l-Iqda - Kitabu’l-Wilaya.

12.Ibn Kathir Shafi’i Damishqi - Ta’rikh.

13.Imam Ahmad Ibn Hanbal – jilid 4, ms 281&371.

14.Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali - Sirru’l-Alamin.

15.Ibn Abdu’l-Birr - Isti’ab.

16.Muhammad Bin Talha Shafi’i - Matalibu’s-Su’ul, ms 16.

17. Ibn Maghazili Faqih Shafi’i - Manaqib.

18.Nuru’-d-Din Bin Sabbagh Maliki - Fusulu’l-Muhimma.

19.Husain Bin Mas’ud Baghawi - Masabihu’s-Sunna.

20.Abu’l-Mu’ayyid Muwafiq Bin Ahmad Khatib Khawarizmi - Manaqib.

21.Majdu’d-Din Bin Athir Muhammad Bin Muhammad Shaibani -am’u’l-Usul.

22.Hafiz Abu Abdu’r-Rahman Ahmad Bin Ali Nisa’i - Khasa’isu’l-Alawi and Sunan.

23.Sulayman Balkhi Hanafi - Yanabiu’l-Mawadda, bahagian IV.

24. Shahabu’d-din Ahmad Bin Hajar Makki - Sawa’iq Muhriqa dan Kitabu’l-Manhu’l-Malakiyya, terutama Sawa’iq, bahagian 1, ms 25. Walaupun dia begitu fanatik, dia berkata: “Hadith ini adalah benar, dimana kesahihannya tidak boleh diragukan. Sesungguhnya ia telah disampaikan oleh Tirmidhi, Nisa’i dan Ahmad, dan jika dikaji puncanya, bolehlah diterima.”

25.Muhammad Bin Yazid Hafiz Ibn Maja Qazwini - Sunan.

26.Hafiz Abu Abdullah Muhammad Bin Abdullah Hakim Nishapuri-Mustadrak.

27.Hafiz Sulayman Ibn Ahmad Tabrani - Ausat.

28.Ibn Athir Jazari - Usudu'l-Ghaiba.

29.Yusuf Sibt Ibn Jauzi - Tadhkiratu'l-Khasa'isu'l-Umma, ms 17.

30. Abu Umar Ahmad Bin Abd Rabbih - Iqdu'l-Farid.

31.Allama Samhudi - Jawahiru'l-Iqdain.

32.Ibn Taimiyya Ahmad Bin Abdu'l-Halim - Minhaju's-Sunna.

33.Ibn Hajar Asqalani - Fathu'l-Bari and Tahdhibu't-Tahdhib.

34.Abdu'l-Qasim Muhammad Bin Umar Jarullah Zamakhshari - Rabiu'l-Abrar.

35.Abu Sa'id Sijistani - Kitabu'd-Darayab Fi hadithi'l-Wilaya.

36.Ubaidullah Bin Abdullah Haskani - Du'atu'l-Huda Ila Ada Haqqi'l-Muwala.

37.Razin Bin Mu'awiya Al-Abdari - Jam Bainu's-Sahihi's-Sitta.

38.Imam Fakhru'd-din Razi berkata di dalam Kitabu'l-Arba'in bahawa seluruh ummah sebulat suara mengesahkan hadith ini.

39.Muqibili - hadithu'l-Mutawatira.

40.Suyuti - Ta'rikhu'l-Khulafa.

41. Mir Seyyed Ali Hamadani - Mawaddatu'l-Qurba.

42. Abul Fath Nazari - Khasa'es'u'l-Alavi

43. Khwaja Parsa Bukhari - Faslu'l-Khitab

44. Jamaluddin Shirazi - Kitabu'l-Araba'in

45. Abdul Ra'ufu'l-Manavi - Faizu'l-Qadir fi Sharh-i-Jame'u's-Saghir

46. Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi'i - Kifayatu't-Talib, bahagian 1

47. Yahya Bin Sharaf-Nauvi - Tehzibu'l-Asma wa'l-Lughat

48.Ibrahim bin Muhammad Hamwaini - Fara'adu's-Simtoun

49.Qazi Fazlullah bin Ruzhahan - Ibtalu’l-Batil

50.Shamsuddin Muhammad bin Ahmad Sharbini - Siraju’l-Munir

51.Abul Fath Shahristani Shafi’i - Milal wa’n-Nihal

52.Hafiz Abu Bakr Khatib Baghdadi - Tarikh

53.Hafiz Ibn Asakir abul Qasim Damishqi - Tarikh-i-Kabir

54.Ibn Abi’l-Hadid Mutazali - Sharhe Nahju’l-Balagha

55.Ala’uddin Samnani -Urwatu’l-Wuthqah

56.Ibn Khaldun - Muqaddima

57.Molvi Ali Muttaqi Hindi - Kanzu’l-Ummal

58.Shamsuddin Abul Khair Damishqi - Asnu Matalib

59.Syed Sharif Hanafi Jurjani - Sharh-i-Mawaqit

60.Nizamuddin Nishapuri - Tafsir-i-Ghara’ibu’l-Qur’an

HADITH GHADIR DISAMPAIKAN OLEH TABARI, IBN IQDA DAN IBN HADDID.

Saya telah nyatakan puncanya yang saya boleh ingat. Tetapi lebih dari 300 ulama kamu yang terkenal telah menyatakan hadith Ghadir, Ayat Baligh [mengajar], Kamalud-Din [kesempurnaan agama], dan percakapan dikawasan masjid, dengan pengesahan lebih dari 100 orang sahabat nabi. Jika saya menyatakan kesemua nama mereka yang menyampaikannya, ia akan memenuhi sebuah buku. Setakat ini saya rasa telah mencukupi untuk membuktikan bahawa hadith ini diterima sebagai benar.

Sebahagian dari ulama kamu telah menulis buku pada tajuk ini. Sebagai contoh, pengulas dan ahli sejarah yang termashor pada abad keempat Hijarah, Abu Jafar bin Jarir Tabari [mati 310 Hijrah], memberikan dengan mendalam hadith Ghadir di dalam bukunya Kitabul-Wilaya dan telah menyampaikan melalui 75 rantaian penyampai.

Hafiz Abu’l-Abbas Ahmad Bin Sa’id Abdu’r-Rahman Al-Kufi, terkenal sebagai Ibn Iqba [mati 333 Hijrah] telah menyampaikan hadith ini di dalam bukunya Kitabul-Wilaya melalui 125 rantaian dengan disahkan oleh 125 orang para sahabat nabi.

Ibn Haddad Hafiz Abu’l-Qasim Haskani [mati 492 Hijrah] di dalam bukunya Kitabul-Wilaya, telah menyampaikan dengan mendalam kejadian Ghadir bersama dengan

ayat al-Quran yang diwahyukan. Secara ringkas semua ulama dan ilmuan yang berkedudukan tinggi [melainkan sebilangan kecil fanatik] telah menyebutkan hadith ini dari nabi, yang telah mengistiharkan Ali sebagai wazirnya pada 18 Dhul-Hijja pada tahun Haji terakhir. Ianya juga adalah satu fakta bahawa khalifa Umar adalah diantara sahabat yang pertama untuk menyatakan kegembiraannya pada peristiwa ini. Mengambil tangan Ali, dia berkata: 'Tahniah kepada mu Ali! Pagi ini telah membawa rahmat yang besar pada mu. Kamu telah menjadi maula ku dan maula bagi semua yang beriman lelaki dan wanita.'

NASIHAT JIBRIL KEPADA UMAR.

Ahli fiqah Shafii, Mir Seyyed Ali Hamadani, dari abad ke 8 Hijrah, seorang ilmuan yang boleh dipercayai dari golongan kamu, menulis di dalam bukunya Mawaddatu'l-Qurba, Mawadda V, behawa sebilangan besar sahabat telah menyebutnya dari khalifa Umar di berbagai tempat, sebagai telah berkata: 'Nabi telah menjadikan Ali ketua, Ketua dan pemimpin bagi ummah. Dia mengistiharkan di dalam perhimpunan umum bahawa Ali adalah maula kita. Setelah mendoakan untuk kawannya dan mengutuk musuhnya, dia berkata Wahai Allah! [Iaitu, saya telah selesaikan tugas sebagai nabi] Pada peristiwa ini seorang muda yang kacak dan harum baunya sedang duduk disebelahku. Dia berkata kepadaku, 'Sesungguhnya, Nabi Allah telah mengikatkan dengan perjanjian yang mana tiada siapa melainkan si hipokrit yang akan melanggarnya. Maka Umar! Jagalah dari melanggarnya.'' Saya memberitahu nabi Allah bahawa apabila dia sedang berucap pada orang ramai, seorang muda yang kacak, dan harum yang duduk disebelah saya telah mengatakan yang sedemikian kepada saya. Nabi berkata: 'Dia bukan dari keturunan Adam, dia adalah Jibril [yang menyerupai] Dia hendak menekankan pada maksud yang saya telah hebahkan mengenai Ali.'

Sekarang saya ingin mencari keadilan dari kamu, adakah wajar bagi mereka untuk melanggar perjanjian yang utuh dengan nabi Allah dalam tempuh dua bulan, iaitu melanggar perjanjian yang telah diberkan kapada Ali, membakar rumahnya, menghunuskan pedang kepadanya, memalukannya, mengheretnya kemasjid dan memaksakan bai'ah keatannya?

Hafiz: Saya tidak menjangkakan orang yang dihormati dan seorang Seyyed seperti kamu akan menyifatkan sahabat nabi bagi keduniaan. Nabi mengistiharkan mereka sebagai petunjuk kepada ummah apabila dia mengatakan: 'Sahabat saya adalah umpama bintang; jika kamu mengikuti mana-mana satu dari mereka, kamu akam mendapat petunjuk.'

HADITH PADA 'MENGIKUTI SAHABAT' TIDAK SAHIH.

Shirazi: Pertama saya lebih suka jika kamu tidak mengulang-ulangi perkara yang sama. Kamu baru saja berhujah dari hadith yang sama dan saya telah

memberikan jawapannya. Para sahabat, adalah seperti mereka yang lainnya, tidak ma'sum. Jika telah terbukti bahawa mereka tidak ma'sum, mengapa hendak dihairankan, dengan adanya bukti yang nyata, keduniaan itu disifatkan kepada mereka?

Kedua; supaya dapat membersihkan fikiran kamu, saya sekali lagi akan menjawabnya, supaya kamu tidak akan bergantung pada hadith yang sedemikian lagi dimasa yang akan datang. Menurut dari penyelidikkan ulama kamu yang terkenal bahawa hadith ini tidak boleh dipercayai, sebagaimana saya nyatakan terdahulu. Qazi Ayaz Maliki menyebut dari ulama kamu yang terkenal bahawa penyampai hadith ini termasuk nama orang yang jahil seperti Harith bin Qazwin dan Hamza bin Abi Hamza Nasibi, yang telah didapati sebagai pendusta, hadith ini tiada nilai pada menyebutnya.

Juga Qazi Ayaz di dalam Sharh-e-Shifa dan Baihaqi di dalam Kitab, telah mengistiharkan hadith ini sebagai palsu dan telah menganggap puncanya sebagai tidak boleh dipercayai.

DIALOG SUNNI-SHIA

SEBAHAGIAN SAHABAT ADALAH HAMBA KEPADA NAFSUNYA DAN BERPALING DARI KEBENARAN.

Ketiga saya tidak pernah mengatakan sesuatu yang tidak sopan, saya hanya mengatakan apa yang telah ditulis oleh ulama kamu. Saya nasihatkan kamu supaya membaca Fazil Taftazani's Sharh-e-Maqasid, yang mana dia menyatakan dengan jelas bahawa terdapat banyak ketika dimana diantara para sahabat bermusuhan, ini telah menunjukkan bahawa sebahagian dari mereka telah menjadi keji dan zalim. Maka pada kami manusia tidak perlu dihormati hanya kerana mereka sahabat nabi. Kehormatan yang sebenarnya terletak pada amalan dan peribadi mereka. Jika mereka tidak tergolong di dalam hipokrit tetapi sebaliknya yang patuh dan taat kepada nabi, mereka tentulah dimuliakan dan dihormati. Kami akan meletakkan debu dikaki mereka pada mata kami.

Maka, kamu orang-orang yang adil, adakah kamu mengatakan bahawa banyak hadith di dalam buku kamu yang dipercayai mengenai memerangi Amirul Mukminin Ali [sebagai contoh yang nabi katakan: 'memerangi Ali adalah memerangi aku.'] adalah semuanya tidak berasas? Atau adakah kamu mengaku bahawa hadith ini benar sahih?

Adakah tidak ianya dirakamkan dengan punca yang dipercayai oleh ulama kamu yang terkenal. Kita tidak perlu menyatakan bahawa hadith ini telah dirakamkan oleh ulama shia dengan penerimaan semua, di dalam semua buku mereka. Jika kamu terima hadith ini, kamu hendaklah mengakui bahawa ramai sahabat adalah

pelampau dan keji, sebagaimana Muawiya, Amar ibn As, Abu Huraira, Samra bin Jundab, Talha, Zubair; kesemua mereka bangun menentang Ali, yang sebenarnya mereka telah bangun menentang nabi sendiri.

Dan oleh kerana mereka menentang nabi, maka pastinya mereka telah menyimpang dari jalan yang benar. Dari itu jika kami katakan bahawa sebahagian dari para sahabat adalah hamba kepada nafsunya, kami tidaklah salah, kerana apa yang kami katakan adalah benar. Selain itu bukan kami sahaja yang mengatakan sebahagian sahabat adalah kaji, zalim dan pelampau. Kami asaskan pendirian kami dari pengesahan ulama agung kamu.

PANDANGAN IMAM GHAZALI MENGENAI SAHABAT YANG MELANGGAR BAI'AH YANG DIBUAT PADA HARI GHADIR-E-KHUM.

Jika kamu selidiki Sirru'l-Alamin, disusun oleh Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Ghazali Tusi, kamu tidak akan membantah kepada apa yang saya katakan. Saya bagaimanapun terpaksa menyebutkan sebahagian dari kenyataannya yang keempat di dalam menyokong kenyataan saya. Dia mengatakan: 'Bukti dan hujah menjadi jelas, dan terdapat sebulat suara penerimaan diantara muslim mengenai teks pada ucapan di hari Ghadir-e-khum, bahawa nabi berkata: 'Sesiapa sahaja saya maulanya, Ali adalah maulanya.' Kemudian Umar terus berkata, 'Tahniah kepadamu, tahniah kepadamu, Wahai Abu Hasan! Kamu adalah ketua aku dan juga ketua bagi yang beriman lelaki dan wanita.'

Tahniah serupa ini dengan jelas menunjukkan pada pengesahan arahan dari nabi, dan penerimaan ketua dan pemimpinnya Ali. Tetapi kemudian mereka telah dikalahkan oleh kehendak dunia mereka. Cinta kepada kuasa dan pemerintahan telah menghalang mereka dari taat. Mereka melantik bagi diri mereka khalifa di saqifa-e-bani-Saada. Mereka hendak menaikkan bendera kekuasaan mereka dan menakluk wilayah supaya nama mereka akan dikekalkan dalam sejarah. Mereka telah mabuk dengan nafsu untuk berkuasa. Mereka mengabaikan perintah al-Quran, dan juga arahan nabi. Mereka menjual agama untuk dunia. Apakah jenis perniagaan yang mereka lakukan dengan Allah.

Apabila nabi diranjang kematiannya, dia meminta pena dan dakwat supaya dia dapat memperjelaskan isu penggantinya. [Semoga Allah mengampunkan saya kerana mengatakannya], tetapi Umar berkata, 'Tinggalkan orang ini. Dia berkata yang bukan-bukan.' Maka apabila al-Quran dan hadith tidak boleh menolong mereka, justru itu mereka bergantung kepada ijma. Tetapi ini juga batal, kerana Abbas, dan keturunannya, Ali serta isterinya dan juga keturunan mereka tidak bersama dengan mereka yang memberikan bai'ah kepada Abu Bakr. Begitu juga, orang-orang saqifa menolak bai'ah kepada Kharaji, dan puak Ansar menolak mereka juga.

Hadirin yang dihormati, silalah ingat, shia tidak mengatakan apa-apa, melainkan apa yang ulama kamu telah nyatakan. Tetapi oleh kerana kamu benci kepada kami, kamu cuba mencari kesalahan dari apa yang kami katakan, walau bagaimana manasabah sekalipun. Kamu tidak pernah mengkritik ulama kamu, bahawasanya mengapa mereka menulis perkara yang sedemikian, dan walaupun mereka telah dedahkan apa yang sebenar dan mengesahkan semuanya pada lembaran buku sejarah.

Sheikh: Sirru'l-Alamin bukan ditulis oleh Imam Ghazali. Kedudukannya terlalu tinggi untuk menulis buku yang sedemikian dan ulama terkenal tidak percaya buku ini ditulis olehnya.

SIRRU'L-ALAMIN ADALAH BUKU KARANGAN IMAM GHAZALI.

Shirazi: Kebanyakkan dari ulama kamu telah mengakui bahawa buku ini adalah penulisan Imam Ghazali. Yusuf Sibt Ibn Jauzi amat berhati-hati terhadap rujukkan kepada para ilmuan yang lain [dan juga seorang fanatik agama] Di dalam Tadhkira Khawasu'l-Umma, ms 36, dia berhujah dari kenyataan yang sama oleh Imam Ghazali di dalam Sirru'l-Alamin, dan menyebutkan rangkap yang sama yang telah saya sebutkan tadi. Oleh kerana tidak ada ulasan yang diberikan mengenainya, ini menunjukkan bahawa dia mengeshkan bahawa buku itu telah ditulis oleh Imam Ghazali.

Kedua; dia juga bersetuju dengan pandangannya, yang saya telah katakan secara ringkas, walaupun dia sendiri mengatakan dengan lebih khusus. Jika dia tidak setuju pasti dia telah mengulas [komen] mengenainya. Kebiasaan bagi ulama fanatik kamu, apabila mereka menemui kenyataan yang sedemikian dari ilmuan yang terkenal, dan mendapati diri mereka tidak dapat menolaknya secara logik, sama ada mereka katakan buku itu bukan ditulis oleh pengarang tersebut, atau itu adalah sesuatu yang direka oleh shia. Atau mereka kadang kala melampaui sehingga mengatakan bahawa orang itu keji atau kafir.

RUJUKAN KEPADA STATUS IBN IQDA.

Terdapat bukti bahawa banyak ulama kamu yang terkenal telah didakwa hanya kerana mereka mengatakan yang benar. Ulama yang fanatik dan mereka yang jahil dari golongan kamu menganggapnya haram membaca buku yang tidak disahkan [oleh mereka]. Pengarang bagi kerja-kerja tersebut telah dihukum mati sebagaimana Hafiz Ibn Iqda Abu'l-Abbas Ahmad bin Muhammad Bin Sa'id Hamadani yang mati pada 303 Hijrah. Dia adalah seorang ulama terkenal. Ramai ilmuan yang mashor dari golongan kamu seperti Dhahabi dan Yafi'i, telah mengakui kewibawaan dia, dan berkata bahawa dia telah belajar 300 000 hadith bersama dengan puncanya dan dia adalah seorang yang wara'.

Pada perhimpunan umum diKufa dan Baghdad di dalam abad ketiga Hijrah, dia secara terbuka menyampaikan kegagalan kedua sheikh [Abu Bakr dan Umar]. Makanya dengan itu manusia telah memanggilnya Rafizi dan menghalang dari menyebutkan hadith darinya. Ibn Kathir Dhahabi dan Yafi'I menulis mengenai dia: 'Sheikh Ibn Iqba duduk di dalam masjid Basra [masjid yang terkenal diantara Baghdad dan Kazimain] dan menyebutkan kegagalan dan kekurangan kedua sheikh [Abu Bakr dan Umar] kepada manusia. Atas sebab ini hadith yang disampaikannya telah ditolak. Jika tidak, tiada keraguan mengenainya sebagai seorang yang benar dan wara'. Al-Khatib Baghdadi juga memujinya di dalam 'Tarikh' nya tetapi pada penghujungnya dia berkata: 'Oleh kerana dia menerangkan kekurangan dan kekejian keud sheikh, dia adalah Rafizi.'

Maka kamu semua janganlah menganggap bahawa hanya shia sahaja yang hendak mendedahkan kebenaran. Ulama kamu yang agung juga seperti Imam Ghazali dan Ibn Iqba pernah menunjukkan kecacatan kepada diri ketua sahabat.

RUJUKAN PADA KEMATIAN TABARI.

Disetiap era sejarah, terdapat banyak peristiwa dimana ulama telah disiksa atau dituduh pada sebab ucapan atau penulisan mereka yang benar. Sebagai contoh pengulas dan ahli sejarah yang terkenal Muhammad Ibn Jarir Tabari, yang menjadi kebanggaan ulama kamu, mati pada tahun 310 Hijrah di Baghdad. Tetapi oleh kerana pihak berkuasa takut akan terjadinya kekacauan umum, mereka enggan membenarkan kerandanya di bawa keluar pada waktu siang. Secara terpaksa dia telah dikebumikan di dalam rumahnya pada waktu malam.

PEMBUNUHAN NASA'I.

Satu lagi insiden adalah pembunuhan terhadap Imam Abdu'r-Rahman Ahmad Ibn Ali Nisa'i'. Dia adalah seorang yang mulia dan salah seorang Imam Sahih Sitta [enam buku sahih] Dia tergolong pada golongan ulama kamu yang berkedudukan tinggi di dalam abad ke 3 Hijrah. Apabila dia sampai di Damascus pada tahun 303 Hijrah; dia melihat bahawa, disebabkan oleh Bani Umayya, penduduk kawasan itu secara terbuka menghina nama Amirul Mukminin Ali Ibn Abi Talib setelah selesai solat wajib, terutama di dalam ucapan pada solat berjamaah. Dia amat terharu melihat kejadian ini dan dia membuat keputusan untuk mengumpul semua hadith nabi yang memuji Amirul Mukminin dengan rantaian sampai kepada pada puncanya, semuanya yang dia boleh ingat. Dengan itu dia menulis sebuah buku, Khasa'isu'l-Alawi, pada menyokong kedudukan dan kemuliaan Ali. Dia pernah membacakan kepada manusia dari atas mimbar hadith dari bukunya, pujian kepada Imam yang suci.

Satu hari apabila dia sedang menyampaikan ketinggian kedudukan dan kemuliaan Ali, sekumpulan pengganas fanatik telah menarik dia dari mimbar dan

memukulnya. Mereka menumpukan pukulan mereka di kemaluannya, mengheret dia keluar dari masjid dan mencampakkannya dijalanan. Akibat dari kecederaan ini dia meninggal dunia beberapa kemudian. Jasadnya di bawa ke Makah dan dikebumikan disana. Kejadian ini adalah disebabkan oleh kebencian dan kejahilan.

Sekarang ma'afkan saya kerana telah melencong sedikit dari titik perbincangan. Apa maksud saya adalah kedudukan wazir Amirul Mukminin tidak sahaja dirakamkan oleh ulama shia; Malah ulama kamu yang terkenal juga menyatakan bahawa nabi di hadapan 70 000 atau 120 000 orang, mengangkat tangan Ali dan memperkenalkan dia sebagai Imam [ketua dan petunjuk] kepada ummah.

KESANGSIAN SUNNI MENGENAI PENGERTIAN MAKSUD MAULA.

Hafiz: Memang benar, tidak dinafikan mengenai peristiwa dan Nas dari hadith, tetapi pada masa yang sama ia tidak mempunyai tujuan kepada maksud yang kamu dengan bahasa yang fasih telah mengutarakan.

Selain dari itu, terdapat keraguan mengenai teks pada hadith itu. Sebagai contoh, perkataan 'maula' kamu memberitahu kami maksudnya , 'Tiada sesiapa yang mempunyai tuntutan yang lebih pada yang lain,' walaupun telah diketahui dalam hadith ini 'maula' bererti 'cinta, penolong dan kawan' Nabi tahu bahawa Ali mempunyai banyak musuh, maka baginda hendak menerangkan kepada manusia bahawa sesiapa yang baginda cintai, atau sahabat baginda, atau baginda menolong dia, maka Ali juga cintakan dia, juga sahabat dia dan juga penolong. Sebab mengapa dia memintakan perjanjian dari manusia adalah bahawa dia tidak mahu manusia membuat kesulitan kepada Ali.

Shirazi: Saya fikir kadang kala kamu tidak sepatutnya mengguna pakai tabiat orang-orang terdahulu kamu. Jika kamu meneliti fakta itu dengan cermat, kebenaran isu itu akan kelihatan lebih jelas.

Hafiz: Apakah faktanya yang membuktikan maksud pandangan kamu? Sila beritahu kami.

MAKSUD MAULA SEBAGAI 'PETUNJUK', 'KETUA', DI DALAM KETERANGAN AYAT YA AYYUHA'R-RASUL BALIGH

Shirazi: Bukti yang pertama adalah al-Quran dan wahyu pada ayat: 'Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang telah disampaikan kepada mu dari Tuhan mu; dan jika kamu tidak laksanakan, maka kamu tidak menyampaikan pengkhabaranNya, dan Allah akan memelihara kamu dari manusia.' [5:67]

Hafiz: Bagaimana kamu boleh mengatakan bahawa ayat ini telah diwahyukan pada hari tersebut dan untuk tujuan itu?

Shirazi: Kesemua ulama kamu yang terkenal telah menermanya: Jalalu'd-din Suyuti: Durru'l-Mansur; jilid II, ms 298; Hafiz Ibn Abi Hatim Razi: Tafsir-e-Ghadir; Hafiz Abu Ja'far Tabari: Kitabu'l-Wilaya; Hafiz Abu Abdullah Mahamili: Amali; Hafiz Abu Bakr Shirazi: Ma Nazala mina'l-Qur'an Fi Amiri'l-Mu'minin; Hafiz Abu Sa'id Sijistani: Kitabu'l-Wilaya; Hafiz Ibn Mardawiyya: Tafsir-e-Ayah; Hafiz Abu'l-Qasim Haskani: Shawahidu't-Tanzil; Abu'l-Fatha Nazari: Khasa'isu'l-Alawi; Mu'inu'd-din Meibudi: Sharh-e-Diwan; Qazi Shekani: Fathu'l-Ghadir, jilid III, ms 57; Seyyed Jamalu'd-din Shirazi: Arba'in; Badru'd-din Hanafi: Umdatu'l-Qari Fi Sharh-e-Sahih Bukhari, jilid 8, ms 584; Ahmad Tha'labi: Tafsir Kashfu'l-Bayan; Imam Fakhru'd-din Razi: Tafsir-e-Kabir, jilid III, ms 636; Hafiz Abu Nu'aim Ispahani: Ma nazala mina'l-Qur'an Fi Ali; Ibrahim Bin Muhammad Hamwaini: Fara'idu's-Simtain; Nizamu'd-din Nishapuri: Tafsir, jilid VI, ms 170; Seyyed Shahabu'd-din Alusi Baghdadi: Ruhu'l-Ma'ani, jilid II, ms 348; Nuru'd-din Bin Sabbagh Maliki: Fusulu'l-Muhimma, ms 27; Ali Bin Ahmad Wahidi: Asbabu'n-Nuzul, ms 150; Muhammad Bin Talha Shafi'i: Matalibu's-Su'ul, ms 16; Mir Seyyed Ali Hamadani Shafi'i: Mawadda V from Mawaddatu'l-Qurba; Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi: Yanabiu'l-Mawadda, Bab 39.

Dipendekkan sejauh yang saya tahu, 30 dari ulama kamu telah menulis di dalam buku sahih mereka dan di dalam ulasan mereka terhadap ayat al-Quran yang diwahyukan pada hari Ghadir-e-Khum yang mengenai Amirul Mukminin Ali. Bahkan Qai Fazl bin Ruzbahan, miskipun dengan segala fanatiknya, telah menulis: 'Sesungguhnya telah dibuktikan di dalam buku sahih bahawa apabila ayat ini diwahyukan; Nabi memegang tangan Ali sambil berkata: 'Kepada sesiapa saya adalah maulanya, ini Ali juga adalah maulanya.'

Bagaimanapun adalah sungguh memeranjatkan orang fanatik yang sama Qazi di dalam buku Kashf Ghumma memberikan kenyataan yang aneh dari Razi bin Abdullah: 'Di dalam masa nabi, kami biasa membaca ayat ini: 'Wahai nabi Kami [Muhammad] sampaikanlah apa yang telah disampaikan kepada kamu dari Tuhan mu, iaitu, Ali adalah ketua bagi orang yang beriman. Jika kamu tidak; maka kamu tidak sampaikan pengkhabaranNya.'

Juga Suyuti di dalam Durru'l-Mansur dari Ibn Mardawiyya, Ibn Asakir dan Ibn Abi Hatim dari Abu Sa'id Khadiri, Abdullah Ibn Mas'ud (salah seorang penulis wahyu) dan Qazi Shukani di dalam Tafsir-e-Fathu'l-Ghadir; menyampaikan bahawa pada masa nabi mereka juga membaca ayat itu dengan cara yang sama.

Dipendekkan, amaran yang terkandung di dalam ayat itu berbunyi: 'Jika kamu tidak melakukannya [adalah seumpama] kamu tidak menyampaikan pengkhabaranNya [sama sekali]... ' menunjukkan bahawa pengkhabaran dimana nabi telah diarahkan untuk disampaikan adalah terlalu amat penting. Ianya adalah sesuatu yang penting pada menyempurnakan kanabian itu sendiri. Makanya isu itu adalah yang berkenaan dengan Imami, pengalihan kuasa kepada seorang yang akan memandu ummah di dalam jalan islam setelah wafatnya nabi.

WAHYU AYAT ‘PADA HARI INI AKU TELAH SEMPURNAKAN UNTUK KAMU AGAMA KAMU’ DI GHADIR-E-KHUM’.

Kedudukan kedua yang membuktikan pandangan saya adalah wahyu ayat: ‘Hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan dicukupkan nikmat keatas kamu dan telah memilih untuk kamu islam sebagai agama.’ [5:3]

Hafiz: Tetapi ianya adalah fakta yang telah diterima bahawa ayat ini telah diwahyukan pada hari Arafa, dan tidak ada satu ulama yang mengatakan bahawa ianya telah diwahyukan pada hari Ghadir.

Shirazi: Saya meminta kamu janganlah terburu-buru pada menafikan fakta ini. Ya sudah tentu, saya mengaku sebahagian dari ulama kamu telah mengatakan bahawa ayat ini telah diwahyukan pada hari Arafa, tetapi ramai dari ulama terkenal kamu juga mengatakan bahawa ianya diwahyukan pada hari Ghadir. Juga sebahagian dari mereka mempunyai pandangan bahawa mungkin ayat ini diwahyukan dua kali, sekali di Arafa dan sekali lagi di Ghadir.

Menurut, Sibt Ibn Jauzi telah berkata di dalam Khawasu’l-Umma, ms 18: ‘Ada kemungkinan bahawa ayat ini telah diwahyukan dua kali, sekali pada hari Arafa dan sekali pada hari Ghadir-e-Khum, sebagaimana ayat: ‘Dengan nama Allah, maha pemurah, maha pengasih’ telah diwahyukan dua kali, sekali di Makah dan sekali lagi di Madina.

Ulama kamu yang dipercayai seperti, Jalalu’d-din Suyuti di dalam Durru’l-Mansur, jilid II, ms 256 dan Itqan, jilid I, ms 31; Imamu’l-Mufassirin Tha’labi di dalam Kashfu’l-Bayan; Hafiz Abu Nu’aim Ispahani di dalam Ma Nusala Mina’l-Qur’an Fi Ali; Abu’l-Fatha Nazari di dalam Khasa’isu’l-Alawi; Ibn Kathir Shami di dalam Tafsir, jilid II, ms 41, di ikuti oleh Hafiz Ibn Mardawiyya: Muhammad Bin Jarir Tabari, ulama, pengulas dan ahli sejarah abad ke 3rd Hijrah di dalam Tafsir-e-Kitabu’l-Wilaya; Hafiz Abu’l-Qasim Haskani di dalam Shawahid-ut-Tanzil; Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira-e-Khawasu’l-Umma, ms 18; Abu Ishaq Hamwaini di dalam Fara’id-us-Simtain, Bab XII; Abu Sa’id Sijistani di dalam Kitabu’l-Wilaya; Al-Khatib-e-Baghdadi di dalam Ta’rikh-e-Baghdad, jilid VIII, ms 290; Ibn Maghazili Faqih Shafi’i di dalam Manaqib, Bab XIV dan Maqtalu’l-Husain, bab IV; semua telah menulis bahawa pada hari Ghadir-e-Khum nabi melantik Ali dengan arahan tuhan kepada kedudukan wilaya [wazir]. Dia memberitahu ummah apa yang telah diarahkan kepadanya untuk mengatakan mengenai Ali, dan dia telah mengangkat tangan Ali dengan tinggi sehingga warna putih pada ketiaknya kelihatan. Maka dia berkata kepada ummah: ‘Hormati Ali kerana dia adalah amir [ketua] orang yang beriman. Seluruh kommuniti patuh kepada arahannya. Mereka belumpun bersurai dari sesama mereka apabila ayat itu diwahyukan.’

Nabi amat gembira dengan diwahyukan ayat tersebut. Maka ketika berucap

kepada manusia, dia berkata: ‘Allah maha besar, Dia yang telah sempurnakan bagi mereka agamanya dan telah mencukupi rahmatnya keatas mereka dan ridha dengan kenabian ku dan wazirnya Ali sesudah ku.’

Imam Haskani dan Imam Ahmad bin Hanbal telah memberikan secara mendalam peristiwa ini. Jika kamu, hadirin yang dihormati, telah meninggalkan pendapat kamu yang terdahulu dalam perkara ini; kamu pasti akan memahami ayat suci ini dan juga hadith, yang menunjukkan perkataan ‘maula’ bererti wali [ketua] iaitu seorang yang mempunyai kuasa diatas yang lain.

Jika ‘maula’ atau ‘wali’ tidak bererti ‘orang yang mempunyai kuasa diatas yang lain’ maka rangkap yang akhir ‘selepas aku’ tidak mempunyai makna. Dan ayat ini, yang mana nabi telah ucapkan dari lidahnya yang suci, membuktikan ‘maula’ dan ‘wali’ bererti ‘orang yang punyai kuasa lebih diatas yang lain’ kerana dia berkata bahawa kedudukan itu diberkan khusus kepada Ali selepas dia.

Ketiga kamu hendaklah memikirkan keadaan disitu. Dipadang pasir yang panas, dimana tidak terdapat sebarang pelindungan untuk mereka, nabi mengumpulkan seluruh ummah. Manusia berselindung disebalik unta mereka, dengan kaki mereka tertutup dari bahang mata hari yang membakar. Dalam keadaan begini nabi memberikan ucapan yang panjang, yang mana Khawarizmi dan Ibn Mardawiyya di dalam Manaqib, dan Tabari di dalam Kitabu’l-Wilaya, dan yang lain juga telah nyatakan. Adakah termasuk difikiran kamu bahawa nabi memerlukan ribuan pengikutnya untuk menghabiskan masa tiga hari, dipadang pasir yang panas membakar untuk mereka memberikan bai’ah kepada Ali, hanya sekadar untuk menunjukkan bahawa dia adalah seorang kawan? Yang nyatanya tidak ada satu orang dari seluruh kommuniti yang tidak tahu betapa rapatnya diantara nabi dan Ali atau yang tidak pernah dengar mengenai dia [sebagaimana saya telah tunjukkan dahulu] Ayat al-Quran yang dipersoalkan ini telah diwahyukan kali kedua, terutama dikeadaan yang berlainan dan dengan arahan yang lebih serius sehingga manusia perlu diletakkan di dalam keadaan yang tidak menyenangkan dan tertanya-tanya, mustahil ini semua sekadar untuk mengatakan Ali adalah seorang kawan. Sama ada tindakkan nabi dimaksudkan pada menunjukkan betapa petingnya duduk perkara atau satu senda gurau. Dan pastinya nabi adalah bebas dari tindakkan yang sia-sia.

Adalah wajar untuk merumus bahawa segala peraturan itu telah dibuat bukan sekadar untuk menunjukkan kapada manusia bahawa mereka harus menjadi kawan Ali. Peristiwa itu menandakan berakhirnya pengkhabaran rasul; dan tertubuhnya Imami, punca petunjuk bagi ummah selepas wafatnya nabi.

PANDANGAN SIBT IBN JAUZI MENGENAI MAKSUD ‘MAULA’

Sebahagian dari ulama kamu yang terkenal telah mengakui bahawa maksud

utama ‘maula’ adalah ‘ketua’ Diantara mereka, Sibt Ibn Jauzi, telah memberikan 10 maksud perkataan tersebut di dalam Tadhkira-e-Khawas, Bab II, ms 20, berkata bahawa tidak ada satu perkataan melainkan yang ke 10, menyamai dengan apa yang dimaksudkan oleh nabi. Dia berkata: ‘Hadith itu khusus bermakna taat; maka maksud yang ke 10 adalah betul, dan ianya bererti ‘ketua diatas yang lain’ Makanya hadith itu bermaksud ‘dari sesiapa sahaja saya maulanya, Ali adalah juga maulanya.’

Di dalam buku Maraju’l-Bahrain Hafiz Abdu’l-Faraj Yahya Bin Sa’id Saqafi menghuraikan dengan maksud yang sama. Dia menyampaikan hadith ini dari puncanya sendiri dari ketuanya, yang mengatakan bahawa nabi memegang tangan Ali dan berkata: ‘Dari sesiapa sahaja saya adalah wali atau ketua diatas dirinya, Ali adalah juga walinya atau ketua diatas dirinya.’

Sibt Ibn Jauzi berkata: ‘Kata-kata nabi bahawa Ali mempunyai kuasa atau ketua diatas diri semua yang beriman dengan jelas membuktikan Imami atau wazir bagi Ali, dan patuh kepadanya adalah wajib.’

PANDANGAN IBN TALHA SHAFII MENGENAI MAKSUD ‘MAULA’

Muhammad bin Talha Shafii di dalam Matalibus-Suul di bahagian tengah pada bab V, ch 1, ms 16, telah berkata bahawa perkataan maula mempunyai banyak maksud, sebagai contoh: Ketua, penolong, pengganti, yang benar, pemimpin. Dia kemudian mengatakan bahawa hadith ini mempunyai pengertian yang dalam bagi ayat Mubahila [3:61] Di dalamnya Allah telah memanggil Ali sebagai ‘diri’ nabi. Tidak ada perpisahan diantara diri nabi dengan diri Ali, kerana Dia telah mencantumkan keduanya dengan gantinama yang merujuk kepada nabi.

Muhammad bin Talha menambah: ‘Di dalam hadith ini nabi menunjukkan bahawa apa sahaja ketentuan bagi diri yang beriman terhadap diri nabi, begitulah juga adanya pada diri Ali. Sebagaimana nabi adalah ketua bagi yang beriman di dalam semua perkara, penolong, ketua, pemimpin – semua ini menjelaskan pada maula – makanya mengikuti itu semua maksudnya kepada Ali juga. Dan ini adalah kedudukan yang tinggi, paling tinggi yang diperuntukkan khas bagi Ali. Atas sebab inilah hari Ghadir adalah hari eid [hari raya] dan hari bersuka ria bagi pencinta dan sahabat Ali.

Hafiz: Dari sudut pandangan kenyataan kamu, perkataan ‘maula’ mempunyai banyak maksud, adalah salah untuk kita merumuskan bahawa ianya digunakan pada menunjukkan satu maksud bererti ‘ketua’ sahaja sehingga mengenepikan maksud-maksud yang lain.

Shirazi: Tentu kamu sedar akan asas prinsip pelajaran yang mana satu perkataan mungkin mempunyai banyak maksud, tetapi ianya hanya mempunyai satu

maksud asas dan darinya maksud yang lain didapati. Maksud asas bagi perkataan ‘maula’ atau wali adalah ketua. Sebagai contoh wali nikah bererti seorang yang bertindak sebagai pesuruhjaya [kuasa wakil] atau yang diamanahkan. Wali bagi wanita adalah suaminya, wali bagi kanak-kanak adalah bapanya, yang mempunyai sepenuh kuasa diatasnya. Wali ahd [keturunan] raja bermaksud ‘sesaorang yang mempunyai kuasa memerintah tidak boleh dinafikan haknya jika dia hidup lebih lama dari keturunannya.’

Selain dari itu, bantahan kamu memantul [berpatah] semula kepada kamu, mengapa kamu telah menghadkan maksudnya kepada ‘kawan’ dan ‘penolong’ sedangkan ia mempunyai banyak maksud. Maka penentuan maksudnya tanpa mempunyai bantahan yang khusus maka ditolak. Bantahan yang kamu buat kembali kepada kamu dan bukan kepada kami kerana maksud yang kami tentukan adalah bukan tanpa objek tertentu. Ianya adalah ayat al-Quran, hadith dan pendapat ulama, kesemuanya membuktikan maksud yang sama, seperti yang kami telah berikan. Diantaranya adalah penjelasan dari ulama kamu seperti Sibt Ibn Jauzi, Muhammad Ibn Abi Talha Shafii yang telah berikan mengenai maksudnya. Lebih-lebih lagi ianya dinyatakan di dalam jumlah hadith yang banyak dari kedua-dua punca shia dan sunni yang ayat suci itu berbunyi: ‘wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan mu, mengenai wilaya Ali dan dia sebagai ketua orang beriman.’

Jalalud-Din Suyuti, seorang ulama kamu telah mengumpulkan hadith-hadith ini di dalam bukunya Durrul-Mansur.

HUJAH ALI BERDASARKAN HADITH GHADIR DI DALAM MASJID KUFA.

Jika hadith ini dan perkataan maula bukannya bukti terhadap Imam dan khalifanya Ali, Amirul Mukminin tentu tidak berulang-kali berhujah darinya. Bahkan di dalam komiti Perunding dia merujuk kepadanya sebagai bukti terhadap Imamnya dia, sebagaimana tercatit di dalam Khatib Khawarizmi, ms 217; Ibrahim Ibn Muhammad Hamwaini di dalam Fara’id, Bab 58; Hafiz Ibn Iqda di dalam Kitabu’l-Wilaya; Ibn Hatim Damishqi di dalam Durru’n-Nazim, dan Ibn Abi’l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju’l-Balagha, jilid II, ms 61, telah merakamkannya. Yang paling penting adalah bukti yang diberikan oleh 30 para sahabat di Rahba.

Banyak dari ulama kamu yang terkenal telah menyampaikan perbincangan Ali dengan kaum muslim di Rahba-e-Kufa [diperkarangan masjid Kufa]. Berikut ini adalah sebahagian dari yang telah merakamkan kejadian itu.

Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad, bahagian 1, ms 129; Ibn Athir Jazari di dalam Asadu’l-Ghaiba, jilid III dan jilid V, ms 206 dan 276; Ibn Qutayba di dalam Ma’arif, ms 194; Muhammad bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib; Ibn Abi’l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju’l-Balagha, jilid I, ms 362; Hafiz Abu Nu’aim

Isfahani di dalam Hilyatu'l-Auliya, jilid V, ms 26; Ibn Hajar Asqalani di dalam Isaba, jilid II, ms 408; Muhibu'd-din Tabari di dalam Dhakha'ir-e-Uqba, ms 67; Imam Abdu'r-Rahman Nisa'i di dalam Khasa'isu'l-Alawi, ms 26; Allama Samhudi di dalam Jawahiru'l-Iqdain; Shamsu'd-din Jazari di dalam Asnu'l-Matalib, ms 3; Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, bab 4; Hafiz Ibn Iqda di dalamKitabu'l-Wilaya. Ali berdiri dihadapan manusia dan meminta mereka menjadi saksi mengenai apa yang mereka telah dengar nabi katakan mengenainya di Ghadir-e-Khum. 30 orang dari para sahabat, termasuk mereka yang mengambil bahagian dalam perang Badr, berdiri dan berkata bahawa mereka melihat pada hari Ghadir-e-Khum nabi memegang tangan Ali dan berkata kepada manusia: 'Tahukah kamu aku mempunyai hak yang lebih diatas diri orang yang beriman dari mereka terhadap nyawa mereka sendiri?' Semua mereka menjawab,'Ya' Kemudian nabi berkata: 'Dari siapa saya maulanya, ini Ali adalah maulanya.'

BENCANA TERHADAP MEREKA YANG TIDAK MENGESAHKAN HADITH GHADIR.

Dari di dalam perhimpunan ini hanya tiga orang yang tidak menjadi saksi terhadap peristiwa tersebut. Seorang dari mereka adalah Anas bin Malik, yang mengatakan bahawa dia telah menjadi lemah ingatan disebabkan tua dan telah lupa segalanya. Ali kutuk ketiga-tiga mereka. Beliau berkata: 'Jika kamu berdusta, semoga Allah memberi kamu dengan kusta, yang mana serban kamu tidak dapat menutupnya.' Belumpun sempat Anas bangun dari tempat duduknya penyakit kusta telah kelihatan pada tubuhnya. [Menurut dari sebahagian kenyataan dia menjadi buta dan tempang]

HUJAH KEEMPAT: 'TIDAKKAH AKU MEMPUNYAI HAK YANG LEBIH DIATAS KAMU DARI DIRI KAMU SENDIRI.'

Shirazi: Keempat; cara hadith itu disampaikan dengan sendirinya membuktikan bahawa perkataan 'maula' bererti 'ketua' Nabi pada ucapannya di Ghadir, bertanya kepada manusia: 'Tidakkah aku mempunyai hak yang lebih diatas diri kamu dari diri kamu sendiri.' Ini merujuk kepada perkataan al-Quran: 'Nabi mempunyai lebih hak diatas yang beriman dari mereka terhadap diri mereka sendiri.' [33:6]

Lebih-lebih lagi terdapat hadith yang dipercayai di dalam buku kedua golongan yang telah merakamkan bahawa nabi berkata: 'Tidak ada diri yang beriman yang mana aku mempunyai lebih hak padanya didunia ini dan juga diakhirat, dari dia pada dirinya sendiri. Kesemua mereka berkata dengan satu suara bahawa baginda mempunyai hak yang lebih diatas mereka dari mereka diatas diri mereka sendiri. Selepas itu nabi berkata: 'Dari sesiapa saya 'maulanya', ini Ali juga 'maulanya'. Maka dari kontek ucapan ia menunjukkan bahawa nabi maksudkan 'berkuasa' atau 'ketua diatas yang lain' apabila dia menggunakan perkataan 'maula.'

Hafiz: Di dalam banyak buku tidak terdapat rekod sedemikian yang mengatakan nabi telah mengatakan perkataan itu. ‘Tidakkah aku mempunyai hak yang lebih pada kamu dari kamu diatas diri kamu sendiri?

Shirazi: Di dalam menyampaikan hadith Ghadir, penyampai telah menggunakan perkataan yang berlainan sedikit, tetapi bagi shia, dan semua ulama Ithna Ashari [12 Imam] telah berkata bahawa teks dan kontek hadith Ghadir adalah seperti yang telah disampaikan.

Dan di dalam kebanyakkan buku sahih, yang ditulis oleh ulama kamu, seperti Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkira-e-Khawasu’l-Umma, ms 18; Imam Ahmad bin Hanbal di dalam Musnad; Nuru’d-din Sabbagh Maliki di dalam Fusulu’l-Muhimma; dan yang lain yang telah menyampaikan hadith Ghadir, ayat, ‘Tidakkah aku mempunyai hak yang lebih pada kamu dari kamu diatas diri kamu sendiri’ ada terdapat padanya.

Sekarang sekadar untuk memperjelas saya sampaikan terjemahan hadith ini yang telah disampaikan oleh Imam ahli hadith, Imam Ahmad bin Hambal di dalam musnad, jilid IV, ms 281, pada pengesahan Bara’a bin Azib. Dia berkata: ‘Saya sedang berjalan dengan nabi. Kami sampai di Ghadir. Nabi memberitahu: ‘Berkumpulah untuk solat’ Adalah kebiasaan apabila sesuatu yang serius akan terjadi nabi akan mengarahkan manusia supaya berkumpul untuk solat. Apabila manusia telah brkumpul dan solat telah didirikan, nabi biasanya akan memberikan ucapan. Tempat yang khas telah disediakan untuk nabi diantara dua pokok. Setelah selesai berdoa nabi, mengangkat tangan Ali tinggi melepasi kepalanya, berkata kepada orang ramai: ‘Tahukah kamu bahawa aku adalah ketua bagi yang beriman dan mempunyai lebih hak dari mereka dari mereka diatas diri mereka sendiri?’ Semua mereka menjawab, ‘Ya, kami tahu itu.’ Baginda sekali lagi berkata: ‘Tahukah kamu bahawa aku adalah ketua bagi yang beriman dan mempunyai lebih hak dari mereka dari mereka diatas diri mereka sendiri?’ Semua mereka menjawab, ‘Ya, kami tahu itu.’ Maka nabi berkata: ‘Dari sesiapa saya ‘maulanya’, ini Ali juga ‘maulanya’ Kemudian dia berdoa kepada Allah: ‘Wahai Allah! Jadilah sahabat kepadanya yang menjadi sahabat kepada Ali, dan jadilah musuh kepadanya yang menjadi musuh kepada Ali.’ Sejurus sahaja selepas ini, Umar bin Khattab bertemu dengan Ali dan berkata: ‘Tahniah kepada kamu, Wahai anak Abu Talib! Kamu telah menjadi maula kepada semua yang beriman lelaki dan wanita.’

Juga Mir Seyyed Ali Hamadani Shafi’i di dalam Mawaddatu’l-Qurba, Mawadda V; Sulayman Balkhi di dalam Yanabi dan Hafiz Abu Nu’aim di dalam Hilya telah merakamkan hadith ini dengan sedikit perbezaan perkataan.

Hafiz Abu’l-Fatha, dari mana Ibn Sabbagh juga telah sampaikan di dalam Fusulu’l-Muhimma, telah menyampaikan hadith ini di dalam perkataan ini: ‘Wahai manusia! Allah maha besar adalah maula ku, dan aku mempunyai lebih hak diatas

kamu dari kamu diatas diri kamu sendiri. Kamu harus tahu bahawa dari sesiapa saya ‘maulanya’, ini Ali juga ‘maulanya’ Ibn Maja Qazwini di dalam Sunan dan Imam Abu Abdu’r-Rahman Nisa’i di dalam hadith (ms. 81,83,93,24) telah menyampaikan hadith ini dengan cara yang sama. Dan Zaid Ibn Arqam menulis di dalam hadithnya No. 84, bahawa nabi Allah berkata di dalam ucapannya: ‘Tidakkah kamu tahu bahawa aku mempunyai lebih kuasa diatas semua yang beriman, lelaki dan wanita, dari mereka diatas diri mereka sendiri?’ Kesemua mereka berkata: ‘Kami menjadi saksi bahawa kamu mempunyai lebih kuasa diatas yang beriman dari mereka diatas diri mereka sendiri.’ Pada ketika itu nabi berkata: ‘Dari sesiapa saya ‘maulanya’, ini Ali juga ‘maulanya’ Kemudian dia mengangkat tangan Ali. Di dalam tambahannya Abu Bakr Ahmad Bin Al-khatib Baghdadi (mati 462 A.H.), di dalam Ta’rikh-e-Baghdad, jilid 8, ms 289, 290, telah menyampaikan hadith yang lebih khusus dari Abu Huraira bahawa jika sesiapa berpuasa pada 18hb Dhul-Hijja [Hari Ghadir] dia akan mendapat ganjaran 60 bulan berpuasa. Dia kemudian merakamkan hadith yang diatas dengan cara yang sama.

SYAIR HASAN DIHADAPAN NABI.

Keadaan kelima pada membuktikan wilaya [wazir] Ali, adalah bacaan syair terhadapnya, yang Hasan bin Thabit telah bacakan dengan keizinan nabi, di dalam perhimpunan yang mana kedudukan Ali sebagai wazir telah diumumkan. Sibt Ibn Jauzi dan yang lainnya telah menulis bahawa apabila nabi mendengarkan rangkap-rangkap itu, dia berkata: ‘Wahai Hasan! Selagi kamu berterusan membantu kami atau memuji kami dengan lidah kamu, ruhul-Qudus, ruh yang suci, akan terus menyokong kamu.’

Pengulas dan juga penyampai hadith terkenal diabad keempat Hijrah, Hafiz Ibn Mardawiyya (mati 352 H.), di dalam Manaqib; Ketua Imam, Muwaffaq Bin Ahmad Khawarizmi di dalam Manaqib dan Maqtalu’l-Husain, bahagian IV; Jalalu’d-din Suyuti di dalam Risalatu’l-Azhar fi ma Aqdahu’sh-Shu’ara dan banyak lagi ulama kamu, penyampai dan juga ahli sejarah menyatakan dari Abu Sa’id Khudiri bahawa pada hari Ghadir-e-Khum, selepas ucapan nabi dan perlantikkan Ali sebagai penggantinya, Hasan bin Thabit berkata: ‘Adakah kamu mengizinkan saya membacakan beberapa rangkap syair pada peristiwa ini?’ Nabi Allah berkata: ‘Ya, bacalah dengan rahmat Allah.’ Maka dia berdiri ditempat yang ditinggikan dan terus membacakan secara sepontan rangkap-rangkap yang digubah. Maksud rangkap tersebuta adalah seperti berikut:

‘Pada hari Ghadir-e-Khum, nabi memanggil semua ummah, dan saya mendengar suaranya memanggil mereka Nabi berkata kepada manusia, ‘Siapakah maula dan wali kamu?’ Manusia menjawab dengan jelas, ‘Maula kami adalah Allah [Tuhan] dan wali kami adalah kamu [nabi] dan tiada siapa menafikan fakta ini.’ Maka nabi suci berkata kepada Ali: ‘Berdirilah! Saya merasa puas dengan kamu menjadi

Imam [wazir] dan hadi [petunjuk] selepas ku. Maka bagi siapa aku maulanya, ini Ali adalah maulanya. Dengan itu semua manusia hendaklah setia dan patuh pada menolongnya.' Kemudian nabi berdoa kepada Allah: 'Wahai Allah! Berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengannya, musuhilah mereka yang memusuhinya.'

Rangkap syair ini adalah bukti jelas pada menunjukkan fakta bahawa pada hari tersebut para sahabat nabi tidak menterjemahkan perkataan 'maula' kepada maksud yang lain melainkan 'Imam' dan bahawa Ali akan menjadi khalifa selepas nabi wafat. Jika perkataan 'maula' tidak bererti 'Imam' atau ketua diatas yang lain, nabi tentunya telah menganggu Hasan ketika dia menyebutkan baris: 'Saya berpuas hati dengan kamu menjadi Imam dan petunjuk selepas aku.' Dan akan menjelaskan bahawa dia tersalah mengerti dan bahawa baginda tidak bermaksud Ali menjadi Imam dan pengganti selepasnya dan bahawa baginda bermaksud dengan perkataan 'maula' adalah kawan atau penolong. Tetapi sebenarnya nabi telah menyokongnya dengan mengatakan 'ruhul-qudus juga akan menyokongnya' Selain dari itu nabi juga menerangkan dengan jelas kedudukan Imami atau wilaya Ali di dalam syarahannya. Kamu hendaklah meneliti syarahan nabi, yang baginda sampaikan pada hari Ghadir-e-Khum yang telah dirakamkan dengan penuh mendalam oleh Abu Jafar Muhammad Ibn Jarir Tabari [mati 310 Hijrah] di dalam bukunya Kitabul-Wilaya. Dia menulis bahawa nabi telah berkata: 'Dengar dan patuh. Sesungguhnya Allah adalah maula kamu dan Ali adalah Imam kamu. Sehingga ke hari pengadilan Imami adalah kepunyaan ahli ku, keturunan Ali.'

PARA SAHABAT MELANGGAR JANJI YANG MEREKA BUAT PADA HARI GHADIR.

Apa juga terjemahan yang kamu berikan pada perkataan 'maula', ianya adalah fakta yang telah diterima bahawa para sahabat telah membuat perjanjian kepada nabi pada hari itu. Terdapat persamaan sepenuhnya diantara kedua golongan pada tujuan ini. Jadi mengapa mereka melanggar sumpah? Walaupun jika kita anggap, untuk seketika bahawa dengan perkataan maula nabi bermaksud hanya kawan dan penolong, demi kerana Allah beritahulah kepada kami jika pada fikiran kamu bahawa persahabatan bererti membakar rumahnya, menggemparkan keluarganya, mengancamnya dengan pedang terhunus.

Nabi memberikan arahan yang jelas bahawa para sahabat hendaklah memberikan bai'ah kepada Ali. Adakah kamu fikir bahawa baginda bermaksud bahawa mereka dengan itu boleh mengancam anak menantunya? Selepas wafatnya nabi tidakkah mereka melanggar sumpah? Adakah mereka yang melanggar sumpah memenuhi, pada pendapat kamu, syarat-syarat bagi persahabatan? Adakah mereka menbaca ayat 25 surah al-Ra'd dari al-Quran? 'Dan mereka yang melanggar perjanjian Allah setelah disahkan, dan memutuskan apa yang Allah arah pada menyambungkan dan membuat kerosakkan dibumi; dan bagi mereka, keatasnya kutukan, dan mereka dapat kejahatan sebagai tempat tinggal.' [13:25]

PARA SAHABAT MELANGGAR JANJI DI UHUD, HUNAIN DAN HUDAIBIYYA.

Di dalam peperangan Uhud dan Hunain, apabila nabi telah membuat semua para sahabat berjanji bahawa mereka tidak akan lari pada hari itu, tidakkah mereka sebenarnya telah lari? Mereka lari dari medan perang dan meninggalkan nabi untuk menghadapi musuh. Ini telah dirakamkan oleh ahli sejarah kamu seperti Tabari, Ibn Abil-Hadid dan Ibn A'same Kufi. Tidakkah ini melanggar sumpah setia?

Saya bersumpah dengan Allah bahawa kamu dengan tanpa sebab mencari kesalahan pada shia apabiala kami menyebutkan apa yang ulama dan ahli sejarah kamu yang terkenal telah katakan.

SHIA HANYA MENGUTUK PARA SAHABAT YANG BERBUAT KEJI.

Saya tidak faham mengapa kamu menyerang kami untuk bergenerasi lamanya. Apa sahaja yang kamu tulis diterima, tetapi jika kami tulis apa yang telah ditulis oleh ulama sunni yang agung, kami akan dilebel sebagai kafir kerana mengkritik ketidakadilan sebahagian para sahabat.

Jika kritikan pada sahabat bererti Rafizi, maka yang jelas mereka semua adalah Rafizi, kerana kesemua mereka mengkritik satu sama lain diatas amalan yang keji. Bahkan Abu Bakr dan Umar melakukannya.

Sebahagian dari para sahabat nabi adalah yang beriman dan wara' dan sangat dihormati. Yang lain menurutkan kehendak nafsu dan terkutuk. Jika kamu mahukan bukti sejarah terhadap fakta ini, saya mengsyorkan bahawa kamu membaca Ibn Abi'l-Hadid's Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV, ms 454, 462, dan meneliti secara mendalam jawapan Zaidi kepada bantahan Abu'l-Ma'ali Juwaini's, yang mana Abu Jafar Naqib telah rakamkan. Maka kamu akan mengetahui berapa banyak pertentangan terdapat dikalangan para sahabat, yang mana sebenarnya mereka mengutuk sesama sendiri sebagai keji dan kafir.

PARA SAHABAT LARI DI HUDAIBIYYA.

Di dalam catitannya pada peristiwa Hudaibiyya, Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh-e-Nahjul-Balagha, dan yang lain dari ahli sejarah kamu telah menulis bahawa setelah persetujuan perjanjian ditanda tangani, kebanyakkan dari para sahabat, termasuk Umar bin Khattab menyatakan kemarahan mereka mengenai syarat perjanjian tersebut. Mereka memberitahu nabi bahawa mereka tidak berpuas hati dengan keamanan dan mahukan berperang. Nabi berkata kepada mereka: 'Tidakkah aku mengenali kamu! Bukankah kamu juga orangnya yang ketakutan di dalam peperangan Badr, sehingga Allah menurunkan malaikatnya untuk membantu! Tidakkah kamu, sahabat aku yang sama pada hari Uhud, telah lari kebukit-bukit dan meninggalkan aku tanpa perlindungan? Walaupun aku terus berteriak memanggil kamu, supaya kamu kembali.'

Nabi menyebutkan segala kelemahan mereka dan mereka terus menyatakan kekesalan mereka. Ibn Abil-Hadid berkata pada penghujung kerjanya bahawa teguran ini telah ditujukan kepada Umar, yang tidak mempercayai segala janji yang dibuat oleh nabi. Kemudian dia menulis dari penjelasan kenyataan nabi, khalifa Umar pastinya telah melarikan diri dipeperangan Uhud kerana di dalam kenyataannya nabi telah merujuk kepada itu juga.

Sekarang kamu sendiri boleh lihat bahawa jika kami menyatakan fakta ini, yang telah dirakamkan oleh ulama kamu seperti Abil-Hadid dan lainnya, kami terus menjadi tumpuan serangan kerana kami telah menghina khlifa, tetapi tidak terdapat sebarang bantahan terhadap Abil-Hadid. Yang sebenarnya kami tidak punya niat pada menghina sesiapa. Kami sekadar menyampaikan fakta sejarah, dan kamu melihat kepada kami dengan mata yang marah. Kamu mengabaikan faktanya.

SHIA AKAN MENCARI PEMBALASAN DIHARI PENGADILAN.

Shia mempunyai banyak aduan pada hari pengadilan terhadap kamu sunni. Dunia ini akan binasa, dan kamu akan berdiri dimahkamah ilahi untuk menjawab segala penindasan kamu.

Hafiz: Sila beritahu kami penindasan terhadap apa yang akan kamu cari di hari pengadilan?

Shirazi: Terdapat peristiwa yang mungkin saya akan katakan. Apabila hari pengadilan ilahi tiba saya akan mencari keadilan padanya.

Hafiz: Saya meminta kamu supaya jangan merangsang perasaan orang lain. Beritahu kami penindasan apa yang kamu telah deritai.

Shirazi: Penindasan dan kekejaman bukan perkara baru bagi kami sekarang. Asasnya telah diletakkan sebaik sahaja setelah wafatnya keturunan kami, nabi Allah. Hak bagi nenek kami, Fatima Zahra, yang telah diberikan oleh bapanya, nabi, untuk membesarkan anak-anaknya telah dirampas. Bantahan dan aduannya telah tidak dipedulikan. Akhirnya dia pergi di dalam usia yang begitu muda dengan hati yang hancur.

Hafiz: Tidak ada perlunya pada merangsang manusia. Beritahu kami apa hak Fatima yang telah dirampas? Tetapi ingat jika kamu gagal membuktikan terhadap tuntutan kamu, kamu juga akan gagal dimahkamah keadilan ilahi. Anggaplah diri kamu dimahkamah keadilan ilahi dan berilah hujah kamu.

Shirazi: Satu hari kita akan berada dimahkamah ilahi. Kita mengharap keadilan. Jika kamu juga mempunyai perasaan adil, seperti yang seharusnya, maka seperti seorang hakim dengarkanlah keterangan kami tanpa berat sebelah. Saya percaya

kamu akan mengakui sahnya tuntutan saya.

Hafiz: Saya bersumpah saya tidak perjudis atau degil. Pastinya kamu telah lihat dimalam-malam yang lalu bahawa saya tidak membantah sembarangan. Apabila saya mendengar hujah yang munasabah saya telah menerimanya. Diamnya saya adalah petunjuk yang saya menerima cara yang betul. Secara lumrah saya bukan yang suka bertengkar. Saya mengaku sebelum bertemu dengan kamu disini, saya berhasrat untuk menewaskan kamu. Tetapi kini saya amat tertarik dengan keikhlasan, sopan santun, terus terang dan rasa kebenaran kamu, maka saya telah bersumpah dihadapan Allah bahawa saya akan tunduk menerima segala fakta yang munasabah walaupun tindakkan ini akan mengecewa yang lain. Percayalah, saya bukannya orang yang sama seperti dimalam pertama. Saya katakan secara terus terang hujah kamu telah meninggalkan kesan yang mendalam dihati saya. Saya benar-benar berharap bahawa saya akan mati dengan mencintai dan berkasih sayang kepada nabi dan keturunannya, supaya saya dapat berdiri dengan megah dan puas dihadapan nabi kelak.

Shirazi: Kejujuran yang begitulah yang diharapkan dari ulama seperti kamu. Saya juga tertarik kepada kenyataan kamu, dan telah terbina perasaan persahabat terhadap kamu. Sekarang saya hendak membuat satu permintaan. Saya harap kamu akan menerimanya.

Hafiz: Ya, silakan.

Shirazi: Malam ini saya ingin menjadi saksi dan yang lain menjadi hakim, supaya mereka boleh membuat keputusan tanpa prejudis [berat sebelah] sama ada tuntutan saya ini benar. Sebahagian dari mereka yang beriman tetapi tiada pengetahuan, telah berkata bahawa tiada gunanya kita bincangkan perkara yang telah berlaku 1 300 tahun dahulu. Mereka tidak faham bahawa perkara yang berkaitan dengan ilmu telah diperbincangan di dalam setiap era. Perbincangan yang adil akan menunjukkan kebenaran dan tuntutan pewarisan boleh dibuat secara sah oleh sipewaris pada bila-bila masa. Oleh kerana saya adalah seorang dari pewaris, maka saya hendak menayakan satu soalan kepada kamu. Sila berikan jawapan yang adil.

Hafiz: Baiklah, kami bersedia mendengarkan kenyataan kamu.

Shirazi: Jika dengan arahan tuhan si ayah berikan hartanya kepada sianak, dan setelah matinya siayah, jika harta itu diambil dari sianak yang memilikki harta itu, apakah bentuk pada tuntutan itu?

Hafiz: Tindakkan merampas adalah kejam. Tetapi siapakah yang kamu rujuk apabila kamu katakan penindasan dan tertindas?

FADAK DAN RAMPASAN TERHADAPNYA.

Apabila kubu Khaiber telah ditawan, orang kenamaan, tuan tanah dan orang-orang ternama Fadak datang menemui nabi. Fadak adalah kawasan lurah dicelah-celah bukit Madina. Ia mengandungi 7 perkampongan yang memanjang sehingga kepinggir pantai. Kebanyakkan tanahnya subur dan menggandongi tempat simpanan air. Terdapat perjanjian damai dengan penduduknya yang menyatakan bahawa setengah dari keseluruh Fadak adalah dibawah milik mereka yang setengah lagi adalah harta milik nabi. Fakta ini telah dinyatakan oleh Yaqut Hamawi, pengarang bagi Majimu'l-Buldan di dalam Futuhu'l-Buldan, jilid VI, ms 343; oleh Ahmad Bin Yahya Baladhuri Baghdadi (mati 279 H.) di dalam Ta'rikh; Ibn Abi'l-Hadid Mu'tazali di dalam Sharh-e-Nahju'l- Balagha, (dicetak di Egypt), jilid IV, ms 78, menyebutnya dari Abu Bakr Ahmad Bin Abdu'l-Aziz Jauhari; oleh Muhammad Bin Jarir Tabari di dalam Ta'rikh-e-Kabir, dan oleh ramai lagi yang lain dari ahli hadith dan sejarah.

WAHYU PADA AYAT 'BERIKAN KEPADA SAUDARA TERDEKAT'

Apabila nabi pulang ke Madina, Jibril mewahyukan ayat yang berikutnya: 'Dan berikan kepada saudara terdekat akan haknya, dan kepada yang memerlukan dan musafir dan janganlah membazir.' [7:26]

Nabi memikirkan apakah tujuan wahyu itu. Jibril muncul lagi dan memberitahunya bahawa Allah telah mengarahkan: 'Fadak diberikan kepada Fatima.' Nabi memanggil Fatima dan berkata: 'Allah telah mengarahkan aku untuk memberikan Fadak sebagai hadiah kepada kamu.' Maka dia terus memberikan Fadak kepada Fatima.

Hafiz: Tolong jelaskan apakah peristiwa yang kamu katakan dimana ayat itu telah diwahyukan. Adakah telah dituliskan di dalam buku sejarah dan ulasan dari shia, atau ianya juga terdapat di dalam buku yang dipercayai?

Shirazi: Ketua pengulas, Ahmad Tha'labi di dalam Kashfu'l-Bayan; Jalalu'd-din Suyuti di dalam Tafsir, jilid IV, menyatakan dari Hafiz Ibn Mardawiyya; pengulas terkenal Ahmad Bin Musa (mati 352 H.) menyatakan dari Abu Sa'id Khadiri dan Hakim Abu'l-Qasim Haskani; Ibn Kathir; Imadu'd-din Isma'il; Ibn Umar Damishqi; Faqih-e-Shafi'i di dalam Ta'rikh, dan Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, bab 39, menyatakan dari Tafsir-e-Tha'labi, Jam'u'l-Fawa'id dan Uyunu'l-Akhbar – semuanya menyampaikan bahawa apabila ayat 'dan berikan kepada saudara terdekat haknya…' telah diwahyukan, nabi memanggil Fatima dan memberikan Fadak kepadanya sebagai hadiah. Begitulah selagi nabi hidup, Fadak kekal di dalam milik Fatima. Wanita mulia itu memajakkan Fadak; hasilnya dipungut dalam 3 ansuran. Dari hasil itu dia mengambil jumlah wang yang cukup untuk makanan untuk dia dan anak-anaknya dan dibahagikan selebihnya kepada

yang miskin dari Bani Hashim. Setelah wafatnya nabi, pegawai dari khalifa pemerintah telah merampas harta ini dari Fatima. Saya tanya kamu hadirin yang dihormati, dengan nama keadilan, bagaimana kamu menyebut tindakkan ini.

Hafiz: Inilah kali pertama saya mendengar bahawa nabi memberikan Fadak, atas perintah, kepada Fatima.

Shirazi: Mungkin juga kamu tidak tahu mengenai hal ini. Tetapi sebagaimana saya telah mengatakan kepada kamu, kebanyakkan dari ulama yang terkenal telah menulis mengenainya di dalam buku mereka yang boleh dipercayai. Supaya dapat menjelaskan lagi kedudukan ini saya merujukan kamu kepada Hafiz Ibn Mardawiyya, Waqidi dan Hakim (lihat Tafsir dan Ta'rikh mereka); Jalalu'd-din Suyuti Durru'l-Mansur, jilid IV, ms 177; Mullah Ali Muttaqi's Kanzu'l-Umma dan nota ringkas yang dia telah tulis pada Ahmad Bin Hanbal's Kitabu'l-Akhlaq dari Musnad mengenai masalah Sila-e-rahm; dan Ibn Abi'l-Hadid's Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV. Kesemua ulama ini telah menyampaikan dengan cara berlainan, selain dari kenyataan Abu Sa'id Khadiri, bahawa apabila ayat diatas diwahyukan nabi memberi Fadak kepada Fatima Zahra.

HUJAH DARI HADITH 'LA NURIS' – KAMI TIDAK TINGGALKAN WARISAN.

Hafiz: Ianya adalah fakta yang telah diterima bahawa khalifa merampas Fadak atas dasar hadith yang terkenal yang disampaikan oleh Abu Bakr, yang mengatakan bahawa dia sendiri mendengar nabi mengatakan: 'Kami nabi tidak meninggalkan sebarang warisan; apa sahaja yang kami tinggalkan sebagai warisan adalah sedekah.' [harta ummah]

FADAK ADALAH HADIAH – BUKAN WARISAN

Shirazi: Pertama; ianya bukanlah warisan, tetapi hadiah. Kedua; hadith yang disampaikan tidak boleh diterima.

Hafiz: Apakah hujah yang kamu hendak sampaikan bagi menolak hadith itu?

Shirazi: Terdapat banyak sebab untuk menolak hadith itu.

HADITH 'LA NURIS' ADALAH PALSU.

Pertama; sesiapa yang mencipta hadith ini telah menyebutnya tanpa memikirkan terhadap perkataan yang digunakan. Jika dia lebih berhati-hati mengenainya, dia tentu tidak mengatakan: 'Kami nabi tidak meninggalkan sebarang warisan, ' kerana dia tentu tahu bahawa penipuan ini akan terdedah oleh perkataan dari hadith palsu itu sendiri. Jika dia telah menggunakan perkataan, 'Saya tidak meninggalkan sebarang warisan,' hadith yang dicubanya mungkin lebih diterima. Tetapi apabila dia menggunakan jamaa, 'Kami nabi…' kami terpaksa menyelidik

pada kebenaran hadith ini. Sekarang berasaskan dengan kenyataan kamu, kami merujuk kepada al-Quran untuk petunjuk. Kami dapati bahawa banyak ayat yang memberitahu kami bahawa nabi sebenarnya ada meninggalkan warisan. Ini membuktikan bahawa hadith itu perlu ditolak begitu sahaja.

FATIMA BERHUJAH MENGENAI KESNYA.

Di dalam bukunya Kitab-e-Saqifa seorang ulama dan ahli hadith terkenal, Abu Bakr Ahmad bin Abdul-Aziz Jauhari, mengenainya Ibn Abil-Hadid berkata di dalam bukunya sharh-nahjul-Balagha bahawa dia adalah seorang ulama dan ahli hadith sunni yang terkenal; Ibn Al-athir di dalam Nihaya; Mas'udi di dalam Akhbaru'z-Zaman dan di dalam Ausat; Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV, ms 78, menyebutnya dari buku Abu Bakr Ahmad Jauhari, Saqifa dan Fadak, di dalam cara yang berbeza dan dari beberapa punca, sebahagiannya merujuk kepada Imam kelima Muhammad Baqir melalui Siddiqi Sughra Zainab-e-Kubra dan sebahagian darinya merujuk kepada Abdullah Ibn Hasan dengan disahkan oleh Siddiqi kubra Fatima Zahra dan dengan pengesahan Ummul-Mukminin Aisha dan juga pengesahan Muhammad bin Imran Marzabani, dia dari Zaid bin Ali bin Husain; dia dari bapanya , dan dia dari bapanya Imam Husain; dan dia dari ibunya yang mulia, Fatima Zahra; dan banyak lagi ulama dari golongan kamu telah menyampaikan ucapan Fatima dihadapan himpunan manusia ramai. Pembangkang menjadi tergamam apabila mereka mendengar hujah dan alasannya dan mereka tidak terjawab. Oleh kerana mereka tidak punya jawapan untuk dibuat maka mereka membuat kekacauan.

HUJAH FATIMA MENOLAK HADITH 'LA NURIS'.

Satu dari hujah Fatima menolak hadith itu ialah, jika hadith itu benar, maka mengapa terdapat banyak ayat-ayat al-Quran mengenai warisan para nabi. Dia berkata: 'Disatu tempat al-Quran berkata: 'Dan Sulayman adalah warisan Daud.' [27:16]

Mengenai nabi Zakaria al-Quran berkata: 'Maka berilah kami dari Kamu seorang waris, yang akan mempusakai dari aku dan juga rumah Yakob.' [19:5-6]

Mengenai doa Zakaria al-Quran berkata: 'Dan Zakaria, apabila dia menyeru kepada Tuhannya: Wahai tuhanku, janganlah tinggalkan aku tidak berwaris, walaupun Engkau ada pewaris yang terbaik. Maka Kami menjawab kepadanya dengan memberinya Yahya.' [21:89-90]

Selepas itu dia berkata: 'Wahai anak Qahafa! Ada terdapat di dalam buku Allah bahawa engkau adalah pewaris bapamu, dan aku dinafikan hak Bapaku? Kamu telah melakukan penipuan yang besar. Adakah kamu semua dengan sengaja telah meninggalkan kitab Allah dan mengabaikannya sama sekali? Tidakkah aku ini

keturunan nabi? Mengapa kamu menghalang aku dari hak-hak aku? Kenapa semua ayat-ayat pewarisan ini, yang ditujukan kepada semua manusia secara umum dan kepada nabi secara khusus telah dimasukkan kedalam al-Quran? Tidakkah kita semua ketahui bahawa ayat-ayat al-Quran tetap kekal tidak berubah sehingga ke hari pengadilan? Tidakkah al-Quran telah berkata: 'Dan mereka yang berkerabat adalah lebih dekat sesama mereka di dalam perundangan Allah…'[8:75] dan : 'Dan Allah menyuruh kamu mengenai isu kamu, silelaki mendapat sama bahagian dengan dua perempuan…' [4:11] dan: 'Wasiat telah dituliskan untuk kamu apabila seorang dari kamu hampir kepada mati, jika dia meninggalkan harta, yang dia wasiatkan kepada ibubapa dan keluarga terdekat dengan kebajikkan. Ini adalah tugas semua bagi menjauhkan [kejahatan]' Maka mengapa saya, secara khusus, telah ditegah dari warisan bapa saya? Adakah Allah mewahyukan ayat yang khas kepada kamu, yang mengenepikan bapa saya [dari haknya]. Adakah kamu tahu pengertian zahir dan bathin al-Quran lebih dari bapa saya, Muhammad, dan sepupu saya, Ali?

FATIMA MERAYU DALAM KEHAMPAAN.

Apabila mereka telah terdiam dengan hujah-hujah dan fakta yang benar, mereka tidak punya jawapan. Mereka berpaling kepada penipuan dan bahasa keji.

Dia berkata: 'Hari ini engkau telah menghancurkan hati aku. Pada hari pengadilan aku akan mendakwa engkau dimahkamah ilahi dan Allah akan memutuskannya dengan adil. Allah adalah hakim yang terbaik. Muhammad adalah ketua dan pemimpin; masa kami dan juga engakau adalah pada hari yang dibangkitkan. Pada hari itu yang zalim akan rugi, dan taubat kamu tidak ada gunanya. Untuk semua itu ada waktu yang telah ditetapkan dan kamu akan tahu tidak lama lagi, kamu akan dikenakan siksaan yang amat pedih.'

KHALIFA MENGGUNAKAN BAHASA KEJI.

Hafiz: Siapakah yang berani mencaci sebahagian dari diri nabi, Fatima Zahra? Saya tidak dapat percaya. Penipuan mungkin terjadi, tetapi menggunakan bahasa keji tidak mungkin. Tolong janganlah katakan yang sedemikian.

Shirazi: Tidak siapa yang punya keberanian untuk mengatakan yang sedemikian melainkan khalifa, Abu Bakr. Tidak dapat mematahkan hujah yang jelas dari wanita malang ini, dia terus naik keatas mimbar dan menghina Fatima dan juga suami dan sepupunya, yang dicintai oleh Allah, Amirul Mukminin, Ali.

Hafiz: Saya fikir kenyataan yang memalukan ini telah disabarkan oleh fanatik.

Shirazi: Kamu telah tersilap. Kenyataan ini tidak disebarkan oleh fanatik shia. Ulama terkenal sunni yang telah menyiarkannya. Bagaimana jahil sekalipun orang awam kami, mereka tidak pernah memalsukan hadith. Jika kamu mengkaji buku

sahih kamu, kamu akan mengakui ulama kamu yang mashor telah menggesahkan fakta ini. Ibn Abi'l-Hadid Mu'tazali di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV, ms 80, dicetak di Egypt, menyatakan dari Abu Bakr Ahmad Bin Abdu'l-Aziz Jauhari, telah menulis dengan mendalam mengenai Abu Bakr naik ke mimbar selepas bantahan Ali dan Fatima.

BANTAHAN ALI DENGAN ABU BAKR.

Banyak ulama telah merakamkan bahawa apabila Fatima selesai merayukan kesnya. Ali memulakan bantahannya diperhimpuan muslim dimasjid Madina, memandang kepada Abu Bakr, dia berkata: 'Mengapa kamu menafikan Fatima dari warisan bapanya, walaupun dia adalah pemiliknya dan telah memilikkinya semasa hayat bapanya? Abu Bakr menjawab: 'Fadak adalah harta muslim. Jika Fatima menunjukkan cukup bukti bahawa itu adalah haknya, saya pasti akan memberikan kepadanya; jika tidak, saya akan menghalangnya.'

Imam yang suci berkata: 'Tidakkah ini fakta yang nyata, apabila kamu membuat keputusan mengenai muslim secara umum, kamu memberikan keputusan yang bertentangan mengenai kami?

'Tidakkah nabi telah berkata, bahawa tanggong jawab pendakwa pada mengadakan bukti dan pembela membuat pembelaan? Engkau telah menolak perundangan nabi dan juga bertentangan dengan perundangan agama, engkau meminta saksi-saksi dari Fatima yang telah memilikki harta itu semenjak dari hayat nabi. Lebih-lebih lagi, adakah perkataan Fatima tidak benar? Beliau adalah salah seorang Ashab-e-Kisa [mereka yang dibawah selimut] dan yang juga disebutkan di dalam ayat mensucikan.

'Jika dua orang memberikan bukti bahawa Fatima telah melakukan sesuatu yang salah, beritahu aku bagaimana kamu akan melakukan terhadapnya? Abu Bakr berkata: 'Saya akan menjatuhkan hukuman keatasnya sebagaimana saya akan lakukan terhadap lain wanita.'

Imam yang suci berkata: 'Jika kau lakukan itu, kau adalah kafir dihadapan Allah, kerana engkau telah menolak keterangan Allah mengenai kesucian Fatima. Allah berkata: 'Sesunguhnya Allah bermaksud untuk menjauhkan dari kamu segala macam kekotoran, Wahai kamu ahli rumah, dan mensucikan kamu dengan sesuci-sucinya.' [33:33] Tidakkah ayat ini diwahyukah pada meninggikan kami?

Abu Bakr berkata: 'Mengapa, tidak?'

Imam berkata: 'Adakah mungkin bahawa Fatima, yang mana kesuciannya Allah telah sahkan, akan membuat tuntutan palsu terhadap harta dunia yang tidak bermakna ini? Engkau menolak keterangan dari seorang yang suci dan menerima keterangan dari arab yang membuang air kecil pada tumit kakinya!'

Setelah mengatakan ini Imam pulang kerumah dengan perasaan marah. Bantahannya telah mengerakkan orang ramai. Semua berkata: ‘Kebenaran bersama Ali dan Fatima. Demi Allah, Ali berkata benar. Mengapa anak perempuan nabi dilayani dengan kasar?’

KEJINYA ABU BAKR.

Ibn Abil-Hadid menyatakan bahawa manusia benar-benar tertarik dan sedar dengan bantahan Ali dan Fatima dan mula membuat kacau. Abu Bakr setelah melihat kedua manusia suci itu telah meninggalkan masjid, naik keatas mimbar dan berkata: ‘Wahai manusia mengapa kamu begitu terganggu dan terpengaruh. Mengapa kamu mesti mendengar kepada semua orang? Oleh kerana aku telah menolak pembuktian mereka, mereka kini berkata yang bukan-bukan. Yang nyatanya ialah, dia [Ali] itu musang yang telah diperdayakan oleh ekornya. Dia membuat segala bentuk kekacauan. Dia memandang kepada pentingnya kekacauan dan menghasut manusia untuk mengadakan kegelisahan dan pemberontakkan. Dia meminta pertolongan dari yang lemah. Dia meminta bantuan dari wanita. Dia serupa Ummu’t-Tihal yang mana orang di dalam rumahnya suka pada penzinaan.’

Tidakkah kenyataan itu amat keji dan menghinakan? Adakah itu sama dengan memuliakan, menghormati, cinta dan simpati, yang nabi telah katakan khusus untuk keluarganya? Berapa lama lagi kamu hendak kekal menerima kepercayaan yang menyimpang dan fanatik itu? Untuk berapa lama lagi kamu akan terus menentang shia dan memanggil mereka Rafizi dan kafir kerana mereka mengkritik perkataan dan amalan manusia yang telah dirakamkan di dalam buku kamu sendiri?

SEJARAH MENGADILI SESAORANG.

Pertimbanglah perkara ini dengan adil. Adakah kekejian dari seorang sahabat nabi yang telah berumur wajar? Perkataan keji dan menghinakan dari Muawiya, Marwan dan Khalid tidaklah begitu menghinakan sekali jika dibandingkan dari yang keluar daripada mulut seorang yang dikatakan ‘sahabat di dalam gua’ Hadirin yang dihormati! Kami tidak ada disitu pada ketika itu. Kami hanya mendengar nama-nama seperti Ali, Abu Bakr, Umar, Uthman, Talha, Zubair, Muawiya, Marwan, Khalid, Abu Huraira dll. Kami tidak punya ikatan persahabatan atau juga permusuhan dengan mereka. Kami hanya lihat pada dua perkara: Pertama; mereka yang Allah dan nabiNya cintai dan yang mana kepada mereka penghormatan dan ketaatan telah diperintahkan. Kedua; kami selidikki amalan dan pertuturan mereka. Kemudian kami pertimbangkan dengan minda yang saksama. Kami tidak akan membiarkan keutamaan untuk sesaorang mempengaruhi pertimbangan kami.

HADID TERPERANJAT TERHADAP PENGHINAAN ABU BAKR KEPADA ALI DAN FATIMA.

Bukan kami sahaja yang terperanjat dengan perangai yang sedemikian. Setiap orang dari ulama kamu yang adil telah terkejut apabila mengetahuinya. Ibn Abil-Hadid menulis di dalam Sharh-e-Nahjul-Balagha, jilid IV, ms 80, bahawa perkataan khalifa membuat amat terperanjat. Dia bertanya kepada gurunya Abu Yahya Naqib Jafar bin Yahya bin Abi Zaidul-Basari kepada siapa perkataan khalifa ditujukan. Dia berkata bahawa kenyataan itu bukannya yang tidak berterus terang [indirect]. Rujukkannya jelas. Ibn Hadid berkata: 'Jika ianya amat jelas, saya tentu tidak bertanyakannya.' Dengan itu dia ketawa dan berkata: 'Perkara itu telah dikatakan kepada Ali.' Ibn Hadid mengulangi perkataan itu dengan terperanjat: 'Adakah perkataan ini semua telah dikatakan kepada Ali?' Gurunya berkata: 'Ya! Anakku! Inilah ertinya pemerintah.'

Beralih kepada menggunakan bahasa keji adalah taktik bagi mereka yang tidak mempunyai jawapan yang meyakinkan. Semua ini telah dilakukan kepada Ali, yang mana, sebagai yang dinyatakan oleh ulama kamu yang mashor serta buku-buku sahih, nabi berkata: 'Ali adalah bersama kebenaran dan kebenaran bersama Ali.'

MENYAKITI ALI ADALAH MENYAKITI NABI.

Merujuk kepada Ali dan Fatima, nabi berkata bahawa masalah mereka adalah masalahnya. Nabi berkata: 'Seiapa menyakiti yang dua ini, menyakiti saya, dan yang menyakiti saya telah menyakiti Allah.' Telah juga ditulis di dalam buku sahih kamu bahawa nabi berkata: 'Sesiapa yang memusuhi Ali, memusuhi saya, sesiapa yang memusuhi saya telah memusuhi Allah.'

Muhammad bin Yusuf Ghanji Shafii, di dalam Kifayatut-Talib, Bab 10, menyebutkan hadith yang khusus pada pengesahan Ibn Abbas, yang memberitahu sebilangan penduduk Syria yang mengutuk Ali bahawa dia telah mendengar nabi berkata mengenai Ali: 'Dia yang menghina kamu, menghina aku; dia yang menghina aku telah menghina Allah; dan dia yang menghina Allah akan terus dilontar kedalam api neraka.'

Selepas hadith ini dia menyebutkan hadith lain dari punca yang sahih, semuanya membuktikan bahawa mereka yang menghina Ali adalah kafir. Bab 10 dari bukunya bertajuk 'Mengenai kafirnya seaorang yang menghina Ali.'

Juga Hakim di dalam Mustadrak, jilid III, ms 121, telah menyebutkan hadith itu. Maka menurut dari hadith ini semua, mereka yang mengutuk Ali, mengutuk Allah dan nabiNya. Kesemua mereka [seperti Muawiya, Bani Umayya, Nasibi dan Khariji] adalah dengan sendirinya terkutuk. Sekarang saya fikir ianya telah mencukupi. Hari pengadilan pastinya akan tiba. Oleh kerana keturunan kami yang tertindas

mengambil tindakkan berdiam diri dan meninggalkannya kehari pengadilan; kami juga akan turut diam.

Terdapat petunjuk kedua yang menolak hadith yang dikatakan: ‘Kami para nabi tidak meninggalkan warisan….’ Nabi berkata: ‘Saya adalah kota ilmu dan Ali adalah pintunya; dan saya adalah rumah kebijaksanaan dan Ali adalah pintunya.’ Kedua golongan telah menerima hadith ini. Pastinya, dia yang menjadi pintu kepada pengetahuan nabi tentu mengetahui semua hadith dan arahan nabi, terutama yang berkenaan dengan pewarisan. Diatas mereka bergantungnya kebajikan seluruh ummah. Nabi juga berkata: ‘Sesiapa yang ingin mendapatkan pengetahuan hendaklah datang kepada pintunya; Ali.’ Jika pengetahuannya tidak sempurna, nabi tentu tidak mengatakan bahawa Ali adalah pengadil yang terbaik dari seluruh ummah. Dia berkata: ‘Ali adalah yang terbaik pada menghuraikan perundangan.’ Hadith ini telah dirakamkan disemua buku sahih kamu.

Adakah nabi akan mengatakan kecemerlangan sesaorang dan mahirnya dalam perundangan, jika orang itu tidak faham masalah pewarisan dan hak-hak manusia? Sebahagian daripada tujuan nabi, adalah untuk memperkukuhkan pembaharuan sosial untuk manusia didunia dan juga kesejahteraan bagi mereka diakhirat. Bagaimana dia boleh menjadikan Ali, Amirul Mukminin, dan kemudian tidak menyatakan kepadanya hadith serupa ini yang boleh memberi kesan kepada keseluruhan struktur sosial manusia?

Sheikh: Kedua-dua ini bukanlah bukti menurut kami. Hadith Madina tidak diterima oleh ulama terkenal kami, dan masalah wazir dan pengganti telah juga ditolak oleh mereka. Bukhari dan Muslim di dalam kumpulan hadithnya dan yang lainnya dari ulama kami yang terkenal, menyatakan dengan pengesahan Ummul-Mukminin Aisha bahawa kepala nabi pada ketika matinya bersandar pada dadanya sehinggalah dia menghembuskan nafas yang terakhir. Dia mengatakan bahawa baginda tidak membuat sebarang wasiat. Jika baginda telah membuat wasiat, Ummul-Mukminin tentu telah menyampaikannya, dan persoalan perwarisan tentu telah diselesaikan.

HADITH ‘SAYA ADALAH KOTA ILMU DAN ALI ADALAH PINTUNYA.’

Shirazi: Mengenai hadith ini, kamu telah tidak berlaku adil. Saya telah pun mengatakan kepada kamu bahawa kedua golongan telah menerimanya dan ianya telah disampaikan dengan rantaian yang berterusan. Berikut adalah ulama kamu yang terkenal yang telah mengesahkan akan sahihnya hadith ini: Imam Tha’labi, Firuzabadi, Hakim Nishapuri, Muhammad Jazari, Muhammad Bin Jarir Tabari, Suyuti, Sakhawi, Muttaqi Hindi, Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi’i, Muhammad Bin Talha Shafi’i, Qazi Fazl Bin Ruzbahan, Munawi, Ibn Hajar Makki, Khatib Khawarizmi, Sulayman Qanduzi Hanafi, Ibn Maghazili Faqih Shafi’i, Dailami, Ibn Talha Shafi’i, Mir Seyyed Ali Hamadani, Hafiz Abu Nu’aim Ispahani, Sheikhu’l-Islam Hamwaini,

Ibn Abi'l-Hadid Mu'tazali, Tibrani, Sibt Ibn Jauzi and Imam Abdu'r-Rahman Nisa'i.

WAZIR [PENGGANTI] DITAULIAHKAN KEPADA ALI.

Mengenai masalah wazir, terdapat banyak kenyataan yang mengesahkan bahawa nabi ada membuat wasiatnya. Tidak ada orang yang berpengetahuan yang menolak fakta ini.

Nawab: Khalifa nabi adalah juga wazirnya, yang melaksanakan tugas hariannya. Sebagai contoh, mereka memberikan sara hidup kepada isteri-isteri nabi. Mengapa kamu katakan Ali telah dilantik sebagai wazir?

Shirazi: Kamu betul. Sebagaimana yang dilihat bahawa khalifa nabi adalah juga wazirnya. Dimalam-malam yang lalu saya telah sampaikan hujah saya dan kenyataan pengesahan mengenai khalifa. Bahawa nabi melantik Ali khalifanya dan wazirnya adalah benar. Sedang yang lainnya sibuk dengan kesenangan dan juga komplot politik mereka, wazirnya telah melakukan segala pengurusan jenazah nabi. Selepas itu beliau sibuk pada memulangkan segala barang yang diamanahkan kepada nabi seperti wang dan barangan berharga dan kemudian menguruskan segala perkara lain yang nabi telah amanahkan kepadanya. Ini terlalu amat jelas untuk diminta buktikan. Kedua-dua ulama golongan kita telah bersetuju pada fakta ini.

HADITH MENGENAI WAZIR.

Untuk membuktikan tujuan ini biarlah saya merujuk kepada beberapa hadith:

[1] Membina pertalian persaudaraan - Imam Tha'labi di dalam Manaqib dan Tafsir, Ibn Maghazili Faqih Shafi'i di dalam Manaqib dan Mir Seyyed Ali Hamadani di dalam Mawaddatu'l-Qurba (Mawadda VI), menyebutnya dari khalifa kedua, Umar bin Khattab, yang mana, apabila nabi membina ikatan persaudaraan diantara para sahabat, berkata, 'Ali, ini adalah saudara saya didunia ini dan juga diakhirat. Diantara keturunan saya dia adalah khalifa saya; dia adalah pengganti saya di dalam ummah. Dia adalah pewaris pengetahuan saya; dia adalah pembayar hutang saya. Apa sahaja milik dia adalah milik saya; apa sahaja milik saya adalah milik dia; keuntungan dia adalah keuntungan saya; kerugian dia adalah kerugian saya. Sesiapa sahabatnya adalah sebenarnya sahabat saya; dan sesiapa musuhnya adalah yang sebenarnya musuh saya.'

[2] Pertnyaan oleh Salman - Sheikh Sulayman Balkhi Hanafi, bab 15 dari bukunya Yanabiu'l-Mawadda telah menyebutkan 20 hadith pada menyokong wazirnya Ali dari Imam Tha'labi, Hamwaini, Hafiz Abu Nu'aim, Ahmad Bin Hanbal, Ibn Maghazili, Khawarizmi dan Dailami. Saya menyebutkan sebahagian dari mereka sebagai petunjuk kamu. Dia menyatakan dari Musnad Imam Ahmad Bin Hanbal (dan Sibt Ibn Jauzi di dalam Tadhkirat-e-Khawasu'l-Umma, ms 26, dan Ibn Maghazili Shafi'i

di dalam Manaqib juga telah menyebutkan hadith itu) bahawa Anas Ibn Malik berkata: ‘Saya suruh Salman tanya kepada nabi siapakah wasinya. Salman tanya kepada nabi: ‘Wahai nabi Allah! Siapakah wazir kamu?’ Nabi berkata: ‘Wahai Salman! Siapakah pengganti Salman?’ Dia berkata: ‘Yusha bin Nun.’ Kemudian nabi berkata: ‘Pengganti dan pewarisku, dia yang akan membayar segala hutangku dan yang akan melaksanakan segala janji-janjiku, adalah Ali Ibn Abi Talib.’

[3] Setiap nabi mempunyai pengganti. Ali adalah pengganti saya. Ianya telah dinyatakan dari Muwaffaq bin Ahmad, yang menyebutnya dari Buraida bahawa nabi berkata: ‘Setiap nabi mempunyai pengganti dan pewaris, dan sesungguhnya, pengganti dan pewaris saya adalah Ali.’ Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib, bab 62, ms 131 menyebutkan hadith yang sama yang jga telah disampaikan oleh Muhadith dari Syria di dalam Ta’rikh.

[4] Ali adalah penamat wazir. Sheikhu’l-Islam Hamwaini menyatakan dari Abu Dharr Ghifari, yang berkata: ‘Nabi berkata: ‘Saya adalah penamat para anbia dan kamu, wahai Ali adalah penamat bagi wazir sehinggalah kehari pengandilan.’

[5] Ali adalah wazir dari keturunan saya. Ianya telah disampaikan dari Khatib Khawarizmi, yang menyatakan dari Ummu’l-Mu’minin Umme Salma, yang berkata: ‘Nabi berkata: ‘Allah telah memilih pengganti bagi setiap nabi dan selepas saya wazir dari keturunan saya dan juga ummah saya adalah Ali.’

[6] Ali menyatakan kedudukannya di dalam syarahan. Ianya telah disampaikan dari Maghazil Faqih Shafii, yang menyampaikan dari Asbagh Bin Nabuta, seorang dari ketua sahabat Amirul-Mukminin, dan Muslim dan Bukhari juga telah menyebut darinya, bahawa ketuanya Amirul-Mukminin berkata di dalam satu dari syarahannya: ‘Wahai manusia! Saya adalah Imam [petunjuk] bagi semua makhluk, saya adalah pengganti dari makhluk yang terpilih; saya adalah bapa keturunan petunjuk yang paling suci; saya adalah adik nabi; penggantinya; sahabat yang dipercayai; kawan seperjuangan. Saya adalah ketua bagi yang beriman; saya adalah pemimpin mereka yang berwajah muka dan kaki berseri. Saya adalah ketua bagi semua pengganti; persahabatan dengan saya adalah persahabatan dengan Allah; pengikut saya adalah sahabat Allah; dan penolong saya adalah penolong Allah.’

[7] Allah menjadikan saya nabi dan Ali pengganti saya. Ibn Maghazili Shafi’i di dalam Manaqib menyebut dari Abdullah Bin Mas’ud, bahawa nabi Allah berkata: ‘Pengkhabaran kenabian berakhir dengan saya dan Ali; kami tidak pernah tunduk kepada berhala; maka Allah menjadikan saya nabi dan Ali wazir.’

[8] Wazirnya Ali adalah sebahagian dari fomula ketaatan kepada nabi. Mir Seyyed Ali Hamadani Shafi’i menyatakan di dalam Mawaddatu’l-Qurba, Mawadda IV, dari

Atba Bin Amir Jahni, yang berkata: ‘Kami memberikan bai’ah kepada nabi. Mengesahkan tidak ada Tuhan melainkan Allah. Dia adalah Esa dan tiada sekutu baginya dan sesungguhnya Muhammad itu nabi dan Ali itu wazir. Maka jika kita tinggalkan mana-mana satu dari yang tiga, kita akan menjadi kafir.’

[9] Saya memanggil manusia kepada kebenaran dan Ali menyinarinya. Di dalam Mawaddatul-Qurba yang sama, ada juga dirakamkan bahawa nabi berkata: ‘Sesungguhnya Allah telah melantik seorang pengganti bagi setiap nabi: Seth, pengganti Adam; Joshua pengganti Musa; Simon Peter pangganti Isa; dan Ali pengganti saya; dan pengganti saya adalah yang terbaik dari semua pengganti. Saya memanggil manusia kepada kebenaran dan Ali menyinarinya.’

ALLAH MEMILIH ALI DARI DIANTARA SEMUA MANUSIA UNTUK MENJADI PENGGANTI SAYA.

Penulis Yanabi menyebut dari Manaqib oleh Muwaffaq bin Ahmad Khawarizmi, yang menyebut dari Abu Ayyub Ansari, yang mengatakan bahawa apabila nabi Allah terbaring sakit. Fatima datang dan mula menangis. Kemudian nabi berkata: ‘Wahai Fatima, kamu telah dirahmati dengan khusus oleh Allah yang telah memberikan seorang suami yang islamnya adalah yang terdahulu, pengetahuan yang terbaik dari semua, dan kesabarannya melebihi kesabaran orang lain. Yang sebenarnya Allah telah berikan penghormatan khas kepada manusia didunia ini. Dari diantara semua Dia memilih dan melantik saya sebagai nabi dan rasul. Kemudian dia memberikan rahmat khas dan dari diantara manusia Dia memilih suamimu. Dan Dia mewahyukan kepada saya bahawa saya harus mengahwinkan kamu kepadanya dan hendaklah menjadikannya pengganti saya.’

AHLIL BAYT TELAH DIANUGERAHKAN DENGAN TUJUH KUALITI YANG TIADA BANDINGANNYA.

Setelah merakamkan hadith ini di dalam Manaqib, Ibn Maghazili Faqih Shafii merakamkan perkataan tambahan dari nabi: ‘Wahai Fatima! Kita ahli bayt telah dianugerahkan dengan tujuh kualiti, yang mana tiada terdapat dimana-mana keturunan manusia. Kedudukan nabi tertinggi milik kita, dan dia adalah bapa kamu, Pengganti saya adalah terbaik dari semua pengganti nabi, dan dia adalah suami kamu. Syahid kita mengatasi syahid lainnya dan dia adalah bapa saudara saya, Hamza. Dari diantara kita terdapat seorang yang mempunyai dua sayap yang dengannya dia terbang bila mana dia suka kesyurga, dan dia adalah sepupu saya, Jafar. Dari kita ada dua orang cucu yang menjadi ketua remaja disyurga, dan mereka adalah anak kamu. Dan saya memberitahu kamu, demi Allah yang mengawal nyawa saya, bahawa Mahdi dari ummah ini, yang mana dibelakangnya Isa, anak Mariam akan bersolat, adalah dari keturunan kamu.’

MAHDI AKAN MEMENUHI DUNIA INI DENGAN KEADILAN.

Ibrahim Bin Muhammad Hamwaini setelah menyebutkan hadith ini, telah menyatakan ayat tambahan ini: Setelah menamakan Mahadi, nabi berkata: ‘Dia akan memenuhi dunia ini dengan keadilan, apabila ianya telah penuhi dengan kekejaman dan kezaliman. Wahai Fatima! Janganlah bersedih dan menangis. Kerana cinta dan hormat ku kepada kamu, Allah lebih kasih kepada kamu dari saya. Dia telah memberikan kepada kamu seorang suami yang telah mencapai darjah keruhanian yang tertinggi, kedudukan yang tinggi dalam keluarga, paling peramah dengan manusia, paling saksama di dalam berurusan perkara manusia, dan yang paling tepat pada membuat keputusan.’

Saya rasa banyak ini telah cukup untuk memuaskan diri Nawab Sahib dan menghilang salah faham Sheikh Sahib.

PADA SAAT KEMATIANNYA, KEPALA NABI PADA DADA AMIRUL-MUKMININ.

Kepada tuntutan yang mengatakan bahawa pada saat kematian nabi, kepalanya berada di dada Ummul-Mukminin Aisha, adalah tidak benar. Ulama kamu sendiri menunjukkan bahawa pada ketika itu kepala baginda berihat pada dada Amirul-Mukminin Ali.

Sheikh: Di dalam buku apa ulama kami merakamkan fakta itu?

Shirazi: Bacalah Kanzu’l-Ummal, jilid IV, ms 55 dan jilid VI, ms 392 dan 400; Tabaqat dari Muhammad Bin Sa’d Katib, bahagian II, ms 51; Hakim Nishapuri’s Mustadrak, jilid III, ms 139; Talkhis-e-Dhahab; Sunan of Ibn Shabih; Kabir oleh Tabrani, Musnad oleh Imam Hanbal, jilid III; Hilyatu’l-Auliya oleh Hafiz Abu Nu’aim. Dengan sedikit perbezaan di dalam perkataan, kesemua kerja ini telah disampaikan dari Ummul-Mukminin Umme Salma dan Jabir Ibn Abdullah Ansari bahawa pada masa kematiannya, nabi memanggil Ali dan merihatkan kepalanya pada dada Ali sehingga baginda menghembuskan nafasnya terakhir.

Sebagai tambahan kepada laporan ini, terdapat kenyataan Amirul Mukminin sendiri, yang telah dirakamkan di dalam Nahjul-Balagha. Ibn Abil-Hadid di dalam Sharh-Nahjul-Balagha, jilid II, ms 561, mengatakan bahawa Imam mengatakan dengan jelas: ‘Sesungguhnya Ruh Nabi keluar dari dunia ini sedang kepalanya berihat di dada saya; dia menghembuskan nafasnya yang terakhir sedang dia berada di dalam tangan saya. Maka saya sapukan tangan yang padanya kepada muka saya. ’Ibn Abil-Hadid di dalam jilid II, ms 562, dari bukunya telah mengulas pada kenyataan Ali, bahawa apabila kepala nabi berihat pada dada Ali, beberapa titik darah keluar mengalir, yang mana kemudian Ali sapukan kepada mukanya.

Dan pada ms 590 buku yang sama, di dalam menulis peristiwa pengkebumian Fatima, dia berkata bahawa Ali, mengadap kepada nabi dan berkata: ‘Sesungguhnya, saya yang meletakkan kamu diliang lahad; ruhmu telah keluar

diantara leher dan dada saya

Semua rekod yang sahih dan hujah yang padu dengan jelas membuktikan bahawa pandangan Aisha tidak boleh diterima. Fakta yang telah diketahui bahawa Aisha menentang Amirul-Mukminin dari mula lagi. Dengan keizinan Allah, saya akan nyatakan mengenainya juga apabila keadaan memerlukannya.

PERTANYAAN MENGENAI PENGGANTIAN BERIKUTNYA ATAU WAZIR

Hadith ini dengan jelasnya menujukkan bahawa Allah melantik nabi dan penggantinya. Dia juga melantik Ali sebagai pengganti nabi. Lebih-lebih lagi, pengganti disini merujuk kepada kedudukan khalifa, dan bukan sahaja pengganti di dalam keluarga. Maka pengganti juga diberikan kuasa penuh diatas setiap indivivu ummah di dalam semua aspek, sama seperti penguasaan yang dimilikki nabi.

Semua ulama kamu yang terkenal telah mengesahkan penjagaan terhadap ummah ini, yang telah ditugaskan kepada Ali. Tiada siapa yang menafikkannya melainkan sebilangan kecil fanatik dan individu yang bermusuhan, yang enggan menerima tingginya kemuliaan Imam.

Ibn abdil-Hadid berkata di dalam Sharh-Nahjul-Balagha, jilid I, dicetak di Mesir: Menurut kami, tidak ada keraguan bahawa Ali adalah wasi nabi, dan manusia yang menentang fakta ini, pada pendapat kami, mempunyai dendam atau permusuhan terhadapnya.

SYAIR SEBAHAGIAN PARA SAHABAT MENGENAI PENGGANTIAN.

Ibn Abil-Hadid menyebutkan beberapa syair yang mengesahkan pengganti adalah Amrul-Mukminin. Diantaranya ada dua syair Abdullah bin Abbas, yang berkata: ‘Selain daripada kamu menjadi seorang dari ahli bayt, kamu adalah juga wasinya, dan apabila sesaorang mencabar kamu dimedan peperangan, kamu adalah pahlawan terbilang.’

Dia menyebutkan syair Khazima bin Thabit: ‘Selain daripada fakta bahawa kamu terjumlah di dalam ahli bayt nabi, kamu adalah juga pengganti selepasnya, dan kamu adalah saksi kepada apa sahaja yang datang kepadanya.’ Dia juga menyebutkan syair dari sahabat, Abu’l-Hakim Tihan, yang berkata: ‘Sesungguhnya, ia adalah pengganti seterusnya selepas nabi, Imam dan juga ketua kami. Tirai telah diangkat dan rahsia telah didedahkan.’

Mungkin ini telah mencukupi. Jika kamu mahu melihat syair yang lain pada maksud ini, kamu boleh membaca pada buku yang sama. Sebagaimana Ibn Abil-Hadid berkata: jika dia tidak takut pada memanjangkan kerja ini secara tidak wajar, dia akan memenuhkan banyak lagi helaian halaman muka surat dengan

syair yang sedemikian, mengesahkan wasinya Ali.

Bagaimanapun pengganti dan nabi adalah saling berkaitan. Ini adalah kedudukan selepas nabi dan inilah yang dimaksudkan dengan pilihan ilahi.

WASIAT NABI MENGENAI ALI SEBAGAI PENGGANTI TERDAPAT DISETIAP BUKU SAHIH.

Sheikh: Jika laporan ini betul, mengapa kita tidak menjumpai sebarang rekod wasiat dan pesanan nabi, sebagaimana yang kita ada yang ditinggalkan oleh Abu Bakr dan Umar pada masa dia mati?

Shirazi: Kamu dengan mudah boleh mempelajari perkara ini dari buku kerja-kerja shia yang sahih, yang telah merakamkan dengan banyak pendapat dari ahli bayt, tetapi oleh kerana kita telah bersetuju pada malam yang pertama tidak akan menyatakan sesuatu dari sebelah pihak sahaja, saya terpaksa merujuk kepada beberapa hadith di dalam buku sahih kamu seperti Tabaqa oleh Ibn Sa'd, jilid II, ms 61, 63; Kanzu'l-Ummal oleh Ali Muttaqi, jilid IV, ms 54, dan jilid VI, ms 155, 393, 403; Musnad oleh Imam Ahmad Bin Hanbal, jilid IV, ms 164; dan Mustadrak oleh Hakim, jilid III, ms 59, 111. Selain dari ini ulama terkenal kamu seperti Baihaqi di dalam Sunan dan Dala'il, Ibn Abdu'l-Barr di dalam Isti'ab, Tabrani di dalam Kabir dan Ibn Mardawiyya di dalam Ta'rikh, dan juga yang lain yang telah merakamkan dengan perkataan berbeza cara arahan nabi, yang berkata: 'Wahai Ali! Kamu adalah adik dan juga menteri saya; kamu akan membayar hutang-hutang saya. Kamu akan melaksanakan janji-janji saya dan melaksanakan tanggong jawab saya. Kamu akan memandikan jasad saya, dan meletakkannya di dalam kubur.' Selain dari kenyataan yang jelas ini, terdapat banyak lagi arahan atau perundangan, yang telah disebutkan oleh nabi dalam hal ini.

NABI TELAH DITEGAH DARI MENULIS WASIATNYA PADA SAAT AKAN MATI.

Sheikh: Wasiat telah dituliskan untuk kamu apabila kematian telah hampiri seorang dari kamu jika dia meninggalkan harta untuk kedua orang tua dan keluarga terdekat, menurut kabajikkan, tugas mereka yang memelihara [diatas kejahatan] [2:180] Maka adalah perlu untuk nabi membuat wasiatnya dan melantik pengganti seterusnya. Apabila dia melihat kematiannya telah hampir mengapa dia tidak membuat wasiatnya sebagaimana Abu Bakr dan Umar lakukan?

Shirazi: Pertama, dengan perkataan 'apabila kematian mengahmpiri seorang dari kamu' adakah maksud kamu saat akhir hayat? Pada ketika itu, susah untuk mendapatkan sesaorang yang berfikiran wajar dan dapat melaksanakan tanggong jawabnya dengan penuh kesedaran. Pastinya ayat ini merujuk kepada masa apabila tanda-tanda dan petunjuk pada ketuaan, tidak sekuat dahulu dan juga

penyakit-penyakit telah mula timbul.

Kedua; kenyataan kamu ini telah melukai hati saya dan mengingatkan saya kepada trajedi yang tidak dapat dilupakan; datuk saya, nabi Allah, telah menekankan betapa pentingnya supaya muslim menulis wasiat. Dia berkata: ‘Dia yang mati tanpa menuliskan wasiat, mati sebagai seorang jahiliah, setidaknya terdapat perpecahan diantara pewaris.’ Semasa 23 tahun kehidupan umumnya dia berulangkali menyatakan siapakah wasinya, orang yang Allah telah lantik menjadi pengganti. Apabila dia sendiri diranjang kematian, dia berhasrat untuk mengulangi apa yang dia selalu telah sebutkan supaya ummah tidak akan menyeleweng dan berpecah kepada berkumpulan. Adalah amat menyedihkan pemain politik telah menentang dan menghalang dia dari melaksanakan tugas agamanya. Akhir sekali rumusannya adalah bahawa kamu juga ada ketikanya akan bertanya mengapa nabi tidak menuliskan wasiat.

MEMBANTAH KEPADA ARAHAN NABI TIDAK DAPAT DIPERCAYAI.

Sheikh: Saya fikir kenyataan kamu ini tidak punya sebarang asas. Pastinya tiada siapa yang dapat menghalang nabi dari melakukan tugasnya. AL-Quran dengan terang berkata: ‘Apa sahaja rasul berikan kepada kamu terimalah, dan dari apa sahaja dia menghalang kamu, tinggalkan.’ [59:7] Juga di dalam beberapa ayat lain, patuh kepada nabi adalah wajib. Sebagai contoh, Allah berkata: ‘Taati Allah dan taati nabi.’ Jelas sekali, enggan mematuhi nabi adalah kafir. Makanya para sahabat dan pengikut nabi tidak akan menghalang dia dari menyatakan wasiatnya. Besar kemungkinan ini adalah kenyataan palsu, yang telah disebarkan oleh yang kafir untuk membuktikan betapa cuainya ummah.

RAKAMAN SAHIH MENGENAI NABI DIHALANG DARI MEMBUAT WASIATNYA.

Shirazi: Tolong janganlah berpura-pura seperti tidak tahu. Ini bukannya rakaman palsu. Rakaman ini telah disahkan, dan diterima oleh semua golongan islam. Bahkan Bukhari dan Muslim, yang begitu cermat dengan laporan yang berusur sedemikian, yang akan mengancam sudut pandangan dia sendiri, telah menyampaikan kejadian ini di dalam buku hadith mereka. Mereka menulis bahawa nabi, berada diranjang kematiannya, meminta kertas dan dakwat supaya dia dapat membuat arahan yang dituliskan untuk mereka, yang mana akan menyelamatkan mereka dari menyimpang selepas dia wafat. Sebahagian dari mereka yang hadir, dihasut oleh ahli politik, telah menyebabkan gangguan dan kekacauan yang telah membuat nabi begitu jengkel dan marah dan terus mengarahkan mereka semua supaya pergi.

Sheikh: Saya tidak boleh mempercayainya walaupun seketika. Siapakah yang begitu berani menentang nabi Allah? Walaupun orang awam yang berhajat hendak menulis wasiatnya, tiada siapa yang akan menghalang dia. Bagaimana mungkin

sesaorang boleh menghalang nabi dari membuat wasiatnya? Untuk membantah dia adalah kafir.

Oleh kerana wasiat dari manusia agung ini adalah punca petunjuk bagi ummah, tiada siapa yang sepatutnya menghalang dia dari melaksanakannya. Khalifa Abu Bakr dan Umar menulis wasiat mereka, dan tiada siapa menghalangnya dari berbuat demikian. Saya ulangi, saya tidak menerima kenyataan yang sedemikian.

IBN ABBAS MENANGIS KERANA NABI TELAH DIHALANG DARI MENULIS WASIATNYA.

Ini bukannya perkara kesedihan bagi kamu dan kami sahaja. Para sahabat nabi juga bersedih diatas kejadian yang trajik ini. Bukhari dan Muslim, dan ulama kamu yang terkenal lainnya mengatakan bahawa Abdullah bin Abbas selalu mengalirkan air mata dan berkata: 'Malang! Hari Khamis! Sungguh malang! Bagaimana ianya pada hari Khamis itu!' kemudian dia menangis dengan kerasnya sehingga bumi basah dengan air matanya. Manusia bertanya kepada dia, apakah yang telah terjadi pada hari Khamis itu, yang telah menyebabkan dia menangis. Dia menjawab bahawa apabila nabi terbaring diranjang kematianannya, dia meminta kertas dan dakwat supaya dia dapat menuliskan wasiat, yang akan menghalang mereka dari menyimpang setelah dia wafat, sebahagiang dari mereka yang hadir telah menghalang dia dari melakukannya, dan bahkan mereka berkata bahawa nabi telah berkata yang bukan-bukan [semoga Allah mengampunkan saya]. Hari Khamis itu tidak dapat dilupakan. Mereka tidak membenarkan nabi menulis wasiatnya dan mereka telah melukakan hati nabi dengan kata-kata mereka.

UMAR MENGHALANG NABI ALLAH DARI MENULIS WASIATNYA.

Sheikh: Siapakah yang menghalang nabi Allah dari menuliskan wasiatnya?

Shirazi: Dia adalah khalifa kedua, Umar bin Khattab, yang telah menghalang nabi dari membuat wasiatnya.

Sheikh: Saya amat berterima kasih kerana kamu telah melegakan perasaan saya. Kenyataan ini amat menganggu perasan saya. Terasa sangat saya untuk mengatakan bahawa laporan ini telah diadakan oleh shia, tetapi saya terus mendiamkan diri, kerana perasaan hormat saya kepada kamu. Sekarang saya katakan apa yang terkandung di dalam hati saya. Saya menasihatkan kamu supaya jangan menyebarkan cerita yang dipalsukan ini.

Shirazi: Saya menasihatkan kamu supaya jangan menerima atau menolak fakta tanpa membuat pertimbangan yang wajar. Kamu telah membuat keputusan yang terburu-buru dalam perkara ini dan membuat tuduhan terhadap shia sebagai membuat cerita palsu. Buku kamu sendiri yang penuh dengan rakaman pada menyokong pandangan saya.

PUNCA HADITH PADA ‘PENGHALANGAN MEMBUAT WASIAT’.

Jika kamu merujuk buku kamu sendiri, kamu akan dapati ulama kamu yang terkenal sendiri telah menyampaikan peristiwa ini. Sebagai contoh Bukhari, di dalam Sahih, jilid II, ms 118; Muslim, di dalam Sahih (penghujung bab Kitab-e-Wasiyya); Hamidi di dalam Jam’i Bainu’s-Sahihain, Imam Ahmad Bin Hanbal, di dalam Musnad, jilid I, ms 222, Ibn Abi’l-Hadid, di dalam Sharh-e-Nahju’l-Balagha, jilid II, ms 563; Kirmani, di dalam Sharh-e-Sahih Bukhari; Nuwi di dalam Sharh-e-Muslim; Ibn Hajar, di dalam Sawa’iq; Qazi Abu Ali; Qazi Ruzbahan; Qazi Ayaz; Imam Ghazali, Qutbu’d-din Shafi’i; Muhammad Ibn Abu’l-Karim Shahrastani, Ibn Athir; Hafiz Abu Nu’aim Ispahani; Sibt Ibn Jauzi; dan yang lain dari ulama kamu secara umum telah mengesahkan episod yang trajik ini. Mereka telah menulis bahawa nabi sekembalinya dari haji terakhir telah jatuh sakit. Apabila sekumpulan sahabat datang berjumpanya, dia berkata: ‘Bawakan kepada ku kertas dan dakwat, supaya saya dapat menuliskan untuk kamu wasiat yang tidak akan membuat kamu menyimpang selepas aku.’

UMAR BERKATA: ‘ORANG INI TELAH BERKATA YANG BUKAN-BUKAN, AL-QURAN MENCUKUPI BAGI KITA.’

Imam Ghazali telah menulis di dalam bukunya Sirru’l-Alamin, Maqala IV, darinya juga Sibt Ibn Jauzi telah menyatakan di dalam Tadhkirat, p. 36, dan banyak lagi ulama kamu yang mashor telah mengatakan bahawa nabi meminta manusia membawakan dakwat dan kertas dan menurut rakaman yang lain, dia berkata: ‘Bawakan kepada saya kertas dan dakwat supaya saya dapat menghilangkan dari fikiran kamu segala keraguan mengenai khalifa selepas saya; dengan itu saya dapat memberitahu kamu siapa yang berhak kepada kedudukan khalifa selepas saya.’ Pada peringkat ini mereka menulis, Umar berkata: ‘Tinggalkan orang ini, kerana dia sebenarnya telah mengatakan yang bukan-bukan [semoga Allah mengampunkan saya]; Kitab Allah cukup untuk kita.’

NABI MENYURUH PARA SAHABAT YANG BERTENGKAR SUPAYA MENINGGALKANNYA.

Sebahagian dari para sahabat bersetuju dengan Umar, dan sebahagian bersetuju dengan nabi. Maka terdapat banyak kelam kabut dan tidak keharuan sehingga nabi berkata: ‘Pergi jauh dari saya; tidaklah wajar untuk bertengkar dihadapan saya.’

Ini adalah kekacauan yang pertama diantara muslim dihadapan nabi, di dalam 23 tahun nabi berkerja keras di dalam perkidmatannya kepada ummah. Punca kekacauan itu adalah khalifa Umar, yang telah menyemaikan beneh perpecahan dikalangan muslim. Hari ini kamu dan saya, dua saudara di dalam islam, selalu bertemu muka di dalam pertentangan.

UNTUK MEMANGGIL NABI ‘ORANG INI’ ADALAH SANGAT MENGHINAKAN.

Sheikh: Adalah tidak diduga seorang seperti kamu begitu berani [berani dengan niat jahat] mengatakan perkataan yang sangat menghinakan terhadap seorang yang sangat mulia seperti khalifa Umar.

Shirazi: Katakan kepada saya jika saya ada menunjukkan keberanian berniat jahat di dalam membacakan fakta sejarah dari buku ulama kamu. Adakah kamu fikir yang khalifa Umar begitu berani [berani dengan niat jahat] apabila dia menghalang nabi dari menulis wasiatnya? Adakah dia berani apabila dia menghina nabi dihadapan muka baginda sendiri? Seorang penyair dengan jujur telah berkata: ‘Kamu melihat debu dimata saya tetapi kamu tidak nampak tiang dimata kamu.’ Tidakkah Allah maha besar telah berkata: ‘Muhammad bukanlah bapa mana-mana manusia, tetapi nabi Allah dan penutup bagi segala nabi?’ Nama nabi selalu hendaklah disebut dengan nada hormat dan berbeza dengan yang lain. Dia hendaklah dipanggil ‘nabi Allah atau nabi terakhir,’ Tetapi Umar tidak mengambil perduli kepada arahan tuhan, malah dia merujuk kapada nabi dengan perkataan ‘orang ini’. Sekarang tolong jelaskan dengan nama Allah sama ada penghinaan telah dilakukan oleh khalifa atau tidak?

PERKATAAN ‘HAJAR’ YANG DIGUNAKAN UMAR BERERTI BUKAN-BUKAN.

Sheikh: Mengapa kamu katakan bahawa ‘hajar’ bererti ‘bukan-bukan’

Shirazi: Semua pengulas dan ulama terkenal kamu memberikan maksud hajar sebagai bukan-bukan. Sebagai contoh Ibn Athir di dalam Jam’u’l-Usul, Ibn Hajar di dalam Sharh-i-Sahih Bukhari, dan pengarang perhimpunan hadith yang lain juga memberikannya maksud yang demikian. Tuan dihormati! Jika sesaorang berkata ‘orang ini mengatakan yang bukan-bukan’ mengenai diri nabi Allah, tidakkah dia telah melanggar peraturan dan perintah al-Quran?

PENGHINAAN TERHADAP DIRI NABI ADALAH KAFIR.

Nabi Allah tidak hilang kenabiannya atau ke ma’sumannya. Jika sesaorang mengatakan perkataan nabi sebagai ‘bukan-bukan’, tidakkah itu bererti bahawa orang itu telah kafir kepada Allah dan nabiNya?

Sheikh: Adakah wajar dengan kedudukannya sebagai khalifa, bagi kita untuk mencari kesalahannya dengan mengatakan bahawa dia tidak percaya kepada Allah dan nabiNya?

Shirazi: Apabila kamu mendengar bahawa nabi dituduh dengan mengatakan perkataan yang bukan-bukan kamu tidak membantah. Tetapi seorang yang telah menjadi khalifa telah dikatakan oleh banyak ulama kamu, telah menghina nabi, kamu terus saja menyalahkan shia dari sepatutnya meyalahkan kapada yang

sepatutnya disalahkan.

Ulama kamu seperti Qazi Ayaz; Shafi'i di dalam Kitab-e-Shifa; Kirmani di dalam Sharh-e-Sahih Bukhari, dan Nuwi di dalam Sharh-e-Sahih Muslim telah menulis bahawa sesiapa yang menggunakan perkataan itu dengan jelas tidak mempunyai kepercayaan kepada nabi. Makanya jika sesiapa menentang nabi, terutama dengan menggunakan bahasa menghina atau mengatakan nabi telah mengatakan yang bukan-bukan, kami lihat dengan jelas bahawa dia tidak mempercayai kepada nabi.

KEKACAUAN YANG PERTAMA DI DALAM ISLAM BERLAKU DIHADAPAN NABI.

Kamu bertanya kepada saya mengapa saya menuduh dia mengadakan perpecahan diantara islam. Ulama kamu telah menerima fakta ini. Seorang ulama agung, Husain Meibudi berkata di dalam Sharh-e-Diwan bahawa kekacauan pertama di dalam islam berlaku dihadapan nabi sendiri, apabila baginda berada diranjang kematian. Kekacauan bermula apabila Umar menghalang nabi dari menulis wasiatnya.

Shahrastani berkata di dalam bukunya Milal wa Nihal, Muqaddimah IV, bahawa pertengkaran pertama diantara kumpulan muslim bermula apabila Umar menolak untuk membenarkan dakwat dan kertas dibawakan kepada nabi diranjang kematiannya. Ibn Abil-Hadid mengesahkan fakta ini di dalam bukunya sharh-nahjul-balagha, jilid II, ms 563.

BOLEHKAH NABI BERKATA YANG BUKAN-BUKAN.

Sheikh: Jika khalifa Umar mengatakan perkataan itu, saya tidak mendapatinya sebagai kurang sopan [biadap]. Apabila sesaorang menderita sakit teruk, dia mungkin meracau [berkata yang bukan-bukan]. Jika dia mengatakan sesuatu yang kurang jelas, kita mungkin merujuk kenyataannya sebagai merepek. Dalam perkara ini tidak ada bezanya diantara nabi dengan orang lainnya.

Shirazi: Kamu semua sedar bahawa setiap nabi adalah ma'sum dan sifat ini tinggal kekal sehingga mati. Nabi Muhammad sudah pastinya ma'sum pada kejadian ini apabila dia mengatakan dia hendak menghalang ummahnya dari menyimpang setelah dia wafat.

Jika kamu melihat kepada ayat al-Quran yang mengatakan: 'Dan dia tidak berkata dari kehendaknya; itu hanyalah wahyu yang disampaikan.' 'Dan kamu hendaklah ikut apa yang nabi arahkan keatas kamu,' 'Dan taati Allah dan taati rasul,' kamu sendiri dengan jelas akan memahami bahawa menghalang kertas dan dakwat dari dibawakan kepada nabi adalah sebenarnya menentang Allah. Ini adalah fakta yang diterima bahawa perkataan merepek adalah terang-terangan menghina, dan khalifa menunjukkan kepada baginda nabi sebagai orang itu adalah lebih

menghinakan.

DIALOG SUNNI-SHIA

PERKATAAN ‘ORANG ITU CAKAP MEREPEK’ ADALAH PALING MENGHINAKAN’

Sekarang saya mengatakan kepada kamu, apakah perasaan kamu jika sesaorang di dalam perhimpunan ini menunjukkan kepada kamu dan mengatakan, ‘orang itu hanya mengatakan yang bukan-bukan.’ Kamu dan saya tidak ma’sum dan kita boleh berkata yang bukan-bukan. Bolehkah kamu katakan itu satu kesopanan atau menghina? Jika ucapan yang begitu adalah menghina dalam perkara ini, kamu kenalah menerima sebarang perlakuan begitu terhadap nabi adalah menghina. Dan tiada siapa yang boleh menafikan bahawa telah menjadi tugas di dalam agama bagi setiap muslim menjauhkan diri dari orang yang sedemikian kelakuannya terhadap nabi yang dengan begitu keji dan menghina, sedang Allah dengan jelas memanggil baginda di dalam al-Quran nabiNya dan penutup segala rasul. Jika kamu meninggalkan prejudis kamu, apakah minda kamu yang waras akan katakan terhadap orang ini yang sepatutnya melihat kepada nabi Allah sebagai nabi dan rasul yang terakhir, tetapi berkata, ‘Orang ini telah bercakap yang bukan-bukan.’

KHALIFA TIDAK TIDAK BOLEH TERLEPAS KERANA MENENTANG NABI.

Sheikh: Katakan kita akui bahawa dia telah bersalah. Tetapi oleh kerana dia adalah khalifa nabi dan dia telah menggunakan pertimbangannya untuk keselamatan agama, dia adalah bebas dari kesalahan.

Shirazi: Pertama kenyataan kamu bahawa oleh kerana dia adalah khalifa nabi dan dia menggunakkan pertimbangannya, tidak punya apa-apa kaitan, kerana pada hari yang katakan perkataan itu, dia bukanlah khalifa. Mungkin dia belum mimpikannya lagi.

Kedua kenyataan kamu dia menggunakan pertimbangannya adalah juga memeranjatkan. Tidak pernahkah kamu memikirkan bahawa dihadapan perintah yang jelas, pertimbangan tidak mempunyai tempat? Yang sebenarnya, ia adalah satu kesalahan yang mana siapapun tidak boleh terlepas darinya.

Ketiga kamu katakan bahawa dia melakukan untuk keselamatan agama. Sungguh amat menghairankan ,ulama seperti kamu boleh kehilangan semua pertimbangan keadilan.

NABI BUKANNYA UMAR YANG BERTANGGONG JAWAB DIATAS KESELAMATAN AGAMA.

Tuan yang dihormati! Siapakah yang bertanggong jawab diatas keselamatan

agama – nabi Allah atau Umar bin Khattab? Adakah minda kamu boleh menerima tujuan nabi [selepaskan mengatakan keadaan ‘Kamu tidak akan menyeleweng selepas penulisan wasiat itu] mungkin nabi tidak tahu bahawa penulisan di dalam wasiat itu akan bertentangan dengan agama, atau Umar bin Khattab lebih menyedari mengenainya dan menghalang nabi dari menulis wasiatnya? Betapa peliknya?

Kamu semua tahu benar bahawa sebarang halangan terhadap amalan agama yang perlu adalah dosa yang besar, dan ianya tidak boleh dibiarkan.

Sheikh: Tidak dapat dinafikan bahawa khalifa Umar telah mempertimbangkan keadaan dan kedudukan situasi yang terdapat di dalam agama dan telah membuat rumusan bahawa jika nabi menulis sesuatu, perbezaan besar dan gangguan akan berlaku. Maka adalah untuk menyokong dan kebaikkan untuk nabi juga bahawa dia menghalang dakwat dan kertas dari dibawa kepada baginda.

Shirazi: Tujuan hujah kamu menunjukkan seolah-olah bahawa nabi, yang ma’sum, sedang dia mengarahkan ummahnya, tidak menyedari akan berlakunya pertelingkahan selepas kematian baginda, dan Umar memandu dan menunjukkan kepada baginda dalam perkara ini. Tetapi tidakkah al-Quran telah berkata: ‘Dan tidak dibolehkan bagi lelaki beriman dan wanita beriman bahawa mereka mempunyai pilihan di dalam perkara yang Allah dan rasulnya telah putuskan dalam perkara itu; dan sesiapa yang melanggar perintah Allah dan rasulNya, dia pastinya telah sesat dengan kesesatan yang nyata.’ [33:36] Khalifa Umar melanggar perintah nabi, menghalangnya dari menulis wasiatnya. Lebih-lebih lagi dia biadap dengan mengatakan nabi telah mengatakan yang bukan-bukan. Perbuatan yang melampau ini benar-benar telah melukakan hati nabi sehingga baginda menyuruh mereka semua pergi jauh darinya.

AL-QURAN SAHAJA TIDAK CUKUP UNTUK MENJADI PETUNJUK KITA.

Sheikh: Tetapi niat baik khalifa nampak jelas dengan perkataannya yang terakhir, ‘Kitab Allah adalah cukup untuk kita,’ [iaitu kita tidak memerlukan kepada penulisan nabi Allah]

Shirazi: Sebenarnya perkataan itu adalah bukti yang terbaik pada membuktikan kekurangan kepercayaan dan kejahilannya terhadap al-Quran. Jika dia telah mengetahui kebenaran al-Quran, dia pastinya telah mengetahui bahawa al-Quran sahaja tidak cukup untuk semua keadaan. Ianya hanya menyatakan perkara yang perlu, tetapi penerangan secara khusus telah ditinggalkan kepada penterjemah dan pengulasnya. Al-Quran mengandungi arahan yang semasa [naskh], dimansuhkan, umum, khusus, terhad [muqayyad], perbandingan [mutashabih], mutlaq, secara ringkas [mujmal], jelas [muawwil].

Bagaimana mungkin manusia biasa dapat menfaatkan sepenuhnya dari al-Quran ini tanpa bantuan dari rahmat tuhan dan penterjemahan yang diberikan oleh penterjemahnya. Jika al-Quran sahaja telah cukup untuk ummah, mengapa ayat ini diwahyukan: 'Kamu hendaklah melakukan apa yang nabi Allah mengarahkan keatas kamu untuk lakukan, dan kamu hendaklah menahan diri dari apa-apa yang dia larang kamu darinya.' Allah juga mengatakan di dalam al-Quran: 'Dan jika mereka telah merujuk itu kepada rasul dan orang yang berkuasa diantara mereka, mereka yang diantaranya yang dapat mencari pengetahuan darinya tentu telah mengetahui.' [4:83]

Turutan dari itu bahawa al-Quran sahaja tidak dapat memenuhi kehendak tanpa pengulas dari yang menterjemahkan; iaitu Muhammad dan keturunannya yang suci. Disini saya merujuk sekali lagi kepada hadith yang diterima [yang mana saya telah sebutkan sebahagian dari puncanya pada malam yang lalu] yang mana nabi telah berulang kali walaupun pada ketika saat kematiannya: 'Saya tinggalkan kamu dua perkara penting: Kitab Allah dan ahli bayt ku. Jika kamu berpegang teguh kepada keduanya, kamu tidak akan sesat selepas aku; sesungguhnya keduanya tidak akan berpisah dari satu dengan lain sehingga mereka bertemu dengan aku di pancutan kauthar.'

Nabi, yang diwahyukan oleh Allah, tidak menganggap al-Quran dengan sendirinya [solo] cukup untuk keselamatan. Dia berkata kita hendaklah memegang teguh kepada al-Quran dan ahli bayt, kerana mereka tidak dapat dipisahkan dari keduanya sehingga kehari pengadilan, dan bahawa ini adalah punca petunjuk bagi manusia. Tetapi Umar katakan bahawa al-Quran sahaja cukup untuk kita. Ini menunjukkan bahawa dia tidak sahaja mengenepikan ahli bayt yang suci tetapi juga menolak perintah nabi.

AL-QURAN JUGA MEMINTA KITA MERUJUK AHLI DZIKIR, IAITU, AJLI BAYT.

Siapa yang perlu kita patuh dalam hal ini? Tidak ada manusia yang berakal yang akan mengatakan bahawa kita perlu meninggalkan arahan nabi dan mengikut Umar. Jadi mengapa kamu menerima pendapat Umar, mengenepikan arahan nabi? Jika kitab Allah mencukupi, mengapa kita diarah supaya bertanya kepada ahli dhikir; sebagaimana al-Quran berkata: 'Maka bertanyalah kepada pengikut bagi yang ingat, jika kamu tidak tahu.' [16:43]

Adalah kenyataan bahawa dhikir bererti nabi atau al-Quran dan ahli dhikir bererti ahli bayt nabi.

Saya telah menjelaskan pada malam yang lalu dengan hujah yang diterima dan punca yang sahih bahawa ulama kamu seperti Suyuti dan lainnya telah merakamkan bahawa ahli dhikir bererti ahli bayt.

QUTBU’D-DIN SHIRAZI MEMBANTAH PERKATAAN UMAR.

Qutbu’d-Din Shirazi, seorang ulama yang terkenal kamu, berkata di dalam bukunya Kashful-Ghuyub: ‘Adalah fakta yang telah diterima bahawa kita boleh bergerak maju pada perjalanan tanpa petunjuk. Kami hairan dengan kenyataan khalifa Umar bahawa, oleh kerana kita mempunyai al-Quran bersama kita, maka kita memerlukan kepada sebarang petunjuk. Ianya seperti sesaorang mengatakan bahawa, oleh kerana kita mempunyai buku perubatan, kita tidak memerlukan kepada doktor. Pastinya ini adalah anggapan yang palsu kerana sesaorang yang tidak dapat menyelesaikan masalahnya dengan membaca buku perubatan hendaklah berjumpa dengan doktor. Begitulah sama benarnya dengan al-Quran. Setiap orang tidak dapat memanfaatkan darinya melalui kebolehan. Maka dia perlu beralih kepada mereka yang berpengetahuan al-Quran.

Al-Quran berkata: ‘Dan jika mereka merujuk kepada rasul, dan orang yang mempunyai kuasa diantara mereka, dia diantara mereka yang boleh mencari pengetahuan darinya, dan mengetahuinya..’[4:83]

Yang pastinya kitab yang sebenar adalah hati orang yang mempunyai pengetahuan, sebagaimana al-Quran berkata: ‘Sebenarnya ini adalah perhubungan yang jelas di dalam dada mereka yang diberikan pengetahuan.’ [29:49]

Ali berkata: ‘Saya adalah kitab Allah yang berkata-kata, dan ini adalah al-Quran yang bisu.’

Maka menurut manusia yang berpengetahuan Umar telah bersalah. Ianya adalah sesuatu yang kejam terhadap nabi Allah yang dilarang dari menulis wasiatnya.

ABU BAKR TIDAK DILARANG DARI MENULIS WASIATNYA.

Dengan berulang kali kamu mengatakan bahawa Abu Bakr dan Umar telah tidak dihalang dari menulis wasiatnya, saya mengaku itu adalah benar. Adalah aneh, sebagaimana semua ahli sejarah dan para hadith kamu telah merakamkan di dalam buku sahih mereka, bahawa khalifa Abu Bakr, pada saat kematiannya menyuruh Uthman bin Affan menulis apa yang dia [Abu Bakr] telah katakan. Itu adalah wasiatnya. Dia menuliskan apa yang Abu Bakr katakan kepadanya. Umar dan yang lain juga ada pada peristiwa itu. Tidak ada siapa membantah. Umar tidak mengatakan: ‘Kitab Allah mencukupi bagi kita; kita tidak memerlukan wasiat Abu Bakr.’ Tetapi dia tidak membenarkan nabi Allah menulis wasiatnya.

Ini menunjukkan bahawa semua tindakkan yang biadap dan keji serta menghalang nabi dari menulis wasiat adalah konpirasi politik.

Tangisan Ibn Abbas adalah wajar. Ummah muslim semua sepatutnya menangiskan

air mata darah. Jika nabi telah diberikan peluang untuk menulis wasiatnya, masalah khalifa dengan jelas telah diselesaikan. Kenyataan nabi sebelum itu akan terlaksana [ummah terselamat dari kesesatan].Tetapi ahli poloitik telah memberontak menentang dan menghalangnya dari terlaksana.

Sheikh: Mengapa kamu katakan bahawa nabi hendak mengatakan sesuatu mengenai khalifa?

Shirazi: Sebelum nabi wafat segala perundangan yang penting telah diwahyukan. Ayat pada 'Kesempurnaan agama,' telah menjelaskannya. Pastinya perkara khalifa kerana ia akan memastikan bahawa tidak terdapat sebarang kekeliruan mengenai perkara perundangan itu. Saya sudahpun menjelaskan kepada kamu bahawa Imam Ghazali di dalam bukunya Sirru'l-Alamin (Maqala IV) telah merakamkan bahawa nabi berkata: 'Bawakan dakwat dan kertas supaya saya dapat menghilangkan dari fikiran kamu segala keraguan mengenai khalifa dan bahawa saya mengulangi lagi kepada kamu siapa yang berhak kepada kedudukan itu.' Kata-katanya, 'supaya kamu tidak akan sesat selepas aku,' membuktikan bahawa tujuan wasiatnya adalah petunjuk bagi ummah. Di dalam perkara petunjuk, tidak ada penekanan yang diperlukan melainkan berkenaan dengan kedudukan khalifa dan Imami.

Selain dari itu kami tidak menekankan pada maksud bahawa nabi hendak menyatakan sesuatu mengenai khalifa atau Imami. Yang pastinya adalah nabi hendak menuliskan sesuatu mengenai petunjuk untuk ummah supaya mereka tidak akan sesat selepas baginda. Jadi mengapa nabi tidak dibenarkan menulis wasiatnya. Katakanlah menahan baginda dari menulis wasiat adalah wajar, adakah perlu juga untuk menghina dan memalukan baginda?

MAKA ADALAH JELAS BAHAWA ALI ADALAH PENGGANTI NABI SETERUSNYA..

Perkara ini telah menjelaskan bahawa Ali adalah pengganti nabi seterusnya. Walaupun nabi telah berulang kali menyatakan fakta ini terdahulu, dia hendak disaat-saat akhir merakamkannya di dalam wasiat supaya tanggong jawab ummah boleh diperkukuhkan. Tetapi ahli politik telah tahu apa yang nabi hajatkan, maka mereka menghalang nabi dari melakukannya dengan menghinakan baginda.

Nabi telah menegaskan di dalam banyak hadithnya bahawa Allah maha besar telah melantik wazir untuk nabi-nabinya: Adam, Nuh, Musa, Isa dan yang lainnya, dan akhirnya Dia melantik untuk nabi wazirnya, Ali.

Nabi juga berkata: 'Ali adalah pengganti saya seterusnya selepas saya di dalam ahli bayt dan juga ummah.'

Sheikh: Jika kenyataan ini dikatakan sebagai benar, ianya tidak disampaikan

dengan penyampaian yang sempurna. Bagaimana kamu boleh dapatkan pengesahan darinya?

Shirazi: Kesahihan pendapat mengenai wasiat nabi menurut kami telah dibuktikan oleh kenyataan dari keturunan nabi. Lebih-lebih lagi, jika kamu masih ingat bahawa saya telah mengatakan pada malam yang terdahulu bahawa ulama kamu telah menganggap hadith yang disampaikan oleh satu orang sebagai sah. Sebaliknya, di dalam rakaman ini, jika tidak terdapat persamaan di dalam perkataan, yang pastinya maksud hadith itu secara umumnya adalah sama.

HADITH 'LA NURIS' DITOLAK.

Sebaliknya, kamu yang mengadakan syarat tidak petingnya perakaman rantaian yang berterusan. Apabila kamu telah disenyapkan oleh hujah kami, kamu cuba berselindung disebalik perlunya rantaian penyampai yang berterusan. Bolehkah kamu buktikan penyampaian rantaian yang berterusan untuk hadith 'la nuris' [Kami para nabi tidak meninggalkan warisan…] Kamu sendiri mengaku bahawa penyampai hadith itu adalah Abu Bakr atau Aus bin Hadasan. Tetapi jutaan yang beriman dan muslim yang ikhlas di dalam setiap era telah menolak hadith yang kamu katakan itu. Bukti yang terbaik untuk menunjukkan pemalsuan hadith itu adalah ianya telah ditolak oleh pintu bagi pengetahuan nabi, Ali, dan juga oleh semua keturunan nabi. Manusia suci ini mempunyai bukti bahawa hadith itu adalah palsu.

Sebagaimana yang saya telah katakan dahulu, nabi berkata: 'Bagi setiap nabi terdapat wazir dan pewaris; sesungguhnya Ali adalah pengganti dan pewaris saya.'

KHALIFA KEPUNYAAN PEWARIS PENGETAHUAN.

Jika kamu kata pewarisa mereka tidak bererti pewarisan harta tetapi kepada pengetahuan [walaupun telah dibuktikan bahawa ianya bererti pewarisan harta] tujuan maksud kami menjadi bertambah jelas. Pewaris bagi pengetahuan nabi lebih berhak kepada kedudukan khalifa lebih dari mereka yang tidak mempunyai pengetahuan nabi.

Kedua; telah dibuktikan bahawa nabi telah menjadikan Ali pengganti dan pewarisnya, menurut dari hadith yang disampaikan oleh ulama kamu. Allah yang telah melantik Ali kepada kedudukan itu. Bolehkah nabi telah cuai untuk memberitahu pewaris dan penggantinya?

Adalah amat pelik bahawa di dalam menyelesaikan persoalan perundangan agama Abu Bakr dan Umar menerima keputusan Ali. Ulama dan ahli sejarah kamu telah merakamkan keputusan yang dinyatakan oleh Ali semasa pemerintahan khalifa Abu Bakr, Umar dan Uthman.

Hafiz: Adalah aneh kamu katakan bahawa khalifa tidak tahu perundangan agama dan Ali selalu mengingatkan mereka.

Shirazi: Tidak ada yang pelik mengenainya. Untuk mengetahui kesemua perundangan itu amatlah susah. Tidak mungkin untuk sesaorang mendapat pengetahuan yang sempurna melainkan dia adalah nabi Allah atau pintu bagi pengetahuan nabi. Ulama kamu telah merakamkan fakta ini di dalam buku sahih mereka. Saya berikan contohnya supaya mereka yang kurang pengetahuan tidak akan memikirkan bahawa saya katakan ini untuk menentang mereka.

KEPUTUSAN ALI MENGENAI WANITA YANG MELAHIRKAN BAYI SELEPAS ENAM BULAN HAMIL.

Imam Ahmad Hanbal di dalam Musnad; Imamu'l-Haram Ahmad Bin Abdullah Shafi'i di dalam Dhakha'ir-e-Uqba; Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha; dan Sheikh Sulayman Hanafi di dalam Yanabiu'l-Mawadda, Bab 56, menyebut dari Ahmad Bin Abdullah; Ahmad Bin Hanbal, Qala'i; dan Ibn Saman menyatakan insiden yang berikut:

'Umar hendak merejam seorang wanita kerana dia melahirkan seorang bayi selepas enam bulan hamil. Ali berkata: 'Allah mengatakan di dalam al-Quran bahawa waktu dari permulaan hamil sehingga waktu yang dinyatakan untuk penyusuan, mengambil masa selama 30 bulan. Oleh kerana waktu penyusuan adalah 2 tahun, maka waktu hamil adalah enam bulan. Ini bererti bahawa bayi berkemungkinan dilahirkan setelah menggandung enam bulan.' Maka Umar telah membebaskan wanita tersebut dan berkata: 'Jika Ali tidak ada disana, Umar pasti akan binasa.'

Di dalam bab yang sama dia menyebutkan dari Ahmad bin Hanbal, buku Manaqib: 'Apabila Umar menghadapi masalah yang sukar untuk dia memahami, dia bergantung pada pemahaman Ali.' Beberapa peristiwa yang sedemikian telah berlaku semasa pemerintahan Abu Bakr dan juga Uthman. Apabila mereka terikat dengan perkara yang rumit mereka bergantung kepada Ali sebagai penyelesainya. Mereka bertindak dengan keputusan yang dibuat oleh Ali.

Sekarang kamu akan tertanya-tanya kenapa mereka tidak menerima keterangan Ali di dalam kes Fadak. Di dalam kes itu mereka memilih untuk mengikuti kehendak mereka dan merampas hak Fatima.

HADITH 'LA NURIS' TIDAK DIGUNAKAN KEPADA HARTA YANG LAIN.

Hujah ketiga pada pembuktian bahawa palsunya hadith itu adalah kenyataan dan tindakan Abu Bakr sendiri. Jika hadith itu benar, apa sahaja yang ditinggalkan nabi akan disita [diambil kerana harta ummah]. Pewarisnya tidak punya hak pada apa sahaja yang ditinggalkan oleh nabi, tetapi Abu Bakr memberi Fatima rumahnya

dan juga tempat kediaman para isteri nabi yang lain, Aisha, Hafsa dan yang lainnya sebagai pusaka mereka.

ABU BAKR MEMULANGKAN FADAK KEPADA FATIMA DAN UMAR MENGHALANGNYA.

Selain itu, jika hadith itu adalah benar dan Abu Bakr percaya bahawa itu adalah arahan nabi, jadi mengapa, setelah merampasnya Fadak [yang mana dia menganggapnya sebagai sedekah yang dimilikki oleh ummah] dia menulis dokumen bahawa harta itu hendaklah dipulangkan kepada Fatima? Kemudian Umar menghalang dan memusnahkan dokumen itu.

Hafiz: Ini adalah kenyataan yang unik. Saya tidak pernah mendengar bahawa khalifa memulangkan Fadak. Apakah punca laporan itu?

Shirazi: Hingga kini saya rasa mungkin kamu semua telah tahu bahawa saya tidak pernah membuat kenyataan yang saya tidak dapat menyokong sepenuhnya. Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha dan Ali Bin Burhanu'd-din Shafi'i di dalam Ta'rikh Siratu'l-Halabiyya, jilid III, ms 391, menulis bahawa Abu Bakr telah tergerak sehingga menangis oleh ucapan rayuan Fatima. Dia menangis kerana rayuan Fatima dan seterusnya menulis surat mengatakan bahawa harta itu hendaklah dipulangkan kepadanya. Tetapi Umar hancurkan dokumen itu.

Ini bertambah pelik bahawa Umar yang sama, semasa pemerintah khalifa Abu Bakr menentang pemulangan Fadak, telah memulangkan kepada pewarisnya semasa pemerintahnya. Begitu juga khalifa Amawid dan Abbasid telah pulangkan Fadak kepada pewaris Fatima.

Hafiz: Apa yang kamu katakan memang sebenarnya memeranjatkan. Bagaimana boleh terjadi bahawa khalifa Umar yang menurut kenyataan kamu, sangat keras menghalang pemulangan Fadak kepada Fatima, telah sendirinya memulangkan Fadak kepada waris Fatima?

Shirazi: Sungguh aneh bukan, sudah semestinya. Saya serahkan dengan keizinan kamu, laporan dari ulama kamu yang diiktiraf dengan pengesahan dari khalifa yang memulangkan dan mengambil semula Fadak.

KHALIFA MEMULANGKAN FADAK KEPADA KETURUNAN FATIMA.

Ahli hadith dan sejarah Madina yang terkenal, Allama Samhudi (mati 911 H.), di dalam Ta'rikhu'l-Medina dan Yaqut Bin Abdullah Rumi di dalam Mu'ajamu'l-Buldan, mengatakan bahawa semasa pemerintahannya, Abu Bakr mengambil penguasaan Fadak. Umar semasa perintahannya, memulangkannya kepada Ali dan Abbas. Jika Abu Bakr mengambilnya mengikut arahan nabi dan menganggapnya sebagai harta ummah, atas dasar prinsip apa Umar memulangkan harta milik ummah kepada orang perseorangan?

Sheikh: Mungkin niatnya di dalam memberikan harta itu kepada orang peseorangan adalah untuk mengekalkannya di dalam pemilikan muslim.

Shirazi: Adakalanya saksi lebih bijak dari pendakwa yang kepadanya dia memberikan bukti. Khalifa tidak mempunyai ingatan yang sedemikian. Jika harta itu telah dipulangkan untuk perbelanjaan muslim, tentu sejarah telah merakamkan yang sedemikian. Tetapi semua ahli sejarah kamu telah menulis bahawa ianya telah dilepaskan kepada Ali dan Abbas. Ali menerima Fadak sebagai pewaris yang sah; bukan sebagai individu muslim. Seorang muslim tidak boleh memilikki harta milik semua ummah.

PEMULANGAN FADAK OLEH UMAR IBN ABDUL-AZIZ.

Sheikh: Mungkin rujukan itu adalah Umar Ibn Abdul-Aziz.

Shirazi: Ali dan Abbas tidak hidup dimasa Umar bin Abdul-Aziz. Itu adalah cerita yang lain. Allama Samhudi di dalam Ta'rikhu'l-Medina dan Ibn Abi'l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV, ms 81, mengatakan dari Abu Bakr Jauhari bahawa apabila Umar Bin Abdu'l-Aziz menduduki khalifa, dia menulis kepada gabenor Madina untuk memulangkan Fadak kepada keturunan Fatima. Dengan itu, dia memanggil Hasan Bin Hasanu'l-Mujtaba [dan menurut dari sebahagian kenyataan dia memanggil Imam Ali Ibnul-Husain] dan memulangkan Fadak kepadanya.

Ibn Abil-Hadid menulis mengenainya di dalam Sharh-Nahjul-Balagha, jilid IV, ms 81, dengan perkataan yang berikutnya: 'Ini adalah harta pertama yang dirampas secara kejam dan kemudian diberikan kepada keturunan Fatima oleh Umar ibn Abdul-Aziz.' Ianya tinggal di dalam milik mereka untuk sekian lama sehingga khalifa Yazid Ibn Abdul-Malik merampasnya kembali. Maka Bani Umayya memilikkinya kembali. Apabila kedudukan khalifa pergi ke Bani Abbas, khalifa Abbasid pertama, Abdulla Saffa, menyerahkan Fadak kepada keturunan Imam Hasan, yang telah mengagihkan pendapatannya, menurut hak pewaris kepada keturunan Fatima.

MEMULANGKAN FADAK KEPADA KETURUNAN FATIMA OLEH ABDULLAH MAHDI DAN MAMUN, ABBASID.

Apabila Mansur membunuh keturunan Imam Hasan, dia merampas semula Fadak dari mereka. Apabila anaknya, Mahdi, menjadi khalifa, dia memulangkan semula kepada mereka. Apabila Musa bin Hadi menjadi khalifa, dia sekali lagi merampas Fadak. Apabila Mamunur-Rashid Abbasid menjadi khalifa, dia memerintahkan Fadak diserahkan kepada keturunan Ali.

Yaqut Hamawi menyebut Mamun mengarah di dalam Mu'ajamu'l-Buldan. Mamun menulis kepada gabenornya di Madina: Sesungguhnya, nabi Allah memberikan Fadak kepada anak perempuannya, Fatima. Faktanya telah jelas dan diketahui

umum oleh keturunan nabi.’

Penyair terkenal, Di’bal Khuza’I, juga hadir pada masa itu. Dia menyatakan beberapa rangkap, yang pertama darinya bermaksud: Hari ini kami semua bergembira dan senang. Mamun telah pulangkan Fadak kepada Bani Hashim.’

BUKTI BAHAWA FADAK TELAH DIBERIKAN KEPADA FATIMA.

Ianya telah dibuktikan dengan hujah yang jelas bahawa Fadak telah diberikan oleh nabi kepada Fatima. Ianya telah dirampas dengan tanpa sebab. Tetapi kemudian khalifa, diatas dasar keadilan atau pertimbangan politik, memulangkannya kepada keturunan wanita yang telah dizalimi.

Hafiz: Jika Fadak telah diberikan kepadanya sebagai hadiah, mengapa dia menuntutnya sebagai warisan, dan tidak mengatakan apa-apa mengenai hadiah?

Shirazi: Pada mulanya dia menuntut sebagai hadiah. Tetapi apabila saksi diminta dari pemilik harta, yang mana telah bertentangan kepada perintah nabi islam, dia mengadakan saksi. Keterangan mereka ditolak. Maka dia terpaksa mencari perlindungan dibawah undang-undang pewarisan.

Hafiz: Saya rasa awak telah tersilap. Kita tidak pernah melihat sebarang rekod mengenai tuntutan Fatima bahawa Fadak adalah hadiah.

Shirazi: Tidak. Saya tidak salah. Fakta ini tidak sahaja dirakamkan di dalam buku shia, tetapi telah juga ditulis di dalam buku ulama kamu yang terkenal. Ianya telah dirakamkan di dalam Siratu’l-Halabiyya, ms 39, disusun oleh Ali Bin Burhanu’d-din Halabi Shafi’i (mati 1044 H.), bahawa pada mulanya Fatima menyatakan kepada Abu Bakr bahawa Fadak miliknya dan telah diberikan oleh nabi Allah. Oleh kerana tiada saksi, dia terpaksa menuntut menurut perundangan pewarisan.

Juga Fakhru’d-din Razi di dalam Tafsir-e-Kabir mengenai tuntutan Fatima; Yaqut Hamawi di dalam Mu’ajamu’l-Buldan; Ibn Abi’l-Hadid Mu’tazali di dalam Sharh-e-Nahju’l-Balagha, jilid IV, ms 80, dari Abu Bakr Jauhari dan yang fanatik Ibn Hajar di dalam Sawa’iq-e-Muhriqa, ms 21, di bawah tajuk Shuhubhat-e-Rafza, VII Shubha, menyatakan bahawa tuntutan Fatima pertama adalah hadiah. Apabila saksinya ditolak dia merasa keciwa dan berkata dengan marah bahawa dia tidak akan berkata-kata dengan Abu Bakr dan Umar lagi.

Maka begitulah jadinya… dia tidak pernah kelihatan lagi berkata-kata dengan mereka. Apabila waktu kematiannya tiba, dia tentukan di dalam wasiatnya bahawa orang-orang ini tidak boleh mengambil bahagian di dalam solat jenazahnya. Bapa saudaranya Abbas, melakukan solat jenazah, dan dia dikebumikan pada malam hari. Menurut dari punca shia dan kenyataan Imam yang suci Ali melakukan solat jenazah.

HUJAH BAHAWA ABU BAKR BERTINDAK MENURUT ‘AYAT PEMBUKTIAN’ DAN JAWAPAN KEPADANYA.

Hafiz: Tidak dapat diragukan dan telah pasti Fatima merasa marah, tetapi Abu Bakr juga tidak boleh dipersalahkan. Dia terpaksa bertindak menurut akta perundangan agama. Oleh kerana ‘ayat pada pembuktian’ adalah berpengertian umum, dan bagi yang menuntut hendaklah mengemukakan dua orang saksi lelaki, atau satu lelaki dan dua wanita atau empat wanita sebagai saksi, dan oleh kerana di dalam kes ini jumlah saksi tidak mencukupi, khalifa tidak dapat memberikan keputusannya menyebelahi Fatima.

Shirazi: Hafiz Sahib telah berkata bahawa khalifa telah terpaksa bertindak menurut perundangan agama dan oleh kerana pembuktian sempurna tidak diperolehi dia tidak dapat menjatuhkan hukuman berpihak kepadanya. Saya akan menjawab pada maksud ini, dan saya meminta kamu untuk berlaku adil di dalam menilai ulasan saya.

UNTUK MEMINTA SAKSI DARI PEMILIK ADALAH BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG.

Pertama kamu katakan Abu Bakr terpaksa diawah undang-undang agama. Tolong beritahu kepada saya perundangan agama yang mana meminta saksi dari orang yang memiliki harta? Telah dibuktikan bahawa Fatima adalah pemilik Fadak; sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama, Abu Bakr meminta saksi dari dia adalah bertentangan dengan undang-undang agama. Tidakkah undang-undang agama kita meminta pendakwa yang mengeluarkan saksi dan bukan pemilik harta [pembela]?

Kedua; tiada siapa menafikan pengertian umum ayat pada pembuktian, tetapi ianya juga mempunyai pengertian yang khusus.

Hafiz: Apa yang kamu maksudkan dengan pengertian khusus?

Shirazi: Bukti untuk ini adalah bukti yang direkodkan di dalam buku hadith sahih kamu; mengenai Khazima Ibn Thabit. Dia memberikan pembuktian pada menyokong nabi di dalam kes mengenai penjualan kuda. Seorang Arab telah membuat tuntutan kepada nabi dan dia [Khazima] pembuktian seorang telah dianggap mencukupi. Nabi memberikannya nama panggilan Dhush-Shahadatain kerana dia telah dianggap sebagai sama dengan dua saksi yang adil. Contoh ini menunjukkan bahawa ‘ayat pada pembuktian’ membolehkan kita menerima satu saksi dibawah keadaan tertentu. Apabila Khazima, seorang yang beriman dan hanya sahabat diantara ummah, telah di kecualikan dengan ayat tersebut, maka Ali Dan Fatima yang ma’sum menurut dari ayat kesucian, sepatutnya di dalam kedudukan yang lebih baik pada menikmati pengecualian ini. Mereka berdua

pastinya bebas dari penipuan. Untuk menolak keterangan mereka adalah untuk menolak keterangan Allah.

MENOLAK SAKSI FATIMA ADALAH BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG AGAMA.

Hazrat Fatima menuntut bahawa Fadak telah diberikan kepadanya oleh bapanya, dan di dalam milik dan kawalannya semasa hidup nabi. Dia telah diminta mengadakan saksi. Dia mengadakan Amirul-Mukminin Ali Ibn Abi Talib, Hasan dan Husain sebagai saksinya Tetapi keterangan mereka ditolak. Tidakkah tindakkan ini kejam? Tidak dapat diterima akal bagaimana sesaorang boleh menolak pengakuan Ali. Allah maha besar telah berkata di dalam al-Quran bahawa kita hendaklah bersama Ali, kita hendaklah mengikutinya. Zaid-e-Adl telah menjadi penyatuan dengan kebenaran disebabkan kebenaran yang teramat sangat. Begitu juga Ali telah dipanggil yang benar sebagaimana Allah berkata: ‘Wahai orang-orang yang beriman! Takutlah kamu kepada Allah dan bersamalah dengan mereka yang benar.’ [9:119] Orang yang benar merujuk kepada nabi Muhammad, Ali dan ahli bayt.

YANG BENAR MERUJUK KEPADA MUHAMMAD DAN ALI.

Hafiz: Bagaimana ayat ini membuktikan pandangan kamu, yang mungkin bererti bahawa mengikut Ali adalah wajib kepada kami?

Shirazi: [1] Ulama kamu yang terkenal telah menulis di dalam buku mereka dan juga ulasan bahawa ayat ini telah diwahyukan di dalam memuji Muhammad dan Ali. ‘Mereka yang benar’ merujuk kepada mereka berdua, dan menurut dari sebahagian kenyataan ia bererti Ali; dan yang lain lagi merujuk kepada keturunan Muhammad.

Imam Tha’labi di dalam ulasan Kashfu’l-Bayan, Jalalu’d-din Suyuti menyatakan dari Ibn Abbas di dalam Durru’l-Manthur, Hafiz Abu Sa’id Abdu’l-Malik Bin Muhammad Khargushi menyatakan dari Asma’is di dalam Sharafu’l-Mustafa, dan Hafiz Abu Nu’aim Ispahani di dalam Hilyatu’l-Auliya mengatakan bahawa nabi berkata: ‘Ini mereka yang benar adalah Muhammad dan Ali.’

Sheikh Sulayman Hanafi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, bab 39, ms 1191, mengatakan dari Muwaffaq Bin Ahmad Khawarizmi, Hafiz Abu Nu’aim Ispahani, dan Hamwaini menyatakan pada pengeahan Ibn Abbas, yang berkata: ‘Didalam ayat ini ‘mereka yang benar’ adalah Muhammad dan keturunannya yang suci.’

Dan Sheikhu’l-Islam Ibrahim Bin Muhammad Hamwaini, seorang ulama kamu yang terkenal, di dalam Fara’idu’s-Simtain, Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib, bab 62, dan Muhadith Sham di dalam Ta’rikh, mengatakan dari puncanya, menulis: ‘Dengan yang benar, iaitu, bersama Ali Ibn Abi Talib.’

[2] Allah berkata: ‘Dan dia yang membawa kebenaran, dan dia yang menerima kebenaran – inilah mereka yang memelihara [dari kejahatan].’ [39:33]

Jalalu’d-din Suyuti di dalam Durru’l-Manthur, Hafiz Ibn Mardawiyya di dalam Manaqib, Hafiz Abu Nu’aim di dalam Hilyatu’l-Auliya, Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib, bab 62, dan Ibn Asakir di dalam Ta’rikh, mengatakan dari pengulas pilihan, menyatakan yang berikut dengan pengesahan Ibn Abbas dan Mujahid:

‘Dia yang membawa kebenaran adalah Muhammad dan dia yang mengesahkannya adalah Ali Ibn Abi Talib.’

[3] Allah berkata di dalam surah Hadid dari al-Quran: ‘Dan mereka yang benar-benar percaya kepada Allah dan rasulnya, ini adalah mereka yang benar dan taat pada pandangan tuhan mereka; mereka pasti dapat ganjaran dan cahaya mereka..’[57:19]

Imam Ahmad Ibn Hanbal di dalam Musnad dan Hafiz Abu Nu’aim Ispahani di dalam Manazil Mina’l-Qur’an Fi Ali, menyatakan dari pengesahan ibn Abbas bahawa ayat itu pada memuji Ali merujuk kepadanya sebagai diantara mereka yang benar.

[4] Di dalam surah Nisa Allah berkata: ‘Dan sesiapa mentaati Allah dan rasul, ini adalah mereka yang diatasnya Allah telah berikan nikmat dari diantara nabi-nabi dan yang benar dan yang syahid dan yang baik dan merekalah teman yang baik-baik.’ [4:69]

Di dalam ayat ini juga yang benar merujuk kepada Ali. Terdapat banyak hadith oleh ulama kamu dan juga kami, yang menunjukkan bahawa Ali adalah yang benar dan sebenarnya yang paling mulia dari yang benar.

ALI YANG PALING TINGGI DIANTARA YANG BENAR

Banyak dari ulama terkenal kamu telah menulis di dalam buku mereka bahawa nabi berkata: ‘Terdapat 3 orang yang paling benar – Hizqil, seorang yang beriman diera Firaun; Habib Najjar di dalam surah Yasin dan Ali Ibn Abi Talib yang melebihi dari mereka semua.’ Nama yang berikut ini semuanya telah merakamkan hadith tersebut: Imam Fakhru’d-din Razi di dalam Tafsir Kabir; Imam Tha’labi di dalam Kashfu’l-Bayan; Jalalu’d-din Suyuti di dalam Durru’l-Manthur; Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam Musnad; Ibn Shirwaih di dalam Firdaus; Ibn Abi’l-Hadid di dalam Sharh-e-Nahju’l-Balagha, jilid II, ms 451; Ibn Maghazili Shafi’i di dalam Manaqib; dan Ibn Hajar Makki di dalam Sawa’iq-e-Muhriqa [30 dari 40 hadith yang dia ulas semuanya mengenai kemuliaan Ali] menyebutnya dari Bukhari, yang mengatakan dari Ibn Abbas, dengan pengecualian rangkap yang terakhir.

Juga Sheikh Sulayman Balkhi di dalam Yanabiu’l-Mawadda, bab 42, menyebutnya

dari Musnad Imam Hanbal; Abu Nu’aim Ibn Maghazili Shafi’i; penulis terkenal Khawarizmi, menyebutnya dari Abu Laila dan Abu Ayyub Ansari, di dalam Manaqib; Ibn Hajar di dalam Sawa’iq, [dan banyak lagi yang lain] menyebutkan bahawa nabi berkata: ‘Terdapat 3 orang yang paling benar: - Habib Hajjar, seorang beriman yang disebutkan di dalam surah Yasin yang berkata: ‘Wahai manusia! Ikutilah para nabi;’ Hizqil, seorang yang beriman dizaman Firaun, yang berkata, ‘‘Adakah kamu membunuh sesaorang yang menyembah Allah?’ dan Ali Ibn Abi Talib, yang tertinggi dari mereka semua.’

Manusia menjadi hairan melihat bagaimana pemahaman kamu telah dikelirukan oleh kefanatikkan. Kamu sendiri membuktikan dengan berbagai hadith dan disahkan oleh al-Quran, bahawa Ali menduduki tempai yang tertinggi diantara yang benar dan sebaliknya kamu mengelar orang lain sebagai siddiq, walaupun tidak terdapat satu ayat pun yang telah mengatakan mengenai dirinya sebagai benar.

Tuan-tuan! Berlaku adillah. Adakah patut untuk menolak keterangan orang yang dikatakan oleh Allah sebagai siddiq di dalam al-Quran, seorang yang telah diarahkan untuk kita ikuti?

ALI BERSAMA KEBENARAN DAN AL-QURAN.

Nabi berkata: ‘Ali bersama kebenaran dan kebenaran berputar mengelilingi dia.’ Khatib Baghdadi di dalam Ta’rikh, jilid IV, ms 321, Hafiz Ibn Mardawiyya di dalam Manaqib, Imam Ahmad Bin Hanbal di dalam Masnad, Fakhru’d-din Razi di dalam Tafsir-e-Kabir, jilid I, ms 111, Ibn Hajar Makki di dalam Jam’u’s-Saghir, jilid II, ms 74,75, 140 dan Sawa’iq-e-Muhriqa, bab IX, Fasl 11, hadith 21, menyebutnya dari Umme Salma dan Ibn Abbas juga di dalam Yanabiu’l-Mawadda, bab 65, ms 185, diambil dari Jam’u’s-Saghir oleh Jalalu’d-din Suyuti, dengan sedikit tambahan, di dalam Ta’rikhu’l-Khulafa, ms 116, Faizu’l-Qadir, jilid IV, ms 358, menyebutnya dari Ibn Abbas, Manaqibu’s-Sabi’in, ms 237, hadith 44 menyebutnya dari pengarang Firdaus; Sawa’iq-e-Muhriqa, bab 59, bahagian 2, ma 238, menyebutnya dari Umme Salma dan Muhammad Bin Yusuf Ganji Shafi’i di dalam Kifayatu’t-Talib, sebahagian dari mereka menyebutnya dari Umme Salma, sebahagian dari A’yesha dan sebahagian dari Muhammad Bin Abu Bakr, semua menyampaikan bahawa mereka mendengar nabi berkata: ‘Ali bersama al-Quran dan al-Quran bersama Ali; tidak terdapat berbezaan diantara keduanya, dan mereka tidak akan berpisah sehinggalah mereka bertemu dengan saya ditasik kauthar.’

Sebahagian penyampai telah menyatakan perkataan ini, ‘Kebenaran ada bersama Ali, dan Ali selalu bersama yang benar. Tidak ada perbezaan diantara keduanya, dan keduanya tidak akan berpisah dari satu dengan yang laiannya.’

Ibn Hajar menulis di dalam Sawa’iq-e-Muhriqa, bab 9, bahagian 2, ms 77, bahawa

nabi ketika diranjang kematian berkata: ‘Saya tinggalkan bersama kamu dua perkata: Kitab Allah dan keturunan saya, ahli bayt.’ Kemudian memegang tangan Ali, dia mengangkatnya dan berkata: ‘Ini Ali bersama al-Quran dan al-Quran bersama Ali. Keduanya tidak akan saling berpisah sehingga mereka bertemu dengan saya ditasik Kauthar. Kemudian saya akan tanya mereka mengenai perkara penggantian.’

Dan secara umum ianya telah disampaikan bahawa nabi berkata: ‘Ali adalah dengan kebenaran dan kebenaran bersama dengan dia. Mereka berputar diantara sesama mereka.’

Sibt Ibn Jauzi, di dalam Tadhkirat-e-Khawasu’l-Umma, ms.20, di dalam berkaitan dengan hadith ghadir, menyampaikan bahawa nabi berkata: ‘Dan yang benar itu bergerak mengelilingi Ali, di arah mana saja yang dia tuju.’ Sibt mengulasnya dengan berkata, ‘Hadith ini membuktikan jika ada terdapat perbezaan diantara Ali dengan para sahabat yang lain, yang benar pastinya bersama Ali.’

PATUH KEPADA ALI ADALAH PATUH KEPADA ALLAH DAH NABINYA.

Telah dirakamkan di dalam buku yang telah disebutkan dan buku-buku sahih yang lain dari kamu bahawa nabi selalu berkata: ‘Sesiapa yang patuh kepada Ali patuh kepada saya, dan seiapa yang patuh kepada saya patuh kepada Allah. Sesiapa yang engkar kepada Ali sesungguhnya engkar kepada saya dan sesiapa yang engkar kepada saya sesungguhnya telah engkar kepada Allah.’ Abu’l-Fath Muhammad Bin Abdu’l-Karim Shahrastani menyatakan di dalam Milal-wa-Nihal bahawa nabi berkata: ‘Yang sebenarnya adalah bahawa Ali adalah selalu benar, dan mereka yang mengikutnya adalah dijalan yang benar.’

Dengan segala kenyataan yang jelas yang telah disampaikan oleh buku kamu yang sahih, tidakkah menolak kepada Ali sama juga ertinya menolak kepada nabi?

KHALIFA ABU BAKR TIDAK MENGIKUTI PEMBUKTIAN PERUNDANGAN DI DALAM KES-KES LAIN.

Petunjuk kedua yang kamu telah katakan bahawa khalifa terpaksa bertindak dengan etika perundangan agama, oleh kerana ‘ayat pada pembuktian’ dengan maksudnya yang umum telah diguna pakai di dalam kes ini. Maka dengan ketiadaan saksi, dia tidak dapat memberikan ‘harta kepunyaan muslim’ kepada Fatima, pada dasar tuntutan dia seorang sahaja. Bahkan dia sungguh berhati-hati sehingga dia telah meminta, dengan bertentangan pada perundangan agama, saksi pada pemilik harta sebenar. Pertama saya telah katakan Fadak bukanlah harta milik muslim. Ianya telah diberikan kepada Fatima sebagai hadiah oleh bapanya, dan telah menjadi miliknya dari ketika itu.

Kedua, jika khalifa sebenarnya hendak mengikut perundangan agama, dia

hendaklah dengan tegas mengikutinya di dalam semua keadaan. Mengapa dia memakai polisi dua cara berlainan? Dia biasa memberikan harta muslim kepada orang lain hanya dengan kata-kata sesaorang tanpa meminta bukti atau saksi. Tetapi di dalam kes harta Fatima dia menjadi begitu berhati-hati.

Ibn Abi'l-Hadid telah merekodkan di dalam Sharh-e-Nahju'l-Balagha, jilid IV, ms 25, bahawa dia bertanya kepada Ali Ibnu'l-Fariqi, seorang guru di Madrasa Gharbi di Baghdad, sama ada Fatima benar, dan mengatakan yang sebenar mengenai tuntutannya. Dia berkata, 'Ya,' Saya berkata, 'Jika dia benar dan berkata jujur, mengapa khalifa tidak memberikan Fadak bagi pihak dirinya?' Fariqi tersenyum [walaupun dia bukan menyindir] dan berkata bahawa jika Abu Bakr telah menyerahkan Fadak kepada Fatima pada hari itu, dihari esoknya dia akan datang menuntut kedudukan khalifa untuk suaminya. Maka khalifa terpaksa memberikan haknya yang itu juga, oleh kerana dia telah menerima kebenarannya pada kes yang pertama.'

Menurut dari ulama kamu yang terkenal, kedudukan peristiwa amatlah jelas. Mereka telah menerima faktanya dari semenjak hari pertama lagi bahawa Fatima adalah yang benar, tetapi kedudukan politik telah meminta supaya mereka menolak tuntutan hak yang sah dari wanita malang yang tidak berdosa itu.

ABU BAKR MEMBERIKAN HARTA KEPADA JABIR TANPA MEMINTA DIADAKAN SAKSI.

Hafiz: Bilakah khalifa memberikan harta muslim tanpa meminta diadakan saksi?

Shirazi: Apabila Jabir menuntut bahawa nabi telah menjanjikan bahawa dia hendaklah dibayar dari rampasan yang didapati dari Bahrain, dia telah diberikan 1 500 dinar dari baitul-mal tanpa sebarang bantahan atau meminta diadakan saksi darinya.

Hafiz: Pertama, saya belum pernah melihat laporan yang sedemikian. Mungkin ianya di dalam buku kamu. Kedua, bagaiamana kamu boleh mengatakan saksi tidak diminta?

Shirazi: Adalah pelik bahawa kamu tidak pernah melihatnya. Ini laporan dari Jabir Ibn Abdullah Ansari adalah satu-satunya hujah ulama di dalam menyokong pandangan mereka bahawa laporan dari satu orang penyampai yang adil dan benar dari kalangan sahabat adalah diterima.

Menurut, Sheikhu'l-Islam Hafiz Abdu'l-Fazl Ahmad Bin Ali Bin Hajar Asqalani berkata di dalam bukunya Fathu'l-Bari Fi Sharh-e-Sahihu'l-Bukhari: Laporan ini membuktikan bahawa sampaian dari seorang sahabat yang adil adalah diterima walaupun ianya memberikan manfaat kepada dirinya sendiri kerana Abu Bakr tidak meminta saksi dari Jabir di dalam menyokong tuntutannya.

Bukhari merekodkan laporang yang sama dengan lebih mendalam di dalam sahihnya. Di dalam Bab ‘Man Yakfal un mayyit dainan’ dan ‘Kitabu’l-Khuma fi Bab-e-ma Qata’an-nabi mina’l-Bahrain, dia menulis bahawa apabila harta rampasan Bahrain dibawa ke Madina, Abu Bakr mengistiharkan bahawa sesiapa yang telah dijanjikan harta oleh nabi Allah atau sesiapa yang mempunyai tuntutan yang tidak memuaskan hati mereka hendaklah datang menerima hak mereka. Jabir datang dan berkata: ‘Nabi menjanjikan kepada saya bahawa apabila Bahrain ditawan dan dibawah pemerintahan muslim; saya akan diberikan dengan hadiah dari harta itu.'’ Maka dengan itu Abu Bakr memberikan kepadanya 1 500 dinar tanpa meminta sebarang bukti, hanya sekadar diatas dasar tuntutannya sahaja.

Jalalu’d-din Suyuti juga merekodkan kejadian itu di dalam bukunya Ta’rikhu’l-Khulafa di dalam bahagian yang berkenaan dengan khalifa Abu Bakr.

Wahai manusia yang adil: Tolong katakan kepada kami dengan nama Allah adakah ini satu keadilan? Yang pastinya terdapat adanya tindakkan berpihak disini, bagaimana diperbolehkan Abu Bakr menentang ‘ayat pada pembuktian’ dan memberikan wang kepada Jabir diatas dasar tuntutannya seorang sahaja? Selain itu Bukhari di dalam sahihnya dan banyak yang lain lagi dari ulama dan kaum perundangan golongan kamu, menerima pembuktian seorang, dari sahabat yang adil walaupun jika ianya memberikan faedah kepada diri orang perseorangan? Tidakkah Ali seorang individu yang paling sempurna diantara semua para sahabat? Jika kamu mempertimbangkan perkara ini dengan jujur kamu akan mengakui bahawa ini bukan sahaja pada penolakkan keadilan, malah ianya semua adalah kuasa dan penipuan yang terangan-terangan.

Hafiz: Saya fikir Abu Bakr tidak meminta saksi dari Jabir kerana dia adalah seorang sahabat nabi yang rapat. Dia tentunya mendengar nabi berkata: ‘Jika sesiapa memberikan kenyataan yang palsu dari saya, tempat tinggalnya adalah neraka.’ Diberikan amaran yang keras ini, adalah satu bukti yang sahabat rapat yang di didik oleh nabi tidak akan membuat gerakkan yang salah dengan memberikan keterangan palsu dari nabi Allah.

Shirazi: Adakah Jabir lebih rapat kepada nabi dari Ali dan Fatima, siapakah yang telah di didik secara khusus oleh nabi?